D.R. 8 TAHUN 2023

DEWAN RAKYAT PARLIMEN KELIMA BELAS

PENGGAL KEDUA

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PRODUK MEROKOK

DEMI KESIHATAN AWAM 2023

KANDUNGAN

	Muka Surat
● Kandungan	i
● Lampiran	ii
● Glosari	iv
BAHAGIAN I ***PENGENALAN***	
● Jawatankuasa dan Terma Rujukan	1
● Pendekatan Tugas Kerja	3
BAHAGIAN II ***LATAR BELAKANG RANG UNDANG-UNDANG***	
● Latar Belakang Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023	5
BAHAGIAN III ***LIBAT URUS DAN PANDANGAN BERTULIS***	
● Libat Urus dan Pandangan Bertulis	8
BAHAGIAN IV ***ISU-ISU SEMASA PROSIDING JAWATANKUASA***	
● Isu-isu semasa Prosiding Jawatankuasa	12
BAHAGIAN V ***PEMERHATIAN, PENELITIAN DAN SYOR JAWATANKUASA***	
● Pemerhatian, Penelitian dan Syor Jawatankuasa	17
BAHAGIAN VI ***RUMUSAN JAWATANKUASA***	
● Rumusan Jawatankuasa	23
BAHAGIAN VII ***PENGHARGAAN***	
● Penghargaan	26

LAMPIRAN

Lampiran A : Pembentangan Konsep Generasi Penamat Rokok oleh Kementerian Kesihatan Malaysia

Lampiran B : Pembentangan Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 (DR. 25/2023) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia

Lampiran C : Pembentangan Isu Pemilikan dan Had Hukuman oleh Kementerian Kesihatan Malaysia

Lampiran D : Pembentangan Peruntukan Laporan Berkala Mengenai Pelaksanaan Beberapa Aspek Penting Dalam Rang Undang-Undang oleh Kementerian Kesihatan Malaysia

Lampiran E : Pembentangan Penguatkuasaan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan) Peranti Rokok Elektronik 2022 oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

Lampiran F : Pembentangan Penguatkuasaan Produk Merokok bagi Rang Undang-Undang Akta Kawalan Produk Demi Kesihatan Awam 2023 oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Lampiran G : Pembentangan Sesi Libat Urus Kementerian Kesihatan Malaysia bersama Agensi Penguatkuasa

Lampiran H : Pembentangan Menerajui Masa Depan Bebas Asap oleh Philip Morris (Malaysia) Sdn. Bhd.

Lampiran I : Pembentangan cadangan oleh British American Tobacco (Malaysia) Berhad

Lampiran J : Pembentangan cadangan oleh Japan Tobacco International Malaysia

Lampiran K : Pembentangan Perspektif Pragmatik Untuk Menangani Kekusut-masaian Sekitar Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 oleh Majlis Kawalan Tembakau Malaysia

Lampiran L : Pembentangan Pandangan Mengenai Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 oleh Pertubuhan Torasik Malaysia

Lampiran M : Pembentangan Memorandum Kawal Selia *Vape* oleh Malaysia Retail Electronic Cigarette Association, Malaysia E-Vaporizers & Tobacco Alternative Association, Persatuan Peniaga Vape Melayu, Malaysia e-Liquid Brewers Association, Malaysian Vape Industry Advocacy dan Dewan Perniagaan Vape Malaysia

Lampiran N : Pembentangan *Vaping in Malaysia: Consumer Insight & Behaviour* oleh Malaysian Vaper Alliance

Lampiran O : Pembentangan *Tobacco Harm Reduction (THR): Overview, Evidence and Recommendations* oleh Advanced Centre for Addiction Treatment Advocacy

Lampiran P : Pembentangan *Policy Recommendations for Control of Smoking Products for Public Health Bill* oleh Bait Al Amanah

Lampiran Q : Pembentangan Pengurangan Kemudaratan Tembakau oleh Consumer Choice Center

Lampiran R : Laporan Perbincangan Meja Bulat *Future-Proofing Tobacco Control in Malaysia - An Expert Perspective*

Lampiran S : Pembentangan Laporan Perbincangan Meja Bulat Ke Arah Pemerkasaan dan Pemampanan Kawalan Tembakau di Malaysia - Pandangan Pakar

Lampiran T : Pembentangan Cadangan Pindaan Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 Perbincangan Meja Bulat oleh Panel Pakar

Lampiran U : Pembentangan Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia ke atas Keputusan Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan bagi Meneliti Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023

Lampiran V : Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 - Pindaan Dalam Jawatankuasa (bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris)

E-Risalat

- Laporan Prosiding Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan mengenai Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023.

GLOSARI

ACATA	Advanced Centre for Addiction Treatment Advocacy
AGC	Jabatan Peguam Negara
AMM	Akademi Perubatan Malaysia
BAT	British American Tobacco (Malaysia) Berhad
CCC	Consumer Choice Center
DARE	Datametrics Research and Information Centre
FCTC	Framework Convention on Tobacco Control
JTI	Japan Tobacco International Malaysia
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPDN	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
KPKT	Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
MCTC	Majlis Kawalan Tembakau Malaysia
MEBA	Malaysia e-Liquid Brewers Association
MEVTA	Malaysia E-Vaporizers & Tobacco Alternative Association
MMA	Persatuan Perubatan Malaysia
MRECA	Malaysia Retail Electronic Cigarette Association
MTS	Pertubuhan Torasik Malaysia
MVA	Malaysian Vaper Alliance
NGO	Badan-Badan Bukan Kerajaan
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PMI	Philip Morris (Malaysia) Sdn. Bhd.
PPKHT	Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau
PPVM	Persatuan Peniaga Vape Melayu
RUU	Rang Undang-Undang
WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia

BAHAGIAN I

PENGENALAN

Jawatankuasa dan Terma Rujukan

1. Dewan Rakyat pada hari Selasa, 21 Mac 2023 telah meluluskan usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) berkenaan penubuhan 10 Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat (JKPK DR). Salah satu JKPK ialah Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan. (DR.2 Tahun 2023).

2. Terma rujukan yang telah diluluskan adalah seperti berikut:

   (a) Tempoh perkhidmatan Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan (selepas ini dirujuk sebagai "Jawatankuasa") berkuat kuasa mulai tarikh perintah Majlis sehingga tamat tempoh Parlimen ke-15 atau sehingga Jawatankuasa ini dibubarkan mengikut perintah Majlis, mengikut mana yang terdahulu.

   (b) Jawatankuasa ini berfungsi:

      i. Meneliti Rang Undang-Undang (RUU) yang telah dibawa untuk bacaan pertama di Dewan Rakyat berkaitan dengan kesihatan di bawah tanggungjawab Kementerian Kesihatan serta agensi-agensi di bawahnya;

      ii. Meneliti usul, RUU persendirian, petisyen dan laporan yang berkaitan dengan kesihatan di bawah tanggungjawab Kementerian Kesihatan serta agensi-agensi di bawahnya;

      iii. Menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan kesihatan di bawah tanggungjawab Kementerian Kesihatan serta agensi-agensi di bawahnya; dan

      iv. Melaksanakan apa-apa perkara yang diserahkan kepadanya oleh Menteri atau Majlis.

      Apa-apa perkara yang dibincangkan di perenggan (b) tidak boleh melibatkan perkara yang telah, sedang atau akan dibincangkan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

   (c) Kuasa Memanggil

      Peraturan Mesyuarat 83(2) memperuntukkan kuasa kepada Jawatankuasa ini untuk memanggil mana-mana orang termasuklah orang yang mempunyai kepakaran dan kemahiran hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat dari satu masa ke satu

masa bagi maksud melaksanakan segala fungsinya sebagaimana yang dinyatakan dalam Terma Rujukan di atas.

(d) Penyata Jawatankuasa

Peraturan Mesyuarat 86 memperuntukkan supaya Jawatankuasa ini menyiapkan dan membentangkan penyata Jawatankuasa ini yang mengandungi syor-syor yang berkaitan dan penyata Jawatankuasa ini hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat.

(e) Kuasa Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Sekiranya timbul apa-apa perkara berbangkit dalam perjalanan mesyuarat Jawatankuasa ini termasuk perkara berhubung kuasa memanggil orang hadir di hadapan Jawatankuasa ini atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat yang berkaitan, Yang di-Pertua Dewan Rakyat boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkan wajar dari semasa ke semasa dan arahan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tersebut adalah muktamad.

3. Jawatankuasa Pemilih telah membentangkan penyatanya dan mengemukakan senarai Ahli-Ahli JKPK DR pada hari Khamis, 4 April 2023 (DR.3 Tahun 2023). Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan terdiri daripada:

i. Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad
(Ahli Parlimen Kuala Selangor merangkap Pengerusi)

ii. Yang Berhormat Dato' Adnan bin Abu Hassan
(Ahli Parlimen Kuala Pilah)

iii. Yang Berhormat Puan Young Syefura binti Othman
(Ahli Parlimen Bentong)

iv. Yang Berhormat Tuan Oscar Ling Chai Yew
(Ahli Parlimen Sibu)

v. Yang Berhormat Tuan Haji Onn bin Abu Bakar
(Ahli Parlimen Batu Pahat)

vi. Yang Berhormat Tuan Prabakaran a/l M. Parameswaran
(Ahli Parlimen Batu)

vii. Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
(Ahli Parlimen Kuala Langat)

viii. Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Alias bin Razak
(Ahli Parlimen Kuala Nerus)

ix. Yang Berhormat Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi
(Ahli Parlimen Tanjong Karang)

4. Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 telah diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan pada hari Isnin, 12 Jun 2023.

Pendekatan Tugas Kerja

5. Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan telah melantik ex-officio daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk memberikan nasihat kepada ahli-ahli Jawatankuasa.

6. Jawatankuasa ini juga boleh menjemput mana-mana pihak seperti Ahli Parlimen, ahli akademik, badan bukan kerajaan (NGO) dan individu lain untuk hadir dari semasa ke semasa.

7. Jawatankuasa ini telah mengadakan 8 mesyuarat dan satu perbincangan meja bulat bagi membincangkan berkenaan RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 seperti yang berikut:

   (a) Mesyuarat pertama pada hari Selasa, 27 Jun 2023 telah membincangkan terma rujukan prosiding Jawatankuasa dan garis masa prosiding Jawatankuasa berkaitan dengan RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023. Selain itu, mesyuarat turut membincangkan isu-isu berkaitan perkara-perkara dasar yang akan diteliti sepanjang prosiding ini.

   (b) Mesyuarat kedua pada hari Selasa, 11 Julai 2023 telah diadakan bagi mendapatkan pandangan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) berkaitan dengan penguatkuasaan Akta di bawah bidang kuasa Kementerian.

   (c) Mesyuarat ketiga pada hari Rabu, 2 Ogos 2023 telah membincangkan mengenai penguatkuasaan di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM). Selain itu, Jawatankuasa turut mengadakan sesi libat urus bersama pemain industri dan beberapa pertubuhan/persatuan.

   (d) Perbincangan meja bulat telah diadakan pada hari Isnin, 14 Ogos 2023 sehingga hari Khamis, 17 Ogos 2023 bersama pakar-pakar daripada universiti awam dan swasta serta persatuan perubatan bagi membincangkan tiga aspek utama iaitu:

      i. tingkah laku dan denda;

      ii. kawalan produk merokok; dan

      iii. *vape* sebagai rawatan atau strategi pengurangan kemudaratan.

(e) Mesyuarat keempat pada hari Isnin, 21 Ogos 2023 telah diadakan untuk mendapatkan pandangan persatuan/pengusaha *vape* dan pertubuhan/persatuan penyelidikan.

(f) Mesyuarat kelima pada hari Selasa, 29 Ogos 2023 telah diadakan untuk membincangkan dapatan perbincangan meja bulat bersama panel pakar.

(g) Mesyuarat keenam pada hari Isnin, 11 September 2023 telah diadakan bersama panel pakar untuk membincangkan cadangan pindaan RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023.

(h) Mesyuarat ketujuh pada hari Isnin, 18 September 2023 telah diadakan bersama KKM bagi membincangkan dan memuktamadkan perkara-perkara dasar dalam RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023.

(i) Mesyuarat kelapan pada hari Selasa, 3 Oktober 2023 telah diadakan bagi membincangkan dan memuktamadkan Draf Kerja Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 dan draf penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan mengenai Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023.

BAHAGIAN II

LATAR BELAKANG RANG UNDANG-UNDANG

1. Pada hari Isnin, 12 Jun 2023, Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 dibacakan kali yang pertama oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

2. Selepas bacaan pertama, Menteri Kesihatan telah menyerahkan RUU di bawah Peraturan Mesyuarat 54(1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat agar RUU ini dikemukakan untuk pertimbangan JKPK Kesihatan untuk diteliti dengan lebih lanjut berdasarkan penjelasan berikut:

   (a) RUU ini telah mengambil kira syor-syor sebagaimana perbincangan dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang Kawalan Produk Tembakau Dan Merokok 2022 serta pertambahan pindaan terbaharu berkaitan dengan Generasi Penamat Rokok.

   (b) RUU ini telah dibentangkan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri dan mendapatkan persetujuan untuk dibentangkan di Dewan Rakyat;

   (c) Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengadakan sesi libat urus dengan pelbagai pihak seperti Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Ahli-ahli Parlimen, badan profesional dan badan-badan bukan kerajaan; dan

   (d) RUU ini adalah sangat penting dan sokongan tidak berbelah bahagi daripada semua pihak adalah perlu. Oleh itu, KKM mencadangkan RUU ini dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan bagi penelitian lanjut di mana jawatankuasa ini berfungsi sebagai mekanisme semak dan imbang yang akan mengambil kira pandangan daripada semua pihak.

3. Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 4 Tahun 2023 pada hari Selasa, 27 Jun 2023 telah diadakan bagi membincangkan terma rujukan prosiding Jawatankuasa dan garis masa prosiding Jawatankuasa berkaitan dengan RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023, dan isu-isu berkaitan perkara-perkara dasar yang hendak dibincangkan termasuk peruntukan Generasi Penamat Rokok, peruntukan pemilikan dan had hukuman serta Laporan Berkala mengenai pelaksanaan beberapa aspek penting dalam RUU seperti dalam **Lampiran A hingga D**.

4. Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 5 Tahun 2023 pada hari Selasa, 11 Julai 2023 telah memanggil KPDN bagi mendengar taklimat Penguatkuasaan Perintah Perihal Dagangan Peranti Rokok Elektronik 2022. KPDN bertanggungjawab menguatkuasakan penandaan keselamatan logo MS SIRIM Peranti Rokok Elektronik. Selain KPDN, KPKT turut dipanggil untuk memberi penerangan

tentang tahap keupayaan serta kompetensi pegawai-pegawai penguatkuasaan mereka seperti dalam **Lampiran E hingga F**.

5. Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 6 Tahun 2023 pada hari Rabu, 2 Ogos 2023 telah memanggil PDRM bagi membincangkan aspek penguatkuasaan. Jawatankuasa ini mengadakan libat urus bersama pemain industri dan pertubuhan/persatuan seperti dalam **Lampiran G hingga L**.

   (a) Pemain industri:

      i. Philip Morris (Malaysia) Sdn. Bhd. (PMI);

      ii. British American Tobacco (Malaysia) Berhad (BAT); dan

      iii. Japan Tobacco International Malaysia (JTI).

   (b) Pertubuhan/Persatuan:

      i. Majlis Kawalan Tembakau Malaysia (MCTC);

      ii. Pertubuhan Torasik Malaysia (MTS);

      iii. Akademi Perubatan Malaysia (AMM); dan

      iv. Persatuan Perubatan Malaysia (MMA).

6. Perbincangan meja bulat telah diadakan pada hari Isnin, 14 Ogos 2023 sehingga hari Khamis, 17 Ogos 2023 bersama pakar-pakar daripada universiti awam, universiti swasta dan persatuan untuk membincangkan perkara-perkara berkenaan tingkah laku dan denda, kawalan produk merokok, dan *vape* sebagai rawatan atau strategi pengurangan kemudaratan.

   (a) Universiti Awam:

      i. Universiti Malaya;

      ii. Universiti Malaysia Sabah;

      iii. Universiti Sultan Zainal Abidin;

      iv. Universiti Islam Antarabangsa;

      v. Universiti Kebangsaan Malaysia;

      vi. Universiti Teknologi Malaysia;

      vii. Universiti Sains Islam Malaysia; dan

      viii. Pusat Racun Negara, Universiti Sains Malaysia.

   (b) Universiti Swasta dan Persatuan:

      i. Sunway University;

      ii. Taylor’s University; dan

      iii. National Cancer Society of Malaysia.

7. Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 7 Tahun 2023 pada hari Isnin, 21 Ogos 2023 telah diadakan bagi mendapatkan pandangan daripada persatuan/pengusaha *vape* dan pertubuhan/persatuan penyelidikan seperti dalam **Lampiran M hingga Q**.

(a) Persatuan/Pengusaha *Vape*:

i. Malaysia Retail Electronic Cigarette Association (MRECA);

ii. Malaysia E-Vaporizers & Tobacco Alternative Association (MEVTA);

iii. Malaysia e-Liquid Brewers Association (MEBA);

iv. Persatuan Peniaga Vape Melayu (PPVM);

v. Malaysian Vaper Alliance (MVA); dan

vi. Malaysia Singapore Coffee Shop Proprietors' General Association.

(b) Pertubuhan/Persatuan Penyelidikan:

i. Advanced Centre for Addiction Treatment Advocacy (ACATA);

ii. Datametrics Research and Information Centre (DARE);

iii. Bait Al Amanah; dan

iv. Consumer Choice Center (CCC).

8. Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 8 Tahun 2023 pada hari Selasa, 29 Ogos 2023 telah diadakan bagi membincangkan dapatan daripada perbincangan meja bulat seperti dalam **Lampiran R hingga S**.

9. Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 9 Tahun 2023 pada hari Isnin, 11 September 2023 telah diadakan bersama panel pakar untuk membincangkan cadangan pindaan RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 seperti dalam **Lampiran T**.

10. Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 10 Tahun 2023 pada hari Isnin, 18 September 2023 telah diadakan bagi membincangkan dan memuktamadkan perkara-perkara dasar dalam RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 seperti dalam **Lampiran U**.

11. Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 11 Tahun 2023 pada hari Selasa, 3 Oktober 2023 telah diadakan bagi meneliti dan memuktamadkan draf pindaan Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 seperti dalam **Lampiran V** dan draf penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan mengenai Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023.

BAHAGIAN III

LIBAT URUS DAN PANDANGAN BERTULIS

Ringkasan cadangan dan pandangan bertulis daripada kementerian, agensi, pemain-pemain industri, badan-badan bukan kerajaan, persatuan-persatuan profesional kepada Jawatankuasa Kuasa Pilihan Khas Kesihatan terhadap RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 adalah seperti berikut:

A. KEMENTERIAN DAN AGENSI

1. KPDN memaklumkan bahawa:

    i. KPDN menguatkuasakan penandaan keselamatan logo MS SIRIM Peranti Rokok Elektronik dihasilkan dalam negara atau diimport berdasarkan standard MS 2716; dan

    ii. KPDN telah melaksanakan penguatkuasaan secara berhemah bagi membolehkan pihak industri membuat persediaan dan mengemukakan permohonan pensijilan kepada pihak SIRIM.

2. KPKT memaklumkan bahawa:

    i. KPKT tiada punca kuasa untuk mengarahkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menguatkuasakan RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023;

    ii. pelaksanaan larangan penjualan rokok elektronik atau *vape* adalah berbeza-beza mengikut PBT. Walau bagaimanapun, langkah untuk tidak mengeluarkan lesen bagi perniagaan *vape* ini merupakan satu langkah kawalan pentadbiran melalui surat arahan kerajaan negeri ataupun garis panduan;

    iii. pada masa sekarang, PBT tidak mengeluarkan lesen bagi kedai yang menjual khasnya *vape* sahaja. Namun demikian, PBT menghadapi masalah peniaga yang memohon lesen bagi penjualan produk elektronik tetapi turut menjual peralatan *vape*; dan

    iv. sesetengah PBT terlibat dalam operasi bersama Pejabat Kesihatan Daerah bagi penguatkuasaan tempat larangan merokok, namun tumpuan penguatkuasaan PBT hanyalah kepada aspek pelesenan premis perniagaan yang terlibat.

3. PDRM berpandangan bahawa;

    i. Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 perlu diwartakan;

ii. Operasi Bersepadu sebagaimana yang dipersetujui bersama pihak KKM sebelum ini akan diteruskan melalui Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti; dan

iii. penurunan kuasa juga dipersetujui, walau bagaimanapun, ia perlu disertakan dengan garis panduan.

B. PEMAIN INDUSTRI

4. PMI berpendapat bahawa:

i. pengklasifikasian peranti rokok elektronik dalam RUU ini akan menjadi penghalang utama kepada pelaburan asing sedia ada dan akan datang, dalam sektor elektrik dan elektronik, terutamanya di Johor. Pembuatan peranti rokok elektronik ialah sub-sektor yang berkembang dan khusus dalam industri elektrik dan elektronik;

ii. peranti rokok elektronik boleh dikawal secara berasingan daripada RUU ini melalui undang-undang/peraturan keselamatan teknikal dan pengguna sedia ada termasuk pematuhan piawaian *International Electrotechnical Commission*; dan

iii. Kerajaan perlu menguatkuasakan secara ketat undang-undang semasa untuk mengurangkan perdagangan tidak sah dan ketidakpatuhan kepada PPKHT 2004. Selain itu, Kerajaan perlu meningkatkan kawalan pengesahan umur dan langkah pencegahan akses terhadap belia.

5. BAT berpendapat bahawa:

i. pendekatan pengurangan kemudaratan tembakau adalah penting dalam penggubalan dasar untuk mengurangkan kelaziman merokok berdasarkan kepada kajian yang lepas yang menunjukkan bahawa *vape* mempunyai potensi pengurangan kemudaratan (*harm reduction)*;

ii. model pendekatan pengurangan kemudaratan tembakau telah terbukti berjaya di negara lain. Malaysia turut menunjukkan kemajuan dengan pendekatan ini berdasarkan kepada hasil dapatan penyelidikan di Malaysia; dan

iii. dengan adanya undang-undang yang betul untuk menggalakkan perokok beralih kepada produk merokok yang kurang berisiko, Malaysia boleh mencapai prevalen merokok kurang daripada lima peratus pada tahun 2040.

6. JTI berpendapat bahawa:

   i. Kerajaan harus menjalankan perundingan dan analisis lanjut mengenai kesesuaian cadangan Generasi Penamat Rokok di Malaysia; dan

   ii. kawalan produk rokok elektronik dan cecair rokok elektronik bernikotin boleh dilaksanakan melalui PPKHT 2004 tanpa memerlukan undang-undang baharu.

C. PERTUBUHAN/PERSATUAN

7. MCTC berpendapat bahawa:

   i. pelaksanaan undang-undang kawalan produk merokok bersama persekitaran yang kondusif akan dapat mencapai satu perubahan sosial yang diperlukan bagi mengamalkan tabiat atau sikap yang baik dan positif untuk mencapai negara yang bebas daripada amalan merokok; dan

   ii. pelaksanaan larangan merokok amatlah penting untuk menjadikan budaya merokok tidak normal (*denormalised*).

8. AMM berpendapat bahawa:

   i. RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 bersama peruntukan Generasi Penamat Rokok adalah penting dan perlu diluluskan segera. Namun, KKM boleh memperhalusi semula hukuman denda kepada Generasi Penamat Rokok; dan

   ii. Kerajaan perlu serius dalam menjalankan usaha-usaha penguatkuasaan ke atas penjual rokok seperti mengenakan denda yang tinggi dan hukuman penjara yang setimpal.

9. MMA berpendapat bahawa:

   i. RUU ini perlu diluluskan segera bagi mengatasi isu kelompangan undang-undang terhadap kawal selia rokok elektronik atau *vape*; dan

   ii. hukuman yang dikenakan kepada golongan Generasi Penamat Rokok mestilah tidak bersifat punitif dan boleh membantu merawat ketagihan merokok mereka. Oleh itu, MMA mencadangkan hanya mengenakan Perintah Khidmat Masyarakat terhadap golongan ini.

10. MTS berpendapat bahawa masalah penggunaan rokok elektronik atau *vape* dalam kalangan masyarakat terutama kanak-kanak dan remaja serta penyakit yang telah dikesan akibat penggunaan rokok elektronik atau *vape*. Oleh itu, MTS amat mengharapkan RUU ini diluluskan segera bagi mengekang masalah penggunaan produk tersebut.

D. PERSATUAN/PENGUSAHA *VAPE*

11. MRECA menyatakan bahawa:

    i. terdapat pakar-pakar kesihatan yang menyokong ke arah konsep pengurangan kemudaratan; dan

    ii. penggubal dasar perlu memberi peluang kepada *vape* untuk diletakkan di bawah pengurangan kemudaratan terlebih dahulu.

12. MVA telah membentangkan berkaitan *vaping* di Malaysia bertajuk *Vaping in Malaysia: Consumer Insights and Behaviour*.

13. Malaysia Singapore Coffee Shop Proprietors' General Association berpandangan bahawa:

    i. hasil pendapatan daripada jualan rokok hanya 23 peratus daripada jumlah pendapatan keseluruhan tetapi ini masih dalam fasa pemulihan daripada kehilangan sewaktu pandemik COVID-19; dan

    ii. walaupun sejak 10 tahun hingga 15 tahun kebelakangan ini, pendapatan rokok yang sah menurun kerana rokok haram dibawa masuk ke Malaysia.

E. PERTUBUHAN/PERSATUAN PENYELIDIKAN

14. ACATA berpandangan bahawa:

    i. strategi pengurangan kemudaratan berkesan dalam menangani ketagihan nikotin seperti di luar negara; dan

    ii. strategi alternatif untuk mengurangkan atau menghapuskan penggunaan tembakau konvensional boleh dicapai dengan menukar kepada alternatif produk lain yang tidak terbakar yang dikatakan kurang berbahaya seperti produk *vape*.

15. Bait Al Amanah berpandangan bahawa pelaksanaan Generasi Penamat Rokok di Malaysia harus mencontohi model yang digunakan di New Zealand kerana produk *vape* kurang berbahaya daripada rokok konvensional.

16. CCC berpandangan bahawa peraturan pintar perlu diperkenalkan untuk menguatkuasakan sekatan umur kepada bawah 18 tahun dengan menggunakan teknologi pengesahan umur moden bagi penjualan dalam talian untuk peranti *vape* dan cecair.

BAHAGIAN IV

ISU-ISU SEMASA PROSIDING JAWATANKUASA

Setelah mendengar cadangan dan pandangan Ahli-Ahli Jawatankuasa, pegawai kanan Jabatan Peguam Negara (AGC), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), kementerian dan agensi penguatkuasaan terlibat, pakar-pakar, badan bukan kerajaan, badan profesional serta pihak industri, isu-isu yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

A. KAWALAN PRODUK YANG MERANGKUMI ASPEK PERMINTAAN DAN BEKALAN PRODUK MEROKOK

1. Terdapat pandangan berkaitan keperluan peraturan yang sama bagi rokok konvensional dan rokok elektronik atau *vape* seperti keperluan pendaftaran untuk memastikan ujian piawaian dan pengesahan produk tersebut dipatuhi.

2. Terdapat pandangan bahawa kawalan produk rokok elektronik atau *vape* boleh dilaksanakan di bawah peraturan sedia ada iaitu PPKHT 2004 tanpa memerlukan undang-undang baharu.

3. Terdapat pandangan berkaitan larangan pengiklanan, promosi dan tajaan bagi semua produk merokok termasuk rokok elektronik atau *vape* adalah perlu dan selaras dengan artikel di bawah World Health Organization Framework Convention on Tobacco Control (WHO FCTC).

4. Terdapat pandangan berkaitan penjualan dan pameran sebarang produk merokok perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan bagi pembungkusan dan pelabelan serta memastikan produk merokok baharu turut dikawal selia seperti mana produk merokok konvensional.

5. Terdapat pandangan berkaitan larangan penjualan produk merokok kepada orang yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya yang mana peruntukan ini adalah penting untuk pelaksanaan Generasi Penamat Rokok.

6. Terdapat pandangan berkaitan larangan pembelian produk merokok oleh golongan Generasi Penamat Rokok dan denda dikekalkan ke atas kesalahan ini.

7. Terdapat pandangan bahawa harga jualan runcit atau harga minimum untuk mana-mana produk merokok harus ditetapkan dengan mengambil kira bahawa harga juga merupakan mekanisme kawalan di bawah WHO FCTC yang bertujuan untuk mengurangkan kebolehdapatan produk merokok. Pihak berkuasa juga harus mempunyai pengawasan undang-undang ke atas harga

produk merokok supaya tiada promosi secara tidak langsung boleh dilakukan oleh mana-mana pengilang atau pengimport.

8. Terdapat cadangan bahawa dalam memastikan penetapan harga, usaha harus dijalankan untuk menyelaras margin cukai untuk semua produk merokok.

9. Terdapat cadangan berkaitan cukai untuk 2 ml cecair rokok elektronik perlu sama dengan satu pek 20 batang rokok konvensional yang mengandungi jumlah nikotin yang sama.

10. Terdapat cadangan berkaitan peraturan pembungkusan dan pelabelan yang seharusnya dapat melindungi kanak-kanak (*child-resistant packaging*) dan pembungkusan biasa (*plain packaging*).

11. Terdapat cadangan berkaitan pelabelan hendaklah mengandungi senarai lengkap bahan-bahan yang digunakan dalam produk, kepekatan nikotin dan isipadu cecair rokok elektronik serta amaran kesihatan bergambar. Pelabelan perlu dalam bahasa tempatan, dengan saiz dan huruf yang ditetapkan, piktogram, nombor kelompok, tarikh luput, dan sekatan umur serta memenuhi keperluan pelabelan amaran.

12. Terdapat pandangan berkaitan keperluan mendapatkan maklumat terkini yang komprehensif bagi produk merokok apabila terdapat bukti kajian terkini, kemunculan produk merokok baru di pasaran, atau terjadinya kejadian situasi akut, keracunan besar-besaran dan kematian. Ini penting agar kawal selia segera dapat dijalankan oleh pihak berkuasa.

13. Terdapat cadangan bahawa kawalan peranti rokok elektronik dikeluarkan daripada RUU ini kerana sudah memadai dengan hanya mematuhi standard keselamatan sedia ada.

14. Terdapat cadangan supaya kaedah pelupusan peranti rokok elektronik atau *vape* diperhalusi.

15. Terdapat cadangan supaya hukuman yang lebih berat dikenakan ke atas pertubuhan perbadanan yang melanggar peraturan berkaitan pendaftaran, pengiklanan, promosi atau tajaan, penjualan, pemberian sebagai hadiah, harga jualan, pembungkusan dan pelabelan, tanggungjawab pengilang, pengimport atau pengedar, dan situasi akut atau kritikal, seperti yang termaktub di bawah fasal 3, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 22 dan 23. Denda yang dicadangkan adalah seperti berikut:

    (a) Bagi kesalahan pertama, denda tidak kurang daripada RM50,000 dan tidak melebihi RM200,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan

(b) Bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, denda tidak kurang daripada RM100,000 dan tidak melebihi RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

B. ASPEK TINGKAH LAKU - PERUNTUKAN BERKAITAN LARANGAN MEROKOK PRODUK TEMBAKAU DAN PRODUK PENGGANTI TEMBAKAU BAGI ORANG YANG LAHIR PADA 1 JANUARI 2007 DAN SETERUSNYA

16. Terdapat pandangan agar peruntukan Generasi Penamat Rokok kekal dilaksanakan dengan meningkatkan pengukuhan kawalan produk merokok serta meluaskan kawasan larangan merokok yang diwartakan.

17. Terdapat pandangan berkenaan kepentingan peluasan kawasan larangan merokok sebagai usaha untuk tidak menggalakkan tingkah laku merokok kepada orang ramai, selaras dengan saranan di bawah artikel WHO FCTC. Larangan tersebut meliputi penggunaan mana-mana produk merokok termasuk rokok konvensional dan rokok elektronik atau *vape* di kawasan larangan merokok. Semua individu perlu didenda atas kesalahan tersebut, termasuklah golongan Generasi Penamat Rokok.

18. Terdapat cadangan untuk menggugurkan fasal 18 dan 19, iaitu berkaitan kesalahan merokok bagi Generasi Penamat Rokok dan hukuman bagi kesalahan tersebut memandangkan penggunaan produk merokok adalah satu bentuk masalah ketagihan nikotin di mana pengguna perlu diberikan peluang untuk menjalani rawatan sehingga berhenti sepenuhnya. Rawatan berhenti merokok dicadangkan untuk dilakukan secara pentadbiran oleh KKM dan agensi lain.

C. PENGURUSAN KLINIKAL PENGGUNAAN TEMBAKAU DAN NIKOTIN

19. Terdapat pandangan bahawa semua pemegang taruh mesti mengenal pasti bahawa nikotin adalah bahan yang menyebabkan ketagihan dan boleh menjejaskan kesihatan manusia.

20. Terdapat pandangan bahawa pengamal perubatan dan kesihatan perlu memahami bahawa merokok dan menghisap *vape* merupakan satu bentuk ketagihan atau kebergantungan kepada nikotin. Satu anjakan paradigma adalah perlu di mana rawatan penggunaan tembakau melalui perkhidmatan berhenti merokok perlu beralih kepada rawatan ketagihan nikotin.

21. Terdapat pandangan berkaitan keperluan penyelidikan klinikal dalam rawatan ketagihan nikotin yang akan menggunakan pendekatan secara holistik dalam

mengenal pasti strategi yang berkesan bagi pengurusan rawatan ketagihan nikotin kepada pengguna.

22. Terdapat cadangan supaya Garis Panduan Amalan Klinikal di Malaysia diperluaskan untuk meliputi aspek rawatan ketagihan nikotin dan bukan hanya memberi tumpuan kepada rawatan berhenti merokok tembakau berdasarkan bukti-bukti terkini yang berkualiti tinggi.

23. Terdapat pandangan berkaitan keperluan rawatan berstruktur bagi masalah ketagihan nikotin dengan mengambil kira tahap kebergantungan berdasarkan kajian keberkesanan daripada penyelidikan klinikal yang dijalankan di Malaysia.

24. Terdapat pandangan berkaitan rawatan ketagihan nikotin yang merangkumi terapi farmakologi seperti terapi gantian nikotin (NRT) atau bukan nikotin, yang digunakan secara berasingan atau dengan kombinasi serta terapi bukan farmakologi.

25. Terdapat pandangan bahawa telah wujud pelbagai kaedah sedia ada bagi rawatan ketagihan nikotin merangkumi rawatan farmakologi yang menggunakan ubatan seperti terapi gantian nikotin (NRT) dan rawatan bukan farmakologi iaitu intervensi tingkah laku. Penggunaan rokok elektronik atau *vape* sebagai kaedah berhenti merokok adalah langkah terakhir sekiranya semua kaedah-kaedah sedia ada telah terbukti tidak berkesan dan mestilah berpandukan dengan bukti-bukti semasa yang menyokong perkara tersebut.

26. Terdapat pandangan untuk KKM menyediakan perkhidmatan berhenti merokok yang lebih berkesan melalui peluasan perkhidmatan berhenti merokok di seluruh negara, mengemaskini garis panduan amalan klinikal, meningkatkan latihan penyedia perkhidmatan berhenti merokok dan memperkukuh talian berhenti merokok kebangsaan.

27. Terdapat pandangan bahawa, berdasarkan prinsip pengurangan kemudaratan, penggunaan rokok elektronik atau *vape* bagi rawatan ketagihan nikotin haruslah menggunakan mekanisme *"stepdown*" iaitu peralihan daripada rokok konvensional kepada rokok elektronik atau *vape* di bawah pemantauan pakar perubatan berdasarkan bukti-bukti keberkesanan sedia ada.

28. Terdapat pandangan bahawa rokok elektronik atau *vape* tidak sepatutnya didedahkan kepada golongan yang tidak pernah merokok hanya kerana produk-produk tersebut dianggap selamat untuk digunakan.

29. Terdapat pandangan berkaitan keperluan bagi individu yang mempunyai masalah ketagihan nikotin untuk mengelakkan penggunaan kedua-dua rokok konvensional dan rokok elektronik atau *vape* pada masa yang sama (*dual user*) kerana ini adalah lebih berbahaya.

30. Terdapat cadangan supaya rokok elektronik atau *vape* dibenarkan untuk dipromosikan sebagai kaedah pengurangan kemudaratan atau berhenti merokok.

D. PERKARA-PERKARA LAIN YANG DICADANGKAN

31. Terdapat cadangan Ahli Jawatankuasa untuk memperluas tafsiran bahan merokok dan tidak mengehadkan kepada bahan atau secara gabungan bahan yang mengandungi *propylene glycol, glycerol* atau *triethylene glycol* sahaja kerana dikhuatiri akan ada produk baharu yang tidak menggunakan bahan-bahan tersebut pada masa hadapan.

32. Terdapat pandangan bahawa fasal-fasal lain selain daripada fasal-fasal yang dipinda Jawatankuasa dalam **Lampiran V** diterima tanpa pindaan.

33. Terdapat pandangan bahawa keperluan penurunan kuasa bagi menjalankan penguatkuasaan di bawah RUU ini perlu disertakan dengan garis panduan.

BAHAGIAN V

PEMERHATIAN, PENELITIAN DAN SYOR JAWATANKUASA

Setelah mengkaji dan meneliti isu-isu yang dibangkitkan semasa Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa, maka Jawatankuasa mengemukakan penemuan-penemuan dan syor-syor seperti berikut:

A. KAWALAN YANG MERANGKUMI ASPEK PERMINTAAN DAN BEKALAN PRODUK MEROKOK

1. Jawatankuasa mengambil maklum pembentangan daripada KKM berkaitan keperluan mewujudkan satu Akta baharu bagi kawalan produk merokok termasuk rokok elektronik atau *vape*. Ini kerana peraturan-peraturan sedia ada tidak mampu untuk mengawal selia produk merokok secara komprehensif terutama apabila melibatkan kawalan terhadap rokok elektronik atau *vape*. Selain itu, RUU yang dirangka ini lebih menyeluruh dalam usaha mencapai status negara bebas daripada sebarang bentuk amalan merokok pada tahun 2040.

2. Jawatankuasa mengambil maklum keterangan daripada KKM berkaitan larangan dan kawalan yang telah dimasukkan di bawah RUU ini seperti:

   (a) Larangan pengiklanan, promosi dan tajaan semua produk merokok termasuk rokok elektronik atau *vape*;

   (b) Kawalan pembungkusan, pelabelan dan harga jualan runcit; dan

   (c) Larangan penjualan dan pembelian produk merokok bagi golongan Generasi Penamat Rokok.

3. Jawatankuasa mengambil maklum keperluan untuk memperinci dengan lebih lanjut kawal selia produk merokok seperti mekanisme pendaftaran, pembungkusan, pelabelan dan penjualan. KKM memaklumkan bahawa perkara ini akan diperincikan lebih lanjut dalam peraturan yang akan diwujudkan di bawah RUU ini.

4. Jawatankuasa mengambil maklum pembentangan daripada KPDN berkaitan kawalan terhadap peranti rokok elektronik di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Peranti Rokok Elektronik) 2022 di bawah Akta Perihal Dagangan 2011. Jawatankuasa turut mengambil maklum bahawa sehingga kini, KPDN melaksanakan penguatkuasaan berhemah bagi penandaan keselamatan logo MS SIRIM peranti rokok elektronik dan masih tiada kaedah pelupusan peranti ditetapkan.

5. Jawatankuasa mengambil maklum keterangan KKM dan KPDN bahawa aspek kawalan peranti di bawah KKM dan KPDN adalah berbeza dan tidak bertindih. KPDN mengawal selia aspek keselamatan peranti manakala KKM mengawal selia aspek pengiklanan, promosi dan penajaan peranti.

6. **Jawatankuasa bersetuju bahawa RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 ini adalah perlu bagi mengawal selia semua jenis produk merokok termasuk rokok elektronik atau *vape*.**

7. **Jawatankuasa bersetuju bahawa hukuman denda yang lebih berat perlu dikenakan ke atas pertubuhan perbadanan yang melanggar peraturan berkaitan pendaftaran, pengiklanan, promosi atau tajaan, penjualan, pemberian sebagai hadiah, harga jualan, pembungkusan dan pelabelan, tanggungjawab pengilang, pengimport atau pengedar, dan situasi akut atau kritikal, seperti yang termaktub di bawah fasal 3, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 22 dan 23.**

B. ASPEK TINGKAH LAKU - PERUNTUKAN BERKAITAN LARANGAN MEROKOK PRODUK TEMBAKAU DAN PRODUK PENGGANTI TEMBAKAU BAGI ORANG YANG LAHIR PADA 1 JANUARI 2007 DAN SETERUSNYA

8. Jawatankuasa mengambil maklum dengan keterangan KKM mengenai keperluan pelaksanaan peruntukan Generasi Penamat Rokok yang bertujuan untuk melindungi generasi masa hadapan daripada ancaman bahaya produk merokok, mengurangkan prevalen penyakit akibat komplikasi merokok dan seterusnya mengurangkan beban kos rawatan yang ditanggung oleh kerajaan.

9. Jawatankuasa mengambil maklum pembentangan KKM agar peruntukan kesalahan terhadap Generasi Penamat Rokok di bawah fasal 18 dan 19 dikekalkan berdasarkan justifikasi berikut:

   (a) Persepsi negatif masyarakat terhadap kelonggaran undang-undang bagi Generasi Penamat Rokok.

   (b) Kesalahan yang dilakukan oleh Generasi Penamat Rokok merupakan kesalahan tidak boleh tangkap (*non seizable offence*) dan dikategorikan sebagai kes saman (*summons case*). Oleh itu, kesalahan ini tidak direkodkan sebagai satu kesalahan jenayah.

   (c) Sekiranya fasal 18 dan 19 digugurkan, merokok sudah tidak menjadi satu kesalahan. Oleh itu, tiada punca kuasa untuk KKM mengarahkan golongan ini menjalani rawatan dan jika tidak hadir untuk mendapatkan rawatan, tiada apa-apa penalti boleh dikenakan kepada mereka.

(d) Selain itu, Pegawai Diberi Kuasa menghadapi kesukaran pembuktian kesalahan penjualan dan pembelian oleh golongan Generasi Penamat Rokok memandangkan merokok sudah tidak menjadi suatu kesalahan.

(e) Selanjutnya, merujuk kepada New Zealand, walaupun kesalahan kepada pengguna tidak dikuatkuasakan, kawalan yang lebih ketat bagi pengimportan, pengilangan dan penjualan produk merokok serta larangan promosi dan tajaan produk merokok telah dilaksanakan.

(f) Tambahan, masa yang panjang diperlukan untuk meneliti pindaan yang dicadangkan kerana ia merupakan perubahan dasar yang besar.

(g) Menyebabkan kelompangan (*lacuna*) bagi tempoh masa yang lama untuk perundangan kawal selia rokok elektronik atau *vape* disediakan dan menyebabkan penjualan berleluasa.

10. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan balas KKM sekiranya kesalahan fasal 18 dan 19 dikekalkan, hukuman denda RM500 diturunkan kepada RM250 dan mengekalkan hukuman perintah khidmat masyarakat.

11. Jawatankuasa mengambil maklum penangguhan tarikh kuatkuasa fasal 18 dan 19 kepada satu tempoh masa yang tertentu atau sehingga laporan berkala dibentangkan, melalui kuasa Menteri untuk menetapkan permulaan kuatkuasa peruntukan berkaitan.

12. **Jawatankuasa bersetuju dengan pelaksanaan peruntukan Generasi Penamat Rokok dikekalkan di bawah Rang Undang-Undang ini.**

13. **Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan untuk mengekalkan peruntukan kesalahan fasal 18 dan 19. Walau bagaimanapun tarikh kuatkuasa kedua-dua fasal ini ditangguhkan kepada satu tempoh masa yang tertentu atau sehingga laporan berkala dibentangkan di bawah fasal 56, melalui kuasa Menteri untuk menetapkan permulaan kuatkuasa peruntukan berkaitan di bawah fasal 1(2). Sehingga itu, pelaksanaan secara pendidikan akan diteruskan.**

14. **Jawatankuasa bersetuju bagi hukuman denda di bawah fasal 18 dan 19 diturunkan daripada RM500 kepada RM250.**

C. PENGURUSAN KLINIKAL PENGGUNAAN TEMBAKAU DAN NIKOTIN

15. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa nikotin adalah bahan yang menyebabkan ketagihan dan boleh menjejaskan kesihatan.

16. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa KKM telah melaksanakan program perkhidmatan berhenti merokok yang meliputi terapi farmakologi dan bukan

farmakologi seperti yang digariskan dalam *Clinical Practice Guidelines Treatment of Tobacco Use Disorder* 2016.

17. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa perkhidmatan berhenti merokok telah pun disediakan di kebanyakan fasiliti kesihatan kerajaan dan fasiliti kesihatan swasta melalui kerjasama *mQuit services* yang telah pun masuk ke tahun kelapan pelaksanaannya.

18. Jawatankuasa mengambil maklum pembentangan KKM untuk memperkukuh dan memperluas program perkhidmatan berhenti merokok sedia ada melalui kerjasama dengan pelbagai agensi. Perkhidmatan berhenti merokok ini juga disediakan secara atas talian menerusi inisiatif JomQuit.com bagi memudahkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan tersebut.

19. Jawatankuasa mengambil maklum keterangan pakar jika rokok elektronik atau *vape* hendak digunakan sebagai salah satu kaedah rawatan berhenti merokok, maka ia perlu mendapat kelulusan agensi bertanggungjawab serta mempunyai dokumen-dokumen sokongan berkaitan seperti keselamatan, keberkesanan, kesan sampingan dan tatacara penggunaan.

20. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa, keperluan untuk larangan pengiklanan dan promosi produk merokok sebagai satu produk berhenti merokok di bawah fasal 7 dan 9 berdasarkan tiada kajian yang membuktikan bahawa produk merokok seperti rokok elektronik atau *vape* berkesan untuk membantu berhenti merokok sepenuhnya.

21. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa pendekatan konsep pengurangan kemudaratan (*harm reduction*) adalah kepada golongan yang sudah terjebak dengan aktiviti merokok dan tidak sepatutnya digunakan oleh golongan yang tidak pernah merokok.

22. **Jawatankuasa bersetuju supaya KKM meneliti syor penggunaan rokok elektronik atau *vape* digunakan sebagai salah satu kaedah rawatan berhenti merokok dan perlu mendapat kelulusan agensi bertanggungjawab serta mempunyai dokumen-dokumen sokongan berkaitan seperti keselamatan, keberkesanan, kesan sampingan dan tatacara penggunaan.**

D. PERKARA-PERKARA LAIN YANG DICADANGKAN

23. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa tafsiran bahan merokok digubal berdasarkan keperluan pembuktian bahan merokok adalah berasaskan sebatian kimia itu yang pada masa ini adalah *propylene glycol, glycerol* atau *triethylene glycol.* Sekiranya terdapat produk baharu yang mengguna pakai

bahan selain yang dinyatakan di atas, maka pindaan kepada tafsiran bahan merokok boleh dibuat pada waktu tersebut.

24. Jawatankuasa mengambil maklum keterangan KKM bahawa garis panduan penurunan kuasa telah diwujudkan di bawah Akta Makanan 1983, namun akan dikemaskini berdasarkan RUU ini apabila diluluskan bagi memudahkan prosedur penurunan kuasa untuk menjalankan penguatkuasaan di bawah RUU ini.

25. **Jawatankuasa bersetuju berkaitan dengan tafsiran bahan merokok sedia ada di bawah RUU ini.**

26. **Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan KKM untuk mengemaskini garis panduan penurunan kuasa berdasarkan RUU ini apabila diluluskan kelak.**

27. **Jawatankuasa bersetuju supaya fasal-fasal lain selain daripada fasal-fasal yang dipinda Jawatankuasa dalam Lampiran V diterima tanpa pindaan.**

E. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PERUNTUKAN-PERUNTUKAN RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2023

28. **Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan agar Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 - Pindaan dalam Jawatankuasa sebagaimana dalam Lampiran V diperkenankan.**

29. **Jawatankuasa bersetuju dengan huraian bagi Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 - Pindaan dalam Jawatankuasa seperti berikut:**

    i. Perenggan 1 hingga 11 bertujuan untuk meminda fasal 3, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15 dan 16 Rang Undang-Undang, masing-masing untuk menaikkan amaun denda yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah terhadap pertubuhan perbadanan yang melakukan apa-apa kesalahan di bawah fasal tersebut.

    ii. Perenggan 12 dan 13 bertujuan untuk meminda subfasal 18(2) dan 19(2) Rang Undang-Undang, masing-masing untuk mengurangkan amaun denda yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah terhadap individu yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya, yang disabitkan bagi kesalahan merokok produk tembakau atau produk pengganti tembakau, atau menggunakan apa-apa peranti merokok dengan apa-apa bahan merokok.

    iii. Perenggan 14 bertujuan untuk meminda perenggan 22(2)(b) Rang Undang-Undang untuk menaikkan amaun denda dan tempoh

pemenjaraan yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah terhadap pertubuhan perbadanan yang gagal untuk menzahirkan maklumat berhubungan dengan pengilangan, pengimportan atau pengedaran produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau atau peranti merokok apabila diminta di bawah fasal 22 Rang Undang-Undang.

iv. Perenggan 15 bertujuan untuk meminda perenggan 23(3)(b) Rang Undang-Undang untuk menaikkan amaun denda yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah terhadap pertubuhan perbadanan yang gagal untuk mematuhi perintah Menteri yang dibuat di bawah subfasal 23(2) Rang Undang-Undang bagi situasi akut atau kritikal.

v. Perenggan 16 bertujuan untuk meminda subfasal 56(1) Rang Undang-Undang berhubung dengan tempoh untuk Ketua Pengarah mengemukakan laporan kali pertama kepada Menteri mengenai keberkesanan larangan penjualan produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau atau peranti merokok, larangan merokok produk tembakau atau produk pengganti tembakau dan larangan penggunaan peranti merokok.

vi. Perenggan 17 bertujuan untuk meminda fasal 57 Rang Undang-Undang berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada fasal 13 dan 18 Rang Undang-Undang, masing-masing berhubung dengan hukuman bagi kesalahan membeli atau merokok apa-apa produk tembakau bagi mana-mana orang yang lahir sebelum 1 Januari 2007 yang masih belum mencapai umur lapan belas tahun pada tarikh permulaan kuat kuasa peruntukan ini.

30. **Jawatankuasa mengesyorkan supaya tindakan sewajarnya diambil terhadap kesemua syor yang telah dikemukakan.**

BAHAGIAN VI

RUMUSAN JAWATANKUASA

Berdasarkan isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan yang meneliti Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023, Jawatankuasa bersetuju mengemukakan syor-syor yang terkandung dalam Laporan ini.

1. Jawatankuasa bersetuju bahawa RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 ini adalah perlu bagi mengawal selia semua jenis produk merokok termasuk rokok elektronik atau *vape*.

2. Jawatankuasa bersetuju bahawa hukuman denda yang lebih berat perlu dikenakan ke atas pertubuhan perbadanan yang melanggar peraturan berkaitan pendaftaran, pengiklanan, promosi atau tajaan, penjualan, pemberian sebagai hadiah, harga jualan, pembungkusan dan pelabelan, tanggungjawab pengilang, pengimport atau pengedar, dan situasi akut atau kritikal, seperti yang termaktub di bawah fasal 3, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 22 dan 23.

3. Jawatankuasa bersetuju dengan pelaksanaan peruntukan Generasi Penamat Rokok dikekalkan di bawah Rang Undang-Undang ini.

4. Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan untuk mengekalkan peruntukan kesalahan fasal 18 dan 19. Walau bagaimanapun tarikh kuatkuasa kedua-dua fasal ini ditangguhkan kepada satu tempoh masa yang tertentu atau sehingga laporan berkala dibentangkan di bawah fasal 56, melalui kuasa Menteri untuk menetapkan permulaan kuatkuasa peruntukan berkaitan di bawah fasal 1(2). Sehingga itu, pelaksanaan secara pendidikan akan diteruskan.

5. Jawatankuasa bersetuju bagi hukuman denda di bawah fasal 18 dan 19 diturunkan daripada RM500 kepada RM250.

6. Jawatankuasa bersetuju supaya KKM meneliti syor penggunaan rokok elektronik atau *vape* digunakan sebagai salah satu kaedah rawatan berhenti merokok dan perlu mendapat kelulusan agensi bertanggungjawab serta mempunyai dokumen-dokumen sokongan berkaitan seperti keselamatan, keberkesanan, kesan sampingan dan tatacara penggunaan.

7. Jawatankuasa bersetuju berkaitan dengan tafsiran bahan merokok sedia ada di bawah RUU ini.

8. Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan KKM untuk mengemaskini garis panduan penurunan kuasa berdasarkan RUU ini apabila diluluskan kelak.

9. Jawatankuasa bersetuju supaya fasal-fasal lain selain daripada fasal-fasal yang dipinda Jawatankuasa dalam **Lampiran V** diterima tanpa pindaan.

10. Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan agar Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 - Pindaan dalam Jawatankuasa sebagaimana dalam **Lampiran V** diperkenankan.

11. Jawatankuasa bersetuju dengan huraian bagi Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 - Pindaan dalam Jawatankuasa seperti berikut:

    i. Perenggan 1 hingga 11 bertujuan untuk meminda fasal 3, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15 dan 16 Rang Undang-Undang, masing-masing untuk menaikkan amaun denda yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah terhadap pertubuhan perbadanan yang melakukan apa-apa kesalahan di bawah fasal tersebut.

    ii. Perenggan 12 dan 13 bertujuan untuk meminda subfasal 18(2) dan 19(2) Rang Undang-Undang, masing-masing untuk mengurangkan amaun denda yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah terhadap individu yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya, yang disabitkan bagi kesalahan merokok produk tembakau atau produk pengganti tembakau, atau menggunakan apa-apa peranti merokok dengan apa-apa bahan merokok.

    iii. Perenggan 14 bertujuan untuk meminda perenggan 22(2)(b) Rang Undang-Undang untuk menaikkan amaun denda dan tempoh pemenjaraan yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah terhadap pertubuhan perbadanan yang gagal untuk menzahirkan maklumat berhubungan dengan pengilangan, pengimportan atau pengedaran produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau atau peranti merokok apabila diminta di bawah fasal 22 Rang Undang-Undang.

    iv. Perenggan 15 bertujuan untuk meminda perenggan 23(3)(b) Rang Undang-Undang untuk menaikkan amaun denda yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah terhadap pertubuhan perbadanan yang gagal untuk mematuhi perintah Menteri yang dibuat di bawah subfasal 23(2) Rang Undang-Undang bagi situasi akut atau kritikal.

    v. Perenggan 16 bertujuan untuk meminda subfasal 56(1) Rang Undang-Undang berhubung dengan tempoh untuk Ketua Pengarah mengemukakan laporan kali pertama kepada Menteri mengenai keberkesanan larangan penjualan produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau atau peranti merokok, larangan merokok produk tembakau atau produk pengganti tembakau dan larangan penggunaan peranti merokok.

vi. Perenggan 17 bertujuan untuk meminda fasal 57 Rang Undang-Undang berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada fasal 13 dan 18 Rang Undang-Undang, masing-masing berhubung dengan hukuman bagi kesalahan membeli atau merokok apa-apa produk tembakau bagi mana-mana orang yang lahir sebelum 1 Januari 2007 yang masih belum mencapai umur lapan belas tahun pada tarikh permulaan kuat kuasa peruntukan ini.

12. Jawatankuasa mengesyorkan supaya tindakan sewajarnya diambil terhadap kesemua syor yang telah dikemukakan.

BAHAGIAN VII

PENGHARGAAN

1. Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat yang telah memberikan kerjasama dengan mengemukakan pandangan serta cadangan yang berkaitan mengenai Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023.

2. Sekalung penghargaan kepada YB Menteri Kesihatan, YB Timbalan Menteri Kesihatan, Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan bagi meneliti Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 dan juga kepada Kementerian/jabatan/agensi seperti berikut:

   i. Parlimen Malaysia;

   ii. Jabatan Peguam Negara; dan

   iii. Kementerian Kesihatan Malaysia.

   atas sumbangan yang diberikan untuk memastikan fungsi dan peranan Jawatankuasa ini dilaksanakan berlandaskan kepada terma rujukan selaras dengan tujuan penubuhannya.

3. Penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah turut memberi sumbangan demi menjayakan usaha Jawatankuasa ini untuk mendapatkan pandangan berkenaan Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023.

4. Penghargaan kepada kementerian dan agensi penguatkuasaan, pakar-pakar perubatan dan akademik, badan bukan kerajaan, badan profesional serta pihak industri yang turut memberi pandangan dan cadangan berkenaan Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023.

LAMPIRAN MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PRODUK MEROKOK

DEMI KESIHATAN AWAM 2023

NO	LAMPIRAN	DRAF KERJA	MUKA SURAT
1	**Lampiran A**	Pembentangan Konsep Generasi Penamat Rokok oleh Kementerian Kesihatan Malaysia	1
2	**Lampiran B**	Pembentangan Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 (DR. 25/2023) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia	17
3	**Lampiran C**	Pembentangan Isu Pemilikan dan Had Hukuman oleh Kementerian Kesihatan Malaysia	31
4	**Lampiran D**	Pembentangan Peruntukan Laporan Berkala Mengenai Pelaksanaan Beberapa Aspek Penting Dalam Rang Undang-Undang oleh Kementerian Kesihatan Malaysia	37
5	**Lampiran E**	Pembentangan Penguatkuasaan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan) Peranti Rokok Elektronik 2022 oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup	43
6	**Lampiran F**	Pembentangan Penguatkuasaan Produk Merokok bagi Rang Undang-Undang Akta Kawalan Produk Demi Kesihatan Awam 2023 oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan	47
7	**Lampiran G**	Pembentangan Sesi Libat Urus Kementerian Kesihatan Malaysia bersama Agensi Penguatkuasa	53
8	**Lampiran H**	Pembentangan Menerajui Masa Depan Bebas Asap oleh Philip Morris (Malaysia) Sdn. Bhd.	57
9	**Lampiran I**	Cadangan oleh British American Tobacco (Malaysia) Berhad	61
10	**Lampiran J**	Cadangan oleh Japan Tobacco International Malaysia	73

NO	LAMPIRAN	DRAF KERJA	MUKA SURAT
11	**Lampiran K**	Pembentangan Perspektif Pragmatik Untuk Menangani Kekusut-masaian Sekitar Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 oleh Majlis Kawalan Tembakau Malaysia	75
12	**Lampiran L**	Pembentangan Pandangan Mengenai Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 oleh Pertubuhan Torasik Malaysia	81
13	**Lampiran M**	Pembentangan Memorandum Kawal Selia *Vape* oleh Malaysia Retail Electronic Cigarette Association, Malaysia E-Vaporizers & Tobacco Alternative Association, Persatuan Peniaga Vape Melayu, Malaysia e-Liquid Brewers Association, Malaysian vape Industry Advocacy dan Dewan Perniagaan Vape Malaysia	89
14	**Lampiran N**	Pembentangan *Vaping in Malaysia: Consumer Insight & Behaviour* oleh Malaysian Vaper Alliance	105
15	**Lampiran O**	Pembentangan *Tobacco Harm Reduction (THR): Overview, Evidence and Recommendations* oleh Advanced Centre for Addiction Treatment Advocacy	109
16	**Lampiran P**	Pembentangan *Policy Recommendations for Control of Smoking Products for Public Health Bill* oleh Bait Al Amanah	127
17	**Lampiran Q**	Pembentangan Pengurangan Kemudaratan Tembakau oleh Consumer Choice Center	133
18	**Lampiran R**	Laporan Perbincangan Meja Bulat *Future-Proofing Tobacco Control in Malaysia - An Expert Perspective*	141
19	**Lampiran S**	Pembentangan Laporan Perbincangan Meja Bulat Ke Arah Pemerkasaan dan Pemampanan Kawalan Tembakau di Malaysia - Pandangan Pakar	227

NO	LAMPIRAN	DRAF KERJA	MUKA SURAT
20	**Lampiran T**	Pembentangan Cadangan Pindaan Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 Perbincangan Meja Bulat oleh Panel Pakar	243
21	**Lampiran U**	Pembentangan Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia ke atas Keputusan Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan bagi Meneliti Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023	287
22	**Lampiran V**	Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 - Pindaan Dalam Jawatankuasa (bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris)	

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN
BAGI MENELITI
RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PRODUK
MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2023
Bersama Hentikan Wabak COVID-19

KONSEP GENERASI PENAMAT ROKOK
Bersama Hentikan Wabak COVID-19

SKOP PEMBENTANGAN

1. Pendahuluan
2. Beban Masalah Merokok
3. Implikasi Akibat Peningkatan Merokok Dalam Kalangan Golongan Produktif
4. Konsep Generasi Penamat Rokok
5. Adaptasi Generasi Penamat Rokok
6. Bagaimana Generasi Penamat Rokok diaplikasikan di dalam RUU
7. Kesimpulan

3

1- PENDAHULUAN

1. Dianggarkan sebanyak **8 juta** kematian setahun dilaporkan berpunca daripada penggunaan tembakau (*WHO Tobacco Fact Sheet, 2021).*
2. Di Malaysia, hampir **27,000 orang** mati setiap tahun (*Tobacco Atlas, 2019*).
3. Kematian ini boleh dicegah dengan kawalan yang lebih ketat melalui peruntukan yang telah digariskan di bawah Perjanjian *World Health Organization Framework Convention on Tobacco Control* (WHO FCTC).
4. Malaysia merupakan anggota parti kepada Perjanjian WHO FCTC semenjak tahun 2005.



4

1- PENDAHULUAN

Article 2 : *In order to **better protect human health**, Parties are encouraged **to implement measures beyond those required by this Convention and its protocols**, and nothing in these instruments shall prevent a Party from **imposing stricter requirements** that are consistent with their provisions and are in accordance with international law.*

Article 3 :*The objective of this Convention and its protocols is **to protect present and future generations from the devastating health, social, environmental and economic consequences of tobacco consumption and exposure to tobacco smoke** by providing a framework for tobacco control measures to be implemented by the Parties at the national, regional and international levels in order to reduce continually and substantially the prevalence of tobacco use and exposure to tobacco smoke.*

Article 5.1: *Each Party shall develop, implement, periodically update and review **comprehensive multisectoral national tobacco control strategies, plans and programmes** in accordance with this Convention and the protocols to which it is a Party*

Article 5.3: *In setting and implementing their public health policies with respect to tobacco control, Parties shall act to **protect these policies from commercial and other vested interests of the tobacco industry** in accordance with national law.*

5

1- PENDAHULUAN

Seksyen 36

Pemakaian bagi tembakau, dsb.

(1) Peruntukan-peruntukan Akta ini selagi peruntukan itu boleh terpakai hendaklah terpakai, dengan apa-apa ubahsuaian sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, bagi tembakau, cerut, rokok, tembakau sedut dan bahan serupa itu yang lain mengikut cara yang sama sebagaimana peruntukan itu terpakai bagi makanan.

A1117 Akta Makanan (Pindaan) 2001 berkuatkuasa pada 28.9.2001

6

1- PENDAHULUAN

Seksyen 36

(2) Tanpa menjejaskan kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan di bawah Akta ini, Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang mengadakan peruntukan bagi semua atau mana-mana yang berikut:

A1117 Akta Makanan (Pindaan) 2001 berkuatkuasa pada 28.9.2001

(a) pengawalseliaan atau larangan terhadap pengiklanan atau penajaan hasil tembakau;

(b) cara pelabelan bekas rokok dan perkara-perkara yang hendaklah terkandung atau tidak boleh terkandung dalam label itu;

(c) tatacara bagi pengambilan sampel hasil tembakau untuk analisis;

(d) larangan terhadap merokok hasil tembakau dalam bangunan-bangunan tertentu dan perisytiharan apa-apa tempat sebagai suatu tempat larangan merokok dan bagi notis yang hendaklah dilekatkan di tempat itu;

(e) larangan terhadap penjualan hasil tembakau kepada, atau memiliki, membeli, merokok atau mengunyah hasil tembakau oleh, orang yang di bawah umur lapan belas tahun; dan

(f) apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Menteri suaimanfaat atau perlu bagi melaksanakan sepenuhnya kawalan dan pengawalseliaan penyediaan, penjualan, pembelian, pemergunaan atau penggunaan hasil tembakau.

7

2- BEBAN MASALAH MEROKOK ROKOK KONVENSIONAL



a) **Penurunan** peratus perokok di Malaysia berumur 15 tahun dan ke atas adalah **perlahan** dalam tempoh 9 tahun.

b) Berdasarkan NHMS 2019, kebanyakan perokok adalah terdiri daripada golongan belia dalam **umur produktif 20 - 49 tahun.**

c) Peratus perokok berumur 13-17 tahun adalah menurun secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, **pengguna perempuan menunjukkan peningkatan**.

8

2- BEBAN BERGANDA MASALAH MEROKOK ROKOK ELEKTRONIK





Peningkatan ketara peratus pengguna rokok elektronik / vape dalam kalangan dewasa (berumur 15 tahun dan ke atas) serta remaja (13-17 tahun).

2- BEBAN MASALAH MEROKOK ROKOK DALAM KALANGAN GOLONGAN PRODUKTIF

Rujukan: Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019

- Masalah merokok dalam kalangan golongan produktif **TERUS MENJADI BEBAN UTAMA .**
- Golongan perokok mempunyai jangka hayat yang lebih rendah dan sepatutnya peratusan merokok akan menurun.
- Namun peratusan ini terus kekal akibat penambahan **PEROKOK BARU dan DALAM KALANGAN GOLONGAN PRODUKTIF.**

3- IMPLIKASI AKIBAT PENINGKATAN MEROKOK DALAM KALANGAN GOLONGAN PRODUKTIF

Impak kepada produktiviti negara:

- Impak kepada produktiviti negara akibat penggunaan tembakau dikira berdasarkan kesan kepada penggunaan tembakau.

- Penggunaan tembakau dan produk tembakau akan menyebabkan
  a) peningkatan risiko untuk mendapat penyakit kronik (morbiditi) dan
  b) peningkatan kepada kadar kematian (mortaliti)

- Risiko penyakit kronik (morbiditi) akan menyebabkan **penyusutan kualiti kehidupan.**

11

3- IMPLIKASI AKIBAT PENINGKATAN MEROKOK DALAM KALANGAN GOLONGAN PRODUKTIF

- Sebelum berlaku kematian, kualiti kehidupan mereka yang merokok akan terkesan akibat kesan komplikasi penyakit yang dihadapi.

- Penyusutan kualiti kehidupan akan menyebabkan kesan terhadap produktiviti akibat:
  a) kurang tumpuan ketika bekerja
  b) terpaksa mengambil cuti sakit

- Dianggarkan negara kerugian sebanyak **RM 275.3 bilion** produktiviti akibat ketidakhadiran bekerja (*absenteeism)* dan mengambil cuti sakit.

(Sumber: Impact of Tobacco Use on Health and Work Productivity in Malaysia, 2019, tobaccocontrol.bmj.com)

- Produktiviti akan terjejas dengan yang berlakunya kematian pramatang.

12

3- IMPLIKASI AKIBAT PENINGKATAN MEROKOK DALAM KALANGAN GOLONGAN PRODUKTIF

Beban kos rawatan kepada kerajaan akibat merokok rokok konvensional

PENYAKIT	KOS DITANGGUNG PENYEDIA PERKHIDMATAN (RM)	KOS DITANGGUNG PESAKIT (RM)	KOS KESELURUHAN (RM juta)
Kanser paru-paru	34, 529	7, 758	132.7
Serangan jantung	20, 314	1, 362	544.5
Chronic Obstructive Pulmonary Disease	19, 415	12, 757	2247.6

Rujukan: Aljunid SM et al (2007). Health care cost of smoking in Malaysia, SEATCA Report.

13

3- IMPLIKASI AKIBAT PENINGKATAN MEROKOK DALAM KALANGAN GOLONGAN PRODUKTIF

Beban kos rawatan kepada kerajaan akibat merokok rokok konvensional

Tahun	Bilangan perokok (juta)	Kos penyedia perkhidmatan (KKM), 68% (RM billion)	Kos pesakit, 32% (RM billion)	Kos keseluruhan (RM billion)
2015	5.000	3.42	1.61	5.03
2016	5.075	3.59	1.69	5.28
2017	5.151	3.77	1.77	5.54
2018	5.228	3.95	1.86	5.82
2019	5.307	4.15	1.95	6.11
2020	5.386	4.22	1.99	6.21
2025	5.790	5.03	2.37	7.40
2026	5.877	5.06	2.38	7.44
2027	5.965	5.31	2.49	7.80
2028	6.054	5.58	2.61	8.19
2029	6.145	5.61	2.74	8.35
2030	6.237	5.89	2.88	8.77

KOS RAWATAN meningkat sebanyak **RM8.77 bilion** menjelang tahun 2030

14

3- IMPLIKASI AKIBAT PENINGKATAN MEROKOK DALAM KALANGAN GOLONGAN PRODUKTIF

Beban kos rawatan kepada kerajaan akibat merokok rokok elektronik

KOS DITANGGUNG / 4 HARI (RM)	PURATA KEMASUKAN KE WAD (HARI)	KOS DITANGGUNG / PESAKIT (RM)
50,297.37	12	150, 892.11

Rujukan: Jacob (2020) E-Cigarette and Vaping Associated Lung Injuries, Pulmonary Advisor

15

3- IMPLIKASI AKIBAT PENINGKATAN MEROKOK DALAM KALANGAN GOLONGAN PRODUKTIF

Beban kos rawatan kepada kerajaan akibat merokok rokok elektronik

Tahun	Bilangan Pengguna Rokok Elektronik		Anggaran bilangan EVALI di Malaysia			Kos (RM Juta) (4 hari)	Kos (RM Juta) (12 hari)
	Dewasa	Remaja	Dewasa	Remaja	Jumlah		
2020	1,301,430	1,001,428	520	400	920	46.3	138.9
2021	1,476,787	1,176,785	590	471	1061	53.4	160.2
2022	1,652,144	1,352,142	661	541	1202	60.5	181.5
2023	1,827,501	1,527,499	731	611	1342	67.5	202.5
2024	2,002,858	1,702,856	801	681	1482	74.5	223.5
2025	2,178,218	1,878,213	871	751	1622	81.6	244.8
2026	2,353,572	2,053,570	941	821	1762	88.6	265.8
2027	2,528,929	2,228,927	1011	892	1903	95.7	287.1
2028	2,704,286	2,404,284	1082	962	2044	102.8	308.4
2029	2,879,643	2,579,641	1151	1032	2183	109.8	329.4
2030	3,055,000	2,754,998	1222	1101	2445	123.0	369.0

KOS RAWATAN meningkat sebanyak **RM 369 juta** menjelang tahun 2030

16

4- KONSEP GENERASI PENAMAT ROKOK

Generasi Penamat Rokok adalah berdasarkan konsep *Tobacco Endgame* yang dicadangkan oleh Thompson et al. (2012) mengambil kira empat (4) elemen penting iaitu:

1. **Prevalen merokok kurang daripada lima (5) peratus;**
2. **Penamatan penjualan komersial produk-produk tembakau;**
3. **Denormalisasi budaya merokok dalam kalangan masyarakat; dan**
4. **Sifar pendedahan mengenai penggunaan tembakau dan produk merokok kepada kanak-kanak.**

Rujukan: Thomson G, Edwards R, Wilson N, Blakely T. What are the elements of the tobacco endgame? *Tobacco Control* 2012;21:293-295.

17

ADAPTASI GENERASI PENAMAT ROKOK

Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004	RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023
Larangan Sementara bagi Orang Bawah Umur (OBD) berusia 18 tahun dan kebawah bagi penjualan, pembelian dan pemilikan produk tembakau	**Larangan Sepenuhnya** penjualan, pembelian dan penggunaan produk tembakau dan merokok walaupun telah mencecah umur 18 tahun
Penjualan, pembelian dan pemilikan dibenarkan selepas 18 tahun berdasarkan undang-undang	Penjualan, pembelian dan penggunaan dibenarkan berdasarkan undang-undang hanya bagi golongan selain Generasi Penamat Rokok

Peruntukan Generasi Penamat Rokok adalah bertujuan **melindungi generasi muda untuk sepanjang hayat** daripada terdedah kepada ancaman merokok dan juga rokok elektronik

18

ADAPTASI GENERASI PENAMAT ROKOK

Pendekatan ini adalah selari dengan prinsip kawalan kesihatan awam berdasarkan kepada Prinsip **Ottawa Charter** dan memastikan **Promosi Kesihatan** dilaksanakan serentak dengan:

1) Membangun dasar-dasar awam yang sihat (**merangkumi kawalan perundangan**);
2) Membina persekitaran yang menyokong;
3) Memperkuat tindakan komuniti;
4) Membangunkan kemahiran individu; dan
5) Menyelaras semula perkhidmatan kesihatan.

ADAPTASI GENERASI PENAMAT ROKOK

Tahun	2019 (Baseline)	2034 (Short term)	2034 (Mid term)	2059 (Long term)
Bilangan perokok	5,291,712	3,217,361	2,180,186	1,139,544

Berdasarkan Malaysia ABRIDGED SIM SMOKE MODEL

ADAPTASI GENERASI PENAMAT ROKOK

Negara yang melaksanakan konsep Generasi Penamat Rokok

New Zealand

Wilayah/kawasan yang melaksanakan konsep Generasi Penamat Rokok

Brookline Massachusetts, US	**Balanga City, Philippines**

21

ADAPTASI GENERASI PENAMAT ROKOK

37 buah negara yang <u>MELARANG PENUH</u> penggunaan rokok elektronik

Antigua and Barbuda	Argentina	Australia	Bhutan	Brazil
Brunei Darussalam	**Cambodia**	Colombia	Egypt	Ethiopia
Gambia	India	Iran	Japan	North Korea
Kuwait	Lebanon	Mauritius	Mexico	Nepal
Nicaragua	Oman	Panama	Qatar	Seychelles
Singapore	Sri Lanka	Suriname	Syria	**Thailand**
Timor-Leste	Turkey	Turkmenistan	Uganda	Uruguay
Venezuela	Palestine			

Rujukan: Global Center for Good Governance in Tobacco Control, 2021
https://ggtc.world/knowledge/who-fctc-article-53/e-cigarette-ban-regulation-global-status-as-of-february-2021

22

BAGAIMANA GENERASI PENAMAT ROKOK DIAPLIKASIKAN DALAM RUU 2023

Kawalan

- Pendaftaran
- Pengiklanan
- Pembungkusan
- Penjualan
- Penggunaan

A Rokok Cara Konvensional
- Rokok
- Cerut
- Tembakau lerai
- Rokok gulung

B Rokok Dengan Peranti Pemanas
- Tembakau
- Cecair PG+VG+TG
- Selain tembakau (rokok daun teh, dsb.)

A & B → Kategori berasingan

23

BAGAIMANA GENERASI PENAMAT ROKOK DIAPLIKASIKAN DALAM RUU 2023

Kawalan

- Pendaftaran
- Pengiklanan
- Pembungkusan
- Penjualan
- Penggunaan

A Rokok Cara Konvensional
- Rokok
- Cerut
- Tembakau lerai
- Rokok gulung

B Rokok Dengan Peranti Pemanas
- Tembakau
- Cecair PG+VG+TG
- Selain tembakau (rokok daun teh, dsb.)

Golongan **BUKAN** Generasi Penamat
PENJUALAN DAN PENGGUNAAN **DIBENARKAN**

Golongan Generasi Penamat Rokok

PENJUALAN DAN PENGGUNAAN **DILARANG**

Golongan Generasi Penamat Rokok adalah mana-mana orang yang lahir **PADA 1 JANUARI 2007 DAN SETERUSNYA**

A & B → Kategori berasingan

BAGAIMANA GENERASI PENAMAT ROKOK DIAPLIKASIKAN DALAM RUU 2023





(Sumber: Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan bagi Remaja 2017 & 2022)

- Bagi membantu Generasi Penamat Rokok yang telah terjebak dengan tabiat merokok, **pelaksanaan secara berfasa** melalui penguatkuasaan pendidikan selama tempoh tertentu memberi peluang kepada golongan tersebut untuk berhenti merokok.
- Selain itu, intervensi berhenti merokok melalui program **Kesihatan Oral Tanpa Amalan Merokok (KOTAK)** oleh pasukan pergigian sekolah turut membantu golongan ini untuk berhenti merokok.

25

BAGAIMANA GENERASI PENAMAT ROKOK DIAPLIKASIKAN DI DALAM RUU

Kawalan

- Pendaftaran
- Pengiklanan
- Pembungkusan
- Penjualan
- Penggunaan

Golongan Bukan Generasi Penamat

Golongan Generasi Penamat

A Rokok Cara Konvensional
- Rokok
- Cerut
- Tembakau lerai
- Rokok gulung

B Rokok Dengan Peranti Pemanas
- Tembakau
- Cecair PG+VG+TG
- Selain tembakau (rokok daun teh, dsb.)

A & **B** → Kategori berasingan

Penjualan **TIDAK** boleh jual → A, B

Penggunaan → A, B

Kuasa untuk menguatkuasakan setiap seksyen di bawah Akta oleh YBMK sebagaimana Fasal 1(2)

Generasi Penamat Rokok Kategori (A) = dikuatkuasakan SERTA MERTA

Generasi Penamat Rokok Kategori (B) = dikuatkuasakan KEMUDIAN

26

BAGAIMANA GENERASI PENAMAT ROKOK DIAPLIKASIKAN DI DALAM RUU

Penguatkuasaan secara pendidikan

1) Notis amaran oleh penguatkuasa KKM
2) Program bersasar di sekolah/ IPT/ Belia
3) Pendidikan advokasi berterusan

Sehingga tarikh yang ditetapkan oleh Jemaah Menteri **ATAU**

Sehingga **laporan berkala** dibentangkan iaitu pada **1 Januari 2025**

Pelaksanaan perkara 1, 2 dan 3 memerlukan kerjasama dari Kementerian lain

- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
- Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT)

Kuasa untuk menguatkuasakan setiap seksyen di bawah Akta oleh YBMK sebagaimana Fasal 1(2)

27

Kawalan	Penguatkuasaan Serta Merta	Penguatkuasaan Kemudian
Pendaftaran - Isytihar kandungan produk	A B	Isu kelompangan utama berkaitan pengiklanan secara berleluasa, penjualan di kawasan sekolah/IPT, pembungkusan menyerupai mainan **dapat diatasi.** **KEBOLEHDAPATAN PRODUK DIKAWAL KETAT**
Pengiklanan - Larangan iklan di TV, media sosial, t-shirt, bas dll.	A B	
Pembungkusan - dibungkus mengikut cara yang ditetapkan	A B	
Penjualan - Larangan penjualan secara *online*, di IPT atau di sekolah	A B	
- Penjualan terhadap GEG	A	Kelompangan ini akan diatasi dengan penguatkuasaan secara pendidikan — B
Penggunaan GEG	A	B

A Rokok, cerut, tembakau lerai & rokok gulung

B Rokok dengan Peranti Pemanas [Tembakau, cecair PG+VG+TG & selain tembakau (rokok daun teh dsb.)]

28

KESIMPULAN

- Perlaksanaan Generasi Penamat Rokok sememangnya telah dibuat kajian terperinci termasuk *Regulatory Impact Assessment* (RIA).
- Penetapan tarikh Generasi Penamat Rokok serta pelaksanaan secara berperingkat yang dicadangkan telah dikaji secara mendalam.
- Pelaksanaan Generasi Penamat Rokok akan dapat memberikan impak positif kepada masalah merokok , bakal menyelamatkan seramai 2 juta nyawa dan akan mengurangkan beban kos rawatan penyakit akibat komplikasi merokok.

29

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN
BAGI MENELITI
RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PRODUK
MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2023
Bersama Hentikan Wabak COVID-19

Rang Undang-Undang
Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023
(D.R. 25/2023)
Bersama Hentikan Wabak COVID-19

SKOP PEMBENTANGAN

1. Kandungan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023
2. Tajuk
3. Tafsiran utama
4. Bahagian dan Fasal dalam Rang Undang-Undang
5. Peruntukan berkaitan Generasi Penamat Rokok

1- KANDUNGAN RANG UNDANG-UNDANG

Bahagian I - Permulaan (Fasal 1-2)
Bahagian II - Pendaftaran (Fasal 3-6)
Bahagian III - Pengiklanan, Promosi Dan Tajaan (Fasal 7-9)
Bahagian IV - Kawalan Penjualan (Fasal 10-14)
Bahagian V - Kawalan Harga, Pembungkusan, Pelabelan, Pengilangan, dsb. (Fasal 15-16)
Bahagian VI - Larangan Merokok (Fasal 17-20)
Bahagian VII - Liabiliti Pengilang, Pengimport, Dan Pengedar (Fasal 21-22)
Bahagian VIII - Pentadbiran (Fasal 23-26)
Bahagian IX - Penguatkuasaan (Fasal 27-42)
Bahagian X - Perbicaraan Dan Prosiding (Fasal 43-49)
Bahagian XI - Am (Fasal 50-56)
Bahagian XII - Kecualian Dan Peralihan (Fasal 57-58)

2- TAJUK

Tajuk ringkas: **Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023**

Tajuk panjang:

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan kawalan penjualan dan pembelian produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau dan peranti merokok, demi kesihatan awam untuk melahirkan suatu generasi baharu yang bebas daripada pengaruh apa-apa produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau dan peranti merokok, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengannya.

5

3- TAFSIRAN UTAMA

Tafsiran utama:

"**bahan merokok**" - apa-apa bahan atau secara gabungan bahan yang mengandungi propylene glycol, glycerol atau triethylene glycol bagi maksud merokok.

"**merokok**" - menyedut dan menghembus asap atau wap, apa-apa produk tembakau atau produk pengganti tembakau, dan termasuklah memegang atau mempunyai kawalan ke atas apa-apa produk tembakau atau produk pengganti tembakau yang dinyalakan, dipanaskan atau diwapkan atau menggunakan apa-apa cara lain

"**produk tembakau**" ertinya tembakau yang diproses atau apa-apa produk yang mengandungi tembakau yang dimaksudkan bagi kegunaan manusia;

6

"**peranti merokok**" - apa-apa peranti elektronik atau peranti yang menggunakan bateri atau peranti lain termasuklah hukah yang digunakan untuk memanaskan, mengewap atau membakar bahan merokok atau produk pengganti tembakau untuk merokok;

"**produk pengganti tembakau**" ertinya apa-apa produk, dengan atau tanpa apa-apa tembakau atau bahan merokok, yang dimaksudkan untuk merokok yang digunakan dengan apa-apa peranti merokok;

"**tembakau**" ertinya apa-apa produk yang diperoleh daripada daun *Nicotiana tabacum* atau spesis Nicotiana yang lain, sama ada dalam keadaan belum diawet atau sudah diawet dan termasuklah kacukan spesis ini, kacukan akibat daripada silangan spesis ini atau kacukan dengan mana-mana spesis pokok lain atau kacukan yang lain, atau versi spesis yang dijuruterakan secara genetik atau kacukan spesis itu;

4- BAHAGIAN DAN FASAL DALAM RUU

Bahagian dan Fasal dalam RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023

Bahagian I: Permulaan

Terdapat dua (2) fasal dalam bahagian ini iaitu:
(a) Fasal 1: Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa;
(b) Fasal 2: Tafsiran.

Bahagian I memperkatakan tentang perkara permulaan.

Bahagian II: Pendaftaran

Terdapat empat (4) fasal dalam bahagian ini iaitu:

(a) Fasal 3: Kehendak pendaftaran produk tembakau, dsb.
(b) Fasal 4: Permohonan bagi pendaftaran
(c) Fasal 5: Pembatalan pendaftaran
(d) Fasal 6: Daftar produk tembakau, dsb.

Bahagian II memperkatakan tentang peruntukan berkaitan dengan pendaftaran dan pembatalan pendaftaran produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau.

9

Bahagian III: Pengiklanan, promosi dan tajaan

Terdapat tiga (3) fasal di bahagian ini iaitu:

(a) Fasal 7: Larangan pengiklanan produk tembakau, dsb.
(b) Fasal 8: Larangan pengiklanan produk tembakau, dsb., tiruan
(c) Fasal 9: Larangan promosi atau tajaan produk tembakau, dsb.

Bahagian III memperkatakan tentang larangan pengiklanan, promosi dan penajaan produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau atau peranti merokok dan tiruannya, dan peranti merokok.

10

Bahagian IV: Kawalan penjualan

Terdapat lima (5) fasal di bahagian ini iaitu:
(a) Fasal 10: Larangan penjualan produk tembakau, dsb
(b) Fasal 11: Larangan penjualan produk tembakau, dsb., tiruan
(c) Fasal 12: Larangan produk tembakau, dsb., sebagai pemberian atau hadiah
(d) Fasal 13: Larangan penjualan produk tembakau kepada orang yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya.
(e) Fasal 14: Larangan penjualan bahan merokok, dsb., kepada orang yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya.

Bahagian IV memperkatakan tentang kawalan penjualan apa-apa produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau dan tiruannya, dan peranti merokok.

11

Bahagian V: Kawalan harga, pembungkusan, pelabelan, pengilangan, dsb.

Terdapat dua (2) fasal di bahagian ini iaitu:
(a) Fasal 15: Harga runcit atau harga jualan minimum
(b) Fasal 16: Pembungkusan dan pelabelan

Bahagian V memperkatakan tentang kawalan harga, pembungkusan, pelabelan, pengilangan, pengimportan atau pengedaran produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau.

12

Bahagian VI: Larangan merokok

Terdapat empat (4) fasal di bahagian ini iaitu:
(a) Fasal 17: Kawasan atau tempat larangan merokok;
(b) Fasal 18: Larangan merokok produk tembakau kepada orang yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya;
(c) Fasal 19: Larangan merokok produk pengganti tembakau, dsb., kepada orang yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya;
(d) Fasal 20: Tanggungjawab tuan punya bangunan, dsb.

Bahagian VI memperkatakan tentang peruntukan yang berhubungan dengan larangan merokok.

13

Bahagian VII: Liabiliti pengilang, pengimport dan pengedar

Terdapat dua (2) fasal di bahagian ini iaitu:
(a) Fasal 21: Anggapan perkara berkaitan dengan pelabelan dan pembungkusan;
(b) Fasal 22: Tanggungjawab pengilang, pengimport dan pengedar.

Bahagian VII memperkatakan tentang liabiliti pengilang, pengimport atau pengedar.

14

Bahagian VIII: Pentadbiran

Terdapat empat (4) fasal di bahagian ini iaitu:

(a) Fasal 23: Situasi akut atau kritikal;
(b) Fasal 24: Pelantikan juruanalisis;
(c) Fasal 25: Makmal yang diluluskan;
(d) Fasal 26: Pelantikan pegawai diberi kuasa.

Bahagian VIII memperkatakan tentang perkara yang berhubungan dengan pentadbiran Akta yang dicadangkan.

15

Bahagian IX: Penguatkuasaan

Terdapat enam belas (16) fasal di bahagian ini iaitu:

a)Fasal 27: Kuasa penyiasatan;
b)Fasal 28: Kuasa untuk memasuki premis;
c)Fasal 29: Kuasa untuk mengambil sampel;
d)Fasal 30: Tatacara mengambil sampel;
e)Fasal 31: Anggapan;
f)Fasal 32: Kuasa untuk membuka bungkusan dan memeriksa produk tembakau, dsb.
g)Fasal 33: Kuasa untuk memberhenti, menggeledah dan menyita pengangkut;
h)Fasal 34: Penggeledahan dan penyitaan dengan waran;
i)Fasal 35: Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran;
j)Fasal 36: Akses kepada maklumat berekod, data berkomputer, dsb;

-samb-

16

Bahagian IX: Penguatkuasaan

k)Fasal 37: Penyitaan barang, dsb;
l) Fasal 38: Senarai benda yang disita;
m)Fasal 39: Pemulangan sementara pengangkut, dsb;
n)Fasal 40: Kos memegang produk tembakau yang disita, dsb;
o)Fasal 41: Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes
p)Fasal 42: Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes

Bahagian IX memperkatakan tentang peruntukan yang berhubungan dengan penguatkuasaan.

17

Bahagian X: Perbicaraan dan prosiding

Terdapat tujuh (7) fasal di bahagian ini iaitu:
(a) Fasal 43: Pendakwaan
(b) Fasal 44: Notis terlebih dahulu keterangan pakar dalam mahkamah
(c) Fasal 45: Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan
(d) Fasal 46: Perlindungan pemberi maklumat
(e) Fasal 47: Keterangan ejen provokasi boleh diterima
(f) Fasal 48: Tidak penzahiran maklumat
(g) Fasal 49: Kuasa untuk memerintahkan kehadiran di mahkamah

Bahagian X memperkatakan tentang cara yang berhubungan dengan perbicaraan dan prosiding.

18

Bahagian XI: Am

Terdapat tujuh (7) fasal di bahagian ini iaitu:

(a) Fasal 50: Pengkompaunan kesalahan
(b) Fasal 51: Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan, dsb
(c) Fasal 52: Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang
(d) Fasal 53: Tanggung rugi
(e) Fasal 54: Perwakilan kuasa
(f) Fasal 55: Kuasa membuat peraturan-peraturan.
(g) Fasal 56: Laporan berkala

Bahagian XI memperkatakan tentang peruntukan am dalam Akta yang dicadangkan ini.

19

Bahagian XII: Kecualian dan Peralihan.

(a) Fasal 57: Kecualian
(b) Fasal 58: Peralihan

Bahagian XII memperkatakan tentang peruntukan peralihan.

20

5- PERUNTUKAN GENERASI PENAMAT ROKOK

Larangan penjualan produk tembakau kepada orang yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya

13. (1) Tiada seorang pun boleh menjual apa-apa produk tembakau atau mengadakan apa-apa perkhidmatan untuk merokok, kepada mana-mana orang yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) sekiranya orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan—

(i) bagi kesalahan pertama, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya; dan

(ii) bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan

21

(b) sekiranya orang itu adalah suatu pertubuhan perbadanan—

(i) bagi kesalahan pertama, didenda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan

(ii) bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(3) Tiada seorang pun yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya boleh membeli apa-apa produk tembakau.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit atau diperintahkan untuk melaksanakan suatu perintah khidmat masyarakat menurut Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] atau Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611].

22

Larangan penjualan bahan merokok, dsb., kepada orang yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya

14. (1) Tiada seorang pun boleh menjual apa-apa bahan merokok, produk pengganti tembakau atau peranti merokok kepada mana-mana orang yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) sekiranya orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan—

(i) bagi kesalahan pertama, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya; dan

(ii) bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan

(b) sekiranya orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan—

(i) bagi kesalahan pertama, didenda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan

(ii) bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(3) Tiada seorang pun yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya boleh membeli apa-apa bahan merokok, produk pengganti tembakau atau peranti merokok.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit atau diperintahkan untuk melaksanakan suatu perintah khidmat masyarakat menurut Kanun Tatacara Jenayah atau Akta Kanak-Kanak 2001.

Larangan merokok produk tembakau bagi orang yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya

18. (1) Tiada seorang pun yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya boleh merokok apa-apa produk tembakau.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda **tidak melebihi lima ratus ringgit atau diperintahkan untuk melaksanakan suatu perintah khidmat masyarakat** menurut Kanun Tatacara Jenayah atau Akta Kanak-Kanak 200

25

Larangan merokok produk pengganti tembakau, dsb., bagi orang yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya

19. (1) Tiada seorang pun yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya—
(a) boleh merokok apa-apa produk pengganti tembakau; atau
(b) boleh menggunakan apa-apa peranti merokok dengan apa-apa bahan merokok.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda **tidak melebihi lima ratus ringgit atau diperintahkan untuk melaksanakan suatu perintah khidmat masyarakat** menurut Kanun Tatacara Jenayah atau Akta Kanak-Kanak 2001.

26

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN
BAGI MENELITI
RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PRODUK
MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2023
Bersama Hentikan Wabak COVID-19

ISU BERKAITAN PEMILIKAN DAN HAD
HUKUMAN
Bersama Hentikan Wabak COVID-19

SKOP PEMBENTANGAN

1. Latar belakang **isu pemilikan**
2. Perbandingan RUU 2022 vs RUU 2023
3. Implikasi akibat pengguguran peruntukan pemilikan
4. Latar belakang **isu had hukuman**
5. Isu yang dibangkitkan berkaitan had hukuman
6. Kesimpulan

1 - LATAR BELAKANG ISU PEMILIKAN

- Kesalahan bagi pemilikan produk merokok terhadap golongan di bawah umur telah ditetapkan dan dikuatkuasakan di bawah Peraturan 13, PPKHT 2004.
- Peruntukan berkaitan larangan pemilikan ini juga telah dimasukkan di dalam RUU 2022.
- Namun, Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita Dan Kanak-Kanak Dan Pembangunan Sosial Dewan Rakyat, Parlimen Keempat Belas yang dipengerusikan oleh YB Dato' Sri Azalina Othman Said telah membangkitkan isu peruntukan pemilikan yang akan membawa kepada isu pemeriksaan badan kanak-kanak sekiranya golongan tersebut melakukan kesalahan merokok.
- Selain itu, terdapat juga isu berkaitan penglibatan Generasi Penamat Rokok dalam perniagaan produk merokok.
- Oleh yang demikian, JKPK tersebut telah memberikan syor supaya peruntukan pemilikan digugurkan daripada RUU 2022.

2 - PERBANDINGAN RUU 2022 vs 2023

RUU 2022

Larangan merokok atau memiliki produk tembakau, dsb., bagi orang yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya

17. (1) Tiada seorang pun yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya—

(a) boleh merokok apa-apa produk tembakau atau produk pengganti tembakau;

(b) boleh menggunakan apa-apa peranti merokok; atau

(c) boleh memiliki apa-apa produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau atau peranti merokok.

DIPOTONG

RUU 2023

Larangan merokok produk tembakau bagi orang yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya

18. (1) Tiada seorang pun yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya boleh merokok apa-apa produk tembakau.

Larangan merokok produk pengganti tembakau, dsb., bagi orang yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya

19. (1) Tiada seorang pun yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya—

(a) boleh merokok apa-apa produk pengganti tembakau; atau

(b) boleh menggunakan apa-apa peranti merokok dengan apa-apa bahan merokok.

5

3 - IMPLIKASI AKIBAT PENGGUGURAN PERUNTUKAN BERKAITAN PEMILIKAN

a) Implikasi terhadap Generasi Penamat Rokok

i. Pemeriksaan badan tidak lagi menjadi isu; dan

ii. Generasi Penamat Rokok boleh terlibat dalam bidang pekerjaan dan perniagaan yang berkaitan produk merokok.

b) Implikasi terhadap aktiviti penguatkuasaan

Pihak Jabatan Peguam Negara berpandangan bahawa jika peruntukan pemilikan digugurkan:

i. kesalahan hanya terhad kepada situasi golongan Generasi Penamat Rokok yang merokok atau menggunakan peranti merokok. Ini akan menyebabkan kelompangan (*lacuna*) dalam pelaksanaan undang-undang.

ii. dikhuatiri akan disalah guna terutama dalam kalangan mereka yang di bawah umur.

6

4 - LATAR BELAKANG ISU BERKAITAN HAD HUKUMAN TERHADAP GENERASI PENAMAT ROKOK

- Peruntukan penjualan dan larangan merokok kepada Generasi Penamat Rokok diiringi dengan denda tidak melebihi RM500 atau diperintahkan untuk melaksanakan khidmat masyarakat menurut Kanun Tatacara Jenayah atau Akta Kanak-Kanak 2001.

- Hukuman yang diperuntukkan kepada Generasi Penamat Rokok telah diteliti dan diperhalusi mengambil kira isu-isu seperti kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) yang tidak mampu membayar denda yang tinggi dan untuk memastikan denda tidak bersifat punitif semata-mata.

4 - LATAR BELAKANG ISU BERKAITAN HAD HUKUMAN TERHADAP GENERASI PENAMAT ROKOK

- RUU 2022 menetapkan had hukuman bagi kesalahan merokok dalam kalangan Generasi Penamat Rokok sebanyak RM5,000 berdasarkan perkadaran semasa dan mengambil kira pertumbuhan ekonomi semasa berbanding PPKHT 2004 yang digubal pada 19 tahun yang lepas.
- Walau bagaimanapun, JKPK Hal Ehwal Wanita Dan Kanak-Kanak Dan Pembangunan Sosial Dewan Rakyat, Parlimen Keempat Belas telah membangkitkan isu kadar denda yang dianggap terlalu tinggi.
- Antara faktor yang menjadi pertimbangan adalah:
  1) supaya mereka yang melakukan kesalahan merokok mampu membayar denda; dan
  2) hukuman denda tidak bersifat punitif.
- Oleh itu, kadar denda yang disyorkan iaitu sebanyak RM500 adalah mengambil kira denda sedia ada di bawah PPKHT 2004 iaitu sebanyak RM1,000.

5 - ISU YANG DIBANGKITKAN BERKAITAN HAD HUKUMAN

Pihak Jabatan Peguam Negara berpandangan bahawa:

1) Pengurangan nilai denda kepada RM500 adalah tidak munasabah, tidak sesuai dan tidak berkadaran dengan peruntukan yang sedia ada iaitu Peraturan 13 PPKHT 2004.

2) Kadar hukuman yang dikenakan perlu berkadaran (*proportionate*) dengan keseriusan kesalahan serta memberikan impak positif kepada perundangan.

6 - KESIMPULAN

- Peruntukan berkaitan pemilikan dan had hukuman dalam RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 telah digubal dengan mengambil kira syor dan pandangan oleh:
  1. JKPK Menimbang RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022; dan
  2. JKPK Hal Ehwal Wanita dan Kanak-Kanak dan Pembangunan Sosial Dewan Rakyat Parlimen Keempat Belas

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN
BAGI MENELITI
RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PRODUK
MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2023
Bersama Hentikan Wabak COVID-19

PERUNTUKAN LAPORAN BERKALA
MENGENAI PELAKSANAAN BEBERAPA
ASPEK PENTING DALAM RANG UNDANG-
UNDANG
Bersama Hentikan Wabak COVID-19

SKOP PERBINCANGAN

1. Latar Belakang
2. Peruntukan Laporan Berkala
3. Cara Implementasi
4. Kesimpulan

1 - LATAR BELAKANG

- JKPK Menimbang RUU Kawalan Hasil Tembakau dan Merokok 2022 yang lepas telah bersetuju dan mengesyorkan satu peruntukan baharu berkaitan laporan berkala bagi mengkaji beberapa aspek yang penting dalam RUU ini.
- Satu cadangan Fasal Laporan Berkala digubal merujuk kepada Seksyen 46, Akta Arkib Negara [Akta 629]
- Laporan berkala telah dijadikan sebagai satu peruntukan baharu di dalam RUU ini seperti yang dapat dilihat dalam Fasal 56.

2 - PERUNTUKAN LAPORAN BERKALA

Fasal 56 RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023

(1) **Ketua Pengarah** hendaklah, sebelum Januari 2025 dan pada setiap lima tahun selepas itu, menyebabkan supaya dibuat dan dihantar kepada Menteri suatu laporan mengenai—

(a) keberkesanan larangan penjualan produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau atau peranti merokok kepada orang yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya;

(b) keberkesanan larangan merokok produk tembakau atau produk pengganti tembakau dan larangan penggunaan apa-apa peranti merokok, bagi orang yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya; atau

(c) apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau.

(2) Menteri hendaklah menyebabkan suatu salinan laporan yang dibuat di bawah subseksyen (1) dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

5

2 - PERUNTUKAN LAPORAN BERKALA

1. Fasal 56(1)(a) merujuk kepada penelitian keberkesanan **larangan penjualan** produk merokok kepada golongan Generasi Penamat Rokok

2. Fasal 56(1)(b) merujuk kepada penelitian keberkesanan **larangan penggunaan** produk merokok kepada golongan Generasi Penamat Rokok

3. Fasal 56(1)(c) merujuk kepada penelitian terhadap perkara-perkara lain berhubungan dengan produk merokok seperti **kesan penggunaan produk merokok alaf baharu**, **isu *harm reduction* *dsb***.

6

3 - CARA IMPLEMENTASI

Peruntukan ini dimasukkan bagi mengumpulkan lebih banyak bukti saintifik berkaitan kesan penggunaan produk merokok alaf baharu yang dikatakan kurang mudarat (*less harmful*) berbanding rokok konvensional.

Implementasi:

1) Melalui survelen dan notifikasi penyakit berkaitan penggunaan rokok elektronik atau vape yang dilaksanakan oleh KKM berdasarkan Garis Panduan Notifikasi Penyakit Berkaitan Rokok Elektronik (mulai Jun 2022); dan
2) Melalui kajian di peringkat kebangsaan dan global

7

3 - CARA IMPLEMENTASI

- Suatu jawatankuasa akan ditubuhkan untuk:
  a) Meneliti kajian di peringkat negara dan antarabangsa mengenai larangan penjualan;
  b) Meneliti keberkesanan larangan pembelian dan penggunaan produk merokok terhadap Generasi Penamat Rokok;
  c) Menjalankan analisa dapatan dan kajian dan
  d) Menyediakan laporan hasil penelitian dan analisa terhadap kajian-kajian yang dijalankan.
- Hasil laporan perlu dibentangkan kepada Ketua Pengarah Kesihatan.
- Laporan ini kemudiannya perlu dibentangkan oleh YB Menteri Kesihatan di sidang mesyuarat Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

8

3 - CARA IMPLEMENTASI

- Laporan Berkala Pertama akan dikeluarkan sebelum **Januari 2025** dan laporan seterusnya akan dikeluarkan pada **setiap lima (5) tahun**.
- Walau bagaimanapun, jika terdapat keadaan atau kes **akut** melibatkan penggunaan sebarang bentuk produk merokok, suatu laporan boleh dikeluarkan supaya penguatkuasaan peruntukan Generasi Penamat Rokok bagi produk pengganti tembakau dapat dilaksanakan dengan segera.

3 - CARA IMPLEMENTASI

Article 5.3 WHO FCTC: *In setting and implementing their public health policies with respect to tobacco control, Parties shall act to* ***protect these policies from commercial and other vested interests of the tobacco industry*** *in accordance with national law.*

4 - KESIMPULAN

1. Peruntukan laporan berkala ini bertujuan untuk membentangkan bukti saintifik yang menunjukkan kesan penggunaan produk merokok terutamanya produk merokok alaf baharu.
2. KKM akan meneruskan survelen dan notifikasi penyakit berkaitan penggunaan rokok elektronik atau vape manakala Jawatankuasa akan membantu dalam penyediaan laporan berkala.
3. Laporan berkala ini dapat membantu Kerajaan dalam menetapkan tarikh kuatkuasa yang sesuai bagi larangan penjualan dan penggunaan produk merokok alaf baru bagi golongan Generasi Penamat Rokok serta membuat pemantauan secara berkala ke atas perundangan yang ditetapkan.

Terima Kasih

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

TAKLIMAT PENGUATKUASAAN PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (PERAKUAN DAN PENANDAAN) PERANTI ROKOK ELEKTRONIK 2022

LATAR BELAKANG PELAKSANAAN PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (PERAKUAN DAN PENANDAAN) PERANTI ROKOK ELETRONIK 2022 OLEH KPDN

KEPUTUSAN MUZAKARAH KHAS JAWATANKUASA FATWA KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL AGAMA ISLAM

Keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam pada 21 Disember 2015 yang memutuskan pengharaman rokok elektronik

GARIS PANDUAN OLEH KPDNKK

Pada 1 April 2018 sehingga 31 Disember 2018 atau tarikh perundangan baru berkuatkuasa, KPDNKK telah mengeluarkan garis panduan aktiviti pengeluaran, pengedaran dan peruncitan peranti serta cecair rokok elektronik tanpa nikotin

PEWARTAAN DI BAWAH KPDNHEP

Pada 5 April 2022 Perintah Perihal Dagangan Peranti Rokok Elektronik diwartakan dan berkuatkuasa mulai 3 Ogos 2022

2015 — 2016 — 2018 — 2021 — 2022

KEPUTUSAN MJM

- ✓ Pada 29 Januari 2016, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju dengan usul bersama MOSTI, KKM dan KPDNKK supaya Rokok Alaf Baharu iaitu Peranti Rokok Elektronik perlu dikawal selia secara menyeluruh
- ✓ Pada 28 Oktober 2016, MJM juga bersetuju KPDNKK menguatkuasakan peraturan standard keselamatan bateri dan peranti rokok elektronik

JAWATANKUASA DASAR KPDNHEP

Pada 13 Jun 2021, Menteri KPDNHEP bersetuju cadangan mewajibkan penandaan logo keselamatan MS SIRIM Peranti Rokok Elektronik melalui Akta Perihal Dagangan 2011. Mengikut standard dibangunkan oleh JSM iaitu MS2716:2019

PENGUATKUASAAN PERANTI DAN CECAIR /GEL ROKOK ELEKTRONIK OLEH KPDN, MOF DAN KKM

KPDN

PENANDAAN PERANTI ROKOK ELEKTRONIK

Menguatkuasakan penandaan keselamatan logo **MS SIRIM Peranti Rokok Elektronik** dihasilkan dalam negara atau dimport berdasarkan standard MS2716.

Pihak Industri hendaklah memohon pensijilan dan perakuan kepada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. selaku Pihak Berkuasa Berwibawa.

MOF

CECAIR ATAU GEL ROKOK ELEKTRONIK

MOF melalui Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah menguatkuasakan Perintah Duti Eksais iaitu:

i. 1 Januari 2022 – RM0.40 ml cecair vape tanpa nikotin dan 10% peranti rokok elektronik
ii. 1 April 2023 – RM0.40ml cecair vape dengan nikotin

KKM

PERANTI DAN CECAIR/GEL ROKOK ELEKTRONIK

RUU Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 mengkehendaki pihak industri mematuhi perkara berikut:

i. Mendaftar produk peranti rokok elektronik
ii. Mematuhi kandungan nikotin dalam peranti rokok elektronik
iii. Mengawal penjualan dan pengiklanan produk merokok termasuklah peranti rokok elektronik

STATUS TERKINI PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (PERAKUAN DAN PENANDAAN) PERANTI ROKOK ELEKTRONIK 2022

PENGUATKUASAAN PERINTAH

i. Buat masa kini, KPDN melaksanakan penguatkuasaan secara berhemah bagi membolehkan pihak industri membuat persediaan dan mengemukakan permohonan pensijilan kepada pihak SIRIM; dan

ii. Status pensijilan sehingga 10 Julai 2023 adalah seperti di Lampiran.

STATUS PENSIJILAN SIRIM

Bil	Status Permohonan Pensijilan MS SIRIM	Jumlah Syarikat
1	Belum kemukakan pendaftaran permohonan	20
2	Dalam proses pensijilan	8
3	Lulus pensijilan	2

SIRIM

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

SEKIAN , TERIMA KASIH

KPKT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN

PENGUATKUASAAN PRODUK MEROKOK BAGI RUU KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2023

PERSPEKTIF PIHAK BERKUASA TEMPATAN

JABATAN KERAJAAN TEMPATAN

KPKT

PUNCA KUASA

1) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

(Jadual Kesembilan [Perkara 74, 77], Perlembagaan Persekutuan)

- Pentadbiran dan hal ehwal pihak berkuasa tempatan adalah terletak di bawah Senarai II - **Senarai Negeri**

2) KERAJAAN NEGERI

(Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171), 1976)

Seksyen 3 -

- Kuasa **Pihak Berkuasa Negeri** untuk menubuhkan sesuatu pihak Berkuasa Tempatan

Seksyen 9 -

- Kuasa **Pihak Berkuasa Negeri** untuk memberi arahan kepada Pihak Berkuasa Tempatan

2

PUNCA KUASA

- **Pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri (PBN).**

MALAYSIAN THORACIC SOCIETY

What influences the nicotine absorption?



- Use behaviour
- Puff topography
- **Nicotine**
  - pH
  - Concentration
- **E-liquid**
  - Propelyne glycol
  - Glycerine
  - → Influence delivery
  - Design
    - High power
    - New generation delivers higher level
  - Flavourant
    - Menthol
    - Sweeter
    - → Increase absorption
    - → Palatable
    - → Perceived less harmful

MALAYSIAN THORACIC SOCIETY

Harmful effect of e-cigarette



Figure II
Axial CT scan in lung window:
A - Presence of bilateral ground glass opacities (asterisks) with subpleural sparing at the upper lobes (black arrowheads).
B - Bilateral lung consolidation at the lower lobes (black arrows).
Source: Radiology Department, Hospital Umum Sarawak, Kuching, Sarawak

Figure III
Coronal maximum intensity projection image showing diffuse centrilobular nodularity.
Source: Kligerman S, Raptis C, Larsen B, et al. Radiologic, Pathologic, Clinical, and Physiologic Findings of Electronic Cigarette or Vaping Product Use-associated Lung Injury (EVALI): Evolving Knowledge and Remaining Questions. Radiology. 2020;294(3):491-505

E-CIGARETTE AND VAPING PRODUCT-USE LUNG INJURY[1,2]



HEART AND LUNGS[3]



Figure 1.
Schematic depiction of the direct (A and B) and indirect (C) cancer-related effects of compounds inhaled from e-cigarettes.

CANCER[4]

1. CPG Management of E-Cigarette and Vaping Product-use lung Injury. MOH 2021
2. Rebuli ME, Rose JJ, Noël A, et al. The E-cigarette or Vaping Product Use–Associated Lung Injury Epidemic: Pathogenesis, Management, and Future Directions: An Official American Thoracic Society Workshop Report. Ann Am Thorac Soc. 2022;20(1):1-17. doi:10.1513/AnnalsATS.202209-796ST
3. Tsai, M., Byun, M.K., Shin, J. and Crotty Alexander, L.E. (2020), Effects of e-cigarettes and vaping devices on cardiac and pulmonary physiology. J Physiol, 598: 5039-5062.
4. Mravec B, Tibensky M, Horvathova L, Babal P. E-Cigarettes and Cancer Risk. Cancer Prev Res. 2020;13(2):137-144. doi:10.1158/1940-6207.CAPR-19-0346

E-cigarette as therapy?

Smoking cessation therapy

- Dual use of e-cigarettes and combustible tobacco[1]
- Prolong nicotine addiction[2]

Harm reduction

- Continuous exposure to toxicant[3]

1. Owusu D, Huang J, Weaver SR, et al. Patterns and trends of dual use of e-cigarettes and cigarettes among US adults, 2015–2018. Prev Med Rep 2019; 16: 101009

2. Hanewinkel R, Niederberger K, Pedersen A, et al. E-cigarettes and nicotine abstinence: a meta-analysis of randomised controlled trials. Eur Respir Rev 2022; 31: 210215

3. Pisinger C, Dagli E, Filippidis FT, et al. ERS and tobacco harm reduction. Eur Respir J. 2019;54(6):1902009. doi:10.1183/13993003.02009-2019

Malaysian Thoracic Society Consensus Statement

1. Malaysian Thoracic Society supports Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023
2. Generation end game is essential to reduce the disease burden, reduce economic burden caused by nicotine related illnesses and promote healthier nation

MALAYSIAN THORACIC SOCIETY

THANK YOU

NMM2023.MesyJPKKP15.02082023

MEMORANDUM KAWAL SELIA VAPE

LATAR BELAKANG

Kami sebagai pemain industri vape tanahair ingin mengemukakan suara kami berkenaan dasar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan deraf RUU Kawalan Produk Merokok demi Kesihatan Awam yang telah dibentang di Parlimen pada bulan Jun 2023 dan kini dikaji dan diteliti oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen.

Untuk makluman, pihak KKM telah membuat hanya satu sesi bersama industri pada tahun 2023 untuk memberikan makluman yang sangat ringkas berkenaan dasar kawal selia dan hanya membincangkan berkenaan suatu perkara, iaitu berkenaan dasar Generasi Penamat (GEG) untuk mendapatkan pendapat daripada pihak industri.

Ini membuatkan pihak industri tidak mempunyai butiran yang jelas berkenaan RUU tersebut kerana pihak industri tidak mendapat rangka kawal selia yang jelas ke atas industri vape.

INDUSTRI VAPE MALAYSIA MENYUMBANG KEPADA EKONOMI NEGARA

Industri vape tanahair yang rata-rata dipelopori oleh usahawan bumiputera telahpun berkembang pesat dengan lebih 3,300 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang menghasilkan kira-kira 15,000 peluang pekerjaan.

Industri vape tanahair juga kini dianggarkan bernilai lebih daripada RM2 bilion seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa perbentangan Bajet2023 awal tahun ini.

Berdasarkan statistik dari KKM, terdapat lebih kurang 1 juta pengguna vape di Malaysia pada tahun 2019 dan kami berpendapat majoriti daripada angka ini adalah bekas perokok memandangkan ramai perokok telah bertukar kepada vape. Angka ini juga dijangka telah meningkat dalam beberapa tahun ini memandangkan lebih banyak perokok telah bertukar kepada produk vape.

Data statistik dari kajian-kajian yang dijalankan juga menunjukkan industri vape tanahair merupakan sebuah industri tempatan yang mampan dan akan mampu memberikan sumbangan besar kepada ekonomi tempatan dalam merangsang pertumbuhan PKS dan terus menghasilkan peluang pekerjaan serta menjana hasil bagi kerajaan.

Dalam keadaan ekonomi dunia dan negara yang tidak menentu, banyak sektor-sektor lain yang bergelut untuk menarik pelaburan ke dalam negara, tetapi industri vape sebaliknya yakin bahawa ekosistem mampan kami berada pada kedudukan yang kukuh untuk menarik pelaburan global dan syarikat multinasional ke dalam negara kita.

VAPE MEMBANTU PEROKOK BERHENTI MEROKOK SEBAGAI ALTERNATIF KURANG MUDARAT

Produk vape harus dilihat sebagai secara terbuka dan sebagai salah satu inovasi yang memberi kesan positif kerana berjuta-juta perokok di seluruh dunia telah beralih kepada produk vape.

Harus diakui bahawa kewujudan vape adalah disebabkan oleh risiko merokok yang telah terbukti merbahayakan kesihatan dan manakala vape pula perlu dilihat sebagai produk alternatif yang membantu perokok beralih kepada produk yang kurang mudarat.

Walaupun KKM berpendapat sebaliknya, terdapat pelbagai kajian saintifik yang telah membuktikan produk vape sebagai alternatif yang kurang memudaratkan berbanding rokok tembakau serta berkesan dalam membantu perokok berhenti merokok apabila ia dikawalselia dengan kawalan yang sepatutnya.

Kajian-kajian luar dan dalam negara yang telah dijalankan memperakui vape sebagai satu alternatif berkesan untuk perokok berhenti merokok di mana terdapat bukti-bukti saintifik jelas tentang keberkesanan pengunaan vape yang mengandungi nikotin berbanding kaedah lain.

Vape juga adalah jalan terbaik untuk mengurangkan kesan negatif akibat dari pembakaran rokok tembakau, ini juga terbukti apabila negara-negara seperti UK dan New Zealand sendiri mempromosikan vape sebagai alat untuk perokok berhenti merokok.

Terdapat juga analisis dalam negara yang mendedahkan bahawa dengan peraturan pengunaan vape serta galakan kepada perokok untuk beralih ke vape sebagai alternatif yang kurang mudarat, Malaysia dapat mengurangkan jumlah perokok dari 5 juta kepada 4 juta menjelang 2025.

Selain dari itu, laporan tersebut juga menganggarkan bahawa vape mampu membantu negara mengurangkan perbelanjaan kesihatan untuk merawat penyakit berkaitan rokok sebanyak RM1.3 billion dalam satu tahun menjelang 2025.

Pada pendapat kami, industri vape di Malaysia akan suatu hari nanti menggantikan industri tembakau dan membantu jutaan perokok di Malaysia berhenti merokok sepenuhnya.

Dalam pada itu, kami ingin mengambil kesempatan di sini untuk memberikan pandangan kami berkenaan deraf RUU tersebut supaya perkara-perkara yang dibangkitkan dalam memorandum kami ini dapat dipertimbangkan dan dihuraikan bersama Jawatankuasa untuk perbincangan bersama KKM.

PENDAPAT INDUSTRI BERKENAAN DERAF RUU

1. **TIDAK WAJAR VAPE DITAKRIFKAN SEBAGAI "BAHAN MEROKOK" DAN "PERANTI MEROKOK" DAN JUGA DIKATEGORIKAN SEBAGAI "PRODUK MEROKOK" YANG JUGA TERMASUK PRODUK TEMBAKAU**

Adalah tidak wajar sekiranya produk vape diistilahkan sama dengan rokok konvensional atau rokok tembakau dan juga dikategorikan sebagai produk merokok.

Ini kerana kedua-dua produk ini adalah jelas berbeza. Rokok konvensional adalah produk yang dibuat dengan daun tembakau dan merokok adalah aktiviti yang melibatkan pengguna membakar rokok bagi mengeluarkan asap, dan asap yang terhasil dari pembakaran tersebut datang dari bahan-bahan toksik yang jelas berbahaya.

Manakala, vape adalah produk pemanasan cecair bagi menghasilkan wap air yang terdiri daripada Vegetable Glycerin (VG), Propylene Glycol (PG), perisa dan nikotin.

Kedua-dua rokok tembakau dan vape jelas adalah produk yang berlainan dan tidak boleh disamakan, kerana tiada contoh di negara yang lain yang menyamakan produk rokok dengan produk vape.

Dari segi peraturan juga banyak negara yang mengawal selia kawalan produk vape dengan peraturan yang berbeza daripada rokok. Satu adalah produk yang terbukti mudarat dan satu adalah produk yang terbukti 95% kurang mudarat berdasarkan kajian agensi kesihatan awam.

Malah istilah global WHO juga menggunakan *ENDS/ENNDS (Electronic Nicotine Delivery System/Electronic Non-Nicotine Delivery System)* untuk vape dan *"cigarette/tobacco products"* untuk rokok atau hasil tembakau.

CADANGAN INDUSTRI - Kami ingin menegaskan bahawa vape dan rokok adalah dua produk yang berbeza dan industri memohon agar takrifan rokok dan vape tidak disamakan dalam sebarang perkataan.

Kami mencadangkan agar takrifan untuk produk vape dalam deraf RUU tersebut ditukar untuk konsisten dengan istilah yang digunakan global iaitu ENDS/ENNDS.

Ini adalah supaya tiada sebarang kekeliruan kepada orang ramai bahawa vape itu adalah sama dengan rokok konvensional atau produk tembakau.

2. **TIDAK WAJAR PENGGUNAAN VAPE DITAKRIFKAN SEBAGAI "MEROKOK" YANG JUGA SAMA DENGAN MEROKOK ROKOK KONVENSIONAL ATAU ROKOK TEMBAKAU**

Adalah tidak wajar sekiranya penggunaan produk vape diistilahkan sama dengan penggunaan rokok konvensional atau rokok tembakau sebagai perbuatan "merokok".

Seperti yang dijelaskan di atas, kedua-dua produk ini adalah jelas berbeza di mana rokok konvensional adalah produk yang dibuat dengan daun tembakau dan merokok adalah aktiviti yang melibatkan pengguna membakar rokok bagi mengeluarkan asap, dan asap yang terhasil dari pembakaran tersebut datang dari bahan-bahan toksik yang jelas berbahaya.

Manakala, vape adalah produk pemanasan cecair bagi menghasilkan wap air yang terdiri daripada Vegetable Glycerin (VG), Propylene Glycol (PG), perisa dan nikotin.

Malah istilah global WHO juga menggunakan *"vaping"* untuk penggunaan vape dan *"smoking"* untuk penggunaan rokok iaitu merokok.

CADANGAN INDUSTRI - Kami ingin menegaskan bahawa vape dan rokok adalah dua produk yang berbeza dan industri memohon agar takrifan penggunaan vape tidak dikategorikan sebagai "merokok" dan suatu takrifan yang berlainan digunakan.

Ini adalah supaya tiada sebarang kekeliruan kepada orang ramai bahawa penggunaan vape itu adalah sama dengan perbuatan merokok rokok konvensional atau produk tembakau.

3. **INDUSTRI MENOLAK CADANGAN GENERASI PENAMAT IAITU LARANGAN PENJUALAN DAN PENGGUNAAN PRODUK UNTUK SESIAPA YANG DILAHIRKAN SELEPAS 2007**

Kami menyokong penuh hasrat kerajaan untuk memperkenalkan peraturan untuk mengawal selia vape tetapi industri tidak bersetuju dengan dasar untuk melaksanakan Generasi Penamat.

Ini kerana polisi ini akan menjejaskan perniagaan pengusaha-pengusaha vape tanahair serta keseluruhan ekosistem industri vape itu sendiri yang terdiri daripada pengeluar, pengimport dan peruncit, rangkaian pengedar dan logistik tempatan.

Polisi ini juga akan membantutkan perkembangan ekonomi tempatan yang telah dibina oleh usahawan tempatan selama ini yang melibatkan lebih daripada 3,000 perniagaan serta 15,000 perkerja.

Polisi ini bukan sahaja akan menyekat kemajuan yang telah dicapai industri sehingga kini, malah usahawan yang ramai terdiri daripada peniaga tempatan dan bumiputera terpaksa menghadapi risiko gulung tikar dari perniagaan yang mereka telah bangunkan hasil dari titik peluh mereka pada masa depan.

Ia juga akan menjejaskan keseluruhan ekosistem industri vape serta potensi penuh industri ini untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tempatan dan pendapatan negara.

Kami memahami hasrat KKM untuk membendung penggunaan produk vape di kalangan kanak-kanak dan individu bawah umur. Tetapi ini adalah dasar yang tidak munasabah dalam menghalang sesiapa yang telah mencapai umur dewasa untuk membuat keputusan berbuat sesuatu pada masa hadapan.

Bukan sahaja ia memberikan kesan negatif kepada industri, ia juga menarik hak-hak orang dewasa dalam membuat sesuatu keputusan berkenaan tabiat mereka dan ini akan dijadikan sebagai satu contoh / *precedent* untuk membendung tabiat-tabiat yang lain.

CADANGAN INDUSTRI – Industri berpendapat undang-undang dan peraturan perlu mencari titik keseimbangan untuk memastikan industri vape diberikan ruang untuk memasarkan produk kepada pengguna dewasa yang menggunakan produk vape terutamanya perokok yang ingin bertukar kepada produk alternatif yang kurang mudarat dan memastikan produk tidak terjual dan tercapai oleh kanak-kanak.

Oleh itu, industri mencadangkan agar cadangan Generasi Penamat dikeluarkan daripada RUU dan digantikan dengan larangan penjualan kepada individu bawah umur 18 tahun.

Pada masa sama, industri juga mencadangkan agar penalti dan hukuman yang berat dikenakan untuk sesiapa yang menjual produk vape atau sesiapa yang membolehkan kanak-kanak dapat mencapai, membeli atau menggunakan produk vape supaya isu penggunaan oleh individu bawah umur dapat dibendung.

4. **TIDAK WAJAR UNTUK MELARANG MEMPROMOSIKAN PRODUK VAPE SEBAGAI PRODUK BERHENTI MEROKOK**

Seperti yang terkandung dalam klausa 7, 8 dan 9, produk vape adalah dilarang untuk dipromosikan sebagai produk berhenti merokok.

Ini adalah tidak wajar kerana selama ini, vape adalah produk yang telah terbukti membantu perokok rokok konvensional berhenti merokok.

Pelbagai bukti dan kajian saintifik telah menunjukkan keberkesanan produk vape dalam perkara ini dan ini juga telah diiktiraf oleh pelbagai institusi kesihatan awam di negara lain.

Kami ambil maklum bahawa KKM masih bertegas dan enggan mempertimbangkan perkara ini tetapi ini adalah fakta yang telah ditunjukkan di negara New Zealand, England, Kanada, Amerika Syarikat dan sebagainya.

Malah klausa 9 menunjukkan pendekatan yang teramat drastik diambil KKM dengan melarang sebarang forum, bengkel, kursus yang membincangkan topik pengurangan kemudaratan tembakau oleh pakar kesihatan awam.

Untuk makluman, New Zealand, salah satu contoh negara yang mengenakan peraturan ketat ke atas produk rokok telah membuat peraturan dan akta vape yang dikeluarkan tahun lepas untuk membolehkan papan tanda ditunjukkan di tempat jualan yang menyatakan *"Completely replacing your cigarette with a vape will reduce harm to your health" / "If you smoke, switching completely to vaping is a much less harmful option"*. Maklumat sebegini untuk promosikan dan mengiklankan produk vape adalah bertujuan untuk menyarankan perokok bertukar kepada vape kerana ia adalah terbukti kurang mudarat dan boleh membantu perokok berhenti merokok.

Malah Kerajaan New Zealand sendiri menjalankan inisiatif untuk mempromosikan vape untuk perokok berhenti merokok melalui vape. Contoh ini boleh dilihat dari aktiviti dan kempen VapingFacts New Zealand (https://vapingfacts.health.nz/).

Kami bersetuju dengan matlamat KKM untuk memastikan produk-produk vape ini tidak dibeli oleh kanak-kanak bawah umur dan aktiviti pemasaran haruslah memastikan ia tidak menggalakkan penggunaan individu bawah umur.

Tetapi untuk menghalang aktviti promosi produk vape sebagai produk berhenti merokok adalah tidak wajar dan menghalang sebarang perbincangan dalam perkembangan produk vape dan potensiny dalam membantu perokok berhenti merokok oleh pakar kesihatan awam adalah terlampau drastik.

CADANGAN INDUSTRI –

Aktiviti pemasaran, promosi, pengiklanan yang berdasarkan fakta perlu diberikan ruang supaya pengguna dewasa dapat memahami produk vape itu adalah berbeza dengan rokok dan juga kesan penggunaannya berbanding rokok konvensional.

Ini bukannya tertujuan untuk mengalakkan penggunaan tetapi untuk memberikan fakta yang jelas berkenaan produk vape seperti penggunaannya membantu perokok berhenti merokok atau produk tersebut kurang mudarat berbanding merokok.

Malah aktiviti mempromosikan produk vape sebagai produk berhenti merokok perlu disaran di tempat jualan rokok supaya perokok dapat memilih beralih kepada vape untuk berhenti merokok.

5. KEPERLUAN BUTIRAN JELAS RANGKA KAWAL SELIA PRODUK VAPE

Seperti yang terkandung dalam deraf RUU sedia ada, kebanyakkan klausa tidak memberikan butiran yang jelas berkenaan rangka kawal selia produk vape. Malah, klausa-klausa tersebut memberikan kuasa mutlak kepada Menteri dan Ketua Pengarah untuk membuat peraturan dan penetapan dalam kawal selia.

Contohnya dalam klausa 4, 6, 10, 15, 16, 17, 20, 22, 30, 53

Kesemua klausa ini adalah berkaitan dengan kawalan produk, pendaftaran, pembungkusan, kawalan harga dan sebagainya. Dalam perkara-perkara semua ini, industri tidak mendapat sebarang butiran daripada KKM dalam tatacara kawal selia yang akan ditetapkan melalui peraturan.

Oleh itu, industri memohon agar Jawatankuasa dapat mendapatkan KKM untuk memberikan butiran untuk dimasukkan ke dalam RUU tersebut atau untuk mengadakan perbincangan bersama industri untuk membuat rangka kawal selia tersebut.

Berikut adalah antara perkara yang industri mohon untuk KKM huraikan butiran untuk dibincangkan bersama Jawatankuasa:

a. LARANGAN KEPADA FORMAT OPEN SYSTEM, CLOSED SYSTEM ATAU PAKAI BUANG (DISPOSABLE)

Berdasarkan kajian daripada Universiti Malaya pada tahun 2020, *E-cigarette prevalence among Malaysian adults and types and flavors of e-cigarette products used by cigarette smokers who vape: Findings from the 2020 ITC Malaysia Survey,* nisbah penggunaan tiga jenis format produk ini adalah 46% (closed system), 43% (open system) dan 10% (disposable).

Sejak 2020, industri juga telah melihat penggunaan produk pakai buang (disposable) telah meningkat pesat dan kami menjangka segmen ini telah mencapai lebih kurang 40% dalam pasaran pada masa ini manakala kedua-dua format adalah lebih kurang 30%-40%.

Dalam pada itu, kami berpendapat supaya tiada larangan dikenakan kepada ketiga-tiga format ini.

Di negara-negara lain seperti UK, New Zealand, format ini juga tidak dilarang untuk dijual tetapi mereka dikawal selia.

Dan kawal selia yang digunapakai adalah mengenakan saiz maksima untuk setiap produk yang mengandungi liquid / e-cecair untuk menghadkan jumlah penggunaan.

CADANGAN INDUSTRI – Langkah yang patut diambil adalah peraturan untuk menghadkan saiz produk dan bukannya melarang penjualan format produk tersebut.

Pertimbangan juga perlu diberikan untuk keadaan semasa pasaran serta pengguna. Saiz maksima yang rendah akan memberikan kesan kepada industri dan pengguna yang akan mencari produk dari pasaran tidak sah sekiranya peraturan yang dikenakan tidak bersesuaian dengan pasaran.

Saiz maksima untuk setiap produk dicadangkan dari pihak industri:

- **Botol (Open System) – 10ml**
- **Kartrij (Closed System) – 10ml**
- **Pakai Buang (Disposable System) – 10ml *(sama seperti saiz botol open system)***

Pada masa yang sama, industri juga mencadangkan agar larangan dikenakan untuk memastikan rekabentuk produk vape tidak menyerupai sebarang mainan, minuman, makanan supaya produk tidak mengalakkan pengunaan oleh individu bawah umur serta tidak mengelirukan individu bahawa produk vape adalah makanan atau minuman.

b. PENETAPAN HAD MAKSIMA NIKOTIN DALAM PRODUK VAPE

Pada tahun 2021/2022, KKM pernah memaklumkan kepada industri bahawa KKM bercadang menetapkan had 10miligram dalam setiap mililiter. Selepas itu, industri tidak mendapat sebarang makluman berkenaan perkara ini walaupun isu ini telah berkali-kali dimohon industri untuk perbincangan.

Industri berpendapat, tahap 10mg setiap militer yang dicadangkan oleh KKM berada di paras yang terlampau rendah dan akan menyukarkan industri tempatan kerana pengguna akan mencari produk yang mempunyai kadar nikotin yang lebih tinggi seperti yang terjual di negara lain. Akhirnya, ini akan mengakibatkan pengguna beralih kepada produk yang tidak sah dan yang tidak mematuhi peraturan.

Untuk makluman, di negara-negara lain, kadar yang ditetapkan adalah antara 65mg – 20mg. Sebagai contoh:

- US, Indonesia, Filipina: 65mg setiap militer
- New Zealand: 50mg setiap militer
- UK, Eropah, Kanada: 20mg setiap militer

Sebahagian besar daripada pengilang-pengilang di Malaysia turut mengeksport produk cecair vape serata dunia. Kami boleh memberikan maklumat lanjut berkenaan had yang ditetapkan di negara-negara lain sekiranya lebih banyak maklumat diperlukan lagi.

Pada masa yang sama, kami juga ingin menyatakan kajian Pusat Racun Negara bersama Kementerian Kesihatan terdahulu yang menyatakan kandungan nikotin tinggi di aras 40mg setiap mililiter akan menyebabkan kematian adalah tidak tepat kerana negara lain seperti yang dinyatakan di atas telahpun menetapkan kadar tersebut berdasarkan bukti saintifik dan kajian yang tidak berat sebelah.

CADANGAN INDUSTRI –

Kami berpandangan kadar ini ditetapkan pada kadar sedia ada yang popular iaitu 50mg setiap mililiter dan tahap ini disemak semula setiap 3 tahun untuk dipertimbangkan sama ada ia perlu dikurangkan atau tidak.

Sekiranya, keputusan yang diambil adakah untuk mengurangkan kadar tersebut, kami juga mencadangkan ia diturunkan secara berperingkat dan bukannya secara drastik dan mengejut.

c. KAWALAN PERISA DALAM PRODUK VAPE

Baru-baru ini, KKM telah mengumumkan dalam Parlimen bahawa KKM sedang mengkaji kawalan perisa dalam produk vape *(Tobacco Bill To Regulate Vape Flavours, Packaging, https://codeblue.galencentre.org/2023/05/24/tobacco-bill-to-regulate-vape-flavours-packaging/)*

Perkara ini tidak pernah dibawakan untuk berbincang bersama industri.

Untuk makluman, perisa dalam produk vape adalah antara faktor utama mendorong perokok beralih kepada vape untuk berhenti merokok. Dengan sebarang larangan ke atas perisa dalam produk vape, ia akan menyukarkan perjalanan perokok untuk berhenti merokok melalui vape dan juga membantut perkembangan industri tempatan.

Industri ambil maklum KKM bimbang perisa sebagai faktor mendorong penggunaan vape di kalangan individu bawah umur.

CADANGAN INDUSTRI –
Industri berpendapat perisa produk vape tidak patut ada sebarang larangan.

Sekiranya KKM bertegas untuk mengawal perisa, industri berpendapat ciri-ciri tersebut perlu dibincang bersama pihak industri supaya persetujuan dapat dicapai.

d. PENJELASAN BERKENAAN CADANGAN KAWALAN TEMPAT JUALAN

Industri pernah dimaklumkan bahawa KKM bercadang untuk menghadkan penjualan produk vape ke hanya kedai khusus vape sahaja.

Perkara ini tidak dibincangkan dengan jelas kerana ini akan melibatkan pekedai memerlukan permohonan lesen dan tatacara perlesenan untuk rangkaian peruncitan dan pengedaran dalam industri ini tidak pernah dibincangkan bersama pemain-pemain industri.

Pada masa yang sama, kami juga tidak melihat sebarang klausa berkenaan perkara ini terkandung dalam deraf RUU pada masa ini.

Dari pihak industri, kami berpendapat ini adalah tidak wajar kerana, rokok tembakau yang jelas memudaratkan dengan bahan-bahan toksin yang berbahaya masih boleh dipasarkan di

mana-mana sahaja kedai serata Malaysia, tetapi bagi produk yang diperakui 95% kurang mudarat hanya dibenarkan dijual di kedai khusus vape sahaja.

Kami melihat bahawa cadangan ini amat bertentangan dengan prinsip pengurangan kemudaratan tembakau bagi mengalakkan perokok-perokok tegar untuk beralih kepada alternatif kurang mudarat yang juga mampu menghentikan tabiat merokok.

Sewajarnya produk vape ini harus dibenarkan di jual di semua tempat jualan yang menjual rokok supaya ia boleh mengalakkan perokok untuk beralih kepada vape.

Malah, di UK juga terdapat hospital dan kedai farmasi yang menjual produk vape dan ini menunjukkan keberkesanan produk ini untuk membantu perokok beralih kepada produk vape.

CADANGAN INDUSTRI –
Tempat penjualan produk vape tidak harus dihadkan. Sebaliknya produk vape diberikan kebenaran untuk dijual di lebih banyak rangkaian penjualan yang sama seperti rokok.

Ini akan memberikan peluang kepada perokok untuk mengakses produk vape yang kurang mudarat dan juga tahap persaingan yang sama dengan industri rokok.

Sekiranya KKM bertegas untuk menghadkan penjualan produk vape di kedai khusus sahaja, perkara ini perlu dibincang bersama terutamanya dari segi tatacara perlesenan supaya ia tidak menyukarkan sektor peruncitan.

e. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN YANG MENGGUNAKAN GAMBAR EVALI

Industri pernah dimaklumkan bahawa KKM bercadang untuk mengenakan amaran kesihatan penggunaan dengan mencetak gambar pesakit EVALI di atas produk.

Untuk makluman, takrifan EVALI oleh KKM adalah tidak tepat kerana EVALI bukannya berpunca daripada penggunaan vape yang mengandungi nikotin. Menurut FDA, agensi kesihatan Amerika Syarikat di mana penyakit EVALI dilaporkan, isu tersebut berbangkit kerana penyalahgunaan produk vape dengan bahan terlarang iaitu THC dan Vitamin E asetat.

Itu adalah punca penyakit EVALI yang dilaporkan yang berdasarkan kajian dan bukti.

Kami berpendapat tindakan KKM untuk mengkategorikan sebarang isu berkaitan dengan penggunaan vape sebagai penyakit EVALI adalah sesuatu yang salah dan tidak tepat dan kami memohon agar KKM menunjukkan bukti tersebut bahawa kes-kes yang dilaporkan di Malaysia adalah sama seperti yang dilaporkan di Amerika Syarikat.

Oleh itu, industri berpandangan pembungkusan produk yang memerlukan gambar pesakit EVALI dicetak di atas produk adalah tindakan yang tidak wajar dan salah kerana ia memberikan mesej yang salah kepada orang ramai dan hanya memburukkan industri tanpa bukti saintifik.

CADANGAN INDUSTRI –
Sebarang perlabelan ke atas pembungkusan perlu dibuat berdasarkan bukti.

Industri menyaran agar pembungkusan meletakkan amaran kesihatan teks bertulis seperti yang digunapakai di negara lain iaitu "This product contains nicotine and is addictive" atau "This product is not for minors" dan dicetak dalam bahasa kebangsaan negara.

6. **PENJELASAN BERKENAAN KAWALAN HARGA PRODUK DAN TATACARA PERMOHONAN SERTA KELULUSAN**

Seperti yang terkandung dalam klausa 15 deraf RUU, kawalan harga adalah diperkenalkan untuk mengawal harga produk dan harga minima juga akan ditetapkan.

Industri berpendapat proses permohonan untuk mendapatkan kelulusan daripada KKM ini akan memakan masa memandangkan terdapat jumlah produk yang banyak dalam pasaran.

Malah dari segi kawalan tersebut, sekiranya akan terdapat sekatan daripada perubahan harga selepas kelulusan diperolehi, ia akan menyukarkan persaingan dalam industri yang bertentangan dengan Akta Persaingan di negara.

Pada masa yang sama, tiada mana-mana negara yang membuat kawalan harga melalui permohonan harga jualan runcit seperti yang terkandung dalam deraf RUU tersebut.

CADANGAN INDUSTRI –

Dari segi ini, industri mencadangkan agar KKM hanya menetapkan harga minima runcit untuk memastikan produk tidak terjual di harga paras rendah.

Dan memandangkan telah wujudnya pendaftaran produk, keperluan permohonan harga jualan yang berasingan tidak diperlukan kerana ia akan membuatkan proses ini agak sukar untuk dilaksanakan memandangkan jumlah produk yang terjual di pasaran adalah banyak.

7. LARANG PAMERAN PRODUK DI TEMPAT JUALAN

Menurut klausa 10 dalam deraf RUU tersebut, ia menyatakan bahawa akan ada larangan mempamerkan produk vape di tempat jualan.

Pihak industri ingin menyuarakan bantahan berkenaan perkara ini di mana larangan ini akan membuatkan industri vape tanahair terkesan di mana polisi ini memihak kepada syarikat asing.

Untuk makluman, produk-produk yang terjual dalam pasaran adalah kebanyakannya produk buatan usahawan tempatan dan syarikat Malaysia dan sekiranya larangan ini dikenakan, ia akan memberikan kelebihan kepada syarikat asing yang mempunyai produk dan jenama yang lebih terkenal.

Oleh kerana larangan pameran akan membuatkan semua produk tidak dapat dilihat pengguna di tempat jualan, pengguna akan mencari produk syarikat asing yang lebih terkenal kerana tiada keupayaan untuk sektor peruncitan memberikan gambaran kepada pengguna berkenaan produk buatan usahawan tempatan dan syarikat Malaysia.

Selain itu, cadangan ini juga akan menimbulkan kerumitan kepada industri vape dan pengguna kerana produk ini tidak terlihat di tempat jualan. Malah ia juga akan memberikan mesej yang salah kepada pengguna kerana produk vape dan rokok adalah produk yang berlainan dan tidak patut dikenakan langkah yang sama.

CADANGAN INDUSTRI –

Seperti yang digunapakai di negara lain, tiada larangan untuk mempamerkan produk vape. Sebaliknya kawalan yang ketat dikenakan untuk memastikan tiada penjualan

kepada sesiapa yang berumur di bawah 18 tahun. Sekiranya sesiapa yang didapati menjual kepada mereka yang berumur 18 tahun, hukuman yang lebih tinggi perlu dikenakan.

8. PENYELARASAN BERSAMA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

Pada masa ini, terdapat keperluan untuk membuat penyelarasan bersama pihak berkuasa tempatan.

Untuk makluman, pihak berkuasa tempatan di sesetengah negeri seperti Johor masih tidak membenarkan penjualan vape dan ini merupakan isu yang besar kepada industri vape tanahair.

Ia melibatkan isu lesen perniagaan yang tidak diproses atau dikeluarkan ke atas kedai penjual vape dan ramai penjual yang telah dikenakan tindakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) walaupun Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah untuk membolehkan vape dijual dipasaran sebagai barang pengguna dan mengenakan cukai ke atas produk vape.

Ini menyebabkan ramai yang Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh melakukan apa sahaja tindakan yang dirasakan wajar kepada peniaga. Untuk tahun ini sahaja, peniaga dalam industri vape telah menanggung kerugian apabila kedai mereka disita.

Selagi penyelarasan bersama PBT masih tidak dibuat berkenaan perniagaan dan penjualan vape, perkara ini akan terus berulang.

CADANGAN INDUSTRI –

Penyelarasan bersama PBT dibuat agar semua negeri mempunyai mesej yang konsisten berkaitan operasi perniagaan vape.

9. LARANGAN IMPORT LIQUID VAPE YANG MASIH DIKENAKAN ADALAH *ULTRA VIRES*

Untuk makluman, walaupun Kementerian Kesihatan Malaysia secara rasmi telah mengecualikan nikotin untuk cecair vape daripada Akta Racun 1952, Kementerian Kesihatan Malaysia pada masa ini masih mengenakan larangan import liquid vape yang masih berpandukan kuasa daripada Akta Racun 1952 tersebut..

Dalam perbincangan pihak industri bersama Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, perkara ini adalah suatu halangan untuk industri mengimport produk vape serta membayar cukai yang telah dikenakan.

Ini adalah disebabkan keengganan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menarik balik larangan import cecair vape yang terkandung dalam **Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2007.**

Tindakan larangan import daripada Kementerian Kesihatan Malaysia yang menggunakan kuasa Akta Racun 1952 ini, adalah tindakan *ultra vires* kerana pengecualian nikotin daripada cecair vape telah dibuat sejak 1 April 2023

CADANGAN INDUSTRI –
Mohon agar Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil tindakan supaya larangan import seperti yang terkandung dalam Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2007 ditarik balik.

MALAYSIAN VAPERS ALLIANCE

Vaping in Malaysia: Consumer Insights & Behaviour

INTRODUCTION

The **Malaysian Vapers Alliance (MVA)** is a non-profit advocacy group that supports the use of vaping products to help smokers quit, while advocating for Malaysian vapers. We know that **vaping has already changed the lives of millions of smokers** for the better locally and globally, and to continue in this goal, regulators must develop a framework for vaping that is evidence-based and differentiated from cigarettes.

In July 2023, MVA embarked on a **five-week tour to engage with Malaysian vapers** to demystify common misperceptions on vape. Most importantly, we used this opportunity to learn about the consumption patterns of vapers as well as their views of key topics within the industry.

Our tour had a total of **nine stops across Kuala Lumpur, Selangor, Melaka and Penang.** We interacted with over 5,000 vapers and surveyed a **total of 708 respondents**.

EXECUTIVE SUMMARY

- **Most vapers are aware of the generation endgame (GEG) policy, but do not support it. However, they are strongly supportive of the move to introduce regulations that are different from cigarettes**
- **Majority vapers choose to vape because it helps them quit smoking**
- **There is a rise in disposable vape, with a majority preferring products with more than 10 millilitre (ml) e-liquids (5,000 puffs) and between 2 - 4ml e-liquids (600 – 1,200 puffs)**
- **Majority vapers who use nicotine in e-liquids prefer a nicotine level of up to 40 milligram (mg) per ml**
- **Malaysian vapers prefer fruit flavoured e-liquids**
- **Vapers are aware of tobacco harm reduction (THR) strategies and think that every cigarette smoker should be educated on this**

RESULTS

Majority of vapers are ex-smokers.
They have switched to vape because it helps them quit smoking.

73.7% vapers are ex-smokers

80.1% switched to vape as it helped them quit smoking

Malaysian vapers are aware of GEG but do not support it. They do however support the introduction of regulations that are differentiated from cigarettes.

Vapers are willing to purchase unregulated products if a ban on vape is implemented, or if regulations are not in line with their consumption habits.

59.6% are aware of GEG

96.6% do not agree with GEG

84% support the move to introduce vape regulations that are differentiated from cigarettes

66.9% will turn to unregulated products if regulations are not in line with their consumption habits

Majority vapers prefer nicotine liquids and use an open or closed system but there is a significant growth trajectory in disposable vape. Fruity flavours are the most popular.

25.8% interchange their products

47.8% prefer an open or closed system

26.4% prefer disposable vape

Vapers who purchase disposable vape prefer products with more than
10ml e-liquids (more than 5,000 puffs) **29.9%**
or 2 - 4ml e-liquids (600 – 1,200 puffs) **38.2%**

53% prefer fruit flavoured e-liquids

Vapers primarily use
nicotine-based e-liquids **76.1%**
with a nicotine level of
up to 40mg per ml **96.1%**

Most vapers are aware of THR strategies and agree that it is the best approach to quit smoking. They strongly advocate for THR education, especially amongst current cigarette smokers.

75.8% understand the concept of THR

85.8% believe cigarette smokers should be educated on THR

www.malaysianvapersalliance.com

RECOMMENDATIONS

Regulate vape, but without GEG policy

The GEG policy will risk having long-term negative consequences. Treating vape and smoking as the same overlooks the substantial harm reduction potential of vaping. Equating the two products may inadvertently dissuade smokers from transitioning to a less harmful alternative. It is imperative to recognise that vaping has shown promise in helping smokers quit traditional cigarettes. To ensure consumer safety and encourage responsible adoption, regulations must be tailored to acknowledge the relative harm reduction benefits of vaping over smoking.

Acknowledge the harm reduction potential of vape

It is paramount to acknowledge and actively promote THR as a viable strategy to reduce smoking prevalence. Vaping has emerged as an effective method for smokers seeking to quit smoking. Incorporating evidence-based harm reduction approaches into regulatory frameworks can play a pivotal role in curbing smoking rates. To achieve this, regulations should foster an environment where vaping products are accessible, regulated, and supported as cessation tools.

Regulations must be comprehensive

All vape products, including newer innovations such as disposable vape, must be included when regulations are introduced. By ensuring a level playing field across the market, the government can maintain consistent safety standards and prevent access to minors. Furthermore, regulations must be in sync with consumer behaviours and preferences to avoid inadvertently driving consumers towards unregulated products. Balancing consumer demands with safety concerns is essential to deter illegal trade and safeguard public health effectively.

ACATA
Advanced Centre for Addiction Treatment Advocacy

RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023

Pandangan dan Cadangan

ACATA
Advanced Centre for Addiction Treatment Advocacy

SMOKING KILLS

Six skeletons smoking around the dinner table, in an image taken around 1865. London Stereoscopic Company/Hulton Archive/Getty Images

The 7th edition of the Tobacco Atlas launched on May 18, 2022 with three key takeaways:

- For the first time, global smoking prevalence has fallen, but with **1.3 billion global tobacco users**, it remains a **leading driver of premature death and disease** and is a continuing development concern.
- Industry commitment to pushing cigarettes drives catastrophic harms: **nearly 5 trillion cigarettes are consumed each year**, contributing to more than **8 million deaths** and nearly **US $2 trillion in economic damage**.
- Progress is tenuous and must be accelerated: The Atlas found **smoking among young teens ages 13-15 increasing in 63 countries**. In general, slower progress among many larger, poorer countries threaten to outweigh gains in many higher-income countries.

D.R. 25/2023

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2023

SUSUNAN FASAL

Pandangan ACATA

1. Takrifan, pengkategorian dan peruntukan undang undang yang sama bagi Produk Pemberian Nicotin Baru (Novel Nicotine Delivery Systems - NNDS) seperti vape dan Rokok Tembakau

2. Pengiktirafan NNDS sebagai alat bantuan untuk berhenti merokok

3. Generasi Penamat (Generational End Game – GEG)

Takrifan Merokok

"merokok" ertinya menyedut dan menghembus asap atau wap, apa-apa produk tembakau atau produk pengganti tembakau, dan termasuklah memegang atau mempunyai kawalan ke atas apa-apa produk tembakau atau produk pengganti tembakau yang dinyalakan, dipanaskan atau diwapkan atau menggunakan apa-apa cara lain;

Cigarette smoking: More Than 7000 Poisons and About 69 Carcinogenic Substances



5 Toxicology of E-Cigarette Constituents

In general, e-cigarettes often contain ingredients such as propylene glycol (PG) and glycerol, mixed with concentrated flavors and, optionally, a variable percentage of nicotine. Quantitative and qualitative studies have identified a wide variety of chemical components in the cartridges, refill solutions, and aerosols of e-cigarettes. Herrington and Myers (2015) have detected approximately 60 to 70 compounds (unidentified and identified) in each liquid tested, only varying by several constituents throughout the liquid. Kucharska and colleagues (2016) have identified 113 chemicals in 50 brands of liquids. Even more compounds are observed in the aerosol over their respective solution because some chemicals are generated during the vaporization process. An aerosol generated from a single product tested by Herrington and Myers (2015) showed 18 additional compounds observed in the solution.

Public Health Consequences of E-Cigarettes : NASEM



US Food & Drug Administration: "We do know that e-cigarettes - as a general class - have markedly less risk than a combustible cigarette product."
- Dr. Brian King, Director, FDA Center for Tobacco Products

US Centers for Disease Control and Prevention: "E-cigarettes expose users to fewer harmful chemicals" and "have the potential to benefit adult smokers if used as a complete substitute."

Public Health England: "Our new review reinforces the finding that vaping is at least 95% less harmful than cigarette smoking, and of negligible risk to bystanders."

UK Royal College of Physicians: "E-cigarettes are unlikely to exceed 5% of the risks associated with smoked tobacco products, and may well be substantially lower than this figure."

Royal Australian College of General Practitioners: "It is reasonable to conclude that if used as a substitute, e-cigarettes are much less harmful than continuing to smoke."

Health Canada: "If you are an adult that currently smokes, switching completely to vaping is a less harmful option than continuing to smoke. ...Vaping is not known to cause Popcorn lung."

French National Academy of Medicine: "It is established that the vaporette is less dangerous than the cigarette. ...It is therefore preferable for a smoker to vape."

German Federal Institute for Risk Assessment: "According to current knowledge, e-cigarettes are less harmful than conventional tobacco products when used as intended."

New Zealand Ministry of Health: "The evidence on vaping products indicates they carry much less risk than smoking cigarettes [and] can help people to quit smoking.

Pengkategorian dan Peruntukan Undang Undang

(2) Tiada seorang pun boleh menerbitkan atau memudahkan mana-mana orang untuk menerbitkan apa-apa iklan peranti merokok yang—

(a) mengandungi apa-apa tawaran atau pelawaan untuk membeli apa-apa produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau;

(b) dimaksudkan atau berkemungkinan untuk menggalakkan mana-mana orang untuk merokok; atau

(c) mempromosikan peranti merokok itu sebagai suatu produk berhenti merokok.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) sekiranya orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan—

(i) bagi kesalahan pertama, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya; dan

(ii) bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan

Tiada Pengiktirafan Alat Berhenti Merokok

(2) Tiada seorang pun boleh menerbitkan atau memudahkan mana-mana orang untuk menerbitkan apa-apa iklan peranti merokok yang—

(a) mengandungi apa-apa tawaran atau pelawaan untuk membeli apa-apa produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau;

(b) dimaksudkan atau berkemungkinan untuk menggalakkan mana-mana orang untuk merokok; atau

(c) mempromosikan peranti merokok itu sebagai suatu produk berhenti merokok.


UNIVERSITY OF OXFORD
NEWS & EVENTS
Home › News › Latest Cochrane Review finds high certainty evidence that nicotine e-cigarettes are more effective than traditional nicotine-replacement therapy (NRT) in helping people quit smoking
Latest Cochrane Review finds high certainty evidence that nicotine e-cigarettes are more effective than traditional nicotine-replacement therapy (NRT) in helping people quit smoking
HEALTH MEDICAL SCIENCES RESEARCH
17 November 2022


AUSTRALIA
Discussion
Vaping is a second-line quitting aid for adult smokers unable to quit with approved treatments and is the most popular quitting method in Australia. It is safer than smoking and more effective than nicotine replacement therapy. It is necessary that general
NEW ZEALAND
Availability of vaping products in New Zealand
From November 2020, vaping products are regulated under the Smokefree Environments and Regulated Products Act 1990. People can use vaping products to support smoking cessation, but vaping products cannot be marketed as a stop-smoking medication.
SWEDEN
Harm reduction via alternative nicotine products: For smokers who are struggling to quit, provide access to less harmful alternatives (HRPs), e.g., e-cigarettes, oral nicotine pouches, snus, and heated tobacco products. This approach is currently not embraced by the WHO FCTC, despite being enshrined in Article 1(d) of the original treaty[4].
UNITED KINGDOM
Vaping to quit smoking
There's some confusion and misleading information about vaping, which can make it difficult to work out what's true or not.
Nicotine vaping is substantially less harmful than smoking. It's also one of the most effective tools for quitting smoking.
Vaping is not recommended for non-smokers and young people because it is not completely harmless.
Here you will find the facts on vaping, based on scientific evidence and research, plus advice on how to use vapes (sometimes called e-cigarettes or e-cigs) as a tool to quit smoking.

New Zealand

(a) in the case of a large retailer,—

(i) to a fine not exceeding $200,000; but

(ii) if the contravention relates to a vaping product or smokeless tobacco product, to a fine not exceeding $70,000; and

(b) in any other case,—

(i) to a fine not exceeding $50,000; but

(ii) if the contravention relates to a vaping product or smokeless tobacco product, to a fine not exceeding $15,000.

(3) Subsection (1) does not apply to—

(a) communications made in response to a product request that do no more than identify the regulated products available for purchase in that place and indicate their price:

(b) communications encouraging smokers to switch to a product that is less harmful than smoking:

(c) communications about vaping products made, in accordance with any regulations, by specialist vape retailers to customers in their approved vaping premises:

(d) information provided, in accordance with any regulations, by a specialist vape retailer relating to the safe use of regulated products available for

Generational End Game

Larangan penjualan produk tembakau kepada orang yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya

13. (1) Tiada seorang pun boleh menjual apa-apa produk tembakau atau mengadakan apa-apa perkhidmatan untuk merokok, kepada mana-mana orang yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya.

Tobacco End Game Model Proposals

Product Focused EG	User Focused EG	Market/Supply Focused EG	Institutional Structure Focused EG
• Regulate Nicotine Level to make cigarette non or less addictive • Reduce appeal • E-cigarette	• Smoker's Licence • Prescription to buy cig • **Generational End Game (GEG)**	• Licensing, outlet restriction, display bans, price control • Ban combust, • Advantage to cleaner nicotine • Sinking lid • Price cap	• Tobacco control agency • Regulated market model • State takeover of tobacco companies • Integrated EG strategies

Patricia A McDaniel, Elizabeth A Smith, Ruth E Malone - *The tobacco endgame: a qualitative review and synthesis*

Cabaran

1. Demanding
2. Jangkamasa yang panjang untuk melihat hasil
3. Tiada model atau contoh ikutan kerana GEG tidak pernah dilaksanakan/diuji dimana-mana negara di dunia.

THE END GAME OF TOBACCO REVISED PLAN



MALAYSIA'S TOBACCO CONTROL ROAD MAP FOR 2014 – 2025

Target : To reduce smoking prevalence to 15% by 2025

	YEAR	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025
Million	* TOTAL POPULATION (Age ≥ 15)	20.8	21.6	22.0	22.4	22.8	23.2	23.5	23.9	24.3	24.7	25.0	25.3	25.7	26.0	26.3
Million	NO. OF SMOKERS	4.70	4.86	4.83	4.78	4.74	4.69	4.61	4.55	4.49	4.42	4.33	4.23	4.15	4.05	3.94
Million	NO. OF QUITTERS		0.13	0.13	0.13	0.13	0.13	0.14	0.14	0.14	0.14	0.15	0.15	0.15	0.15	0.15
	PREVALENCE (%)	23.1	22.5	21.9	21.4	20.8	20.2	19.6	19.0	18.5	17.9	17.3	16.7	16.1	15.6	15.0



CADANGAN

1. Mengiktiraf, memperkenalkan dan menggunapakai kaedah Pengurangan Kemudharatan Tembakau (*Tobacco Harm Reduction-THR*) didalam Kawalan Tembakau
2. Meminda RUU untuk memisahkan peruntukan undang-undang rokok conventional dengan undang-undang Vape dan NNDS
3. Mem formulasi regulasi yang komprehensif untuk Vape bagi memastikan ianya selamat, berkesan dan tepat sasaran pengguna bagi tujuan berhenti merokok.
4. Pindaan dan regulasi haruslah besifat *risk-proportionate* dan *evidence based*
5. Mempertingkat kan tahap kesedaran dan pengetahuan yang tepat dan betul berkenaan *Tobacco Harm Reduction* bagi membolehkan masyarakat terutamanya perokok2 membuat pilihan yang tepat
6. Menghalang penyebaran maklumat yang salah dan tidak tepat, lebih-lebih lagi yang berunsur *Fear Mongering*

Isu GEG (generation end game)

- Pemberhentian tembakau dari rokok tradisional dan bahan bahan pengeluar 'tembakau' lain di Malaysia.
- Ini termasuk vape, sisha dll.
- Bermula tahun untuk kohort umur 20 tahun ke atas, dijangka implementasi pada tahun 2027.
- Sekatan jualan dan denda ke rakyat yang membeli, mengguna rokok dan bahan-bahan tembakau lain.
- Denda asalnya, telah turun dari RM5000 ke tiada apa apa denda.
- Malangnya, pengguna rokok tembakau adalah paling tinggi di kalangan B40, sosioekonomi rendah.
- Malah kanak-kanak, seawal 10 tahun telah bermula merokok dan besarnya impak dari pengaruh keluarga.

Berbeza dengan GEG New Zealand

- Deraf GEG NZ bermula beberapa tahun lalu dan proses yang perlahan.
- Penalti hanya dikenakan ke penjual dan bukan pengguna rokok.
- Dos nikotin dalam rokok, dikurangkan, bilangan penjual rokok juga akan dikurangkan.
- Vape masih dibenarkan, awalnya kurang kawalan.
  - Menyebabkan wabak vape di kalangan remaja mereka.
- Sekarang di kawal mengelakkan remaja mengguna vape.
- Vape diguna untuk berhenti merokok, penurunan bilangan perokok.
  - Terutama kaum Asli mereka.



New Zealand



Kawalan Vape di Australia

- Membenarkan vape (tanpa nikotin) dijual.
- Vape dengan nikotin perlu preskripsi doktor yang merawat.
- Had umur kanak-kanak lebih 18 tahun.
- Vape- Perlu kebenaran untuk import masuk.
- Rokok masih dibenarkan penjualan.
- Vape –hanya di bungkus dengan 'plain packaging'.
- Isu rokok haram tidak seteruk Malaysia.
- Doktor klinik boleh merawat perokok melalui vape.
- Penguatkuasaan ditekankan ke vendor dan bukan penalti ke pengguna.

Kawalan di Amerika

- Vape dibenarkan , dan banyak dicampur dengan bahan asing seperti marijuana (THC), CBD dan bahan lain.
- Salah satu pengguna terbesar Vape dunia sekarang.
- Berbagai perisa, tiada kawalan produk yg ketat— mengakibatkan wabak ke remaja.
  - antara sebab syarikat JUULS di saman.
- Isu 'vape haram' berlaku (pencemaran kandungan), menyebabkan EVALI dengan 69 kematian beberapa negeri.
23(3)(a)	Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—sekiranya orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan— (i) bagi kesalahan pertama, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya; dan (ii) bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya	**Mengekalkan fasal** Huraian Cadangan: Hukuman yang dicadangkan membezakan dengan jelas antara individu dan pertubuhan perbadanan.
Diskusi:		

Fasal 23: Situasi akut atau kritikal

23(3)(b)	Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—sekiranya orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan— (i) bagi kesalahan pertama, didenda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan (ii) bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.	**Menambahbaik fasal** Huraian Cadangan: a) Hukuman yang dicadangkan membezakan dengan jelas antara individu dan pertubuhan perbadanan b) Walau bagaimanapun, denda yang jauh lebih besar untuk kesalahan oleh pertubuhan perbadanan adalah dicadangkan seperti berikut: i. bagi kesalahan pertama, denda tidak kurang daripada RM50,000 dan tidak melebihi RM200,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan ii. bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, denda tidak kurang daripada RM100,000 dan tidak melebihi RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.
Diskusi:		

Fasal 24: Pelantikan juruanalisis

24(1)	Menteri boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi juruanalisis bagi maksud Akta ini.	Tidak termasuk dalam bidang semakan panel pakar.
24(2)	Pelantikan juruanalisis yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam Warta.	Tidak termasuk dalam bidang semakan panel pakar.

Fasal 25: Makmal yang diluluskan

25(1)	Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, meluluskan seberapa jumlah makmal bagi maksud Akta ini.	**Mengekalkan fasal** Huraian Cadangan: Makmal yang diluluskan adalah diperlukan untuk pendaftaran, pembaharuan, dan juga pemantauan dan pematuhan pengilang dan pengimport.
Diskusi:		

Fasal 25: Makmal yang diluluskan

25(2)	Mana-mana makmal yang diluluskan di bawah subseksyen (1) hendaklah dikeluarkan suatu perakuan kelulusan yang dalam apa-apa prosiding undang-undang di bawah Akta ini, hendaklah boleh diterima dalam keterangan sebagai bukti prima facie bagi fakta yang dinyatakan dalam perakuan itu.	**Mengekalkan fasal** Huraian Cadangan: Makmal perlu bebas, diperakui oleh piawaian industri, dan mampu menghasilkan keputusan yang sah dan boleh dipercayai.
Diskusi:		

Fasal 25: Makmal yang diluluskan

25(3)	Menteri hendaklah menyediakan atau menyebabkan disediakan suatu senarai makmal yang diluluskan dan Menteri boleh mengubah senarai itu sebagaimana hal keadaan memerlukan.	**Mengekalkan fasal** Huraian Cadangan: Makmal perlu menjalani penilaian berkala, dan jika perlu, pensijilan semula untuk memastikan kesahihan ujian.
Diskusi:		

Fasal 26: Pelantikan pegawai diberi kuasa

26(1)	Menteri boleh melantik seberapa ramai pegawai diberi kuasa sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi maksud Akta ini.	Tidak termasuk dalam bidang semakan panel pakar.
26(2)	Mana-mana pegawai diberi kuasa yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah dikeluarkan suatu perakuan pemberian kuasa yang dalam apa-apa prosiding undang-undang di bawah Akta ini, boleh diterima dalam keterangan sebagai bukti prima facie bagi fakta yang dinyatakan dalam perakuan itu.	Tidak termasuk dalam bidang semakan panel pakar.
26(3)	Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah, apabila bertindak dalam bidang kuasa dan kewajipannya di bawah Akta ini, disifatkan sebagai seorang pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].	Tidak termasuk dalam bidang semakan panel pakar.

Bahagian IX
Penguatkuasaan

Tidak termasuk dalam bidang semakan panel pakar

Bahagian X
Perbicaraan dan Prosiding

Tidak termasuk dalam bidang semakan panel pakar

Bahagian XI
Am

Tidak termasuk dalam bidang semakan panel pakar

Bahagian XII
Kecualian dan Peralihan

Tidak termasuk dalam bidang semakan panel pakar

MAKLUMBALAS KKM KE ATAS KEPUTUSAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN BAGI MENELITI RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2023

18 September 2023 (ISNIN)

PENDAHULUAN

1. Pihak KKM telah menerima satu pemakluman daripada pihak urusetia melalui email pada 12 September 2023.
2. Melalui email tersebut, satu dokumen iaitu pembentangan rumusan penambahbaikan berkaitan RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 oleh Panel Pakar yang dilantik telah dilampirkan.
3. Pembentangan rumusan tersebut telah dipersetujui oleh Ahli Jawatankuasa.
4. Sehubungan dengan itu, pihak KKM ingin membentangkan maklumbalas serta pandangan terhadap rumusan penambahbaikan tersebut.

PINDAAN YANG DICADANGKAN OLEH PANEL PAKAR

Perkara 1: Mengekalkan Fasal – Fasal yang lain.

Perkara 2: Menambahbaik Fasal 3, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 22 dan 23 iaitu menaikkan jumlah denda bagi kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan seperti pengilang, pengimport atau pengedar.

Perkara 3: Menggugurkan Fasal 18 dan 19 iaitu larangan merokok kepada individu yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya.

ULASAN KKM

Perkara 2

KKM **BERSETUJU** dengan cadangan pindaan kepada **Fasal 3, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 22 dan 23** yang melibatkan denda yang lebih besar untuk kesalahan oleh **pertubuhan perbadanan** seperti berikut:

i. bagi kesalahan pertama, denda dinaikkan kepada tidak kurang daripada **RM50,000 (RUU RM20,000) dan tidak melebihi RM200,000 (RUU RM100,000)** atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan

ii. bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, denda dinaikkan kepada tidak kurang daripada **RM100,000 (RUU RM50,000) dan tidak melebihi RM500,000 (RUU RM300,000)** atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

ULASAN KKM

Perkara 3

Walau bagaimanapun, KKM memohon agar **Fasal 18 dan 19** iaitu larangan merokok kepada individu yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya **DIKEKALKAN.**

ASAS PERTIMBANGAN UNTUK MENGEKALKAN FASAL 18 DAN 19

1. Persepsi Masyarakat Terhadap Kelonggaran Undang-Undang Bagi Generasi Penamat

i. Di bawah peraturan sedia ada iaitu PPKHT 2004 [P.U. (A) 324/2004], merokok merupakan suatu kesalahan di bawah Peraturan 13 bagi Orang Belum Dewasa (yang belum mencapai umur 18 tahun).

a. Sekiranya Fasal 18 dan 19 ini digugurkan daripada RUU sedangkan ia adalah suatu kesalahan yang sedia wujud di bawah PPKHT, dikhuatiri akan menimbulkan pandangan negatif masyarakat iaitu undang-undang yang baru ini **lebih longgar dan merokok dianggap bukan lagi satu kesalahan dalam kalangan Generasi Penamat.**

b. Justeru, walaupun ia dihasratkan untuk dilaksanakan secara administratif sahaja bagi tujuan mendidik masyarakat supaya tidak merokok, dibimbangi objektif ini tidak tercapai malah membuka *floodgate* kerana tanggapan umum bahawa merokok itu bukan lagi suatu kesalahan.

c. Tujuan atau hasrat fasal RUU mahupun Peraturan PPKHT mewujudkan kesalahan merokok ini adalah bagi menjadikan ia sebagai suatu *deterrent factor* kepada masyarakat. Jika kesalahan ini diperuntukkan dalam RUU, ia dihasratkan untuk mencegah perbuatan merokok itu dilakukan dan menjadikan masyarakat lebih cakna dan waspada untuk tidak merokok di mana-mana tempat selain di kawasan/tempat larangan merokok.

ASAS PERTIMBANGAN UNTUK MENGEKALKAN FASAL 18 DAN 19

2. Persepsi Bahawa dengan Mengekalkan Fasal 18 dan 19, Kesalahan yang Dilakukan oleh Generasi Penamat adalah Kesalahan Jenayah

i. Kesalahan yang dilakukan oleh individu yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya merupakan kesalahan yang **TIDAK DIREKODKAN** sebagai satu kesalahan jenayah.

a. Kesalahan ini adalah merupakan suatu kesalahan yang **tidak boleh tangkap** (*non-seizable offence*) menurut kepada Jadual Pertama Kanun Tatacara Jenayah kerana peruntukan hukuman hanyalah denda yang tidak melebihi RM500 atau Perintah Khidmat Masyarakat.

b. Kesalahan-kesalahan di bawah fasal ini dikategorikan sebagai *summons cases.*

ASAS PERTIMBANGAN UNTUK MENGEKALKAN FASAL 18 DAN 19

3. Implikasi cadangan Panel Pakar untuk memberikan peluang kepada pengguna untuk menjalani sesi rawatan berhenti merokok oleh KKM atau agensi lain

"Memandangkan penggunaan produk merokok adalah satu bentuk ketagihan nikotin, pengguna seharusnya diberi peluang untuk menjalani rawatan sehingga berhenti sepenuhnya. Ini dicadangkan untuk dilakukan secara pentadbiran oleh KKM dan agensi-agensi lain."

i. Dengan mengekalkan Fasal 18 dan 19, golongan Generasi Penamat tidak dinafikan untuk mendapatkan perkhidmatan rawatan berhenti merokok.
ii. KKM telah menyediakan perkhidmatan rawatan berhenti merokok di 778 Klinik Kesihatan di samping kerjasama dengan perkhidmatan swasta.
iii. Perkhidmatan berhenti merokok merekodkan 25,838 orang jumlah klien yang didaftarkan, namun hanya 5,103 orang mempunyai sasaran tarikh berhenti merokok (*quit date*) dengan kadar berjaya berhenti merokok 54.5% (2,783 orang) pada tahun 2022.
iv. Sekiranya Fasal 18 dan 19 digugurkan, merokok sudah menjadi satu aktiviti yang dibenarkan dan ini menyukarkan usaha KKM untuk menggalakkan golongan ini menjalani rawatan. Jika tidak hadir untuk mendapatkan rawatan, tiada apa-apa hukuman boleh dikenakan kepada mereka.
v. Sekiranya cadangan ini diperluaskan, Kerajaan harus memikirkan dan mempertimbangkan tambahan kos /implikasi kewangan kerana perlu mewujudkan pertambahan pegawai yang akan mengendalikan perkhidmatan berhenti merokok, pertambahan keperluan ubat-ubatan (NRT dan non-NRT) dan sebagainya yang berkaitan.

ASAS PERTIMBANGAN UNTUK MENGEKALKAN FASAL 18 DAN 19

4. Kesukaran Implementasi di Lapangan

i. Menggugurkan Fasal 18 dan 19 iaitu kesalahan merokok yang dilakukan oleh individu yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya menyebabkan aktiviti merokok dalam kalangan Generasi Penamat tidak boleh disabitkan di bawah undang-undang.

a. Golongan ini bebas merokok sebarang bentuk produk merokok kecuali di tempat-tempat dilarang merokok.

b. Situasi semasa menggambarkan aktiviti merokok secara bebas dalam kalangan remaja dan kanak-kanak. Walaupun terdapat pengurangan prevalen merokok dalam kalangan remaja (15.9% pada tahun 2017 kepada 9% pada tahun 2022), namun terdapat peningkatan prevalen penggunaan rokok elektronik (9.8% kepada 14.9%), berdasarkan Adolescent Health Survey 2022.

c. Jika Fasal 18 dan 19 digugurkan, situasi ini akan berleluasa dan meningkatkan risiko kepada kesihatan remaja dan kanak-kanak di Malaysia.

KKM: Tabiat merokok di kalangan pelajar sekolah membimbangkan

Diterbitkan: Jun 5, 2023 1:56 PM · Dikemaskini 1:56 PM

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melahirkan kebimbangan dengan trend merokok di kalangan generasi muda, selepas kajian yang dijalankan pihaknya mendapati lebih 43,000 pelajar sekolah menengah merokok.

Menterinya Dr Zaliha Mustafa berkata dengan jumlah yang direkodkan sangat tinggi, kerajaan perlu melaksanakan undang-undang yang berkesan untuk menghalang golongan belia daripada terus terjebak dengan tabiat merokok.

ASAS PERTIMBANGAN UNTUK MENGEKALKAN FASAL 18 DAN 19

4. Kesukaran Implementasi di Lapangan (sambungan)

ii. Walaupun Fasal 13 dan 14 iaitu Larangan Penjualan dan Pembelian Produk oleh golongan Generasi Penamat masih dikekalkan, namun Pegawai Diberi Kuasa menghadapi kesukaran pembuktian kesalahan penjualan dan pembelian oleh golongan Generasi Penamat.

a. Pembuktian transaksi penjualan kepada Generasi Penamat adalah sukar kerana tempoh masa penjualan tersebut singkat

b. Terdapat penjual yang tidak membekalkan resit jualan seperti di kedai-kedai kecil terutama di kawasan luar bandar

c. Risikan oleh Pegawai Diberi Kuasa memerlukan tempoh yang lama bagi mengesan kesalahan penjualan dan pembelian

ASAS PERTIMBANGAN UNTUK MENGEKALKAN FASAL 18 DAN 19

5. Meningkatkan Kawalan yang Lebih Ketat bagi Pengimportan, Pengilangan dan Penjualan Produk Merokok serta Larangan Promosi dan Tajaan Produk Merokok

i. Berdasarkan PPKHT 2004, kawalan yang dilaksanakan masih belum optima seperti mana yang digariskan oleh WHO FCTC.

ii. Tujuan RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 dibangunkan adalah untuk memperkukuh kawalan sedia ada. Walau bagaimanapun, ia masih tidak setara dengan negara-negara yang melaksanakan kawalan seperti berikut:

   a. Larangan penuh (*total ban*) terhadap penjualan rokok elektronik atau vape seperti Singapura, Thailand, Brunei, India, Brazil dan lain-lain.

   b. Pelaksanaan pembungkusan standard (*plain packaging*) seperti Singapura, Thailand, New Zealand, Australia dan lain-lain.

   c. Larangan pameran di kaunter jualan (*ban point of sale*) seperti Singapura, Thailand,

ASAS PERTIMBANGAN UNTUK MENGEKALKAN FASAL 18 DAN 19

5. Meningkatkan Kawalan yang Lebih Ketat bagi Pengimportan, Pengilangan dan Penjualan Produk Merokok serta Larangan Promosi dan Tajaan Produk Merokok (sambungan)

iii. Pelaksanaan Generasi Penamat Rokok telah dilaksanakan oleh New Zealand. Walaupun New Zealand tidak mengenakan kesalahan kepada pengguna, namun penguatkuasaan kawalan merokok adalah ketat di mana:

   a. Pengurangan bilangan kedai yang menjual produk tembakau di seluruh negara (dari kira-kira 6000 kepada 600).

   b. Larangan penjualan vape pakai buang yang biasanya lebih murah dan mampu milik.

   c. Menghadkan diskripsi pada perisa vape kepada diskripsi perisa generik (contoh: *berry instead of strawberry jelly doughnut*)

   d. Larangan membuka kedai menjual vape baru berhampiran sekolah/institusi pendidikan dalam jarak 300 meter.

ASAS PERTIMBANGAN UNTUK MENGEKALKAN FASAL 18 DAN 19

6. Proses Pindaan dan Sesi Libat Urus

i. Jika Fasal 18 dan 19 ingin dipinda, pindaan perlu melihat RUU secara menyeluruh:

a. Memerlukan masa yang panjang untuk

- Meneliti pindaan berbangkit kerana melibatkan perubahan dasar yang besar bagi KKM
- Perlu diangkat kepada perhatian Jemaah Menteri (Nota Jemaah Menteri) dan mungkin memerlukan tindakan susulan jika terdapat arahan baru

b. Menyebabkan *lacuna* bagi tempoh yang lama untuk perundangan kawal selia rokok elektronik atau vape disediakan dan menyebabkan penjualan berleluasa.

ASAS PERTIMBANGAN UNTUK MENGEKALKAN FASAL 18 DAN 19

6. Proses Pindaan dan Sesi Libat Urus (sambungan)

ii. Isu Semakan Kehakiman (JR) yang telah difailkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur berhubung bantahan pihak pemohon dalam JR tersebut ke atas Perintah Menteri yang membuat pengecualian nikotin dalam gel/cecair rokok elektronik atau vape dalam Jadual Pertama Akta Racun bagi tujuan pengenaan duti eksais ke atas nikotin dalam gel/cecair rokok elektronik atau vape.

a. Sekiranya RUU ini dapat diluluskan dalam tempoh terdekat, maka JR akan menjadi akademik kerana sudah ada Akta baharu yang akan mengawal selia pengecualian tersebut.

b. Sekiranya RUU ini berpanjangan dan tidak dapat diluluskan, maka terdapat kemungkinan bahawa JR tersebut diputuskan *in favour of* pemohon atau sebaliknya.

c. Jika diputuskan *in favour of* pemohon, terdapat kebarangkalian pengecualian tersebut terpaksa dibatalkan dan kesannya duti eksais tidak akan dapat dikutip oleh Kerajaan dan Kerajaan terpaksa memulangkan hasil kutipan tersebut semula kepada pihak-pihak berkaitan kerana kutipan telah diputuskan tidak sah.

CADANGAN BALAS

KKM ingin membuat cadangan balas untuk MENGEKALKAN Fasal 18 dan Fasal 19 seperti berikut :

1. Mengurangkan jumlah denda bagi kesalahan di bawah Fasal 18 dan 19 daripada RM500.00 kepada RM 250.00 dan mengekalkan hukuman perintah khidmat masyarakat.
2. Melaksanakan *Educational Enforcement* iaitu:
   a. Pendidikan serta nasihat agar perokok mematuhi peraturan yang telah ditetapkan
   b. Merujuk perokok ke perkhidmatan berhenti merokok untuk menjalani rawatan serta kaunseling
   c. Tidak mengenakan kompaun bagi tempoh tertentu atau sehingga Laporan Berkala dibentangkan atau ditetapkan oleh pihak Kerajaan
3. Memperkukuh dan memperluas program perkhidmatan berhenti merokok termasuk menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi.
4. Menggubal akta baharu bagi rawatan dan pemulihan ketagihan merokok mengambil contoh sepertimana Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 yang diwujudkan bagi tujuan rawatan dan pemulihan bagi penagih-penagih.

Terima Kasih

D.R. 25/2023

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PRODUK MEROKOK
DEMI KESIHATAN AWAM 2023

PINDAAN DALAM JAWATANKUASA

TEKS BAHASA KEBANGSAAN

1. Fasal 3

Perenggan 3(2)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan "dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit" dengan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit"; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit".

2. Fasal 7

Perenggan 7(3)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan "dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit" dengan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit"; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit".

3. <u>Fasal 8</u>

Perenggan 8(2)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan "sepuluh ribu ringgit dan tidak melebihi lima puluh ribu ringgit" dengan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit"; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan "tiga puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit".

4. <u>Fasal 9</u>

Perenggan 9(3)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan "dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit" dengan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit"; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit".

5. <u>Fasal 10</u>

Perenggan 10(2)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan "dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit" dengan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit"; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit".

6. <u>Fasal 11</u>

Perenggan 11(2)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan "sepuluh ribu ringgit dan tidak melebihi lima puluh ribu ringgit" dengan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit"; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan "tiga puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit".

7. <u>Fasal 12</u>

Perenggan 12(2)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan "dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit" dengan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit"; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit".

8. <u>Fasal 13</u>

Perenggan 13(2)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan "dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit" dengan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit"; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit".

9. <u>Fasal 14</u>

Perenggan 14(2)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan "dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit" dengan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit"; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit".

10. <u>Fasal 15</u>

Perenggan 15(5)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan "dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit" dengan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit"; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit".

11. <u>Fasal 16</u>

Perenggan 16(2)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan "dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit" dengan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit"; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit".

12. <u>Fasal 18</u>

Subfasal 18(2) Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan perkataan "lima ratus ringgit" dengan perkataan "dua ratus lima puluh ringgit".

13. <u>Fasal 19</u>

Subfasal 19(2) Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan perkataan "lima ratus ringgit" dengan perkataan "dua ratus lima puluh ringgit".

14. <u>Fasal 22</u>

Perenggan 22(2)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan perkataan "sepuluh ribu ringgit dan tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun" dengan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun".

15. <u>Fasal 23</u>

Perenggan 23(3)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan "dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit" dengan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit"; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit".

16. <u>Fasal 56</u>

Subfasal 56(1) Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan perkataan "Januari 2025" dengan perkataan "Jun 2025".

17. <u>Fasal 57</u>

Fasal 57 Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subfasal (1)—

(i) dalam perenggan *(b)*, dengan memotong perkataan "dan" di hujung perenggan itu;

(ii) dengan menggantikan perenggan *(c)* dengan perenggan yang berikut:

"*(c)* subseksyen 13(3), mana-mana orang yang lahir sebelum 1 Januari 2007 yang belum mencapai umur lapan belas tahun pada tarikh permulaan kuat kuasa peruntukan ini tidak boleh membeli apa-apa produk tembakau; dan"; dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan *(c)* perenggan yang berikut:

"*(d)* subseksyen 18(1), mana-mana orang yang lahir sebelum 1 Januari 2007 yang belum mencapai umur lapan belas tahun pada tarikh permulaan kuat kuasa peruntukan ini tidak boleh merokok apa-apa produk tembakau."; dan

(b) dalam subfasal (2)—

(i) dalam perenggan *(a)*, dengan memotong perkataan "atau" di hujung perenggan itu;

(ii) dalam perenggan *(b)*, dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan "; atau"; dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan *(b)* perenggan yang berikut:

"*(c)* perenggan 57(1)*(d)*, melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit atau diperintahkan untuk melaksanakan suatu perintah khidmat masyarakat menurut Kanun Tatacara Jenayah atau Akta Kanak-Kanak 2001.".

HURAIAN

1. Perenggan 1 hingga 11 bertujuan untuk meminda fasal 3, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15 dan 16 Rang Undang-Undang, masing-masing untuk menaikkan amaun denda yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah terhadap pertubuhan perbadanan yang melakukan apa-apa kesalahan di bawah fasal tersebut.

2. Perenggan 12 dan 13 bertujuan untuk meminda subfasal 18(2) dan 19(2) Rang Undang-Undang, masing-masing untuk mengurangkan amaun denda yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah terhadap individu yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya, yang disabitkan bagi kesalahan merokok produk tembakau atau produk pengganti tembakau, atau menggunakan apa-apa peranti merokok dengan apa-apa bahan merokok. .

3. Perenggan 14 bertujuan untuk meminda perenggan 22(2)*(b)* Rang Undang-Undang untuk menaikkan amaun denda dan tempoh pemenjaraan yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah terhadap pertubuhan perbadanan yang gagal untuk menzahirkan maklumat berhubungan dengan pengilangan, pengimportan atau pengedaran produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau atau peranti merokok apabila diminta di bawah fasal 22 Rang Undang-Undang.

4. Perenggan 15 bertujuan untuk meminda perenggan 23(3)*(b)* Rang Undang-Undang untuk menaikkan amaun denda yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah terhadap pertubuhan perbadanan yang gagal untuk mematuhi perintah Menteri yang dibuat di bawah subfasal 23(2) Rang Undang-Undang bagi situasi akut atau kritikal.

5. Perenggan 16 bertujuan untuk meminda subfasal 56(1) Rang Undang-Undang berhubung dengan tempoh untuk Ketua Pengarah mengemukakan laporan kali pertama kepada Menteri mengenai keberkesanan larangan penjualan produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau atau peranti merokok, larangan merokok produk tembakau atau produk pengganti tembakau dan larangan penggunaan peranti merokok.

6. Perenggan 17 bertujuan untuk meminda fasal 57 Rang Undang-Undang berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada fasal 13 dan 18 Rang Undang-Undang, masing-masing berhubung dengan hukuman bagi kesalahan membeli atau merokok apa-apa produk tembakau bagi mana-mana orang yang lahir sebelum 1 Januari 2007 yang masih belum mencapai umur lapan belas tahun pada tarikh permulaan kuat kuasa peruntukan ini.

D.R. 25/2023

CONTROL OF SMOKING PRODUCTS FOR PUBLIC HEALTH BILL 2023

AMENDMENT IN COMMITTEE

ENGLISH LANGUAGE TEXT

1. Clause 3

Paragraph 3(2)*(b)* of the Bill is amended—

(a) in subparagraph (i) by substituting for the words "twenty thousand ringgit and not exceeding one hundred thousand ringgit" the words "fifty thousand ringgit and not exceeding two hundred thousand ringgit"; and

(b) in subparagraph (ii) by substituting for the words "fifty thousand ringgit and not exceeding three hundred thousand ringgit" the words "one hundred thousand ringgit and not exceeding five hundred thousand ringgit".

2. Clause 7

Paragraph 7(3)*(b)* of the Bill is amended—

(a) in subparagraph (i) by substituting for the words "twenty thousand ringgit and not exceeding one hundred thousand ringgit" the words "fifty thousand ringgit and not exceeding two hundred thousand ringgit"; and

(b) in subparagraph (ii) by substituting for the words "fifty thousand ringgit and not exceeding three hundred thousand ringgit" the words "one hundred thousand ringgit and not exceeding five hundred thousand ringgit".

3. <u>Clause 8</u>

Paragraph 8(2)*(b)* of the Bill is amended—

(a) in subparagraph (i) by substituting for the words "ten thousand ringgit and not exceeding fifty thousand ringgit" the words "fifty thousand ringgit and not exceeding two hundred thousand ringgit"; and

(b) in subparagraph (ii) by substituting for the words "thirty thousand ringgit and not exceeding two hundred thousand ringgit" the words "one hundred thousand ringgit and not exceeding five hundred thousand ringgit".

4. <u>Clause 9</u>

Paragraph 9(3)*(b)* of the Bill is amended—

(a) in subparagraph (i) by substituting for the words "twenty thousand ringgit and not exceeding one hundred thousand ringgit" the words "fifty thousand ringgit and not exceeding two hundred thousand ringgit"; and

(b) in subparagraph (ii) by substituting for the words "fifty thousand ringgit and not exceeding three hundred thousand ringgit" the words "one hundred thousand ringgit and not exceeding five hundred thousand ringgit".

5. <u>Clause 10</u>

Paragraph 10(2)*(b)* of the Bill is amended—

(a) in subparagraph (i) by substituting for the words "twenty thousand ringgit and not exceeding one hundred thousand ringgit" the words "fifty thousand ringgit and not exceeding two hundred thousand ringgit"; and

(b) in subparagraph (ii) by substituting for the words "fifty thousand ringgit and not exceeding three hundred thousand ringgit" the words "one hundred thousand ringgit and not exceeding five hundred thousand ringgit".

6. <u>Clause 11</u>

Paragraph 11(2)*(b)* of the Bill is amended—

(a) in subparagraph (i) by substituting for the words "ten thousand ringgit and not exceeding fifty thousand ringgit" the words "fifty thousand ringgit and not exceeding two hundred thousand ringgit"; and

(b) in subparagraph (ii) by substituting for the words "thirty thousand ringgit and not exceeding two hundred thousand ringgit" the words "one hundred thousand ringgit and not exceeding five hundred thousand ringgit".

7. <u>Clause 12</u>

Paragraph 12(2)*(b)* of the Bill is amended—

(a) in subparagraph (i) by substituting for the words "twenty thousand ringgit and not exceeding one hundred thousand ringgit" the words "fifty thousand ringgit and not exceeding two hundred thousand ringgit"; and

(b) in subparagraph (ii) by substituting for the words "fifty thousand ringgit and not exceeding three hundred thousand ringgit" the words "one hundred thousand ringgit and not exceeding five hundred thousand ringgit".

8. <u>Clause 13</u>

Paragraph 13(2)*(b)* of the Bill is amended—

(a) in subparagraph (i) by substituting for the words "twenty thousand ringgit and not exceeding one hundred thousand ringgit" the words "fifty thousand ringgit and not exceeding two hundred thousand ringgit"; and

(b) in subparagraph (ii) by substituting for the words "fifty thousand ringgit and not exceeding three hundred thousand ringgit" the words "one hundred thousand ringgit and not exceeding five hundred thousand ringgit".

9. <u>Clause 14</u>

Paragraph 14(2)*(b)* of the Bill is amended—

(a) in subparagraph (i) by substituting for the words "twenty thousand ringgit and not exceeding one hundred thousand ringgit" the words "fifty thousand ringgit and not exceeding two hundred thousand ringgit"; and

(b) in subparagraph (ii) by substituting for the words "fifty thousand ringgit and not exceeding three hundred thousand ringgit" the words "one hundred thousand ringgit and not exceeding five hundred thousand ringgit".

10. <u>Clause 15</u>

Paragraph 15(5)*(b)* of the Bill is amended—

(a) in subparagraph (i) by substituting for the words "twenty thousand ringgit and not exceeding one hundred thousand ringgit" the words "fifty thousand ringgit and not exceeding two hundred thousand ringgit"; and

(b) in subparagraph (ii) by substituting for the words "fifty thousand ringgit and not exceeding three hundred thousand ringgit" the words "one hundred thousand ringgit and not exceeding five hundred thousand ringgit".

11. Clause 16

Paragraph 16(2)*(b)* of the Bill is amended—

(c) in subparagraph (i) by substituting for the words "twenty thousand ringgit and not exceeding one hundred thousand ringgit" the words "fifty thousand ringgit and not exceeding two hundred thousand ringgit"; and

(d) in subparagraph (ii) by substituting for the words "fifty thousand ringgit and not exceeding three hundred thousand ringgit" the words "one hundred thousand ringgit and not exceeding five hundred thousand ringgit".

12. Clause 18

Subclause 18(2) of the Bill is amended by substituting for the words "five hundred ringgit" the words "two hundred and fifty ringgit".

13. Clause 19

Subclause 19(2) of the Bill is amended by substituting for the words "five hundred ringgit" the words "two hundred and fifty ringgit".

14. Clause 22

Paragraph 22(2)*(b)* of the Bill is amended by substituting for the words "ten thousand ringgit and not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year" the words "fifty thousand ringgit and not exceeding two hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years".

15. Clause 23

Paragraph 23(3)*(b)* of the Bill is amended—

(a) in subparagraph (i) by substituting for the words "twenty thousand ringgit and not exceeding one hundred thousand ringgit" the words "fifty thousand ringgit and not exceeding two hundred thousand ringgit"; and

(b) in subparagraph (ii) by substituting for the words "fifty thousand ringgit and not exceeding three hundred thousand ringgit" the words "one hundred thousand ringgit and not exceeding five hundred thousand ringgit".

16. <u>Clause 56</u>

Subclause 56(1) of the Bill is amended by substituting for the words "January 2025" the words "June 2025".

17. <u>Clause 57</u>

Clause 57 of the Bill is amended—

(a) in subclause (1)—

(i) in paragraph *(b)*, by deleting the word "and" at the end of paragraph;

(ii) by substituting for paragraph *(c)* the following paragraph:

"*(c)* subsection 13(3), any person who was born before 1 January 2007 who is yet to reach eighteen years old on the date of coming into operation of this provision shall not purchase any tobacco product; and"; and

(iii) by inserting after paragraph (c) the following paragraph:

"*(d)* subsection 18(1), any person who was born before 1 January 2007 who is yet to reach eighteen years old on the date of

coming into operation of this provision shall not smoke any tobacco product."; and

(b) in subclause (2)—

(i) in paragraph *(a)*, by deleting the word "or" at the end of paragraph;

(ii) in paragraph *(b)*, by substituting for the full stop at the end of paragraph the words "; or"; and

(iii) by inserting after paragraph *(b)* the following paragraph:

"*(c)* paragraph 57(1)*(d)*, commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding two hundred and fifty ringgit or be ordered to perform community service pursuant to the Criminal Procedure Code or the Child Act 2001.".

EXPLANATORY STATEMENT

1. Paragraphs 1 to 11 seek to amend clauses 3, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15 and 16 of the Bill, respectively to increase the amount of fine that could be imposed by the court on a body corporate which commits any offences under those clauses.

2. Paragraphs 12 and 13 seek to amend subclauses 18(2) and 19(2) of the Bill, respectively to reduce the amount of fine that could be imposed by the court on an individual born 1 January 2007 onwards who is convicted of the offence of smoking tobacco product or substitute tobacco product, or using a smoking device with any smoking substance.

3. Paragraph 14 seeks to amend paragraph 22(2)*(b)* of the Bill to increase the amount of fine and the term of imprisonment that could be imposed by the court on a body corporate which fails to disclose information in relation to the manufacture, import or distribution of tobacco products, smoking substances, substitute tobacco products or smoking devices upon request under clause 22 of the Bill.

4. Paragraph 15 seeks to amend paragraph 23(3)*(b)* of the Bill to increase the amount of fine that could be imposed by the court on a body corporate which fails to abide by the order of the Minister made under subclause 23(2) of the Bill for an acute or critical situation.

5. Paragraph 16 seeks to amend subclause 56(1) of the Bill in relation to the period specified for the Director General to submit the first report to the Minister on the effectiveness of the prohibition of the sale of tobacco product, smoking substance, substitute tobacco product or smoking device, the prohibition of smoking of tobacco product or substitute tobacco product or the prohibition of the use of smoking device.

6. Paragraph 17 seeks to amend clause 57 of the Bill in consequence to the amendments made to clauses 13 and 18 of the Bill, respectively in relation to the punishment for the offence of purchasing or smoking any tobacco product to any person

who was born before 1 January 2007 who is yet to reach eighteen years old on the date of coming into operation of this provision.

D.R. 8 TAHUN 2023

DEWAN RAKYAT PARLIMEN KELIMA BELAS

PENGGAL KEDUA

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PRODUK MEROKOK

DEMI KESIHATAN AWAM 2023

LAPORAN PROSIDING

LAPORAN PROSIDING JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN MENGENAI RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2023

NO.	LAPORAN PROSIDING	TARIKH
1	MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN BIL. 4 TAHUN 2023	27 JUN 2023
2	MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN BIL. 5 TAHUN 2023	11 JULAI 2023
3	MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN BIL. 6 TAHUN 2023	2 OGOS 2023
4	MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN BIL. 7 TAHUN 2023	21 OGOS 2023
5	MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN BIL. 8 TAHUN 2023	29 OGOS 2023
6	MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN BIL. 9 TAHUN 2023	11 SEPTEMBER 2023
7	MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN BIL. 10 TAHUN 2023	18 SEPTEMBER 2023
8	MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN BIL. 11 TAHUN 2023	3 OKTOBER 2023

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

LAPORAN PROSIDING

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
KESIHATAN

MESYUARAT MEMBINCANGKAN TERMA RUJUKAN, GARIS MASA PROSIDING DAN PENETAPAN ISU-ISU DASAR BERKAITAN RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2023

BIL. 4
SELASA, 27 JUN 2023
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
KESIHATAN
BIL. 4 TAHUN 2023

BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

SELASA, 27 JUN 2023

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] - *Pengerusi*
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]
YB. Puan Young Syefura binti Othman [Bentong]
YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
YB. Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat]
YB. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat]
YB. Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi [Tanjong Karang]
YB. Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran [Batu]
YB. Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus]
YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]
Pn. Nurul Saffida binti Husaini [Pegawai Penyelidik, Seksyen Sosial dan Pembangunan Sumber Manusia (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan) Parlimen Malaysia]
Pn. Mas Liza binti Maslan [Pegawai Penyelidik, Seksyen Sains, Teknologi dan Pembangunan (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan) Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Faizal bin Lan [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]
Dr. Siti 'Ai'syah binti Che Osmi [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zuhair bin Mohd Zubir [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Kementerian Kesihatan Malaysia

YB. Dr. Zaliha binti Mustafa [Menteri Kesihatan]
Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan [Ketua Pengarah Kesihatan]
Datuk Dr. Norhayati binti Rusli [Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)]
Dr. Anita binti Suleiman [Pengarah Kawalan Penyakit]
Dr. Noraryana binti Hassan [Timbalan Pengarah (Penyakit Tidak Berjangkit)]
Dr. Muhamad Hairul Nizam bin Abd Hamid [Ketua Penolong Pengarah Kanan]
Encik Abdul Halim bin Abu Naim [Ketua Penolong Pengarah Kanan]
Dr. Mohd Ihsani bin Mahmood [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Pakar Perubatan Kesihatan Awam)]

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali [Penasihat Undang-undang]
Puan Intan Noorashikin Nasarudin [Peguam Kanan Persekutuan]
Puan Noor Aisyah binti Ahmad [Peguam Persekutuan]
YM Raja Mohd Zawawi bin Raja Biding [Pegawai Kesihatan Persekitaran]
Encik Mohamad Amirul Hakim bin Mohamad Zamri [Pegawai Penyelidik KKM]
Encik Muaz Khawarizmi bin Azfar [Pegawai Penyelidik KKM]
Encik Kwa Ah Keong [Penolong Pegawai Kesihatan]
Muhammad Fairus Na'iman bin Mohd Fuzi [Pegawai Perhubungan Awam]
YB. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Pegawai Khas kepada YBMK]
Puan Norerianti binti Mohd Zulkifli [Setiausaha Sulit Kanan (SUSK) kepada YBMK]
Puan Sivamalar a/p Genapathy [Pegawai Tugas-Tugas Khas kepada YBMK (Parlimen)]

Jabatan Peguam Negara

Cik Hamielia binti Hamizan [Penolong Kanan Penggubal Undang-undang Parlimen Bahagian Gubalan]
Puan Hasnurliza binti Mohd Radzi [Penolong Kanan Penggubal Undang-undang Parlimen Bahagian Gubalan]
Cik Nurfarhana binti Ahmad [Penolong Kanan Penggubal Undang-undang Parlimen Bahagian Gubalan]
Tuan Soo Kok Weng [Penolong Kanan Penggubal Undang-undang Parlimen Bahagian Gubalan]
Cik Nadia binti Mohd Izhar [Timbalan Pendakwa Raya (Bahagian Pendakwaan)]
Puan Siti Aishah binti Ab Rashid [Peguam Kanan Persekutuan (Bahagian Penyelidikan)]
Encik Mohd Zulfadhli bin Sazalye Ponol [Peguam Persekutuan]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN
BIL. 4 TAHUN 2023

BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

SELASA, 27 JUN 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.47 pagi

[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Salam madani. Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha binti Mustafa; Ketua Pengarah Kesihatan, Yang Berbahagia Datuk Dr. Muhammad Radzi, seluruh anggota Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Kesihatan, Yang Berusaha Dr. Nizam selaku ketua sekretariat pada pagi ini, pegawai-pegawai tertinggi daripada MOH, Timbalan KP, Tuan Zaimey selaku Penasihat Undang-undang dan seluruh ahli mesyuarat yang turut hadir pada pagi ini.

Saya mulakan dengan merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan seluruh pegawai tertinggi daripada MOH dan khasnya kepada anggota PSSC, yang telah membuat komitmen untuk hadir. Saya pun memohon banyak maaf. Sebentar tadi kami ada sedikit sesi khas bersama Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan telah pun dapat kami lunaskan tanggungjawab tersebut.

Baik, untuk tidak membuang waktu, saya sekadar hanya menyebutkan betapa hari ini mungkin bukan sahaja seluruh negara, bahkan dunia juga melihat kepada rang undang-undang yang bakal kita bentangkan kembali untuk Bacaan Kedua pada 9 Oktober, sekali gus membahaskan. Mudah-mudahan, akan dapat kita luluskan satu rang undang-undang kawalan produk merokok demi kemaslahatan dan kesihatan awam. Ini sangat ditunggu-tunggu.

■1050

Jadi, saya tahu setiap seorang daripada kita mempunyai komitmen yang tinggi untuk pastikan. Kami PSSC diberikan tanggungjawab oleh Menteri dan kerajaan untuk memerhatikan perkara ini dalam waktu yang terdekat ini sebelum 9

Oktober dan telah pun disusun baik oleh *our* SUDR, Dr. Nizam dalam enam mesyuarat termasuk hari ini dan tanpa berlengah waktu lagi saya izinkan SUDR untuk membawa kita meneliti akan agenda pertama, terma rujukan.

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan terma rujukan; rang undang-undang ini telah dirujuk kepada JKPK ini dan kita akan membuat satu penyata yang akan dibentangkan dengan cadangan-cadangan pindaan. Dalam penyata itu, akan ada isu-isunya dan juga pemerhatian, syor oleh jawatankuasa dan cadangan-cadangan yang itu dengan pindaan-pindaan kepada rang undang-undang tersebut akan dibentangkan dalam Dewan dalam bentuk penyata. Selepas itu akan ada usul untuk membawanya untuk dibuat Bacaan Kedua bersama dengan penyata itu. Apabila sudah lulus Bacaan Kedua, ia tidak ada peringkat Jawatankuasa. Sebab *all these while bill* dalam kita sudah *go through* ada peringkat Jawatankuasa tetapi yang ini takkan dihantar ke peringkat Jawatankuasa, ia akan terus pergi ke Bacaan Ketiga seperti mana yang pernah berlaku kepada *antihopping law.* Itu yang perkara pertama.

Perkara yang kedua ialah garis masa. Garis masa ini memang telah mendapatkan pandangan daripada Kementerian Kesihatan juga, mengambil kira aktiviti-aktiviti mereka dan inilah garis masa yang dicadangkan.

Dr. Zaliha binti Mustafa [Menteri Kesihatan]: Minta maaf, maksudnya nanti Bacaan Kedua itu berserta dengan pindaan diutarakan oleh *[Disampuk]* Oh*,* okey.

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Apa yang sudah berlaku ialah kita selepas sudah muktamadkan penyata itu, dalam penyata itu akan ada *background,* akan ada isu-isu. Selepas itu ada pemerhatian-pemerhatian oleh ahli-ahli JKPK dan juga cadangan-cadangan. Cadangan-cadangan itu akan ada dua; cadangan pada peringkat dasar dan juga yang kedua ialah cadangan kepada *bill* tersebut yang kita akan *finalise,* akan ada dan sebagai lampiran. *So*, selepas ini apabila pergi ke Dewan nanti akan ada rang undang-undang ini dan akan ada usul daripada Yang Berhormat Menteri mengenai penyata.

Tuan Pengerusi: Yang berwarna...

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Yang itu bukan usul Yang Berhormat Menteri sebab *tobacco* hari itu dirujuk oleh Menteri yang *chair* tetapi kali ini Tuan Pengerusi punya usul akan ada.

Tuan Pengerusi: Usul itu akan masuk dalam peringkat Jawatankuasa?

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Usul itu apa yang akan berlaku adalah – Kita pun ada *sample* dululah ya, semasa Yang Berhormat Ramkarpal jadi Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Undang-undang IPCMC.

IPCMC *purely by* – rang undang-undang tersebut dibawa ke Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang dan selepas itu dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Pilihan Khas, akan ada usul daripada rang undang-undang tersebut. Bersama dengan rang undang-undang itu ialah usul oleh Pengerusi. *Yes.* Dalam hal ini akan ada usul oleh Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Boleh faham ya? Bermakna RUU itu akan dibentang sebegini dan usul daripada kita PSSC akan dibentang seolah-olah asing dan satu yang akan di-*integrate.*

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Ia akan bersama.

Tuan Pengerusi: Maksud "asing", ia tidak masuk dalam...

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Rang undang-undang dan usul oleh...

Tuan Pengerusi: Usul-usul. Okey.

Dr. Zaliha binti Mustafa: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kemudian baru dibahaskan?

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Ya.

Dr. Zaliha binti Mustafa: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] So*, Bacaan Kedua rang undang-undang? *That is considered as* Bacaan Kedua?

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Apabila sudah dibahaskan, ia akan diambil sebagai Bacaan Kedua. Diluluskan Bacaan Kedua. Selepas sudah habis Bacaan Kedua – Apabila ada Bacaan Kedua itu ada diluluskanlah rang undang-undang *itself* yang telah dipinda dengan penyata.

Tuan Pengerusi: Persoalan – Mungkin persoalan Yang Berhormat Menteri adalah ketika perbahasan berlaku, apakah sudah ada di atas *table* usul daripada kami PSSC?

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Sudah.

Tuan Pengerusi: Dibawa bersekali ataupun dibawa ke kemudian? Itu persoalannya.

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Ini satu benda yang kita kena – *It is an unchartered territory,* yang ini kita akan bincangkanlah. Bagaimanakah? Sebab ia ada rang undang-undang selepas itu usul itu ada bersama. Kita hendak bawa bersama. Itu benda yang kita kena...

Tuan Pengerusi: Itu *we need your advice on it.*

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: *Yes.* Berikan masa untuk saya meneliti perkara tersebut.

Tuan Pengerusi: Baik.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Sebab saya rasa pelik jadinya kalau misalnya kita bawa berserta dengan pindaan yang telah dibawa ataupun telah dicadangkan oleh

Jawatankuasa Pilihan Khas ini kemudian baru kita buat Bacaan Kedua. Kemudian bahas pula. Kita hendak bahas *on what*? *[Ketawa]*

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Sebab itu yang dicadangkan. Akan buat sekali di mana rang undang-undang dan usul daripada penyata kita akan buat sekali.

Dr. Zaliha binti Mustafa: *So that,* itu yang akan kita bahaskan.

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Sebab dekat sini isu yang akan berlaku ialah urusan kerajaan didahulukan. *So*, rang undang-undang itu ialah urusan kerajaan. Akan tetapi apabila datang Tuan Pengerusi, ia bukan urusan kerajaan. Kerajaan punya ialah kerajaan. Ia urusan Dewan.

Tuan Pengerusi: Faham.

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: *So*, itu yang kita kena dapatkan satu *method* di mana kita boleh *join. Join* itu memerlukan usul Menteri. Itu *administrative*. Tidak apa. Itu biar saya uruskanlah, *administrative*. *Once* dapat *decision* nanti *then let the administrative part ,* saya yang uruskan.

Tuan Pengerusi: Ada yang lain? Boleh?

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat]: Tadi SUDR sebutkan bahawa kita akan bahaskan peringkat dasar. Makna RUU ini dengan usul penyata. Kemudian kita tidak ada...

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Yes. Tidak ada peringkat Jawatankuasa. Sebab kenapa tidak ada Jawatankuasa? Kitalah; inilah jawatankuasa. Sudah dipertimbangkan. *So*, Jawatankuasa itu lepas sudah lulus sudah peringkat Bacaan Kedua, ia terus pergi ke Bacaan Ketiga. Itu yang hari itu ingat lagi kalau *antihopping,* Yang Berhormat Gobind bangun. Dia bangkitkan Peraturan Mesyuarat 60. Dia kata *by right* kena masuk Jawatankuasa tetapi Tan Sri *Speaker* "Art", dia kata sudah dibincangkan. *It is very clear* dalam Peraturan Mesyuarat 60 mengenai perkara ini. *So*, itu adalah berkenaan dengan *method. Method*-nya itu tidak apa. *Once* kita sudah ada persetujuan semua itu, *please* bagi autoriti kepada saya untuk memikirkan bagaimana untuk kita hendak *table*-kan dengan yang terbaik.

Tuan Pengerusi: Boleh.

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Kedua, garis masa. Garis masa ini telah dibincangkan dan telah mendapat pandangan daripada Kementerian Kesihatan juga. Mereka juga – Ini. Kita hendak bagi tahu inilah garis masanya.

Dua perkara yang kenapa saya hendak bagi tahu garis masa ini. Pertama, hendak minta Ahli-ahli Yang Berhormat semua kalau bersetuju *block* tarikh-tarikh ini sebab kita hendak pastikan pertama, cukup kuorum. Kedua, kita hendak

pastikanlah Yang Berhormat ada menghadiri mesyuarat ini. Itu *first.* Kita sudah tentukan tarikh-tarikh. Selepas itu, agenda-agenda adalah seperti berikut. Mesyuarat pertama ini kita sudah agendanya. Mesyuarat kedua ini kita akan, kalau *settle* hari ini – Okey, tidak apa. Kalau tidak *settle* kita akan teruskan dengan mesyuarat yang seterusnya dan juga perkara-perkara dasar yang baharu.

Then, barulah mesyuarat ketiga yang 17 Julai ini kita akan buat satu lagi meneliti draf. Kalau ada pindaan melibatkan rang undang-undang, kita akan melihat pindaan tersebut dan selalunya ia akan mengambil satu atau dua mesyuarat untuk *finalise.* Tengok *how complex* ini.

16 Ogos, kita akan *finalise the* pindaan tersebut. Kita akan buat draf penyata. Masa itu sekretariat akan menyediakan draf penyata untuk pertimbangan awal ahli-ahli jawatankuasa. Pada 28 Ogos, kita akan *finalise the whole* penyata dengan *bill*. Kita akan *go through* sebab kita kena *go through* penyata *one by one* sebab itu ialah kehendak Peraturan Mesyuarat sebelum kita bentangkan di Dewan. *So*, itu sahaja. Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih SUDR. Telah pun kita diberi faham tentang terma. Akan ditegaskan kembali garis masa dan sekarang kita masuk terus kepada agenda yang telah diterangkan di situ. Perbincangan perkara-perkara dasar seperti berikut:

(i) peruntukan Generasi Penamat Rokok;
(ii) peruntukan pemilikan;
(iii) had hukuman; dan
(iv) implementasi laporan berkala.

Sebenarnya inilah perbincangan kita di PSSC. Jawatankuasa ya. *This is our discussion.* Di sini jugalah kita mengharapkan apa pun hal-hal yang terkait – Saya nampak macam mesyuarat kedua iaitu meneliti dan memuktamadkan perkara-perkara dasar itu mungkin *would be* merangkum dan mengulas perbahasan hari ini ataupun *[Disampuk]* Begitu ya? Jadi, hari ini kita berbincang tentang dasar. Dasar inilah yang kita mahu dengar. Saya pernah mendapat sedikit komentar tidak silap saya daripada Yang Berhormat Tanjong Karang dalam perbincangan mesyuarat satu masa dahulu tetapi saya tidak pasti sama ada Yang Berhormat Tanjong Karang akan membawanya kembali tetapi saya sendiri punya satu lontaran yang agak dasar. Yang Berhormat Menteri pun mungkin akan terkejut sedikit tetapi tidak apa, kita izinkan yang lain juga berbahas dahulu. Sila, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Dengan izin Tuan Pengerusi, yang ini KKM akan...

Tuan Pengerusi: Oh ya.

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Mereka akan membuat taklimat selepas itu kita akan...

■1100

Tuan Pengerusi: Ya, kita sudah ada pembentangan. Sila. *[Disampuk] [Ketawa].* Terima kasih. Siapakah yang bentang? Sila, Dr. Noraryana. Sila.

Dr. Noraryana binti Hassan [Timbalan Pengarah (Penyakit Tidak Berjangkit), Kementerian Kesihatan Malaysia]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. *Assalamualaikum* Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, Datuk, Datin, Tuan-tuan dan para hadirin sekalian. Saya akan membentangkan konsep bagi Generasi Penamat Rokok dan dalam pembentangan ini kita akan *cover* tujuh skop termasuk pendahuluan dan kesimpulan.

Sebagai pendahuluan, dianggarkan sebanyak lapan juta kematian setahun dilaporkan berpunca daripada penggunaan tembakau dan di Malaysia hampir 27,000 orang mati setiap tahun. Ini berdasarkan *Tobacco Atlas* pada tahun 2019. Kematian ini boleh dicegah dengan kawalan yang lebih ketat melalui peruntukan yang telah digariskan di bawah perjanjian *World Health Organisation Framework Convention on Tobacco Control* (WHO FCTC). Malaysia merupakan anggota parti kepada perjanjian ini semenjak tahun 2005 lagi.

Berdasarkan beberapa artikel dalam WHO FCTC ini iaitu Artikel 2, Artikel 3, Artikel 5.1 dan Artikel 5.3, Kerajaan Malaysia telah pun mengawal produk tembakau ini melalui Akta Makanan 1983 iaitu di bawah seksyen 36, *Pemakaian bagi tembakau*. Bagi seksyen 36(1) dan juga seksyen 36(2). Kedua-dua seksyen ini mengawal semua bahan yang berasaskan tembakau ataupun bahan-bahan yang serupa itu.

Berikut ialah beban masalah merokok rokok konvensional. Jika Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian lihat pada slaid yang pertama *[Merujuk kepada slaid pembentangan],* ia menunjukkan peratus perokok berumur 15 tahun dan ke atas yang mana kita boleh lihat peratusannya *more or less stagnant.* Jika kita lihat yang graf B pula ia menunjukkan *prevalence* rokok ataupun peratusan merokok dalam kalangan kumpulan produktiviti iaitu dalam kalangan yang paling tinggi, umur 20 hingga 49 tahun. Graf C ialah peratus merokok dalam kalangan remaja 13 hingga 17 tahun. Kita boleh lihat penurunan secara keseluruhan. Walau bagaimanapun apa yang membimbangkan, penggunaan dalam kalangan remaja perempuan menunjukkan peningkatan.

Seterusnya ialah beban masalah untuk rokok elektronik di mana kita boleh lihat peratusan pengguna rokok elektronik, yang warna merah di bawah itu *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* telah pun meningkat, bandingan antara tahun 2016 dan data tahun 2019. Graf B menunjukkan peningkatan penggunaan dalam kalangan remaja 13 hingga 17 tahun. Graf yang bawah ini telah menunjukkan peningkatan yang ketara dari tahun 2017, 9.8 peratus kepada 14.9 peratus iaitu data terkini pada tahun 2022.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan semua ahli mesyuarat, dalam *presentation* ini kami ingin menunjukkan beban masalah merokok dalam kalangan golongan produktiviti. Generasi Penamat Rokok ini diperkenalkan kerana ini ialah isu utamanya apabila golongan remaja mula menceburi isu merokok ini dan ia telah menyebabkan peningkatan dalam kumpulan produktiviti ini.

Masalah merokok dalam kumpulan ini terus menjadi beban utama kerana golongan perokok kita tahu mempunyai jangka hayat yang lebih rendah dan sepatutnya perutusan merokok menurun. Namun disebabkan ada *new smoker* ataupun perokok baharu dalam kalangan ini telah menyebabkan peratusan, kalau kita boleh tengok di situ dalam kumpulan produktiviti itu tinggi. *[Merujuk kepada slaid pembentangan].*

Jadi, apa yang akan berlaku kepada negara sekiranya peningkatan ini terus berlaku kerana ia akan memberikan impak kepada produktiviti negara. Impak kepada produktiviti negara akibat penggunaan tembakau dikira berdasarkan kesan kepada penggunaan tembakau itu sendiri iaitu;

(i) peningkatan risiko untuk mendapat penyakit kronik ataupun dipanggil *morbidity;* dan

(ii) peningkatan kepada kadar kematian ataupun dipanggil *mortality.*

Risiko untuk mendapat penyakit kronik (*morbidity*) akan menyebabkan penyusutan kualiti kehidupan. Oleh sebab berlaku kematian, kualiti kehidupan mereka yang merokok akan terkesan akibat kesan komplikasi penyakit yang dihadapi. Penyusutan kualiti kehidupan akan menyebabkan kesan terhadap produktiviti akibat kurang tumpuan ketika bekerja (*presenteeism*); mereka hadir tetapi kurang tumpuan dan juga terpaksa mengambil cuti (*absenteeism*).

Jadi, kajian yang telah dibuat pada tahun 2019 yang telah disiarkan dalam jurnal BMJ, dianggarkan untuk Malaysia kehilangan produktiviti negara adalah sebanyak RM275.3 bilion. Ini dikira berdasarkan kematian (*mortality*), terpaksa mengambil cuti (*absenteeism*) dan apabila mereka hadir tetapi tidak dapat

menumpukan ketika bekerja (*presenteeism*). Produktiviti akan terjejas dengan berlakunya kematian pramatang. Jadi, itu menambahkan kepada kos kehilangan sebanyak RM275.3 bilion.

Implikasi kepada masalah merokok dalam kumpulan produktiviti pula, ia menyebabkan beban kos rawatan iaitu tiga sahaja yang utama yang kita ambil. Kita tidak – Ini berdasarkan hanya tiga sahaja iaitu kanser paru-paru, serangan jantung dan *chronic obstructive pulmonary disease.* Apabila kita buat kajian ini secara *projection*, kerajaan bakal menanggung sebanyak RM8.77 bilion menjelang tahun 2030.

Masalah ini bertambah dengan isu penggunaan rokok elektronik di mana kita tahu isu *electronic vape-associated lung injury* (EVALI) telah pun semakin bertambah. Berdasarkan kajian Jacob pada tahun 2020, apabila seseorang itu disahkan mendapat EVALI untuk kemasukan wad 12 hari sebanyak RM150,000 perlu dibelanjakan.

Pihak KKM telah pun membuat *projection study* untuk berapakah – Sebanyak RM369 juta kerajaan perlu menanggung pada tahun 2030 sekiranya masalah ini tidak dibendung dari awal. Ini pun hanyalah insiden sebanyak 0.04 sahaja dan sekiranya kita – Sekarang ini kita buka pula lagi, boleh jual dan sebagainya maka *incidents* itu akan bertambah dan kami menjangkakan angka ini akan juga bertambah.

Ahli-ahli Yang Berhormat dan ahli mesyuarat sekalian, ini merupakan konsep Generasi Penamat Rokok yang telah dibincangkan pada peringkat global dan *Thompson et al.* pada tahun 2012 mengambil kira empat elemen penting iaitu;

(i) *prevalence* merokok kurang daripada lima peratus;

(ii) penamatan penjualan komersial produk-produk tembakau;

(iii) denormalisasi budaya merokok dalam kalangan masyarakat (Maksudnya, budaya merokok itu tidak lagi diterima dalam masyarakat) dan;

(iv) sifar pendedahan mengenai penggunaan tembakau dan produk merokok kepada kanak-kanak. (Maksudnya, kanak-kanak atau remaja tidak lagi melihat produk-produk ini dalam pasaran dan sebagainya.)

Oleh yang demikian, mengambil kira faktor-faktor *prevalence* yang tinggi dalam kalangan remaja, mengambil kira masalah dalam kalangan kumpulan

produktiviti dan mengambil kira beban kos produktiviti dan beban kos rawatan tadi, maka pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah mencadangkan untuk mengubah peraturan-peraturan kawalan sedia ada iaitu hanya menyekat mereka menghisap rokok sebelum umur 18 tahun dan membenarkannya selepas 18 tahun dengan menggantikannya dengan peruntukan yang dipanggil peruntukan generasi penamat dengan tujuan untuk melindungi generasi muda sepanjang hayat mereka.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Boleh, boleh mencelah? Tanya sesuatu. Kalau Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau digantikan dengan rang undang-undang ini, yang baharu ini, adakah larangan 18 tahun itu masih dikekalkan? Hal ini kerana rang undang-undang ini tidak menyatakan umur 18 tahun dan ke bawah tidak boleh merokok. Itu yang saya hendak tanya.

Dr. Noraryana binti Hassan: Ia tidak ada sudah, yang 18 tahun itu. Ia menggantikan terus, yang Generasi Penamat Rokok, Yang Berhormat.

■1110

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *Soft landing* maksudnya, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau akan kekal dilaksanakan selepas dua tahun. Dimansuh, diganti dengan...

Dr. Zaliha binti Mustafa: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *But this* RUU, nanti saya masuk, ia hanya menyatakan 2007 tidak boleh merokok. Ya, *16 years old at the moment*. Kalau ini diluluskan tahun ini, maksudnya, *16 years old and above can smoke.*

[Beberapa Ahli berbincang sesama sendiri]

Dr. Noraryana binti Hassan: Yang Berhormat, boleh saya teruskan sedikit? Nanti ada ia punya...

Tuan Pengerusi: Mungkin akan diperjelaskan kemudian, Yang Berhormat Oscar.

Dr. Noraryana binti Hassan: *Yes.*

Tuan Pengerusi: Teruskan dahulu, Dr.

Dr. Noraryana binti Hassan: *All right.* Saya ulang lagi sekali. Bermaksud, 18 tahun dan ke bawah, larangan itu telah dipinda, ditukar dan dalam RUU yang sedia ada, ialah larangan untuk Generasi Penamat Rokok.

Konsep yang dibawa ini ialah konsep prinsip kawalan kesihatan melalui Prinsip *Ottawa Charter* yang menggabungkan:

(i) pembangunan dasar-dasar awam termasuk kawalan perundangan;

(ii) pembinaan persekitaran yang menyokong;

(iii) memperkuat tindakan komuniti;

(iv) membangunkan kemahiran individu; dan juga

(v) menyelaras semula perkhidmatan kesihatan.

Ini bermaksud, apabila undang-undang ini ada dengan kawalan perundangan tadi, kita juga akan melaksanakan dan memperkukuh perkara-perkara nombor (ii),(iii), (iv) dan (v) .

Adaptasi Generasi Penamat Rokok ini, kami telah membuat *projection* berdasarkan *Abridged SimSmoke model* yang mana kita bakal menyelamatkan nyawa seramai dua juta orang apabila kita dapat melaksanakan perkara ini. Generasi Penamat Rokok ini telah dilaksanakan di New Zealand sebagai mana yang telah diluluskan tahun lepas, termasuk dua buah wilayah kawasan iaitu Massachusetts dan Balanga City, the Philippines. Malahan, ada 37 buah negara yang telah pun melarang penuh *or total ban* termasuk negara-negara jiran kita seperti Brunei, Singapura, Cambodia dan Thailand.

Ini yang saya nak terangkan semula sebagai mana Yang Berhormat Sibu bertanya tadi. Dalam RUU kita yang baharu ini, yang telah pun dibuat Bacaan Pertama, kita ada kawalan dari segi pendaftaran, pengiklanan, pembungkusan, penjualan dan penggunaan. Kita bahagikan kepada dua bentuk produk yang kita kawal iaitu:

(A) rokok secara konvensional;

(B) rokok alaf baharu iaitu termasuk rokok elektronik, termasuk *heated tobacco product* dan sebagainya.

Khusus untuk Generasi Penamat Rokok tadi, kita kawal di bawah penjualan dan penggunaan. Kalau Yang Berhormat semua tengok dalam RUU yang ada ini, sudah tidak ada 18 tahun dan ke bawah tetapi digantikan dengan mana-mana orang di bawah yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya.

Kalau kita lihat isu merokok, yang sebelah kanan ini ialah isu merokok rokok konvensional. Sebelah kiri ialah isu rokok, rokok elektronik.

[Ahli-ahli Mesyuarat berbincang sesama sendiri]

Okey. Isu rokok konvensional, kalau kita lihat daripada graf, memang kita nampak sedikit penurunan. Akan tetapi isu penggunaan rokok elektronik, kita boleh nampak sedikit peningkatan. Peningkatan yang agak ketara juga.

Bagi membantu Generasi Penamat Rokok yang telah terjebak, pelaksanaan secara berfasa melalui penguatkuasaan pendidikan selama tempoh tertentu agar kita dapat memberi golongan tersebut untuk berhenti merokok. Apa yang kita

katakan berkaitan dengan “berfasa” ini adalah sebagaimana yang pernah dibentangkan sebelum ini. Untuk tembakau, akan dikuatkuasakan serta-merta tetapi untuk yang (B) itu, akan dikuatkuasakan kemudian.

Apakah yang akan kita laksanakan sementara dikuatkuasakan kemudian? Yang *soft landing* yang disebutkan sebelum ini adalah dengan memberi notis amaran, bekerjasama dengan sekolah, bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi, membantu mereka ini keluar daripada isu ketagihan nikotin yang telah mereka alami.

Bagaimana kita nak pastikan untuk rokok elektronik yang akan kita kawal kemudian sementara masih ada *lacuna*? Kita akan pastikan mereka semua membuat pendaftaran produk dan mengisytiharkan kandungan produk tersebut. Mereka juga dilarang membuat pengiklanan, mereka mesti dipastikan membuat pembungkusan yang sama. Mereka dilarang untuk menjual *online* di IPT, sekolah dan sebagainya. Maksudnya di situ, hampir keseluruhan kebolehdapatan produk ini dikawal ketat oleh RUU ini.

Namun begitu, penguatkuasaan untuk mereka yang telah terjebak bagi golongan GEG ataupun mereka yang sekarang ini berumur 16 tahun, masih kita beri apa yang dipanggil *soft landing,* supaya kita dapat membantu mereka untuk berhenti daripada isu merokok rokok elektronik dan semua jenis rokok yang ada.

Sebagai kesimpulannya Tuan Pengerusi dan semua Ahli Yang Berhormat, sebenarnya pelaksanaan Generasi Penamat Rokok sememangnya telah dibuat kajian terperinci dan pihak kami telah pun mengeluarkan suatu *regulatory impact assessment* yang telah diluluskan pada tahun 2022. Penetapan tarikh Generasi Penamat Rokok serta pelaksanaan secara berperingkat yang telah dicadangkan, telah pun dikaji secara mendalam. Pelaksanaan ini akan dapat memberikan impak yang positif kepada masalah merokok. Ia bakal menyelamatkan dua juta nyawa dan akan mengurangkan beban kos rawatan akibat komplikasi merokok jika dibandingkan dengan larangan 18 tahun yang sedia ada. Itu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Dr. Aryana. Sangat baik, sangat menyeluruh, sangat mantap penyampaian tadi. Kalau melihat kepada kesimpulan, Ahli-ahli Yang Berhormat PSSC, kita sebenarnya menyelamatkan dua juta nyawa mati secara pramatang, pada purata (*average*) 27,000 orang. Baru-baru ini semasa pandemik, sifatnya *infectious disease* ini, ia datang *acute* dan *episodic*. Tiga tahun, 37,000 meninggal dalam waktu itu. Akan tetapi kita lupa, bahawa rokok meragut 27,000 nyawa.

Dalam slaid yang awal tadi, *tobacco-related mortality and morbidity* yang jauh lebih ganas, yang jarang-jarang ditonjolkan dan diketengahkan. Ini sangat malang, yang mana kita gagal untuk memperagakan ataupun menayangkan kegerunan ataupun ini *this is what should be, should have been everywhere, you know.* Orang kata *pervasive, ubiquitous,* nampak, lihat, jelas.

Jadi, saya ingat penyampaian sangat baik dan kita PSSC sekarang ini khasnya, cuba untuk sebanyak mungkin, selumat mungkin, kita mulakan perbahasan, perbincangan, diskusi. Ada perkara-perkara dalam pembentangan tadi Yang Berhormat Sibu membangkitkan perkara-perkara yang agak tidak jelas bagi beliau. Mungkin Yang Berhormat boleh mulakan dahulu dan yang lain boleh susuli. Terima kasih.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Okey, mengikut apa yang saya baca dalam rang undang-undang ini, ia tidak menyatakan bahawa umur 18 tahun dan ke bawah tidak boleh merokok dan membeli peralatan atau membeli rokok. Akan tetapi, ia hanya menyatakan bahawa orang yang dilahirkan pada tahun 2007 ke bawah, tidak boleh merokok atau membeli barangan rokok.

For the meantime, kalau ini diluluskan tahun ini, sampai dua tahun kemudian, sampai mereka mencapai umur 18 tahun termasuk *for these two years,* umur 16 tahun boleh merokok. Adakah ini betul kalau mengikut rang undang-undang ini? Hal ini kerana, apabila rang undang-undang ini diluluskan, undang-undang yang terdahulu itu akan digantikan dengan akta ini. Itulah soalan saya.

■1120

Tuan Pengerusi: Betul.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Itulah soalan saya.

Tuan Pengerusi: Ya, sila Dr. Noraryana.

Dr. Noraryana binti Hassan: Yang Berhormat, kita ada dua kategori di sini. Saya mohon bukakan slaid semula yang slaid 28. *So*, kita ada dua kategori di sini. Tembakau dan *new form of smoking product*. Untuk tembakau, sementara mereka berumur 18 tahun – Sebelum mereka berumur 18 tahun, kita telah *cover* dalam fasal *Kecualian,* Yang Berhormat iaitu pada fasal 57.

Maksudnya antara-antara mereka yang sebelum mencapai umur 18 tahun itu. Hal ini kerana pada fasal *Kecualian* ini – Saya mohon AGC bantu. Pada fasal *Kecualian* ini, kita *carry forward* PPKHT yang sedia ada.

Tuan Pengerusi: Di sini kita kurang faham ini. Fasal Bahagian XII ya; *Kecualian dan Peralihan*. Saya pun baca ini pun saya kurang dapat. Saya kurang

grasp. Di sini perlu kita buat penjelasan dan pencerahan yang lebih baik. *This is where*. Boleh Dr. Aryana ulas dan *paraphrase* penyataan tadi dengan lebih mudah?

Dr. Noraryana binti Hassan: Mungkin Tuan Yang...

Tuan Pengerusi: PUU, Tuan Yang?

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali [Penasihat Undang-undang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Apakah yang dimaksudkan oleh Dr. Norayana tadi adalah walaupun kita ada rang undang-undang yang baharu tetapi peruntukan yang lama dalam peraturan lama itu kita kecualikan, bererti di-*extend,* masih diterima pakai. Itu disebut di subseksyen 13(3) atau 18(1), *"mana-mana orang yang lahir sebelum 1 Januari 2007"*, makna 18 tahun ke bawah *"yang belum mencapai 18 tahun pada tarikh permulaan kuat kuasa tidak boleh membeli apa-apa produk tembakau atau merokok atau apa-apa produk tembakau."*

Maknanya, *it covers*-lah. Kita dah ada pengecualian di sini. *Saving clause,* dipanggil.

Tuan Pengerusi: Okey? Boleh ya Yang Berhormat? Jelas, *kan?* Okey. Baik. Itu soalan yang sangat baik. *Clear the air*.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Jadi, pada masa sekarang kalau *vaping* memang umur 18 tahun ke bawah tidak boleh ataupun kita masih belum ada kawalan untuk *vaping*? Pada masa sekarang, adakah kita sudah masukkan kepada makanan? Betul? *[Merujuk kepada Tuan Pengerusi] Vaping*.

Tuan Pengerusi: *Now*, sekarang.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Sekarang.

Tuan Pengerusi: Tidak. Tidak ada.

Dr. Noraryana binti Hassan: Yang Berhormat, untuk *vaping*, dalam Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau, tidak Yang Berhormat. Tidak.

Tuan Pengerusi: Inilah sebabnya kita mengadakan, memerlukan *[Disampuk]* Ya, ya. PPKHT 2014 tidak ada peruntukan itu ya.

Dr. Noraryana binti Hassan: Oleh sebab, kalau Yang Berhormat tengok – Tolong pergi ke slaid tujuh. Dalam slaid tujuh, di sini memang kita ada mengatakan bahawa larangan terhadap milikan merokok, kalau kita baca, "*(e) larangan terhadap penjualan hasil tembakau kepada, atau memiliki, membeli, merokok atau mengunyah hasil tembakau".* Hasil tembakau ialah hasil daripada daun tembakau.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Noraryana binti Hassan: *So*, ia tidak masuk *the liquid vape* di situ.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Hasil tembakau. *Nicotine gel are not included?*

Dr. Zaliha binti Mustafa: *Nicotine by definition* Yang Berhormat *is actually* hasil tembakau. Hasil tembakau. *So, that is from the* daun tembakau. Daun tembakau. *But there is also nicotine that is synthetic nicotine*. *Synthetic nicotine. So that is why we really need this* rang undang-undang *because it covers everything*. Termasuklah *nicotine gel*.

Dr. Noraryana binti Hassan: Yang Berhormat. Mungkin – Tolong buka slaid sebelum itu. Kalau kita baca di sini, *"peruntukan-peruntukan akta ini selagi peruntukan ini boleh terpakai hendaklah terpakai dengan apa-apa ubah suaian sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah akta ini bagi tembakau, cerut"* – Sebab Ia dah cakap tembakau. Tembakau ialah daun daripada *Nicotiana tabacum*. *"...cerut, rokok, tembakau sedut dan bahan serupa itu", which refers to* cerut, rokok, tembakau sedut.

[Beberapa Ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Ya. *Pharmacist – You're a pharmacist. [Ketawa]*

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Akan tetapi, tadi...

Tuan Pengerusi: *Because it can synthesized. It is a synthetic nicotine*. Ya.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Akan tetapi, nikotin tadi *is not a* produk tembakau *kan?*

Dr. Zaliha binti Mustafa: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Yang mana?

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Kalau ikutkan istilahnya. Nikotin di bawah...

[Beberapa Ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Sintetik. *It is not the alkaloid* yang dalam...

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Ini masuk bawah produk pengganti tembakau atau tidak?

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Ia masuk bawah produk pengganti tembakau *kan?* Bukan produk tembakau.

Seorang Ahli: Ya, bukan produk tembakau.

Tuan Pengerusi: Ia sintetik.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: *It's synthetic*.

Tuan Pengerusi: *Liquid containing nicotine* itu. Baik.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Saya dah jadi *confused* pula ini.

Tuan Pengerusi: Tidak apa. *Confused* sekarang tidak apa. Dalam Dewan jangan *confused*. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Undang-undang sekarang hanya rokok sahaja. Produk tembakau tidak. Tidak *cover*.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Dr. Noraryana baca balik. Dr. Noraryana.

Tuan Pengerusi: Ada? Tidak ada?

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Produk tembakau, cerut dan rokok sahaja? Gel tidak termasuk?

Dr. Zaliha binti Mustafa: Cerut, ya.

Dr. Noraryana binti Hassan: Okey...

Tuan Pengerusi: Bila? Sekarang?

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Sekarang.

Tuan Pengerusi: PPKHT.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Apabila kita hendak buat nanti...

Dr. Zaliha binti Mustafa: Akan *cover*.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: ...ia termasuk gel. Akan tetapi, yang daripada produk tembakau sahaja.

Dr. Noraryana binti Hassan: Okey...

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Kalau yang sintetik?

Dr. Zaliha binti Mustafa: Termasuk. Termasuk. Masa rang undang-undang – Rang undang-undang sekarang ini.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Termasuk? Nikotin sintetik?

Tuan Pengerusi: Dr. Noraryana, tolong balik kepada slaid itu.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *For* akta sekarang tidak, sintetik tidak masuk. Hanya hasil tembakau daun.

Tuan Pengerusi: Betul, betul.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *At the moment*, akta sekarang tidak.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Sekarang macam ini, sekarang ini gel cecair produk tembakau itu nikotin *kan?* Contoh. Tidak termasuk dalam produk tembakau. Gel.

Tuan Pengerusi: Ya, betul.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Okey. *So*, apa yang kita hendak buat nanti adakah ia *cover* produk tembakau dan juga *synthetic nicotine?*

Tuan Pengerusi: Semua. Bersemua.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Semua sekali?

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Maksudnya, pada tahun 2025 nanti, yang umur 18 tidak boleh?

Tuan Pengerusi: Ya, tidak boleh.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: 2026 yang umur 19 pun tidak boleh?

Tuan Pengerusi: Betul.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Macam itu? Okey.

Tuan Pengerusi: Ya, mungkin Dr. Noraryana kena tunjuk balik itu slaid yang *conventional cigarettes* dan *the modern*. Baik.

Dr. Noraryana binti Hassan: Okey.

Tuan Pengerusi: Tolong perhatikan ini ya. Inilah ia. Rokok cara konvensional itu semua, termasuk rokok gulung itu dan rokok dengan peranti pemanas. *This is the modern,* alaf baharu punya *and all those*. Jadi, itulah ia. Ia telah merangkum hampir – Tidak adalah *kut*. *There should not be any lacuna anymore*. Tidak ada apa yang terkeluar atau tertinggal. *So, this would include everything.*

Dr. Zaliha binti Mustafa: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Daun teh pun masuk juga.

Tuan Pengerusi: Daun teh pun masuk juga. Okey, rokok daun teh.

Dr. Noraryana binti Hassan: Yang Berhormat, boleh saya tambah? Bagi yang (A) itu adalah di bawah PPKHT sekarang. Kita *cover* yang (A) semua.

Tuan Pengerusi: Betul

Dr. Noraryana binti Hassan: Bagi yang (B) itu adalah *new form.*

Tuan Pengerusi: Betul.

Dr. Noraryana binti Hassan: Tidak kira daun apa pun. Macam Yang Berhormat Menteri sebut tadi memang kita dapat pendaftaran daun teh pun ada dibuat rokok.

Tuan Pengerusi: Itu penting. Boleh ya? PPKHT kawal (A), rang undang-undang kawal (A) dan (B). Mudahnya. Begitu.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Adakah ada kaitan dengan kita keluarkan nikotin daripada *Senarai Racun* dengan nikotin dalam ini?

Tuan Pengerusi: Ada kaitan. Ini yang – Ya, baik. Saya rasa semacam ada *lacuna,* PUU. Bukan *lacuna* sangat tetapi "semacam". Apa yang diistilahkan dalam *Poisons Act* di mana dalam seksyen 7 itu *kan*, peruntukan ataupun *power* yang ada pada menteri. Jelas yang orang – Persepsi di luar hari ini *liquid containing nicotine* sudah tidak ada dalam Akta Racun. Persoalannya, sebutan itu dimasukkan dalam rang undang-undang ini tidak satu yang sejelas itu semasa dikeluarkan, dikembalikan di sini.

■1130

Tidak ada istilah *"liquid containing nicotine"* dimasukkan secara jelas, *very categorical,* orang nampak. *"Kan telah dikeluarkan di situ. Di sini tempatnya"*. *It is assumed,* ia dianggap, *subsumed* mungkin. Tanggapannya memanglah dalam semua ini dalam *vape* itu sudah ada *liquid containing nicotine,* sebab ia cecair *kan.* Begitu sahaja istilah yang dikembalikan dalam RUU ini.

Ia tidak sejelas mana ketika ia dikeluarkan. Itu semua orang tahu, *hue and cry.* Ramai yang bangkitkan, marah.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi, masukkannya itu tidak sejelas seperti mana ia dikeluarkan daripada *Poisons Act.* Sila, Yang Berhormat.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Dulu dalam *Poisons Act* hanya farmasi sahaja boleh jual. Doktor, farmasi boleh jual. Apabila ia dikeluarkan daripada *Poisons Act,* semua orang boleh jual.

Tuan Pengerusi: Betul.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Itu *lacuna*. Dulu apabila dalam *Poisons Act,* semua kedai yang jual *vape* itu adalah *illegal.* Dari segi undang-undang adalah *illegal.* Jadi, untuk memudahkan mereka boleh jual, ia dikeluarkan daripada *Poisons Act.*

Tuan Pengerusi: Itu yang saya ada sedikit perhati. PUU? Tuan Yang Zaimey cuba komen sikit. Perkara ini pernah kita bangkitkan dalam mesyuarat kami.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Statusnya yang asal, racun merupakan, dalam Jadual C *Poisons Act* – Racun pula, minta maaf. Nikotin.

Tuan Pengerusi: Nikotin.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Nikotin di bawah Akta Racun, Jadual C.

Tuan Pengerusi: Jadual C, betul.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Apa yang berlaku sekarang kita faham *vape* ini ada yang tidak ada nikotin, ada yang ada nikotin. Akan tetapi, secara umumnya nikotin ini ialah barang terlarang di bawah Akta Racun 1952.

Jadi, di sinilah peranan Menteri melalui kuasa yang ada mengecualikan nikotin itu untuk dijadikan, untuk dibolehkan, dimasukkan dalam *vape* dengan melalui pengecualian.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Tanpa pengecualian, nikotin akan *remain* satu barang yang salah.

Tuan Pengerusi: Betul.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Jadi, melalui pengecualian yang kita buat dalam Jadual C tersebutlah, maka nikotin ini boleh diguna pakai dalam *vape* dan apabila Kabinet memutuskan untuk mengenakan cukai ke atas nikotin, maka perkara ini perlu dibuat sebagai susulan perundangan.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Mana yang *public* selalu kata kita menghalalkan benda yang salah. Sebenarnya, kita bukan menghalalkan benda yang salah. Kita *want to regularise and legalise. [Ketawa].* Itu yang...

Tuan Pengerusi: Betul. Dengan kata lain, kalau saya boleh sambung, saya lanjutkan. Nikotin itu sudah pun di-*regularised* dalam RUU ini dengan *concentration*-nya yang terdapat dan tertera sebagai – Betul begitu?

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Mungkin farmasi. Kita ada pegawai farmasi yang jaga nikotin mungkin boleh *explain.*

Tuan Pengerusi: *Please explain* sebab hari ini *the issue is* kenapa ketika di-*exempt* tidak dilihat. Ini dimasukkan balik dalam RUU ini. Akan tetapi, sebenarnya sudah pun tetapi tidak secara jelas. Sila.

Encik Abdul Halim bin Abu Naim: Tuan Pengerusi, terima kasih Tuan Yang. Saya daripada Bahagian Penguatkuasaan Farmasi. Semasa mengeluarkan nikotin dalam – Bukan mengeluarkan. Maksudnya, nikotin itu masih ada lagi dalam Akta Racun 1952 tetapi semasa pihak kerajaan mengesyorkan untuk mengenakan duti eksais kepada sediaan cecair *vape* elektronik yang mengandungi nikotin, maka Bahagian Perkhidmatan Farmasi telah membuat pengecualian di mana hanya nikotin yang ada dalam cecair *vape* sahaja dikecualikan di bawah Akta Racun 1952.

Akan tetapi, sekiranya nikotin tersebut dalam bentuk *raw material,* maksud saya dalam bentuk bahan mentah yang *pure* dari luar negara hendak masuk ke Malaysia, ia masih dikawal di bawah Akta Racun 1952

So, hanya nikotin dalam sediaan cecair elektronik sahaja yang dikecualikan. Kita mengharapkan kawalan itu akan disambut oleh akta yang baharu inilah. Itu sahaja, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Jadi, nikotin masih berada di dalam *Poisons Act.* Dalam persediaan-persediaan yang lain *[Disampuk]* Ya, begitu. Jangan silap, *as if* nikotin telah dikeluarkan seluruhnya.

Seorang Ahli: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Cuma dalam *liquid containing nicotine* itu dalam RUU ini, ia di-*regulate?*

Encik Abdul Halim bin Abu Naim: Betul, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Konsentrasi diizinkan digunakan itu diregulasikan, betul?

Encik Abdul Halim bin Abu Naim: Betul, Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Akan tetapi dalam Akta Racun 1952 itu sendiri, ada pindaan atau tidak? Ini sebab kita...

Tuan Pengerusi: Ia bukan – Apa saya faham PUU...

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Kita keluarkan dalam bentuk yang...

Tuan Pengerusi: Kita tidak pernah keluarkan sebenarnya. Kita buat *exemption* sahaja.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Kita buat perintah pengecualian, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Perintah pengecualian, itu yang saya faham.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Oleh sebab, sebenarnya bukan rokok sahaja. Kita pun pernah buat perintah pengecualian untuk *nicotine patch*.

Tuan Pengerusi: Nicorette*.* Ya, mantan Menteri KJ buat keluar *kan?* Ada dua lagi, Nicorette *patch* dengan apa itu?

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: *Nicotine patch* dengan...

Tuan Pengerusi: *Chewing gum.*

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Itu untuk kaedah rawatan, *kan?*

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Ya.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Maknanya, ia tidak memerlukan pindaan dalam akta.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Tidak. Maknanya, nikotin ini masih ada yang menjaganya. Bukan salah faham tanggapan masyarakat seolah-olah kita sudah halalkan nikotin, bukan. Hanya untuk kegunaan rokok dan *nicotine patch* sahaja dikecualikan.

Tuan Pengerusi: Betul. Harap kita dapat – *We are on the same page.* Tidak apa, satu...

Dr. Noraryana binti Hassan: Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi: Sila.

Dr. Noraryana binti Hassan: Kalau Yang Berhormat lihat yang tertera – *Slide show please. [Merujuk kepada slaid pembentangan].* Bawah itu, inilah ayat yang kita kecualikan *"preparation of a kind, used for smoking through electronic cigarette and electronic vaporising device".* Apa-apa cecair yang mengandungi nikotin yang digunakan untuk *vaporise.* Itu sahaja yang dikecualikan.

Tuan Pengerusi: "*Preparation of a kind, used for smoking through electronic cigarette and electric vaporising device, in the form of liquid or gel".*

Dr. Noraryana binti Hassan: *Yes,* ini yang dalam Akta Racun yang dikecualikan. Akan tetapi, RUU kita bahan merokok itulah yang *liquid vape* itu.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Noraryana binti Hassan: Bahan merokok. Kita namakan bahan merokok. Sebenarnya, kalau RUU ini lulus dulu, yang di bawah racun itu kita akan letak *"kecuali bahan merokok"*. Akan tetapi, sebab ia sudah terbalik. Ini sebab bahan merokok itu tidak wujud di mana-mana, belum wujud. Masih dalam RUU.

Tuan Pengerusi: Masa itu belumlah.

Dr. Noraryana binti Hassan: Ya.

Tuan Pengerusi: Baik. Okey, satu isu yang penting untuk kita betul-betul lumat, kita perbahaskan. Baik, ada perkara-perkara lain?

Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi [Tanjong Karang]: Cuma saya mohon sedikit penjelasan. Kenapa dalam RUU kita itu tidak dimasukkan bahan nikotin dan juga *vaping? Vape* tidak dimasukkan.

Tuan Pengerusi: Ada.

Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi: Dalam B, tadi. Sila tengok slaid B tadi. A campur B. Tengok B.

Tuan Pengerusi: Mungkin istilah *vape* itu tidak ada ya. Kenapa tidak...

Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi: Kenapakah tidak? Dua perkara penting situ. *Vape* dan juga nikotin kita hendak *ban.*

Tuan Pengerusi: Cuba balik kepada slaid itu.

Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi: Belakang lagi.

Tuan Pengerusi: Saya pun rasa ada sedikit penambahbaikan yang boleh dibuat. Cuba tengok.

Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi: A campur B. Ini, *[Merujuk kepada slaid pembentangan].* Bahagian B:

(i) tembakau;

(ii) cecair PG+VG+TG;

(iii) selain tembakau.

Kenapa tidak ada masuk "*vape"* di situ dan tidak ada masuk...

Seorang Ahli: Kalau kita tengok, ia diambil alih oleh...

Tuan Pengerusi: Peranti.

Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi: Peranti?

Tuan Pengerusi: Peranti pemanas itu diistilahkan sebagai *electronic nicotine delivery systems* (ENDS) itu. Saya tahu pernah kita guna istilah itu dulu, ENDS. Akan tetapi, ada yang mungkin rasa lebih baik, lebih jelas kalau istilah "*vape"* itu sendiri digunakan sebab semua orang faham *vape* tetapi tidak faham peranti pemanas ataupun *electronic nicotine delivery systems* (ENDS) itu. Sila, doktor jawab. Bagi respons sedikit.

Dr. Noraryana binti Hassan: *Alright,* rokok konvensional yang tembakau dibakar. Rokok elektronik ia ada spektrum yang banyak. *Vape* adalah salah satu jenis rokok elektronik iaitu *vape* yang dulu ia pakai mod yang besar, ia tuang *liquid* di dalam itu. Dalam jenis rokok elektronik pula ada pula *pod.*

Tuan Pengerusi: Betul, macam-macam.

Dr. Noraryana binti Hassan: Sekarang, budak-budak muda tidak sebut *vape,* mereka sebut *pod; P-O-D.* Jadi, kalau kita *cover* hanya "*vape",* kita hanya *cover* satu spektrum.

Tuan Pengerusi: Betul.

Dr. Noraryana binti Hassan: *Actually,* rokok elektronik *is that umbrella. So,* dalam rokok elektronik kita pakai "peranti", *which is "smoking device".* Kita juga masukkan *"liquid", which is* bahan merokok tadi, *the liquid.* Kita juga masukkan daun-daun lain dalam peranti. *So that is why* kita pecah begitu.

Dalam RUU ini, kita hanya kawal *the smoking elements* iaitu *liquid,* bahan-bahan tembakau, bahan-bahan yang digunakan untuk dipanaskan dalam peranti. Peranti adalah di bawah...

Tuan Pengerusi: MDA.

Dr. Noraryana binti Hassan: KPDNHEP.

Tuan Pengerusi: Maaf, KPDNHEP.

Dr. Noraryana binti Hassan: Kecuali jika ia membuat promosi yang menggalakkan pembelian. Itu sahaja. *That is why* kita tidak guna perkataan "*vape"* ataupun "rokok elektronik" *because* rokok elektronik *is big.*

Tuan Pengerusi: Jelas, ya? Istilah itu lebih generik ataupun lebih merangkumi, lebih *wide,* lebih umum. Kita elakkan sebab satu hari nanti banyak lagi *devices* baharu yang datang dan kita kena – Kita tergalang di situ.

■1140

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Yang Berhormat, maksudnya dalam rang undang-undang ini, walaupun *vape* tidak mengandungi nikotin, juga akan dikawal?

Dr. Zaliha binti Mustafa: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Yes, yes...*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *Even the small one.*

Tuan Pengerusi: Ya, ya – Maaf. *I was not...*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *Now with this,* di bawah rang undang-undang ini, walaupun *vape* tidak mengandungi nikotin, juga akan dikawal?

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Noraryana binti Hassan: Betul.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Peranti sahaja dikawal. Jadi, sesuatu untuk hisap, akan dikawal. Adakah itu terlalu ketat?

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]* Ya, sebab apa? Saya perhatikan dalam *MOH* punya *definition, vape* itu ataupun – Ia sama ada mengandungi atau tidak, ia tidak bezakan. Betulkah, Dr. Noraryana? Ataupun sudah ada perubahan, ada *updating*?

Dr. Noraryana binti Hassan: Nanti bab – Tolong buka yang bahan merokok tadi *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Nanti, yang bahan merokok itu nanti, kita akan ada peraturan-peraturan yang mana, bahan merokok itu ia boleh masuk berapa nikotin ataupun berapa *level* nikotin. Dalam peraturan, Yang Berhormat.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Jadi, *setting vaping* kosong, tiada kandungan nikotin. Bolehkah?

Dr. Noraryana binti Hassan: Ada dalam pasaran.

Seorang Ahli: Ada.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Itu tidak akan dikawal, di bawah...

Dr. Noraryana binti Hassan: Dikawal di bawah ini.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Di bawah ini?

Dr. Noraryana binti Hassan: Ya. Sebab Yang Berhormat, untuk jadikan sesuatu *liquid* itu *liquid vape* atau dalam undang-undang ini dinamakan bahan merokok, ia kena ada bahan asas *propylene glycol* (PG), *glycerol, triethylene glycol* (TG). Baru ia boleh mengewap. *Whether* ia tambah nikotin atau tidak, itu untuk kesedapan sahajalah. *So,* dalam pasaran, dalam *10 per cent,* tiada nikotin. *90 per cent* ada nikotin.

Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi: Untuk mudah, boleh saya sebut di sini. Maknanya, *total ban* untuk generasi tahun 2007 ke atas, sama ada dalam bentuk *vape,* rokok, tembakau, *[Tidak jelas]* atau *anything; total ban.* Itu Yang Berhormat cakap, mungkin terlalu keras. Praktikalkah? Maknanya, kita *total ban* produk rokok.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Ya.

Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi: Maknanya, tidak ada rokok nanti.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Yang Berhormat Sibu, *you are a pharmacist. You know, kan? Propylene glycol is very dangerous and it's carcinogenic, isn't it? So, I mean, you should support.*

[Ketawa]

Tuan Pengerusi: *No, that's not the issue. [Ketawa]*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *I am just asking. Seeking clarification,* kerana sekarang, ada satu *sport* atau satu acara. Mereka guna peranti pemanas ini untuk membentuk asap yang berbeza bentuk itu. Jadi, kalau ada kawalan ini, mungkin *sport* itu tidak akan dijalankan di Malaysia.

Tuan Pengerusi: *It's just the chemical that create the vapors.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Zaliha binti Mustafa: *The industry – They are saying that vapes without nicotine is harm reduction. But, I mean, being – We know that it's not actually a harm reduction because the contents of it*-lah, macam PG. *You know, glycerol. These are all dangerous chemicals.*

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya sedikit. *Shisha* termasuk atau tak dalam ini?

Tuan Pengerusi: Konvensional.

Dr. Zaliha binti Mustafa: *Shisha.* Ya, ya.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Termasuk ya?

Dr. Noraryana binti Hassan: Termasuk.

Tuan Pengerusi: Sudah. Awal-awal lagi.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Ha, jangan *shisha*. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Tak silap saya, PPKHT.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Konvensional ya? Okey. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: *Tobacco control.* Okey. Baik. Ada lagi hal-hal? Kalau tidak, saya nak bangkitkan...

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Cuma, saya nak tanya satulah. Kita pun tak – Jahil sikit. Ada tak *vape* yang tidak pakai *glycerol* atau *glycol*? Adakah? Bolehkah ia buat macam itu?

Dr. Noraryana binti Hassan: Ia susah nak berwap, Yang Berhormat. Kalau kita bayangkan, kita cuba masukkan...

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Maknanya sekarang, semua *vape* itu, kita kira – Ada beberapa perkara yang dikawallah? Semua *vape,* selepas ini?

Dr. Noraryana binti Hassan: Dalam undang-undang baharu ini, *yes,* sebab ia tak akan panggil – Ia tak boleh jadi wap kalau ia tak ada tiga bahan ini.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Akan tetapi, yang kita nak larangnya, nikotin sahaja *kan?*

Dr. Noraryana binti Hassan: Kita akan larang apa-apa barang yang meruapkan dan menjadi keseronokan.

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong]: Menjadi waplah?

Dr. Noraryana binti Hassan: *Yes.* Wap dan ia seronok untuk menyedutnya.

Puan Young Syefura binti Othman: *So, anything* yang jadi wap, memang akan dikawal? Memang...

Dr. Noraryana binti Hassan: Akan tetapi, kita ada *definition* merokok, Yang Berhormat di situ.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Puan Young Syefura binti Othman: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Ia *qualified* dalam...

Dr. Noraryana binti Hassan: Ya. Maksudnya...

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Banyak lagi kita guna wap untuk...

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Kalau mereka...

Seorang Ahli: Kesihatan awam, *kan.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Dengan *the advance of technology, they come out with some chemical different* daripada TG, bolehlah kalau itu ada?

Dr. Noraryana binti Hassan: *In future,* Yang Berhormat, sekiranya ada *chemical* lain *and then we need to* pindalah, sekiranya. *But at the moment,* memang dari tahun 2010 sehingga sekarang, *this is the basic element* yang digunakan. Cuma, kalau wap yang lain, kita memang tak kawal, Yang Berhormat sebab kita ada *definition* merokok di situ.

So, hanya perbuatan yang menyedut, menghembus asap atau wap yang mempunyai kawalan, terhadap produk-produk yang kita kawal ini sahaja.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Jadi, kementerian boleh *make it clear to the public that we ban those things because they are carcinogenic.* Kalau tidak, memang *perception* awal*, vaping* pun tidak boleh.

Tuan Pengerusi: *That's totally a different issue altogether, that it must be valid, evidence-based. Carcinogenic, but a human carcinogen* atau *animal? Although,* kita akan *embroil* dalam satu polemik *evidence of science.* Jadi, itu pun susah sikit untuk kita. Walhal*, we can* – Boleh *argue* ikut cara lain pun. Akan tetapi, *we get into that kind of a polemics,* yang saya rasa, mungkin *it's not necessary, uncalled for.*

Okey, sila bawa isu-isu lain. Saya pun – Masa berjalan.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Tuan Pengerusi, perlu tak tafsiran "bahan merokok" ini diperluas?

Tuan Pengerusi: Tolong ulas. Bagi *clarification* sedikit apa maksudnya.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Kalau ikutkan, ini mengandungi *propylene glycol*, *glycerol* dan TG ini. Kita mungkin akan terdedah juga dengan bahan-bahan yang lain, sebab *since that* yang ini, tafsirannya *very specific*.

Tuan Pengerusi: Boleh tak kalau saya minta PUU, masukkan satu istilah sahaja? Contohnya – *So that you open up to other things.* Kalau *evidence in science* dan juga mereka berinovasi dan berkreativiti, datang dengan pelbagai lagi *chemicals to produce vape* ini. Jadi, kita sudah – Boleh tak kita letak, *"...yang mengandungi antaranya"*. Atau kita kata, *"...antaranya"* ataupun *"...contohnya"*. Boleh tak?

Because, this is a clause yang *very tight.* Ia kata – *Drafting issue*-lah. *This is a drafting issue. PUU, you advise us. Is it not better that* kita *put it like, open-ended* sedikit. Dari segi *"...contohnya"* atau *"...antaranya"*, ya.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Untuk makluman, kita pun ada pegawai *drafting* daripada AGC. Saya pun tengok dia sedang berfikir itu.

[Ketawa]

Tuan Pengerusi: Ya. Isu itu mungkin *for the time being,* nampak macam akademik, tetapi ia membawa kesan *for future*, ya. Sila.

Cik Hamielia binti Hamizan [Penolong Kanan Penggubal Undang-undang Parlimen (Bahagian Gubalan)]: Cuma, Tuan Pengerusi, sekiranya kita nak pinda tafsiran *"bahan merokok"* ini – Sebab sekarang kita dah pakai *very generic* punya ini dan kita *tied to those propylene* inilah. Perkara-perkara tiga "G" ini.

If you want to add, ada lagikah perkara-perkara yang boleh menghasilkan wap itu selain *this, at the moment?* Atau masih dalam keadaan sekarang, ini sahaja?

Tuan Pengerusi: *At the moment,* ya.

Cik Hamielia binti Hamizan: Ataupun nanti apabila perlu, kita pindalah.

Tuan Pengerusi: Oh, ya.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Ataupun, mungkin ayat. Kalau boleh gunakan, mungkin *"...gabungan yang memberi kesan sepertinya jua".* Contoh ya ayat ini. *Legal quote*-nya. Bermakna sekarang ini, *it is an open-ended statement clause* yang akan merangkumi. *Future* punya apa? Orang lagi hebat-hebat ini.

Selepas ini, dia buat pula gabungan dengan macam-macam. Jadi, mungkin ayat itu, *"...atau gabungan yang lainnya",* gabungan kimia yang memberikan kesan *the same effect* dengan apa yang kita nyatakan itu. Itu mungkinlah. *You* akan *cover* semua. *Lawyer* seronok ini.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Betul saya cakap. *Technically,* esok kalau gabungannya ialah gabungan campuran yang lain, contohnya. Khayal dan sebagainya, budak terkesan. Jadi, kita sebagai *lawyer,* senang sahaja.

Tak ada pun ini, tak masuk campuran ini, kombinasi lain. Betul, *you* menggunakan perkataan *"...atau"* di sini. Betul, ini dari segi *legal*. Akan tetapi, esok orang membuktikan – Esok, apabila dibuktikan, hantar kimia, rupanya gabungan kimia yang lain.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Akan tetapi, kanak-kanak sudah terkesan, contohnya.

Tuan Pengerusi: *You know, through time.*

Cik Hamielia binti Hamizan: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Cannot simply* "bahan", *like that.* Itu *general* sangat.

■1150

So, sekarang ini kita sudah *tied* dengan *these three. If you* hendak *add* bahan, *we have to indentify* juga *what* bahan yang boleh kita...

Tuan Pengerusi: Okey. Isunya ialah *science is evolving. Creativity and innovation is always – Kan* maklumat berkembang begitu pantas. Jadi, kalau begini sebutan dan ungkapan *drafting*-nya begini, *so we are only pinning down to propylene glycol, glycerol* dan *triethylene glycol*, tiga bahan ini sahaja. Walhal, *in due time, there could be others that they could create* dan sekali lagi kita macam tergalang *that we have been confined to this*.

Jadi, apa yang dimaksudkan oleh – Cadangan daripada Yang Berhormat tadi adalah yang mengandungi – Boleh tidak kalau kita *put the words "antara lain"* ataupun *"contohnya"*. *So that*, kita *open up for others to come in later* pun *as it comes*...

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Pandangan saya, itu terlalu ketat.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Ya, ini terlalu ketat. Saudari...

Dr. Zaliha binti Mustafa: Tuan Pengerusi...

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *If something is not harmful to the human being, meaning harm to the health, I think we should allow but without nicotine. Is that right*?

Tuan Pengerusi: Ya, *but because* kita sudah dalam bahan rokok ini semua sudah *we outlaw this already, you know?*

Dr. Zaliha binti Mustafa: *My concern is* Tuan Pengerusi, sebab benda ini dalam rang undang-undang induk yang kita sudah drafkan. *So*, kalau kita hendak ubah itu lagi...

Tuan Pengerusi: Jika.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Jika kita hendak ubah itu lagi, *how is the process*? Maksudnya kita kena ...

Tuan Pengerusi: *It is an amendment. It is an amendment right*?

Dr. Zaliha binti Mustafa: *Amendment – Because amendment* dalam rang undang-undang bukan kita kena – Macam mana?

Tuan Pengerusi: Saya tidak tahu kenapa *we must be tied down to the three*...

Dr. Zaliha binti Mustafa: *But it is already a Blue Bill kan?*

Tuan Pengerusi: Ya, *but these three chemicals* saja.

Cik Hamielia binti Hamizan: Ya, ini keputusan dasar KKM. Kita gubal berdasarkan keputusan dasar yang dibuat oleh pihak KKM.

Tuan Pengerusi: Ya, *back to* KKM. Okey, okey.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *You put "lain" – "...dan lain-lain", that will be very vague. What is "lain"?* Terlalu *broad*...

Dr. Zaliha binti Mustafa: *Actually the* keputusan dasar *is because of what we are relying upon* sebab *of the current situations, of which these three chemicals – These three chemicals* sebenarnya yang boleh meruap yang diistilahkan sebagai bahan merokok. *We never know in future, of course. Of course that one, we never know in future, they may. But I think* kalau misalnya kita hendak buatkan, *agree with* – Terbukalah; dengan kenyataan yang terbuka, *but I think that will depend whether we have to go back, the process again*. Itu yang *I* bimbang. Sebab *it is already in the Blue Bill*.

Tuan Pengerusi: Ia ada *Blue Bill*?

Dr. Zaliha binti Mustafa: Ya, ia sudah jadi *Blue Bill. So*, kalau misalnya dalam peraturan, *that is different*. Kalau peraturan *then anytime we can do that*.

Tuan Pengerusi: Boleh.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Akan tetapi kalau sudah masuk dalam yang ini ...

Tuan Pengerusi: *Blue Bill*, *we have got to go back to the* Dewan.

Dr. Zaliha binti Mustafa: *Exactly*, sudah *First Reading*.

Tuan Pengerusi: *Amendments*.

Dr. Zaliha binti Mustafa: *So, amendment it will just* tarik lagilah masa. Itu yang *I* risau. Cumanya yang untuk menyelamatkan kita *is because we have the* dua tahun *review* itu.

Tuan Pengerusi: *Review*.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Itu menyelamatkan. Maksudnya *if there is in within these two years* adalah tiba-tiba bahan lainlah, *whatever*-lah yang menjadi bahan merokok, *then* kita boleh *review* baliklah dalam *two years*. Laporan, dalam laporan.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Betul Yang Berhormat. Sebenarnya *to be fair to my colleague from the AGC* benda ini memang dasar kementerianlah. *Then technical people should advice. Our technical people should advice* dan saya difahamkan, saya percaya setiap definisi yang kita pilih ini kita berdasarkan *universal practice. It is a common practice universally*. Itu pertama.

Kedua, strategi penggubal. Penggubalan juga kadang-kadang, dari sudut perspektif penggubalan juga, kadang-kadang *it is so dangerous* kalau kita *too generic because once we are too generic*, senang orang hendak *challenge*. Kita bagi ruang kepada *defence*. Kalau kita kata *it is too open*, katalah kita tuduh seseorang dengan definisi yang terlalu meluas yang susah kita hendak *prove* kalau kita pergi mahkamah. Kadang-kadang kita kena tengok setiap aspek itulah.

Jadi, dalam hal ini saya percaya – Because ini *very technical*. Saya rasa mungkin Dr. Noraryana akan *advice* lebih lanjutlah. Akan tetapi saya difahamkan setakat ini, inilah definisi yang terbaik kita boleh buat.

Tuan Pengerusi: Okey. Akan tetapi saya memandang kepada provisi *review* itu yang mungkin juga boleh menyelamatkan kita dalam masa terdekat ini. Kalau ada penampilan, *new introduction of a new chemical* dan kita boleh *address that* masa itulah PUU ya. Okey.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Kita sebenarnya bukan sahaja – Kita melihat kepada peruntukan-peruntukan lain ya dalam RUU ini. Bukan sahaja aspek merokok ini tetapi pemilikan, hukuman ya.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kalau boleh kita buka sikit perbincangan sikit.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Saya hendak *highlight* sedikitlah dan saya mohon pencerahan. Saya melihat setiap daripada bahagian RUU ini dan saya lihat

tidak ada klausa atau *provision* berkaitan dengan pemilikan. Ada? Saya difahamkan itu hari dari segi dasarnya ia ingin dikeluarkan. Dikeluarkan.

Akan tetapi kalau kita keluarkan penggunaan dan pemilikan ini, ia akan mengakibatkan esok pegawai penguat kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia *toothless. Toothless*. Maksud saya itu, contohnya *if you* tengah menghisap, you masukkan dalam ini, *you arrest* dia dalam keadaan *toothless*.

Jadi, kalau seperti amalan biasanya – Mungkin keadaan ini kita boleh saya lontarkan ini untuk pencerahan. Contohnya macam pemilikan kita ada dadah di bawah Akta Dadah, seksyen 12 dan sebagainya. Okey, contoh. Ini saya bagi analogi. Contohnya mengguna satu kesalahan juga, pemilikan juga satu kesalahan. Jadi, mungkin saya beri pandangan ini mungkin pakar-pakar perundangan dalam kementerian dan juga wakil AGC boleh melihat perkara ini, kalau masih lagi boleh kita tambah, Yang Berhormat Menteri. Fasal pemilikan ini saya rasa hasil akhirnya akan jadi begitu esok.

Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat]: Tuan Pengerusi, saya rasa ia sudah dikeluarkan. Kita masukkan balik boleh tidak?

Tuan Pengerusi: Okey, mungkin kita kena...

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Saya faham Tuan Pengerusi yang kita punya rang undang-undang ini mestilah *educational in nature*. Kita hendak mendidik orang. Akan tetapi dalam pada masa yang sama saya khuatir esok undang-undang ini jadi undang-undang yang tidak boleh dari segi penguatkuasaannya yang akan menyukarkan pihak penguasa kesihatan, ini pandangan sayalah. *I might be wrong*. Akan tetapi keadaan di bawah ini begitulah. Mungkin peguam seronoklah ini; pemilikan mudah sahaja. Dia merokok, tangkap dia, dia simpan dalam ini. *You* tidak boleh *search; body search* tidak boleh. Jadi, macam mana kita hendak menguatkuasakan undang-undang? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Baik. Kalau boleh kita buka perbincangan ini. Saya rasa penting ya. Saya sendiri punya pandangan yang agak khusus. Yang Berhormat, *you want to say something?*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *I want to* – Definisi merokok. Balik ke definisi merokok.

[Ketawa]

Balik ke definisi merokok itu. Definisi merokok; *"menyedut, menghembus asap atau wap, apa-apa produk tembakau"* Kalau peranti itu tidak mengeluarkan asap adakah masih dikira merokok?

Tuan Pengerusi: Baik. Sila Dr. Noraryana.

Dr. Noraryana binti Hassan: Dalam apa yang kita alami sekarang ini ialah perbuatan merokok itu apabila dia sedut – Dulu dalam undang-undang sekarang, sebelum inilah, sebelum pindaan dibuat, sebelum datangnya rokok elektronik, kita kata merokok itu ialah menyedut, menghembus asap sebab waktu itu tidak ada wap. *Then*, datang rokok elektronik ia tidak keluarkan asap tetapi ia keluarkan wap. *So*, kita kata dia menyedut dan menghembus asap atau wap.

Akan tetapi kalau ia tidak keluarkan apa-apa, *means* dia bukan merokok Yang Berhormat, kalau dalam *definition* ini. Kalau kita pegang satu *device*, maksudnya ia tidak keluarkan apa-apa. Cuma *[Disampuk] Yes, it is not* merokoklah kecuali *enforcement* kena buktikan ada elemen asap ataupun wap yang keluar supaya ia jatuh di bawah merokok.

Kami di dasar ada berbincang dengan AGC sebelum ini. Kalau boleh kita hendak masukkan menyedut dan menghembus asap atau wap atau apa-apa partikel. *In future we do not know what.* Akan tetapi AGC kata *it is too wide*, susah hendak dibuktikan.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *Because nicotine inhaler* tidak ada asap. *Medical nicotine inhaler*. Ia dihisap sahaja, ia tidak keluar asap.

Dr. Noraryana binti Hassan: *Nicotine inhaler* ia bukan merokok Yang Berhormat sebab ia gunakan untuk tujuan rawatan. *So, it is not considered* – Kalau kita pakai *nicotine inhaler* di tempat-tempat larangan merokok ia tidak menjadi satu kesalahan di bawah undang-undang ini sebab ia bukan merokok. Ia ialah ubat.

Tuan Pengerusi: Okey, baik. Saya mungkin dalam waktu yang berbaki ini, mungkin saya hendak lontarkan satu yang agak fundamental dan boleh juga sikit *destabilise* perbincangan kita ini. Baik ya.

■1200

Mungkin peringatan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat akan PSSC yang lalu. Perkara ini kita bahaskan panjang lebar. PUU, kalau saya boleh mengulangi dan *refresh* balik, ya.

The whole construct or the canons of construction of this piece of legislation dengan izin, kalau saya boleh guna bahasa itu, adalah bertujuan untuk akhirnya *to protect our youth. That generation,* tahun 2007 dan selepasnya. *Protection is the overriding, overarching principle* dan *consideration.* Kalau dalam bahasa kita, inilah tujuan tertingginya, maqasidnya. *Was never aimed at being punitive.* Ia tidak bertujuan untuk menghukum. Jauh lagi untuk menjenayahkan generasi ini. Generasi ini generasi yang kita mahu pelihara dari awal supaya tidak mereka

melihat *our criminal justice system* itu satu yang sangat bertentangan dengan mereka atau cuba meragut apa pun hak mereka.

Justeru, sangat mustahak untuk *buying in, from this generation.* Bermula dengan kita *in the drafting and the construct of this piece of legislation* supaya meminimumkan, kalau boleh menghapuskan segala elemen penjenayahan kepada generasi ini. Kita tahu generasi ini sudah menjadi mangsa kepada *decades* – Mereka mungkin baru lagi – *of* apa yang dikatakan sebagai *manufacturing of consent* bahasanya*,* ataupun pengiklanan. *The whole ecosystem* yang membawa kepada akhirnya mereka tertarik untuk merokok dan sekarang ini melakukan kegiatan *vaping.*

Jadi, kita melihat itu sebagai satu premis dan permulaan perbincangan kita itu. *Consideration* kita. Jadi, tambah-tambahlah mustahak untuk kita dalam merangkakan, *in the promulgation of this piece of legislation* dan kita menggubal undang-undang supaya elemen *punishment* dan *punitive* itu kita kurangkan.

Lalu saya secara peribadi dan juga kawan-kawan yang ramai di luar sana. Ini termasuk juga ramai dalam kalangan MP yang melihat perkara ini. Andainya kalau betul kita *frame it,* mereka yang satu masa dahulu tidak menyokong, boleh juga menyokong.

Jadi, saya mohon ya. New Zealand; model dan *benchmark* hari ini. Kita tidak boleh ikut ia semuanya tetapi mereka sememangnya melihat kepada *supply side.* Pembekal itu dan industri itu yang mereka perlu kawal, jaga dan *regulate and punish.* Bukan khasnya generasi yang menjadi mangsa. *They are the perpetrators.* Generasi ini ialah mangsa. *Addiction is a disease* yang kita mesti rawat, *not criminalise.*

Oleh sebab itu, dalam PSSC yang lalu, saya, Datuk Seri Azalina dan beberapa MP yang lain berhujah dengan sangat tegas. *Very* keras untuk memastikan *this piece of legislation will see the light of day* dengan generasi kita itu menerima dan mendakapnya. *They celebrate this and embrace this* dengan pendekatan bahawa mereka mahu diselamatkan dan *this is a protection to them.*

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, ya. *Before* kita lupa apa sebaliknya, basis kita menggubal undang-undang ini, saya mengingatkan semua dan saya akan bangkitkan perkara ini lagi. Mungkin tidak waktunya untuk kita berbahas. Mungkin kita ada satu lagi *round* kehadiran sesama kita dalam PSSC. Kita lumatkan perbincangan ini dari sudut konsep falsafah, segalanyalah supaya betul-betul dapat kita angkat perkara ini dan kita menangi hati budi dan *minds and hearts of our other MPs and especially* kumpulan sasar itu. *That generation* itu yang kita mahu *protect,* yang kita mahu *educate.*

Jadi, itu yang saya rasa terpanggil untuk menyebutkan di sini sebagai sebutan awalan dan mungkin saya minta SUDR untuk susun *next* perjumpaan kita untuk kita *debate* dan mungkin dalam perdebatan itu kita mungkin panggil lagi pakar-pakar yang lain untuk bantu kita.

Saya yakin kalau kita perhatikan betul-betul, begitulah yang dihendaki, rakyat seluruhnya. Kita tahu. Saya boleh berhujah tetapi saya tidak mahu masuk dalam perbahasan. Saya menyebutkannya perkara yang dasar dahulu. *Details*-nya dan penghuraiannya nanti kita bahas kemudian. *Insya-Allah*. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana sanggup tunggu sampai habis dan kepada semua. Bolehkah SUDR, kita tangguh di sini dahulu?

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Ya. boleh. *So*, *next* 3 Julai 2023. *Next meeting* 3 Julai 2023. *So*, kalau ada jawatankuasa ini berpendapat kita kena panggil sebarang pakar ataupun boleh maklumkan saya sekarang untuk satu dua orang. *Next meeting* 3 Julai 2023.

Tuan Pengerusi: Jangan silap – Saya ingin tegaskan, ya. Saya menyokong penuh seluruhnya. klausa-klausa dalam *provision* ini. Cuma dari sudut aspek *punishment to the generation.* Itu sahaja. *Don't get me wrong. I want this to be* segera dibentangkan dan diluluskan. Akan tetapi menarik balik aspek atau elemen *criminalisation* itu. Baik. Bilakah? Maaf. Saya...

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Cadangan *next* ialah 3 Julai 2023 tetapi pada 3 hingga 6 Julai 2023 pun kita ada taklimat JKPK di Avillion, Negeri Sembilan untuk Pengerusi dan bersama ahli.

Tuan Pengerusi: Oh, ya. Betul. Semua tidak tahu itu. Kalau tidak, semua tidak pergi. *[Ketawa]*

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Akan tetapi, yang itu waktu petang. Petang *kan* majlisnya? Pukul enam. *So*, yang ini kita hendak buat pada pukul 10. *So*..

Tuan Pengerusi: Bolehlah.

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Ya.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Begini. Saya boleh bawa seorang. Jadi...

Dr. Zaliha binti Mustafa: *Can I be excused?*

Tuan Pengerusi: Boleh, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih. *Back to back, the meeting.* Terima kasih Yang Berhormat Menteri, ya. Perkara ini kita bincang kemudian? Kita tangguh dahulu.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Tuan Pengerusi, sudah *settle*-kah tadi yang Yang Berhormat Kuala Pilah minta masukkan semula pemilikan tadi?

Tuan Pengerusi: Kita bincang nanti. Bersekali dengan apa yang kita...

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Bincang kemudian. *Next meeting* pula?

Tuan Pengerusi: Kita kena masukkan. Kita kena agendakan semua ini. Kita tidak boleh putus sebegini.

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: *So*, 3 Julai 2023 saya rasa kita boleh buat waktu pagi. Kalau tidak ada halangan, pukul 10...

Tuan Pengerusi: 3 Julai 2023. Pagi, ya?

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Saya tidak sempat. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Tidak sempat, ya?

Puan Young Syefura binti Othman: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Saya tidak ada.

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Kalau tidak ada – Ada tarikh lain yang kita ini? Kita setujukan tarikh. 4 hari bulan memang tidak boleh sebab 4, 5 dan 6 Julai.....

Tuan Pengerusi: 4 hari bulan, Pengerusi tidak ada. Semua Pengerusi PSSC akan berada di – Bersama dalam program.

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Kalau 3 Julai tidak boleh, saya rasa kalau kita buat 10 Julai 2023?

Tuan Pengerusi: 10 Julai 2023. Cadangan? Persetujuan. Boleh, 10 hari bulan? Saya okey.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: 11 Julailah. 11 Julai.

Tuan Pengerusi: 11 Julai? Okey. Tidak apa. Kita boleh runding lagi.

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: 11 Julai. Kita *book* 11 Julai 2023 dahulu. 11 Julai kita buat 10 pagi.

Tuan Pengerusi: *Can you get 11th July*? Boleh.

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: *11th July*. 10 *o'clock.*

Tuan Pengerusi: Boleh, 11 Julai. Kita setuju semua? Okey, putus.

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Seterusnya, agendanya kita akan sambung apa yang kita sudah bincang ini. Kita akan sambung. Kita perlu panggil sesiapa?

Tuan Pengerusi: Mungkin saya bagi tahu kepada SUDR.

Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin: Akan dimaklumkan.

Tuan Pengerusi: Sesiapa yang bercadang untuk memanggil sesiapa pun? Pihak pakar?

Seorang Ahli: *Maybe you can call PBT.*

Tuan Pengerusi: Ya, mungkin juga. Ya. PBT, KPKT dan KPDN. Oleh sebab kita hendak kalau boleh *expedite*. Kita hendak percepatkan. Baik. kalau tidak ada hal-hal lain saya sekali lagi mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada pihak MOH, seluruh pegawai tertinggi dan pihak SUDR dan pihak kawan-kawan saya. Terima kasih sekali lagi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Selamat menyambut Aidiladha. Selamat hari raya.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.09 tengah hari]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

LAPORAN PROSIDING

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
KESIHATAN

MESYUARAT MEMBINCANGKAN TAKLIMAT DARIPADA:

- KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
- KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN

DAN ISU-ISU BERKAITAN DASAR-DASAR DALAM RANG UNDANG-UNDANG

BIL. 5
SELASA, 11 JULAI 2023
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
KESIHATAN
BIL. 5 TAHUN 2023

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

SELASA, 11 JULAI 2023

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir
YB. Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] - *Pengerusi*
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]
YB. Puan Young Syefura binti Othman [Bentong]
YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
YB. Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat]
YB. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat]
YB. Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi [Tanjong Karang]

Tidak Hadir *[Dengan Maaf*
YB. Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran [Batu]
YB. Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus]

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]
Pn. Nurul Saffida binti Husaini [Pegawai Penyelidik, Seksyen Sosial dan Pembangunan Sumber Manusia (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan) Parlimen Malaysia]
Pn. Mas Liza binti Maslan [Pegawai Penyelidik, Seksyen Sains, Teknologi dan Pembangunan (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan) Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Faizal bin Lan [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]
Dr. Siti 'Ai'syah binti Che Osmi [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zuhair bin Mohd Zubir [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Kementerian Kesihatan Malaysia
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Timbalan Menteri Kesihatan]
YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli [Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)]
Dr. Anita binti Suleiman [Pengarah Kawalan Penyakit]
Dr. Noraryana binti Hassan [Timbalan Pengarah (Penyakit Tidak Berjangkit)]
Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali [Penasihat Undang-undang]
Dr. Muhamad Hairul Nizam bin Abd Hamid [Ketua Penolong Pengarah Kanan]
Dr. Norliana binti Ismail [Ketua Sektor Kawalan Tembakau dan Urus setia FCTC]
Dr. Nurhaliza binti Zakariah [Ketua Penolong Pengarah Kanan]

Dr. Mohd Ihsani bin Mahmood [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Pakar Perubatan Kesihatan Awam)]
Encik Mohd Bokhari Mohamed Nor [Ketua Penolong Pengarah Kanan]
Puan Astrina binti Abdul Salam [Ketua Penolong Pengarah Kanan]
Puan Intan Noorashikin binti Nasarudin [Peguam Kanan Persekutuan]
YM Raja Mohd Zawawi bin Raja Biding [Pegawai Kesihatan Persekitaran]
Encik Kua Ah Keong [Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan]
Encik Muaz Khawarizmi bin Azfar [Pegawai Penyelidik KKM]
YB. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Pegawai Khas kepada YBMK]
Puan Norerianti binti Mohd Zulkifli [Setiausaha Sulit Kanan (SUSK) kepada YBMK]

Kementerian Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan [Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Persekitaran Mampan)]
Tuan Ooi Poh Keong [Pengarah Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran[
Ts. Rahayu binti Abu Bakar [Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran)]
Encik Omran bin Omar [Timbalan Ketua Pengarah (Jabatan Kerajaan Tempatan]

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
YBhg. Datin Roszanina binti Wahab [Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan)]
Tuan Mohd Zaid bin Idris [Pengarah Bahagian Standard Kepenggunaan]
Tuan Hamzah Mahadi [Pengarah Seksyen Harta Intelek (Bahagian Penguat kuasa)]
Puan Raja Norhayati binti Raja Ibrahim [Ketua Unit Perdagangan (Bahagian Penguat kuasa)]
Encik Jamaran Monduhajah [Bahagian Standard Kepenggunaan]
Tuan Allauddin Bin Mohd Tahir [Penasihat Undang-undang]

Jabatan Peguam Negara
Cik Hamielia binti Hamizan [Penolong Kanan Penggubal Undang-undang Parlimen Bahagian Gubalan]
Tuan Soo Kok Weng [Penolong Kanan Penggubal Undang-undang Parlimen Bahagian Gubalan]
Cik Nadia binti Mohd Izhar [Timbalan Pendakwa Raya (Bahagian Pendakwaan)]
Puan Nurul ‘Ain binti Abu Bakar [Timbalan Pendakwa Raya (Bahagian Pendakwaan)]
Encik Mohd Zulfadhli bin Sazalye Donol [Peguam Persekutuan]
Encik. Mohd Josiendra bin Abu Senin [Ketua Unit (Bahagian Penyelidikan)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN
BIL. 5 TAHUN 2023

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR

SELASA, 11 JULAI 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.01 pagi

[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam madani, semua. Terlebih dahulu, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan. Hari ini semua hadir kecuali dua orang iaitu Yang Berhormat Kuala Nerus dan Yang Berhormat Batu. Selainnya, semua Ahli Yang Berhormat ada bersama kita.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan dan penasihat iaitu Yang Berhormat Tuan Lukanisman selaku Timbalan Menteri Kesihatan dan juga Yang Berhormat Dr. Kelvin selaku penasihat kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Timbalan Ketua Pengarah, Penasihat Undang-undang, pengarah-pengarah dan timbalan pengarah.

Juga bersama kita ialah pegawai-pegawai yang di samping daripada Kementerian Kesihatan, ada juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT). Saya ucapkan banyak terima kasih kepada semua yang membuat komitmen untuk hadir. Pastinya kita mahu mendapat pencerahan daripada kedua-dua kementerian KPDN dan juga KPKT.

Jadi, untuk saya teruskan, *without much ado*, mesyuarat hari ini ada dua sesi taklimat. Pertama mengenai penguatkuasaan produk merokok bagi Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 daripada KPDN ataupun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. Kedua nanti kita dengar taklimat mengenai penguatkuasaan produk merokok bagi Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 daripada Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Seterusnya, kita akan susuli dengan perbincangan mengenai penetapan isu-isu yang terkait dengan hal-hal yang lain. Akan tetapi, kita mulakan dahulu. Kita akan adakan Q&A setelah mendengar kedua-dua pembentangan nanti.

Jadi, tanpa melengah waktu, saya silakan pembentangan daripada KPDN. Pegawai yang boleh diperkenalkan. Saya tidak ada – Siapa yang akan membuat pembentangan ini? Terima kasih. Sila.

Datin Roszanina binti Wahab [Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya Roszanina, TKSU KPDN.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Datin Roszanina binti Wahab: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi diucapkan kepada Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan.

Sebagai latar belakang kepada pelaksanaan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Peranti Rokok Elektronik) 2022 oleh KPDN, untuk makluman Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat jawatankuasa, penyebab atau pencetus kepada keputusan Kabinet pada tahun 2016, ia bermula dengan keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama yang telah memutuskan bahawa rokok elektronik dan juga merokok itu adalah haram.

Penyebab daripada itu, pada 29 Januari 2016, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju dengan usul bersama yang dibawa oleh MOSTI pada ketika itu, Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga KPDN ataupun KPDNKK pada masa itu supaya rokok alaf baharu iaitu peranti rokok elektronik perlu dikawal selia secara menyeluruh. Pada 28 Oktober 2016, Mesyuarat Jemaah Menteri juga telah bersetuju supaya KPDNKK menguatkuasakan peraturan standard keselamatan bateri dan peranti rokok elektronik.

Selepas daripada keputusan pada tahun 2016 tersebut, KPDNKK pada ketika itu telah mengeluarkan satu garis panduan kepada semua industri yang terlibat dengan industri rokok elektronik berhubung dengan aktiviti pengeluaran, pengedaran dan peruncitan peranti serta cecair rokok elektronik tanpa nikotin. Garis panduan ini berkuat kuasa bermula dari 1 April 2018 sehingga 31 Disember 2018 atau apabila suatu perundangan baharu berkuat kuasa.

Jadi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat jawatankuasa, garis panduan ini telah pun terbatal apabila habis tempoh pada 31 Disember 2018. Berikutan daripada itu, pada 13 Jun 2021, Menteri KPDNHEP bersetuju cadangan

mewajibkan penandaan logo keselamatan MS SIRIM peranti rokok elektronik melalui Akta Perihal Dagangan 2011 mengikut standard yang dibangunkan oleh Jabatan Standard Malaysia iaitu MS 2716:2019. Pada 5 April 2022, satu perintah telah dikeluarkan berhubung dengan penandaan peranti rokok elektronik dan perintah ini telah diwartakan berkuat kuasa mulai 3 Ogos 2022.

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri yang dirujuk pada tahun 2016 tersebut berhubung dengan penguatkuasaan peranti dan cecair ataupun gel rokok elektronik ini, terdapat tiga buah kementerian yang diberi tanggungjawab. Di bawah KPDN, apa yang kami laksanakan ialah menguatkuasakan penandaan keselamatan logo MS SIRIM peranti rokok elektronik yang dihasilkan dalam negara atau diimport berdasarkan standard MS 2716. Pihak industri hendaklah memohon pensijilan dan perakuan daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat di bawah SIRIM selaku pihak berkuasa berwibawa yang boleh mengeluarkan atau meluluskan penandaan MS SIRIM tersebut.

Di bawah Kementerian Kewangan (MOF), MOF melalui Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah menguatkuasakan Perintah Duti Eksais pada 1 Januari 2022 ke atas cecair *vape* tanpa nikotin dan juga ke atas peranti rokok elektronik. Pada April 2023, duti eksais juga telah dikenakan ke atas cecair *vape* dengan nikotin. Manakala di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia pula, satu RUU Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam yang menghendaki pihak industri mematuhi semua perkara yang akan dikuatkuasakan di bawah RUU tersebut.

Berdasarkan sesi libat urus yang telah kita adakan dengan pihak KKM, kami telah mendapatkan penerangan jelas berhubung RUU yang sedang dibuat oleh KKM dan implikasi RUU tersebut ke atas perintah di bawah KPDN. Berdasarkan sudut penguatkuasaan, untuk makluman Yang Berhormat, KPDN buat masa ini mengambil pendekatan penguatkuasaan secara berhemah dengan menggalakkan pihak industri untuk membuat permohonan pensijilan kepada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

■1110

Penguatkuasaan secara berhemah ini kami adakan bagi memastikan bahawa pihak industri membuat persediaan yang cukup untuk mengemukakan permohonan pensijilan kepada pihak SIRIM.

Status pensijilan sehingga 10 Julai 2023 adalah seperti berikut. *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Untuk makluman Tuan Pengerusi, berdasarkan maklumat yang ada pada KPDN, terdapat 30 buah syarikat yang terlibat dalam

industri peranti *vape* ini. Daripada 30 buah itu, 20 buah masih belum mengemukakan sebarang permohonan kepada SIRIM. Lapan buah syarikat sedang dalam proses pensijilan dan dua buah syarikat telah pun lulus pensijilan penandaan dan mendapat logo MS SIRIM tersebut. *So,* itu sahaja Tuan Pengerusi, taklimat daripada KPDN.

Tuan Pengerusi: Baik, terima kasih Datin Roszanina selaku TKSU KPDN yang saya kira adalah julung-julung kalinya perkara itu mendapat – Di-*highlight* dalam sama ada mungkin kepada kami pastinya dan juga awam pun tidak tahu sangat tentang perkembangan-perkembangan ini. Jujurnya, saya sendiri apabila melihat perkara-perkara ini sangat rasa – Maknanya, persiapan dan kesediaan itu untuk akhirnya, kawalan rokok alaf baharu ini ia sedang sebenarnya rancak dibuat. Jadi, saya tidak tahu yang lain. Saya berpandangan begitu. Selalunya kita dengar daripada KKM sebab ia terkait dengan persoalan penggubalan undang-undang untuk menggantikan Akta Makanan itu bagi mengawal rokok dan khususnya, *vape.*

Akan tetapi hari ini kita dengar KPDN, peranan penandaan peranti rokok elektronik ini. Saya buka pada Q&A kalau Ahli-ahli anggota PSSC mahu memulakan dahulu. Tolong perhatikan bagaimana berhemahnya penguatkuasaan KPDN dan juga – Sehingga hari ini baru dua pensijilan yang diberikan. Yang lainnya, dalam proses. Yang 20 buah lagi itu belum nampak usaha untuk memohon pendaftaran. Baik, saya buka kepada perbincangan. Terima kasih TKSU, sekali lagi.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat]: Tuan Pengerusi, sedikit pertanyaan. Kelulusan dari sudut duti eksais ini yang dikeluarkan oleh MOF ini pada 1 April 2023. Ia berdasarkan kepada RM0.40 per ml. Kenapakah tidak dalam bentuk mungkin per miligram dari sudut duti eksais? Oleh sebab 4ml ini, kita tidak tahu sama ada berapa jumlah per miligram kandungan nikotin itu. Oleh sebab saya dapat maklumat, laporan yang...

Tuan Pengerusi: Formulanya macam mana itu? *Concentration*-nya itu. Ia ml itu tidak terkait dengan nikotin. Ia punya ini ya – Yalah.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Sebab ada kajian yang kata ia kadar 10 miligram tetapi apabila disiasat, ia tidak 10 miligram. Kurang ataupun terlebih. Saya ingat itu lagi signifikan dari sudut...

Tuan Pengerusi: Boleh. TKSU, sila, sila.

Datin Roszanina binti Wahab: Tuan Pengerusi, saya fikir perlu saya buat sedikit penjelasan di sini. Perintah Perihal Dagangan yang kami kuatkuasakan tersebut adalah bagi aspek keselamatan peranti tersebut kepada pengguna. Kami bukan mengawal selia dari aspek kesihatan ataupun kandungan. Jadi, saya mohon

maaf, saya tidak boleh menjawab bagi pihak MOF. KKM mungkin boleh membantu menjawab, Tuan Pengerusi. Minta maaf.

Tuan Pengerusi: Ya, sila Dr. Noraryana. Perlu pencerahan sedikit daripada KKM.

Dr. Noraryana binti Hassan [Timbalan Pengarah (Penyakit Tidak Berjangkit), Kementerian Kesihatan Malaysia]: Mohon izin, Tuan Pengerusi. Sebagaimana contoh *taxation* untuk rokok kita guna *specific tax* iaitu per batang rokok iaitu sebatang berapa ml. Ia ikut unitlah. Ikut spesifik kepada ukuran unit itu. Macam rokok, batang. Macam cecair, ml. Berapa ml. Hal ini kerana kalau dari segi WHO, WHO pun mengkonsepkan sekiranya kita mencukaikan mengikut miligram nikotin ataupun berapa miligram nikotin, perkara itu akan menjadi kesukaran untuk implementasi di lapangan. Maksudnya, setiap kali yang masuk itu, ia kena *test* berapa miligram barulah dicukaikan. Jadi, per ml ia dengan perintah...

Tuan Pengerusi: *Volume, volume.*

Dr. Noraryana binti Hassan: ...label daripada KPDNHEP ia lebih mudah dilaksanakan.

Namun begitu, nikotin itu, berapa *level* itu akan dimasukkan sebagai kawalan dari sudut kesihatannya di bawah RUU. Harap jelas.

Tuan Pengerusi: Boleh menjawab tetapi tidak – Ya. Oleh sebab ini akhirnya adalah demi – Ya?

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sebab yang kita mahu kawal ialah kandungan nikotin.

Tuan Pengerusi: Demi kesihatan. RUU ini pun *"demi kesihatan awam*". Jadi, bagaimanakah untuk kita relaikan?

Dr. Noraryana binti Hassan: Itu cukai duti, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: MOF itu.

Dr. Noraryana binti Hassan: Di bawah MOF. Jadi, MOF menggunakan konsep *specific tax.*

Tuan Pengerusi: Ya, saya faham.

Dr. Noraryana binti Hassan: Akan tetapi miligram nikotin itu kita kawal di bawah RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam ini sekiranya penjualan itu tidak boleh melebihi *certain* paras. Maka, kalau *certain* paras, ia salah di bawah RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam ini.

Tuan Pengerusi: Betul, betul. Okeylah. Macam *decoupled* sedikit, ia dipisahkan. MOF punya tanggungjawab itu adalah dari segi duti eksais itu. Okey, kita boleh faham, *insya-Allah.* Ahli anggota PSSC boleh fahami latar belakang atau

where you are coming from. Baik, itu satu soalan yang baik. Selainnya? Kalau ada. Ya, Yang Berhormat?

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong]: Saya hendak tanya. Okey, yang status pensijilan SIRIM ini. Pertama, 20 buah syarikat masih belum mendaftar permohonan. Banyak juga itu. Kenapakah? Kedua, berapa lamakah proses untuk meluluskan sijil pensijilan ini?

Datin Roszanina binti Wahab: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, tempoh yang diperlukan untuk memproses permohonan pensijilan ini, dengan syarat dokumen yang disertakan itu lengkap, ialah dua minggu.

Tuan Pengerusi: Dua minggu sahaja?

Datin Roszanina binti Wahab: Sekejap sahaja.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Pegawai Khas kepada YBMK]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Akan tetapi, kenapa cuma dua yang lulus?

Datin Roszanina binti Wahab: Sebenarnya, berdasarkan sesi libat urus kami dengan pihak industri; pertama, untuk makluman Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, industri *vape* ini ia terjatuh di bawah industri yang *unregulated.* Ia tidak ada satu pihak kawal selia industri itu sendiri. Jadi, apabila industri itu *unregulated,* maka secara tidak langsung menjadi tanggungjawab KPDNKSH ataupun KPDN untuk *so-called* menjaga keseluruhan industri itu.

Berdasarkan semakan kami, terdapat 3,000 peruncit yang terlibat dengan perniagaan peranti *vape* ini, Tuan Pengerusi. Jadi, itu yang kita kata pendekatan penguatkuasaan secara berhemah itu. Itu yang kami maksudkan sebab kuat kuasa perintah ini hanya bermula pada bulan Mei 2022. Pada masa ini, kami selalu mengadakan sesi libat urus dengan pihak industri untuk memujuk industri untuk mendapatkan pensijilan MS logo ini daripada SIRIM, ya.

Oleh sebab bagi pihak KPDN adalah penting mendapatkan pensijilan ini supaya peranti *vape* ini bukan – *Especially* yang diimport itu, bukanlah produk-produk yang *substandard* ataupun tidak selamat digunakan oleh penghisap, pengguna *vape.* Jadi, pada masa yang sama, berdasarkan sesi libat urus dengan industri, pihak industri juga sedang menunggu pelaksanaan ataupun kelulusan RUU yang di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

■1120

Jadi, mereka masih lagi mengambil sikap tunggu dan melihat...

Tuan Pengerusi: Menunggu dan melihat. *Wait and see.*

Datin Roszanina binti Wahab: ...apakah bentuk penguatkuasaan ke atas industri mereka apabila RUU berkenaan nanti diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ya, begitu ya.

Puan Young Syefura binti Othman: Jadi dalam tempoh setahun ini, sepatutnya ada atau tidak di bawah KPDN ini wajib untuk mendaftar?

Datin Roszanina binti Wahab: Sekarang ini memang mereka wajib untuk mendaftar tetapi kita masih lagi menggunakan pendekatan berhemah, Yang Berhormat, sebab terdapat 3,000 peruncit yang terlibat dalam industri ini. Kita tidak mengeluarkan lesen kepada peruncit tetapi kalau katalah penguat kuasa kami pergi kepada peruncit-peruncit berkenaan dan kita *start* buat penguatkuasaan dan kita lihat peranti tersebut tidak mempunyai logo SIRIM, maka mereka boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan.

Tuan Pengerusi: Ya, kita sedia maklumi – Saya lupa – Menekankan betapa pelaksanaan RUU kawalan hasil tembakau atau rokok ini dan apa yang disenaraikan sebagai *Generational End Game* itu ialah keterlibatan paling tidaknya beberapa kementerian utama yang dipimpin, ditentukan oleh KKM. Pastinya KPDNKSH dan juga KPKT dari sudut beberapa peraturan *local council* atau *local government.* Tidak termasuk MOF sendiri. Jadi, keterlibatan kesemua ini adalah penting untuk menjayakan cita-cita untuk kita kurangkan *prevalence* merokok daripada 21 peratus hari ini kepada lima peratus pada tahun 2030.

Jadi, itu sedikit pertimbangan. Ada lagi perkara-perkara lain? Ya, sila.

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli [Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Kementerian Kesihatan]: Tuan Pengerusi, terima kasih banyak... *[Disampuk]* Oh, okey.

Tuan Pengerusi: Sila.

Datin Roszanina binti Wahab: Saya hendak menjawab juga kepada pertanyaan Yang Berhormat Dr. Kelvin. Kita tidak mendaftar peranti rokok itu. Kita tak mendaftar. Cuma, kita mensyaratkan peranti tersebut mempunyai logo SIRIM. Produk-produk elektrik macam seterika, kalau ada logo SIRIM itu maksudnya ia selamat untuk pengguna.

Tuan Pengerusi: Di sini awal tadi, saya ingin juga bertanya seolah-olah macam ada satu pendaftaran yang dibuat. Jadi ini penjelasan TKSU bahawa ia adalah pada peranti dan... *[Disampuk]* Ataupun pensijilan itu.

Datin Roszanina binti Wahab: Ya, pensijilan.

Tuan Pengerusi: Yang dituntut hasil daripada penguatkuasaan.

Datin Roszanina binti Wahab: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Daripada kilang ataupun diimport. Yang dikuatkuasakan ialah logo itu. Pensijilan itu yang...

Seorang Ahli: Pada peranti.

Datin Roszanina binti Wahab: Pada peranti. Ya.

Tuan Pengerusi: Di sini yang saya maksudkan lebih awal tadi, apabila saya membuat komentar awal tadi.

Datin Roszanina binti Wahab: Ya, betul, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sebab tidak berapa nak jelas bahawa kita – Apabila bersabit dengan RUU kawalan rokok ini, apabila kita sebut tentang pendaftaran, kita jelas apa yang perlu didaftarkan. Di sini ia adalah terkait dengan apa yang dikatakan sebagai peranti itu ya. *Only that?*

Datin Roszanina binti Wahab: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: *That alone* ya. Okey. Nampak ya, Ahli-ahli Yang Berhormat?

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Timbalan Menteri Kesihatan]: Boleh saya bertanya?

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Mohd Zaid bin Idris [Pengarah Bahagian Standard Kepenggunaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]: Tuan Pengerusi, mungkin saya tambah. Okey, sebagaimana yang telah diterangkan tadi, kita punya perintah penandaan di bawah Akta Perihal Dagangan ini, *keyword* di situ ialah *"penandaan". That is why* kita mensyaratkan dalam perintah tersebut, logo SIRIM tadi – *So,* selepas mereka mendapat sijil, mesti dipaparkan pada peranti ataupun pada pembungkusannya; kotak atau plastik. Itu syarat yang kita nyatakan.

Okey, proses pendaftaran yang dikatakan tadi adalah sebenarnya peranti tersebut didaftar dengan SIRIM dan dapat sijil. *So*, itu pendaftaran yang dimaksudkan. Bukan pendaftaran nama syarikat, kena register dengan kementerian. Tidak ada.

Tuan Pengerusi: Ya. *As a business.... [Tidak jelas]*

Tuan Mohd Zaid bin Idris: Kita tak ada bentuk kawal selia yang demikian.

Tuan Pengerusi: Baiklah, jelas.

Tuan Mohd Zaid bin Idris: Cuma, peranti itu yang mana telah dapat sijil dan sebagainya, semua kita ada rekod melalui SIRIM.

Tuan Pengerusi: Baik. Terima kasih, sangat jelas. Okey, *alhamdulillah*. Beza, *kan?* Dengan awal tadi itu mungkin tak ada *clarity* sedikit. Okey, sila.

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Akta Perlindungan Pengguna 1999 iaitu di bawah KPDNKSH iaitu seksyen 23, iaitu mengenai larangan terhadap barang yang tidak selamat. Bolehkah saya ingin hendak *clarify* sama ada bolehkah menggunakan seksyen ini untuk kita melarang bahan-bahan yang tidak selamat? Kiranya *identify* ataupun kita definisikan bahawa *vape* ini antara barang-barang yang tidak selamat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Boleh ulang sekali lagi? Mungkin tak ramai yang dapat ikuti, Dr. Norhayati. Tolong, Datuk. Di mana tadi? Merujuk kepada?

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: Terima kasih banyak. Saya merujuk Akta Perlindungan Pengguna 1999, seksyen 23, iaitu larangan terhadap barang yang tidak selamat yang mana di bawah seksyen 23(1) ini, *"Menteri boleh, atas syor Pengawal, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, mengisytiharkan apa-apa barang atau kelas barang sebagai barang larangan jika barang atau barang daripada kelas itu telah menyebabkan atau mungkin menyebabkan kecederaan kepada mana-mana orang atau harta atau selainnya tidak selamat"*.

Jadi, adakah kita boleh menggunakan seksyen 23 ini dari segi kawalan kemasukan *vape?* Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Itu soalan yang perlu kita garap bersama. Saya hendak dengar juga jawapannya. Macam mana? Sila.

Datin Roszanina binti Wahab: Tuan Pengerusi, saya jemput Penasihat Undang-undang KPDN ya.

Tuan Pengerusi: Baik, sila PUU.

Tuan Allauddin Bin Mohd Tahir [Penasihat Undang-undang, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]: Tuan Pengerusi, sekarang ini kita wartakan kita punya perintah untuk larangan perakuan penandaan peranti rokok elektronik ini di bawah Akta Perihal Dagangan. Okey, kalau kita hendak gunakan seksyen 23 Akta Perlindungan Pengguna ini, ia terpakai kepada satu *device* yang langsung tak selamat. Sedangkan dalam hal ini, untuk Akta Perihal Dagangan ini, peranti *vape* itu sekiranya sudah di-*certified*-kan oleh SIRIM sebagai pihak yang berwibawa, ia selamat digunakan, maka ia boleh digunakanlah. Akan tetapi kalau untuk seksyen 23 ini, ia lebih kepada sesuatu produk ataupun *device* yang langsung tak selamat. *That is why* kita kena ada perbezaan sedikit dalam hal ini.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Allauddin Bin Mohd Tahir: Sebab, dalam hal peranti rokok elektronik ini, ia boleh dianggap selamat apabila SIRIM mengesahkan ia selamat dan juga telah dapat kelulusan SIRIM. *That is why* kita tak gunakan seksyen 23 di bawah Akta Perlindungan Pengguna.

Tuan Pengerusi: Dari segi *safety* peranti itu sendiri, tidak terkait dengan apa yang dikandungi oleh... *[Ketawa]*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Saya rasa perbincangan seperti yang saya katakan tadi – *Sorry,* Tuan Pengerusi, boleh tambah sedikit?

Tuan Pengerusi: Ya, sila Yang Berhormat Dr. Kelvin

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Saya rasa perbincangan kita – Sebab memang kita tahu bahaya – *I mean, where we are coming from, is from two different angles*.

Tuan Pengerusi: Betul.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Mereka cakap tentang peranti. *And that is why I said* tadi. *But at least on the health side, we are coming from the* kandungan.

Tuan Pengerusi: Betul.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: *It is not good for the people. So, for their side,* yang akta seperti yang difahamkan tadi, akta tersebut untuk jika peranti tersebut berbahaya kepada *public. But it is interesting that to see – Actually I* hendak tanya. Sebab, saya tahu yang ini pendaftaran untuk mendapatkan pensijilan tersebut. Akan tetapi, dari mana punca kuasa mereka gunakan untuk mendapatkan pensijilan SIRIM tersebut? Kenapa banyak syarikat yang masih belum kemukakan pendaftaran? Apakah *obstacles* atau halangan yang mereka hadapi?

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Mohd Zaid bin Idris: Sebenarnya antara yang kita – Dari segi libat urus kita, kita dapati mereka ini *main*-nya sebabnya *wait and see*-lah. Sebab, teknologi ini berkembang dengan begitu cepat. *So*, antara halangan atau *obstacle*-nya ialah model itu kerap berubah dan semuanya yang kita dapati yang dalam proses pensijilan dan yang lulus ini; 10, 8 dan 2 itu *[Merujuk pada slaid pembentangan]* mereka ini semua ambil dari negara China. *So,* semua kilang di sana.

Apabila satu model itu mereka sudah *invest* untuk buat pensijilan yang mana kita dimaklumkan oleh pihak SIRIM, kosnya boleh menjadi lebih kurang RM35,000 per model. *So,* kalau ia ada 10 model, *then* mungkin – *That is why* mereka mengambil tindakan *wait and see* iaitu rang undang-undang ini dahulu. Sebab, ia ada kaitan dengan *design*. *So,* rang undang-undang ini nanti akan ada elemen *design. So, design* itu pun berkaitan dengan model mereka.

■1130

So, mereka hendak *clear*-kan – Kita dapati yang itulah, hendak *clear*-kan. Melalui dari segi punca kuasa, yang itu kita sudah – Punca kuasa perintah ini adalah dari segi...

Tuan Pengerusi: Akta.

Tuan Mohd Zaid bin Idris: ...kita menggunakan Akta Perihal Dagangan 2011 yang mana apabila kita sudah meletakkan, menetapkan dalam perintah tersebut bahawa pihak SIRIM ialah pihak berkuasa berwibawa. Maksudnya, kaedah tata kelola yang diamalkan oleh SIRIM mesti dipatuhi oleh pihak industri, termasuk mereka mensyaratkan *register* dahulu kepada SIRIM untuk memudahkan proses pengauditan dan sebagainya yang kita dapati sebenarnya industri ini memang menunggu RUU itu macam mana.

So, pada kita ini, *on the issue* keselamatan, yang kita maksudkan keselamatan itu, kita tidak sentuh fasal kesihatan. Apa yang masuk ke dalam badan, kita anggap itu isu kesihatan. Apa yang kita risau kalau peranti itu pecah, meletup ataupun panas dan menyebabkan melecur. *That's why* itu objektif kita keluarkan – Mesyuarat Jemaah Menteri dahulu mengarahkan supaya tengok sebab semasa itu, teknologi itu tidak begitu maju lagi. Memang banyak produk yang substandard dan ada, khususnya di luar negeri, kita dimaklumkan ada kes meletup yang sampai bibir pecah dan sebagainya. Akan tetapi setakat ini yang beberapa tahun ke belakang ini, kita tidak terima sebarang aduan. Maksudnya, industri itu sudah *developed* dan mereka pun cuba untuk *produce device* yang *so-called* tadi, selamat dari segi untuk *handling* oleh pengguna.

Tuan Pengerusi: Baik, terima kasih. Saya ingat jelas.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: *One more question, sorry* Tuan Pengerusi. Memang saya tahu banyak. *But, there is* – Okey, ini soalan saya. Memang ada satu Mesyuarat Jemaah Menteri yang telah putuskan untuk kita daftarkan, untuk pastikan keselamatan peranti tersebut. *I know* dalam RUU akta tembakau tersebut ada sedikit perincian tentang spesifikasi peranti tersebut. *But, that is what to come. In between,* takkan kita biarkan sahaja?

Takkan *we have to wait for the spesific* perincian, *but at the current rate*, memang sudah ada peranti. Takkan kita tidak ambil guna kuasa ataupun perintah Menteri tersebut untuk pastikan apa yang ada dalam pasaran sekarang selamat digunakan? *So, that is my concern*. Walaupun dalam satu tahun, *I still think two is very low*. Apa yang kita boleh lakukan untuk menggiatkan pendaftaran untuk

pastikan peranti yang ada, walaupun sebelum akta itu digazet atau diluluskan, untuk mereka daftar dan pastikannya selamat?

Tuan Pengerusi: Sila. Saya ingat soalan yang baik.

Tuan Mohd Zaid bin Idris: Kita sebenarnya yang terbaru pada 5 Julai, kita ada perbincangan antara KKM dengan kita. *So*, kita pun sebenarnya telah belajar daripada isu apabila nikotin dikeluarkan daripada senarai bahan kawalan Akta Racun, ia menimbulkan isu kepada *public*. Kita kena akui bahawa *public* atau *layman level* ini tidak sama, okey. Kita dapati sudah ada syarikat yang sudah lulus pensijilan ini, ia sudah mengiklankan produknya telah lulus, telah mendapat kelulusan SIRIM yang mana ada pengguna yang terkeliru ataupun membuat *joke* dan sebagainya, mereka mengatakan bahawa sekarang ini adalah selamat menggunakan *vape* ini. Selamat itu maksudnya, termasuklah kesihatan.

That is why kita sangat berhati-hati. Akan tetapi kita pada peringkat pegawai, kalau keputusan dasar mengarahkan untuk kita *enforce*, kita akan *enforce*, akan *push the industry.* Akan tetapi kerisauan kita, hasil perbincangan pun hari itu kita sudah ada beberapa – Sebenarnya tiga minggu sebelum ini pun, tiga atau empat minggu, *team* KKM pun panggil kita, Datuk Dr. Norhayati yang panggil untuk tanya dan kita bersetuju untuk bawa balik kepada pengurusan kita dan kita – Inilah, isu tentang objektif kerajaan.

Isu yang dibawa oleh RUU ini, matlamatnya ialah kesihatan awam. *Once* kita menggalakkan industri untuk mendapatkan pensijilan – *Yes*, RM35,000 ataupun berapa sahaja kos. Mereka saya percaya kalau *business* itu boleh menguntungkan, mereka akan *invest*. Isunya sekarang ini, ia akan membawa mesej bahawa seolah-olah KPDN pula menggalakkan industri itu untuk *booming*. Okey, mesej itu yang kami sangat berhati-hati.

Dalam perbincangan kami yang lepas, kami sudah maklumkan bahawa sepatutnya RUU itu telah diluluskan di Parlimen dahulu, kita tahu dahulu bentuk dan sebagainya dan barulah KPDN, MOF dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia untuk bergerak bersekali dengan berpandukan langkah atau kaedah gerak kerja yang ditetapkan oleh KKM. Itu pada pandangan peringkat kami dari segi pelaksana tetapi kita *abide by* arahan oleh *stakeholders*.

Tuan Pengerusi: Saya ingat sangat munasabah jawapan itu kerana kita tergendala, kerana pembentangan kedua, Bacaan Kedua itu tergendala seperti mana telah kita sedia maklum. Itu juga persoalan yang saya ingin bangkitkan lebih awal. Walaupun setiap kementerian punya *jurisdiction* ataupun bidang-bidang tugas yang tertentu – *Avoiding working in silo*, kalau boleh saya sebutkan begitu. Akan tetapi saya yakin perkara itu akan juga dilakukan dan telah pun dikatakan – Tuan

Mohd Zaid telah menyebutkan bahawa sudah ada perbincangan itu. Saya amat yakin perkara ini akan jadi lebih menekan dan lebih penting untuk dikendalikan sebegitu setelah RUU ini mendapat...

Akan tetapi sebelum itu pun kita patutnya boleh – *Because these are not like* satu benda yang datang – Ia datang, ia mesti diperkenalkan dan mesti ada libat urus yang maksud saya, berselanjaran (*continuous*). *So*, itu saya ingat perlu dilakukan supaya proses *buy-in* yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dr. Kelvin tadi, *buy-in* industri itu boleh kita buat – Ini kita ada empat bulan sebelum Oktober. *There is a lacuna* dalam lebih kurang tiga ke empat bulan. Perlu kita, pada pandangan kami PSSC, dipergiatkan libat urus (*engagement*) itu supaya *the buying in of industries* dapat kita perbaiki dan pertingkatkan.

Jadi, *working in silos* ini tidak timbul isu sepatutnya sebab walaupun semua ada bidang masing-masing tetapi contohnya *design* tadi; *design* dalam RUU sehingga hari ini takkan KPDN tidak tahu apakah *requirement, specs* dan sebagainya yang dimahukan dalam RUU? Kalau contohnya, sebagai soalan untuk Tuan Zaid.

Tuan Mohd Zaid bin Idris: Okey, perbincangan memang daripada KKM hari itu kita pun faham dilema yang KKM hadapi. Kita memang spesifik *discuss* semasa bulan Jun yang lepas tentang isu *design* yang *appeal to* kanak-kanak, murid sekolah dah sebagainya. Akan tetapi *unfortunately,* kita sudah, setelah melihat dari segi isu perundangan, kita sudah dapatkan pandangan perundangan. *As design* ini ialah satu perkara yang pertamanya, dalam standard itu sendiri, kita tidak ada standard untuk meletakkan *design*. *So*, kita tidak ada apakah *design* yang perlu dan sebagainya, tidak ada.

Keduanya, isu perundangan itu setelah kita perhalusi, tidak memungkinkan melalui akta-akta KPDN ini untuk kita halang kerana *design*.

Tuan Pengerusi: Okey. Baik.

Tuan Mohd Zaid bin Idris: Kalau saya terkhilaf dari segi ini, mohon perbetulkan kami.

■1140

Tuan Pengerusi: Baik, terima kasih. Terima kasih kepada pihak KPDN. Terima kasih kepada Yang Berbahagia TKSU Datin Roszanina, dan semua pegawai yang...

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Sedikit lagi boleh, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ada lagi?

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Ada lagi satu.

Tuan Pengerusi: *Last*. Okey, ini *last* daripada Yang Berhormat Kuala Langat.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Tuan Pengerusi, berkaitan dengan pensijilan MS SIRIM ini, tujuannya untuk keselamatan peranti itu sendiri. Ada atau tidak disertakan juga kaedah pelupusan peranti ini? Sebab, saya tengok apabila pengguna sekali menggunakan, dia buang. Kalau ada satu juta pengguna pun, sudah ada satu juta peranti ini. Dari sudut plastik ataupun *e-waste* sendiri itu, cara kaedah pelupusan itu saya ingat perlu – Mungkin di bawah alam sekitar tetapi mungkin kalau dari sudut pensijilan itu sendiri ada disertakan?

Tuan Mohd Zaid bin Idris: Untuk setakat ini, berdasarkan perintah yang telah berkuat kuasa dan diwartakan ini, memang kita tidak sentuh mengenai aspek pelupusan. Memang kita tidak *cover*. *So*...

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tidak *cover* kaedah pelupusan?

Tuan Mohd Zaid bin Idris: Tidak. Tidak.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datin Roszanina binti Wahab: Untuk makluman Tuan Pengerusi, apabila kita buat standard ini, kita bekerjasama dengan Jabatan Standard Malaysia (JSM).

Tuan Pengerusi: *All right*. Pastinya.

Datin Roszanina binti Wahab: Kami di KPDN, kami tidak ada *expertise* itu, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Datin Roszanina binti Wahab: Kami hanya mengeluarkan perintah sahaja sebab memang di bawah akta yang dikawal selia oleh KPDN. Kami bekerjasama rapat dengan Jabatan Standard Malaysia (JSM) dan juga pihak SIRIM dan setakat ini memang tidak ada kaedah pelupusan.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi, itu suatu perkara yang sangat penting, ya. Ia mungkin suatu yang terlepas pandang, *oversight or whatever*. Mungkin KPKT...

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kita juga nampak peranti-peranti ini di tepi-tepi jalan.

Tuan Pengerusi: Betul.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Macam *face mask* dahululah.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Datin Roszanina binti Wahab: Seperti mana yang Encik Zaid beritahu tadi, perkembangan teknologi ini begitu cepat, Tuan Pengerusi. Semasa kami *develop* standard ini dengan Jabatan Standard Malaysia (JSM) *about three years ago*, *three*

years back, pada masa itu, ia *standalone*. Peranti ialah peranti. Cecair ialah cecair.

Tuan Pengerusi: *I see*.

Datin Roszanina binti Wahab: *So*, *lately* ini ia sudah *combine*.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datin Roszanina binti Wahab: Ia sudah jadi *two-in-one*. Peranti dan – *Single use*.

Tuan Pengerusi: Ya. *Right*, *right*, *right*. Okey. Ya, baik.

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: Tuan Pengerusi, sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya. Sedikit lagi, tidak mengapa.

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: Sedikit. Tidak ada apa-apa. Saya cuma hendak betulkan kenyataan Tuan tadi sebab Tuan maklumkan tadi kita keluarkan nikotin. Sebenarnya dalam apa yang kita maklumkan ialah produk *vape* dan rokok elektronik yang mengandungi nikotin yang kita kecualikan daripada Jadual Pertama Kumpulan C Akta Beracun Bab II. Nikotin dalam lain-lain produk persediaan masih lagi dalam Akta Racun tersebut. Takut nanti kekeliruan *statement* tadi itulah.

Tuan Mohd Zaid bin Idris: Terima kasih. Terima kasih, Datuk.

Tuan Pengerusi: Wah, tengok sensitif itu KKM! Hanya nikotin dalam *vape* sahaja. *[Ketawa]*

Tuan Mohd Zaid bin Idris: Ayat saya tidak habis. Minta maaf.

Tuan Pengerusi: Kami memang sangat merakamkan perkara itu sebagai *clarity,* kejelasan ya sebab awam berpandangan dan mempunyai persepsi begitu, walhal nikotin masih dalam Akta Racun ya. *Preparation* ataupun kesediaan yang lain ya.

Baik, terima kasih semuanya. Terima kasih kepada KPDN.

Datin Roszanina binti Wahab: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Baik, terima kasih Datin ya. *All right*, kita *move on*. Seterusnya, pembentangan daripada KPKT. Siapa yang – Yang Berbahagia Datuk Saidatu Akhma ataupun siapa yang bentang? Silakan.

Datuk Saidatu Akhma binti Hassan [Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Persekitaran Mampan), Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan]: Tuan Pengerusi, pihak KPKT akan membentangkan dari segi di bawah bidang kuasa terutamanya yang melibatkan kerajaan tempatan dari segi pelaksanaan penguatkuasaan. Jadi, kita jemput pegawai daripada Jabatan Kerajaan Tempatan untuk membuat pembentangan.

Tuan Pengerusi: Silakan.

Tuan Ooi Poh Keong [Pengarah Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan ahli mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan yang saya hormati. Saya, Ooi Poh Keong daripada Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan akan membentangkan taklimat mengenai penguatkuasaan produk merokok dari perspektif pihak berkuasa tempatan.

Pertama sekali, saya ingin memperjelas mengenai punca kuasa yang berkenaan perkara ini. Jadual Kesembilan, Perkara 74 dan 77 Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan pentadbiran dan hal ehwal pihak berkuasa tempatan adalah terletak di bawah Senarai II iaitu Senarai Negeri. Kemudian, seksyen 3 Akta Kerajaan Tempatan 1976 memperuntukkan kuasa kepada pihak berkuasa negeri untuk menubuhkan suatu pihak berkuasa tempatan. Seksyen 9 akta yang sama memperuntukkan kuasa kepada pihak berkuasa negeri untuk memberikan arahan kepada pihak berkuasa tempatan.

Sehubungan dengan itu, pentadbiran pihak berkuasa tempatan adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa negeri dan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan tiada punca kuasa yang *direct* untuk mengarahkan pihak berkuasa tempatan untuk menguatkuasakan RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023.

Mengenai punca kuasa kepada pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa tempatan diperuntukkan kuasa di bawah Akta Kerajaan Tempatan dalam seksyen 102 iaitu kuasa am untuk membuat undang-undang kecil, kemudian seksyen 102 subseksyen (s) iaitu kuasa pihak berkuasa tempatan untuk mengawal, menyelia atau melarang sesuatu *trade* ataupun perniagaan ataupun perindustrian yang boleh memudaratkan kesihatan orang awam melalui kaedah pendaftaran atau pelesenan. Seksyen 107 akta yang sama menetapkan pihak berkuasa tempatan boleh menetapkan apa-apa syarat atau sekatan kepada lesen atau permit yang diberikan. Pihak berkuasa tempatan juga boleh membatalkan, memperbaharu atau enggan memperbaharu mana-mana lesen tanpa memberi apa-apa sebab.

Walaubagaimanapun, lesen perniagaan pihak berkuasa tempatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan adalah merupakan suatu lesen yang umum bagi membenarkan sesuatu jenis *trade* ataupun perniagaan dan tidak spesifik kepada sesuatu produk yang tertentu. Contohnya, PBT mengeluarkan lesen kedai runcit, kedai makan, kedai barangan elektronik, lesen penjaja dan sebagainya mengenai perniagaan itu.

Walaupun pihak berkuasa tempatan seperti yang diperuntukkan oleh Akta 171 boleh menetapkan syarat-syarat lesen secara amnya, namun kuasa pihak berkuasa tempatan untuk mengawal selia penjualan sesuatu produk tertentu adalah sangat terhad dan mengikut kesesuaian *trade* tersebut, perniagaan tersebut ataupun mengikut polisi Kerajaan Persekutuan. Contohnya, biasanya pihak berkuasa tempatan boleh mengambil langkah melarang penjualan produk tertentu kalau polisi Kerajaan Persekutuan itu membenarkan secara keseluruhannya. Maknanya, dilarang untuk menjalankan perniagaan itu, dengan cara tidak mengeluarkan lesen bagi permohonan perniagaan itu.

Contoh yang saya hendak berikan di sini adalah dari segi larangan penjualan rokok elektronik ataupun *vape* yang telah dilaksanakan oleh PBT. Pelaksanaan larangan ini adalah berbeza-beza mengikut pihak berkuasa tempatan. Contohnya, Kerajaan Negeri Melaka dan Johor telah melarang penjualan rokok elektronik melalui SUK. Contohnya, SUK Johor mengeluarkan arahan larangan penjualan iaitu tidak mengeluarkan lesen bagi barangan berkaitan rokok elektronik, *vape* ataupun *e-cigarette* melalui Garis Panduan Permohonan Lesen Perniagaan Tidak Berisiko bertarikh 1 November 2022. Negeri Perak pula telah mengarahkan PBT-nya supaya tidak mengeluarkan lesen penjualan *vape* mulai tahun 2016 berdasarkan keputusan Kerajaan Negeri Perak yang melarang perniagaan penjualan alatan atau cecair *vape*. SUK Selangor juga telah mengarahkan PBT di negeri Selangor supaya tidak melesenkan perniagaan *vape* mulai Januari 2016.

Walau bagaimanapun, langkah tidak mengeluarkan lesen bagi perniagaan *vape* ini merupakan langkah kawalan pentadbiran melalui surat arahan kerajaan negeri ataupun garis panduan seperti yang saya nyatakan tadi. Buat masa sekarang ini, pihak berkuasa tempatan tidak mengeluarkan lesen bagi kedai. Kalau kedai itu memohon untuk menjual khasnya *vape* sahaja, memang tidak akan dikeluarkan lesen.

■1150

Namun demikian, pihak berkuasa tempatan menghadapi masalah peniaga yang memohon penjualan produk barangan elektronik tetapi diselitkan dengan penjualan peralatan *vape*.

Untuk penguatkuasaan RUU ini oleh pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa tempatan menghadapi kekangan untuk menguatkuasakan RUU ini berdasarkan faktor-faktor berikutlah. Pertama sekali, kalau mengikut tafsiran RUU kawalan produk merokok, *""pegawai diberi kuasa" ertinya mana-mana pegawai perubatan kesihatan atau mana-mana pegawai kesihatan persekitaran atau*

penolong pegawai kesihatan persekitaran daripada Kementerian Kesihatan ataupun mana-mana pihak berkuasa tempatan..." "...yang dilantik oleh Menteri menjadi pegawai diberi kuasa di bawah seksyen 26;"

Namun demikian, bilangan anggota Pegawai ataupun Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran di pihak berkuasa tempatan adalah sangat terhad. Saya merujuk pada data dari tahun lepas. Kekuatan Pegawai Kesihatan Persekitaran ataupun Penolong Pegawai Persekitaran di pihak berkuasa tempatan hanyalah 831 orang. Manakala, di KKM ada untuk anggota PKP-PKP ini, data tahun lepas seramai 5,955 orang. Walaupun pihak berkuasa tempatan mempunyai anggota pegawai penguat kuasa, satu kategori jawatan pegawai penguat kuasa, namun penguat kuasa di pihak berkuasa tempatan bukan terdiri daripada Pegawai Kesihatan Persekitaran ataupun Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran.

Keduanya, dari segi limitasi kemampuan teknikal pegawai penguat kuasa di pihak berkuasa tempatan. Difahamkan bahawa SOP penguatkuasaan dan juga pengumpulan bukti kesalahan di bawah RUU ini adalah sangat teknikal dan mempunyai SOP yang berbeza-beza untuk menguatkuasakan peruntukan RUU yang berlainan. Dari segi penguatkuasaan, RUU ini memerlukan kompetensi teknikal yang tinggilah ya. Pegawai penguat kuasa di PBT adalah tidak terlatih dalam penguatkuasaan rang undang-undang produk merokok inilah.

Secara umumnya, KPKT ingin mencadangkan agar KKM mengadakan libat urus bersama semua SUK dan PBT untuk mendapatkan pandangan SUK dan PBT bagi menguatkuasakan RUU inilah serta mendapatkan persetujuan pihak berkuasa negeri melalui Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MAKT). KKM juga dimohon untuk menerangkan dengan jelas aspek penguatkuasaan rang undang-undang produk merokok yang diperlukan daripada pihak berkuasa tempatan serta meneliti tahap kompetensi teknikal yang diperlukan pada penguat kuasa PBT untuk menjalankan penguatkuasaan ini. Secara umumnya, KKM boleh mengadakan operasi penguatkuasaan bersepadu, di mana penguat kuasa di KKM menguatkuasakan rang undang-undang kawalan produk tembakau ini, manakala penguat kuasa PBT menguatkuasakan daripada aspek perlesenan iaitu mengikut perundangan undang-undang kecil di PBT tersebut. Itu sahaja taklimat daripada saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Baik. Terima kasih Tuan Ooi Poh Keong selaku Pengarah Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran daripada KPKT, yang saya kira satu pendedahan dan pencerahan yang sangat baik untuk kami sebagai pihak Jawatankuasa Pilhan Khas Kesihatan ini. Hal ini kerana pada akhirnya, walaupun kita berhajat dan punya cita-cita yang baik dan murni, tetapi hari ini kita berdepan

dengan beberapa kenyataan, realiti dari sudut keupayaan, kemampuan dan juga terkait persoalan kompetensi. Kami sudah pun dalam perbincangan, kami membangkitkan perkara-perkara seperti ini supaya ada kesepadanan, kewajaran untuk kita.

Ketika menggubal sesuatu, apakah munasabah ia dilaksanakan? Itu ialah perkara perhitungan yang penting juga buat kami. Hari ini dengan pembentangan tadi, kami mendapat suatu informasi dan maklumat yang begitu baik. Saya yakin perbincangan ini akan menjadi sama mendalamnya dan hangatnya seperti KPDN tadi. Saya tidak mahu membangkitkan apa-apa, awal lagi, tetapi saya izinkan anggota JKPK untuk membangkitkannya.

Ada perkara-perkara lain daripada KPKT dulu untuk – Kalau ada yang tertinggal? Dulu? Tidak? Kalau tidak, kita masuk terus kepada Q&A ya. Ahli-ahli Yang Berhormat PSSC? Siapakah yang ingin mulakan kali ini? Yang Berhormat Tanjong Karang? Yang Berhormat Kuala Langat? Sila.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Saya ingat cabaran yang terbesar ialah penguat kuasa ini, yang terlatih. Kalau saya lihat sendirilah, contoh di Selangor. Tidak diluluskan lagi dari sudut perlesenan di peringkat negeri tetapi yang berlaku di luar sudah merata sudah. Ini soal kelulusan premis, lesen daripada PBT. Tidak terkawallah ini. Mesti ada satu kedah yang kita kena ambil yang agak seriuslah. Apabila kita meletakkan bahawa akhirnya, matlamat kita adalah demi kesihatan awam. Saya pun tidak....

Tuan Pengerusi: Sukar hendak... *[Ketawa]*

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Hendak mengurus ini.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat ya. *Lacuna* tiga bulan ini semacam menyaksikan satu ledakan. Walaupun benda itu sudah berlaku lama sudah. Seolah-olah macam kegiatan premis-premis *vape* ini semakin menonjol nampaknya. Tambahan kita tahu, ia sudah dikeluarkan daripada Akta Racun. Maka, menjadi-jadi nampaknya. Walaupun ia sudah menjadi-jadi sejak lama pun tetapi semacam begitu nampaknya. Jadi, kami dalam JKPK ini, ingin saya tekankan bahawa penggubalan undang-undang ini – Ini kecenderungan kami buat hari ini ya. Akan kita lihat bagaimana ia akan akhirnya RUU ini yang digubal *in the final version of it.* Kita cenderung untuk memastikan bahawa kejayaan RUU ini akan terkait dan tergantung *critically on the supply side. On the supply side.*

Kita ada *supply side, demand side. Demand side* adalah – Termasuklah antara *demand side* itu generasi yang kita sebutkan Generasi Penamat itu. Akan tetapi kami memandang keberkesanan, kejayaan, efikasi, keberkesanan rang

undang-undang. Akta itu nanti akan tergantung sebahagian besarnya dari sudut penguatkuasaan *on the supply side.*

Jadi contohnya, melihat kepada jumlah Pegawai mahupun Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran di PBT adalah sangat terhad seperti mana yang disebutkan. Kini, 831 orang. Kesemua ini pastinya akan meninggalkan kesan terhadap penguatkuasaan. Jadi, itu adalah satu yang mesti dilihat. Bukan sahaja oleh KPKT tetapi juga oleh KKM dan juga akhirnya, Kabinet dan Menteri yang perlu dibawa kepada Barisan Kabinet dan juga PMX sendiri yang perlu memahami cabaran untuk melaksanakan rang undang-undang ini.

Aspek *capacity building,* tidak terlatih, semua itu perlu digarap sebelum akhirnya – *Insya-Allah* kita mahu RUU ini menjadi akta. Menjadi satu yang dapat meregulasikan apa pun produk rokok dan juga *vape* ya. Jadi, kalau ada pandangan-pandangan yang lain dahulu?

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya?

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Saya melihat sebab sekarang ini pelesenan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan, ia agak umum begitu. Memang ada yang menggunakan barangan elektronik. Cuma saya ingat kena ada satu standard yang kita mungkin ada di bawah undang-undang kecil di peringkat PBT yang standard di seluruh negara kita gunakan supaya mudah dikawal. Kalau tidak, saya tidak tahu macam mana kalau ada yang mungkin berlaku kesalahan. Untuk pendakwaan, di bawah akta apa yang ataupun undang-undang kecil mana yang kita hendak guna di peringkat PBT itu sendiri? Mungkin ada pandangan.

■1200

Tuan Pengerusi: Silakan, tuan.

Tuan Ooi Poh Keong: Terima kasih atas soalan itu. Seperti apa yang saya maklumkan tadi, bidang kuasa PBT kalau ikut Akta 171, adalah untuk mengawal sesuatu *trade* atau sesuatu jenis perniagaan. Ia bukan spesifik kepada kawal selia produk yang tertentu. Sebab kalau menyentuh tentang kawal selia produk tertentu, contohnya minuman beralkohol, rokok dan sebagainya, ia terjatuh di bawah bidang kuasa kementerian teknikal yang berkenaan. Sebab, yang itu merupakan – Apakah kesan produk itu? Kalau produk itu memberi kesan keselamatan, *then* ada agensi yang menjaga. Memberi kesan kesihatan, *then* Kementerian Kesihatan yang menjaga. Di pihak berkuasa tempatan, tidak ada bidang kuasa untuk mengawal selia produk. Akan tetapi, bentuk perniagaan itu, membenarkan ataupun tidak membenarkan.

Apa yang saya nampak di sini, RUU kawalan produk tembakau ini, tujuan RUU ini adalah untuk mengawal selia produk tersebut dan bukan untuk melarang secara keseluruhan. Kalau larangan secara keseluruhan, senang. PBT larang sahaja, tidak benarkan sahaja. Akan tetapi, kalau hendak mengawal selia produk tersebut, ia memerlukan anggota kompetensi yang banyak. Kemudian, pelaksanaannya, spesifikasinya, *technicality*-nya. Itu yang saya nampak dari segi RUU ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Jelas. Saya ingat tepat sekali daripada pandangan KPKT. Pada akhirnya, keberkesanan dan perincian kawalan itu mesti daripada kementerian, yang di sini kemahiran teknikalnya dengan kata lain ialah KKM secara *the custodian*, pengawal kesihatan secara keseluruhannya di negara ini. Cuma, KPKT datang daripada punca kuasa untuk sama ada pelesenanlah, ya. *I think all your* kuasa *revolve around*, sebagai contoh, boleh mengambil langkah-langkah melarang penjualan produk-produk tertentu. Itu bidang kuasa KPKT.

Apa pun, akhirnya kita tidak boleh letakkan tanggungjawab dan *responsibility* itu kepada KPKT. Sebab KPKT boleh mengambil tindakan yang agak berlawanan dengan Kerajaan Persekutuan. Kalau *you just close* ataupun *you all* larang sahaja, *that is the end of it*. *Supply side*; tidak ada dari segi penjualan, bekalan. Semua tertakluk kepada premis yang menjual. Kalau andainya KPKT mengambil sikap, di mana negeri pun, contohnya beberapa negeri yang disebutkan tadi; Melaka, Johor. Misal kata *they don't want to,* mereka tidak mahu memberikan pelesenan, *that is the end of the game*. Itu peranannya KPKT dan seperti mana yang disebutkan oleh tuan tadi, ini bukannya mengharam, ini bagaimana mengawal. Setelah diizinkan itu, *the challenge is* pengawalseliaan.

Ya, adakah lagi pandangan? Sila, Yang Berhormat.

Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat]: Tuan Pengerusi, ini ada syor daripada KPKT terhadap KKM. Boleh saya tahu apakah respons awal? Ada tiga syor. Macam mana respons KKM?

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: Yang Berhormat, terima kasih banyak. Sebenarnya saya pun hendak respons kepada pembentangan Tuan Ooi tadi.

Tuan Pengerusi: Sila.

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: Pertama, Yang Berhormat sekalian dan ahli-ahli mesyuarat pada pagi ini, sebenarnya pihak KKM telah mengadakan banyak kali sesi libat urus dengan agensi-agensi berkaitan termasuk dengan KPKT dan PBT, *even* dengan Tuan Ooi sekali melalui pembentangan dan juga Tuan Zaid.

Dalam sesi libat urus ini, kami juga membincangkan bukan hanya isu mengenai RUU ini sahaja tetapi juga dari segi pelaksanaan, dari segi

penguatkuasaan. Di sini, kita faham bahawa apabila akta itu diwujudkan, kita faham tidak semestinya kita perlu ada sejumlah *resources,* garis kuasa yang tertentu, yang banyak untuk menguatkuasakan. Sebab, selagi kita menunggu jumlah tertentu, selagi itu kita tidak akan ada RUU ini untuk kita menjalankan penguatkuasaan dan sebagainya; untuk kawalan, untuk keselamatan, kesihatan dan sebagainya.

Oleh sebab itu, di sini mekanisme KKM adalah selain daripada akan mengadakan libat urus lebih banyak lagi selepas RUU ini diluluskan, dan juga latihan-latihan taklimat diberikan kepada pihak tertentu termasuk kepada pihak PBT mengenai bagaimanakah langkah-langkah dan cara-cara kita untuk menjalankan penguatkuasaan, di sini kita juga ingin menekankan dari segi bagaimana kita hendak bagi *advocacy*, *empower* kepada individu dan juga masyarakat itu sendiri mengenai bahaya rokok dan juga rokok elektronik dan sebagainya.

Jadi, di sini, Yang Berhormat sekalian, kita maklum dari segi kekangan tetapi sesi libat urus memang kita akan mempertingkatkan. Kita akan beri taklimat, latihan. Bukan hanya pihak PBT, mungkin juga agensi lain yang berkaitan yang kita rasa boleh kita beri kuasa. *Because* di bawah seksyen 3(2) Akta Makanan 1983, memang kuasa Menteri Kesihatan boleh memberi kuasa kepada pegawai-pegawai tertentu untuk diberi kuasa sebagai pegawai berkuasa. Benda ini kita dalam peringkat perancangan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Okey, Yang Berhormat, boleh ya? Saya ingat ada hal-hal *administrative* tidak terkait dengan undang-undang tetapi hal-hal *administrative* itu boleh dijalankan berterusan ya. Penglibatan *multi* ataupun rentas *ministry*, dan *whole-of-government approach* dalam bahasa hari ini, mesti dipergiat, diperkuat dan diperkukuh.

Ada lagi hal-hal lain? Dari segi penguatkuasaan. Sila, Yang Berhormat.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dari segi pelaksanaan RUU itu, kita fokuskan atau tumpukan kepada pihak berkuasa tempatan, kita nampak. Jadi yang kita nampak setakat ini, pihak berkuasa kata ia hanya boleh beri lesen; jual atau tidak. Sedangkan dalam komponen RUU itu ada dua iaitu tentang produk rokok dan hasil rokok dan juga Generasi Penamat Rokok. Saya rasa saya tidak nampak sejauh mana pihak berkuasa akan berperanan terutama dalam membanteras Generasi Penamat Rokok nanti. Itu persoalan yang saya nampak hendak bawa ke depan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Bagaimanakah responsnya? Sila, Tuan Ooi atau TKSU.

Datuk Saidatu Akhma binti Hassan: Yang Berhormat, kami mengambil maklum berkenaan dengan hasrat untuk menamatkan generasi perokok. Berdasarkan kepada memorandum yang telah dikemukakan oleh KKM, memang KPKT telah pun memberikan maklum balas sewajarnya.

Saya bersetuju dengan Datuk Dr. Norhayati bahawa kita tidak boleh tunggu *enforcement* sampai cukup baru kita melaksanakan. Walau bagaimanapun, oleh kerana peranan PBT adalah melibatkan *enforcement* dan untuk memastikan kejayaan sesuatu – Memerlukan *enforcement* sehinggalah masyarakat kita terdidik dengan sudah tahu bahaya semua itu *kan*. Itu yang kita khuatir bahawa ketidakberjayanya nanti adalah disebabkan kelemahan pada peringkat *enforcement*.

Sebab dengan kumpulan sasar yang sangat besar, kita ada 155 PBT dengan kekangan. Pegawai penguat kuasa kami juga ada *enforcement* untuk perkara-perkara lain. Jadi, kita menzahirkan kebimbangan dari segi kekangan bilangan penguat kuasa kerana kita tidak mahu ia tidak berjaya dilaksanakan kerana lemahnya *enforcement*.

Ia memang kita kata ia bersifat *two-pronged approach; enforcement and education*. Kita percaya advokasi, pendidikan memang membantu tetapi *enforcement* juga untuk masyarakat Malaysia itu amat penting. Kita khuatir dengan ketidakupayaan kami pada peringkat KPKT. Itu sahaja. Kita memang menyokong. Akan tetapi, sekiranya elemen *enforcement* itu menjadi pemberat kepada kejayaan RUU ini, kita berhati-hatilah, Tuan Pengerusi. Oleh sebab itu, kita menjelaskan bahawa kemungkinan kita akan ada kekangan *to enforce* perkara yang baik ini.

Tuan Pengerusi: Terima kasih TKSU. Inilah perkara yang kami juga rakamkan dalam perbincangan, diskusi kami supaya semurninya cita-cita itu – Akan tetapi andainya tidak dibekalkan dan dipersiapkan bersekali dengan keupayaan, kapasiti penguatkuasaan, ia dikhuatiri akan gagal.

■1210

Cuma, saya tidak boleh menyebutkan satu yang dalam perbahasan atau perbincangan kami ya. Andainya kalau – Boleh saya sebut? *[Ketawa]* Andainya kalau RUU ini tidaklah mengambil pendekatan punitif dan penalti terhadap golongan sasar itu, kita kena – Saya bercakap atau menyebutkan ini dengan nada yang sangat insaf kepada keperluan untuk pakar-pakar kita meneliti akan perkara ini. Maksud saya, penguatkuasaan dari sudut punitif, dari sudut *punishment* ke atas generasi penamat itu adalah penting. Akan tetapi apa yang lebih penting ialah aspek *supply side* itu untuk benar-benar bekalan kepada generasi itu dapat

dikekang semaksimum mungkin dan dikenakan apa pun penalti, *punishment*, kompaun dan sebagainya itu ke atas *supply side*.

Kalau saya tanya soalan ini kepada KPKT; andainya penguatkuasaan itu tidaklah seperti serapi ke atas generasi *end game* itu, apakah jauh lebih mudah ia dilaksanakan dengan kita – Ini satu lontaran soalan ya – Dengan kita mengambil pendekatan bahawa mereka itu perlu kita lindungi, mereka itu perlu kita *protect* dan mereka itu perlu kita *educate* kerana *the overarching reason* adalah untuk *protect*, adalah untuk melindungi mereka dan bukan untuk – Maaf cakap – Menghukum mereka, menjenayahkan mereka dengan apa pun cara dan penalti dan sebagainya. Ini masih dalam pemikiran PSSC hari ini. Kami akan merujuk kepada pakar-pakar untuk melihat bagaimana akhirnya generasi itu dapat merasakan, *they would want to be*, mereka mahukan RUU ini atau akta ini akan melindungi mereka dan tidak meletakkan mereka di satu kedudukan yang sentiasa diburu oleh penguat kuasa atau PDRM. Bahkan, mereka akan timbul satu situasi, di mana mereka melihat kepada *the criminal justice system* di negara ini hanya mahu memangsakan mereka. Bayangkan generasi itu akan, selepas 18 tahun pun akan menuruti dan mematuhi *Generational End-Game* itu.

Jadi, ini satu lontaran kepada semua kalau kita mengambil pendekatan, contohnya di New Zealand, kita akan dapati bahawa mereka *really penalise the supply side* tetapi pada generasi *end-game* itu, kita tangani mereka dengan pendekatan untuk mereka difahamkan bahawa *we are protecting them.* Kita bela mereka, kita lindungi mereka, kita mahu mereka tahu bagaimana dan seharusnya mereka tidak dekati, terutama apabila hari ini sudah ada hampir kurang lebih 400,000 bawah 18 tahun *already addicted to nicotine*. Dalam beberapa bulan *lacuna* ini pun kita tidak tahu berapa penambahannya.

Jadi oleh sebab itu, mungkinkah penguatkuasaannya akan menjadi sedikit lebih ringan kalau kita memandang kepada *supply side* sahaja dan tidaklah melihat kepada khasnya generasi *end-game* bawah 18 tahun itu? Itu satu pertanyaan, lontaran awal kepada KPKT, Datuk TKSU dan pegawai-pegawai, Tuan Ooi dan Datuk Fadzli yang semua turut bersama di sini. Kalau kita dapat sikit pencerahan bagaimana. Itu pun akan kami ambil perhitungan, *insya-Allah.*

Datuk Saidatu Akhma binti Hassan: Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita maklumkan, sekiranya memang ada satu perintah daripada Persekutuan secara keseluruhan melarang kemasukan. Akan tetapi larangan kemasukan produk ini pun di bawah kementerian yang berbeza ya. Jadi maknanya, fokus adalah kepada – Ia akan sampai ke tahap larangan mengimport. Jadi, kesemuanyalah

pada peringkat PBT. Kalau ada satu *direction* memang kita bolehlah melaksanakan.

Cuma, kita tidak ada kuasa secara *direct*. Kita hanya menyediakan platform melalui Majlis Negara Kerajaan Tempatan, di mana di platform tersebut kita ingin mendapatkan kefahaman dan persetujuan daripada semua pihak berkuasa negeri. *But ultimately, it depends on* pihak berkuasa negeri untuk membentuk undang-undang. Cuma, apa yang pada peringkat KPKT ialah platform untuk kita memaklumkan, menerangkan dan untuk *to get* keharmonianlah, supaya semua PBN boleh bersetuju. Itu kita menyediakan *that* platformlah.

So, dari segi penguatkuasaan, walau apa pun yang hendak dikuatkuasakan sama ada kepada produk atau kepada individu, masih lagi kekangan dari segi pegawai itu sendiri. Apa yang dibincangkan pada peringkat PBT ialah kumpulan-kumpulan yang terkesan dengan kumpulan yang tidak terkesan. Kumpulan yang terkesan akan menjadi – Orang Malaysia akan terkesan, pelancong tidak terkesan. Jadi, ada beberapa perincian yang akan menjadi sedikit beban jugalah untuk pegawai penguat kuasa dari segi pengenalpastian.

Perkara-perkara ini telah pun kami bangkitkan semasa kita membuat ulasan MJM kerana benda itu agak *straightforward* tetapi apabila pelaksanaan *on the ground* ia akan jadi *a bit technical* dan tidak dibantu dengan bilangan yang tidak mencukupi. Jadi, kalau *focused on the product, yes we can focus on the product. But if focused on the* individu untuk menghentikan yang lahir selepas tahun 2009, apa semua itu, ia boleh dilaksanakan, *but* ada kekangan-kekanganlah ya.

Tuan Pengerusi: Baik.

Datuk Saidatu Akhma binti Hassan: Pada peringkat KPKT, sekiranya ada satu *direction* yang sangat jelas daripada *Federal*, kita akan cuba harmonikan pada peringkat PBT.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, sangat baik respons tadi.

Encik Omran bin Omar: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, saya.

Encik Omran bin Omar: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila, sila Datuk.

Encik Omran bin Omar: Ada sikit. Sikit saja. Kita lihat dari sudut *enforcement* di PBT, setiap negeri berbeza *enforcement*-nya dan setiap PBT berbeza. Contohnya, kalau di Selangor, kita ada UKK 361. Akan tetapi di Johor, kita ada UKK 364. Enakmennya lain, 17. Peraturan lain-lain. *The overall* seluruh Malaysia kita ada UKK 3,247. Kita ada enakmen 277 dan lain-lain daerah peraturan, kita ada 772. *Enforcement* hendak buat ini, *even* kalau *enforcement* di

Sepang dengan *enforcement* di Kajang pun berbeza *approach*-nya. Memang berbeza. *Even* kalau di Kuala Selangor dengan di Subang Jaya pun, kawasan Tuan Pengerusi pun berbeza. Tambahan lagi berbeza negeri.

Tuan Pengerusi: Betul. *[Ketawa]*

Encik Omran bin Omar: Contoh, apabila kita *paper* lulus di MNKT, *paper* Garis Panduan Menara Kawalan, sesetengah negeri tak nak pakai. Sesetengah negeri pakai separuh. Kelantan kata, *"Saya hendak pakai panduan saya".* Perlis kata, ia hendak pakai. Penang, kita sudah ada arahan sendiri. *So, even* yang Datuk Saidatu kata tadi, MNKT pun hendak buat harmoni pun *approach*-nya amat berbeza, Tuan Pengerusi. Itu saja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Saya – Terima kasih atas...

Datuk Saidatu Akhma binti Hassan: Paling *simple* Tuan Pengerusi, kalau boleh kita *share*. Hendak mengharmonikan *sticker* OKU pada kenderaan pun perlu melalui majlis. Itu *sizing* itu. Apa gambarnya, apa saiznya, apa logonya pun. Kita bercakap fasal *only sticker*. Jadi, itu sebab memang *structure* negara kita begitu, *government* yang begitu. Akan tetapi sekurang-kurangnya kita menyediakanlah platform untuk harmonikan.

Tuan Pengerusi: Baik, terima kasih. Saya boleh memahami yang tersurat dan tersirat. *[Ketawa]* Terima kasih Datuk Saidatu dan juga Dato' Fadzli ya. *Alhamdulillah*, ada lagi kalau perlu? Yang Berhormat?

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Tuan Pengerusi, izinkan saya mencadangkan. Benda ini jauh pergilah nampaknya kalau cadangan saya ini. Kita meminda jadual ini, meminda Perlembagaan *and we have got two-thirds majority already in the Parliament* supaya – Saya tengok semua punca kuasa ini, *you are talking about legal jurisdiction* dan sebagainya ini, kecelaruan dan sebagainya; PBT, *state*. Masukkanlah jadual, kita tengok balik jadual dan Perlembagaan ini supaya KPKT mempunyai kuasa sepenuhnya.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Bukan senang sebab...

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Saya tahu, saya tahu bukan senang.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: ...kerajaan negeri, mereka tidak akan bagi – *Let go of their power*-lah.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Saya tahu ia bukan senang. Ia macam pelaksanaan kita punya RUU ini juga, bukan senang. Akan tetapi *we must start somewhere*-lah kerana saya tengok bukan setakat ini sahaja; banyak perkara atau isu yang terlibat selama ini pun oleh sebab adanya koordinasi yang berbeza daripada punca kuasa dan bidang kuasa ataupun *jurisdiction* yang berbeza ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

■1220

Tuan Pengerusi: Baik, terima kasih. Itu satu rakaman oleh Yang Berhormat Kuala Pilah. *You have registered the point. At least it is registered.* Ia dirakamkan. Baik.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, sebagai contoh. Saya pernah menjadi Ahli Majlis Daerah juga. Contoh *simple,* ya. Kalau petugas macam PBT ini, ia jawatan tertutup di Negeri Sembilan. Jadi, hendak menukar ataupun *transfer out* mereka ini daripada apa, setelah – Bukan mudah. Bukan semudah yang kita cakap atas kertaslah. Jadi, itulah saya rasa mungkin antara kekangan-kekangan pada peringkat bidang kuasanya, punca kuasanya. Saya rasa kita kena lihat semula. Saya tahu ia amat sukar. Saya setuju dengan Yang Berhormat Penasihat Menteri Kesihatan tetapi saya rasa *no harm in trying.* Terima kasih.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Okey, Tuan Pengerusi. Jika boleh saya hendak tambah. Bukan tentang isu ini tetapi saya mendengar perbincangan tentang penguatkuasaan dan kebimbangannya yang telah dizahirkan dan diterangkan. Akan tetapi setahu saya, bagi pihak Kementerian Kesihatan Malaysia, *I think we cannot look at this* akta ini sebagai satu akta dalam *silo.* Kita kena lihat *the whole* hala tuju kesihatan terutamanya, contohnya dalam Kertas Putih Kesihatan di mana *a lot of focus will be going towards prevention.*

So, I think when it comes to enforcement, a lot of investment will eventually come into pegawai-pegawai *enforcement* yang bermulanya di Kementerian Kesihatan. *Of course once we have passed this law in the Parliament, there will be, of course, a discussion with all PBTs,* semua pihak berkuasa tentang mekanisme penguatkuasaan. *But, it is important to pass this law first, then that mechanism is being done properly, being fine tuned and being comprehensively explained and educated.*

That is where laporan berkala yang kita mungkin akan bincang nanti adalah sangat penting. *Because in two years' time, there we will determine the* kesediaan kerajaan untuk melakukan atau menguatkuasakan undang-undang tersebut. *But we must not feel that "Oh, sebab penguatkuasaan tidak cukup, kita jangan luluskan atau kita jangan lakukan akta ini".*

Because, we have to do it in two ways. I think, eventually in the long term, jika contohnya perbelanjaan yang kita jimatkan *from healthy lifestyle, from treating patients and everything,* kita boleh *invest back into preventive which is also into the enforcement officers within KKM.*

So, I say we cannot look at this akta *in silo. We have to see the direction that the government wants to go and eventually there will be a redirection of allocations.*

I think kita – Setahu saya, *correct me if I am wrong. I think when it comes to* penguatkuasaan, *I think KKM, where you were saying that initially it will start with only* penguatkuasaan daripada KKM. PBT *will eventually* kita *expand*-lah *when it is needed.* Harap itu akan membantu. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Penasihat Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dr. Kelvin. Saya ingat kita sudah bincang dengan begitu panjang, baik dan juga mendalam. Kami daripada JKPK mendapat pencerahan yang begitu baik daripada kedua-dua KPDN dan juga KPKT. TKSU kedua-dua kementerian, terima kasih dan juga pegawai-pegawai tertinggi. Kalau ada daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan kalau mahu sedikit untuk *give your comment? Otherwise,* kita boleh tangguhkan majlis. Sila.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Tidak ada komen. Saya pun berpandangan selepas RUU ini kalau dapat kita jayakan di Parlimen, *so* pihak KKM akan mengadakan lebih lagi libat urus untuk bersama dengan kementerian-kementerian dan juga saya faham berkenaan tentang isu-isu penguatkuasaan, walaupun apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Pilah itu *I think we need to,* kita *hold* dahulu *the idea because it is too extreme* dan juga kerana dalam isu kerajaan-kerajaan negeri yang inginkan autonomi dan juga *devolution of power, it is* agak sukar untuk itu.

Hal ini kerana kita banyak melakukan kesilapan-kesilapan dalam pindaan Perlembagaan pada tahun-tahun yang sebelum inilah. Kalau kita ambil konteks di dalam negeri Sarawak sendiri, kesilapan pindaan Perlembagaan tersebut menyebabkan ledakan politik yang agak ekstrem sejak kebelakangan ini.

Akan tetapi, kita fokus kepada RUU, Tuan Pengerusi, dan juga apa yang telah dibentangkan, kita akan ambil maklum dan juga apa yang dibentangkan oleh pihak kementerian perdagangan. Saya cuma hendak tanya satu sahaja. Nanti, adakah keperluan untuk mendaftar dan mendapatkan sijil SIRIM ini terkait dengan apa yang sedang dilakukan oleh pihak MOF? Adakah mana-mana *device* yang tidak didaftar, pihak MOF akan dapat mengutip cukai atau tidak berkenaan tentang *that kind of device?* Saya baru terfikir berkenaan tentang hal tersebut.

Tuan Mohd Zaid bin Idris: Saya cuba menjawab mengikut kefahaman saya. Sebab, soalan itu sebenarnya MOF yang boleh jawablah. Akan tetapi, apa yang saya faham, MOF punya – Apabila kami bertanya dengan pihak kastam semasa libat urus yang telah dipanggil pihak Datuk Dr. Norhayati. *So,* kami dapat

bersembang dengan kastam tentang siapakah *target* yang maksudnya yang mereka hendak kenakan, hendak kutip duti eksais dan siapakah yang mereka hendak *register* itu.

Mereka memaklumkan – Pegawai tersebut memaklumkan kepada saya bahawa mereka *target* kepada pengilang cecair atau gel. Bukan peranti. Kalau saya tersilap faham daripada segi penerangan kastam itu ataupun MOF, mungkin boleh rujuk kepada MOF-lah. Akan tetapi, setakat yang saya difahamkan itu, mereka menumpukan kepada cecair. *That is why* yang tadi miligram dan sebagainya. Ia tidak menyentuh tentang *device.* Itu kefahaman saya. Sebenarnya, MOF-lah yang sepatutnya lebih arif untuk menjawablah.

Untuk KPDN, peranti itu, kita – Saya terangkan lagi. Maksudnya, isu yang kadang-kadang saya dapati kekeliruan ialah isu keselamatan. Apakah maksud "keselamatan" itu? KKM pun guna "keselamatan" juga tetapi maksud "keselamatan" kami itu adalah di luar, tidak masuk ke badan. Ia meletup, boleh mendatangkan luka. *That is why* yang tadi isu fasal *design* itu. Disebabkan hasrat tadi untuk – Kita sudah bincang dengan pihak undang-undang bagaimana pula hasrat kita dari segi keselamatan. Kita hendak mengatakan *design* itu boleh mendatangkan kecederaan.

That is why yang kita sudah juga bertanya dengan SIRIM; adakah sebarang standard? Memang tidak ada. *Design* yang boleh dianggap mendatangkan meletup, pecah dan sebagainya. *That is why* yang isu *design* itu – Kami faham. Kami pun ada anak-anak. Kita faham *concern* yang telah dibangkitkan oleh pelbagai pihaklah.

Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Baik. Kembali kepada persoalan...

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap. Kepada soalan gel dan *liquid,* cecair itu. Apakah rasionalnya? Apakah ia dianggap sebagai satu – Istilahnya komoditi, yang menjadikan ia tertakluk kepada *excise duty?* MOF, ada penjelasan? Begitu ya? Ada penjelasan daripada mana-mana pegawai? Tidak ada?

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ya, sila. Siapa yang – TKSU? *Anybody?* Ada yang tahu mengapa? Saya semacam teringat dan terbaca itu alasannya apabila ia sudah menjadi satu cecair *vape* itu. *It is now becoming a commodity that is subjected to the excise duty.* Saya tidak pasti tetapi itu yang saya ingat. Kalau ada pencerahan? Tidak ada? Tidak ada, tidak apa. Pihak MOF tiada wakil hari ini. *[Ketawa]* Baik, *last from you* Yang Berhormat Sibu.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *Thank you, thank you.* Terima kasih Tuan Pengerusi. **Tuan Pengerusi:** *Make it short and sweet.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Saya hanya hendak tanya kalau kita hendak mengawal selia reka bentuk peranti *vape* ini, kementerian mana yang bertanggungjawab? Mengawal selia reka bentuk peranti...

Tuan Pengerusi: *Design.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *Design of the vape.* `

Tuan Pengerusi: *Design would be* KPDN?

Tuan Mohd Zaid bin Idris: Rakan saya yang daripada pihak undang-undang daripada mana-mana kementerian pun mungkin boleh membantu menerangkan tetapi hasil yang kami – Kami cuba mencari kaedah dan sebagainya. *Design* ini – Masalahnya *design* itu, bagaimanakah *design* itu kita hendak katakan *design* itu berbahaya dari segi keselamatan? Bagaimanakah *design* itu kita hendak kata berbahaya dari segi kesihatan? Kita tidak nampak alasan *design* itu.

Cuma, kawalan yang boleh, yang saya nampaklah, adalah dari segi promosi. Itu yang telah dirancang oleh RUU ini, yang telah ada. Yalah, kita pun faham, keadaan.

■1230

On the specifics, kita hendak katakan *design* itu bahaya dari segi keselamatan atau kesihatan, setakat ini hasil perbincangan kami, *at least* peringkat kami, susah hendak mengatakan *design* itu bahaya dari segi keselamatan ataupun bahaya dari segi kesihatan. Kalau saya tersilap mungkin tuan-tuan atau yang arif daripada Penasihat Undang-undang boleh bagi pandangan.

[Ketawa]

Tuan Pengerusi: Macam mana? PUU Tuan Yang Zaimey ada?

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali [Penasihat Undang-undang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya, saya hendak tanya, kita hendak kawal *design* ini bagi tujuan apa?

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Oleh sebab tadi kita sendiri semua bersetuju, evolusi *vape* ini sangat laju. Kalau kita hendak kawal *design* ini, kita hendak kawal dengan satu standard, memang standard kita berubah tiap-tiap minggu. Jadi, *design* yang macam mana? Jadi, saya rasa memang tak ada undang-undang selalunya *control design*.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: *Even* kita pun tak ada *control design* Proton macam mana atau macam mana. Akan tetapi yang penting penggunaan itu.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Saya rasa *the key word here is* penggunaan itu. Walau macam mana *design*-nya sekalipun, kalau penggunaan dan kesan yang berbahaya, saya rasa itu yang penting. Matlamatnya, *not the design*. Itu pandangan saya.

Tuan Pengerusi: Mungkin...

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Sebab saya faham, *all these coming from because* kita tak nak *vape* yang *attract* kanak-kanak, contohnya.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Jadi, saya rasa itu mungkin dari segi penguatkuasaan, kita tahulah. Oleh sebab saya difahamkan sekarang ada *vape* bentuk botol susu.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Bagi saya, yang itu tak payah ada kawalan pun*, it is common sense.* Kita nampak itu, kita boleh rampas sahaja. Oleh sebab bagi saya, kesannya itu membahayakan. Budak-budak hendak beli botol susu tetapi sebenarnya *vape*. Jadi *whatever it is, to me it is* isu dasar, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Betul.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Akan tetapi saya tak nampak ada keperluan pada masa ini.

Tuan Pengerusi: Mungkin kalau saya analogikan dari sudut rokok dan *packaging. The rational of having plain packaging* itu untuk tidak menjadi suatu yang menarik dan tertarik kepada golongan sasar yang kita maksudkan tadi. *I think that the rational* – Kalau ada rasionalnya itu, *the design has got to be plain. It should not be enticing, "seksi"* maksudnya *very attractive*. Itulah kalau adapun rasionalnya.

Apa pun *alhamdulillah,* saya ingat kita sudah sampai di penghujung. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, penasihat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersama. Jadi, kepada TKSU dan pegawai-pegawai KPDN, pegawai KPKT, Datuk Saidatu, Tuan Zaid. Saya ingat input hari ini sangat baik untuk kami sebagai anggota PSSC yang akan mengambil segala pertimbangan dan perhitungan input ini. Dari sudut apa yang akhirnya nanti *insya-Allah* dapat kita

pertimbangkan dari segi apa pun pindaan-pindaan dan cadangan pindaan yang akan kita kemukakan.

Sekali lagi, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Sebenarnya kita ada mesyuarat untuk menyusul. Kita ambil 10 minit *break* dan kita akan bersama dengan KKM, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada beberapa agenda yang kita mahu perbincangkan. Boleh kita *adjourn* di sini dahulu? Terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 12.35 tengah hari]

■1240

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 12.45 tengah hari]

Tuan Pengerusi: Baik, *can we put our meeting in order*? Okay, sekali lagi, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam madani semua. Terima kasih sekali lagi kerana terus bersama kami dalam mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan.

Kita pergi kepada agenda seterusnya. Perbincangan yang terkait dengan penetapan isu-isu berkaitan dasar-dasar dalam rang undang-undang. Ini yang telah dibutirkan di situ adalah bersabitan dengan peruntukan pemilikan dan had hukuman. Juga, kedua ialah laporan berkala yang mengenai pelaksanaan beberapa aspek penting dalam RUU ini.

Suka saya berkongsi dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai tinggi daripada MOH bahawa kami sebentar tadi baru sahaja membuat rumusan penting, antara lain. Di sini saya lihat bahawa dalam aturan yang telah kita susun, agenda mesyuarat-mesyuarat yang berkala itu, mungkin ada perkara-perkara yang tidaklah terlalu *rigid* untuk kita ikuti begitu sebab ia tergantung pada perkembangan-perkembangan pemikiran dalam PSSC itu sendiri.

Dalam hal ini, saya perlu menyebutkan bahawa dalam *pre-council* kami tadi, kami telah membuat satu penetapan bahawa akan kami wujudkan sebuah apa yang kita sebutkan sebagai *panel of experts* yang akan membantu kami untuk sama-sama membincangkan satu agenda penting seperti mana yang saya sebutkan sebentar tadi dalam mesyuarat pertama tadi di mana PSSC mahukan kita mewujudkan satu *discourse*, satu perbincangan, mendengar daripada senarai ataupun *expert members* yang kita bakal lantik untuk memberikan input supaya kita dapat menangani atau menggarap isu yang terkait, bersangkutan dengan

bagaimana dengan RUU ini, pada kami, akan dapat disokong oleh sebahagian besar Ahli-ahli Parlimen sama ada *backbenchers*, *oppositions*, semuanya termasuk *frontbenchers* itu sendiri, kalau-kalau ada dalam kalangan mereka yang masih punya keraguan dalam RUU ini.

Jadi, apa yang akan kita lalui adalah mungkin satu atau dua siri perbincangan bersama *panel of experts* ini untuk kami diberikan pencerahan tentang bagaimana penggubalan RUU ini akan dapat benar-benar digubal, *drafted as to* untuk kita hilangkan elemen punitif*,* elemen *punishment* atau apa pun dari sudut meletakkan kumpulan khasnya GEG tadi.

Dua aspek daripada RUU ini. Pertama ialah kawalan itu sendiri, produk rokok dan segala-galanya. Kedua ialah GEG. Aspek GEG ini yang mahu kami tangani dengan lebih teliti. Ini mungkin sumbangan kami sebagai PSSC pada kali ini, berbeza dengan Parlimen Keempat Belas yang lalu. Parlimen Keempat Belas yang lalu menyinggung perkara ini dan kita dapat menggugurkan aspek pemilikan. Akan tetapi, pada kali ini kami mahu mendekati, *revisit* balik RUU ini dengan membawa pandangan-pandangan *experts*. *We are not the experts*, kita akui, tetapi mengambil pandangan-pandangan *experts* untuk benar-benar dapat memberikan pencerahan, sedikit bimbingan dalam perbincangan kami nanti dan ini akan pastinya memerlukan kita rangkumkan, *incorporate* – Sekretariat ya, untuk beberapa perbincangan dalam siri-siri perjumpaan kami dengan mereka. Jadi, itu satu perkembangan mutakhir yang hendak saya sebutkan dalam mesyuarat ini.

Kedua, mungkin kita boleh terus masuk kepada perbincangan kita. Yang ini mungkin sudah sedikit sebanyak terkait dengan perkara saya sebutkan tadi iaitu peruntukan pemilikan dan had hukuman. Semua ini, kalau boleh kita diizinkan, untuk tidak memasuki perbincangan itu kerana *it may be a bit overtaken* ataupun sedikit bercanggah.

■1250

Bukanlah bercanggah, maknanya ia tidak *congruous* dengan niat-niat kita untuk *revisit* balik *the punitive aspect of the* RUU. Jadi oleh sebab itu, saya ingat kita tangguhkan yang itu dahulu, kita bahaskan dalam forum yang sebaiknya dan setepatnya. Lalu kita hanya ada satu lagi perkara yang kami mahu bangkitkan dan ini juga kami bertanyakan kepada sekretariat. Apakah boleh kiranya kalau MOH juga bersetuju bahawa kami akan membuat sedikit sebanyak ataupun membuat beberapa *communiqué*, kami daripada PSSC. Kalau andainya kami merasakan wajar dan perlu, saya harap perkara itu boleh dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Yang Berhormat penasihat ya.

Bahawa *it is so important* ya. Sangat penting untuk kami mendapat *attention* dan juga dapat kami memberi faham kepada pihak awam, rakyat di luar sana bahawa PSSC ini sedang menangani beberapa isu penting, dasar dalam kesihatan. Hal-hal itu ada perkara-perkara yang kami rasa setelah perbincangan, sepakat bersetuju untuk membuat *communiqué* ataupun *press releases* supaya PSSC ini adalah dalam radar pihak awam, *in the public sphere*. *People* mengikuti perbincangan dan kegiatan-kegiatan kami. Itu dahulu dan mungkin saya izinkan ahli-ahli mesyuarat untuk membangkitkan perkara-perkara lain. Kalau boleh kita lihat kembali kepada jadual, kalau boleh sekretariat? Macam mana kita? Boleh kita dapatkan pembentangan ini terus? Laporan berkala? *Anything* yang hendak sekretariat bentangkan? Tiada? Tiada ya.

Jadi, itulah sedikit sebanyak yang saya hendak kongsikan dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya dapat mengambil pertimbangan bahawa kami punya beberapa perkara mutakhir yang berbangkit daripada mesyuarat *pre-council* kami sebentar tadi dan juga pemerhatian kami selama ini. Ahli mesyuarat, kalau ada hendak disebutkan dengan lebih *detailed*? Yang Berhormat Kuala Langat? *Anything*? Kalau ada dahulu, Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Bagi pihak kementerian, saya setelah mendengar penjelasan daripada Tuan Pengerusi berkenaan tentang untuk pembentukan *expert committee* untuk memberikan pandangan berkenaan tentang *punitive* ataupun *decriminalisation*, kita bersetuju untuk menangguhkan pembentangan pada hari ini. Kita juga akan mendengar semula selepas JKPK mendapatkan pandangan daripada *expert council* ataupun mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan. Hal ini kerana kita juga telah menyediakan beberapa *pointers* untuk menjawab persoalan-persoalan berkenaan tentang perkara-perkara yang dibangkitkan.

Berkenaan tentang – Sebaik-baiknya penubuhan majlis *of experts* ini Tuan Pengerusi*,* haruslah mempunyai satu *timeline* yang sama dalam beberapa siri yang telah dicadangkan oleh JKPK.

Tuan Pengerusi: Saya minta kalau boleh dibentangkan kita punya *timeline* dan cuba ditayangkan bagaimana telah kita tetapkan. *I think* kita...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Tuan Pengerusi, jika saya boleh tambah.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Bukan sahaja *timeline* tetapi saya rasa kementerian juga hendak tahu komposisi *expert panel* tersebut. Jadi, kita boleh melihat.

Tuan Pengerusi: Baik. Bagus kalau – Ya, kami sebenarnya baru sangat berbincang akan hal ini dan – Baik, ini sebenarnya belum kami putuskan. Sekadar beberapa cadangan dan kalau boleh kita hendak dapatkan juga *feedback* daripada KKM ya.

Kita akan merujuk kepada Academy of Sciences Malaysia. Jadi, dari situ saya yakin kita akan dapat *the various expertises*, *specialisations*. Sama ada *from public health*, sama ada *from* Malaysian Thoracic Society ataupun daripada Malaysian Paediatric Association dan apa pun gabungan-gabungan di bawah Academy of Sciences Malaysia yang dirasakan penting. Mungkin *the others like pharmacists* dan jika ada yang lain. Saya belum – Ya.

Di samping itu, organisasi ataupun NGO seumpama MMA juga perlu ada perwakilan di situ. MCTC, contohnya. Bahkan, daripada aspek penguat kuasa, kita hendak juga pandangan PDRM, contohnya. Mungkin juga daripada AG's Chambers. Mungkin juga NGO-NGO yang mewakili *the children's rights and interests*, juga saya ingat perlu juga diambil pandangan mereka. Jadi, itu *[Disampuk]* Ya? Kalau ada pandangan-pandangan lain, silakan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Saya cuma hendak tambah, memang saya mendengar senarai ataupun komposisi *expert* panel tersebut dan kita memang tiada bantahan. Akan tetapi kebimbangan yang saya ada, sebenarnya *we have engaged with these people. I* rasa mereka sudah sebenarnya secara prinsip menyokong RUU ini.

Saya rasa tujuan untuk *this expert panel* adalah untuk kita melihat bagaimana kita dapat *pass it through the Parliament*. Di mana mereka yang mungkin ada sedikit keraguan tentang RUU ini. *I* rasa jika boleh, JKPK ini mendengar juga keraguan mereka dan bagaimana kita dapat bersama mereka untuk meluluskan – Mendapatkan satu *middle point* untuk meluluskan akta ini di Parlimen. *So*, *all this expert panel* yang Tuan Pengerusi *mentioned* tadi memang sebenarnya sudah disokong secara prinsip oleh mereka. *So*, *maybe consider other people's part of that engagement, especially those that are critical of the bill*.

Tuan Pengerusi: Ya, saya kira *point* itu baik ya. Kita akan juga melebarkan cakupan kita, terutamanya bagi mereka yang agak kritikal kepada agenda RUU ini. Saya ingat itu lebih mustahak untuk kita. Termasuk kami berbincang. Termasuk yang saya lupa sebut, *the industry players*. Kita hendak wakil mereka. Mungkin PSSC yang dahulu tidak begitu ya. Akan tetapi kami sebulat suara tadi mahukan *the industry*, wakil mereka untuk sentiasa memberikan pandangan pada setiap input-input ataupun pendirian yang akan kita buat.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Saya Cuma hendak tambah. *The last committee,* kita ada buat *engagement* dengan industri *vape* dan industri *tobacco*. Apa yang kita mungkin tidak berjaya buat adalah dengan *coffee shops*.

Tuan Pengerusi: *Coffee shops* ya.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Sebenarnya, kita sudah jemput mereka dua kali tetapi mereka tidak hadir masa itu. Akan tetapi mereka yang keluarkan kenyataan menghentam akta tersebut. Jadi...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Okey. *They want to engage*. *Even better*. *Even better*.

Tuan Pengerusi: Mereka yang menghantar surat untuk berjumpa dengan kami, termasuklah *big players* macam Philip Morris. Kita sudah banyak kali berjumpa dengan mereka tetapi kita masih bagi ruang.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Saya nampak Tuan Pengerusi*, regarding on your* niat untuk mengadakan sesi libat urus dan juga menubuhkan satu panel ataupun penasihat untuk memberikan pandangan. Apa yang berlaku sekarang contohnya, apa yang saya lakukan, berjumpa dengan industri, *we have some excess baggage on our shoulders*. Apabila MOH berjumpa dengan industri, kita dinampakkan seolah-olah memihak.

Tuan Pengerusi: MOH pergi, tidak boleh. Akan tetapi kami pergi, boleh. *[Ketawa]*

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Itu yang saya tengok. *This is good for public* yang melihat, *this is the middle ground* yang Tuan Pengerusi sediakan.

Saya juga tertarik dengan apa yang diberitahu tadi. *Of course, our previous Special Select Committee* hanya dapat membuangkan "pemilikan" dan *you have some new spirit you are going to inject into this* RUU. Itu adalah merupakan – *This is the reform process* yang kita hendak, untuk kita bentangkan semula ke dalam Parlimen. MOH juga ketika ini tidak mempunyai masalah. *We are looking forward* untuk itu dan kita juga akan respons kepada pihak JKPK di mana yang bersesuaian. *Of course*, saya juga ingin menyatakan *our defense side*. Sememangnya kita pun mempunyai agenda-agenda dan kita juga akan menggunakan *this* JKPK untuk membentangkan apa yang kami hendak dan apa yang kami dapat terima daripada hasil dapatan pihak JKPK.

■1300

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. *I think it's so consoling to hear that* – Ya.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Cuma hendak tambah sedikit. *Sorry, sorry.* Tuan Pengerusi tadi ada berkata tentang mungkin JKPK akan mengeluarkan kenyataan media selepas mesyuarat bersama dengan *the expert panel* dan juga MOH. Jadi, permintaan yang *I* rasa daripada MOH, jika ada sebarang kenyataan yang melibatkan MOH, mungkin kita melihat terlebih dahulu tersebut.

Tuan Pengerusi: Boleh. Tidak ada masalah ya. *Insya-Allah*. *Don't worry. We could certainly share with you, although we have our independence. [Ketawa]*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Oh, bukan untuk kawal tetapi jika melibatkan contohnya satu *engagement* daripada MOH...

Tuan Pengerusi: Kita bebas daripada eksekutif ya. *[Ketawa]*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: *The concern is* kalau melibatkan suatu *engagement* MOH, tiba-tiba keluarkan suatu kenyataan *as if the MOH has agreed already, I think that is the concern. So, we want to make sure that it is not to be seen that MOH has already agreed to the conditions that have been set.* Akan tetapi, *we have no* halangan. *We are not controlling whether JKPK wants to issue its own statement. I think this is fair to MOH*-lah.

Tuan Pengerusi: Baik. Terima kasih. *Certainly we will consider that.* Okey. Ada lagi pandangan-pandangan daripada ahli-ahli mesyuarat? Ahli-ahli anggota PSSC? Okey? *This is going to be a very short one. Alhamdulillah.*

Ke depan nanti – Okey, satu peringatan ya. *Expert committee whatever,* kita akan berusaha untuk membuat dalam – *The onus is on us.* Tanggungjawab adalah atas kami untuk merumuskan perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dr. Kelvin tadi. Itu bukan satu benda yang baharu tetapi di sini memang ada semacam sedikit perubahan yang agak besar. Maka, kita akan berusaha untuk *work within that timeline.* Kita akan mungkin ubah sedikit sebanyak yang kita *tweak,* kita pinda untuk kita ambil kira keterlibatan *expert panel* itu. *I don't think* ia akan mengganggu *timeline* yang telah kita tetapkan ini. *Hopefully we could do it within* – Kami memang ada cita-cita untuk – Saya sebutkan ini ya – Memuatkan perbahasan RUU ini dalam sesi khas Parlimen yang akan membentangkan RMKe-12.

Jadi, sekali lagi, tanggungjawab itu ke atas kita. *The onus is on us, the PSSC,* untuk berusaha menyiapkan draf – Bukan draf. Ini tetap sama. *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]* Kita diberi faham ini tetap sama, cumanya pindaan-pindaan itu yang akan mengambil peranan peringkat Jawatankuasa itu. Jadi, itu yang kami rasa tanggungjawab untuk...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: *Just a quick response to that. I* rasa, *of course I think* Kementerian Kesihatan *is open to the suggestions given by the committee,*

and of course we want it to pass as soon as possible. But we have some logistical and procedural issues that we have to face. Kalau kita *looking at September and if, for example, the committee suggests certain tangible changes within the act itself, we need to go through the process. We have to go through the AGC and go through that thing. So, do be sensitive on the timeline*-lah *because* kena ada MJM, selepas itu Kabinet *will decide.* Tuan Pengerusi, *you being in the Cabinet before, you understand the process.*

Tuan Pengerusi: Ya, *but* kita telah diberi faham bahawa pindaan-pindaan itu akan masuk bersekali dengan *bill* ini *and we are not going to amend anything fundamental* ataupun sudah ditetapkan, dirumuskan bersama. *The only element, aspect* yang kita sebutkan nanti adalah perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri juga tadi, untuk kita pasti *the decrim.* Itu elemen sahaja yang – Mungkin itu juga akan datang dalam bentuk pindaan dan andainya tidaklah *ding dong ding dong* balik kepada AGC, ia akan datang dalam bentuk pindaan.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Cuma, Tuan Pengerusi, saya hendak dapatkan satu pengesahan *because I have been through a few* Jawatankuasa Pilihan Khas. Adakah untuk JKPK ini, MOH terpaksa membawa Kertas Kabinet untuk dibaca...

Tuan Pengerusi: Saya mengharapkan tidak tetapi mungkin sekretariat, En. Sukri, *you want to comment on this*? Ataupun PUU sendiri? Tuan Yang?

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Tuan Pengerusi, saya berpandangan tidak perlu lagi Kertas Kabinet sebab ini sudah jadi urusan Parlimen.

Tuan Pengerusi: Okey. *Alhamdulillah. This is a very* – Sangat meyakinkan.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Cuma tadi sedikit, Tuan Pengerusi, hendak tambah Yang Berhormat Dr. Kelvin cakap tadi. Walaupun kita tidak pergi ke Kabinet, pergi AGC, tetapi memandangkan ada pindaan, tetap melibatkan juga AGC di sini untuk membuat pindaan. Itu pertama.

Kedua, sekiranya ada perubahan yang melibatkan isu undang-undang juga, mungkin perlu dilihat juga dari segi implikasinya. Lebih-lebih lagi macam kita hendak *decrim* ini, kita kena tengok jugalah apa aspek perundangan yang ada, mungkin akan melibatkan pula bahagian penyelidikan sekiranya perlu.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Semua itu akan memakan masa, ya?

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Ya.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: *This thing is to be time-sensitive, we want it passed as soon as possible. So, if your recommendations can come out much earlier, so we have the time to even adopt, if we agree to it.*

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.06 petang]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

LAPORAN PROSIDING

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
KESIHATAN

MESYUARAT MEMBINCANGKAN RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2023 BERSAMA POLIS DIRAJA MALAYSIA DAN TAKLIMAT PELAKSANAAN RANG UNDANG-UNDANG OLEH INDUSTRI.

BIL. 6
RABU, 2 OGOS 2023
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
KESIHATAN
BIL. 6 TAHUN 2023

BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

RABU, 2 OGOS 2023

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir
YB. Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] - *Pengerusi*
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]
YB. Puan Young Syefura binti Othman [Bentong]
YB. Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat]
YB. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat]
YB. Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus]
YB. Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi [Tanjong Karang]

Tidak Hadir *[Dengan Maaf*
YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
YB. Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran [Batu]

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha (Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]
Pn. Nurul Saffida binti Husaini [Pegawai Penyelidik (Seksyen Sosial dan Pembangunan Sumber Manusia) Parlimen Malaysia]
Pn. Mas Liza binti Maslan [Pegawai Penyelidik (Seksyen Sains, Teknologi dan Pembangunan) Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Faizal bin Lan [Pegawai Penyelidik (Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]
Dr. Siti 'Ai'syah binti Che Osmi [Pegawai Penyelidik (Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zuhair bin Mohd Zubir [Pegawai Penyelidik (Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]
Cik Jackie Mary Fernandis [Penasihat Undang-Undang II]

HADIR BERSAMA

Kementerian Kesihatan Malaysia
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Timbalan Menteri Kesihatan]
YB Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Penasihat kepada YB Menteri Kesihatan]
Dr. Noraryana binti Hassan [Timbalan Pengarah (Penyakit Tidak Berjangkit)]
Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali [Penasihat Undang-undang]
Dr. Helmy Haja Mydin [Pakar Perubatan Pernafasan, Pantai Hospital Kuala Lumpur]
Dr. Norliana binti Ismail [Ketua Sektor Kawalan Tembakau dan Urus setia FCTC]

Dr. Nurhaliza binti Zakariah [Ketua Penolong Pengarah Kanan]
Puan Sivamalar a/p Genapathy [Pegawai Tugas-Tugas Khas kepada YBMK]
Puan Noor Aisyah binti Ahmad [Peguam Kanan Persekutuan]
Puan Intan Noorashikin binti Nasarudin [Peguam Kanan Persekutuan]
Puan Ira Nadhirah binti Aris [Peguam Persekutuan]

Pejabat Peguam Negara
Puan Nurul 'Ain binti Abu Bakar [Timbalan Pendakwa Raya, Bahagian Pendakwaan]
Encik Soo Kok Weng [Penolong Kanan Penggubal Undang-Undang Parlimen, Bahagian Gubalan]

Polis Diraja Malaysia
SAC G/12126 Saiman Bin Kasran [Ketua Penolong Pengarah Pengurusan Dasar/Sumber, Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Bukit Aman]
DSP G/13241 Ragavan a/l Sivaraman [DSP Perundangan Urus Setia KPN (Perundangan) Bukit Aman]
INSP G/21588 Ricknesswran a/l Selvanathan [INSP Perundangan (1) Urus Setia KPN (Perundangan) Bukit Aman]

Jabatan Peguam Negara
Cik Hamielia binti Hamizan [Penolong Kanan Penggubal Undang-undang Parlimen Bahagian Gubalan]
Tuan Soo Kok Weng [Penolong Kanan Penggubal Undang-undang Parlimen Bahagian Gubalan]
Cik Nadia binti Mohd Izhar [Timbalan Pendakwa Raya (Bahagian Pendakwaan)]
Puan Nurul 'Ain binti Abu Bakar [Timbalan Pendakwa Raya (Bahagian Pendakwaan)]
Encik Mohd Zulfadhli bin Sazalye Donol [Peguam Persekutuan]
Encik. Mohd Josiendra bin Abu Senin [Ketua Unit (Bahagian Penyelidikan)]

Phillip Morris (Malaysia) Sdn. Bhd.
Encik Shahrul Shaari [Pengarah Hal Ehwal Kerajaan]
Puan Puteri Farah Intan binti Burhanudin [Ketua Hal Ehwal Kerajaan]
Encik Sekar Menon [Penasihat Hal Ehwal Kerajaan]
Puan Yvonne Khoo [Ketua Perhubungan Saintifik]

British American Affairs Tabacco (Malaysia) Berhad
Encik Nedal Salem [Pengarah Urusan]
Encik Fairuz Helmi [Pengarah Urusan Luar]
David Lui [Pengurus, Hal Ehwal Luar]

Japan Tabacco International
Encik Shaiful Bahari Mahpar [Pengarah Hal Ehwal Koperat dan Komunikasi]
Encik Mohamed Amshar bin Aziz [Pengurus Hal Ehwal Koperat dan Komunikasi]

Akademi Perubatan Malaysia (AMM)
Datuk Prof. Dr. Lekhraj Rampal [College of Public Health, AMM]
Dato' Indera Dr. Shaari Ngadiman [College of Public Health, AMM]
Prof. Dr. Thong Meow Keong [College of Paediatrics, AMM]

Majlis Kawalan Tembakau Malaysia (MCTC)
Dr. Murallitharan Munisamy [Presiden]

Encik Muhammad Sha'ani bin Abdullah [Setiausaha Agung]

Persatuan Perubatan Malaysia (MMA)
YBrs. Dr. Muruga Raj Rajathurai [Presiden]
YBhg. Datuk Dr. Thirunavukarasu Rajoo [Setiausaha Agung Kehormat]

Pertubuhan Torasik Malaysia (MTS)
Dr. Nurhayati Mohd Marzuki [Wakil Persatuan Torasik Malaysia]
Associate Prof. Dr. Jessie Anne de Bruyne [Wakil Persatuan Torasik Malaysia]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN
BIL. 6 TAHUN 2023

BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

RABU, 2 OGOS 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.07 pagi

[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Madani.

Pertamanya, saya melafaz syukur dan merakamkan jutaan terima kasih kepada, pertamanya, Ahli-ahli Yang Berhormat anggota Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan. Kita rasanya ada dua ketidakhadiran daripada ahli jawatankuasa iaitu Yang Berhormat Batu dan juga Yang Berhormat Kuala Pilah. Selainnya, semuanya ada, ya? *[Disampuk]* Juga Yang Berhormat Sibu ya.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Lukanisman. Terima kasih Timbalan Menteri yang turut hadir. Yang Berhormat Dr. Kelvin, Penasihat kepada Menteri Kesihatan. Juga Dr Helmy, PUU; Tuan Yang, Timbalan Pengarah; Dr. Noraryana; dan semua pegawai tertinggi daripada KKM.

Juga turut hadir adalah daripada Pejabat Peguam Negara, Bahagian Pendakwaan dan Gubalan, dan turut hadir bersama adalah daripada PDRM iaitu SAC Tuan Saiman, DSP Tuan Ragavan dan juga Tuan Ricknesswaran. Terima kasih atas kehadiran ini.

Alhamdulillah, untuk mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas pada pagi ini dalam Parlimen Kelima ini, saya memulakan dengan merakamkan betapa kita telah dalam— ini masuk keempat kita bermesyuarat dan pada hari ini kita akan melanjutkan komitmen kita, seperti yang diamanahkan kepada kita JKPK, untuk meneliti RUU yang hari ini pun kita akan dapat meneliti beberapa nota-nota penting dalam RUU Kawalan Produk Rokok Demi Kesihatan Awam 2023.

■1010

Untuk makluman ahli-ahli mesyuarat sesi libat urus ini bersama wakil-wakil yang telah kita undang, kita kenal pasti iaitu daripada pihak penguatkuasaan PDRM

daripada industri dan juga daripada persatuan. Sesi perbincangan ataupun penetapan penguatkuasaan produk merokok bagi rang undang-undang ini, pertama akan kita mulakan dengan sesi libat urus dengan pihak PDRM setelah kita mulakan mesyuarat kita ini. Kita ada sesi yang berasingan. Kita mengambil pendekatan itu. Sesi pertama ini. Kemudiannya kita akan pecah kepada ataupun kita membuat secara khusus wakil industri, wakil persatuan.

Saya mengingatkan semua ahli mesyuarat mustahak untuk ahli-ahli mesyuarat diperingatkan bahawa tertakluk di bawah Peraturan Mesyuarat 85 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat di mana sebarang kenyataan atau dokumen yang dibentangkan di dalam jawatankuasa ini tidak boleh disiarkan sehingga jawatankuasa membentangkan penyata ini di Dewan Rakyat. Itu adalah mustahak untuk kita perhatikan. *We must observe that decorum*. Tindakan boleh diambil.

Maaf kalau saya kena sebutkan kepada ahli-ahli mesyuarat mengikut Akta Majlis Parlimen Keistimewaan dan Kuasa 1952 [Akta 347] jika berlaku ketidakpatuhan atau *non-compliance*. Saya sangat berharap semua peraturan ini akan dipatuhi. Lalu daripada itu mungkin saya sedikit mengingatkan apa yang telah pun saya mulakan sebagai pendekatan ataupun lontaran opsyen, satu perkara besar dalam menangani dan meneliti RUU ini khasnya daripada JKPK. Di samping aspek-aspek yang akan kita lebih telitikan adalah apa yang saya lontarkan dan saya ingin sekadar menyebut supaya perkara ini dapat diperhatikan bahawa kita sedang memandang kepada pendekatan yang akan cuba menggarap penggubalan undang-undang ini daripada *paradigm* yang sifatnya menghukum ataupun *punitive* kepada satu yang lebih menekankan perlindungan (*protection*) dan juga *preventive*. Itu adalah besar.

Saya sedikit boleh menyebutkan apa yang saya boleh istilahkan sebagai usaha saya mendekati Ahli-ahli Parlimen yang dahulunya juga menentang RUU ini ketika saya melontarkan pendekatan itu. Saya hampir boleh mengatakan *there is all around support* untuk RUU ini. Kita perlu ingatkan bahawa *we want this RUU* untuk disokong dan diluluskan. *There are no two way about it.* Kita mahu *Generation-End-Game* ataupun RUU ini mendapat sokongan semua pihak. Lalu penggubalannya itu sangat penting untuk kita dekati dengan pendekatan yang akan dapat menggamit sokongan dan mendapatkan *attraction* minat dan kesungguhan semua pihak khas Ahli-ahli Parlimen yang akan berbahas bulan Oktober nanti.

Saya juga sebutkan sedikit betapa dengan segala *with the best of intention* apa pun kita kena akui bahawa *the Malaysia's existing strategy for tobacco control*

has failed our adolescence. Itu satu kenyataan yang kita tidak dapat nafikan berdasarkan fakta-fakta yang boleh saya sebut secara detil tetapi saya tidak perlu di tahap ini. Dengan kata lain, di samping pelbagai *tobacco control measures*, undang-undang yang telah kita perkenalkan, *a mixed comprehensive and punitive control framework, arguably* kita berdepan dengan *unintended consequences.* Maka, dengan kata lain, *our tobacco control strategy* mungkin *needs to be revitalized, it needs to be revisited* supaya kita dapat mengisi apa pun, menambah baik apa kekurangannya *particularly to save our Generation-End-Game* ini.

Dalam pada itu saya mengharapkan dalam perbincangan dan libat urus ini perkara itu diambil perhitungan. Sekadar itu sahaja untuk saya sebutkan tentang satu pendekatan yang boleh kita pandang dengan lebih teliti. Satu anjakan, *shift* daripada *punitive to protection* dan *preventive*. Dengan itu kita teruskan sesi pertama ini. Sesi ini *will be exclusively* kepada PDRM. Dengan itu kita boleh teruskan ─ *This is all* ahli mesyuarat yang sama ya sesi pertama ini. Sebelum pada itu kita minta supaya Dr. Noraryana, Timbalan Pengarah Penyakit Tidak Berjangkit dari KKM memberi penerangan berkenaan penguatkuasaan RUU ini sebelum kita mulakan libat urus ini. Sila Dr. Noraryana.

Dr. Noraryana binti Hassan [Timbalan Pengarah (Penyakit Tidak Berjangkit), Kementerian Kesihatan Malaysia]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Salam sejahtera Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat sekalian serta ahli-ahli mesyuarat. Saya akan membentangkan secara ringkas berkaitan dengan Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 (D.R. 25/2023) khususnya untuk PDRM agar kita dapat membuat perbincangan yang lebih baik selepas ini.

Untuk makluman Tuan Pengerusi, Yang Berhormat-Yang Berhormat serta ahli-ahli mesyuarat yang lain, pihak kami Kementerian Kesihatan Malaysia telah pun bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia dan sesi pada 9 Mei 2022 dan 25 Mei 2022 iaitu sesi secara rasmi telah diadakan bukan sahaja dengan PDRM tetapi dengan semua pihak berkuasa tempatan dan kementerian yang terlibat. Ketika sesi ini pihak kami telah berbincang tentang cara penguatkuasaan yang akan dilaksanakan apabila RUU ini diluluskan kelak.

Namun begitu dengan pihak PDRM, pihak kami sendiri telah pun berbincang dengan Yang Berbahagia Datuk dan Tuan Rahman berkaitan dengan pelaksanaan RUU ini nanti dan telah pun mendapat persetujuan daripada pihak PDRM. Pada 9 Mei dan 25 Mei itu adalah secara rasmi dengan agensi-agensi lain

tetapi kita telah pun mengadakan sesi-sesi susulan bilateral bersama dengan PDRM.

Untuk makluman sebelum kita memulakan perbincangan bersama dengan PDRM, RUU ini mengandungi beberapa bahagian iaitu;

(i) Bahagian I – Permulaan (Fasal 1-2);

(ii) Bahagian II – Pendaftaran (Fasal 3-6);

(iii) Bahagian III – Pengiklanan, Promosi dan Tajaan (Fasal 7-9);

(iv) Bahagian IV – Kawalan Penjualan (Fasal 10-14);

(v) Bahagian V – Kawalan Harga, Pembungkusan, Pelabelan, Pengilangan dan sebagainya (Fasal 15-16);

■1020

(vi) Bahagian VI, larangan merokok;

(vii) Bahagian VII, berkaitan dengan liabiliti pengilang, pengimport dan pengedar;

(viii) Bahagian VIII, pentadbiran;

(ix) Bahagian IX, penguatkuasaan; dan

(x) Bahagian X, perbicaraan dan prosiding dan seterusnya bahagian am dan akhirnya adalah bahagian kecualian dan peralihan.

Untuk makluman semua dan pihak PDRM, kita telah berbincang lanjut bersama pihak PDRM berkaitan dengan bahagian penguatkuasaan khususnya terutama apabila kita akan menurunkan kuasa kepada agensi-agensi lain yang berkaitan untuk menguatkuasakan semua peraturan di bawah akta ini apabila diluluskan dan juga aktiviti-aktiviti penguatkuasaan siapa yang dulu. Maksudnya, import dulu *and then registration* dan sebagainya. Itu juga telah diaturkan bersama dengan agensi-agensi yang berkaitan.

Untuk makluman semua, kita telah pun meletakkan akta ini sebagai tajuk Akta Kawalan Produk Demi Kesihatan Awam 2023 dan tajuk panjangnya adalah satu akta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubung dengan kawalan penjualan dan pembelian produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau dan peranti merokok demi kesihatan awam untuk melahirkan satu generasi baharu yang bebas daripada pengaruh apa-apa produk tembakau bahan merokok, produk pengganti tembakau dan peranti merokok dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengannya. Bermaksud

apabila akta ini diluluskan nanti, kita akan ada peraturan-peraturan di bawah akta ini tadi.

Saya ingin membawa semua ahli mesyuarat kepada tafsiran-tafsiran yang mungkin juga boleh dibincangkan bersama dengan Polis Diraja Malaysia nanti. Di dalam tafsiran utama yang kita akan gunakan di bawah akta ini adalah bahan merokok iaitu sebenarnya yang kita merujuk kepada cecair rokok elektronik *and then* kita juga ada tafsiran berkaitan merokok iaitu perbuatan merokok itu yang menyedut, menghembus asap atau wap, yang mana kita hendak *cover* kedua-dua produk tembakau dan juga produk *vape* atau pun produk rokok elektronik.

Ketiganya, kita ada tafsiran berkaitan produk tembakau. Satu bahan merokok yang juga dikawal di bawah akta ini. Kita juga ada tafsiran berkaitan dengan peranti merokok dan khusus untuk akta ini, kita hanya mengawal peranti merokok ini untuk pengiklanan yang menjurus kepada penggunaan produk-produk merokok. Kita juga ada produk pengganti tembakau iaitu di dalam era sekarang banyak juga produk-produk yang digunakan untuk merokok tetapi bukan daripada daun tembakau. Jadi, akta ini juga akan mengawal produk-produk ini yang disebut sebagai produk pengganti tembakau.

Khususnya yang terakhir adalah definisi tembakau itu sendiri iaitu daun daripada *nicotiana tabacum dan nicotiana* spesies yang lain. Jadi, semua perkara ini telah dimasukkan di dalam RUU yang telah dibuat bacaan pertama pada sesi yang lepas. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Dr. Noraryana. Ya, kita dapat input yang merangkumi semua yang menjadi mustahak untuk kita perhatikan. Di samping tajuk besar itu, ia telah pun dijelaskan, tentang tajuk panjang itu yang rangkuman semua itulah. Perkara yang akan menjadi RUU atau pun akta yang akan secara menyeluruh, holistik dan tuntas. Mengawal semuanya termasuk *already conventional,* tembakau dan juga *the non* konvensional atau pun *the modern* yang dikatakan sebagai *electronic cigarettes* dan juga termasuk peranti dan *the delivery equipment.*

Jadi, dengan itu kita menumpu dahulu dan saya minta supaya ahli Jawatankuasa Pilihan Khas atau pun kita izinkan juga dahulu pihak PDRM untuk kalau ada, tambahan daripada Dr. Noraryana, daripada SAC kita, supaya dapat kita dengar dahulu sebelum kita berikan anggota Jawatankuasa Pilihan Khas untuk memberikan pandangan-pandangan. Sila SAC? Tuan Saiman atau pun sila-sila?

SAC Saiman bin Kasran [Ketua Penolong Pengarah Pengurusan Dasar/Sumber, Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti

(JPJKK) Bukit Aman, Polis Diraja Malaysia]: Kalau saya tengok di sini terutamanya rokok-rokok yang bukan tradisional seperti mana yang Dr. cakap itu melibatkan *vape,* IQOS, *cigar* dan juga peranti-peranti yang dikatakan boleh mengeluarkan asap atau pun wap. *So*, *it cover everything* yang boleh menampakkan seseorang itu merokok. *Whatever the* bahan*, whatever the* peranti *is* dianggap sebagai merokok.

Tuan Pengerusi: Ya.

SAC Saiman bin Kasran: *Is the way in the law set.* Betul ya? *So,* dia *cover* semuanya.

Tuan Pengerusi: Jadi, merokok itu *become generic?*

SAC Saiman bin Kasran: Ya.

Tuan Pengerusi: Itu maksudnya kan?

SAC Saiman bin Kasran: Ya. *Generic* perbuatan tersebut.

Tuan Pengerusi: Perbuatan itu.

SAC Saiman bin Kasran: Perbuatan tersebut dikatakan merokok tidak kira apa jua jenis rokok atau pun peranti yang digunakan dianggap merokok. Ia merangkumi *all the thing here. For* PDRM Tuan Pengerusi, *we… [Tidak jelas] complete already* pada merokok. *So*, *cover all the* peranti dan juga perbuatan *by law* lah. *[Disampuk] Very straight forward.*

Tuan Pengerusi: *Very straight forward.* Ini sudah berapa *round*, Tuan SAC ya? *Many rounds we have been going through* tetapi *it's almost like complete* lah. Tidak ada yang terlepas pandang. Kalau ada pun kalau kita bincang. Kita boleh bahas lagi, tidak apa.

SAC Saiman bin Kasran: *Because* kalau orang kata untuk *education* atau pun untuk kempen, untuk mengelakkan merokok itu, sekarang rakyat lebih suka benda yang *simple*, jelas. *So*, kalau kita jenis – asalkan merokok, *whatever the* peranti, *they will* faham.

Tuan Pengerusi: Ya.

SAC Saiman bin Kasran: *The term* yang boleh kita gunakan untuk orang kata *education* atau pun *enforcement* nanti. Itu sahaja daripada PDRM, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Tuan Saiman. Daripada wakil yang lain? DSP? Kalau ada? Ada kah perkara-perkara yang hendak dibangkitkan daripada PDRM? Kalau tidak kita buka kepada – Ada DSP? Tidak ada. Inspektor ada? Tidak ada ya?

SAC Saiman bin Kasran: *Enforcement* kita tidak sebut lagi kan? *Enforcement* belum sampai lagi.

Seorang Ahli: *Enforcement* belum sampai lagi, masih lagi dekat tafsiran.

Tuan Pengerusi: Kita hendak ambil satu-satu, begitu ya? Okey, kalau gitu Dr. Noraryana kita buat atau pun kita hendak rangkum semua? Atau pun bagaimana? Saya lebih cenderung untuk *go to matters arising* atau perkara-perkara yang hendak dibangkitkan. Kalau tidak ada kita tidak perlu. Macam mana Dr. Noraryana? *You want to go one by one?* Sebab perkara itu kita sudah lalui dahulu...

Dr. Noraryana binti Hassan: Ya. kita sudah pun bersama dengan Tuan Pengerusi sendiri. Tuan pun sudah tengok RUU ini. Cuma mungkin PDRM ada komen tentang penguatkuasaan, yang kami sudah bincang selama hari ini dengan PDRM. Mungkin lah itu jika ada. Kalau tidak saya tidak pasti apa lagi yang...

Tuan Pengerusi: Okey. Kita silakan PDRM untuk bangkitkan. Boleh kita pergi ke kategori, topik *by* topik kalau boleh. Kalau ada penelitian seperti itu atau sebelum daripada itu pihak PDRM ya, saya hendak anggota PSC dahulu kalau ada perkara-perkara umum yang hendak disebutkan dahulu sebelum kita *go into detail.* Kalau tidak ada kita pergi terus. Ahli-ahli Yang Berhormat? Tidak ada ya? Okey*, we go straight*, tidak ada ya? SAC? Sila DSP kalau hendak. *Can go straight one by one* ya.

SAC Saiman bin Kasran: Saya pergi kepada *enforcement,* Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

SAC Saiman bin Kasran: Untuk makluman Tuan Pengerusi, Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Dalam PDRM ini ada 10 buah jabatan. Ada 10 buah jabatan yang boleh dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan *enforcement* ini. Untuk makluman Tuan Pengerusi, sebelum ini saya ingat pada *last year* tahun 2022, ada sebelum ini sebelum perubahan kerajaan. Masa itu KJ adalah Menteri, Kementerian Kesihatan ada datang ke PDRM untuk membincangkan tentang *I think* dia lebih kepada dipanggil Ops Mega Bersepadu.

So, *that time* undang-undang ini belum lagi diperkenalkan atau dibaca di dalam Parlimen tetapi dia orang hendak buat sebagai macam operasi lebih kepada *education* tetapi kita tidak boleh melaksanakan sesuatu *operational without the law.* Jadi, untuk makluman Tuan Pengerusi dan tuan-tuan, di mana masa itu AG Tan Sri Acryl Sani telah menetapkan bahawa Jabatan Pencegahan Jenayah dan

Keselamatan Komuniti, Pengarah nya sebagai Ketua Pengarah Operasi PDRM untuk Ops Mega Bersepadu ini.

■1030

Sebab itu saya hadir hari ini mewakili Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK). Untuk makluman Tuan Pengerusi, datuk-datuk dan tuan-tuan, untuk di bawah JPJKK ini, kita punya elemen yang ada 24 jam di *ground* adalah melibatkan kenderaan peronda polis (MPV) itu dan juga URV yang orang kata *non-stop 24 hours*, setiap hari.

Jadi, lantikan ini, sama ada *valid* ataupun tidak, akan dibincangkan dengan Kementerian Kesihatan atau dengan pihak tertinggi PDRM. Sama ada arahan untuk JPJKK sebagai *lead* operasi ataupun pengarah operasi ataupun sebagainya, ia terpulang kepada IGP sekarang, yang terbaru. Ini untuk makluman Ahli Mesyuaratlah. *So,* nanti kalau pihak kesihatan ataupun agensi lain itu berbincang, mungkin akan lebih kepada satu jabatan yang telah di-*assigned* oleh Ketua Polis Negara sebagai mengetuai penguatkuasaan tersebut.

Itu sahaja daripada PDRM. *Thank you.*

Tuan Pengerusi: Terima kasih Tuan SAC. Ya, Dr. Aryana, keputusan sudah dibuat dalam sesi yang lalu, maknanya sidang yang lalu, *Fourteenth Parliamentary Session*, tetapi adakah itu boleh kita status quo-kan supaya tidak ada apa-apa perubahan? Maksudnya begitu, Tuan SAC ya?

SAC Saiman bin Kasran: Ya.

Tuan Pengerusi: Itu adalah yang terkait dengan soalan— penguatkuasaan ini di bawah JPJKK?

SAC Saiman bin Kasran: Ya.

Tuan Pengerusi: Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti. Maka, KKM, apakah perlu kita *revisit* balik ataupun kita *endorse*? Supaya dapat penjelasan di situ, *clarity* dari segi penguatkuasaan nanti di bawah jabatan ini.

Dr. Noraryana binti Hassan: Ya, Tuan Pengerusi. Sebagaimana yang telah dipersetujui sebelum ini, memang kita akan mengaturkan satu jawatankuasa antara agensi termasuk PDRM apabila kita hendak menguatkuasakan RUU ini nanti. *So,* maksudnya dalam jawatankuasa ini, macam saya katalah, *flow*-nya daripada *start* produk itu masuk diimport ataupun di-*manufacture*, undang-undang siapa akan melihatnya dan kita akan ada *connection* ataupun berhubung antara satu kementerian dengan Kementerian Kesihatan.

Contoh, apabila satu produk masuk, ia di bawah Kastam untuk memastikan larangan import dan sebagainya. Di bawah RUU ini, kita ada satu fasal mengenai pendaftaran.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Noraryana binti Hassan: Jadi, syarikat perlu mendapatkan pendaftaran produk daripada KKM dahulu barulah boleh dibawa masuk, diimport. Pihak PBT pula, apabila mengeluarkan lesen, perlulah memastikan eksais sudah bayar, *registration* sudah buat dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Noraryana binti Hassan: Khusus bersama PDRM, kita pula telah berbincang berkaitan dengan operasi mega itu nanti. Apabila kita sudah mula RUU ini, operasi mega itu akan bergerak. Pertamanya bersama dengan JPJKK ini. Sebab, kita hendak memastikan *educational enforcement,* Tuan Pengerusi, dapat dilaksanakan untuk masa tertentu. Selepas itu, baru kita jalankan aktiviti. Perkara itu memang telah dipersetujui di peringkat antara agensi sebelum ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, *alhamdulillah*. Jelas ya, Tuan SAC ya? Okey.

SAC Saiman bin Kasran: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jelas.

Tuan Pengerusi: Okey, baik. Tidak ada perubahan dan *everything* status quolah. Mudah ya. Baik, itu penguatkuasaan, Bahagian IX. Seterusnya kalau PDRM mahu membangkitkan hal-hal lain? ASP? Ada? *DSP Ragavan, anything you want to raise?*

DSP Ragavan a/l Sivaraman [DSP Perundangan Urus Setia KPN (Perundangan) Bukit Aman, Polis Diraja Malaysia]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ya, pastinya.

DSP Ragavan a/l Sivaraman: Cuma, kita pergi pada peranan PDRM pada awal inilah.

Tuan Pengerusi: Ya.

DSP Ragavan a/l Sivaraman: *So,* saya rasa KKM perlu...

Tuan Pengerusi: Tolong dekatkan kepada *mic* sedikit ya.

DSP Ragavan a/l Sivaraman: *So,* KKM perlu perincikan pegawai yang diberi kuasa itu, yang membantu penguatkuasaan akta ini. Perlu sediakan garis panduan kepada kami juga. *So,* sama ada— kita kadang-kadang tangkap *underage*, kadang-kadang orang dewasa pun kita tangkap. *So*, kanak-kanak ditangkap itu macam *underage* kita tangkap, takkan kita hendak reman atau tahan dia?

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

DSP Ragavan a/l Sivaraman: Kita tak *clear* di sini sama ada semua kes di sini boleh tangkap atau sebahagian boleh tangkap, sebahagian boleh kompaun. *Seizable offence or non-seizable offence*? Itu kena detil. Satu.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali [Penasihat Undang-undang, Kementerian Kesihatan Malaysia]: Untuk makluman Ahli-ahli Mesyuarat, ini adalah kes kompaun yang tidak boleh tangkap. *Non-seizable*.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]* Ya.

DSP Ragavan a/l Sivaraman: Okey. *All the cases compaundable* ya?

Tuan Pengerusi: *Compoundable* ya. Bukan tangkapan. Okey, terima kasih.

DSP Ragavan a/l Sivaraman: Jelas itu, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey. Hanya dua itu ya?

DSP Ragavan a/l Sivaraman: Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Baik, terima kasih. Saya ingat boleh kita tetapkan di situ? Dari segi operasi meganya pun kita jelas. Dari sudut garis panduan tentang apabila berlaku apa-apa *offences,* bagaimana— ia adalah seperti mana yang dijelaskan Tuan Yang Zaimey tadi ya, PUU, *on compoundable offences*. Itu pun— yalah, perlu kita perhatikan kemudian, mungkin ada beberapa pindaan yang lain nanti.

Baik, *alhamdulillah.* Begitu sahaja daripada PDRM ya? *So, we are updated now* ya? Kita telah mengemas kini. Sebenarnya kita *endorse* semua perbincangan yang lalu dan tidak ada perkara-perkara terkini atau terbaru yang perlu kita buat *amendment*.

Jadi dengan itu, saya kira kita boleh bergerak terus ke sesi kedua. Jadi kalau tidak ada perkara-perkara lain daripada wakil PDRM, boleh kita izinkan Tuan ASP, SAC dan Inspektor, *you can take leave* sebenarnya. Terima kasih, terima kasih. *Short and sweet* sahaja. Kita mahu pelaksanaan ini dengan baik. Terima kasih.

[Saksi-saksi daripada Polis Diraja Malaysia keluar meninggalkan Bilik Jawatankuasa 2]

[Mesyuarat bersambung semula pada pukul 10.42 pagi]

■1040

Tuan Pengerusi: Baik, *alright. Can we call the meeting to order*— boleh kita mula? Ya, *welcome* ya. Baik. Sekali lagi *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam Madani. Ahli-ahli Jawatankuasa JKPK. Mungkin saya kena berbahasa Inggeris ya. Baik. *Firstly,* terima kasih sekali lagi kepada *my fellow Members of Parliamentary Select Committee on Health*. Sekali lagi saya lupa *to address our Deputy Minister with us here,* Tuan Lukanisman terima kasih. *Thank you, Deputy Minister, for being so kind be again here. Our adviser YB, Dr. Kelvin adviser to Minister and Dr. Helmy, all top officers from the MOH and all our legal adviser from MOH.*

This session is the session that I will welcome first representative of the industries, and we have could here three parties Philip Morris, British American Affairs Tobacco Berhad and Japan Tobacco International (JTI) and I welcome you all. This not the first time but hopefully would not also be the last time you welcome here to engage. May I just by way of introduction remnant particularly from the industries because I have been saying is for quite a well. Quite of your time now but if I may just take a few minutes before you do your presentations to us, firstly of course thank you very much for engaging, for coming.

I must say that despite all the best of intentions and the best of effort, Malaysia existing strategy for tobacco control as sensibly fail our adolescent, our young. The tobacco consumption and adeptly increase a mid-comprehensive and punitive control frameworks and it does get where there's unintended consequences.

So, perhaps our tobacco — it's not perhaps but we believe so our tobacco control strategy need to be revisited and revitalize. I think you as an important stakeholder in this whole industry come into handy this morning. I am must say there is a serious reconsiderations over our – that is one option of course — as a current purity approach year to tobacco control as arguably failed to curve increasing consumption among adolescent, it this time for us to consider paradigm shift of sort from one which is punitive, particularly to the generations-end-games to one which is more protective and preventive.

Even though has to be punitive, we are looking at the supply side more than one that we regards as the victims. Finally you know in tranche of nicotine addiction and nicotine addiction is a diseases and we have got to look at it from the perspective of taking them out of this diseases which is the cure to nicotine addiction.

So, there is a current revisiting of this piece of legislation which will take on hopefully the supply side to be at best responsible. This is why we are reaching you this morning. So, without much ado, with that as something to consider seriously on paradigm shift of sorts, I think I want to call on first presentations. Who is presenting this morning? Daripada *Philip Morris? We want know ─ introduction yourself.*

Encik Shahrul Shaari [Pengarah Hal Ehwal Kerajaan, Philip Morris (Malaysia) Sdn. Bhd.]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi: *Walaikumsalam.*

Encik Shahrul Shaari: ...Dan selamat pagi Tuan Pengerusi dan juga ahli-ahi jawatankuasa dan para hadirin yang lain. Nama saya Shahrul Azhar, Pengarah Ehwal Luar dari *Philip Morris* Malaysia *which is* anak syarikat kepada *Philip Morris International.*

Tuan Pengerusi: *Do you mind introducing your team.*

Encik Shahrul Shaari: Oh ya. *My colleague here is* Puteri Farah Intan.

Tuan Pengerusi: Okey, ya, *okey. Both of you, okay.* Sila.

Encik Shahrul Shaari: Okey, saya mulakan ya. *So,* kami menghargai peluang untuk memberi taklimat kepada Jawatankuasa Kesihatan pada hari ini. Saya akan mengambil masa 10 minit untuk menyentuh tiga perkara.

Pertama sekali, sedikit latar belakang mengenai tentang transformasi yang telah dijalankan oleh syarikat kami ke arah sebuah organisasi yang dipacu oleh sains dan teknologi. Ramai yang tertanya-tanya berkenaan hasrat kami untuk kembali ke luar daripada perniagaan rokok secara berperingkat. Banyak yang juga keliru tetapi saya ingin menyatakan bahawa Malaysia memainkan peranan penting dalam merealisasikan hasrat ini.

Kedua, pandangan kami tentang cadangan pengawalseliaan khususnya cadangan generasi penamat atau GEG yang diilhamkan oleh Kerajaan New Zealand di mana saya ingin membincangkan lebih lanjut tentang pendekatan New Zealand yang saya fikir amat unik di mana banyak negara termasuk Malaysia dapat mengambil iktibar.

Terakhir sekali, beberapa pandangan daripada kami sebagai pertimbangan untuk menambah baik keberkesanan perlaksanaan undang-undang sedia ada di Malaysia. PMI tidak menentang cadangan kawal selia, sebaliknya kami menyokong cadangan kawalan baharu terutamanya berkenaan kerangka kerja kawal selia e-rokok dan kami mahu menjadikannya seberkesan yang mungkin.

So, merujuk kepada *slide* yang kedua ini. Objektif dan komitmen kami adalah untuk mempercepatkan pengakhiran tabiat merokok dengan menyediakan produk alternatif kurang risiko untuk perokok dewasa yang ingin terus merokok. Ingin saya tekankan di sini bahawa keutamaan peraturan haruslah untuk menghindar rakyat daripada mula merokok dan menggalak perokok untuk berhenti merokok. Namun realitinya, berjuta-juta orang dewasa akan terus merokok dan mereka sewajarnya diberikan pilihan untuk beralih kepada alternatif yang lebih baik.

■1050

Sejak tahun 2008, PMI telah melabur lebih daripada USD10.5 bilion dan penglibatan lebih daripada 440 saintis bertaraf dunia untuk membangunkan produk bebas asap rokok yang inovatif dan terbukti secara saintifik. Malaysia adalah lokasi yang amat penting untuk perniagaan kami. Komitmen kami dibuktikan dengan pelaburan yang telah dibuat di Malaysia. Sebagai contoh, peranti elektronik canggih utama kami iaitu IQOS, sehingga kini kami telah melabur lebih daripada RM16 bilion dalam tempoh lima tahun lepas, meliputi perbelanjaan di kilang, ibu pejabat dan dua kilang *contract manufacturing* kami di Johor dan juga Selangor.

Selain itu, jumlah eksport dan cukai yang dibayar dalam tempoh yang sama telah melebihi RM4 bilion. Hari ini kami menyumbang lebih daripada 2,500 pekerjaan berkemahiran tinggi di Malaysia, tidak termasuk mereka daripada sektor peruncitan dan pengedaran.

Kedua, Malaysia merupakan negara pertama di Asia Tenggara yang melancarkan IQOS pada tahun 2018. Sejak itu, kami menganggarkan lebih suku juta perokok dewasa Malaysia telah beralih sepenuhnya kepada IQOS dan berhenti merokok.

Sekarang kepada GEG. Perlu dinyatakan dengan jelas bahawa cadangan GEG yang diumumkan pada tahun 2022 adalah satu dasar percubaan dan tidak mempunyai bukti yang kukuh akan keberkesanannya. Banyak negara telah mempertimbangkannya tetapi memilih untuk tidak meluluskannya sebagai undang-undang. Hanya New Zealand adalah satu *anomaly*, namun ini disebabkan oleh situasi unik yang tidak boleh dipakai di negara lain. Merujuk kepada slaid, mengikut sejarah dasar larangan telah terbukti tidak berkesan dan hanya akan merancakkan aktiviti pasaran gelap. Lihatlah larangan alkohol yang gagal di Amerika Syarikat.

Semasa COVID, terdapat larangan sementara terhadap alkohol dan tembakau di Afrika Selatan yang membawa kepada peningkatan besar dalam perdagangan barang seludup. Selain itu, walaupun terdapat larangan penuh ke

atas produk alternatif rokok di negara seperti Singapura, Australia dan juga Hong Kong, kita dapat lihat bahawa di Singapura, 3.9 peratus daripada golongan 21 tahun hingga 69 tahun menggunakan produk *smoke-free* ataupun alternatif rokok. Penggunaan e-rokok di kalangan belia di Australia meningkat sebanyak 96 peratus antara tahun 2015 hingga tahun 2019 dan di Hong Kong 86 peratus perokok belia telah menggunakan e-rokok walaupun *banned* di sana.

Di samping itu, perundangan tidak patut dibuat jika ia berpotensi melanggar Perlembagaan Persekutuan. Memandangkan cadangan larangan ini tidak pernah dilaksanakan di mana-mana negara sebelum ini, GEG dilihat bakal menimbulkan persoalan terhadap sistem perundangan di Malaysia seperti yang pernah dinyatakan oleh seorang bekas Ketua Hakim Negara dan beberapa Ahli Parlimen. Cadangan kami, utamakanlah pembaharuan undang-undang kawalan tembakau selain daripada GEG yang lebih bermanfaat dan tidak serumit pelaksanaan GEG.

So, what might be inhaled to one person might not be the same to another person. In fact, when I spoke to one of the EP physicians, he said his friend was a vaper. Unfortunately, I don't be friend vapers, not that I am— But, it is just that none of my friends vapes. He said, sometimes the coil leaked because of the time frame that they used it, so it broke. So, the metal would leak from the coil. So, that is how you know, some of this metals is being, yes, dispose into— Tuan Pengerusi *is a toxicologist, so he would understand more than me how this happens. So, this is very you know, we are worried of what will happen.*

So, having said all this problem now. In 2015, there was a paper by the British, I can't remember exactly but there was the paper that says that it is 95 percent harmful. But, we have to remember, at that moment, the vape that they used to check was the level that it had was— The advances was not as advance as it is now. Now, there are more things that are included. There are more flavors that are included. The vape itself, the device itself is rocket science.

So, you know, in 2019, we had the outbreak of EVALI or the e-cigarette and vaping product use lungs injury in the United States. More than 2,600 cases were reported and there were 68 deaths. It was tooted that vitamin E acetate as the main probable cause but because from— I am the chairman of the CPG in Malaysia. So, we look through all the literatures that we had, we could not come out to a conclusion that truly that vitamin E acetate because there a lot of counter play and some of the patient— This patient do not even take the vitamin E acetate. So, we do not know.

Just end of last year, the American Thoracic Society came out with a workshop report which agreed to that. So, we are not sure. Has it died down? Do they not have it anymore after COVID? According to the author, among those who actually presented at the meeting, at the workshop, there were 95 more cases but those were only the experts. We are not talking about those small clinics in the US. Do we have it in Malaysia? Yes, we do.

So, University Malaya alone, they did the paper, and they haven't published but they did a study, there were eight cases. I went to look at and review two cases. One in Kuching and another one in Labuan. From my conversation with my colleague, there are cases in Malaysia. Recently, we are still investigating as to the cause, there was one young person who came in with heart attack and one of his causality that we think is because he wanted to quit smoking, so he pickup vape but he used a lot of it. He was just a 29 years old.

So, those are the things that is very worrying for chest physicians. We know now for the short-term and long – The short-term effect is definite. For the long-term effect, the researchers had to use animal model. Why? Because there is a lag between the… [Tidak jelas] when they take the cigarette or the vape and when they deceased. You do not get lung cancer from your first puff. It will take at least 20 years to 30 years. So, when they do animal model, what they can see, this patients will get emphysema. They will get stroke. They will get heart attack and definitely cancer. So, we want a healthy nation. We have the Health White Paper, so it is time for us to go ahead with this.

Now, this is another thing that has been tooted. I am not one of the proponents of harm reduction as you can see. So now, it has been said that it can be used for smoking cessation therapy and also harm reduction. From the reading of all this paper, meta-analysis has been done, one of the meta-analyses was quite big. It was about 600. Once these patients were going into dual use of e-cigarette and also tobacco, so it is double whammy. It will become worse. The amount of nicotine that they get is much higher than using one. From this, their risk of getting all these diseases actually double, number one.

Number two, if you stop smoking and you continue on vape, the nicotine is still there. So, people always say nicotine is not harmful. It is all the other, the tar everything but from my reading, nicotine has it harm as well. It has carcinogenic and all. So, that is the problem. If you use it for— If you use vape for smoking cessation or harm reduction, so we have to go back to my last slide. So, all the harm and everything will be continuous. You know, there is no end to it. Okay, you don't get the nicotine but you get other things.

So, I think Yang Berhormat*, if I may say, I think I have already presented enough reason why and the evidence why we need this* rang undang-undang *to be pass at Parliament level. There is an urgency for it. As a chest physician and personally as a mother of two children, I am getting worried. I hope that my future generations would not have to deal with this.*

So, we from Malaysian Thoracic Society, we support this rang undang-undang *and the Generational End Game is essential. Not only to reduce the disease burden but also to reduce the economic burden because as you know, we know, they pay RM1 from the taxes but RM4 comes out of our pocket. Even that, it is only for three diseases, not for everyone. EVALI is not included in that, and all the other things.*

■1300

So, we need to promote a healthier nation. At least if we can get this done, then we can also work on the other— the sugar, the obesity. Malaysia is very healthy nation hopefully in 20 years' time. So, I agree with Dr. Muralli about the soft landing. We need to do a lot more. Enforcement needs to be done properly because as you see, it is sad that at one time, I don't see people smoking at the mamak's stall but now I don't frequent the mamak anymore because they are a lot of smokers. So, definitely we need to increase that.

And we need to people like me need to work harder to get this people to quit smoking, and it should be more available to them. Because, as Dr. Muralli said, you know, you walk three meters, you see a cigarettes seller. You walk 30 meters only then you might— not 30 meters. Three to 10 kilometers, if you are in KL, to find one quit smoking clinic. If you are in the rural area is even difficult to get. So, we need to increase that.

But in terms of the GEG— for the younger generation, I agree we maybe just do without the fine but they do not stay 18. They do not stay below 18 all the time, YBs.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Dr. Nurhayati Mohd Marzuki: *At one stage, they will become my age. At one stage, they will become your age. So, in my opinion, if I know Malaysian very well which I might not, we need carrot and stick. Number one.*

Number two is that they need to be responsible. I can understand that we need to treat all these patients and these people that they are addicted, and it is sometimes is not their fault that they are addicted but they need to seek treatment. We need to actually disseminate that the treatment is available and you can seek treatment. And if all those are settled and they still have it, they need to take the responsibility. That is my opinion, YB. Thank you.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. *Thank you,* Dr. Nurhayati. *Really feel the passion, the fire in you and* apa juga yang dibentangkan oleh Dr. Muralli. *We are all in same page with you. And all of us* kita mahukan RUU ini diluluskan dalam waktu sesegera mungkin dan *the generation end game* atau GEG itu akan dapat kita luluskan dan, sebelum itu, kita perbaiki sebaiknya dan kita laksanakan dengan penuh *the enforcement or the power enforcement* dan sebagainya. *Of course, you get to prepare the resources, human capital* dan sebagainya sebelum itu.

Jadi, terima kasih sekali lagi, Dr. Nurhayati. Dr. Nurhayati *is coming from Special Interest Group (SIG) on Tobacco and Environmental Health from the Malaysian Thoracic Society* (MTS). Jadi, apakah ada lagi pembentangan? *Or do we go straight into discussion*? *Or do we have any other presentation? By the way,* kalau saya tersilap...

Dato' Indera Dr. Shaari Ngadiman [Wakil Kolej Kesihatan Awam, Akademi Perubatan Malaysia]: Tuan Pengerusi, daripada *Academy of Medicine*.

Tuan Pengerusi: Kalau tidak ada, kita boleh dengar daripada *expert* kita. Kalau tidak, kita dengar pandangan dahulu daripada *subject expert*. Ya, terus. Kita boleh. *We would like you to speak*. Silakan, Dato'. Sila.

Dato' Indera Dr. Shaari Ngadiman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, Ahli Yang Berhormat Ahli Parlimen, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan.

Jadi, kami daripada *Academy of Medicine* sebenarnya dan kita telah dengar beberapa perkara yang telah dibentangkan oleh MCTC dan juga daripada *Malaysian Thoracic Society* dan tidak perlu kita tambah lagi. Lebih-lebih lagi, Yang Berhormat Tuan Pengerusi sendiri pakar dalam bidang toksikologi amat mahir tentang bahaya dan juga kemudaratan akibat rokok, *vape* mahupun *e-cigarette*. Jadi, saya rasa Yang Berhormat Tuan Pengerusi amat maklum dan juga kita mencadangkan supaya kita menjadi satu kerajaan yang bertanggungjawab memastikan rakyat kita bebas daripada bahana dan juga bahaya ataupun kemudaratan rokok, *vape* dan sebagainya.

Jadi, ahli *Academy of Medicine* menyokong penuh usaha kerajaan dan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam membentangkan Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 serta peruntukan generasi penamat rokok yang melibatkan individu yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya. Pewartaan dan pelaksanaan rang undang-undang ini adalah sesuatu yang sangat mustahak bagi memastikan kawalan menyeluruh terhadap semua jenis produk merokok termasuk rokok elektronik atau *vape*. Ia tidak wajar dilengahkan dan seharusnya hendaklah dipercepatkan.

Academy of Medicine juga sangat bimbang dengan trend peningkatan penggunaan rokok elektronik atau *vape* dalam kalangan kanak-kanak dan remaja, di mana peningkatan penggunaan rokok elektronik di kalangan individu yang berumur 13 hingga 17 tahun meningkat dari 14.9 peratus pada tahun 2022 berbanding dengan 9.8 peratus pada tahun 2017.

Walau bagaimanapun, *Academy of Medicine* berpandangan hukuman denda yang melibatkan GEG perlu diperhalusi sekiranya hukuman denda tidak dikenakan ke atas kesalahan melibatkan GEG. Peruntukan mandatori seperti golongan GEG yang melakukan kesalahan ini diberikan tindakan pembetulan ataupun *soft landing* seperti cadangan kedua-dua pembentang sebelum daripada ini hendaklah dilaksanakan seperti menjalankan perintah khidmat masyarakat atau dirujuk kepada klinik penamatan berhenti merokok yang sedia ada.

Di samping itu juga, *Academy of Medicine* berpandangan kerajaan juga perlu serius dalam menjalankan usaha-usaha penguatkuasaan ke atas penjual rokok tersebut. Denda yang tinggi serta hukuman penjara perlu dikenakan terhadap golongan penjual.

Saya rasa Prof. Rampal ada tambahan sedikit. Silakan, Prof.

Datuk Prof. Dr. Lekhraj Rampal [Wakil Kolej Kesihatan Awam, Akademi Perubatan Malaysia]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Ya, silakan Prof.

Datuk Prof. Dr. Lekhraj Rampal: ...Yang Berhormat Timbalan Menteri, tuan-tuan dan puan-puan. *I have gone through the* rang undang-undang *and we completely support it. We are fully aware when in the meeting in WHO FCTC meeting in 2019 when* Yang Berhormat Tuan Pengerusi *was a* Menteri, *you are assured the MCTC and MMA that this law will come through to the Parliament. It has taken long time. So happen that,* Tuan Pengerusi*, the Parliament was dissolved. Otherwise, this whole progress was taking place very well.*

If you go to the restaurant in Cyberjaya where I frequent, or Puchong, I don't see people smoking inside the restaurant. Many say that people smoke but what percentage is that that actually smoke. So, your effort during that period has borne fruit.

Now, coming back to this. This has been delayed and very essential I feel that when we go to the Parliament, when the Minister goes to the Parliament, it must have a preamble. Why are we having this rang undang-undang? *And the main reason why we having this is because noncommunicable diseases are the leading cause of death in Malaysia since last 50 years. It is the leading cause of death. Number two, tobacco use is responsible for six out of the eight diseases of NCD. So, tobacco use is one made effort by the government to control noncommunicable diseases. We will then tackle the others. So, that preamble changes the minds of the Parliament Members.*

Number two, it must be clear within the ruling party that when they go, the Minister himself must very well equip, so that if any member of Parliament gives an excuse— for example, youth bias. One of the Member of Parliament in the last time. That we shouldn't have youth bias and all that aged bias. It must be clear why we are having this. The real reason, after I explaining to you the first two factors— one, NCD; number two, tobacco used.

■1310

The real [Tidak jelas] is the World Health Organization has agreed worldwide that every country must reduce the prevalence of smoking or tobacco used to a certain level, that we must have less than five percents prevalence. Most

of the developed countries is target was 2025. But in Malaysia, we agreed 2045. The Members of Parliament must realise we are talking about 2045 where other countries are talking about 2025.

Now this measure by this rang undang-undang *is essential to reach that target of 2045. If we don't, we will keep on having this problem. I feel confident that if you would that remain this going out somewhere. We are still at this stage. I have gone to* rang undang-undang*. I think is page 20 when you talk about punishment for the youth. I think Dr. Murallitharan has talk. MMA will be talking about this.*

We cannot be too aggressive to children. We cannot criminalize them. Whatever we do, like you want to have must go to quit smoking clinic, all that is good. We must realize when the Minister of Health goes to Parliament, we are dealing with Members of Parliament, not the public. All of these Members of Parliament, which I have mentioned even in the press, need education. They themselves are not clear when they discuss, they bring it issues which are actually— I feel they need to be educated on NCD's.

Why are we doing it? People are dying. Just know, members mention just now about cancers. Torahic problem, heart diseases. The question is, we must tell the public when a person dies of smoking at the age of 40. Who is going to take care of the family? What is tobacco— Why are we actually taxing the tobacco industries and the sellers because they are the caused of these deaths. When the family members died at the age of 40, who is going to take care of children? What happened to them? This Member of Parliament must realise. We are not talking about this age. This issue of 'GEG' was a term used but in other countries we use the word of 'end game'. 'Tobacco-end-game' means no more use of tobacco. The time will come the tobacco will be out of. That is the main thing.

We must make it clear in Parliament when we bring up this. It must be clear that ideas here are worldwide, tobacco must be— There are two ways of several ways of solving. Sit down in the industry and say how are you going to end it, or we do this measure which is easier through the Parliament. Thank you very much. I hope this thing goes through— if there any small clauses that need to be adjusted, it should be adjusted. So that this law is pass. Don't give the exasperation on the industry on any excuse not to pass it. Thank you.

Tuan Pengerusi: *Thank you Prof. Dr. Rampal. Thank you, thank you.*

Datuk Prof. Dr. Lekhraj Rampal: *One more reminder, 2015-2016. When the Minister Yang Berhormat Subramaniam went to Cabinet meeting – because many members don't know. When he went to— our stand at the Minister of Health*

was to ban vape, not regulate. As President of MCTC and representative of MMA, I was stand was there. Yang Berhormat Minister ask me, ask Tan Sri Dr Noor Hisham and the chairman Datuk Razak for education committee. What is your advice? We say banned. He went to Cabinet. The Cabinet decided to regulate— business reason not health. Right?

Tuan Pengerusi: *Okey.*

Datuk Prof. Dr. Lekhraj Rampal: *Now, they told— and I remembered. Why these members must know. I remember clearly on TV and the press. Tan Sri Dr Noor Hisham decided, Datuk Lokman decided— deputy DG, and we told the press "…as doctors", Tan Sri Dr Noor Hisham said that, Datuk Lokman said that, I said that. "As doctors, we say it should be banned but since the Cabinet make the decision, as government servant, the DG has follow orders, regulate".*

Why I'm saying that? Has it been regulated? Just now you saw, increasing. So, this question or regulation, please. Be very careful. You get more people vaping. So, the need for this law is very urgent Yang Berhormat and thank you very much for supporting it all these whiles. Thank you.

Tuan Pengerusi: *Thank you Prof. Dr. Rampal. Prof. Dr. Rampal is almost like an institution by himself on this tobacco control, for decades now. Thanks again Prof. Dr. Rampal for your dedication. All right, do we have— Datuk Dr. Thirunavukarasu Rajoo, I see your hand. Dr, President of MMA.*

Dr. Muruga Raj Rajathurai [Presiden, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA)]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Datuk, warga KKM *and all the cliques. Just a few words Yang Berhormat.*

Tuan Pengerusi: Ya, silakan.

Dr. Muruga Raj Rajathurai: *Because most are being spoken and we are on the same page with Dr. Murallitharan, MCTC. MMA is a part of MCTC as well. Just that – I summarise, we also for this bill but no criminalisation for the kids. Because is going to be traumatic for them even if you say like you want to put them— what you said just know?*

Tuan Pengerusi: *Soft landing?*

Dr. Muruga Raj Rajathurai: *Yeah. Even soft thing like community services and all also is not good. I think we must go for just counseling and rehabilitation.*

Tuan Pengerusi: *All right.*

Dr. Muruga Raj Rajathurai: *So, definitely not for criminalization. Dr. Murallitharan also covered when you regulate the weights, the packaging should be*

like what their doing for cigarettes now with all the cancer marker, cancer picture this and that, and not cartoons and nothing that can attract children. Of course, we want proper log and sale of the purchase— sale and purchase of their weight.

YB is not only – The GEG is not only about nicotine anything. I got one patient that— one principle told me that at eight year old boy in school was sleeping in class. When they checked their bag, the four vape device and inside there, the e-juice was magic mushroom. So, you got it from form four, form five boys. It's need not only about nicotine and anything that device is going cause a lot of problem. Imagine at eight year old boy holding four device with magic mushroom.

I wouldn't go through everything again YB. Everything has been spoken. We are in the same line with Prof. Dr. Lekhraj Rampal, with Malaysian Thoracic Society and MCTC. I I also hope that— all this started because the nicotine was removed from the Poisons Act. So, MMA has actually made very strong statement about that. So, I hope something can be done. If this thing is not going a go in now, we have to put the nicotine back to the Poisons Act. That's MMA stand. Thank you Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: *Thank you Dr. Muruga. President of MMB. Deputy would like to respond?* Silakan.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: *Thank you especially to all of you. Thank you to Prof. Dr. Rampal and all of you, Dr. Murallitharan. I truly agreed on this soft landing and the lost kids or the lost generation that's been using vape and tobacco at the moment.*

Saya juga dapat lihat Yang Berhormat *Chairman.* Apa yang telah disebut adalah nampak jelas apa yang disebut pada beberapa minggu lepas adalah pandangan Yang Berhormat *Chairman on* tidak *to decreaminalise* adalah satu— *I think we can see light in the tunnel at the moment.* Juga apa yang disebut oleh Prof. Dr. Rampal. *I have been involved in this GEG since last year. I myself the one whom bring this paper to the meeting Yang Amat Berhormat PMX* untuk merayu agar kertas ini dibawa ke Kabinet.

After that, kita dapat lihat persetujuan daripada Kabinet. Cuma apa yang perlu dilalui adalah *we need to bring back this bill to* jawatankuasa pilihan khas memandangkan seperti yang kita lihat— *we are not*— kita bukan— masalah besar yang saya hadapi dan kita hadapi sekarang adalah *the Parliament's Members.*

Apa yang saya minta adalah bukan hanya KKM sahaja dapat untuk meyakinkan *all these Parliament's Members. We try our best. Minister* sudah cuba sedaya mungkin. *Yang Berhormat Chairman* pun faham, ada dalam kalangan –

This is not simple bill dan juga— *This bill is very,* saya boleh cakap agak pelik sedikit sebab penglibatan Ahli Parlimen di kedua-dua pihak.

■1320

We need the bipartisan support but currently bantahan pun datang daripada pihak kerajaan. *It is unusual to see that scenario* sebab itu kita perlukan satu kaedah yang sangat teliti untuk meyakinkan Ahli-ahli Parlimen. Ahli-ahli Parlimen ini adalah membawa suara rakyat *but* untuk GEG *sometimes* kita melihat Ahli Parlimen membawa pandangan peribadi. *Some of them is addicted to tobacco, some of them prefer to support the industry* dan juga ada yang mudah bersimpati kepada penjual-penjual *vape.*

Saya juga melihat sekiranya kita dapat mendapat menambah baik *report from this* Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen saya cukup yakin *by this October we will table this bill* untuk bacaan kali kedua dan juga *I hope all of you can come out with your statement consistently* kepada mesej untuk disampaikan kepada Ahli-ahli Parlimen dan membawa masyarakat, pengundi-pengundi *especially* untuk *put a pressure to* Ahli Parlimen supaya kita melihat *this is not just about* kita hendak *ban* ataupun *control tobacco. It is about* berapa jumlah produktiviti yang terkesan. *How many billions? Maybe Phillip Morris is pending about RM16 billion to create a new device but actually the government is losing maybe* puluhan *billions* akibat *this* rokok.

Kita kena sekat *a future device* yang boleh *attract the current smokers and our GEG generations.* Memang kita melihat *this harm reduction being elaborated by the industries. Of course, the industry is being selected* untuk memenangkan *their business but* kita di sini adalah untuk melindungi. *That is the message we want to say, we want to* sampaikan kepada Ahli-ahli Parlimen. *Of course, I know even in my own party, in my coalition, there is Members of Parliament* yang mengatakan menggunakan hak asasi untuk menekan rang undang-undang ini.

Contohnya, kita sudah juga susah. Harga barang semua naik. Rokok pun kita tidak hendak bagi pada rakyat. *This kind of simple thing* yang *these words came from my party members.* Itu yang kita hendak— bukan kita hendak lawan, kita hendak perbetulkan *the mindset of the Members of Parliament* supaya walaupun mereka adalah *tobacco user or smoker, I think they should have a certain level of* pencerahan kepada masa depan Malaysia.

Masa depan yang mungkin akan memberi *I think a damage to our future, productivity.* Itu yang ingin saya sampaikan. *From our KKM* kita akan ambil dan kita

akan serahkan kepada Tuan Pengerusi dan juga ahli jawatankuasa untuk memutuskan *what is the best way.* Mungkin apa yang kami telah lakukan *by previous* jawatankuasa tidak melihat beberapa perkara. *There are certain words from Professor* pun *I think maybe* kita terlepas pandang untuk draf *the previous bill.*

I think for this new, not this new bill. [Disampuk] The amended bill akan dapat membantu. *I think,* saya pun sudah keletihan. *We have so many problems in KKM that we should* menanglah kali ini. Menang sampai kita dapat, *like in Sarawak, we said "Kita sanggup berkikis bulu betis".* Selagi tidak dapat, selagi itu kita hendakkan *this bill* berjaya dalam Parlimen. *Thank you so much.*

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya kira menzahirkan kejujuran dan *honesty to express this and I think for two occasions,* Yang Berhormat Timbalan Menteri *was with us and we still on the same page. Particularly about the shift of paradigm from being punitive to one that is protective and preventive. That has been well expressed, articulated* yang dibentangkan oleh hampir kesemua pakar-pakar kita dan *subject matter expert* kita *from everyone* di *Academy of Medicine of Malaysia from MTS,* Dr. Murallitharan dan semuanya.

Saya ingat sudah cantik. *In the final analysis* apa yang kita mahukan *bill come out in October.* Kalau kita mahu lebih awal pun kita bentangkan perkara ini dalam sesi khas, sebenarnya kita ada sesi khas pada bulan September ini tetapi mungkin kita tidak berkesempatan *so we wait for 13th October 2023.* Mahukan rang undang-undang ini dibentangkan dan disokong oleh sebahagian besar.

I am personally, saya sendiri sudah mengambil inisiatif saya bercakap dengan kawan-kawan MP dalam sesi lalu yang menentang RUU ini. Tatkala saya menyebutkan tentang, *when I mentioned about this shift of paradigm from one that is punitive to one that is protective and preventive,* saya hampir mendapat sejauh ini 100 peratus sokongan daripada mereka. *Those who were opposed,* mereka yang tentang RUU ini dalam sesi Parlimen yang lalu. *So, this is good. I must* – saya perlu merakamkannya di sini. *So, we keep praying and working* untuk kita akhirnya dapat *endorsement* daripada semua Ahli Parlimen *from both divide, front bench. Of course, front bench, backbench* kami, *the opposition bench. We are all together in this insya-Allah.*

So, anyone? Yes, Encik Sha'ani? Sila.

Encik Muhammad Sha'ani bin Abdullah [Setiausaha Agung, Majlis Kawalan Tembakau Malaysia (MCTC)]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Ahli-ahli Yang

Berhormat dan saudara saudari sekalian. Saya Muhammad Sha'ani bin Abdullah. Saya pun sudah lama dalam bidang kawalan tembakau.

Akan tetapi, saya hendak berkongsi bahawa bukan sahaja undang-undang akan dapat capai satu perubahan sosial. Ini adalah *social change, habit.* Termasuklah kesihatan, budaya sihat, *corruption* semua ini adalah sosial. Untuk itu, persekitaran harus menggalakkan satu tabiat atau sikap yang baik dan positif. Kita selalu dengar kita kena mula di sekolah tetapi kalau anak-anak itu keluar dari sekolah tengok orang dewasa, pemandu bas, orang yang jaga trafik, *even* pegawai awam merokok di khalayak. Itu menjadikan tabiat itu normal. *So, denormalised* bermakna adalah tujuan larangan merokok di tempat awam. Satu, adalah untuk *denormalised* tabiat supaya tidak menjadi pengaruh kepada kanak-kanak.

Kedua adalah melindungi orang awam daripada bahaya asap rokok. Nombor satu adalah untuk memaksa sebenarnya perokok untuk mengurangkan merokok ke arah untuk dia berhenti merokok. *So,* untuk itu pelaksanaan larangan merokok itu amat penting untuk menjadikan budaya ini tidak normal. *So,* untuk itu perlu balik kepada *social change. Process social change,* perubahan sosial itu.

Kita mempromosikan pembangunan madani. Itu pun dalam buku itu kita boleh rujuk profesor menyatakan rasuah itu menjadi biasa kerana semua golongan muda tengok khalayak dia benda itu diamalkan. Itulah madani. Madani bermakna masyarakat harus menjadi contoh dan mengubah cara hidup semua, sekeliling, maka sampailah masa kerana kita pun mempromosikan masyarakat madani dan semua sekurang-kurangnya dalam kerajaan. Kerajaan bermakna semua dalam Parlimen adalah kerajaan. Sama ada pembangkang ataupun kerajaan adalah kerajaan harus memajukan apa yang positif walaupun kita secara paksa.

Ini kerana benda yang bagus, menjimatkan kos, meningkatkan produktiviti, mencegah keseksaan hidup yang tidak disedari awam perlu dipaksa dari atas. Bila awam tidak sedari kelebihan dan faedahnya, ini perlu dipaksa.

■1330

So, untuk itu, 222 orang dalam Parlimen harus menjadi pejuang untuk membawa undang-undang ini. Kami bersedia untuk hendak beri taklimat ataupun perkongsian untuk menangkis hujah-hujah mereka supaya tidak memberi dia beli rokok dan sebagainya. Akan tetapi, mereka tidak sedar rokok menjadi satu punca— kenapa 20 peratus daripada kanak-kanak terbantut? Kerana bapa dia lebih seronok belanja untuk rokok daripada beli susu untuk anak. *So*, benda ini tidak dihujah terus-menerus supaya kita anggap kebantutan itu adalah satu isu lain

tetapi merokok adalah isu lain. Akan tetapi, ini berbalik kepada satu isu iaitu kesihatan satu keluarga. Dan kami bersedia pergi ke semua bahagian ataupun semua kawasan Parlimen untuk adakan sesi-sesi untuk...

Tuan Pengerusi: Libat urus.

Encik Muhammad Sha'ani bin Abdullah: ...Memajukan isu GEG ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Encik Sha'ani. Ini seorang lagi figura, seorang lagi tokoh *been championing fighting this issue* bersamalah dengan Profesor Rampal ya.

Encik Muhammad Sha'ani bin Abdullah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Encik Muhammad Sha'ani bin Abdullah: Saya seoranglah yang selalu timbulkan tentang gangguan-gangguan industri dan mereka menggunakan 95 peratus selamat. Dalam itu sudah ada penjelasan ini. *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]* Di Malaysia, mereka mengulang-ulang 95 peratus. Saya harap pihak pembuat dasar tidak termakan dengan ungkapan itu.

Tuan Pengerusi: *Insya-Allah.* Terima kasih, Encik Sha'ani ya. *I think* kita sudah agak panjang lebar kita bersidang daripada pagi. Empat jam lebih dah ini. *[Ketawa]* Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan. Saya kira sudah wajar kita tangguhkan majlis ini sebab kami pun ada lagi sikit lagi mesyuarat untuk menentukan langkah-langkah ke depan nanti.

Jadi, sekali lagi saya mengambil peluang ini, kesempatan ini mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih khasnya kepada semua pakar kita daripada persatuan-persatuan *Academy of Medicine* dan daripada MMA, daripada *Malaysian Thoracic Society*, Dr. Muralli dan juga begitu khasnya kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dan Timbalan Menteri yang memimpin Kementerian Kesihatan Malaysia pada pagi ini. Sekali lagi ucapan jutaan terima kasih.

We have heard daripada *the horse's mouth so to say*, bagi mewakili *minister,* yang komitmen KKM untuk memberikan sokongan kepada *amendment* yang akan kami PSSC lakukan sedikit sebagai tambahan kepada perbahasan dalam jawatankuasa untuk memastikan bahawa *that generation should not be on the wrong side of the criminal justices system.* Maknanya kalau *they are punish and they are*, *you know,* mereka tergalang dan mereka *just haunted— let* mereka

dapat merasakan bahawa *this piece of legislation is to protect them, is to prevent them* dan bukan *merely to just punish them* ya. Itu sangat penting ya.

Kita pun baru bercakap dengan *industries'* sebentar tadi. Saya rasa perkara ini akan dapat kita susuli kemudian untuk kita buat beberapa *amendment*. Jutaan terima kasih sekali lagi kepada pakar-pakar kita, KKM dan Timbalan Menteri. Kita tangguh majlis kita di sini. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.34 tengah hari]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

LAPORAN PROSIDING

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN

TAKLIMAT OLEH PERSATUAN:

- Malaysia E-Vaporizers and Tobacco Alternative Association (MEVTA)
- Malaysia Retail Electronic Cigarette Association (MRECA)
- Persatuan Peniaga Vape Melayu (PPVM)
- Malaysia Vaper Alliance (MVA)
- Malaysia E-Liquid Brewers Association (MEBA)
- Malaysia Singapore Coffee Shop Proprietors' General Association

TAKLIMAT OLEH PUSAT PENYELIDIKAN

- Advanced Centre for Addiction Treatment Advocacy (ACATA)
- Bait Al-Amanah
- Datametrics Research and Information Centre (DARE)
- Pusat Pilihan Pengguna (CCC)

BIL. 7
ISNIN, 21 OGOS 2023
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
KESIHATAN
BIL. 7 TAHUN 2023

BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

ISNIN, 21 OGOS 2023

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] - *Pengerusi*
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]
YB. Puan Young Syefura binti Othman [Bentong]
YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
YB. Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat]
YB. Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran [Batu]
YB. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat]
YB. Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus]
YB. Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi [Tanjong Karang]

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Dr. Siti 'Ai'syah binti Che Osmi [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Mohd Faizal bin Lan [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Cik Nadrah Husnina binti Hassim [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

YB. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Penasihat kepada YB Menteri Kesihatan]
Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali [Penasihat Undang-undang]
Dr. Norliana binti Ismail [Ketua Sektor Kawalan Tembakau dan Urus setia FCTC]
Dr. Nurhaliza binti Zakariah [Pakar Perubatan Kesihatan Awam]
Dr. Muhamad Hairul Nizam bin Abd Hamid [Ketua Penolong Pengarah Kanan]
Puan Noor Aisyah binti Ahmad [Peguam Persekutuan]
Puan Intan Noorashikin binti Nasarudin [Peguam Kanan Persekutuan]
Encik Suhaizam Shahrul Affendy bin Suhaimi [Pegawai Tugas-Tugas Khas kepada YB Timbalan Menteri Kesihatan]

Jabatan Peguam Negara

Encik Soo Kok Weng [Penolong Kanan Penggubal Undang-undang Parlimen Bahagian Gubalan]

Malaysia E-Vaporizers and Tobacco Alternative Association (MEVTA)
Encik Mohamad Nizam bin Talib [Presiden]

Malaysia Retail Electronic Cigarette Association (MRECA)
YBhg. Datuk Adzwan bin Ab Manas [Presiden]

Persatuan Peniaga Vape Melayu (PPVM)
Encik Mohd Ramzi bin Mohamad [Timbalan Pengerusi]

Malaysia Vaper Alliance (MVA)
Encik Khairil Azizi bin Khairuddin [Presiden]

Malaysia E-Liquid Brewers Association (MEBA)
Encik Zapri bin Mohd Arifin [Presiden]

Malaysia Singapore Coffee Shop Proprietors' General Association
YBhg. Dato' Tan Chnan Yeang [Setiausaha]
Encik Keu Kok Meng [Ahli]

Advanced Centre for Addiction Treatment Advocacy (ACATA)
YBrs. Dr. Arifin Fii [Presiden]
YBrs. Prof. Dr. Sharifah Ezat bin Wan Puteh [Penasihat]

Bait Al-Amanah
Encik Benedict Weerasena [Pengarah Penyelidik]
Encik Abel Benjamin Lim [Ketua Ekonomi dan Dasar Awam]

Datametrics Research and Information Centre (DARE)
Encik Pankaj Kumar [Pengarah Urusan]

Pusat Pilihan Pengguna (CCC)
Encik Tarmizi bin Anuwar [Anggota Sekutu Malaysia]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN
BIL. 7 TAHUN 2023

BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

ISNIN, 21 OGOS 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.06 pagi

[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. Salam Malaysia Madani. *Alhamdulillah*. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih atas kehadiran tuan-tuan khasnya, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kesemua anggota Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Kesihatan hadir kecuali Yang Berhormat Bentong dan juga Yang Berhormat Batu yang dalam perjalanan. Saya ucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada semua yang hadir kecuali Yang Berhormat Bentong. Yang Berhormat Kuala Pilah, Yang Berhormat Sibu, Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Kuala Nerus dan Yang Berhormat Tanjong Karang.

Pegawai-pegawai daripada Kementerian Kesihatan (KKM) yang hadir pada hari ini. Kita juga dapat kehadiran penasihat kepada Yang Berhormat Menteri, iaitu Yang Berhormat Dr. Kelvin Yii Lee Wuen dan bersama adalah Penasihat Undang-Undang, Tuan Yang Zaimey dan saya diberitahu Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak dapat hadir ya? Walaupun beliau menyebut untuk hadir. Di samping itu — terima kasih datang.

[Yang Berhormat Bentong mengambil tempat duduk]

Pegawai-pegawai kita daripada KKM seluruhnya, pegawai-pegawai tertinggi. Daripada Jabatan Peguam Negara dan juga wakil persatuan *vape* yang mungkin akan diperkenalkan dengan lebih mendetil kemudian. Baik. *Alhamdulillah*. Saya yakin libat urus yang buat kali ketujuh yang telah dilalui dan hari ini ketujuh yang melibatkan kumpulan Persatuan yang saya ada di sini lebih kurang tujuh yang akan membuat libat urus dengan kita.

Untuk makluman Ahli-ahli Mesyuarat yakni mesyuarat pada hari ini akan kita adakan sesi libat urus bersama persatuan *vape* dan seterusnya pusat penyelidikan

pada sesi kedua. Wakil-wakil persatuan *vape* saya sebutkan di sini *Malaysia E-Vaporizers and Tobacco Alternative Association* (MEVTA)*, Malaysia Retail Electronic Cigarette Association* (MRECA)*, Malaysia E-Liquid Brewers Association* (MEBA)*, Malaysia Vape Industry Advocacy* (MVIA)*,* Persatuan Peniaga *Vape* Melayu (PPVM), *Malaysia Vaper Alliance* (MVA) dan *Malaysia Singapore Coffee Shop Proprietors' General Association.* Wakil dari pusat penyelidikan akan kita adakan sesi kedua nanti.

■1010

Dalam pada itu, saya juga ingin mengingatkan ahli-ahli mesyuarat bahawa mesyuarat ini tertakluk di bawah Peraturan Mesyuarat 85, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, di mana sebarang kenyataan atau dokumen yang dibentangkan di hadapan Jawatankuasa ini tidak boleh disiarkan sehingga Jawatankuasa membentangkan penyata di Dewan Rakyat. Saya harap perkara itu akan dapat diperhatikan.

Tindakan boleh diambil kepada ahli-ahli mesyuarat mengikut Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 yakni Akta 347 jika berlaku ketidakpatuhan, *non-compliance* ini ya. Saya berharap peraturan mesyuarat ini, di mana pun, di setiap kali libat urus saya terpaksa mengulangi kerana pada setiap kali libat urus kepada kumpulan yang berbeza ya.

Jadi, mungkin terdahulu daripada itu saya sedikit mengingatkan ya selaku Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ini, saya mengingatkan betapa RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 ini, bolehlah saya rangkumkan mempunyai atau memiliki pemegang taruh utama.

Antara lainnya Kementerian Kesihatan Malaysia yang mahukan mengurangkan risiko dan kemudaratan kesihatan bagi semua rakyat. Itu pandangan KKM ya. Kementerian Kewangan Malaysia pula, kalau saya simpulkan mahukan meningkatkan pendapatan negara melalui cukai dan sebagainya ya dan mengelakkan ketirisan dalam hal pemungutan cukai. Itu *second stakeholder*.

Ketiga, Kementerian Belia dan Sukan memelihara kesihatan dan produktiviti belia. Keempat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, yang mana mereka mahu memelihara kesihatan dan kesejahteraan wanita dan keluarga. Kelima, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) mahu meningkatkan pelaburan dan menggalakkan perdagangan. Itu daripada segi kementerian yang terlibat langsung ya.

Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 juga mempunyai pemegang-pemegang taruh yang lain ya. *Activities* kawalan tembakau, yang mana kawalan ketat ke atas produk tembakau, *regulate or ban* ya ke atas *vape*. Ini aktiviti-aktiviti kawalan tembakau yang mana kita dapat lihat ada di sana profesional perubatan jenis satu dan profesional perubatan jenis 2.

Jenis 1, mahukan kawalan ketat ke atas produk tembakau, kawalan ketat *vape* atau *ban vape* ini. Ini kumpulan saya sifatkan sebagai *the* profesional perubatan jenis 1. Profesional perubatan jenis 2 ini mahukan kawalan ketat ke atas produk tembakau. Keduanya, penggunaan *vape* sebagai *harm reduction*. Itu juga *under* satu kumpulan perubatan profesional jenis 2 yang mahu perkara itu diperhatikan.

Selain daripada itu, kita tahu industri tembakau jenis 1 adalah kurangkan kawalan ke atas produk tembakau, tidak begitu berminat kepada *vape*, itu satu pemegang taruh, satu *stakeholder* juga. Industri tembakau jenis 2 pula di mana berubah daripada produk tembakau ke *vape* dan saya kira saudara-saudara, tuan-tuan adalah sebahagian daripada pemegang taruh seperti itu, penggunaan *vape* sebagai *harm reduction*.

Jadi, kalau saya lakarkan landskap ini mungkin dalam satu – tidak sempat saya hendak letak sini. Inilah antara pemegang taruh utama dalam kegiatan kawalan produk merokok dalam RUU ini yang akan terkesan, yang akan secara langsung atau tidak langsung terlibat.

Pagi ini kita mengadakan libat urus dengan satu pemegang taruh yang mana hari ini kalau saya tanpa melengah lagi menjemput wakil MRECA. Saya difahamkan Datuk Adzwan akan membentang dan saya persilakan untuk memperkenalkan kumpulan ataupun *stakeholders* dan persatuan-persatuan yang tuan wakili dan terus membuat pembentangan dan akan diikuti saya difahamkan dengan satu atau dua lagi pembentangan seterusnya. Jadi, tanpa melengahkan waktu, saya minta untuk kumpulan pertama diwakili Datuk Adzwan untuk membuat pembentangan. Sila.

Datuk Adzwan bin Ab Manas [Presiden Malaysia Retail Electronic Cigarette Association (MRECA)] : Terima kasih, Tuan Pengerusi Dr. Dzul yang saya hormati dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir pada hari ini dan rakan-rakan semua. Hari ini *basically* kali kedua kami berada di sini. Sebelum ini pun kami pernah dipanggil ke Jawatankuasa Khas Parlimen yang mana dipengerusikan oleh Yang Berhormat Kelvin ketika itu.

Okey, saya sedikit *update* latar belakang dahulu. Saya akan *go through* memorandum yang pernah kita hantar sebelum ini dan juga ulasan tentang RUU yang dibentangkan sebelum ini oleh Menteri Kesihatan kita. Daripada situ, kita akan *suggest* apa yang industri mahukan. Nanti kita akan edarkan juga senarai *hardcopy* kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Latar belakang, pengenalan dahulu. Kami sebagai pemain industri *vape* tanah air ingin mengemukakan suara kami berkenaan dasar Kementerian Kesihatan Malaysia dan draf RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 yang telah dibentangkan di Parlimen pada tahun 2023 dan kini dikaji dan diteliti oleh Jawatankuasa Khas Parlimen.

Untuk makluman, pihak KKM telah membuat hanya satu sesi bersama industri pada tahun 2023 untuk memberikan makluman yang sangat ringkas berkenaan dasar kawal selia dan hanya membincangkan berkenaan satu perkara iaitu berkenaan dasar *Generation End Game* untuk mendapat pendapat dari pihak industri. Ini membuatkan pihak industri tidak mempunyai butiran yang jelas berkenaan RUU tersebut kerana pihak industri tidak mendapat rangka kawal selia yang jelas ke atas industri *vape*.

Industri *vape* tanah air yang rata-rata dipelopori oleh usahawan bumiputera telah berkembang pesat dengan lebih 3,300 perusahaan kecil (PKS) yang menghasilkan kira-kira 15,000 peluang pekerjaan. Industri *vape* tanah air juga kini dianggarkan bernilai lebih RM2 bilion seperti yang diumumkan oleh PMX semasa pembentangan bajet awal tahun ini.

Berdasarkan statistik KKM, terdapat lebih kurang satu juta pengguna *vape* di Malaysia pada tahun 2019 dan kami berpendapat majoriti daripada angka ini adalah bekas perokok memandangkan ramai perokok telah bertukar kepada *vape*. Angka ini juga dijangka telah meningkat dalam beberapa tahun ini memandangkan lebih banyak perokok telah bertukar kepada produk *vape* ya.

Data statistik dari kajian-kajian yang dijalankan juga menunjukkan industri *vape* tanah air merupakan sebuah industri tempatan yang mampan dan mampu memberikan sumbangan besar kepada ekonomi tempatan dalam merangsang pertumbuhan PKS dan terus menghasilkan peluang pekerjaan serta menjana hasil bagi kerajaan. Dalam keadaan ekonomi dunia dan negara yang tidak menentu, banyak sektor lain yang bergelut untuk menarik pelaburan ke dalam negara tetapi industri *vape* sebaliknya yakin bahawa ekosistem mampan kami berada pada kedudukan yang kukuh untuk menarik pelaburan global dan syarikat multinasional ke dalam negara kita.

■1020

Produk *vape* harus dilihat secara terbuka dan sebagai salah satu inovasi yang memberi kesan positif kepada berjuta-juta perokok di seluruh dunia yang telah beralih kepada produk *vape.* Harus diakui bahawa kewujudan *vape* adalah disebabkan oleh risiko yang telah terbukti merbahaya kesihatan manakala *vape* pula perlu dilihat sebagai produk alternatif yang membantu perokok beralih kepada produk yang kurang mudarat.

Ini kita akan tunjukkan nanti terakhir iaitu video untuk fahamkan apa itu tar, apa itu nikotin. Ini sebab apa yang saya maklum sebelum ini, saya ada bertanya kepada beberapa orang Ahli-ahli Parlimen yang di luar sana adakah mereka faham apa itu tar? Kebanyakannya, mereka ingat tar itu adalah *premix* buat jalan. Bukan ya.

Walaupun KKM berpendapat sebaliknya, terdapat pelbagai kajian saintifik yang telah membuat produk *vape* sebagai alternatif yang kurang memudaratkan berbanding rokok tembakau serta berkesan dalam membantu perokok berhenti merokok apabila ia dikawal selia dengan kawalan yang sepatutnya. Kajian-kajian luar dan dalam negara yang telah dijalankan memperakui *vape* sebagai satu alternatif berkesan untuk perokok berhenti merokok di mana terdapat bukti-bukti saintifik yang jelas tentang keberkesanan penggunaan *vape* yang mengandungi nikotin.

Vape juga adalah jalan terbaik untuk mengurangkan kesan negatif daripada pembakaran rokok tembakau. Ini terbukti apabila negara-negara seperti UK dan New Zealand sendiri mempromosikan *vape* sebagai alat untuk berhenti merokok. Terdapat juga analisa dalam negara yang mendedahkan bahawa dengan peraturan penggunaan *vape* serta galakan kepada perokok untuk beralih ke *vape* sebagai alternatif yang kurang mudarat, Malaysia dapat mengurangkan jumlah perokok daripada lima juta kepada empat juta orang menjelang tahun 2025.

Selain itu, laporan tersebut juga menganggarkan bahawa *vape* mampu membantu negara mengurangkan perbelanjaan kesihatan untuk merawat penyakit yang berkaitan rokok sebanyak RM1.3 bilion dalam setahun menjelang tahun 2025. Pada pendapat kami, industri *vape* di Malaysia akan suatu hari nanti menggantikan industri tembakau dan membantu jutaan perokok di Malaysia berhenti merokok sepenuhnya.

Dalam pada itu, kami mengambil kesempatan ini untuk memberikan pandangan kami mengenai draf rang undang-undang tersebut supaya perkara-perkara yang dibangkitkan dalam memorandum ini dapat dipertimbangkan dan dihuraikan bersama jawatankuasa dan perbincangan bersama KKM.

Pertama, pendapat industri mengenai draf RUU. Tidak wajar *vape* ditakrifkan sebagai bahan merokok dan peranti merokok dan juga dikategorikan sebagai produk merokok yang juga termasuk produk tembakau. Adalah tidak wajar sekiranya produk *vape* diistilahkan sama dengan rokok konvensional atau rokok tembakau dan juga dikategorikan sebagai merokok. Ini kerana kedua-dua produk ini adalah jelas berbeza.

Rokok konvensional adalah produk yang dibuat dengan daun tembakau dan merokok adalah aktiviti yang melibatkan penggunaan membakar rokok bagi mengeluarkan asap. Asap yang terhasil daripada pembakaran tersebut datang daripada bahan-bahan toksik yang jelas berbahaya. Manakala *vape* adalah produk pemanasan cecair bagi menghasilkan wap air yang terdiri daripada *vegetable glycerin, propylene glycol,* perisa dan nikotin.

Kedua-dua rokok tembakau dan *vape* jelas adalah produk yang berlainan dan tidak boleh disamakan kerana tiada contoh di negara lain yang menyamakan produk rokok dengan produk *vape.* Daripada segi peraturan juga, banyak negara yang mengawal selia kawalan produk *vape* dengan peraturan yang berbeza dari rokok.

Satu adalah produk yang terbukti mudarat dan satu adalah produk yang terbukti 95 peratus kurang mudarat berdasarkan kajian agensi kesihatan awam seperti *Public Health Of England.* Malahan, istilah global WHO juga menggunakan ‘ENDS’ atau ‘ENNDS’ bermaksud *Electronic Nicotine Delivery Systems* (ENDS) ataupun *Electronic Non-Nicotine Delivery Systems* (ENNDS) untuk *vape* dan *cigarette* atau *tobacco product* untuk rokok atau hasil tembakau.

Cadangan industri. Kami ingin menegaskan bahawa *vape* dan rokok adalah dua produk yang berbeza dan industri memohon agar takrifan ‘rokok’ dan ‘*vape*’ tidak disamakan dalam sebarang perkataan. Kami mencadangkan agar takrifan untuk ‘produk *vape*’ dalam draf RUU tersebut ditukar untuk konsisten dengan istilah yang digunakan global iaitu ENDS ataupun ENNDS. Ini adalah supaya tidak ada sebarang kekeliruan kepada orang ramai bahawa *vape* itu adalah sama dengan rokok konvensional ataupun produk tembakau.

Kedua, tidak wajar penggunaan ‘*vape*’ ditakrifkan sebagai merokok yang juga sama dengan merokok konvensional atau rokok tembakau. Adalah tidak wajar

sekiranya produk *vape* diistilahkan sama dengan penggunaan rokok konvensional atau rokok tembakau sebagai perbuatan merokok. Seperti yang dijelaskan di atas, kedua-dua produk ini adalah jelas berbeza di mana rokok konvensional adalah produk yang dibuat dengan daun tembakau dan merokok adalah aktiviti yang melibatkan penggunaan membakar rokok bagi mengeluarkan asap dan asap yang terhasil daripada pembakaran tersebut datang daripada bahan-bahan toksik yang jelas berbahaya.

Manakala *vape* adalah produk pemanasan cecair bagi menghasilkan wap air yang terdiri daripada VG, PG, perisa dan nikotin. Malahan, istilah global WHO juga menggunakan *vaping* untuk penggunaan *vape* dan smoking untuk penggunaan rokok iaitu merokok. Cadangan industri, kami menegaskan bahawa *vape* dan rokok adalah dua buah produk yang berbeza dan industri memohon agar takrifan penggunaan *vape* tidak dikategorikan sebagai merokok dan suatu takrifan yang berlainan digunakan. Ini adalah supaya tiada sebarang kekeliruan kepada orang ramai bahawa penggunaan *vape* ini adalah sama dengan perbuatan merokok rokok konvensional atau produk tembakau.

Ketiga, industri menolak cadangan generasi penamat iaitu larangan penjualan dan penggunaan produk untuk sesiapa yang dilahirkan selepas tahun 2007. Kami menyokong penuh hasrat kerajaan untuk memperkenalkan peraturan untuk mengawal selia *vape.* Akan tetapi, industri tidak bersetuju dengan dasar untuk melaksanakan generasi penamat. Ini kerana polisi ini akan menjejaskan perniagaan pengusaha-pengusaha *vape* tanah air serta keseluruhan ekosistem industri *vape* itu sendiri yang terdiri daripada pengeluar, pengimport, peruncit, rangkaian pengedar dan logistik tempatan.

Polisi ini juga akan membantutkan perkembangan ekonomi tempatan yang telah dibina oleh usahawan tempatan selama in yang melibatkan lebih daripada 3,000 buah perniagaan serta 15,000 orang pekerja. Polisi bukan sahaja akan menyekat kemajuan yang telah dicapai industri sehingga kini, malah usahawan yang ramai terdiri daripada peniaga tempatan dan bumiputera terpaksa menghadapi risiko gulung tikar daripada perniagaan yang mereka telah bangunkan hasil daripada titik peluh mereka pada masa depan.

Ini juga akan menjejaskan keseluruhan ekosistem industri *vape* dan potensi penuh industri ini untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tempatan dan pendapatan negara. Kami memahami hasrat KKM untuk membendung penggunaan produk *vape* dalam kalangan kanak-kanak dan individu bawah umur tetapi ini adalah dasar yang tidak munasabah dalam menghalang sesiapa yang telah

mencapai umur dewasa untuk membuat keputusan membuat sesuatu pada masa hadapan.

Ini bukan sahaja ia memberi kesan negatif kepada industri, ia juga menarik hak-hak orang dewasa dalam membuat sesuatu keputusan mengenai tabiat mereka dan ini akan dijadikan sebagai contoh (*precedent*) untuk membendung tabiat-tabiat yang lain. Cadangan industri. Industri berpendapat bahawa undang-undang dan peraturan perlu mencari titik keseimbangan untuk memastikan industri *vape* diberikan ruang untuk memasarkan produk kepada pengguna dewasa yang menggunakan produk *vape* terutamanya perokok yang ingin bertukar kepada produk alternatif yang kurang mudarat dan memastikan produk tidak terjual dan terapai oleh kanak-kanak.

Oleh itu, industri mencadangkan agar cadangan generasi penamat dikeluarkan dan RUU digantikan dengan larangan penjualan kepada individu bawah umur 18 tahun. Dalam pada masa yang sama juga, industri juga mencadangkan agar penalti yang tinggi dan hukuman yang berat dikenakan kepada sesiapa yang menjual produk *vape* atau sesiapa yang membolehkan kanak-kanak mendapat, mencapai, membeli atau menggunakan produk *vape* supaya isu penggunaan oleh individu bawah umur dapat dibendung. Kena denda RM100 ribu atau penjara selama dua tahun. Ada jadi contoh, semua orang akan takut Yang Berhormat. Akta 18 tahun merokok yang ada sekarang pun, *enforcement* tidak ada. Bagaimana kita hendak buat akta yang baharu, bagaimana *enforcement* akan dibuat?

Keempat, tidak wajar untuk melarang mempromosikan produk *vape* sebagai produk berhenti merokok. Seperti yang terkandung dalam klausa 7, 8 dan 9, produk *vape* adalah dilarang untuk dipromosikan sebagai produk berhenti merokok.

■1030

Ini adalah tidak wajar kerana selama ini *vape* adalah produk yang terbukti membantu perokok-perokok konvensional berhenti merokok. Pelbagai bukti dan kajian saintifik telah menunjukkan keberkesanan produk *vape* dalam perkara ini dan ini juga telah diiktiraf oleh pelbagai institusi kesihatan awam di negara lain. Kami ambil maklum bahawa KKM masih bertegas dan enggan mempertimbangkan perkara ini tetapi ini adalah fakta yang ditunjukkan di negara New Zealand, England, Canada, Amerika Syarikat dan sebagainya. Malah, klausa 9 menunjukkan pendekatan yang teramat drastik diambil oleh KKM dengan melarang sebarang forum, bengkel, kursus yang membincangkan topik pengurangan kemudaratan tembakau oleh pakar kesihatan awam.

Untuk makluman, New Zealand adalah satu contoh yang mengenakan peraturan ketat ke atas produk rokok telah membuat peraturan dan akta *vape* yang dikeluarkan tahun lepas untuk membolehkan papan tanda ditunjukkan di tempat jualan yang menyatakan *"Completely replacing your cigarette with vape will reduce harm to your health. If you smoke, switching completely to vaping is much less harmful option"*. Maklumat sebegini untuk mempromosikan dan mengiklankan produk *vape* adalah bertujuan untuk menyarankan perokok bertukar kepada *vape* kerana ia terbukti kurang mudarat dan boleh membantu perokok berhenti merokok malah Kerajaan New Zealand sendiri menjalankan inisiatif untuk mempromosikan *vape* untuk perokok berhenti merokok melalui *vape*. Contoh ini boleh dilihat dari aktiviti dan kempen *Vaping Facts New Zealand.*

Malah yang terbaru kerajaan di Britain telah mengeluarkan dana untuk membeli satu juta *pod* dan diberikan kepada perokok untuk berhenti daripada merokok termasuk ibu mengandung yang merokok. Kami bersetuju dengan matlamat KKM untuk memastikan produk *vape* ini tidak dibeli oleh kanak-kanak bawah umur dan aktiviti pemasaran haruslah memastikan ia tidak menggalakkan penggunaan individu bawah umur. Akan tetapi untuk menghalang aktiviti mempromosi produk *vape* sebagai alternatif berhenti merokok adalah tidak wajar dan menghalang sebarang perbincangan dalam perkembangan produk *vape* dan potensi untuk membantu perokok berhenti merokok oleh pakar kesihatan awam adalah terlampau drastik.

Cadangan industri. Aktiviti pemasaran, promosi, pengiklanan yang berdasarkan fakta perlu diberikan ruang supaya pengguna dewasa dapat memahami produk *vape* itu adalah berbeza dengan rokok dan juga penggunaannya berbanding rokok konvensional. Ini bukan bertujuan untuk menggalakkan penggunaan tetapi memberi fakta yang jelas berkenaan dengan produk *vape* seperti penggunaannya membantu perokok berhenti merokok atau produk tersebut kurang mudarat berbanding merokok. Malah aktiviti mempromosikan produk *vape* sebagai produk berhenti merokok perlu disarankan di tempat jualan rokok supaya perokok dapat memilih beralih kepada *vape* untuk berhenti merokok.

Seterusnya RUU keenam. Keperluan butiran jelas rangka kawalan selia produk *vape*. Seperti yang terkandung dalam RUU sedia ada kebanyakan klausa tidak memberikan butiran yang jelas bagaimana rangka kawal selia produk, malah klausa-klausa tersebut memberikan kuasa mutlak kepada Menteri dan kepada ketua pengarah untuk membuat peraturan dan penetapan dalam kawal selia. Contohnya, klausa 4, klausa 6, klausa 10, klausa 15, klausa 16, klausa 17, klausa

20, klausa 22, klausa 30 dan klausa 53. Kesemua klausa ini adalah berkaitan dengan kawalan produk, pendaftaran, pembungkusan, kawalan harga dan sebagainya. Dalam perkara kesemua ini industri tidak mendapat sebarang butiran daripada KKM dalam tatacara kawal selia yang akan ditetapkan melalui peraturan.

Oleh itu, industri memohon agar jawatankuasa dapat mendapatkan KKM untuk memberikan butiran untuk dimasukkan ke dalam RUU tersebut atau untuk mengadakan perbincangan bersama industri untuk membuat rangka kawal selia tersebut.

Berikut adalah perkara yang industri mohon untuk KKM huraikan butiran untuk dibincangkan bersama jawatankuasa.

(a) larangan kepada format *open system, closed system* atau pakai buang.

Kita ada tiga jenis *vape* dalam industri kita. Format *open system* ini yang menggunakan *liquid* yang dalam botol. Format *closed system* ini yang menggunakan *cartridge* tetapi tidak boleh di-*refill*. Pakai buang adalah seperti *pod closed system* tetapi ia dipakai buang. Pakai habis dan buang.

Berdasarkan kajian kepada Universiti Malaya pada tahun 2020, *e-cigarette prevalence among Malaysia adults and types and flavors of e-cigarette product used by cigarette smokers who vape, findings from the 2020 ITC Malaysia Survey.* Nisbah penggunaan tiga jenis format produk ini adalah 46 peratus *closed system*, 43 peratus *open system* dan 10 peratus *disposable*.

Sejak tahun 2020, industri juga telah melihat penggunaan produk pakai buang *disposable* telah meningkat pesat dan kami menyatakan segmen ini telah mencapai lebih kurang 40 peratus dalam pasaran pada masa ini manakala kedua-dua format adalah lebih kurang *30 percent* ke *40 percent.*

Dalam pada itu, kami berpendapat supaya tiada larangan dikenakan kepada ketiga-tiga format ini. Di negara lain seperti UK, New Zealand, format ini juga tidak dilarang untuk dijual tetapi mereka dikawal selia. Kawal selia yang dipakai adalah mengenakan saiz maksimum untuk setiap produk yang mengandungi *e-liquid*, e-cecair untuk mengehadkan penggunaan.

Cadangan industri, langkah yang patut diambil adalah peraturan untuk mengehadkan saiz dan produk dan bukan melarang penjualan format produk tersebut. Pertimbangan juga perlu diberikan untuk keadaan semasa pasaran serta pengguna. Saiz maksima yang rendah akan memberikan kesan kepada industri dan pengguna yang akan mencari produk yang tidak sah sekiranya peraturan yang dikenakan tidak bersesuaian dengan pasaran. Saiz maksimum untuk setiap produk

dicadangkan dari pihak industri yang ber-*bottle open system* 10ml, *cartridge* 10ml dan *disposable* 10ml sama seperti saiz *bottle open system.*

Pada masa yang sama industri juga mencadangkan agar larangan dikenakan untuk memastikan reka bentuk produk *vape* tidak menyerupai sebarang mainan, minuman, makanan, supaya produk tidak menggalakkan penggunaan oleh individu bawah umur serta tidak mengelirukan individu bahawa produk *vape* adalah makanan atau minuman.

Penetapan had maksimum nikotin dalam produk *vape*. Pada tahun 2021 dan tahun 2022 KKM pernah memaklumkan kepada industri bahawa KKM bercadang menetapkan had 10mg dalam setiap mililiter. Selepas itu industri tidak dapat sebarang makluman mengenai perkara ini walaupun isu ini telah berkali-kali dimohon industri untuk dibincangkan.

Baru-baru ini KKM telah mengumumkan dalam Parlimen bahawa KKM sedang mengkaji kawalan perisa, sekejap – maaf. Industri berpendapat tahap 10mg setiap mililiter yang dicadangkan oleh KKM berada di paras yang terlalu rendah dan akan menyukarkan industri tempatan kerana pengguna akan mencari produk yang mempunyai kadar nikotin yang lebih tinggi seperti terjual di negara lain. Akhirnya ini akan mengakibatkan pengguna beralih kepada produk yang tidak sah dan tidak mematuhi peraturan.

Untuk makluman semua, di negara lain kadar yang ditetapkan adalah antara 65mg hinggalah ke 20mg ke bawah. Sebagai contoh, untuk makluman, di negara lain kadar yang ditetapkan ya, Indonesia, US dan Philippines 65mg setiap mililiter. New Zealand 50mg setiap mililiter. UK, Eropah dan Kanada 20mg setiap mililiter.

Sebahagian besar daripada pengilang-pengilang di Malaysia turut mengeksport produk cecair *vape* serata dunia. Kami boleh memaklumkan atau memberi maklumat lanjut berkenaan had yang ditetapkan di negara lain sekiranya lebih banyak maklumat diperlukan kerana pemain-pemain industri di Malaysia mendapat pengiktirafan di luar negara yang mana mereka melepasi segala regulasi yang ditetapkan. Jadi, pengalaman kami ada di sini kami boleh kongsi bersama.

Pada masa yang sama kami juga ingin menyatakan kajian Pusat Racun Negara bersama Kementerian Kesihatan Malaysia terdahulu yang menyatakan kandungan nikotin tinggi diaras 40mg setiap mililiter akan menyebabkan kematian adalah tidak tepat kerana negara lain seperti yang dinyatakan di atas telah pun menetapkan kadar tersebut berdasarkan bukti saintifik dan kajian yang tidak berat sebelah.

Cadangan industri. Kami berpandangan kadar ini ditetapkan pada kadar sedia ada yang popular iaitu 50 miligram setiap mililiter dan tahap ini disemak semula setiap tiga tahun untuk dipertimbangkan sama ada ia perlu dikurangkan atau tidak.

■1040

Sekiranya keputusan yang diambil, adakah untuk mengurangkan kadar tersebut? Kami juga mencadangkan ia diturunkan secara berperingkat dan bukannya secara drastik dan mengejutkan.

(c) kawalan perisa dalam produk *vape.* Baru-baru ini KKM telah mengumumkan dalam Parlimen bahawa KKM sedang mengkaji kawalan perisa dalam produk *vape.* Perkara ini tidak pernah di bawa untuk berbincang bersama industri. Untuk makluman, perisa dalam produk *vape* adalah faktor utama mendorong perokok beralih kepada *vape* untuk berhenti merokok.

Dengan sebarang larangan ke atas perisa dalam produk *vape,* ia akan menyukarkan perjalanan perokok untuk berhenti merokok melalui *vape* dan juga membantutkan perkembangan industri tempatan.

Industri ambil maklum KKM bimbang perisa sebagai faktor mendorong penggunaan *vape* di kalangan individu di bawah umur. Cadangan ─ industri berpendapat perisa produk *vape* tidak sepatutnya tidak ada sebarang larangan. Sekiranya KKM bertegas untuk mengawal perisa, industri berpendapat ciri-ciri tersebut perlu dibincangkan bersama industri supaya persetujuan dapat dicapai.

Perjelaskan berkenaan cadangan kawalan tempat jualan. Industri pernah dimaklumkan bahawa KKM bercadang untuk mengehadkan penjualan produk *vape* ke atas hanya kedai khusus *vape* sahaja. Perkara ini tidak dibincangkan dengan jelas kerana ini akan melibatkan pekedai memerlukan permohonan lesen dan tatacara pelesenan untuk rangkaian peruncitan dan pengedaran dalam industri. Ini tidak pernah dibincangkan bersama pemain-pemain industri.

Pada masa yang sama, kami tidak melihat sebarang klausa berkenaan perkara ini terkandung dalam draf RUU pada masa ini. Dari pihak industri kami berpendapat ini adalah tidak wajar. Rokok tembakau yang jelas memudaratkan dengan bahan-bahan toksin dan berbahaya masih boleh dipasarkan di mana-mana kedai serata Malaysia tetapi produk yang diperakui 95 peratus kurang mudarat yang dibenarkan di kedai khusus *vape* sahaja.

Kami melihat cadangan ini amat bertentangan dengan prinsip pengurangan kemudaratan tembakau bagi mengelakkan perokok-perokok tegar untuk beralih kepada alternatif kurang mudarat yang juga mampu menghentikan tabiat merokok. Sewajarnya produk *vape* harus dibenarkan dijual di semua tempat jualan yang menjual rokok supaya ia boleh menggalakkan perokok untuk beralih kepada *vape.* Malah di UK terdapat hospital dan kedai farmasi yang menjual produk *vape* dan ini menunjukkan keberkesanan produk ini membantu perokok beralih kepada produk *vape.*

Cadangan industri – Tempat penjualan produk tidak harus dihadkan. Tempat penjualan tempat *vape* tidak harus dihadkan. Sebaliknya produk *vape* diberi kebenaran untuk dijual di lebih banyak rangkaian penjualan yang sama seperti rokok. Ini akan memberi peluang kepada perokok untuk mengakses produk *vape* yang kurang mudarat dan tahap persaingan yang sama dengan industri rokok.

Sekiranya KKM bertegas untuk mengehadkan penjualan produk *vape* di kedai khusus sahaja, perkara ini perlu dibincangkan bersama terutama daripada segi tatacara pelesenan supaya tidak menyukarkan sektor peruncitan.

Seterusnya industri pernah dimaklumkan bahawa KKM bercadang untuk mengenakan amaran kesihatan penggunaan dengan mencetak gambar pesakit EVALI atas produk. Untuk makluman Yang Berhormat, takrifan 'EVALI' oleh KKM adalah tidak tepat kerana EVALI bukanlah berpunca daripada penggunaan *vape* yang mengandungi nikotin.

Menurut FDA, agensi kesihatan Amerika Syarikat di mana penyakit EVALI dilaporkan. Isu tersebut berbangkit kerana penyalahgunaan *vape* dengan bahan terlarang iaitu THC dan *vitamin E acetate.* Itulah punca penyakit EVALI yang dilaporkan yang berdasarkan kajian dan bukti. Kami berpendapat tindakan KKM untuk mengkategorikan sebarang isu berkaitan dengan penggunaan *vape* sebagai penyakit EVALI adalah sesuatu yang salah dan tidak tepat dan kami memohon agar KKM menunjukkan bukti tersebut bahawa kes-kes yang dilaporkan di Malaysia adalah sama yang dilaporkan di Amerika Syarikat.

Oleh sebab itu, industri berpandangan pembungkusan produk yang memerlukan gambar pesakit EVALI dicetak di atas produk adalah tindakan yang tidak wajar dan salah kerana ia memberi mesej yang salah kepada orang ramai. Hanya memburukkan industri tanpa bukti saintifik. Cadangan industri sebarang pelabelan ke atas pembungkusan perlu dibuat berdasarkan bukti. Industri menyarankan agar pembungkusan meletakkan amaran kesihatan teks bertulis seperti diguna pakai di negara lain iaitu...

Tuan Pengerusi: Panjang lagikah?

Datuk Adzwan bin Ab Manas: Sikit lagi, *last,* ada satu poin.

Tuan Pengerusi: Sikit lagi? Berapa minit? Okey.

Datuk Adzwan bin Ab Manas: Industri menyarankan agar pembungkusan meletak amaran produk kesihatan teks bertulis seperti yang diguna pakai di negara lain iaitu *this product contains nicotine and is addictive* dan *this product is not for minor's* dan dicetakkan dalam bahasa kebangsaan.

Saya ada sedikit sahaja lagi. Penjelasan berkenaan produk dan tatacara permohonan serta kelulusan. Seperti yang terkandung dalam klausa 15 draf RUU kawalan harga adalah diperkenalkan untuk mengawal harga produk dan harga minimum juga ditetapkan. Industri berpendapat proses permohonan untuk mendapatkan kelulusan daripada KKM ini akan memakan masa memandangkan terdapat jumlah produk yang banyak dalam pasaran. Malah dari segi kawalan tersebut sekiranya akan terdapat sekatan daripada perubahan harga selepas kelulusan diperoleh ia akan menyukarkan persaingan dalam industri yang bertentangan dengan Akta Persaingan 2010.

Pada masa yang sama, tiada mana-mana negara yang membuat kawalan harga melalui permohonan harga runcit seperti yang terkandung dalam RUU. Cadangan industri ─ Daripada segi ini, industri mencadangkan agar KKM hanya menetapkan harga minimum untuk memastikan produk tidak terjual di harga paras rendah dan memandangkan telah wujudnya pendaftaran produk, keperluan permohonan harga jualan yang berasingan tidak diperlukan kerana ia akan membuatkan proses ini agak sukar dilaksanakan memandangkan jumlah produk yang terjual di pasaran adalah banyak.

Ketujuh ─ Menurut klausa 10 dalam draf RUU tersebut, ia menyatakan bahawa akan ada larangan pameran produk *vape* di tempat jualan. Pihak industri ingin menyuarakan bantahan berkenaan perkara ini di mana larangan ini akan membuatkan industri *vape* tanah air terkesan di mana polisi ini memihak kepada syarikat asing.

Untuk makluman, produk-produk yang terjual di pasaran adalah kebanyakannya produk buatan usahawan tempatan dan syarikat Malaysia. Sekiranya larangan ini dikenakan ia akan memberikan kelebihan kepada syarikat asing yang mempunyai produk dan jenama yang lebih terkenal.

Oleh kerana larangan pameran akan membuatkan semua produk tidak dapat dilihat pengguna di tempat jualan, pengguna akan mencari produk syarikat asing yang lebih terkenal kerana tiada keupayaan untuk sektor peruncitan memberi

gambaran kepada pengguna berkenaan produk usahawan tempatan dan syarikat Malaysia.

Cadangan industri – Seperti yang diguna pakai di negara lain tiada larangan untuk mempamerkan produk *vape* sebaliknya kawalan yang ketat dikenakan untuk memastikan tiada penjualan kepada sesiapa yang berumur di bawah 18 tahun. Sekiranya sesiapa yang didapati menjual kepada mereka yang berumur 18 tahun hukuman yang lebih tinggi perlu dikenakan.

Saya *skip* penjelasan bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pihak PBT masih tidak mengeluarkan lesen kerana setiap kali peniaga minta *apply license* perlu surat sokongan atau surat pelepasan daripada KKM. Akan tetapi, kami telah *explain* dengan mereka hanya kilang sahaja yang perlu kebenaran daripada KKM. Kedai runcit, kedai *vape* tidak perlu tetapi mereka *still* hendak juga. Ini masalah PBT-lah.

Last sekali, larangan import *liquid vape* yang masih dikenakan adalah *ultra vires*. Untuk makluman, walaupun Kementerian Kesihatan Malaysia secara rasmi telah mengecualikan nikotin untuk cecair *vape* kepada Akta Racun 1952 Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan Malaysia pada masa ini masih mengenakan larangan import *liquid vape* yang masih berpandukan kuasa pada Akta Racun 1952 tersebut.

Dalam perbincangan, pihak industri bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Berhormat perkara ini adalah satu halangan untuk industri mengimport produk *vape* serta membayar cukai yang telah dikenakan. Ini adalah disebabkan keengganan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menarik balik larangan import cecair *vape* yang terkandung dalam Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2007.

Tindakan larangan import daripada Kementerian Kesihatan Malaysia yang menggunakan kuasa Akta Racun 1952 ini adalah *ultra vires* kerana pengecualian nikotin daripada cecair *vape* telah dibuat sejak 1 April 2023.

Kita cadangkan mohon agar Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil tindakan supaya larangan import seperti terkandung dalam perintah kastam. Saya juga mendapat makluman sebelum ini daripada pihak KKM mengatakan mantan Ketua Pengarah Kastam sebelum ini melepaskan tanggungjawab untuk menandatangani surat pelepasan tersebut kepada Ketua Pengarah Kastam yang baharu. Akan tetapi, masih belum dapat dan pihak kastam berkali-kali berbincang bersama kami untuk mencari jalan bagaimana pihak kastam untuk mencukaikan,

rather than benda ini diseludup masuk. Kita cukai, kita *regulate,* kita jaga produk ini. Ia masuk secara haram, kerajaan yang rugi. Malaysia yang rugi.

■1050

Oleh itu, *last* sekali saya bentangkan video untuk lebih faham apa itu tar, apa itu nikotin. Perbezaan rokok, perbezaan *vape*.

[Tayangan video]

Datuk Adzwan bin Ab Manas: Terima kasih Yang Berhormat. Berakhir pembentangan daripada pihak industri kami.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih. Ya, itu pembentangan yang saya kira agak *elaborate*. Terima kasih Datuk Adzwan. Datuk Adzwan kah tadi? Ya, yang membentang sebentar tadi dan kita telah dibekalkan dengan satu bahan yang dibentangkan sebentar tadi. Sewajarnya diberikan lebih awal supaya dapat kita Ahli-ahli anggota PSSC meneliti sebab mungkin, bukan mungkin kecuali saya yang lainnya adalah anggota baharu, untuk pengetahuan pemain industri.

Pastinya, mereka mahu perkara ini diteliti oleh mereka sendiri, ahli-ahli anggota, Yang Berhormat-Yang Berhormat kita. Antara perkara yang contohnya yang dibangkitkan mungkin ramai di kalangan anggota yang kebetulan ada tiga daripada anggota PSSC juga adalah *medical doctors, pharmacies, people of allied health discipline*. Mereka juga mahu perkara ini diteliti. Sebagai contoh, *the often quoted "95 percent safer"* itu sudah mungkin perlu di-*revisit as you may or may not know* pemain industri, *that was quoted way back when* kajian ketika itu *was only about 158 studies researchers.*

Akan tetapi, hari ini hampir 7,000 *researchers and publication* yang baharu yang pastinya tidak tepat kalau mahu ia sebagai frasa yang selalu diulang sebut, itu sedikit komentar saya sebagai komentar awal tetapi saya kira pembentangan tadi menyeluruh dan ini bukan kali pertama juga saya dengar. *That's why* saya adalah sebahagian daripada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen dalam sesi Parlimen Keempat Belas yang lalu. Mungkin untuk sedikit memberikan komentar walaupun Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada. Akan tetapi, kita ada kehadiran Penasihat Menteri Kesihatan. Dr. Kelvin, *you would like to say*, ya sila Dr. Kelvin.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Penasihat kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada semua pihak industri. Kita berjumpa lagi dan *I think it is a very good discussion* yang kita adakan pada pagi ini. Jadi, kita mengambil maklum beberapa perkara yang telah

dibangkitkan dan saya rasa pihak Kementerian Kesihatan pun mereka akan lakukan lebih banyak *engagement* dengan pihak industri terutamanya dalam merangka *regulations* selepas lulusnya pembentangan rang undang-undang ini di Parlimen.

Saya cuma ada beberapa komen seperti yang dikatakan oleh Tuan Pengerusi tadi *the latest research, the latest data* menunjukkan, ya mungkin kita boleh kata bahawa *vape* adalah kurang mudarat tetapi ia tidak bermaksud ia tidak memudaratkan. Itulah isu yang kita hendak tegakkan. Pendirian KKM sentiasa adalah untuk menjaga keselamatan dan juga kesihatan awam semua rakyat Malaysia. Jadi, ada satu contoh yang diberikan iaitu New Zealand. Kalau kita lihat secara keseluruhan New Zealand walaupun mereka benarkan *vape* tetapi mereka mengenakan banyak halangan ataupun *very strict regulation*. Contohnya tidak boleh jual *vape* 300 meter daripada sekolah.

Malah, mereka juga mengehadkan jumlah kedai yang boleh jual *vape*. Saya ada pergi ke New Zealand. Saya pun tanya, *"Apakah regulation yang mereka ada?"* Mereka beritahu semua itu kepada saya malah mereka juga mengehadkan *nicotine content*, perisa, malah *they actually banned* banyak *disposable vape*. *So, that is their regulation in* New Zealand.

Saya cuma hendak *highlight* kepada komiti baru-baru ini sahaja sebenarnya *last week or two weeks ago* WHO sebenarnya telah keluarkan satu kenyataan di mana mereka telah memilih enam negara terbaik dalam kawalan rokok dan New Zealand tidak termasuk dalam enam negara tersebut disebabkan promosi berleluasa *vape*. Mereka mengatakan bahawa *vape* seperti saya katakan tadi, memang mendatangkan kemudaratan dan isu di New Zealand adalah memang mereka *promote* alternatif tetapi alternatif itu menunjukkan bahawa ia telah meningkatkan penggunaan *vape* terutamanya di kalangan anak muda di New Zealand.

So, izinkan saya, *I will quote the exact quote*, *"New Zealand's youth vaping crisis clouds the smoke-free intention."* Ini keluarkan oleh WHO. Jadi, Kementerian Kesihatan memang sentiasa berpandukan pendirian mahupun polisi kami kepada WHO. WHO sendiri Dr. Tedros, *the Chairman* jelas mengatakan kita haruslah waswas atau kita haruslah berjaga-jaga terhadap epidemik *vaping* ini di seluruh negara. Malah, baru-baru ini beliau juga secara terperinci menyatakan Malaysia juga haruslah mengambil kira pengalaman mahupun pengajaran daripada negara-negara lain termasuk USA dalam epidemik *vape* ini.

Jadi oleh itu, itulah pendirian Kementerian Kesihatan. Saya ingin tegaskan lagi, bagi saya persendirian. Ini bukan Kementerian Kesihatan. Saya terbuka dengan konsep *harm reduction*. Saya terbuka. Jadi, dalam akta yang pihak baca pada sekarang jelas ada satu *clause* di mana ada *mandatory review*. Dalam dua tahun, lima tahun, 10 tahun.

Clause tersebut adalah penting untuk kita jika ada bukti-bukti, ada *research* baharu yang menunjukkan mana-mana lah, sama ada baik kah, tidak baik. Kita boleh membuat satu tukaran, *adjustment* kepada akta tersebut mahupun *regulation* yang ada.

■1100

Bagi saya itulah *safeguard* yang ada. Itulah satu platform untuk kita gunakan bukti dan *evidence* yang ada untuk kita buat *the best decision when it comes to this*-lah. *So*, itu adalah pendirian Kementerian Kesihatan Malaysia. *Again, I think* – bagi isu GEG, seperti saya katakan tadi kenapa Kementerian Kesihatan Malaysia masih mengetengahkan GEG kerana *when it comes to vape or harm reduction* – *harm reduction* untuk perokok yang sedia ada. Bagi kami kita hendak menghalang generasi muda daripada mulakan tabiat ini. Jadi, bagi saya *harm reduction* sebenarnya tidak – *not involving the younger generation. It's only for those that* yang sekarang tengah merokok.

Kesan kepada industri, saya memang mengaku memang akan ada kesan ekonomi. Kita tidak *deny* perkara ini tetapi kalau ikut peraturan yang ada, pihak industri, pihak siapa yang ada menjual sama ada *vape* atau rokok sebenarnya mereka boleh jual hampir 20 hingga 30 atau 40 tahun lagi sebab mereka yang masih boleh merokok, *cohort* yang masih boleh merokok sekarang sebenarnya mereka boleh merokok sampai mati atau kita memang menggalakkan mereka untuk berhenti tetapi sebenarnya pihak industri boleh masih menjual kepada mereka.

So, technically soft landing economy itu *is 20, 30 or 40 years. It's a very long soft landing. So*, bagi saya, kami juga berharap sesiapa yang – mungkin memang ada kesan tetapi *the soft landing we feel it's much more, it's appropriate*-lah *for this situation*. Dengan itu, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Dr. Kelvin ya. Saya rasa cukup sekadar itu dulu. Mungkin ini bukan pentas atau forumnya untuk kita berbincang walaupun banyak yang telah dibangkitkan oleh industri sebentar tadi sebagai contohnya *e-cigarette* atau *vaping* ini sebagai *harm reduction* ya. Namun, sikap yang diambil dari beberapa negara contohnya Australia, *harm reduction* semestinya menjadi hanya

harm reduction dalam tangan *prescribers* ataupun *in the hands of the doctors and pharmacist*.

Harm reduction tidak termasuk *recreational use*. Ia merupakan pendekatan terapeutik seperti Australia. Jadi, perkara itu perlu faham. Bermaksud apa, ia bukan untuk mereka yang belum bermula. *If you have not started, don't vape*. Kalau *for smokers*, ini adalah satu *therapeutic options* yang sedang diperhitungkan oleh hatta KKM sendiri. *For those* yang sudah merokok, *quit* atau *go harm reduction to vapes, to vaping*. Akan tetapi *for those* mereka yang belum mula, *this is not the gateway to nicotine addiction*.

Nicotine addiction as you very well know, it's even faster than heroin or alcohol. Tidak perlu saya berbincang panjang perkara ini, mungkin kita cari pentas yang lain untuk berbincang. Saya difahamkan ada dua lagi pembentangan ya daripada *Malaysian Vaper Alliance*, sila. Siapa yang bentang? Perkenalkan diri dan terus bentang ya.

Encik Khairil Azizi bin Khairuddin [Presiden Malaysia Vaper Alliance (MVA)]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Saya Khairil Azizi daripada *Malaysian Vaper Alliance*. Untuk hari ini, tidak ada apa yang saya hendak bentangkan. Cuma ini adalah satu *result survey* yang kita buat *recently* dekat *location* seperti Kuala Lumpur, Selangor, Melaka dan Penang. *So*, kita ada buat satu *survey* yang mendapat lebih kurang dalam 708 orang responden.

Kalau mengikut daripada *summary* yang kita dapat daripada *survey* yang kita lakukan, *most vapers are aware of the Generation End Game* (GEG*) Policy but do not support it. However, they are strongly supportive of the move to introduce regulations that are different from cigarette.* Nombor dua, *majority vapers choose to vape because it helps them quit smoking.* Nombor tiga, *there is a rise in disposable vape, with a majority preferring product with more than 10 ml e-liquids, 5,000 puffs and between 2 to 4 e-liquids. It's 600 to 1,200 puffs.*

Majority vapers who use nicotine in e-liquid prefer nicotine level up to 40mg and then Malaysian vaper prefer fruit flavoured e-liquids. Vapers are aware that tobacco harm reduction strategies and think that every cigarette smoker should be educated on this. So, this is the executive summary yang kita dapat daripada *nine locations* yang kita buat.

Sebagai *result*-nya*, majority of vapers are ex-smokers. They have switched to vape because it helps them quit smoking*. Sebanyak 73.7 peratus *vapers* adalah bekas perokok dan 80.1 peratus bertukar kepada *vape* kerana *vape* membantu mereka untuk berhenti merokok.

Malaysian vapers are aware of GEG *but do not support it. But they are in a way welcoming the introduction of regulation that is differentiated from cigarette. 59.6 percent are aware of GEG but 96.6 percent do not agree with* GEG *currently. 84 percent supports the move to introduce vape regulation but it needs to be differentiated from cigarette. 66.9 percent will turn to unregulated product if regulations are not in line with their consumption habit.*

Majority vapers prefer nicotine liquid and use an open or closed system but there is significant growth trajectory in disposable vape. Fruity flavours are the most favourite like I mention earlier. 25.8 percent interchange their products. 47.8 percent prefer an open or closed system but only 26.4 percent prefer disposable vape.

Vapers who purchase disposable vape prefer products with more than – 29.9 percent prefer products with more than 10 ml e-liquids and 38.2 percent prefers two to four ml e-liquids. Vapers primarily use nicotine based e-liquids, 76.1 percent within nicotine level of up to 40 mg per millilitre. So, 75.8 percent understand the concept of THR, the harm reduction. 85.8 percent belive cigarette smoker should be educated on THR.

So, our recommendation will be to regulate vape but without GEG policy. Then, treating vape and smoking as a same overlook the substantial harm reduction potential of vaping. Number 2, we would recommend to acknowledge the harm reduction potential of vape. Number 3 will be regulation must be comprehensive where to include new innovation such as disposable vape must be included when regulation are introduce. This is — so that government can maintain consistence safety standards and prevent access to minus. Regulation must be in sync with consumer behavior and also balancing consumer demand with safety concern is essential to deter illegal trades and also safeguards public health effectively. So, these are the findings that we got from our surveys earlier. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: *Thanks*, terima kasih. Baik. Ya, *quite insightful. Some good gather from your survey. I think that quite* memberikan sedikit pencerahan kepada *policy makers. All right, can we have the last presentation* kalau ada daripada *Malaysia-Singapore Coffee Shop Proprietors General Association*. Sila.

Encik Keu Kok Meng [Ahli Malaysia Singapore Coffee Shop Proprietors' General Association]: Selamat pagi Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly, *members of PSSC Health*, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan. *Thank you for inviting us and give us a chance to voice our concern about* GEG*. I don't think we will repeat about the things*

*that being said by the vape industry. So, right now our main concern is why our income is being sacrifice*d kalau GEG dilaksanakan?

■1110

We represent 20,000 coffee shop members in our association but apparently today, I think we were outnumbered by the vape, vape industry ya. *So,* pendapatan *or income from cigarette selling, combustible cigarette selling is only about 23 percent of our total income but it is still recovering from the loss of the pandemic, during the pandemic. It is still a lot, a big income for us.*

So, we understand why are we being sacrificed? This, even the leftover 30 percent of our pendapatan *is being sacrificed if the GEG is being enforced. As far as we concern, even for the last 10 years to 15 years, our income from legal cigarette society been going downhill because of one thing, the illicit cigarette is being brought into Malaysia. From 20 over percent from I think when we are active in the association, it was year 2012, it was only 20 over percent.*

Now, it has gone up to about 60 percent but throughout the five years that we have been with the dialog with MOH, this figure for the last 10 years is being reduced. So, in order to get the GEG to be enforced, we just like to see some figures. What do we call it? Some figures that can show us that you know, the government is doing the right things for KPI. For maybe MOH, PDRM or Customs. You know, maybe in the year 2024 maybe it goes down to 55 percent. Year 2027 goes down to 35 percent.

That at least will prove to us that we are able to sacrifice the 30 percent of income that we are enjoying now, you know. So, we are not – What do we call it? Memantau *the things that GEG has brought forward but there is a little bit of concern that we are supposed to be a frontliner to check on the legality of how old the person buying the cigarette is? You know that, and then if we do not do that correctly, we will be taken to court and fined. That is one of our main concerns.*

So, Tuan Pengerusi, *every time when we come up for this kind of dialogue, the* rokok penyeludupan, *that is our main concern. That is all. Thank you.*

Tuan Pengerusi: *Thank you. You did not introduce yourself though.*

Encik Keu Kok Meng: Keu Kok Meng *from Malaysia Singapore Coffee Shop Proprietors' General Association*

Tuan Pengerusi: *All right.* Mr. Keu ya?

Encik Keu Kok Meng: *Yes.*

Tuan Pengerusi: Encik Keu Kok Meng. Ya, *all right.* Okey, ya kita telah dengar daripada ketiga-tiga pembentang. Saya yakin perkara ini perlu dan mahu diperhatikan oleh Jawatan Pilihan Khas Parlimen, khasnya *the one, the current one* ini. *I think* bersama dengan KKM ya, kami juga akan memerhati cadangan-cadangan dan syor-syor yang dibawa dan dibentangkan oleh ketiga-tiga pihak tadi.

Saya yakin perkara ini harus diambil segera pertimbangan kerana *we are about to end.* Kami telah adakan tujuh libat urus ya dan paling terkini sebelum daripada libat urus pagi ini adalah *roundtable discussion* dengan pakar-pakar perubatan selama empat hari ya dan juga mereka pun telah membuat rekomendasi mereka. Oleh itu, saya ingat ada lagi ruang ya untuk Ahli-ahli Yang Berhormat, anggota PSSC ini meneliti bersama dengan KKM untuk kita rumuskan ya.

Andainya perkara ini perlu dirujuk kembali kepada pihak industri dan juga pemegang taruh yang lain, saya yakin perkara ini akan kita beritahu dan kita akan *communicate*, hubungi perkara-perkara yang mahu diteliti akan seterusnya ya. Oleh itu, saya ingat kalau – *Any other las* komen? Sila.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: *Can I....*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Dr. Kelvin ya.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Boleh saya? Tuan Pengerusi, *I just want to respond* kepada isu yang telah dibawa dan untuk menyatakan pendirian Kementerian Kesihatan. *I think, first and foremost, I think we understand some of the concerns that were being brought up. Thank you so much for the survey. I think this is a good direction that we need to have.*

To have a bit more evidence-based survey but with that, I means based discussion, but with that said, I think I hope you also reserve the room for us to question the methodology, to question how this survey you conducted and of course and when it comes to coming up with public health policy, sometimes tough decision has to be made. Of course, we take into consideration of consumers but consumers decision cannot the driving force of any public health, public policy.

With that said, kita lihat *recommendation* yang telah dibawakan terutamanya terhadap *GEG policy. Saya* cuma hendak tegaskan, cuma hendak bentangkan bahawa seperti yang dikatakan oleh Tuan Pengerusi tadi, *GEG is not affecting those that are currently smoking. So, when you are talking about harm reduction, harm reduction is for existing smokers.*

Prinsip GEG adalah untuk *to stop those from starting. So, that is where I feel it is not an issue.* Untuk *address the comment by the Malaysia Singapore Coffee Shop Proprietors' General Association, we of course empathize with the struggle*

that you have been through, especially during the pandemic. I understand that this is the source of revenue but I would like to again put forth our point that actually your 20 percent to 30 percent of revenue can still continue on for the next 20 years to 30 years.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: *This is because the same cohort of their selling now, continue to – Can continue to smoke. Will there be a reduction? Maybe, but then they will still be – Basically they can still smoke. We are just stopping a new generation from smoking but I just want to highlight that your concern for illicit cigarettes is also a concern of the ministry, customs and everything.*

Recently, there was a report published. Yes, illicit cigarettes have dropped in Malaysia. Not significant but we have much more room of improvement to do. That is why in the act itself, there is a safeguard clause. I would like to stress this all the time because if for example we implement this bill or this law and we see a huge surge of illicit cigarettes, the safeguard clause unable the Parliament, the Select Committee to discuss and to adapt, to change it and really theoretically to even remove the law if it going unintended consequences and all the concerns that you have brought up.

So, we have thought this through quite thoroughly but what is our main driver is we want to protect the public health of our younger generation. So, I hope that you understand. Thank you, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya. Ya, ada lagi? *The last few words?*

Datuk Adzwan bin Ab Manas: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Sila.

Datuk Adzwan bin Ab Manas: Saya ingin mengulas sedikit apa Yang Berhormat Dr. Kelvin Yii Lee Wuen beritahu tadi. GEG hanya untuk tahun 2007, untuk penyebab untuk tidak mahu kanak-kanak pergi kepada rokok. Sekarang yang 18 tahun Yang Berhormat, pun tidak boleh kawal, *you* rasa GEG boleh kawal? Sebabnya, *illicit* satu, kedua, 18 tahun sekarang ini pun makin ramai seperti mana Yang Berhormat Sibuti yang beritahu dalam Parlimen tempoh hari.

Kenaikan kadar kanak-kanak merokok adalah naik tinggi. Ya, kenapa kita tidak hendak *concern* undang-undang yang ada sekarang, 18 tahun ke bawah? *Enforcement* tidak ada. *To create* RUU baharu *is easy, to implement it,* hendak buat *enforcement is not that easy. Do you think that it is going to be a problem in a future? One more thing, imagine* kalau orang itu sudah berjambang, sudah dewasa,

how to check? You hendak minta IC orang tua pun susah. Hendak *implement* kita senang, ini pendapat industri.

Lagi satu, apabila *vape* ini diletakkan bersama GEG, *it is a harm reduction,* okey. Kalau kita panggil ia sebagai *harm reduction,* kemungkinan kita boleh menyelamatkan yang sebelum tahun 2007 ini, yang 18 tahun ke bawah ini, tidak boleh *control* ini, kita boleh benarkan mereka kepada *harm reduction.* Kalau masukkan *vaping* kepada *harm reduction,* bagaimana peluang mereka untuk berhenti merokok sedangkan ia dimasukkan bersama dengan GE.

Sepatutnya, ini dikaji dahulu. Jangan tergesa-gesa memasukkan kedua-duanya ke dalam GEG. Ini tidak adil. Ini sebab kalau *you* tengok pakar-pakar kesihatan swasta pun menyokong ke arah *harm reduction.* Seperti yang saya cakapkan tadi juga, adakah begitu bodoh, kerajaan *Great Britain* membenarkan ataupun memberi secara percuma *pod vape* kepada rakyat mereka yang menghisap rokok termasuk ibu mengandung yang menghisap rokok? Sedangkan mereka telah membuat kajian. Kita tidak ada kajian.

Mereka negara maju yang membuat kajian. Mereka memberikan *pod system* juga adalah atas dasar kajian yang dijalankan sebelum-sebelum ini. Saya percaya mereka *still* mengadakan kajian.

■1120

Jadi oleh itu saya berharap penggubal dasar Yang Berhormat dan Ahli-ahli Parlimen beri dahulu peluang untuk *vaping* ini diletakkan di bawah *harm reduction* dahulu. Jangan ambil tergesa-gesa tindakan terus ke dalam GEG. Kita lihat secara berperingkat. Seperti yang Dr. Haji Dzulkefly beritahu kajian mengambil masa yang lama. *Public Health Arrington* dah mengkaji tahun 2010. Tahun 2015 *they come out with the report. Until now they still following the 2015 report because for them that is good enough because* kajian yang dijalankan secara yang sekarang ini yang terbaru ini pun lebih kurang sama *harm reduction. That is where they come out one million pot to those whose is smoking stop smoking, start vaping. Go to harm reduction.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Terima kasih. Boleh saya, *I just want to respond*. Terima kasih kepada pendapat yang diutarakan oleh sahabat saya. Saya rasa *i think just to your last point you emphasis a lot* untuk *harm reduction* kepada mereka yang sedang merokok. *I* persendirian *I'm open to the concept harm reduction. But again I want to stress GEG is not harm reduction. GEG is to stop those from starting from the beginning.*

Saya setuju sangat dengan isu tentang *enforcement. I* tahu bahawa *this is the thing that* kita kena fokus tentang *and you brought up correctly* semakin ramai anak muda sekarang bukan sahaja merokok tetapi sebenarnya *vaping. Actually, the latest report shows very concerning cases.* Kalau kita pergi kawasan pun ramai anak kita *vaping* di sekolah. Jadi, kita perlukan satu isu, mungkin satu tindakan yang lebih komprehensif dan holistik. *What is not working now we need stronger then.*

Kalau kita ada akta yang baharu saya tahu – *enforcement is to be the next step. This is where* kita boleh ada peruntukan lebih daripada kerajaan untuk memastikan *enforcement implementation* adalah dijalankan dengan baik. *But we need a comprehensive step first. That is the thinking of the Ministry and we worked with other ministries like Customs,* PDRM, PBT dan selainnya untuk pastikan kejayaan akta ini. *But as I said* kita kena ada *safeguard*.

As I said, kita ada *clause* di mana kalau dua tahun, lima tahun dan 10 tahun *and this is the mandatory review.* Kita bukan cakap kita akan buat *review* dalaman, tidak beritahu *the* keputusan itu kepada semua, *this is the mandatory review* yang akan dibentangkan di Parlimen. Anda semua boleh lihat keputusan tersebut. Jika benar-benar tidak ada kesan yang kita tak hendak, *unintended consequences I think that is where the Parliamentarians myself including and the select committee we will make the necessary amendments. So that is where we have safeguards and that is where we allow evidence-based the decision we made. Okey, thank you so much.*

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Kalau tidak ada lain saya ingatkan bahawa kami sebagai apa yang di istilahkan sebagai *The Parliamentary Select Committee on Health* ya fungsi dan peranan kami sebagai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Kesihatan atas RUU Kawalan Produk Rokok Demi Kesihatan Awam 2023 ini akan terus berperanan untuk pada akhirnya ketika RUU ini di bentang kami mahu ia disokong. *We are doing our best* untuk bagaimana penggubalan ini pada akhirnya akan mengambil kira semua kepentingan semua dengan sebaik mungkin.

Oleh sebab itu kami adakan libat urus ini, walaupun telah diadakan dia berkata tidak payahlah *you involved* libat urus industri lagi. Pada saya tidak, saya akan terus mendengar dan mendengar dan akan terus melibat urus sehinggalah kita memutuskan satu yang *what i believe, we believe* yang akan disokong. Pada waktu yang sama kita juga perlu mendapat maklum balas daripada kawan-kawan daripada Ahli Parlimen ya. *So*, kita tidak juga syok sendiri sahaja ya *because they*

are very important stakeholder bahkan *they are the lawmakers and legislators themselves.*

Di sini anggota-anggota Ahli Yang Berhormat dalam JKPK ini juga sedang mendengar dan mempertimbangkan semua. Dalam sesi kami nanti kami akan sekali lagi membahaskan dan meneliti segala apa yang tuan-tuan bangkitkan pada hari ini ya. Begitu sahaja yang dapat saya rangkumkan dan rumuskan. Sekali lagi dan terima kasih kepada industri semua dan *all* yang telah membuat pembentangan tadi. Baik.

Datuk Adzwan bin Ab Manas: Yang Berhormat, *last* Tuan Pengerusi ada pengumuman sikit. Oleh sebab saya ada dapat input daripada luar yang sedang berleluasa sekarang ini – bukan, sedang *viral* yang mana ada satu *conference* tak silap saya ada pada 25 Ogos 2023 dekat JW Marriot mengenai *harm reduction* yang mana ada pakar-pakar luar negara. Saya rasa itu sesuai untuk pihak Ahli-ahli Parlimen mendapatkan lebih makluman tentang apa yang dikaji oleh pihak luar lebih senang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, terima kasih. terima kasih tuan. Okey, kalau dengan itu kita tangguhkan mesyuarat ini dan kita ada satu lagi pembentangan oleh kumpulan penyelidik ya. Terima kasih sekali lagi kawan-kawan daripada industri semuanya terima kasih. Kita ambil *take five*. Kita berehat dahulu.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 11.25 pagi]

■1130

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 11.37 pagi]

Secara asas, pengenalan berkenaan dengan pengurangan kemudaratan tembakau ataupun *tobacco harm reduction* kita tahu bahawasanya ini ialah satu strategi kesihatan awam untuk mengurangkan risiko kesihatan kepada individu dan masyarakat. Oleh sebab, kita tahu bahawasanya rokok ataupun asap rokok bukan hanya memberi kesan kepada perokok tetapi juga memberi kesan kepada *secondhand smoker* iaitu orang yang berada berdekatan dengan dia. Oleh sebab itu, kita melihat perlu ada satu perkara yang sangat penting ataupun produk yang kurang mudaratnya, dapat juga bukan hanya mengurangkan risiko kepada *smoker* itu tetapi juga *secondhand smoker*. Itu adalah perkara yang penting.

Seterusnya adalah kita jelas bahawasanya *harm reduction* adalah merupakan satu penyediaan kepada pengguna yang mahu berhenti merokok, yang mana menggunakan produk yang mengandungi nikotin yang kurang mudarat secara berterusan seperti *vape*. Ini saya rasa semua jelas bahawasanya *vape* adalah antara produk yang paling popular kita bincangkan pada hari ini. Kalau kita tengok strategi ini ataupun kaedah ini telah pun diterima pakai seperti yang disebut oleh beberapa pembentang tadi. Kita boleh lihat bagaimana terutamanya di UK, New Zealand, Australia dan sebagainya. *So*, ini antara beberapa agensi yang telah menerima pakai perkara ini.

Seterusnya, seperti kita tahu bahawasanya UK adalah salah satu contoh yang paling popular yang biasa kita guna. Jadi, sejak daripada sedekad lalu, lebih kurang daripada 20 *percent* pada awal 90-an kita tengok perlahan-perlahan sehinggalah pada awal 2010, 2012 itu apabila mereka memperkenalkan. Kita boleh melihat sekarang bagaimana *smoking rate* mereka semakin menurun, semakin menurun, semakin menurun. *So*, ini adalah satu strategi yang saya fikir kita perlu lihat, adalah satu polisi yang sangat baik dan perlu kita ambil contoh.

Berbanding dengan Kesatuan Eropah, kita boleh melihat bagaimana kadar penurunan merokok itu lebih cepat di UK disebabkan mereka mengambil *approach*

ataupun kaedah *method* iaitu *tobacco harm reduction*. *So*, ini antara benda yang paling penting untuk kita faham dan juga untuk kita *study* bagaimana ada – mungkin ada beberapa negara yang kita tahu setiap negara ada *approach* tersendiri. Akan tetapi, bagaimana negara-negara tersebut, antara negara-negara ini negara mana satu kah yang memberi kesan penurunan perokok yang lebih cepat ataupun lebih signifikan.

Baik, seterusnya. Tanpa melengahkan masa saya hendak terangkan sedikit sebanyak berkenaan dengan kita punya model terutamanya *harm reduction*. Pandangan kita berkenaan dengan *harm reduction. So,* macam saya sebut kita memberi fokus kepada *vape*. Baik, kalau kita tengok menurut *Yale School of Public Health*. Perisa *vape* dikaitkan dengan peningkatan 230 peratus potensi untuk perokok dewasa berhenti merokok. Kalau kita tengok dekat sini, ada negara-negara tertentu yang dia tidak benarkan perisa *vape* atas faktor-faktor tertentu. Akan tetapi, di peringkat kami kita melihat bahawasanya *flavor* ini akan memberikan signifikan *catalyst* kepada perokok ini untuk dia *change, transition* daripada merokok kepada *vape*.

Kalau kita tengok ada salah seorang pengkaji, dia menyatakan bahawasanya perisa adalah bahagian penting dalam daya tarikan *vape* untuk perokok dewasa dan menjadikan produk itu menarik sebagai alternatif kepada merokok. Sama seperti perisa juga digunakan untuk meningkatkan daya tarikan gula-gula getah nikotin, pengharaman perisa kemungkinan akan menjejaskan penggunaan rokok elektronik dan manfaat kesihatan awam. *So*, ini antara pandangan kita.

Dalam isu berkenaan dengan *producer* perisa ini juga kita perlu lihat ada beberapa perkara iaitu dua faktor penting, harga berpatutan dan kepelbagaian perisa mampu di akses oleh pengguna. Kita kena ingat kalau kita melakukan *banned* ataupun kita melakukan pengharaman secara ketat sebenarnya itu akan menyebabkan berkemungkinan besar perokok dia akan kembali, orang yang hisap *vape* itu akan kembali menghisap rokok. *So*, itu yang kita tak nak.

Rangka kerja kawal selia yang moden, terbuka dan berdasarkan risiko yang tertumpu pada pengurangan penggunaan tembakau perlu diperkenalkan. Saya rasa beberapa sahabat saya pun tadi dah sebutkan berkenaan dengan perkara ini iaitu apabila kita hendak melakukan cukai sebagai contoh. Memperkenalkan cukai, kita kena melihat bagaimana antara produk-produk yang mempunyai risiko ini, risiko yang kurang mudarat itu perlu diberikan cukai yang lebih murah supaya ia... *[Ketawa]* Dia boleh mendapat akses kepada pengguna.

Seterusnya adalah kita boleh pergi ke slaid yang seterusnya. Seterusnya adalah berkenaan dengan memakai teknologi neutral. *So*, kita perlu membenarkan jenis-jenis produk nikotin seperti *vape* sama ada terbuka, tertutup atau pakai buang, tembakau yang dipanaskan dan tembakau kunyah. *So*, ini adalah beberapa jenis yang kita boleh *explore* ataupun kita boleh lihat. Kita kena ingat apabila kita bercakap tentang teknologi neutral. Teknologi ini dia sepatutnya *fair,* di mana teknologi neutral ini menjamin kebebasan memilih dengan tidak memaksa pengguna atau syarikat menggunakan mana-mana teknologi tertentu.

So, bila ada teknologi tertentu pihak kerajaan cuba *impose* terhadap mana-mana pengeluar dan sebagainya. *So*, itu akan menyebabkan peningkatan harga barang dan juga produk hingga mungkin akan menyebabkan harga barang dan seterusnya mengurangkan akses kepada pengguna untuk mendapatkan produk yang kurang mudarat.

■1240

Penggunaan teknologi – ini yang saya sebut tadi adalah penggunaan teknologi khusus akan mendiskriminasikan teknologi yang lain hingga menyebabkan kos operasi dan harga barang akhir meningkat. *So*, ini antara dia punya idea.

Ini adalah perkara yang saya fikir sangat penting untuk kita tekankan kerana dalam banyak perbincangan berkenaan dengan *harm reduction* ataupun *vape* sering kali ia disebut sebagai pintu gerbang kepada kanak-kanak untuk menghisap *vape*. Akan tetapi dekat sini sebab itu kita menekankan perlu ada sekatan umur di tempat jualan dan bukan hanya di kedai secara fizikal tetapi juga dalam talian. *So*, ini perlu diperkenalkan, kita perlu *explore* bagaimana perkara ini boleh dilakukan.

Antara cadangannya adalah memperkenalkan peraturan pintar ataupun *smart policy* dengan menguatkuasakan sekatan kepada bawah umur 18 tahun – kita kebiasaan kita sendiri – peranti *vape* dan cecair di tempat jualan dan menggunakan teknologi pengesahan umur modem untuk jualan dalam talian. *So*, ini adalah perkara yang kita mungkin boleh *introduce* ataupun tengok bagi memastikan perkara ini tidak dijual kepada mereka yang berumur 18 tahun dan ke bawah. Perkara yang paling penting juga adalah undang-undang ini perlu membezakan produk *vape* antara pengguna dewasa yang bertanggungjawab dengan kanak-kanak.

Kalau kita tengok di sini jangan buat sistem pelesenan terpilih. Saya faham, mungkin ada sesetengah pihak melihat bahawasanya perlu ada kedai-kedai

tertentu sahaja yang perlu dikhaskan untuk menjual produk seperti ini ataupun produk *harm reduction*. Akan tetapi kita punya cadangan adalah untuk kita hendak memastikan bahawa bahawasanya produk yang mempunyai kurang risiko ini boleh diakses oleh pengguna dengan mudah terutamanya mereka yang pengguna yang bertanggungjawab, terutamanya pengguna dewasa.

Jadi, kalau kita meletakkan sistem pelesenan di kedai-kedai terpilih terutamanya yang hanya meletakkan contoh kedai-kedai tertentu sahaja yang boleh, *so* itu mungkin akan menyebabkan produk tersebut sukar untuk dicapai. Namun, saya sedar bagaimanapun ini adalah cadangan terutamanya daripada segi kesesuaian dan realitinya mungkin sedikit sebanyak kita perlu juga mengawal proses ini bagaimana untuk kedai-kedai mana yang boleh menjual dan sebagainya.

Jangan meletakkan had nikotin. *So*, ini secara asasnya adalah berkenaan dengan had cecair dan nikotin tidak mengurangkan kadar menge-*vape* tetapi mendorong pengguna menggunakan *pod* atau produk pakai buang dengan lebih kerap dan ia tidak baik untuk alam sekitar. Kita tahu bahawasanya *disposable* kebiasaannya adalah tidak baik untuk kita punya alam sekitar sebab banyak barang buang dan sebagainya.

Akan tetapi dekat sini sebenarnya adalah – dan kalau kita tengok satu lagi pengguna juga mungkin akan kembali kepada merokok jika kandungan nikotin terlalu rendah. Hal ini menyebabkan tujuan utama pengurangan kemudaratan tembakau dengan membantu pengguna berhenti merokok sukar dicapai. *So*, dekat sini ideanya adalah untuk kita cuba mencari keseimbangan. Kita hendak cuba untuk mengelakkan orang daripada kembali merokok kerana ketagihan nikotin tersebut tetapi pada masa yang sama adalah perlu ada – saya faham, *it's not easy* untuk kita tidak letak had nikotin langsung. Di negara-negara tertentu pun kita faham dan dalam produk-produk yang lain pun macam disebutkan oleh tadi 16mg dan sebagainya itu kita faham.

So, dekat sini saya rasa apa yang perlu kita lakukan adalah kita perlu mencari keseimbangan terutamanya adalah had nikotin yang tidak terlalu rendah hingga menyebabkan orang akan *vape* dengan lebih kerap. *So*, kita kena cari jalan tengah supaya kalau kita menggunakan *vape* sebagai salah satu produk *harm reduction*, ia boleh digunakan oleh orang yang hendak berhenti merokok sesuai dengan kadarnya. *So*, ini mungkin boleh melihat semula kepada preskripsi dan sebagainya.

Menjamin kebebasan untuk pemasaran dan pengiklanan. Maklumat yang tepat perlu dicapai perokok semasa dan memindahkan mereka ke alternatif yang

kurang mudarat. Larangan penjenamaan dan tanda amaran yang besar boleh mencetuskan pengeluaran produk palsu dan mengelirukan pengguna. Apa yang saya hendak tekankan di sini sebenarnya adalah berkenaan dengan maklumat yang tepat. Itu perkara yang paling penting.

Kita sudah sebut berkenaan dengan *fearmongering*. Itu kerisauan kita kerana apabila orang hendak berubah kepada produk yang kurang mudarat tetapi akhirnya orang tidak pergi kerana orang mendapat maklumat yang salah. *So*, itu tujuan dalam poin ini yang saya hendak sebutkan.

Ini yang terakhir sebenarnya yang ketujuh iaitu formulasi undang-undang berdasarkan sains dan fakta. Saya percaya bahawasanya fakta dan sains perlu digunakan sebagai kaedah utama untuk memformulasikan undang-undang atau membangunkan undang-undang bagi menetapkan piawaian kualiti dan keselamatan *vape*. Oleh sebab itu, saya rasa *vape* ini hendak tidak hendak kita kena *regulate*. Kita tidak kata bahawasanya *vape* ini tidak perlu di-*regulate* ataupun produk *harm reduction* tidak perlu di-*regulate*.

Ia perlu diregulasi dan perlu dilaksanakan secepat mungkin. Ini adalah kerana kalaulah ia tidak di-*regulate*, pengguna akan terus mempunyai akses kepada produk-produk yang berbahaya, produk-produk yang tidak mempunyai piawaian yang ditetapkan secara sah oleh pihak kerajaan. Ini akan menyebabkan lebih bahaya kepada pengguna.

Kalau kita tengok daripada ini, penyelidikan terbaharu daripada King's College London penggunaan produk *vape* berbanding merokok membawa kepada pengurangan ketara dalam pendedahan kepada toksik yang menggalakkan kanser, penyakit paru-paru dan penyakit kardiovaskular.

Terakhir sekali, sebenarnya tidak ada di situ. Saya – tidak, ini sebenarnya ada dalam saya punya ini. Cuma – ini yang terakhir, sebenarnya adalah kami ingin mencadangkan terutamanya kepada pihak kerajaan iaitu untuk memperjelaskan apa yang dirancang oleh kerajaan secara terperinci.

Kita mendengar berkenaan dengan GEG sebagai contoh. Kita mendengar berkenaan dengan hendak mengeluarkan undang-undang untuk rokok dan *vape* dan sebagainya tetapi saya percaya bahawasanya sehingga kini kita masih lagi tidak ada satu butiran kawal selia seperti had nikotin, peraturan pembungkusan, label amaran, peraturan runcit, pelesenan runcit dan piawaian produk yang sah.

Saya percaya bahawasanya perkara ini perlu disegerakan, itu yang pertama. Keduanya adalah butiran kawal selia tersebut perlu dipaparkan oleh pihak KKM bagi mendapatkan pungutan suara balas dari pihak pengguna terutamanya

mengenai perkara ini. *So*, maksud saya adalah kalaulah kita sudah ada draf berkenaan dengan kawal selia ini, apa yang kita boleh lakukan adalah kita cuba dapatkan proses pungutan suara ataupun pandangan daripada pihak pengguna terutamanya. Terima kasih, itu sahaja daripada peringkat saya. Terima kasih, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Pengerusi: *Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Encik Tarmizi ya bagi mewakili *Consumer Choice Center* dan kita telah – saya kira semua telah membuat pembentangan. Saya perhatikan ada beberapa cadangan yang agak *concrete* dan juga tegas untuk pemerhatian dan pertimbangan bukan sahaja PSSC tetapi juga KKM ya yang pertamanya perlu memberikan kalau ada-lah respons-respons yang agak *immediate*, Dr. Kelvin selaku penasihat tidak ada lagi di sini atas isu, isu yang sebenarnya sudah agak *overtaken* sebenarnya *by event* kerana dalam PSSC yang lalu perkara itu telah dibangkitkan.

Contohnya andainya mahu ia *decouple*, mahu dikeluarkan GEG daripada RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 ini *it's almost like* satu yang sudah – saya istilahkan tadilah ya sudah *overtaken* ya ataupun *it's already water under the bridge because* sekarang ini kita telah *almost come to the point* yang kita akan – KKM, pemandangan KKM dan juga telah menegaskan perkara itu dan mungkin juga kalau PSSC mahu *revisit*, mahu menziarahi kembali perkara itu boleh kami akan bentangkan.

Akan tetapi saya dapat lihat jelas ada pandangannya tadi. *Decreaminalise* itu satu yang agak *on the same page more or less* kita sealiran. Perkara-perkara lain itu saya kira juga akan kami bawa dalam perbincangan PSSC. Kalaulah ada daripada KKM pandangan-pandangan awal atau respons yang segera, sila saya izinkan untuk...

Dr. Norliana binti Ismail [Ketua Sektor Kawalan Tembakau dan Urus setia FCTC, Kementerian Kesihatan Malaysia]: Okey Yang Berhormat. Cuma tambahan apa yang telah dimaklumkan tadi sebagai contoh perincian kawal selia itu memang akan ada dalam peraturan nanti.

Tuan Pengerusi: Dalam peraturan ya semuanya.

Dr. Norliana binti Ismail: Sememangnya sebagaimana amalan sekarang setiap kali apa-apa peraturan dipinda ataupun dibuat akan ada sesi libat urus berterusanlah Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Sebab yang itu telah dijanjikan ya. Saya ingat perkara itu agak jelas. Baik, ada lagi pandangan-pandangan yang lain? Kalau tidak kita boleh tangguh dahulu. Ada? Tidak ada ya? Baik, terima kasih sekali lagi kepada semua

pembentang ya daripada keempat-empat kumpulan penyelidik. Insya-Allah kalau ada perkara-perkara lain yang kami perlu libat urus, sekretariat akan menghubungi tuan-tuan daripada semua *from the Advanced Centre for Addiction Treatment Advocacy* (ACATA), DARE*, Bait Al-Amanah* dan juga *Consumer Choice Center.* Saya sekali merakamkan jutaan terima kasih atas sumbangan atas sangat baik input dan dapatan kajian-kajian yang tuan-tuan lakukan. Terima kasih sekali lagi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.51 tengah hari]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

LAPORAN PROSIDING

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
KESIHATAN

PEMBENTANGAN LAPORAN PERBINCANGAN MEJA BULAT BERKENAAN RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2023

BIL. 8
SELASA, 29 OGOS 2023
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
KESIHATAN
BIL. 8 TAHUN 2023

BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

SELASA, 29 OGOS 2023

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir
YB. Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] - *Pengerusi*
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]
YB. Puan Young Syefura binti Othman [Bentong]
YB. Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat]
YB. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat]
YB. Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus]
YB. Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi [Tanjong Karang]

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*
YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
YB. Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran [Batu]

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Faizal bin Lan [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zuhair bin Mohd Zubir [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Dr. Anita binti Suleiman [Pengarah Kawalan Penyakit]
Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali [Penasihat Undang-undang]
Dr. Noraryana binti Hassan [Timbalan Pengarah (Penyakit Tidak Berjangkit)]
Dr. Norliana binti Ismail [Ketua Sektor Kawalan Tembakau dan Urus setia FCTC]
Dr. Muhamad Hairul Nizam bin Abd Hamid [Ketua Penolong Pengarah Kanan]
Dr. Ahmad Riadz Bin Mazeli [Ketua Penolong Pengarah Kanan (PPKA)]
Dr. Nurhaliza binti Zakariah [Ketua Penolong Pengarah Kanan]
Puan Noor Aisyah binti Ahmad [Peguam Kanan Persekutuan]
Puan Intan Noorashikin binti Nasarudin [Peguam Kanan Persekutuan]
Encik Hasnainin bin Hassan [Pegawai Kesihatan Persekitaran]
Encik Nurulhisham bin Shamsuddin [Pegawai Kesihatan Persekitaran]
Puan Sivamalar a/p Genapathy [Pegawai Tugas-Tugas Khas kepada YBMK]

Sunway University
Prof. Dr. Long Chiau Ming [Associate Dean (Research) and Professor]
Prof. Dr. Elil Renganthan [Professor of Public Health and Policy]

Taylor's University
Prof. Dr. Wee Lei Hum [Professor of Public Health]

The National Cancer Society of Malaysia (NCSM)
Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy [Managing Director]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN
BIL. 8 TAHUN 2023

BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

SELASA, 29 OGOS 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.09 pagi

[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera, salam Malaysia MADANI. *Alhamdulillah,* pertamanya saya merafak syukur kepada Allah SWT dan terlebih dahulu mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih, jutaan terima kasih atas komitmen tuan-tuan, terutamanya Ahli-ahli Yang Berhormat anggota Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan. Kita ada semua kecuali Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Kuala Pilah, sementara Yang Berhormat Sibu memang tidak dapat hadir ya. Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Begitu juga pegawai-pegawai daripada Kementerian Kesihatan, Pengarah Kawalan Penyakit, Dr. Anita; Tuan Yang Zaimey, Penasihat Undang-undang (PUU) dan para pegawai, juga Timbalan-timbalan Pengarah, Dr. Noraryana dan Dr. Norliana dan semua pakar perubatan kesihatan yang lain. Kita ada Dr. Nurhaliza dan sembilan orang yang datang daripada KKM.

Hari ini saya mahu merakamkan jutaan terima kasih kepada wakil yang telah dipilih daripada pakar-pakar kita yang hadir bersama kita hari ini. Baiklah, saya mulakan. Pakar perubatan Prof. Dr. Elil, daripada Sunway University dan juga begitu Prof. Dr. Long, Prof. Dr. Wee – Assoc. Prof. Dr. Amer tidak dapat hadir ya? Dan Assoc. Prof. Dr. Muralli yang merupakan juga *Managing Director,* The National Cancer Society of Malaysia juga selaku koordinator dalam menyusun dan mengatur *round-table discussion* yang menghasilkan apa yang akan mereka bentang pada hari ini.

Untuk pengetahuan semua, peringatan untuk semua, mesyuarat hari ini kita adakan sesi pembentangan laporan perbincangan meja bulat yang kita adakan dari 14 hingga 17 hari bulan yang terkait dengan tiga aspek iaitu:

(i) tingkah laku dan denda;

(ii) kawalan produk merokok; dan

(iii) *vape* sebagai rawatan atau strategi pengurangan kemudaratan (*harm reduction*).

Saya difahamkan kesemua pakar, *expert panel* kita akan membuat pembentangan dan kita mengikut susun atur ini. Kita bermula dengan Prof. Dr. Elil Renganthan, *please take the floor.* Terima kasih, sila.

Prof. Dr. Elil Renganthan [Professor of Public Health and Policy, Sunway University]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat, selamat pagi.

[Merujuk kepada slaid pembentangan] Yang ini kaedah dan proses yang kita gunakan untuk buat laporan kepada PSSC. Pengerusi PSSC menyebut beberapa orang panel pakar terdiri daripada akademik dan pakar klinikal yang terlibat dalam aktiviti kawalan tembakau dan kesihatan awam.

Pakar-pakar dipilih daripada pelbagai universiti awam dan swasta dari seluruh negeri. Yang ini 30 orang. *Listing*-nya dalam *report*, daripada 10 universiti. Panel pakar diberikan taklimat tentang kawalan tembakau di Malaysia dengan penekanan kepada Rang Undang-undang Kawalan Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 oleh wakil daripada Kementerian Kesihatan dan Jabatan Peguam Negara. Setelah itu, kita membentang dan ada rangka kerja laporan awal dibentuk melalui konsensus panel pakar.

Skop kerja yang kita bersetuju meliputi tiga bidang utama:

(i) strategi berkaitan kawalan produk yang merangkumi aspek permintaan dan bekalan produk tembakau;

(ii) strategi berkaitan aspek tingkah laku kawalan tembakau; dan

(iii) strategi berkaitan pengurusan klinikal penggunaan tembakau dan nikotin.

Hari ini Prof. Dr. Long akan membentangkan strategi berkaitan kawalan produk, Prof. Dr. Wee akan membentangkan strategi berkaitan aspek tingkah laku dan Assoc. Prof. Dr. Muralli akan membentangkan strategi berkaitan pengurusan klinikal.

Tiga kumpulan kerja ini telah mengkaji semula dan membincangkan amalan terbaik semasa yang berasaskan bukti saintifik dan juga piawaian sedia ada. Ini dibincangkan oleh kumpulan kerja. Yang itu *in English is evidence-based, best*

practice untuk *norms and standards* juga. Kemudian selepas perbincangan dalam kumpulan kerja, kita adakan beberapa *panel meetings* untuk lagi perbincangan lebih lanjut dalam *plenary session* untuk bersetuju secara harmoni mengenai hasil dapatan dan cadangan. Laporan terakhir *is* laporan konsensus, disemak dan dipersetujui oleh semua panel pakar. Itulah proses yang kita gunakan. Saya akan bagi ke Prof. Dr. Long untuk *continue*.

Prof. Dr. Long Chiau Ming [Associate Dean (Research) and Professor, Sunway University]: Terima kasih Prof. Dr. Elil. Selamat pagi kepada semua dan Tuan Pengerusi. Saya ambil masa sikit 10 minit. Saya ada enam slaid untuk membentangkan tentang kawalan produk untuk *tobacco*. *So*, tujuan kami atau cadangan kami sebenarnya lebih menjurus untuk memastikan industri *tobacco* dapat dikembangkan dengan seimbang, selaras dengan kesihatan awam untuk memastikan pemampanan dan perkembangan kesihatan awam. Untuk cadangan kami menjurus kepada dua bahagian.

Pertama ialah mengawal produk merokok dengan mengurangkan bekalan tetapi bekalan itu kita hendak mengurangkan bekalan *black market* atau produk yang tidak mematuhi undang-undang. Kedua ialah mengurangkan permintaan untuk – Sebab daripada kajian kami dan dicadangkan oleh National Cancer Society. Kami ada beberapa perkara yang akan dibentangkan nanti.

So, pertama untuk pengurangan bekalan, ada beberapa jurusan yang kami ingin supaya *committee* dapat mempertimbangkan seperti mana yang akan dibentangkan kemudian. *So*, slaid seterusnya.

Pertama, pengurangan bekalan. Seperti mana yang saya sebut tadi, pengurangan pembekalan untuk memastikan bekalan yang tidak terkawal atau tidak mematuhi undang-undang akan dikawal. Caranya, pertama ialah pendaftaran wajib e-rokok dan e-cecair dengan agensi kawal selia seperti mana pasukan Dr. Noraryana di FTCT. *So*, proses pendaftaran melalui Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau yang sedia ada yang diluluskan pada tahun 2004 dari segi pendaftaran e-rokok dan e-cecair serta pembaharuan berkala secara tahunan.

Kedua ialah pemantauan dan pematuhan yang dijalankan secara rawak untuk memastikan penalti dapat dikenakan jika terdapat syarikat atau individu yang melanggar garis panduan pendaftaran atau didapati tidak mematuhi peraturan.

Kami juga mendapati kepekatan dan ketulenan nikotin dalam e-rokok dan e-cecair amat penting supaya dapat dikawal sebab walaupun – Sebagai contoh, dikatakan kalau ketulenan nikotin itu 80 peratus tetapi apa yang kita bimbangkan yang 20 peratus yang tidak tulen itu apa kandungan sebenarnya. Adakah akan memudaratkan kesihatan pengguna?

So, ada enam aspek yang kita cadangkan untuk mengawal kepekatan dan ketulenan nikotin. Pertama, kepekatan nikotin asas bebas (*freebase nicotine*) perlu dihadkan kepada maksimum 20 miligram per mL atau dua peratus. Ini selaras dengan peraturan yang dikawal di United Kingdom. Jumlah maksimum *e-liquid* itu sepatutnya dikawal kepada maksimum dua mL kepada setiap kartrij praisi (*prefilled cartridge*).

■1020

Selaras dengan piawaian negara lain, kualiti nikotin juga perlu mematuhi United States Pharmacopeia. Poin ketiga, menyediakan Sijil Analisis (COA) semasa pendaftaran ditujukan. Ini untuk mematikan ketulenan nikotin yang digunakan dalam e-cecair dikawal untuk setiap kelompok. *So,* kita akan ambil secara rawak tiga kelompok daripada pengilang.

Isi keempat, kita memerlukan ujian pihak ketiga untuk memastikan kepekatan nikotin dalam e-cecair sebelum pendaftaran produk dihantar.

Poin kelima, pemantauan dan pensampelan akan dijalankan secara rawak oleh pegawai di FCTC untuk mengesahkan kepekatan dan ketulenan nikotin. Justeru, dakwaan atau hukuman akan dijatuhkan jika terdapat ketidakpatuhan kepada peraturan yang akan dicadangkan.

Slaid seterusnya. Ini slaid kedua tentang pengurangan bekalan yang lebih menjurus kepada bahan tambahan, pewarna dan perisa e-rokok dan e-cecair yang dibenarkan. Ini juga berlandaskan kepada peraturan-peraturan daripada FTA dengan EU. *So,* kita mencadangkan untuk mewujudkan senarai lengkap bagi senarai bahan tambahan (*additives*) yang terlarang untuk memastikan pewarna dan perisa yang digunakan adalah selamat. Kita cadangkan hanya perisa *tobacco* yang diluluskan sebab daripada kajian kami, didapati perisa buah-buahan atau perisa *dessert* lain secara tidak baik akan mengundang pengguna baharu untuk mencuba *vape.*

So, seterusnya maklumat pembungkusan dan label produk e-rokok dan e-cecair juga perlu mematuhi enam peraturan yang dicadangkan. Pertama ialah pembungkusan yang melindungi kanak-kanak. Seperti mana yang kita baca dalam surat khabar ada beberapa kes keracunan nikotin atau cecair nikotin yang berlaku kepada kanak-kanak. *So,* ini amat memudaratkan kesihatan mereka. *So,* dengan adanya *child-resistant packaging* ini kita akan memastikan keselamatan kanak-kanak.

Pembungkusan biasa juga dapat dicadangkan – Yang ini bermaksud semua produk e-rokok dan e-cecair yang dijual perlu menggunakan warna seragam.

Warna ini kita pilih berdasarkan peraturan negara-negara global iaitu *Pantone 448C*.

Poin ketiga, pelabelan pembungkusan yang perlu menyatakan kandungan nikotin seperti mana yang kita cadangkan; amaran kesihatan bergambar, kandungan ramuan, *batch number* dan tarikh tamat tempoh juga perlu tertera pada kotak produk *tobacco* tersebut.

Poin keempat, kita cadangkan semua teks itu dapat dibaca sekurang-kurangnya *font* lapan dengan menggunakan huruf yang standard HB hitam dengan latar belakang putih.

Poin kelima, semua maklumat pembungkusan hendaklah dicetak dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

Poin keenam, kedua-dua peranti e-rokok dan pembungkusan kartrij praisi mesti memaparkan amaran kesihatan yang berbeza dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Tulisan itu kena meliputi 30 peratus permukaan depan dan belakang kotak produk *tobacco.*

So, yang seterusnya untuk pengurangan permintaan seperti mana yang disebutkan tadi, pengurangan permintaan amat penting disebabkan kita dapati dalam kajian yang dijalankan sebanyak 20 peratus pengguna *vape* ialah perokok jenis perokok baharu. Maksudnya mereka tidak pernah merokok sebelum ini.

Pelesenan import, eksport dan pengeluar *vape* perlu dikuatkuasakan. Poin yang pertama, pelesenan bagi pengimportan dan pengeksportan. Kita ada buat dua cadangan atau alternatif. Cadangan pertama ialah – Pelesenan bagi pengimportan dan pengeksportan. Cadangan pertama ialah larangan sepenuhnya untuk pengimportan semua produk merokok. Hal ini berdasarkan kajian kami mendapati 60 peratus produk *vape* yang diimport ialah buatan Malaysia. *So*, ini menunjukkan industri *vape* di Malaysia sedang bagus*. [Ketawa] I mean* sangat berkembang dengan baik tetapi bagi tujuan eksport juga kita tiada halangan. Akan tetapi, diwajibkan untuk melabelkan produk itu atau produk *tobacco* dengan mesej *"Bukan untuk Dijual di Malaysia"* atau dilabelkannya sebagai *"Untuk Dijual Hanya di negara eksport tertentu".*

Cadangan kedua untuk membenarkan – Alternatif kedua ialah kita membenarkan pengimportan tetapi pengimport perlu mendapatkan lesen dan mematuhi tatacara permohonan lesen vape*.* Ini telah dikuatkuasakan sekarang. Lesen import dan eksport perlu menjalani pembaharuan berkala juga. Biasanya secara tahunan.

So, poin seterusnya untuk pelesenan untuk pengilangan. Pemeriksaan fasiliti harus dibuat supaya pematuhan kepada GMP atau piawaian sedia ada yang

telah diadakan. Pengilang juga harus mewujudkan mekanisme kawalan kualiti dalaman. Penalti atau denda akan dikompaun untuk mereka yang tidak patuh kepada undang-undang.

So, seterusnya kita cadangkan untuk pengurangan permintaan dari segi pencukaian. Seperti mana yang tuan-tuan dan puan-puan tahu, cukai untuk rokok di Malaysia ialah 55 peratus. Ini tidak dinaikkan sejak Belanjawan 2015. Piawaian yang dicadangkan oleh WHO ialah 65 peratus. *So,* kalau ikut kiraan 55 peratus duti eksais, cukai semasa bagi setiap rokok konvensional sekarang ialah 40 sen sebatang rokok. Kalau untuk pek yang 20 batang itu, *so* kerajaan dapat mengutip RM8 untuk setiap kotak rokok. Kalau kita bandingkan dengan cecair *vape,* apa yang dikuatkuasakan pada 1 April tahun ini ialah duti eksais 40 sen setiap ml cecair *e-liquid. So,* seperti mana yang kita tahu, 1ml *vape,* ia sebenarnya boleh disedut sehingga 30 kali.

■1030

So, yang ini, kalau dua mililiter itu, 600 sedutan itu sebenarnya lebih daripada satu kotak rokok. Daripada kajian ekonomi, pengiraan kami, sebenarnya yang cukai duti eksais itu dapat ditingkatkan sebanyak sepuluh kali ganda. *So*, cadangan kami ialah menyelaraskan cukai cecair *vape* atau kartrij praisi yang mengandungi dua mililiter *e-liquid* atau e-gel dengan kepekatan nikotin sebanyak 20 miligram per mililiter supaya selaras dengan kotak rokok konvensional yang ada 20 batang rokok.

Kalau ikut kiraan tadi, kartrij yang mengandungi 2ml itu sepatutnya cukai yang setimpal ialah RM8 dan bukannya 80 sen, seperti yang sepuluh kali ganda. Setakat itu sahaja daripada bahagian saya mengenai kawalan produk-produk rokok. Saya mempersilakan Prof. Dr. Wee Lei Hum.

Prof. Dr. Wee Lei Hum [Professor of Public Health, Taylor's University]: Selamat pagi Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian dan juga wakil-wakil daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Saya Prof. Wee, pesara daripada UKM dan sambung khidmat di Taylor's University. Izinkan saya membentangkan strategi berkaitan aspek tingkah laku kawalan tembakau. Dalam aspek tingkah laku dalam kawalan tembakau yang akan dibentangkan, kita kategorikan kepada tiga subtopik seperti berikut.

Subtopik pertama meliputi aspek pengiklanan, promosi dan penajaan yang memfokuskan kepada:

(i) implementasi pembungkusan secara seragam untuk e-rokok dan e-cecair;

(ii) larangan iklan merentas pelbagai platform media dan pemasaran;

(iii) larangan memberikan produk merokok sebagai hadiah; dan

(iv) keperluan bagi satu platform komunikasi secara rasmi.

Subtopik kedua ialah tingkah laku pengguna terhadap penjualan produk tembakau, menekankan isu-isu yang berkaitan dengan:

(i) penjualan e-rokok dan e-cecair di tempat yang dikunjungi oleh kanak-kanak dan remaja;

(ii) kepentingan mengadakan satu peraturan berkaitan dengan penjualan produk tembakau; dan

(iii) hukuman serta denda yang lebih tinggi untuk kedua-dua penjual dan syarikat yang terlibat.

Subtopik ketiga adalah mengenai penggunaan produk tembakau yang meliputi empat isu:

(i) pelaksanaan Generasi Penamat Rokok (GEG);

(ii) semakan klausa yang berkaitan dengan hukuman dan perintah khidmat masyarakat untuk remaja; dan

(iii) penambahbaikan program pendidikan, pencegahan dan pemulihan yang sedia ada.

Untuk makluman semua, kita semua tahu bahawa strategi kita untuk menurunkan kadar *prevalence* merokok ataupun rokok elektronik yang kita sebutkan di sini sebagai *vaping* kepada lima peratus menjelang tahun 2045, maka kumpulan pakar ingin menegaskan bahawa strategi GEG harus dikekalkan demi menurunkan beban kesihatan dan kos rawatan di negara kita. Kami juga ingin menekankan di sini bahawa fasal-fasal dalam RUU sedia ada adalah bercorak melindungi iaitu *protective aspect*, melindungi kohort ataupun golongan GEG daripada memulakan dan meneruskan penggunaan produk tembakau dan bahan merokok.

Fasal-fasal sedia ada dalam rang undang-undang 2023 ini yang berkaitan dengan tingkah laku sedia ada yang dibentangkan di sini mengandungi:

(i) fasal 7, larangan pengiklanan produk tembakau dan sebagainya;

(ii) fasal 8, larangan pengiklanan produk tembakau termasuk tiruan;

(iii) fasal 9, larangan promosi atau tajaan produk tembakau;

(iv) fasal 12, larangan produk tembakau, contohnya sebagainya sebagai pemberian atau hadiah;

(v) fasal 13, larangan penjualan produk tembakau kepada orang yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya; dan

(vi) fasal 14, larangan penjualan bahan merokok dan sebagainya kepada orang yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya.

Kami memang mendapati ia amat melindungi GEG daripada terdedah kepada produk tembakau dan bahan merokok. Manakala, fasal 16 iaitu berkaitan dengan pembungkusan dan pelabelan, kami juga bersetuju bahawa ia meningkatkan persepsi tidak sihat ataupun bahan beracun terhadap produk tembakau dan bahan merokok. Fasal 17 berkaitan dengan kawasan atau tempat larangan merokok, ia adalah penting untuk mengehadkan ataupun menyukarkan penggunaan produk tembakau dan bahan merokok. Ia juga dapat menormalisasikan budaya hidup sihat tanpa produk tembakau dan bahan merokok.

Situasi dan strategi semasa yang digunakan oleh pihak-pihak pakar mendapati bahawa Malaysia masih membenarkan *point of sale display*. *Pictorial health warnings* terbukti meningkatkan kesedaran tentang risiko kesihatan dan peningkatan keinginan untuk berhenti. Media sosial juga digunakan secara meluas untuk mempromosikan produk tembakau dan bahan merokok.

Maka, saranan pakar terhadap RUU 2023 semasa untuk fasal 13 dan 14 adalah tiada banyak perbezaan nilai denda dikenakan antara penjual dan pertubuhan atau perbadanan. Maka, syor yang diangkat di sini ialah denda dinaikkan untuk kesalahan penjualan kepada GEG oleh pertubuhan dan perbadanan. Kesalahan pertama didenda tidak kurang daripada RM50,000. Kalau yang daripada asalnya ialah RM20,000, kita cadangkan untuk dinaikkan kepada RM50,000 dan tidak melebihi RM200,000 yang asalnya ialah RM100,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kesalahan kedua atau berikutnya, didenda tidak kurang daripada RM100,000 yang dahulunya RM50,000 dan tidak melebihi RM500,000 ataupun yang dahulunya RM300,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Manakala,

saranan untuk fasal 17 pula, kami mencadangkan pertambahan kawasan larangan merokok merupakan strategi yang berkesan untuk normalisasi gaya hidup sihat tanpa rokok dan *vape*. Ia amat berfaedah kepada semua GEG, sebelum GEG dan juga bukan pengguna.

Garis panduan dan amalan terbaik rawatan ketagihan nikotin. Apa yang bakal kami cadangkan adalah berdasarkan kepada *Gold Standard* untuk rawatan berhenti merokok seperti:

(i) kombinasi strategi modifikasi tingkah laku dan farmakoterapi, iaitu digunakan untuk orang dewasa;

(ii) hanya modifikasi tingkah laku di mana farmakoterapi tidak dibenarkan untuk remaja di bawah umur 18 tahun; dan

(iii) rawatan yang dicadangkan ialah enam bulan rawatan ataupun minima enam hingga lapan lawatan ke Klinik Berhenti Merokok.

■1040

Rawatan berhenti *vape* masih terhad dan belum konklusif. Ia memerlukan penerokaan lanjut kerana corak penggunaan berbeza seperti yang kita dapati sekarang rata-rata pengguna ialah pengguna *dual* iaitu mencampurkan rokok dan juga *vape* serta bahan terlarang.

Manakala untuk saranan fasal 18 dan 19, memandangkan penggunaan produk merokok ialah satu bentuk masalah ketagihan nikotin iaitu kita pakar-pakar mendapati bahawa ia adalah satu *disorder* iaitu sejenis penyakit. Maka, penggunanya harus diberi peluang untuk menjalani rawatan sepenuhnya untuk berhenti ketagihan nikotin. Ini dicadangkan untuk dilakukan secara pentadbiran oleh Kementerian Kesihatan dan juga agensi-agensi lain yang berkaitan.

Pendekatan program pemulihan yang dicadangkan memerlukan aspek-aspek sebegini, iaitu ia perlu satu program pemulihan yang komprehensif. Mempunyai ciri-ciri kemampanan (*sustainable*) kerana ia merupakan program pemulihan yang memakan masa selama enam bulan dan ia memerlukan juga rawatan corak tingkah laku untuk mereka yang berumur kurang daripada 18 tahun. Program pemulihan ini mendukung konsep *whole of government* (WoG) *and whole of society* (WoS) dan juga menyahut hasrat negara seiring dengan United Nations SDG 3 yang mana untuk memastikan kesihatan dan kesejahteraan semua serta SDG 10 mengurangkan ketidaksaksamaan dalam perlindungan sosial.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di sini saya paparkan program pendidikan pencegahan dan pemulihan yang sedia ada di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Program-program ini adalah secara menyeluruh yang mana ia adalah bercorak pendidikan dan pencegahan. Hanya Program KOTAK sahaja mempunyai sedikit elemen program pemulihan. Program-program pendidikan dan pencegahan yang diadakan di tadika dikenali sebagai ImFree*.* Sekolah rendah ImFree dan juga KOTAK. Program KOTAK ialah program kesihatan *oral* tanpa asap rokok iaitu perkhidmatan pergigian di sekolah di mana pegawai-pegawai pergigian mendapati murid-murid yang merokok ataupun *vape* mereka akan menjalani intervensi untuk membantu mereka berhenti.

Manakala pada peringkat sekolah terdapatnya program ImFree dan juga program KOTAK, di mana institusi pengajian tinggi mempunyai perkhidmatan berhenti merokok melalui program mQuit dan juga merupakan kampus bebas asap rokok. Manakala orang awam pula, mereka boleh mendapat perkhidmatan berhenti merokok mQuit yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga kawasan bebas asap rokok di tempat-tempat yang telah digazet.

Ini ialah model di mana pihak pakar ingin mencadangkan apa yang dipanggil program pemulihan untuk GEG pengguna. Program-program pemulihan ini mencakupi GEG-GEG pengguna yang didapati telah tersalah langkah menghisap rokok dan menggunakan *vape* maka mereka perlu melalui program pemulihan. Program pemulihan ini dicadangkan di semua *setting* di mana GEG pengguna itu berada, iaitu di sekolah di mana bidang kuasa ataupun *ownership* yang kami cadangkan perlu didukung oleh Kementerian Pendidikan.

Manakala, golongan GEG pengguna di institut pengajian tinggi, bidang kuasa ataupun *ownership or the program* pemulihan tersebut berada di Kementerian Pengajian Tinggi. Manakala, GEG pengguna di tempat kerja maka polisi-polisi yang mendukung dan menyokong GEG ini perlu diselaraskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Semoga adanya satu polisi yang mendukung program pemulihan untuk GEG pengguna. Manakala, mereka yang lain-lain termasuk yang bekerja sendiri atau pun tidak bekerja, maka bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memberi program-program pemulihan melalui perkhidmatan berhenti merokok yang telah sedia ada.

Maka, rumusan saranan pakar terhadap rang undang-undang semasa ialah rang undang-undang semasa sudah mempunyai pelbagai elemen perlindungan dan pencegahan terhadap GEG. Saranan yang diangkat oleh pakar untuk melengkapkan rang undang-undang ini dengan mencadangkan elemen program pemulihan. Maka, dengan ini kami huraikan syor agar digugurkan fasal 18 dan 19

dan bangunkan elemen program pemulihan dengan pendekatan pentadbiran. Terima kasih, semua ahli majlis.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Prof. Wee. Kita hanya ada satu lagi daripada *Associate* Prof. Dr. Muralli. *Please*.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy [Managing Director, The National Cancer Society of Malaysia (NCSM)]: Selamat pagi. Salam sejahtera Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya yang bahagian ini sebenarnya saya buat *locum*. *[Ketawa]* Menggantikan Prof. Amer yang memohon maaf. Prof. Amer dan Prof. Rosli masalahnya hari ini ada dua *big conferences*. Satu *is a Asian* punya *addiction conference. So*, mereka tengah *chair session* di sana *and* Dr. Afiq tengah *chair session* di EMAS hari ini, *conference* untuk perubatan kecemasan peringkat negara yang juga berlangsung di KLCC. *So*, mohon maaf bagi mereka. Saya *just* kerja *locum* baca slaid sahajalah. *[Ketawa]*

So, ini *subgroup* yang bekerja dalam perkhidmatan rawatan penggunaan tembakau dan ketagihan nikotin yang diketuai *I think* Prof. Amer and Prof. Rosli *both are psychiatrist* dan *addiction specialist* daripada Universiti Malaya. *So*, empat aspek utama. Satu, untuk memahami situasi ketagihan nikotin ini dan pendekatan yang kita sarankan untuk diambil. Kedua, dalam merawat masalah ketagihan nikotin ataupun *nicotine use disorder*. Kemudian, mengimplementasikan prinsip-prinsip pengurangan kemudaratan atau *harm reduction* yang sering kita dengar tetapi disalahgunakan dan pengurusan jangka masa panjang terutama untuk pelaksanaan GEG ataupun Generasi Penamat Rokok ini.

So, kalau saya boleh ke slaid seterusnya. *So*, dalam pemahaman situasi ketagihan nikotin ini, satu kita kena faham bahawa nikotin ini selain daripada tembakau konvensional atau *conventional cigarette* ini, kita anggapkan sebagai benda ini yang mempunyai banyak masalah kesihatan, kita dah sedia maklum. Akan tetapi, ramai yang sebenarnya kurang faham bahawa nikotin sendiri adalah satu bahan yang ketagihan dan merosakkan kesihatan sendiri. *So*, kita mesti memahami bahawa nikotin ini ataupun penggunaan nikotin ini adalah satu jenis *disorder* secara sendiri dan merupakan satu *addiction*. Kita kena *approach* pendekatan untuk kita merawat pesakit-pesakit ini adalah melalui *this* pendekatan bahawa kita hendak *rehabilitate* mereka dan juga memberikan mereka peluang untuk keluar daripada *this use disorder* ataupun *addiction* ini.

So, kita memerlukan penyelidikan klinikal yang lebih komprehensif untuk menentukan strategi berkesan dan juga kita perlulah pragmatik dalam mengambil dan menggunakan produk-produk yang sedia ada, terutamanya produk-produk yang baharu juga yang sering kita telah ketepikan tetapi kita juga kena secara

pragmatik ambil dalam penggunaan secara – *I mean in a very strategic and focused manner* bergantung pada *evidence* atau pun kajian saintifik yang sedia ada.

So, masalahnya – *So* kita perlu memahami bahawa isu ketagihan ataupun *use disorder* ini kita – Daripada kita hanya menekankan dan ini adalah saranan daripada industri bahawa penekanan diberikan kepada *substitution* iaitu *just* berikan mereka nikotin melalui cara-cara lain seperti *e-cigarette* dan sebagainya. Akan tetapi, secara klinikal kita sebenarnya ada banyak kaedah merawat terutamanya dari segi *non-pharmacological* iaitu dari segi psikiatri dan sebagainya. Juga, melalui gabungan penggunaan *non-pharmacology* dan *pharmacology* iaitu secara psikiatri, kaunseling dan sebagainya ditambah dengan penggunaan terapi penggantian nikotin dan terapi *pharmacology* secara *appropriate* atau sesuai.

■1050

So, itu yang merupakan pendekatan klinikal yang lebih komprehensif berbanding kita hanya menggunakan *substitution* atau memberikan sahaja akses bagi penggunaan *e-cigarette* ataupun alat pemberian ataupun *delivery of nicotine* yang baharu.

So, sebenarnya mengikut *evidence* ataupun kajian saintifik yang ada pada ketika ini, pakar-pakar sekarang memberi satu tempat di mana kita boleh melihat ataupun *look at* penggunaan sistem penghantaran nikotin secara elektronik, *e-cigarette* dan sebagainya, juga produk-produk *oral* yang baharu contohnya, kantung nikotin dan sebagainya. Akan tetapi, kepada pengguna yang teruk ataupun pengguna yang *severe disorder*, kita gunakan terapi bukan farmakologi, terapi farmakologi dan rawatan gabungan bagi merawat pesakit-pesakit ataupun *users* yang berada pada tahap *not severe*, minimum dan sebagainya. Kemudian, jikalau kita boleh menggunakan kepada pesakit-pesakit yang serius, dalam keadaan serius di mana mereka boleh diberikan alternatif rawatan secara ini dan kemudian dengan syarat bahawa kita dalam proses di mana kita akan mengurangkan penggunaan mereka untuk *slowly* kita *wean them off the use of nicotine*. *So*, *it's basically* macam kita gunakan proses *de-addiction* bagi sebarang *substance* yang *addictive*, contohnya dadah dan sebagainya. Heroin, kokain *and all this other substances*.

Approach yang diambil yang disarankan oleh pakar ialah memperluas perkhidmatan berhenti merokok ini. Pertama, untuk memperluas perkhidmatan ini menjadi perkhidmatan untuk *nicotine de-addiction, rather than* kita fokus kepada hanya berhenti menggunakan *cigarette* konvensional, menjadikannya holistik lagi

kepada menjadi perkhidmatan *nicotine de-addiction* dan memastikan kita ada ketersediaan rawatan, pengemaskinian garis panduan amalan klinikal dan juga *of course*, memperkasakan kebolehan para *healthcare professionals* dari semua aspek. Tidak kisah dari segi *private* dan *public* untuk membolehkan mereka mendidik dan merawat dan merehabilitasikan pengguna-pengguna nikotin ini.

Slaid seterusnya. *So*, kita selalu mendengar isu ataupun *this concept of* prinsip pengurangan kemudaratan. *So*, kami ambil *the logical and scientific perspective* daripada *this harm reduction* ini kerana ini merupakan satu *scientific approach* yang digunakan dalam perawatan ketagihan kokain dan sebagainya pada masa ini. Yang sedia ada *is a scientific proposition* yang digunakan. Kita gunakan untuk merawat pengguna dadah dan sebagainya, *drug users.*

Akan tetapi dalam perspektif penggunaan konsep nikotin ini, kita perlu *very stick to the science*-lah iaitu pertama, *it needs to be* berbeza daripada idea yang di-*proposed* oleh industri di mana tanpa sebarang kawalan, tanpa sebarang kekangan, digunakan secara terbuka dan *it's a free-for-all* ataupun kita sudah guna istilah ini sebelum ini, *"Wild Wild West". So,* bezanya adalah sebenarnya apabila kita gunakan *harm reduction* ini seperti yang digunakan Kementerian Kesihatan dan juga oleh kementerian-kementerian lain di seluruh dunia adalah secara terkawal, dipantau dengan kawal selia perawat perubatan, pengamal perubatan. Tak kisahlah *pharmacist* atau doktor dan sebagainya. Ia menggunakan *step-wise approach;* mengikut dia punya kadar ketagihan itu kita *determine* bagaimana kita hendak berikan nikotin, bagaimana kita mahu rawat mereka dan sebagainya. Kemudian, kita *step down accordingly* dengan objektif yang *very clear* iaitu pada akhirnya, kita sudah menamatkan ketagihan mereka kepada nikotin*. I think that is the clinical approach* yang *we are espousing*.

[Merujuk kepada slaid pembentangan] Next. So, I think benda ini *very clear*. Cadangan-cadangan ini telah saya terangkan *and I am just trying to save time*. Seterusnya, *next slide*. *Next slide*, *sorry*.

So, I think apa yang kita akan lihat adalah selepas pelaksanaan Generasi Penamat Rokok ini, kita akan ada dua kategori yang jelas. Satu *is* mereka yang lahir sebelum 1 Januari 2007 *and* bagi golongan ini akan *very clear* bahawa mereka akan terus dibenarkan menggunakan produk merokok seperti yang mereka lakukan sekarang. Akan tetapi mereka yang lahir selepas 1 Januari 2007 ini, tidak akan mempunyai akses komersial kepada produk merokok.

Akan tetapi, kita kena faham bahawa golongan ini, sebab saya sendiri, *I think in the previous session*, saya pun ada beritahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa saya sendiri ada pesakit lapan tahun, sembilan tahun. Jadi, mereka ini kita

sudah kena faham bahawa mereka ini memang sudah ketagih. Kemudian, selepas kita sudah *implement* GEG, mereka tidak akan ada sebarang akses komersial. Kita sudah faham ini secara *very clear*. Akan tetapi, golongan ini bukan kecil. *We are looking at hundreds of thousands of people unfortunately,* yang daripada golongan remaja itu sendiri yang di bawah 18 tahun. Jadi untuk mereka, kita perlu pertingkatkan usaha untuk memastikan bahawa mereka ini dalam ambang yang dapat menerima rawatan. *That is the approach we are taking and proposing to this respected committee* untuk membolehkan mereka ini menerima rawatan. *I think that is the key point*.

So, dalam perspektif ini, kita mengetengahkan *this concept of* penggunaan terapeutik. Maknanya, kepada mereka yang berumur di bawah 18 tahun, kita perlukan mereka menjalani program rawatan. *So*, mungkin dalam program itu, mereka seperti yang saya kata tadi, *as appropriate* mengikut mereka punya *severity*, mungkin *according to the clinician* yang memantau, mereka mungkin memerlukan nikotin diberikan secara *e-cigarette* atau sebagainya tetapi mengikut model Australia, di mana *through prescription*. Itu yang pertama.

Kedua, mengikut dos dan had yang dikawal oleh pengamal perubatan sama ada doktor atau *pharmacist* dan sebagainya yang diberikan *the appropriate authority*. Kemudiannya *is not a free-for-all until the end of time*. Maknanya bukan selepas ini dia sambung menggunakan sehingga akhir hayat mereka, tetapi dirawat dan *as appropriate*, diturunkan dos dan sebagainya sehinggalah seperti yang saya katakan, *very clear outcome, which is fresh air* iaitu tiada lagi pergantungan atau kebergantungan kepada nikotin sebagai bahan *addictive*.

So, just in a pictorial manner, so mereka yang lahir sebelum 1 Januari ini, mereka dapat membeli secara komersial. Mereka yang lahir selepas 1 Januari ini tidak akan dapat lagi membeli secara komersial, tetapi kita *move towards the approach where* kita wajibkan mereka didaftarkan dalam Program Pengurusan Masalah Penggunaan Nikotin. Melalui sesi perawatan itu, mereka *appropriately treated and managed. Of course,* penyalahgunaan produk tembakau ini dari kedua-dua *angle remains an issue of being under control. Okay.*

I think, bagi slaid ini saya sudah habis. Saya *just* hendak beri rumusan dalam konteks rang undang-undang sendiri yang *I think* Yang Berhormat ada *this thing* macam rumusan eksekutif ini. *So, basically* kita *just* menggunakan satu *traffic light system* untuk melihat fasal-fasal dalam rang undang-undang dan *recommendations from the expert panels* secara rumusan.

Okey. *So*, bagi fasal-fasal yang kita telah tanda mengikut dokumen, kita menggunakan *traffic light* ini dan Ahli-ahli Yang Berhormat ada *this report* dalam

your purview as well. So, yang dalam hijau ini sebenarnya tidak ada sebarang komen kebanyakannyalah. Maknanya kita punya rekomendasi ataupun syor ialah mengekalkan fasal-fasal ini dan sebab-sebabnya. Bagi isu kepentingan masa, saya tidak menghuraikan dengan lebih lanjutlah, tetapi *just I want to take some time to comment on the yellow and red*.

■1100

Untuk yang *yellow* ini, apa yang kita menyokong tetapi...

Tuan Pengerusi: *Slowly, don't rush. Take your time. It is important* kita *understand,* ahli-ahli anggota PSSC itu *really understand. Don't try to rush.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *Okay, got it.*

Tuan Pengerusi: *Take your time.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Untuk Bahagian I, permulaan sebenarnya *is administrative issues* dalam *the law* yang kita tidak menyentuh langsung. Tiada isu untuk dikomen.

Daripada Bahagian II, pendaftaran, kita turun kepada 3(1). Tiada produk tembakau yang boleh diimport, dikilang atau diedarkan tanpa didaftarkan. Kita setuju untuk mengekalkan syor ini kerana ia membolehkan pemantauan dan pengawasan produk. Penting sekali membolehkan Kementerian Kesihatan Malaysia dan agensi-agensi yang terlibat untuk boleh memastikan bahawa pengimport dan pengilang dapat akur kepada *regulation* yang akan ditetapkan nanti.

Also, more important this is already satu bahagian yang sudah ada dalam PPKHT sekarang ini tetapi hanya digunakan untuk rokok konvensional. Ia akan diperluas bidang kuasanya kepada e-rokok dan e-cecair.

Fasal 3(2) serupa; kita mengesyorkan untuk mengekalkan fasal untuk membolehkan hukuman dikenakan terhadap syarikat yang melanggar garis panduan dan sebagainya. Secara prinsip, saya akan ketengahkan nanti kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa *in principle* sebenarnya ada perbezaan yang ketara di negara-negara lain di mana bergantung – Ia ada perbezaan antara badan korporat dan individu. Kita ada mengetengahkan *a few examples* dari negara-negara lain di mana badan korporat sebenarnya didenda sehingga lima kali lebih tinggi daripada individu-individu atas kesalahan yang sama, seperti membeli dan sebagainya.

One of the syor Ahli-ahli Yang Berhormat akan lihat ialah kita cadangkan untuk *strengthen that* fasal, *strengthen the punishment or the punitive fines onto*

badan korporat berbanding dengan individu-individu jikalau terlibat dalam isu yang sama.

Saya teruskan ke bawah, fasal 3(2). *] Exactly this*, di mana sebenarnya kita sarankan untuk membezakan *very clearly* antara individu dan badan korporat. Memang ada perbezaan di sini tetapi perbezaan yang disarankan dalam rang undang-undang pada masa ini *I think we ask to increase further*. Hal ini disebabkan kita tengok negara-negara lain kesalahan yang dikenakan – Kompaun yang dikenakan atas kesalahan oleh badan korporat memang jauh lebih tinggi sehingga *up to five times more*. *It acts to* macam lebih memberikan impak kepada mereka yang tidak akur.

Fasal 4 ialah permohonan bagi pendaftaran. Sekali lagi ini *recommendation is to* mengekalkan fasal kerana *this is a process* yang membolehkan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia ataupun agensi-agensi membuat kawal selia. *It gives them some measures of control*. Maknanya, kalau tidak mahu didaftarkan, mereka *non-compliant* dan sebagainya, kita boleh – *The authority* atau *the agency* boleh memilih untuk menolak pendaftaran tersebut.

Kuasa untuk permohonan yang dibuat boleh ditarik balik dan sebagainya *is bureaucratic*. Kita tidak komen*. It is an administrative process*. Tiada komen daripada bidang semakan panel pakar*. I think that is just a normal administrative process.*

Kita turun kepada fasal 4(4). Fasal 4, di mana pada bila-bila masa selepas menerima permohonan di bawah subseksyen 1, Ketua Pengarah boleh secara bertulis mengehendaki pemohon untuk memberikan maklumat tambahan. Ini pun syornya adalah untuk mengekalkan fasal kerana membolehkan *authorities* apabila perlu untuk mewajibkan ujian produk oleh pihak ketiga dan sebagainya jikalau diperlukan.

Kadangkala *submission* yang diberikan itu mungkin akan ada kesangsian dari segi *valid* atau tidak ia punya pihak ataupun makmal yang mengeluarkan dan sebagainya. Ini membolehkan pihak kementerian apabila perlu atau agensi yang terlibat untuk mewajibkan *additional testing*, *additional verification*. Ini adalah kerana ia bukan hal yang baharu, bahawa kita tahu sering kali bukti yang dikemukakan oleh pengilang ini *sometimes is doubtful*.

Again fasal 4(5), 4(6) *is a process*. Proses ini tiada sebarang komen daripada bidang semakan panel.

Seterusnya, Fasal 5 iaitu pembatalan pendaftaran, di mana ia memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk membatalkan sebarang pendaftaran jika didapati bahawa produk yang didaftarkan ini melanggar mana-mana peraturan

akta. *Our* syor *is also* untuk mengekalkan fasal, ini memberikan *some authority and control measure* kepada KKM ataupun agensi yang terlibat. Sama juga bagi fasal 5(2), cara untuk *carry out that thing*. Untuk fasal 5(3)(a) dan (b), kedua-duanya adalah *again, process*. Proses ini adalah, *I think, is a fair process*. *It is the standard practice*. Tidak ada sebarang komen daripada bahagian semakan panel.

Tentang fasal 6(1), daftar produk. Ketua Pengarah hendaklah menyimpan dan menyelenggara daftar produk tembakau. Huraian syor ialah mengekalkan fasal dan ini adalah juga *very in-line* dengan praktis KKM pada ketika ini melalui agensi regulasi NPRA. Kita ada daftar produk-produk perubatan, kosmetik dan sebagainya yang memang telah sedia ada. *So, it is a good practice, which we should keep in place for this product as well*.

Untuk fasal 6(2), daftar itu hendaklah disimpan dalam apa-apa cara. Kita sebenarnya mengekalkan syor tetapi juga untuk menambah baik. Kita perlu *make this public* supaya – Sekarang ini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau *public* hendak *check* sama ada produk ini adalah berdaftar dengan KKM ataupun benda ini adalah *valid* dan sebagainya, mereka *can access*. Misalnya, Quest 3. Quest 3 *is the* pangkalan *database* oleh NPRA. Ia boleh *check* sama ada produk ini *legitimate* didaftarkan dan sebagainya. *We should follow the same good clinical practice.*

Bahagian III, dari segi pengiklanan, promosi dan tajaan. Fasal 7, fasal 7(a) sehingga (e) adalah di bawah pengiklanan, promosi dan tajaan. Syornya ialah larangan terhadap pengiklanan, promosi dan penajaan semua produk ini. *Already* sedia wujud, *is very in-line* dengan FCTC, dengan triti sedia ada, *international*. Kita memang gunakan dalam PPKHT kepada rokok konvensional pada masa ini. Saranannya adalah untuk memperluas sahaja. Menyokong penuh kepada pengekalan fasal ini.

Seterusnya, fasal 7(2)(a), (b) dan (c) adalah juga berkaitan dengan pengiklanan, promosi dan penajaan, di mana *again,* menerbitkan iklan peranti rokok dan sebagainya; mengandungi tawaran, pelawaan dan sebagainya. *Very standard practice* untuk *conventional cigarette* memang kita sudah ada *these rules* yang *cover them* tetapi setakat ini tidak ada untuk *e-cigarettes. So* perluasan ini adalah *very logic and in-line with all the international treaties* dan sebagainya.

Fasal 7(3) adalah juga berkaitan dengan mana-mana orang yang melanggar subseksyen 1 dan 2. Ini berkaitan dengan individu, sekiranya orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan. Di sini syornya adalah untuk mengekalkan fasal. Tiada masalah dari segi hukuman bagi individu.

Akan tetapi dalam fasal 7(3)(b) di mana Ahli-ahli Yang Berhormat boleh lihat bahawa ia adalah untuk pertubuhan sekiranya orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan berdasarkan logik yang saya sarankan sebentar tadi. Kita menyarankan supaya ada *increase in the amount of compound* yang dikenakan. *We have to standardise it, to request consideration to increase to five times more* berbanding individu.

■1110

Seterusnya, fasal 7(3)(b) – Pergi ke bawah lagi kepada fasal 8, larangan pengiklanan produk tembakau tiruan yang sebenarnya dari segi logik premis adalah sama seperti di atas. Jadi, serupa juga larangan terhadap pengiklanan, promosi dan penajaan. Ini sudah pun sedia ada bagi rokok konvensional dan sekarang kita akan perluas sahaja kepada *e-cigarette* dan e-cecair dan *recommendation is to* mengekalkan fasal.

Kemudian turun ke – *I think* fasal 9. Fasal 8 – *Sorry,* naik atas sikit. *[Merujuk kepada pembentangan slaid].* Fasal 8(2)(a) dan (b) adalah berkaitan dengan perlanggaran peraturan di atas dan di sini juga menambah baik fasal ini adalah berkaitan dengan perbezaan antara individu dan badan korporat, di mana fasal 8(2)(a) adalah berkaitan individu dan fasal 8(2)(b) adalah berkaitan dengan badan korporat. Syor yang diberikan adalah untuk meningkatkan dengan jelas – *I mean* membezakan dengan jelas dan meningkatkanlah kompaun terhadap badan korporat.

Saya turun ke fasal 9. Fasal 9 ialah larangan promosi dan tajaan produk di mana mengambil bahagian dalam apa-apa perkiraan yang mempromosikan produk tembakau. Di sini juga *is a very standard practice, so* syornya adalah untuk mengekalkan fasal. Kita turun ke fasal 9(2)(a) dan (b) di mana perkiraan ini didefinisikan dengan lebih lanjut tentang perjanjian, aku janji atau persefahaman dan sebagainya yang berkemungkinan memberikan kesan mempromosikan barang-barang produk tembakau. Di sini juga rekomendasi adalah untuk mengekalkan fasal.

Fasal 9(3)(a) adalah berkaitan dengan individu-individu yang melanggar subseksyen 9(1) ini dan *again* antara fasal 9(3)(a) dan fasal 9(3)(b), perbezaannya adalah antara individu dan badan korporat. Di sini juga saranannya adalah untuk meningkatkan kompaun *up to five times* kepada badan-badan korporatlah.

Seterusnya, *I think* kita turun ke fasal 10 iaitu larangan penjualan produk tembakau. *So,* ini berkaitan dengan penjualan dan mempamerkan penjualan

produk tembakau, bahan merokok dan produk pengganti bagi tujuan jualan pameran kecuali tidak – *Sorry,* jika tidak mengikutilah peraturan yang telah disarankan. *So,* sebenarnya kita sudah ada *this* penyelarasan untuk memastikan produk merokok baharu ini dikawal selia seperti mana produk rokok konvensional yang dikawal oleh PPKHT. *So, again it's a* perluasan kepada *e-cigarette* dan e-cecairlah. *So,* daripada peraturan yang sedia ada. *So,* saranannya adalah untuk mengekalkan fasal.

Bagi fasal 10(2) adalah dari segi – Fasal 10(2)(a) dan fasal 10(2)(b) ini ialah perbezaan yang sama. *You will see this consistency* dalam dalam seluruh RUU di mana kita menekankan perbezaan antara denda bagi individu dan badan korporat.

Seterusnya, kita turun ke fasal 11, larangan penjualan pun *principally the same. It is just the* perbezaan *is* produk tembakau tiruan dan fasal 11(1), fasal 11(2)(a) dan fasal 11(2)(b), Ahli-ahli Yang Berhormat boleh melihat perbezaan yang sama di mana saranan ini *really is to* membezakan antara individu dan badan korporat.

Seterusnya kepada *I think* fasal 12(1)(a), (b), (c) dan (d) adalah kepada penggunaan kupon, ganjaran barang tawaran, perkhidmatan, pemberian atau hadiah. Di sini juga very standard *practice. We already have the regulation in place* daripada PPKHT dan perluasannya kepada *e-cigarette* dan e-cecair. Fasal 12(2)(a) dan (b) adalah berkaitan dengan isu yang sama iaitu perbezaan antara denda yang dikenakan kepada golongan yang berbeza.

Seterusnya kepada fasal 13. Fasal 13 ialah fasal di mana larangan penjualan. *So, just to* – mungkin bawa balik Ahli-ahli Yang Berhormat kepada *these four aspects* dalam *continuum of* penggunaan tembakau ini, kita ada penjualan, ...

Tuan Pengerusi: Ya.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: ...ini adalah daripada penjual. Kita ada pembelian di mana individu yang membeli. Kemudian, kita ada pemilikan dan penggunaan. *So, within this aspect of the* fasal 13, *we are talking about* penjualan. Kemudian, pada fasal 13 dan fasal 14 ini, ada aspek-aspek pembelian juga. Pemilikan, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah pun gugurkan daripada RUU ini *from this version*-lah. *Originally* ada dan kemudian *I think* selepas sesi PSSC yang dalam penggal Parlimen...

Tuan Pengerusi: *The last session...*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: ...sebelumnya telah digugurkan *and* kemudian kita ada lagi *this aspect of* penggunaan yang masih kekal *and that comes later on in this document. So,* daripada fasal 13(2), kita boleh lihat bahawa ini adalah kepada individu-individu yang menjual. *This is* kita mengekalkan fasal ini

dan juga menambah baik dari segi fasal 13(2)(b) *to penalise more the corporate entity.* Saya terus ke seterusnya.

So, fasal 13(3) *and* ada aspek di mana tiada seorang pun yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya boleh membeli produk tembakau. *So, this is* berkaitan dengan fasal GEG dan kita sebenarnya menyarankan untuk mengekalkan aspek denda atas pembelian. Kemudian, di fasal 13(3) *and* fasal 13(4), *this is the element* di mana memang ada melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan dan didenda tidak melebihi RM500 dan sebagainya. *So, one of the aspect* yang di mana kita menyarankan untuk mengekalkan *this component* untuk kompaun dan sebagainya terhadap golongan yang membeli adalah spesifik supaya membolehkan mereka ini membantu dalam memberikan maklumat. *So, they can...*

Tuan Pengerusi: Ini penting ini Prof. Dr. Muralli kalau saya boleh *interject* ya.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ia mungkin semacam satu *anomaly* pula ya. Selama hari kita bercakap tentang satu *modality* ataupun pendekatan yang tidak menjenayahkan ya, *cohort* generasi penamat ini. Akan tetapi, di sini saya minta supaya Prof. Dr. Muralli terangkan betul-betul apa di sebalik rasional kita wajib ataupun wajar *mewujudkan provision* ini kerana ini perlu difahami oleh anggota-anggota Ahli Yang Berhormat PSSC ya. *So, you go slow on that. This is because* ia semacam satu *anomaly* itu...

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Okey.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi, sebenarnya *very consistent* dengan apa yang kita hendak capai. Sila, Prof. Dr. Muralli. Ya.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Okey, baik Tuan Pengerusi. *So,* seperti yang *you can see from the previous elaboration* daripada slaid-slaid dan sebagainya, pendekatannya adalah untuk kita *avoid* daripada kita memberikan satu elemen di mana kita terpaksa menghukum pengguna-penggunalah yang terutamanya daripada generasi GEG ini. Akan tetapi, kita *keep this element of* bagi kompaun dan sebagainya bagi mereka yang melanggar subseksyen (3) iaitu membeli. Tujuannya adalah supaya kalau kita mahu memastikan bahawa *we can enforce very clearly* terhadap penjual, *you will need at some point some* saksi dan sebagainya. *Then, this gives some element of control* kepada pendakwa dan juga agensi penguat kuasa di mana *we can use them* untuk menjadi saksi. *In that manner, then* mereka boleh memberikan keterangan tentang penjual.

This is because the fine terhadap penjual ini *now* ialah RM50,000 dan sebagainya. *For us, to expect the reverse* di mana penjual akan mendedahkan

pembeli sangat tidak logiklah sebab kompaun di sini *and then I think* Kementerian Kesihatan has *already* telah menghuraikan bahawa *we are looking at* kompaun RM50 dan sebagainya. *So, they can then – Basically the idea is to* gunakan *them* sebagai *informer. Gives them the opportunity.*

So, that is the – Itulah satu-satunya sebab di mana pendekatan ataupun saranan ini adalah untuk mengekalkan *this portion* dalam fasal 13. *As you can see,* fasal 14 *also* sebab perbezaan antara produk pengganti tembakau, *which comes in* fasal 14 *and* fasal 13 *is in* produk tembakau itu sendiri. Ya. *Then...*

Tuan Pengerusi: *E-cigarette*-lah itu fasal 14 itu *kan?*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Fasal 14 ialah *e-cigarett*e, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: *So...*

■1120

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *So, that is the logic* – Satu-satunya logiklah.

Tuan Pengerusi: Ya, nampak ya Yang Berhormat? *Very, very important. Otherwise* kita tidak ada ruang untuk *invoke* situasi seperti itu.

Ini mungkin konsisten dengan apa yang pernah saya sebutkan dalam satu pembentangan di mana awal-awal dulu saya menyebutkan tentang *the game theory on the perpetrators and the victim. You understand the game theory* dalam *economics. This is where the victim would be more willing to come out* untuk memberitahu tentang dan informasi itu sementara *the perpetrators would always like try to hide.*

Jadi di sini kita akan dapat secara praktik, jalankan satu, macam satu proses undang-undang dengan tidak membabitkan kohort generasi itu terlibat dalam *the criminal justice system.* Ini yang baiknya *because they are not criminalised yet they are part of the whole process* untuk mendapatkan *justice* sebab *they are just compounded* dan dia tidak akan dibawa menghadap *the criminal justice system.* Itu yang sangat penting untuk kita capai.

With time, orang akan tahu yang pembekal – Kita sebut tentang *supply side* ya. Pembekal akan rasa gerun dan takut kerana mereka akan sentiasa dimangsakan oleh orang-orang yang mungkin ada *[Tidak jelas]* ataupun seolah-olahnya begitu. Dia *fear the group,* dia *fear the generation. The generation must be protected. Don't play, play* ya. Jangan main-main untuk menjual kepada mereka. *The minute they get apprehended, they go into the criminal justice system while*

yang menjadi mangsa ataupun yang merupakan *victim* ataupun kohort generasi penamat itu, dia tahu dia akan di-*protected. At best to be compounded.*

So, ini adalah satu akhirnya nanti, satu norma, satu nilai, satu praktis, satu amalan *and with time*, macam seperti mana apabila saya buat larangan merokok di tempat-tempat makan awam. *After a while, it become*s satu amalan dan ada orang atau tak ada orang, ada penguat kuasa atau tidak, *the perpetrators will always fear to* ─ Ataupun yang melakukan kesalahan itu dia sendiri takut dan dia sendiri gerun kepada – *This is what we want out of the whole* ─ Bukannya undang-undang untuk menghukum tetapi yang melakukan kesalahan itu akan merasa gerun kepada sistem dan perundangan itu dan yang sepatutnya dia rasa selamat, kemudian dia tahu bahawa dia akan ─ Akhirnya setelah *addiction* dia sendiri itu dapat dirawat, maka dia *would be out of the addiction.* Kita akan dekati dia untuk rawatan dan bukannya untuk meletakkan dia dalam *the criminal justice system.*

Terima kasih Prof. Boleh *continue?*

Seorang Ahli: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kalau ada sedikit perbincangan pun kalau nak dengar daripada PUU. Tuan Yang kalau ada nak buat komentar. *You want to make any interjection, please.* Ya, sila.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali [Penasihat Undang-undang, Kementerian Kesihatan Malaysia]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mendapati sebenarnya apa yang kita bincangkan hari ini lebih kepada isu dasar dululah. *I think I reserve my comment*-lah dulu *[Ketawa].*

Tuan Pengerusi: Itu *coming in this way.* Jadi saya masukkan terus perbincangan tadi kerana kita nak memahamkan Ahli-ahli Yang Berhormat atas rasional perkara itu dibuat. Terus, Prof. Dr. Murali.

Assoc. Prof. Dr. Muralitharan Munisamy: Saya turun ke fasal 14. Fasal 14 adalah sama prinsipnya seperti fasal 13 iaitu sebenarnya ia berkaitan dengan pengganti tembakau. *So,* pada yang juga kami syorkan untuk mengekalkan fasal dan kemudiannya kepada fasal 14 – *I think 14(2)(a),* kalau kita boleh turun sedikit, (2)(a) dan (2)(b), perbezaan dari segi penjualan itu dan *the separation* dari segi individu dan badan korporat dan saranan yang serupa.

Kemudian kepada fasal 14(3) dan fasal 14(4) di mana kita mengesyorkan untuk mengekalkan fasal atas prinsip yang sama. Di mana kita memungkinkan mereka ini boleh membantu dalam memberikan maklumat dan sebagainya.

Kemudian kita masuk ke fasal 15 iaitu harga runcit atau harga jualan minimum. Ini satu prinsip yang sedia ada diguna pakai dalam PPKHT dan saranan adalah untuk mengekalkan fasal.

Juga bagi fasal 15(2) dalam penentuan harga runcit ialah proses di mana mereka terpaksa membuat permohonan kepada Ketua Pengarah dan juga ini ialah satu mekanisme untuk *control* di bawah – Kita tidak *allow* macam *free floating of* harga *as for* produk-produk lain. *This is* satu *control mechanism* yang juga sedia ada di bawah FCTC dan juga kami menyarankan untuk mengekalkan fasal tersebut.

Seksyen 15(3) *as* berkaitan dengan 15(2), berkaitan dengan harga yang ditetapkan di bawah subseksyen hendaklah termasuk apa-apa duti eksais atau lain-lain cukai. Di sini menambahkan komen yang dibuat oleh jawatankuasa tadi tentang produk di mana cukai untuk satu pek 20 batang rokok konvensional ini secara *principle*-nya, mengikut kandungan nikotin, kita perlu samakan dengan dua mililiter e-cecair atau e-gel. *So,* ada saranan untuk mempertingkatkan lagi cukai yang dikenakan supaya ada kesamarataan dari segi kandungan nikotin. Cukai yang dikenakan sekarang ini *I think it is* jauh lebih rendah daripada yang sepatutnya.

Fasal 15(4); tiada seorang pun boleh menjual apa-apa produk tembakau yang tidak mengikut harga dan syarat seperti yang ditetapkan, syornya adalah untuk mengekalkan fasal dan juga pada fasal 15(5(a) dan 15(5)(b), sekali lagi Ahli-ahli Yang Berhormat boleh melihat perbezaan itu dari segi individu dan badan korporatlah dari segi kompaun yang disarankan.

Seterusnya, bagi fasal 16, pembungkusan dan pelabelan juga *very standard* di mana tiada sesiapa pun boleh mengilang, mengimport atau mengedar produk tembakau melainkan telah dibungkus dan dilabel mengikut kehendak yang ditetapkan. Di sini syornya adalah untuk mengekalkan fasal dan kita perlu ada langkah-langkah penambahbaikan untuk memastikan pembungkusan yang *child-resistant* dan hendaklah mengandungi senarai lengkap bahan-bahan yang digunakan dalam produk terutamanya bagi produk-produk baharu ini seperti *e-cigarette* dan e-cecair. Kepekatan nikotin dan isi padu e-cecair seperti yang telah *I think* diperjelaskan oleh *group* subproduk tadi.

Dari segi fasal 16(2), 16(2)(a) dan 16(2)(b) ini, perbezaan yang sama yang *you can see the consistency throughout the document*-lah. Perbezaan antara individu dan badan korporat.

Seterusnya dalam fasal 17, ini *is a bit again* tambahan *anomaly, a bit of an anomaly* di mana kawasan atau tempat larangan merokok. Menteri boleh melalui, melalui perintah yang disiarkan dalam warta mengisytiharkan mana-mana bangunan atau bahagian bangunan itu sebagai kawasan atau tempat larangan merokok.

Seksyen 17(2) ini adalah berkaitan dengan tiada seorang pun boleh merokok di kawasan atau tempat larangan merokok yang diisytiharkan. *So* satu persoalan yang timbul adalah berkaitan dengan generasi GEG dan kemudian bahawa mereka ini *should they be under the purview of this* fasal. *Because* kepada prinsipnya, kawasan atau tempat larangan merokok ini adalah *a greater public health protection.* Ia kepada semua orang awam yang menggunakan kawasan tersebut atau mendiami atau berada di kawasan tersebut. Jadi atas prinsip ini, tidak kiralah sama ada individu itu berada dalam kohort GEG atau tidak berada di dalam kohort GEG, *irrespective, they should come under the purview of the law within the smoke-free area.*

Jadi bagi tujuan tersebut, fasal 17(3), mana-mana orang yang melanggar subseksyen ini, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM5,000. Syornya adalah untuk mengekalkan fasal. Maknanya, tidak kiralah sama ada individu ini berada dalam generasi penamat rokok atau tidak, jika didapati mereka menggunakan produk di kawasan-kawasan larangan merokok dan kawasan yang bebas rokok. Ini ialah sekatan untuk melindungi kesihatan awam.

■1130

They should be liable to a fine as well-lah.

Tuan Pengerusi: Sebab undang-undang ini *predating*. Kalau kita perhatikan undang-undang ini *predating* GEG dan dia berkuat kuasa kepada semua.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Betul.

Tuan Pengerusi: Apabila datang GEG, kita tidak harus memberikan pengecualian kepada mereka. *Over 23 public places* yang telah kita warta dan telah pun dijadikan tempat larangan merokok, mereka semua adalah tertakluk, pada sayalah, tetapi kalau begitu juga cadangan *expert panel, I think* kita boleh bincang. Akan tetapi *I am consistent, I mean* perkara itu mesti kita angkat sebagai satu kewajaran.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *Absolutely*.

Tuan Pengerusi: Mungkin kita boleh bahas nanti, saya hendak dengar Ahli-ahli Yang Berhormat untuk...

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *Okay. So, I think the* larangan merokok produk tembakau bagi orang yang lahir pada 1 Januari dan seterusnya ini ialah fasal 18. Fasal 18(1) dan (2) adalah di mana *there is a kind of difference in keeping to the* rang undang-undang di mana kita sebenarnya di bawah *this principle of making sure that* mereka ini di bawah konsep *of* rawatan. Kita

mengesyorkan adalah sebaik-baiknya kalau kita menggugurkan *this* fasallah, fasal 18(1) dan 18(2), *simply because we have* – Kita dalam proses, dua, tiga hari ini, kita ada pelbagai pendekatan yang kami cuba, termasuk cuba membincangkan sama ada kita boleh mengambil proses yang sama yang digunakan untuk perawat-perawat penagih dadah.

Tuan Pengerusi: *Addiction*.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *Addiction*...

Tuan Pengerusi: *Drug addict.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *...of substances* macam *drug*.

Tuan Pengerusi: *Substance abuse and substance addiction.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *One of the challenges will be and this is raised by our colleagues I think* daripada PUU *that actually* ini akan *I think at the end of the day require some kind of* akta anak dan sebagainya, *which requires a lot more process* di mana *under the current mechanism, there is a law* di mana mereka boleh di-*recommend* terus untuk pergi kepada *treatment, mandatory treatment* sebagai seorang penagih dadah, *compared to we going the way of imprisonment.*

So, kita mengambil *this* langkah, *this is a much more palatable option and* sebenarnya *it addresses the problem of* perawatan. Kita boleh mengharuskan merekalah masuk ke dalam aspek rawatan. Akan tetapi *under this currently existing clauses, this is not really possible because they still have to either pay a compound or they have to go to* – Kalau tidak bayar kompaun dan sebagainya akan masuk berjumpa *the legal system*. Dihadapkan ke mahkamah.

So, inside that, even though we can attempt to put a process di mana mereka perlu menjalankan sebarang rawatan, *this is confined to* mereka yang bawah 18 tahun di mana mereka di bawah 18 tahun ini boleh *still* digunakan Akta Kanak-kanak dan sebagainya dalam proses itu. Bagi mereka yang telah pun berumur 18 tahun dan ke atas *because GEG will apply to their whole lives.* Mereka tiada sebarang *mechanism* yang kita ada dalam *the current process to be able to mandate them to go for* rawatan.

So, after thinking very long and hard about this, looking at all the alternatives, satu, *of course there may need to be a sequel to this act.* Macam serupa juga dalam Akta Kawalan Dadah, ia ada Akta Rawatan *or the sub act but at this point in time the approach should not be to kind of penalise them for this. That is the approach, which is why the* jawatankuasa mengesyorkan untuk menggugurkan fasal.

So, actually this is quite a concerning issue for us. Like I said, many of us are tobacco control punya *people for many decades. If you want to trade the larger, holistic approach of treatment of society, I think this is the approach that we want to take and* sebenarnya saya betul-betul *very heartened by* YBMK sendiri *because* YBMK *yesterday, I think 28th* itu, *she also mentioned, I think at the event* semalam...

Tuan Pengerusi: Ada *conference kan?*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Ada *conference I think* semalam *and* YBMK sendiri, *I think from the Ministry of Health...*

Tuan Pengerusi: *Pro on the decriminalization…*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *...mentioned about helping drug addicts*, *which is a much more serious problem.* Dia kata *take the approach of rehabilitation. We avoid this approach of imprisonment.*

Tuan Pengerusi: Saya pun terbaca juga.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *So,* ini baru semalam sahaja 28 Ogos. *So, I think that's positively strengthened our belief,* ...

Tuan Pengerusi: *Spirit*.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *...our spirit* macam ada kesinambunganlah. *Hopefully, with how we are all thinking about this. That is our hope. So, based on that* yang kita fikir tentang fasal 18 dan 19 ini iaitu dari segi penggunaan juga disarankan untuk menggugurkan *because* pemilikan, *just to share again*, pemilikan kita dah memang gugurkan, sedia ada. S*o, this will also reduce. So, come back to Prof. Dr. Wee* punya...

Tuan Pengerusi: *So, give us* – maaf, Dr. Muralli.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Saya Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: *I have to interject you. Give us the idea*, apakah senarionya? *What would happen? What are the mechanics? What is the dynamic? As soon as you get them to be apprehended.* Jadi, kalau kita gugurkan ini apa senenarnya? *What would happen? Give us a scenario, give us the picture of it.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *Absolutely,* Tuan Pengerusi. *Come back to what Prof. Dr. Wee presented* tadi iaitu *from their subgroup* iaitu kita *still* ada kawalan *but the* kawalan *will be from an administrative perspective. So, depending on where they are.* Kalau mereka berada di sekolah, kawalan adalah melalui program perawatan yang dikenalkan pada peringkat sekolah sendiri. *So*, melalui Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi dan sebagainya melalui *that.* Sekarang di tempat pekerjaan mereka *we will regulate them through Occupational Safety and Health Administration* (OSHA) punya *mechanism*.

Dari tempat kerja, *of course there will be some kind of oversight* daripada Kementerian Kesihatan sendiri *but* dikawal di tempat kerja melalui *this occupational safety and health* punya *measures*. Bagi orang awam, *public* yang *basically* tidak bekerja, tidak berada di universiti, tidak berada di sekolah menengah atau rendah mereka *have the opportunity to receive treatment from* Kementerian Kesihatan.

So, largely that's macam *guidelines of how we are thinking,* di mana mereka boleh dikawal secara *administrative*.

Tuan Pengerusi: *The whole-of-government approach* ya?

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *And whole-of-society.*

Tuan Pengerusi: *The whole-of-society approaches* ya.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey, baik, boleh teruskan. Habiskan dulu, nanti kita bincang.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *So*, fasal 18 dan 19, seperti yang saya katakan ini ialah syornya iaitu menggugurkan fasal 18 dan 19. *Both,* dari segi tiada seorang pun boleh menggunakan *and* fasal 19 *is applied to e-cigarette and 18 is to conventional cigarette. Going down to* fasal 20, tanggungjawab tuan punya bangunan dan sebagainya. *Again, this is a control mechanism* yang dikenakan kepada *building owners* di mana, *again, they are supposed to* memastikan bahawa misalnya tanda amaran larangan merokok *are made available* dan tidak boleh mengadakan sebarang kelengkapan atau kemudahan merokok dan sebagainya. Huraian syor adalah untuk mengekalkan fasal 21(a), (b) dan (c).

Fasal 22 adalah di mana, mana-mana orang yang melanggar subseksyen ini, melakukan kesalahan dan didenda tidak melebihi RM5,000. *Again, this is* kawalan yang sedia ada dan ini membolehkan kita – *again, rather than penalise the users, is on the,* macam *facility owners* dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: *Facility owners* ya.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Ya. Macam saya katakan *I think* apabila kita kenakan, *we force the focus onto the people who are running the premise then it becomes a very* – Lebih mudah untuk dikuatkuasakan. Misal kata Tuan Pengerusi, contohnya kita katakan kepada restoran dan sebagainya, mereka *sometimes come back to us to say*, *"Oh, tidak. Sukar untuk saya menguatkuasakan sama ada orang merokok atau tidak dalam kawasan saya"* dan sebagainya.

Akan tetapi, mereka boleh sahaja *enforce very easily, for example,* cuba kita bawa McDonald's atau KFC masuk ke dalam kedai mamak. Tidak boleh, dia memang kena keluar.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh *kan*, itu tidak boleh.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Dalam *the space of* satu, dua minit dia dah suruh *you* bangun dan meninggalkan tempatlah.

Tuan Pengerusi: Ya, kalau dia hendak kuat kuasa, *you could do it.*

■1140

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *Absolutely,* Tuan Pengerusi kerana ada *economic incentive.*

Tuan Pengerusi: Ya, betul.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Oleh sebab *you* jangan datang kedai saya makan dari kedai lain. *So,* serupa juga...

Tuan Pengerusi: Boleh pula ya.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: …*with this control, 20, we will make sure that* ia ada *economic incentive* iaitu jangan saya disaman apabila saya membolehkan orang merokok dan sebagainya in *my premise. So, again, law that's already there and the logic behind this is the economic incentivisation.*

So, bagi fasal 21, anggapan perkara yang berkaitan pelabelan dan pembungkusan *is pertaining to the proceedings in terms of processes. So* tidak termasuk dalam bidang semakan panel pakar, Bahagian VII ini.

Fasal 22, tanggungjawab pengilang, pengimport dan pengedar dari segi *how they will use and produce this* maklumat *is* penting untuk kita mengekalkan fasal ini – Huraian syor adalah untuk mengekalkan fasal kerana membolehkan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia untuk *have some regulatory control over the shape and form of this product.*

Fasal 22(1) dan fasal 22(2)(a) dan seterusnya (b), di mana B ini mungkin dari secara prinsip perbezaan antara individu dan badan korporat.

So, Bahagian VIII berkaitan dengan pentadbiran di mana – Seterusnya fasal 23, maaf – Di mana Menteri boleh atas nasihat Ketua Pengarah memungkinkan di mana situasi ada keadaan *acute* atau kritikal berhubungan dengan kegunaan atau penggunaan produk-produk tembakau, bahan perokok dan pengganti tembakau di mana kita boleh *declare* untuk mengambil sebarang tindakan terutamanya macam *ban* atau membolehkan kita mengawal produk-produk ini.

So, ini adalah penting dan saranan adalah untuk mengekalkan syor dan *is again, very interesting* punya perspektif kerana setiap hari kita ada produk yang baharu. *In fact* kita ada *I think* daripada Bahagian Toksikologi dan Pusat Racun Negara dan sebagainya boleh dikatakan lebih kurang setiap hari ini "inovatif" – Kadar "inovatif" ini adalah begitu tinggi sehingga ada tiga atau empat produk yang

absolutely baharu yang keluar setiap hari di Malaysia. Tiada sesiapa pun termasuk pembuat produk-produk ini sendiri yang tahu apa sebenarnya yang bakal berlaku.

Tuan Pengerusi: *What have they created. [Ketawa]*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *So,* dengan fasal ini apabila dikekalkan akan memberikan kuasa kepada pihak KKM atau agensi berkaitan untuk memungkinkan mereka bertindak secara responsif sekiranya muncul sebarang kecemasan daripada penggunaan produk-produk ini seperti yang kita lihat dari segi EVALI.

Saya sendiri saya ada – *I think* menghuraikan sedikit sebanyak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tentang pesakit saya yang eksperimennya adalah dalam *open system* dia menggunakan sambal nasi lemak, masuk ke dalam *pod* dan *vape* dan sebagainya. Kemudian dia *vaping* sambal nasi lemak itu sendiri bercampur dengan *liquid nicotine* supaya memberikan perisa baharu. Kita pun tidak tahu, dia pun tidak tahu apa akibatnya. *So, we expect this kind of experimental products* akan terus berlaku and *at least* ia memungkinkan KKM *has some kind of control over this* apabila diperlukan.

Tuan Pengerusi: Ya, *of course.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *So,* sekiranya ada kes-kes kecemasan yang timbul dan sebagainya.

So, fasal 23(2) *is on the same line.* Seterusnya, fasal 23(3)(a) dan (b) adalah berkaitan dengan pelanggaran subseksyen itu dan *again differentiation between* individu dan badan korporat.

Seterusnya, fasal 24 berkaitan pelantikan juruanalisis. *Really an administrative process* yang tidak termasuk dalam *our review and* fasal 25, makmal yang diluluskan. *This I think* syornya adalah untuk mengekalkan fasal kerana kita sudah lihat sendiri makmal-makmal, *so-called* makmal yang *independent* ini adalah sebenarnya bukan *independent,* itu yang pertama. Keduanya, banyak daripada makmal-makmal yang digunakan oleh pengilang untuk menyahihkan produk mereka ini adalah sebenarnya saya nak kata mitos atau legenda semata-mata.

So, mungkin saya ingat kepada saranan jawatankuasa dan juga *actually we can see that* memang kena ada makmal-makmal *independent* yang diluluskan *and* dikawal selia, dipantau oleh agensi-agensi termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia. Hal ini kerana *too much incentive for them to approve.*

Tuan Pengerusi: *Moral hazard*-nya. *The moral hazard.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *Ya. Absolutely. So,* dan berkaitannya fasal 25(2) dan fasal 25(3) adalah berkaitan dengan makmal-makmal

yang diluluskan dan senarai makmal yang diluluskan. *So, our* syor itu mengekalkan fasal.

So, fasal 26 adalah berkaitan dengan pelantikan kuasa. *Again, administrative process* fasal 26(1), (2) dan (3), *which we have no comments to make, I think it's a process as it is*.

Bahagian IX berkaitan dengan penguatkuasaan *is also again* – Bahagian IX, X, XI dan XII ialah *clauses* yang berkaitan dengan penguatkuasaan, perbicaraan dan prosiding, am dan kecualian dan peralihan, *which I think we have no comments to make on this*. Bukan dalam *our* senarai semakan.

Okay and so that's about it. So, that's basically the crosswalk yang cuba merumuskan *in a not so simple manner. [Ketawa].* Slaid, maaf mengambil masa yang panjang.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, terima kasih Assoc. Prof. Dr. Muralli daripada pembentangan yang terakhir yang bermula daripada Prof. Elil tadi dan juga Prof. Long, Prof. Wee. Ini ialah empat daripada sejumlah 30 pakar *clinicians* dan juga *academicians* kita daripada 11 IPTA dan IPTS, swasta.

Jadi, inilah hasilnya. Saya sangat teruja dan mengucapkan jutaan terima kasih. *I cannot thank you enough*. Saya tidak boleh menyatakan betapa kami dalam anggota – Ahli-ahli Yang Berhormat dalam anggota Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan ini. Rasa terbantu *because we are not the experts at all*. Kita bukan *expert and we don't pretend that we are the experts* tetapi kamilah pihak yang akan dipertanggungjawabkan untuk menggubal undang-undang di Dewan Rakyat itu bersama ramai lagi kawan-kawan lain sebagai Ahli Parlimen dan Ahli Yang Berhormat sama ada daripada *the backbench* ataupun *the opposition bench.* Menyemak imbang apa yang ada dalam *frontbench* atau *the Cabinet, the ministers* semuanya.

Jadi, itu yang dapat kita dengar sebentar tadi. Saya rasa memang sangat terbantu dan walaupun pembentangan itu dalam slaid-slaid yang diberikan lebih awal, yang dibentangkan oleh kesemua pembentang sebentar tadi tetapi rumusan yang dibuat akhirnya dalam – Yang telah saya sendiri *print out this.* Sebab *I want it to be in colors so that* dapat *using the traffic light* punya *coloring* itu sangat penting untuk kita tahu *which immediately* ialah cadangan-cadangan syor penambahbaikan, apa yang disokong seterusnya atau dikekalkan dalam fasal-fasal yang tertentu.

Jadi, saya kira dalam *executive summary* ini terangkum seluruhnya cadangan-cadangan yang diteliti, yang diimbangkan oleh *expert panel* kita, tidak

termasuk aspek-aspek pentadbiran dan selainnya itu dalam fasal-fasal yang tidak terkait dengan kepakaran *expert panel* kita.

Jadi, itu sebagai sedikit komentar dan saya pun dalam laluan pembentangan tadi telah pun *interject* beberapa perkara yang saya mahu khasnya Prof. Dr. Muralli untuk *highlight*-kan *the rationale* dan juga Prof. yang lain supaya Ahli-ahli Yang Berhormat PSSC kita dapat memahami di sebalik apakah *reason* dan *rationale* ia dibuat begitu.

Jadi, saya kira sudah wajar untuk kita mendengar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat anggota Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan dan saya yakin banyak perkara yang boleh kita timbulkan terutama dalam *executive summary* yang telah dibentangkan tadi. Adapun saya lihat dalam cadangan-cadangan lebih awal itu, semuanya terangkum dalam *executive summary* sama ada dari sudut pengurangan bekalan, dari sudut pengurangan permintaan. Semua itu diterjemahkan dalam syor-syor.

■1150

Kita dapati bahawa ini menunjukkan RUU ini sangat teliti. Apabila *expert panel* membuat cadangan-cadangan, saya kira selain daripada cadangan yang ada pindaan itu, semuanya mengangkat dan memperkukuh syor-syor yang telah dirumuskan dalam *blue bill* ini. *This is very important*, saya lupa hendak pesan kepada sahabat-sahabat saya supaya sentiasa bawa ini *in our* — Saya sentiasa bawak ini sebab ini rujukannya. Ini ibunya *kan*, ini ibu aktanya. Jadi, senang untuk kita *always* rujuk sebab semua ada di sini. Sentiasa ada fasal-fasal dan bahagian-bahagiannya, jadi senang kita rujuk terus di situ ya.

Jadi, dengan itu saya ucapkan sekali lagi terima kasih kepada *expert panel* kita dan kita buka khususnya untuk tahap seterusnya ataupun perbincangan seterusnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, panel ataupun jawatankuasa pilihan khas kita dahulu dan mungkin kita dengar juga daripada KKM. Ataupun KKM hendak memberikan komentar dahulu ataupun *we would want to open* kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dahulu? Silakan. Silakan siapa yang punya — *We don't have much time*. Kita sudah hampir pukul 12 tengah hari. Kalau ada lagi satu jam lagi untuk kita atau kurang lebih setengah jam begitu untuk kita berbincang, *insya-Allah.* Silakan, Yang Berhormat Kuala Langat.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya ada beberapa perkara yang mungkin boleh dijawab sebab saya pun sangat memerlukan jawapan ini. Pertamanya berkaitan dengan isu strategi tadi

iaitu pengurangan permintaan ini. Kalau dilihat tadi *presentation* daripada Prof. tadi berkaitan dengan cadangan, yang saya tengok itu ada yang seolah-olah *double standard*. Kita benarkan kilang kita mengikut peraturan kita dan kita tidak menyentuh soal ─ Dan kita berikan kebebasan untuk yang dieksport keluar. Saya tidak tahu. Saya melihat sepatutnya kita ada satu yang *standard* kepada kita dan inilah yang menunjukkan bahawa *this is what our product*, kita punya *concern from Malaysia*. Itu satu perkara.

Kedua, berkaitan dengan isu cukai. Kalau ia 20 miligram per mililiter, itu *is equivalent to* 20 batang rokok dalam satu kotak dan kita hanya mengenakan sekadar RM0.40 sen per mililiter. Kita benarkan setiap kartrij itu mengandungi dua mililiter. *That means* lebih kurang dalam dua kotak. Cuma saya tengok baik untuk kita tingkatkan; kalau *two mililiter is only RM0.80 cents.* Kalau berbanding dengan rokok *conventional cigarette*, kalau dua kotak sudah RM16, satu kotak *is* RM8. Mungkin boleh naikkan kadaran cukai itu. Cuma saya juga melihat ─ Iyalah, isu kalau rokok mungkin ia habis begitu sahaja dari sudut kita hendak melupuskan tidak besar tetapi apabila kartrij ini, *it needs to be a disposable item, plastic and* kalau ia punya alatnya itu *is an e-waste* mungkin akan menyebabkan kita punya ─ Pelupusan itu juga memberikan kesan kepada peruntukan negara kita. Ini mungkin juga boleh dilihat.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Impose some kind of a sin tax.*

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: *[Ketawa]* Kemudian, saya juga melihat kalaulah kita melihat kepada ― Saya kira suatu syor yang baik untuk meningkatkan kadar denda daripada RM20,000 kepada RM50,000. Cuma implikasi dari sudut kita punya persiapan RUU ini yang saya kira akan memakan masa proses kepada *AG's Chambers* untuk kelulusan yang mengambil masa yang lama lagi. Akan tetapi baiklah kalau kita buat *once for all* dan cantik. Kemudian, itu mungkin pihak PUU boleh memberikan respons kepada kita iaitu berapa lama lagi yang kita akan perlukan masa untuk kita akhirnya bawa ke Dewan untuk kita luluskan.

Kalau itu berlaku dengan lambakan yang sedia ada yang kita tidak terkawal sekarang ini, *vape* yang ada di luar sana dengan kepelbagaian bentuknya yang menarik dan sebagainya, dengan cadangan kita yang tadi nampak lebih baik seolah-olah tidak mempromosikan dan sebagainya, bilakah yang kita hendak bawak kepada pemain-pemain industri ini ataupun sebagai satu *awareness* kepada mereka? *After this, this is what our proposal on* kita punya alat *vape* itu dan bagaimana juga ia boleh bersedia dengan lambakan itu, ia boleh selesaikan? Berapa lama *period* yang kita boleh bagi yang kita boleh cadangkan kepada

pemain-pemain industri ini? Itu antara perkara-perkara yang saya hendak sentuhlah, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Kita dapatkan respons sama ada daripada KKM, PUU mahupun daripada *expert panel*. Silakan. Itu yang pertama. Kalau kita hendak ambil lagi atau jawab dahulu? Sila jawab dahulu. Bagi respons. Silakan

Prof. Dr. Long Chiau Ming: Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Langat. Soalan pertama tentang *double standard* tentang pengilangan itu. Itu sebenarnya penelitian yang baik, Yang Berhormat. Sebenarnya penerangan saya mungkin tidak jelas tadi yang kita sebenarnya tidak ada *double standard*. Contoh yang *I* boleh bagi ialah Malaysia juga merupakan pembuat atau pengilang untuk ubat generik di mana kita ada eksport ke luar negara. *So,* untuk pengeksportan itu kita pun mengikut piawaian untuk taraf antarabangsa seperti amalan pengilangan baik (GMP) itu.

So, cuma yang kalau untuk pengimport, *so* ia kena mengikut piawaian yang kita tetapkan atas RUU itu. Sebagai contoh mereka perlu buat pendaftaran dahulu dan bagi *certificate of analysis*, mendapatkan semua sijil yang diperlukan. Akan tetapi, untuk pengeksportan, kita akan cadangkan yang pengeksportan itu ikut juga piawaian yang sedia ada dan juga piawaian untuk luar negara supaya mereka dapat dieksportkan. *So*, yang pengeksportan itu sebenarnya ia dapat menjana keuntungan untuk negara juga sebagai pengeksport cecair *vape* atau *vape*.

So, soalan kedua — Prof. Dr. Muralli ada apa-apa yang hendak ditambah?

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: *Prof., it means the content is still the same?* 20 miligram per mililiter? Cuma mungkin *level*-nya bukan untuk dijual di Malaysia? *Is that what you mean?*

Prof. Dr. Long Chiau Ming: *Yes*, yang itu kalau ikut — Okey, *good point*. *So*, kalau ikut ia punya tempahan dari luar negaralah. *So*, untuk eksport keluar, *so* kita akan — Sebab biasa yang kita tahu untuk buat pengeksportan, ia akan guna pakai undang-undang luar negara.

Tuan Pengerusi: Betul. *You have to comply with the...*

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: *So,* kita boleh benarkan lebih daripada 20 miligram per mililiter?

Prof. Dr. Long Chiau Ming: *Yes. So…*

Tuan Pengerusi: Dengan kata lain, kita izinkan *because* yang memohon itu *they define the spec*. Dia menentukan spesifikasi itu ya? *Is that what you're saying?*

Prof. Dr. Long Chiau Ming: Betul.

Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *Sorry* Yang Berhormat, *just maybe to* tambah *because the same thing applies to drugs*. *So*, ia akan ada *packaging*

berbeza, and then *different restrictions and of course like for example* saiz kapsul, *content of the chemicals will depend on* negara yang *request*. *But also, from the larger* laporan *you can see I think more less — Almost all the countries* tengah *standardise to this 20 miligram per mililiter*. *For* kilang kita yang mengeksport pun ia *more or less, everything, everybody has started to come to this number already.*

Tuan Pengerusi: *Right.*

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: *[Bercakap tanpa pembesar suara] This is what I have a concern*-lah. *The 20 miligram as a standard.* Bererti kalau kita di Malaysia kita benarkan *20 miligram, then the export one we would allow 40 miligram per mililiter, for example. I think that is what I mean by double standard.*

Tuan Pengerusi: Okey. Itu maksudnya tadi. Soalan pertama tadi. *Next.*

Prof. Dr. Long Chiau Ming: *So*, memang kita setuju dengan cadangan atau komen daripada Yang Berhormat Kuala Langat.

■1200

So, yang dua kotak itu memang RM16. Akan tetapi, betul juga yang *e-waste* itu akan terlibat kos-kos tambahan untuk melupuskan *e-waste* tersebut. Kalau ikutkan memang kita punya *health economic calculation,* kalau ikut yang cukai itu, yang sedia ada 40 sen per *ml* memang *underestimate,* yang kalau ikut 65 *per cent* untuk *conventional cigarette* yang dikenakan pada masa ini. *So,* memang boleh ditingkatkan sekurang-kurangnya *10 times* daripada 40 sen ke RM4.

Tuan Pengerusi: Sebanyak 10 kali ya.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Saya tengok ada dua perkara. Satu, *probably we encourage them to move from the cigarette, conventional cigarette to vape; "less risk". [Ketawa] But* kita hendak galakan juga dari sudut cukai, pengguna tidak tahu. Apa yang mereka tahu dia beli, *how much*.

Seorang Ahli: Ya, tidak kisah cukai berapa.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Jadi, saya ingat dari sudut kawalan itulah. *I think for the government,* kita kena naikkan cukai *because of* kita hendak lupuskan. Itu kena ambil kira.

Tuan Pengerusi: Ya. *It's a cost, huge cost.* Macam kita *make them pay for that*-lah. *That is what I meant by sin tax* tadi itu. *The* prinsip *of sin tax is you incur on them*. Ya, sila Prof. Dr. Elil.

Prof. Dr. Elil Renganthan: *So, this is basically a new information for you*. *The fact that there's a difference in taxation. So, this is something that the expert group was able to sort of identify as an opportunity for the government to increase taxes, if necessary.*

Tuan Pengerusi: Betul, perkara itu saya rakamkan. Ada juga pandangan-pandangan yang lain minta supaya kita pertingkatkan. Oleh sebab, ia membawa maksud dan kesan impak *environment* dan sebagainya. *So*, kenapa kita tidak tingkatkan perkara itu? Jadi, kita hendak dengar kalau daripada PUU boleh? Aspek – Daripada KKM. Sila, Dr. Noraryana. Ya, sila.

Dr. Noraryana binti Hassan [Timbalan Pengarah (Penyakit Tidak Berjangkit) Kementerian Kesihatan Malaysia]: Tuan Pengerusi dan semua ahli-ahli mesyuarat. Saya ingin komen sedikit yang *on* cukai itu ya Yang Berhormat sebab saya rasa sebelum ini kita telah memperjelas *the concept of* cukai eksais itu ialah cukai yang dikenakan berdasarkan *spesific tax plus ad valorem. So,* ia ada dua *tier*. Di Malaysia, satu ketika dahulu kita buat dua *tier,* cukai spesifik *plus ad valorem*. *Specific means* per batang rokok, per gram tembakau dan sekarang ini kita gunakan untuk *vape* adalah per *ml*. Itu ditentukan oleh MOF. Bukan dalam bidang kuasa KKM.

Ad valorem itu berdasarkan berapa peratus; 10 peratus, lima peratus yang akan ditetapkan oleh MOF berdasarkan kos *ex-factory* ataupun kos pembuatan sekotak rokok itu. Jadi, jika mahal rokok itu, mahal lagi dia punya cukai. Itu dua *tier* yang kita pernah guna. Akan tetapi, sejak *I think few years back,* lima atau enam tahun yang lepas kerajaan hanya menggunakan *one-tier, which is specific tax* kerana *ad valorem* itu mereka senang hendak tipu berapa *ex-factory* dan sebagainya.

Jadi, apabila penentuan cukai ini sebagaimana yang saya sebut tadi, kalau kita ikutkan *per nicotine for example kan*, berapa nikotin. Saya rasa Yang Berhormat Kuala Langat pernah bertanya kenapa tidak ikut nikotin? Kenapa ikut *ml?* Oleh sebab, dari segi implementasinya ia agak payah hendak tahu berapa nikotin. *You have to check, there and then.* Akan tetapi, kalau *ml* itu spesifik per *ml*, per miligram *and all that*. Okey, perlu kita tahu bahawa di bawah *Control of Tobacco Product Regulations,* satu miligram itu ialah *emission,* apa yang keluar. Akan tetapi, mengikut pegawai-pegawai kami di sini daripada data yang kita ada, apa yang industri bagi, satu batang rokok *content*-nya lebih kurang 13 miligram purata.

So, maksudnya kalau satu kotak itu adalah lebih kurang 260 miligram. Akan tetapi, yang kita letak dalam *Control of Tobacco Product Regulations* itu satu miligram yang keluar. Jadi, orang agak *confused* dengan perkara ini. Selalunya orang ingat satu miligram *per this one*-lah. *It is actually emission.*

Tuan Pengerusi: *Emission*.

Dr. Noraryana binti Hassan: Tadi apabila kita mengenakan cukai, di bawah artikel 6 WHO FCTC memang ada sebut menaikkan cukai berapa *per cent*. Memang sangat setuju dengan *expert* untuk kita menaikkan cukai supaya harganya tinggi *and affordability*. Dalam artikel 6 itu, ia kata kita tidak boleh naikkan cukai sahaja tetapi kita kena *make sure* harga runcit dinaikkan. *So*, itu sebabnya apabila MOF naikkan cukai di bawah peraturan KKM, kita ada satu peraturan menaikkan harga selaras dengan harga cukai. Jadi, itu juga akan dilaksanakan nanti, Yang Berhormat. Itu berkaitan dengan cukai Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih. *Anymore response?* Tadi cukai *and then* perkara yang – Apa lagi Yang Berhormat?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Pindaan.

Tuan Pengerusi: Pindaan, apakah masa dan *timeline* yang akan diperlukan?

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Berhubung isu tersebut, *since* wakil AGC pun tidak hadir hari ini. Akan tetapi, berdasarkan pengalaman kita dan juga maklumat yang kita terima, selalunya bergantung kepada berapa banyak pindaan. Sekiranya pindaan itu agak banyak, *normally we need more than two weeks. More than two weeks*.

Tuan Pengerusi: *Two weeks* ya?

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey, kalau dua minggu mungkin munasabahlah. *[Ketawa]*

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: *More than two weeks*. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Ya. Tidak apa. Kalau sebut, kalau Tuan Yang sebut *two months* tadi saya terkedu juga dengar. *[Ketawa]* Sila, Dr...

Dr. Noraryana binti Hassan: Saya rasa tentang pindaan yang syor perkadaran itu memang kami setujulah kalau dinaikkan. Sebenarnya apa yang telah disyorkan oleh *experts* pernah kami bawa kepada AGC. Harga itulah. Denda itu. RM200,000 dan sebagainya. Akan tetapi, Bahagian Pendakwaan ya tuan? *[Merujuk kepada pegawai KKM]* Bahagian Pendakwaan pulang balik ke KKM kerana perkadaran itu tidak sama. Perkadaran denda berapa harga dengan perkadaran hukuman penjara itu tidak selaras. Itu sebabnya dahulu kita pernah...

Tuan Pengerusi: Maksudnya apa itu doktor? PUU?

Dr. Noraryana binti Hassan: Maksudnya, contoh kalau lima tahun...

Tuan Pengerusi: *Proportionality*? Ekuiti ataupun?

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Ya, betul. Maknanya kita punya hukuman denda itu dengan kita punya *provision* untuk penjara tidak seimbang.

Tuan Pengerusi: Tidak seimbang. Ya.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Itu dia minta untuk pihak KKM meneliti semula.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dr. Noraryana binti Hassan: Kalau kita hendak balik kepada RM200,000 itu kita kena pertimbangkan balik untuk menaikkan juga hukuman penjara.

Tuan Pengerusi: Oh, begitu. Faham. Maaf, kalau saya menyimpang sedikit. Denggi punya, ambil sebagai – Yalah mungkin tidak *analogous*. Tidak boleh kita bandingkan. Akan tetapi, kompaunnya berapa? Saya ingat kalau macam kesalahan-kesalahan yang ketiga itu dah sampai *RM1 million.*

Dr. Noraryana binti Hassan: Ya.

Tuan Pengerusi: Jadi, *tang* mana yang *proportionality* itu diperhati atau di-*observe* di situ. *[Ketawa]* Kebetulan saya teringat. Dia pergi *50 to 1 million.*

Encik Hasnainin bin Hassan [Pegawai Kesihatan Persekitaran, Kementerian Kesihatan Malaysia]: Untuk denggi ya?

Tuan Pengerusi: Ya, betul. Kalau ada PUU hendak bagi pandangan dahulu. Boleh bantu kita sedikit?

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Kita ada Bahagian Penguat Kuasa.

Tuan Pengerusi: Ya, okey sila.

Encik Hasnainin bin Hassan: Tuan Pengerusi, untuk denggi kompaun sebanyak RM500 untuk satu kesalahan. Denda RM10,000.

Tuan Pengerusi: Kalau dia punya – *Repeated offences*. Maksimumnya?

Encik Hasnainin bin Hassan: Maksimum RM10,000 penalti.

Seorang Ahli: Kalau berulang?

Encik Hasnainin bin Hassan: Berulang untuk denggi, berulang ini dia berdasarkan kepada kesalahan itu, setiap hari kesalahan itu RM500.

Tuan Pengerusi: Oh, ya? Tidakkah ia lebih daripada itu? Kalau tidak silap saya. Denggi itu. Ia lebih jauh, lebih besar daripada itu. Apa yang saya tahu, yang saya teringatlah. Mungkin saya silap. Cuba *check*. Ia *very prohibitive* kalau tidak silap saya. Yang Berhormat Bentong, ingat?

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Tidak, *it goes into* RM500,000. Betulkah? Kalau tidak silap saya. Sekejap ya.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

■1210

Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ulang balik Yang Berhormat.

Tuan Haji Onn bin Abu Bakar: Maksudnya, kalau didapati membiak nyamuk aedes itu, denda sehingga RM50,000 hingga lima tahun penjara.

Tuan Pengerusi: RM50,000 dan lima tahun?

Tuan Haji Onn bin Abu Bakar: Serta lima tahun penjara.

Tuan Pengerusi: Ya, kalau— Maaf ya, saya terpaksa menyimpang sedikit tadi.

Puan Intan Noorashikin binti Nasarudin [Peguam Kanan Persekutuan, Kementerian Kesihatan Malaysia]: Yang Berhormat, dengan izin Yang Berhormat. Pejabat PUU.

Tuan Pengerusi: Ulang balik. Ulang balik. Cuba baca.

Tuan Haji Onn bin Abu Bakar: Ini; didapati membiak nyamuk aedes, sehingga RM50,000 serta lima tahun penjara.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Tuan Pengerusi, kalau kita lihat peruntukan di bawah seksyen 23 itu, disebut dengan jelas 23(c), *"...berkenaan dengan suatu kesalahan yang berterusan hendaklah didenda selanjutnya tidak melebihi RM500 bagi setiap satu hari kesalahan itu diteruskan".*

Tuan Pengerusi: Setiap satu hari ya. *That is right. It amounts – Too huge. [Ketawa]* Saya pernah – Okey tidak apa, kita kembali kepada – *[Ketawa]* Jadi, perkara ini apakah PUU rasa perlu dibawa kepada AGC ataupun bagaimana?

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Sekiranya ini cadangan yang diambil kira oleh jawatankuasa, mungkin kita juga memang kena perlu rujuk balik Bahagian Pendakwaan untuk persetujuan.

Tuan Pengerusi: Ya. Tolong rujuk balik dan mungkin datang balik kepada kami untuk dapatkan penjelasan tentang perkara itu, pencerahan perkara itu. Baik...

Dr. Noraryana binti Hassan: Tuan Pengerusi, ada satu lagi soalan, yang keempat.

Tuan Pengerusi: Itulah. Saya ingat ada satu lagi itu...

Dr. Noraryana binti Hassan: Bilakah kita akan maklumkan kepada pemain industri?

Tuan Pengerusi: Ya, pemain industri tadi *kan*, tak jawab lagi.

Dr. Noraryana binti Hassan: Untuk makluman Yang Berhormat, selepas kita sudah menentukan dasar kawalan yang telah kita tetapkan sementara kita buat gubalan itu, kita telah pun mengadakan sesi-sesi...

Tuan Pengerusi: Libat urus.

Dr. Noraryana binti Hassan: ...libat urus bersama dengan mereka.

Tuan Pengerusi: Ia berterusan *kan?*

Dr. Noraryana binti Hassan: *Yes*, betul. Apabila kita berjumpa juga dengan pemain-pemain industri terutama pemain industri *vape*, mereka memang mengatakan bahawa bungkusan yang menyerupai kanak-kanak, yang rupa cantik-cantik itu, memang mereka tidak terlibat, *for them.* Mereka memang juga tidak menyokong pembungkusan itu. Mereka tidak terlibat dari segi pengimportan dan sebagainya. Jadi, mereka sendiri pun hendak suruh kita *enforce* penjualan dari segi macam *packaging* yang menarik itu.

Tuan Pengerusi: *Plain packaging* itu ya.

Dr. Noraryana binti Hassan: Itu *according to them*, pemain industri tempatan. Namun begitu, kita juga sudah panggil juga pemain-pemain industri yang dari luar negara sebab sekarang ini sebelum Akta Racun— Semasa nikotin masih kekal di bawah Akta Racun, mereka import *illegally*. Jadi, mereka memang tidak datanglah kepada kita. Jadi, memang maksudnya pemain industri tempatan memang sudah tahu bahawa mereka tidak boleh buat perkara-perkara ini selepas akta ini diluluskan nanti. Kita telah pun ada sesi libat urus, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey, bagus. *[Disampuk]* Itu *illegal. Illegal*-lah maksudnya *kan? [Disampuk]* Betul. Baik, seterusnya ada yang lain? Sila.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus]: Tuan Pengerusi, ada minta sedikit pencerahanlah. Saya pun rasa *confused* tentang fasal 18(1) yang hendak digugurkan. Memang hasrat GEG itu untuk mengharamkan atau tidak membolehkan yang lahir 1 Januari seterusnya merokok *kan?* Itu memang hasrat kita. Akan tetapi, apabila hendak digugurkan, hendak ditukarkan kepada ini sebagai satu *addiction*, satu ketagihan dan tidak dikenakan— Tidak ada laranganlah maksudnya? *So*, macam hasrat kita tak tercapailah.

Tuan Pengerusi: Ya. Soalan itu perlu diberi pencerahan. Tambah lagi atas isu yang sama.

Tuan Haji Onn bin Abu Bakar: Fasal 19?

Tuan Pengerusi: Fasal 18, 19 sama. Fasal 19, *on the vape*. Samalah, kedua-dualah fasal 18, fasal 19.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Okey. Salam Yang Berhormat. *So,* Yang Berhormat, dari segi kawalan Yang Berhormat, yang kita cakap tentang

empat aspek tadi iaitu penjualan, pembelian, pemilikan dan penggunaan. *Currently* apa yang kita sarankan ialah kawalan dari segi aspek penjualan dan pembelian. *The point of control is* dari pengawalan *from buying and selling* kepada golongan GEG.

Akan tetapi, kita sudah pun ambil— Dalam *this version of* RUU ini kita sudah gugurkan pemilikan *and* kita punya saranan sekarang adalah gugurkan juga yang penggunaan. *So that, the element of* penggunaan ini kita tidak *fine* kecuali kalau mereka berada di kawasan larangan merokoklah *where* dia akan— *They fall under that...*

Tuan Pengerusi: Tempat-tempat yang sudah kita wartakan dahulu lagilah *kan?*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Betul, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Kita boleh kekalkannya, cuma *fine*-nya itu tidak dikenakan dalam bentuk denda, tetapi dalam bentuk wajib dia dapatkan rawatan.

Tuan Pengerusi: Itu poin tadi itu. Yang Berhormat Kuala Nerus punya poin tadi, kembali kepada persoalan fasal 13 dan fasal 14 tadi *kan?*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Maaf Yang Berhormat. *So*, kami pun memikirkan *along the same track*. Akan tetapi, masalahnya *and maybe our colleagues from* PUU dan sebagainya boleh *also lend some input*. Kami difahamkan bahawa masalahnya adalah jika kita sudah tetapkan benda itu sebagai kesalahan, maknanya ia *becomes either compoundable or non-compoundable.* Kemudiannya kalau *compoundable,* ia ada *this monetary*. Ia boleh sama ada *monetary* atau dihadapkan ke mahkamah. Kalau *non-compoundable,* terus dihadapkan ke mahkamah. Jadi, dalam proses ini tidak ada elemen di mana mereka tidak boleh— Tidak diperlukan untuk membayar kompaun dan sebagainya dan di-*mandate*-kan untuk dihadapkan ke rawatan. *In the legal angle* ini tidak ada. Itu yang menjadi *like* kami pun *duk* garu kepalalah setakat ini, Yang Berhormat. *[Ketawa] So,* itu yang...

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]* Minta PUU itu untuk membuat sedikit *interjection* tadi. Sila PUU.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Okey, terima kasih. Sebenarnya kalau kita teliti, bagi saya, menggugurkan penggunaan ini sebenarnya satu benda yang paling besar sebenarnya yang kita perlu bincangkan. Kita sudah gugurkan hari itu pemilikan, kita sudah banyak sudah *mellow down. So,* sekarang kita hendak gugurkan untuk hisap sudah tak salah. Okey, itu polisilah. Bagi saya itu saya tidak mahu sentuh, itu polisi.

Cuma fasal berkenaan dengan situasi *currently*, Bahagian Penguatkuasaan yang *deal with this* mungkin boleh sahkan. Sebenarnya kesalahan menghisap rokok dalam akta kita ini adalah *actually a summon case, a compoundable offense.* Banyak pun kes-kes kita yang memang tidak pergi ke mahkamah pun, kita bagi kompaun. Akan tetapi, cuma kadang-kadang apabila sudah tiga kali tidak ada, tidak bayar kompaun, baru kita hantar notis untuk hadir ke mahkamah. Itulah, itu sahaja Tuan Pengerusi.

Cuma, mungkin persepsi yang mungkin kita kurang jelas, kita ingat apabila pergi mahkamah ini kesalahan jenayah, bukan. Ini ialah satu kesalahan samanlah ataupun saya boleh *share* pengalaman saya sendiri menjadi Majistret 20 tahun yang sudah di Kedah. Ada beberapa kes penghisap rokok di stesen minyak, budak sekolah. Hisap rokok di stesen minyak yang mana kita tahu hisap rokok di stesen minyak sangat bahaya. Jadi, memang ada kes dibawa ke hadapan saya seorang budak ini berumur 15 tahun, sambil pakai baju sekolah, isi minyak, hisap rokok di stesen PETRONAS. Saya ingat lagi.

So, dibawa ke hadapan saya untuk *first offence* itu saya bagi rendah sahajalah. Kampung, Mahkamah Jitra, saya bagi RM50. Itu pun orang kampung hendak minta kurang. Okey. Tidak lama itu, dua atau tiga bulan selepas itu, dia buat lagi di stesen minyak lain. Saya rasa tidak boleh jadi ini, saya naikkan RM200. Jadi, bagi orang kampung, RM200 itu tinggi. *So*, datang lagi tetapi berbulan-bulan selepas itu. Budak ini tak serik. *So,* kali ketiga, saya bagi maksimum. Jadi, memang jadi *deterrent*. Baru jadi *deterrent*. Jadi, kita kena fahamlah sebenarnya realiti di luar sana ini apabila— Saya bimbang satulah. Kalau penggunaan hisap ini bukan lagi jadi satu kesalahan, kita akan jadi macam *moral panic* lepas ini. Budak-budak akan dengan suka-suka hati hisap di stesen bas. Takut dia lebih mudahlah. Mereka tidak risau, mereka tidak takutlah. Jadi, realitinya itu memang berbezalah kalau ikut pengalaman saya.

■1220

Lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar. Budak-budak hisap rokok memang ramai. Kadang-kadang mak ayah boleh *share* rokok pula. Bapa boleh *share* rokok dengan anak. Cuma saya hendak jelaskan di sini yang tadi *is compoundable*. Banyak juga penguat kuasa boleh sahkan. Memang kita kompaun. Banyak yang kita kompaun. Kita tidak bawa ke mahkamah pun banyak.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Betul tuan. *Just to check maybe with tuan, the approach* yang kita ambil hari itu *is* bolehkah kalau kita terus *mandate them to* rawatan.

Tuan Pengerusi: Yes. *It is still an offence*.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: *If you mandate by law...*

Tuan Pengerusi: Tetap kesalahan tetapi tidak...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ya. Rawatan itu *point*-nya.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Kita tengok Akta Penagih Dadah ataupun pemulihan penagih dadah. Kalau dimasukkan dadah dalam badan di bawah seksyen 6(1) Akta Penagih Dadah, memang kita boleh rujuk ke pusat serenti, contoh. Ia bermakna mahkamah akan keluarkan perintah untuk merujuk ke pusat serenti. Akan tetapi dalam hal itu, kita memang ada institusi yang sudah *established*. Pusat serenti. Saya bimbang dalam kes kita hendak pusat rawatan mana. *Establishment* pun tidak ada lagi. *Establishment* kita sebelah mana kita hendak hantar. Itu yang pertama.

Kedua, kalau kita hendak buat secara *voluntarily*, saya nampak secara pentadbiran, kalau kita lihat syor daripada pakar tadi secara pentadbiran, kalau pentadbiran *my impression is voluntary basis*. Kalau *voluntary basis, there is no need to put in the law*. Akan tetapi kalau kita hendak itu menjadi satu undang-undang, maka ia perlu melalui proses yang perlu dikeluarkan satu perintah oleh mahkamah. Ia bermakna kita perlu ada satu badan untuk memerintahkan untuk pergi ke mahkamah.

Akan tetapi saya nampak kita di sini jadi trauma apabila sebut mahkamah. Sebenarnya bukan mahkamah kita anggap satu kesalahan jenayah. Tidak ada isu. Cuma sebenarnya kalau ikut kita punya *current provision* pun khidmat masyarakat *kan*. Khidmat masyarakat kita syorkan. Sebenarnya bagi saya itu pun sudah cukup cantik. Khidmat masyarakat untuk kita buat sebab *in fact* kalau kita lihat dengan c*urrent draft* pun, saya rasa realitinya orang akan bayar kompaun daripada khidmat masyarakat. *Because they don't mind to pay* daripada mereka rasa malu untuk memakai jaket sapu sampah di surau ataupun sapu bersihkan kubur. Akan tetapi kalau macam Dr. cadangkan tadi, kalau untuk *mandate — When you talk about mandate then we have to do by law*. Melalui perundangan. Akan tetapi kalau kita hendak buat secara pentadbiran, *I think* kita kena lihat keberkesanan itu.

Tuan Pengerusi: *Good point.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *Can I ask* Puan Intan punya *team* tadi masa yang kita tengah bincang ini ada *some input* yang you *shared with us. If you can share little bit to the* Ahli-ahli Yang Berhormat *here*. Boleh?

Tuan Pengerusi: Sila, Puan Intan.

Puan Intan Noorashikin binti Nasarudin [Peguam Kanan Persekutuan, Kementerian Kesihatan Malaysia]: *Assalamualaikum* dan selamat pagi kepada Tuan Pengerusi, Datuk-datuk, Yang Berhormat sekalian.

Semasa kita mengadakan perbincangan bersama *expert*, cadangan yang dicadangkan adalah untuk mengenakan *treatment* kepada penghisap rokok. Cadangan itu menyatakan untuk tidak mahu pergi ke mahkamah. Maksudnya tiada proses untuk ke mahkamah. *Legal* berpandangan itu terpulang kepada dasar. Kita boleh draf tetapi tidak ada lagilah undang-undang sedemikian rupa.

Kebiasaannya Tuan Pengerusi, sekiranya kita hendak ikut pun Akta Dadah Berbahaya (Rawatan dan Pemulihan), kita *still* perlu pergi ke mahkamah iaitu seksyen 6 *voluntarily* ia *by* penghisap dadah itu sendiri. Seksyen 7 pula adalah kepada ibu bapa penjaga kepada penagih itu yang pergi kepada *court* dan *court* akan keluarkan *order*. Yang Berhormat saya *rephrase*, seksyen 6 adalah mahkamah, seksyen 8 adalah *Voluntarily*, seksyen 9 adalah untuk ibu bapa penjaga yang membawa penagih itu kepada mahkamah.

Basically, apa pun kita perlu pergi ke mahkamah untuk dapatkan *order* itu untuk ke pusat serenti. Seperti Tuan PUU maklumkan tadi, bagi tujuan penagihan dadah memang kita sudah ada penempatan untuk pusat serenti. Walau bagaimanapun bagi tujuan RUU ini, sekiranya kita hendak hantar kepada *treatment*, itu bergantung kepada KKM dan juga mungkin kepada Kementerian Dalam Negeri, dari aspek Jabatan Penjara dan juga mungkin KPM. Betul *kan?* Itu yang Prof. Dr. Muralli maksudkan.

Dalam perbincangan terdahulu bersama *expert*, terpulang kepada dasar. Walau bagaimanapun untuk meletakkan perkara itu dalam RUU, kita harus bincang lagi. Ini adalah kerana tidak ada *law* lagi sekarang ini yang menyatakan untuk terus pergi tanpa pergi ke mahkamah. Isunya sekarang hendak pergi ataupun tidak pergi ke mahkamah. Ini adalah kerana dikhuatiri oleh *expert* pada ketika itu walaupun dikenakan kompaun masih juga bersifat punitif, dikatakan sedemikian rupa. Betulkah Prof. Dr. Muralli? Sekiranya saya salah mohon dibetulkan.

Jadi, pendekatan *expert* adalah untuk terus kepada *treatment*. Walau bagaimanapun, kita masih lagi kami *legal* tertakluk kepada keputusan dasar, kepada keputusan jawatankuasa ini. Namun kita hendak tarik perhatian; kalau kita hendak ikut Akta Dadah Berbahaya (Rawatan dan Pemulihan) kita masih perlu

untuk ke mahkamah bagi mendapatkan *order* sahaja. Bukanlah disabitkan kesalahan. Ini adalah kerana kesalahan di bawah RUU ini adalah *summon cases* iaitu bukanlah kita pergi dan kita tangkap seperti penagih dadah, dia tangkap. Kita nampak dia menghisap kita boleh tangkap, *urine,* masuk lokap. Akan tetapi untuk kesalahan ini kita akan bagi *summon* sahaja untuk dia pergi ke mahkamah. Saya harap penjelasan daripada Pejabat PUU jelas. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Puan Intan. Ini satu yang dapat memberikan sedikit pencerahan bagi saya. Kami pada peringkat jawatankuasa perlu meneliti, melihat kembali. Perkara ini akan kami boleh rumuskan. Oleh sebab falsafahnya tadi itu adalah untuk kita tidak meletakkan *cohort* generasi ini di satu kedudukan yang mana mereka *are always on the wrong side of the criminal justice system*. Akhirnya nanti akibat daripada itu, timbul satu suasana di mana generasi ini melihat mereka sentiasa menjadi *haunted and* dimangsakan dengan apa punlah.

Pergi mahkamah ini bukan satu perkara yang mudah. Mungkin tuan-tuan tidak pernah ada pengalaman *defending your children but I've seen* kawan-kawan yang pergi bawa anak-anak itu. Ia punya *the shame*, malunya, aibnya bukan satu perkara yang mudah. Kalaulah *repeated offenders* pula itu, jenis anak-anak yang nakal. Itu semua yang hendak kita garap sekali gus supaya asalnya adalah *approach* untuk kita *protect*, *approach* untuk kita *prevent*. Akan tetapi kalau *approach* itu sebab kerana tidak ada ruang itu, maka kita sejurus itu ke mahkamah, *then you have not addressed this. For once there is a chance to address this* untuk suatu suasana atau peluang untuk kita ─ Mungkin boleh kita mulakan suatu yang dahulunya tidak pernah ada. *The conventional thing is that well this is what it has, all along* ─ Merupakan begitu.

Akan tetapi kepada generasi yang menerima itu, *this is why* pada awal lagi kita menyebutkan *we want to protect, we want to prevent*. Kalau boleh kita tidak mahu ada elemen-elemen punitif pun tetapi contohnya fasal 13 dan fasal 14 tadi itu kita masukkan kerana kita hendak mereka juga sebahagian daripada proses untuk kita jadikan pelaksanaan ini berkesan.

Di sini saya kira kalau bolehlah kita telitikan kembali. Kami pun dalam jawatankuasa pilihan khas ini *would want to see, again,* sebab perkara ini tidak perlu *rush* hari ini. Akan tetapi kita sudah nampak macam mana perkara ini boleh ditangani ataupun diperhatikan lagi supaya elemen itu apakah boleh kita capai maksudnya itu tanpa elemen proses yang dikatakan sebagai ─ Akhirnya mereka itu adalah juga terlibat dalam *the criminal justice system*. Itu sahaja. Yang paling mustahak adalah untuk kita dapatkan mereka dirawat. Mereka sudah menjadi *addicted to nicotine*, kami sejelasnya kita hendak rawat. Kita hendak *make it very*

effective tanpa ia melibatkan *the criminal justice system*. Itu yang terbaiknya. Saya harap kita akan dapat pastikan perkara ini sekali lagi.

Meanwhile kita tunggu macam mana AGC ataupun PUU dapat membantu kami. Saya ingat banyak terima kasih atas penjelasan tadi. Kalau ada perkara-perkara lain yang boleh kita *move on.* Sedikit. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat? Anggota boleh? Yang Berhormat Tanjong Karang, okey? Hari ini tidak banyak memberikan input lagi. Yang Berhormat Bentong?

Puan Young Syefura binti Othman: Sudah dapat jawapan.

Tuan Pengerusi: Sudah dapat jawapan sudah tadi. Okay. Yang lain tidak ada? Yang Berhormat Kuala Pilah.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]: Saya hendak resap isu yang seksyen 18, 19 tadi. Saya harap kita boleh murnikanlah.

Tuan Pengerusi: Murnikan. Itu istilahnya.

■1230

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Memurnikan. Saya amat bersetuju dengan pandangan PUU punya pandangan tadi fasal realiti itu, realiti itu. Kadang-kandang kalau kita buat suatu keputusan ataupun pindaan ini, ia mungkin akan memberikan akibat kesan kewangan juga. Jadi, kita tidak *ready* lagi dan infrastruktur itu *is yet to be* apa *and then* kita hendak *implement,* kita akan wujudkan satu perkara lain esok. Kesannya, *repercussion*-nya kepada undang-undang yang sedia ada. Kesediaan kita dan infrastruktur...

Tuan Pengerusi: Untuk kesediaan, itu suatu perkara yang penting, kita tidak tanya ya.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Ini adalah kerana ia melibatkan kewangan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Mungkin kita boleh ada suatu akta yang cantik dari segi atas kertas tetapi dari segi *implementation part of it...*

Tuan Pengerusi: Tidak dapat kita laksanakannya ya?

Dato' Adnan bin Abu Hassan: *It is not* – Sukar untuk dilaksanakan. Jadi, *we must be very realistic* dalam keadaan ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Pilah. Oleh sebab kita telah membuat banyak libat urus dan kita masih ingat lagi betapa dalam libat urus dengan KPKT contohnya, kita berdepan dengan satu realiti yang mana mereka sendiri menyebutkan dari segi penguatkuasaan. Saya kata, hari ini hendak buat larangan merokok di tempat-tempat awam itu pun, mereka tidak ada kemampuan ya.

Jadi, bukan kita kata, *we must be ready* semua baru boleh laksana. Akan tetapi memandang dan mengunjur kepada keupayaan, kapasiti pelaksanaan itu seperti mana yang Yang Berhormat Kuala Pilah sebutkan itu ialah saya rasa suatu yang perlu diambil kira. Pandangan PUU tadi sangat pentinglah untuk kita ambil seluruhnya, kita garap sekali lagi ya.

Jika tidak ada perkara-perkara lain yang besar untuk kita bangkitkan, boleh kita tangguhkan di sini dulu? Mungkin kita ada *next one* nanti, setelah kita berbincang sesama kami, kita akan ada libat urus dengan KKM sekali lagi. Akhirnya, *it is a* KKM punya rang undang-undang, bukan kami. Kami hanya diberikan tanggungjawab selepas Yang Berhormat Menteri Kesihatan bentang Bacaan Pertama, ditanya oleh Tuan Yang di-Pertua. Menyerahkan... *[Ketawa] the bulk* itu kepada kami. Kami cuba lakukan yang terbaik tetapi akhirnya *the ownership must be taken back by* Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan kementerian ya.

Apa yang paling mustahak adalah akhirnya *the buying in from the MPs.* Kalau kita buat sesuatu yang MP tidak *buy in,* pada awal lagi mereka menolak, sia-sialah semua proses kita ini kerana akan ditolak dan hari ini pun kita sudah dengar. Oleh sebab itu, kita ambil semua ini, bukan pandangan kami sahaja ini. Pandangan kawan-kawan MP yang lain ini. Supaya kita hendak kebarangkalian menang ataupun dibentangkan dan disokong.

Kalau tidak disokong dan kita *force the issue,* kita *just [Ketawa]* langgar saja, akhirnya ia tidak akan berjaya dan seluruh harapan rakyat *to protect the adolescents,* untuk kita lindungi golongan Generasi Penamat ini, akhirnya tidak akan berjaya. Jadi, saya minta supaya perkara-perkara ini semua akan dapat seperti mana yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Kuala Pilah, maknanya kita murnikanlah. *Insya-Allah.*

Baik, dengan itu saya sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih ya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, ahli jawatankuasa, kepada yang *all the time with us* KKM dan PUU ya dan *most importantly* ya, kita telah mendengar input-input yang sangat baik. *Very exhaustive* perbincangan. Saya rasa *very indebted to our very esteemed and distinguished panel of experts* ya.

Hari ini hanya empat orang sahaja profesor kita ini. Mereka lebih ramai daripada ini, daripada 11 IPTA *and* IPTS. Jadi, saya ucapkan banyak terima kasih kepada *panel of experts* sekali lagi. *Hopefully* ada lagi ruang untuk kita murnikan semua ini dan saya yakin apa yang kita lakukan adalah untuk kebaikan Generasi Penamat kita dan untuk kita dapat satu RUU yang paling, dalam bahasanya, tuntaslah ya.

Dapat kita rangkumkan semua keperluan dan *conflict* ataupun *mutually exclusive demand and constraint,* saya tidak boleh terjemahkan itu. Ya, Kepentingan dan tuntutan yang saling bersilanglah dalam bahasa Melayu, kalau boleh saya guna bahasa itu. Banyak yang perlu kita damaikan dan murnikan dan dalam satu draf, langkah itu hendak diambil semua.

This is where the challenge is kepada *legislator,* khasnya kepada PSSC, kami terpaksa mengimbangi semua tuntutan dan kepentingan yang saling bersilang. *Very mutually exclusive demands and constraints of many people, many stakeholders* ya *but* akhirnya kita hendak *protect our adolescents* dalam GEG ini dan juga *to regulate the best for the regulation of tobacco product,* demi kesihatan awam. Begitu, terima kasih sekali lagi semuanya. Baik, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.35 tengah hari]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

LAPORAN PROSIDING

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
KESIHATAN

PEMBENTANGAN RUMUSAN PENAMBAHBAIKAN RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2023

BIL. 9
ISNIN, 11 SEPTEMBER 2023
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
KESIHATAN
BIL. 9 TAHUN 2023

BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

ISNIN, 11 SEPTEMBER 2023

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir
YB. Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] - *Pengerusi*
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]
YB. Puan Young Syefura binti Othman [Bentong]
YB. Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat]
YB. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat]
YB. Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus]
YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
YB. Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran [Batu]

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*
YB. Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi [Tanjong Karang]

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha (Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]
Puan Nurul Saffida binti Kusaini [Pegawai Penyelidik, Seksyen Sosial dan Pembangunan Sumber Manusia (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan) Parlimen Malaysia]
Puan Mas Liza binti Maslan [Pegawai Penyelidik, Seksyen Sains, Teknologi dan Pembangunan (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan) Parlimen Malaysia]
Cik Jackie Mary Fernandis [Penasihat Undang-undang II, Parlimen Malaysia]
Dr. Siti 'Ai'syah binti Che Osmi [Pegawai Penyelidik (Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zuhair bin Mohd Zubir [Pegawai Penyelidik (Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Sunway University
Prof. Dr. Elil Renganthan [Professor of Public Health and Policy]

Taylor's University
Prof. Dr. Wee Lei Hum [Professor of Public Health]

The National Cancer Society of Malaysia (NCSM)
Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy [Managing Director]

Pusat Perubatan Universiti Malaya
Dr. Mohd Afiq bin Mohd Nor [Pakar Perubatan Kecemasan, Jabatan Perubatan Kecemasan]

Universiti Sains Malaysia
Puan Sulastri binti Samsudin [Ketua Pegawai Farmasi, Pusat Racun Negara]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN
BIL. 9 TAHUN 2023

BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

ISNIN, 11 SEPTEMBER 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.40 petang

[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera, salam perpaduan, salam madani semua. *Alhamdulilah,* yang pertamanya saya melafazkan syukur dan keduanya merakamkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat komitmen untuk hadir. Kami baru sebenarnya habis mendengar taklimat daripada Yang Berhormat Menteri Ekonomi dalam RSP ataupun *midterm review* separuh penggal. Jadi, kita terlewat sikit minta maaf.

Semua kita hadir, ahli anggota kecuali Yang Berhormat Tanjong Karang, Dato' Dr. Zulkafperi. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang membuat komitmen dan khasnya bersama kita pakar-pakar panel, pakar-pakar kita yang setia dan *very committed, very passionate* atas rang undang-undang ini. Profesor Prof. Dr. Elil daripada Sunway University, Prof. Dr. Wee daripada Taylor's University, Assoc. Prof. Dr. Murallitharan; *the MD of NCSM*, *Dr. Mohd Afiq is from PPUM*, dan Puan Sulastri; Ketua Pegawai Farmasi, Pusat Racun Negara, USM.

Pegawai-pegawai; Encik Mohd Sukri dan pegawai sekretariat. Okey, petang ini kita – Inilah waktu yang saya kira buat pertama kali Ahli-ahli Yang Berhormat semua kita punya waktu bersama untuk meneliti dan kita *alhamdulilah* terbantu dan dibantu oleh panel *expert* kita, panel pakar kita. Sebentar tadi sebenarnya Yang Berhormat Menteri Kesihatan *just called me* sebenarnya minta saya sedikit ada perbincangan sebelum taklimat RMK tadi dan bersama dengan Yang Berhormat Dr. Kelvin selaku *advisor* kepada Yang Berhormat Menteri. Saya pun dapat mengadakan sedikit perbincangan, bukan sikit tapi perkara-perkara yang *matters to* KKM dan saya akan mengambil kira dalam perbincangan ataupun mesyuarat kita pada petang ini perkara-perkara yang beliau bangkitkan.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga panel pakar, kita telah sebenarnya melalui sembilan mesyuarat sama ada merangkumi semua *stakeholders,* pemegang kepentingan. Pada petang ini kita sangat terbantu dengan kehadiran dan libat urus daripada panel pakar dan saya kira saya dibisik kawan-kawan Yang Berhormat menyebutkan saya jangan panjang-panjang sangat perbincangan. *[Ketawa] [Tidak jelas]...already here.*

Akan tetapi kita akan mengambil tanggungjawab sebab inilah mungkin kali terakhir kita bersama sebelum kita mengadakan pembentangan dan perbincangan, diskusi bersama KKM dan AGC dan yang lain. Jadi, petang ini sangat mustahak saya kira Ahli-ahli Yang Berhormat untuk kita betul-betul dapat kita *address* dan mudah-mudahan dapat kita mewujudkan persefahaman. *We are on the same page.* Meskipun panjang dan RUU ini akan kita telitikan tetapi saya yakin banyak yang telah pun kita mengadakan ataupun mewujudkan kesefahaman dalam 12 bahagian.

Oleh sebab itu saya rasa banyak yang terbantu kerana kita telah sama-sama melalui semua ini. Petang ini saya bercadang untuk sekali lagi mengizinkan kita mewujudkan atau mengadakan perbincangan dan dibuka kepada semua yang ingin mengajukan apa-apa juga noktah-noktah tertentu, perkara-perkara dan hal-hal tertentu. Kita akan dapat input daripada panel pakar kita.

Jadi, tanpa mungkin saya melengahkan waktu lagi, *without much ado,* saya ingat saya mesti terus kepada perbincangan langsung agenda mesyuarat, okey. Pembentangan, rumusan, dan juga perbincangan mengenai penyediaan tambah baik. Siapakah yang bertanggungjawab bentang? *Is it you, Assoc. Prof.?* Siapa yang bentang ini?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Prof. Dr. Muralli.

Tuan Pengerusi: Prof. Dr. Murallitharan, sila.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy [Managing Director, The National Cancer Society of Malaysia (NCSM)]: Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih kerana sudi menerima kami sekali lagi. Okey, *so* hari ini – Kita sudah bincangkan secara panjang lebar, saya fikir pada mesyuarat yang lepas. Jadi mungkin saya *highlight* sahaja bahagian-bahagian yang kita ada bincangkan tentang penambahbaikan dan sebagainyalah.

So, sebenarnya ada empat sahaja yang besar. Satunya adalah dari segi bahagian fasal 7(3); 7(3)(a) dan 7(3)(b) ini kita akan lihat *throughout the document, throughout the law* ini akan ada satu *big difference* yang kita ada *recommend* iaitu antara 7(3)(a) di mana terhadap syarikat dan sebagainya *we are asking to be an*

increase yang membezakan. 7(3)(a) ini adalah kepada sekiranya seseorang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan. Maknanya, individu dan 7(3)(b) ada penambahbaikan fasal di mana kami membuat rekomendasi di mana adakan perbezaan yang ketara iaitu sehingga lima kali lebih tinggi daripada kompaun atau denda yang dikenakan kepada individu.

Maknanya, kepada badan korporat ini *we are making a recommendation to increase the* amaun denda dan sebagainya sehingga lima kali lebih tinggi daripada yang dikenakan terhadap individu *and this is a* perbezaan yang Ahli-ahli Yang Berhormat akan lihat sepanjang dokumen ini; ada lebih kurang 12 kali yang berulang kepada kesalahan-kesalahan yang lainlah. *So, this is the first big difference,* Tuan Pengerusi.

So, the second big difference adalah dalam bahagian larangan berkaitan dengan fasal 12(2)(b) – Maaf, kepada larangan dalam fasal 13. Sebenarnya, tiada perbezaan tetapi *just* untuk menghuraikan perbezaan yang akan timbul dalam fasal 18, 19. *So, I just wanted to highlight* lagi sekali bahawa dari segi bahagian GEG ini, aspek-aspek GEG ini kita membincangkan tentang empat bahagian.

Pertama ialah menjual*, in which we are looking at the seller.*

Membeli, di mana kita mengadakan denda dan sebagainya terhadap pembeli iaitu individu yang akan *fall within* GEG punya *cohort.*

Ketiga ialah isu memiliki, *which is possession*.

Kempat, Yang Berhormat ialah menggunakan.

So, untuk makluman Yang Berhormat seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum dalam sesi yang lepas, selepas libat urus KKM telah *dropped* bahagian-bahagian yang menghukum atas pemilikan. *Dropped in the earlier session.* Sekarang *we are left with only three components, which are* menjual, membeli dan menggunakan.

■1450

So, dari segi menjual, *I think* Ahli-ahli Yang Berhormat sudah tengok fasal 12, 11 dan sebagainya, ada cadangan denda dan sebagainya terhadap pihak yang menjual kepada golongan yang berada dalam *cohort* GEG. Dalam fasal 13(2)(a) dan 13(2)(b), Yang Berhormat *will see* dan seterusnya 13(3) dan 13(4), *you will see* bahawa kami tidak ada membuat sebarang perubahan. Maknanya mereka yang membeli boleh didenda mengikut – Maknanya *people who are within the* GEG *cohort* ini apabila dia membeli, dia boleh dikenakan denda sehingga RM50 atau dan sebagainya sehinggalah RM500.

Tujuannya, pengekalan ini berdasarkan kepada nasihat daripada *our* PUU *and other legal authorities* bahawa kalau tidak, kita tidak akan ada *a mechanism* di mana kita boleh mendapatkan *witness who will testify against the seller because if you are onto the seller, the punishment or the proposed recommended punishment* akan *start* RM20,000 dan sebagainya tetapi *they need somebody to testify against. So,* melalui mekanisme ini kalau kita kekalkan denda atas pembelian, maknanya kita ada mekanisme di mana *for the* pendakwa raya dan sebagainya *and even for the prosecuting officers, they have a mechanism, I will give you a compound but if you were to testify, I can withdraw this compound*.

Tuan Pengerusi: *I see.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *So*, untuk tujuan itu sahajalah kami *still* mengekalkan fasal 13 di mana ada denda terhadap golongan GEG. *This is the only difference* dari segi negara-negara seperti – *The only other country*-lah yang ada GEG *in force, which is* New Zealand. *So*, New Zealand hanya ada larangan dari segi penjualan. *All the controls are on the* penjualan *end*. Pada pembelian, pemilikan dan penggunaan tiada sebarang dendalah. *So, in this aspect* pada fasal 13 ini kami *still recommend* untuk *maintain this* denda RM50 sehingga maksimum RM500 ini. Kemudian, saya bergerak ke fasal 18.

Tuan Pengerusi: 14 bagaimana, Dr.?

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Okey. Maaf Tuan Pengerusi. *So*, fasal 13 adalah berkaitan dengan *smoking* produk tembakau konvensional dan fasal 14 adalah berkaitan dengan *vape*.

Tuan Pengerusi: Fasal 14 *vaping*.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *So, it actually mirrors*-lah. *So*, tiada bezanya.

Tuan Pengerusi: Sama, sama.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Kemudian, saya fikirkan baik juga saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada fasal 17 iaitu kawasan atau tempat larangan merokok di mana mungkin ada individu-individu yang – Sebab ini ada *confusion* semasa – *So*, saya mengetengahkan *all the issues* atau *confusion* yang muncul dari segi *even the experts and where we come to the reconciliation*.

Fasal 17 ini mengatakan di kawasan larangan merokok yang telah diwartakan. Bagaimana pula dengan sekiranya ada golongan GEG yang didapati merokok di kawasan larangan merokok? *So*, kami punya rekomendasi adalah untuk terus mengekalkan fasal ini di mana mereka yang didapati merokok atau menggunakan produk tembakau di kawasan larangan merokok tetap patut

dikenakan kompaun yang sewajarnya dan ini adalah kerana ia sudah melangkaui kepentingan individu masuk kepada kepentingan kesihatan awam.

So, the premise of usage is that this is a public protection area for public health's good and this actually then siapa – Tidak kisahlah dia umur berapa pun, kalau dia melanggar kawasan tersebut seharusnya kita kenakan kompaun terhadap merekalah.

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran [Batu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] The compounds are different?*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *The same,* Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: *Same compound*.

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Let's say you* kena *two compounds.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *Meaning* Yang Berhormat?

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] If he is a GEG, let's say he smoked in* a kawasan larangan, *will he get two?*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: No Yang Berhormat, *because the recommendation is a bit different now*. *We haven't reached the* GEG *compound. So, the* fasal 13 dan 14 yang membeli itu *kan*, *is only if – I can only catch you and punish you for buying, if I catch you in the shop with the receipt, you* keluar dari kedai...

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Tidak jelas] ... itu* kena?

Even AADK *when they go on the ground they cannot catch the person who is taking drugs, they are not allowed. They must bring a police with them. Something like that we can propose to the MOH to create an agency itself because this thing is forever. If we implement this, this is forever. This implementation should not be a* setengah masak*. It should be perfect in all means*. *We are here ...*

Tuan Pengerusi: *End-to-end* lah.

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: *Yes, end-to-end. We are here before and also after to look after this. So, with all this coming I think we can look into this vaping and all like it's a drug. Just now, what* Tuan Pengerusi *said it's a penyakit, we can look like it's a penyakit. But, within teenagers, it's like a culture. When one of your friends smokes, another friends have to smoke. It becomes a habit.*

Tuan Pengerusi: *Recreational*.

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: *Yes, correct. So, I maybe get professional views on this. Maybe a specific agency should be brought up to handle this kind of issues. Because I don't think the MOH will go from school to school to do this awareness program unless they give an NGO this task to handle.*

Tuan Pengerusi: Ya, *good* Yang Berhormat. Sila Prof. Wee.

Prof. Dr. Wee Lei Hum: Tuan Pengerusi, satu idea dan juga pandangan yang baguslah. Untuk pandangan Yang Berhormat semua, sekarang Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Program Kesihatan Oral Tanpa Asap Rokok (KOTAK), ini adalah *expanded* scope pegawai-pegawai pergigian pergi ke sekolah di mana semasa mereka membuat pemeriksaan gigi, sekiranya mereka mendapati murid-murid merokok atau *vaping*, kami sudah memperkasakan pegawai-pegawai pergigian untuk memberi intervensi berhenti merokok kepada mereka.

Akan tetapi, saya juga bersetuju bahawa Program KOTAK ini sekiranya datang daripada Kementerian Kesihatan Malaysia sahaja tanpa disambut dan mempunyai kepakaran di pihak sekolah maka sukar untuk mendapat kadar

kejayaan yang tinggi disebabkan oleh cara rawatan seperti Dr. Muralli maklumkan tadi, mengambil masa yang agak lama sebab kita berkait dengan *nicotine addiction*. Jadi, rawatan *gold standard* ialah enam bulan ataupun sekurang-kurangnya enam hingga lapan rawatan.

So, biasanya pegawai pergigian apabila mereka pergi ke sekolah, mereka pergi sekali sebab banyak sekolah dan juga tidak ada *manpower*, maka mereka pergi *the next visit maybe* tiga bulan selepas itu. Jadi, apabila mereka pergi tiga bulan selepas itu ia sudah tidak memenuhi *gold standard* piawaian yang standard untuk rawatan. Maka, dia pergi tiga bulan nanti selepas beri ceramah semua, orang yang sama *join* balik.

So, saya sebagai *national trainer for* Program KOTAK dan juga saya secara *ad hoc* permintaan Bahagian Sekolah, macam minggu lepas saya ada di Bagan Serai untuk *train northern* punya guru-guru kaunselor, saya dapati ia tidak selari. Oleh sebab itulah program kita kadar kejayaan dan juga kadar berhenti merokok tidak jatuh, tidak *drop*. Oleh sebab kita punya program itu tidak ada integrasi.

Saya ingat melalui akta ini dan juga kita cadangkan melalui program pemulihan untuk fasal 18 dan 19 ini, saya harap KKM dengan KPM ataupun KPT mempunyai satu program yang boleh di-*integrate* di mana boleh membantu murid-murid sekolah dan juga pelajar-pelajar universiti dan juga pekerja-pekerja di mana kita naik tarafkan kepada organisasi agar bertanggungjawab. Macam Tuan Pengerusi cakap kita *whole-of-government and whole-of-society. Those are the concepts that I think we should go. Thank you* Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Prof. Wee. *The more we talk about this, the greater the burden and the challenge* sebenarnya. Kalau betul-betul kita hendak laksanalah, kalau sekadar kita melepaskan batok di tangga untuk meluluskan akta itu mudah. Akan tetapi, to go *through end-to-end relegating outcomes, reducing prevalence* – Itu tidak cakap pasal *morbidity, mortality* lagi itu.

Kos rawatan, *the heavy burden of disease* tidak masuk lagi. Kita baru cakap benda-benda ini saja kita sudah – *This is seriously* kalau *MPs tidak come along and onboard with us*, ada yang kata – Minta maaflah tadi saya jumpa *a few*, saya kata, *"We have come to this stage*, *you must support this". Just – Not naming anybody, just an example*. Ini mungkin *very biased example,* ya.

Dia kata *"No, I am not supporting you. There are other problems of health that you must attend to; the hospital, the clinic, the doctors, the problems".* Saya kata *"Betul, those are firefighting issues that we must address. But, we cannot wait to address that and leave this because this is going to cost mortality and morbidity and the burden of RM6 billion we spend every year*".

Dia kata *"Well, I am not going to oppose you, but I am not going to support you",* dia kata. *You have that kind of respon*se Kita akhirnya nanti, kita hendak kawan-kawan MP *to be on board with us* supaya sokong. Tidaklah kita bentang kalau ditolak, *no point for us spending many hours, all the resources here. So, it's like that Prof. Wee*. *We have got to get the buying in of our MPs and* dia kena tahu *and despite all these* pula kita hendak *decrim* sikit *kan*, itu pun satu hal.

Akan tetapi, *I getting* – Saya jujurnya, saya mendapat sokongan yang lebih ketika kita buat cara *non-punitive* ini sebenarnya. *There are more support now. The last term, they spoke in the Parliament* hentam *kaw-kaw* punya. Dia bawa... *[Tidak jelas] liberty, choice and* segalanya. But, *right now with this* kita harap akan meningkatlah sokongan *MPs* kita.

Seorang Ahli: Pihak yang hentam itu kitalah itu.

Tuan Pengerusi: Sama-samalah, tidak kira sebelah sana, sebelah sini sama. Sama saja, dua kali lima saja. Okey. Ada lagi Yang Berhormat? *You want to say something?* Ya? Sila,Yang Berhormat.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Jadi, sekarang *for the expert panel, you also agree that the vape device without the nicotine we also need to ban it, right*?

Dr. Mohd Afiq bin Mohd Nor [Pakar Perubatan Kecemasan, Jabatan Perubatan Kecemasan, Pusat Perubatan Universiti Malaya]: Ya. *Yes, sorry – I am Dr. Mohd Afiq. So*, Yang Berhormat, *without nicotine I think the market would be about less than five per cent because they are all* – Memang dah *admit that 90 per cent and above* memang ada *nicotine. This is because the nicotine itself* memang yang *seller, I mean the selling point for them* untuk jual. Kalau tidak jual memang tidak ada orang hendak beli. *But we do get... [Tidak jelas]*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *We state it very clearly in the* akta *there, vape device without nicotine will also can ...*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *Yes, yes* Yang Berhormat*. It will still come under the purview of the new act because that's why the – it is the product but also the device*.

■1550

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *Ya, also, the device.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy*: Yes.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *But for normal people outside they might think the rule is too strict for them even the device without nicotine we also want to ban.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy*: But we are not banning,* Yang Berhormat*.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *Ya.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy*: So, in that effect is people those who don't come within the GEG cohort, you will still be able to use. So, there will still be – There will be a generation who is* yang tidak sampai *18* ini, *that is above 18 now, say in 2025 or whatever the launch date, the people who are already 20 years old that time they will still...*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *I hope they can but GEG they cannot right?*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy*: GEG…*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *GEG they cannot.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy*: Ya, but you see now* Yang Berhormat, *what you are doing is you are making the point of sales control rather than opening it up to criminalise you. So, that's the philosophical change, that is the biggest point.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *So, the main reason behind we are afraid they are using the device to misuse it for other substances.*

Dr. Mohd Afiq bin Mohd Nor: Ya.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy*: Absolutely* Yang Berhormat. *So, one of the recommendations also – Sorry just before* Dr. Afiq – *In the product control group, they are actually calling for the removal of these open devices. So, it will only come exactly like Nespresso machine.* Sudah siap ada *pod. The pod is already* sudah ada dia *punya whatever the regulations and everything, so that pod only can go inside in this one because* Yang Berhormat *just to share, I have – My patient use nasi lemak's sambal to get nicotine.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *Put inside…*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy*: Ya because in the open system can put anything.*

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: *Nasi lemak's sambal then you put nicotine?*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy*: Yes, and then of course got lung injury.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *So, we are allowing – We only allow the closed system or are we going to control the dosage? The concentration of nicotine.*

Dr. Mohd Afiq bin Mohd Nor: *It will be in the control* punya *regulations and guideline,* Yang Berhormat.

Puan Sulastri binti Samsudin: *We will propose for 20 milligrams per millilitre.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *20 milligrams. We are only allowing 20 milligrams.*

Puan Sulastri binti Samsudin: *Not exceeding 20 milligram per millilitre.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy*: Which is* Yang Berhormat, *will then actually bring the same contents of one box of cigarettes.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *More or less equivalent to one box of cigarettes.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy*: One box of cigarettes. So, it becomes the same* – Setara *already*-lah.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *Okay, that's good.*

Puan Sulastri binti Samsudin: *We will also recommend to increase the tax for that. Because for now if you calculate that one millilitre per – 40 cents per one millilitre, imagine that two millilitres are equivalent to one box. So, one cigarette box now is being taxed. One stick is 40 cents, 20 cigarette per box means RM8. So, for one cigarette box being taxed for RM8* tetapi *for one cartridge being, for two millilitres we only tax them 80 cents. So, it doesn't make sense.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *So, we can increase the tax.*

Puan Sulastri binti Samsudin: *Ya, we will propose to increase the tax like RM8 per two millilitres as well. That is equivalent.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *So, how do you think about harm reduction? Theory?*

Dr. Mohd Afiq bin Mohd Nor: *Can I fill this?*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy*: Okay, Dr. Afiq takes it.*

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy*: Shall I just quickly summarise?*

Tuan Pengerusi: Okey, boleh...

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy*: So,* Yang Berhormat *the school on harm reduction is – Actually there's the science and then there's the claim. The claim comes from industry and the claim believes that* jual secara bebas, *everybody should have a right to buy whatever they want, whenever they want.*

So, the science of harm reduction is very clear. The science of harm reduction says if I need – I am a patient, I need to get treatment. No problem, you go and get your substance that you need to be treated but it needs to be dipantau *pharmacist* atau doktor atau *dietitian or whoever*-lah. *Some healthcare professionals.*

So, in those recommendations that you will see that is with you, we are saying the same. So, for patients and ostensibly over the long run what you will get

is, you tidak akan ada pengguna *because your* pengguna, tidak boleh beli. *The GEG generations I'm talking about now* Yang Berhormat. *But if you need treatment, meaning I am still addicted to nicotine, I still need nicotine, okay no problem, you* pergi jumpa *pharmacist*, *you* pergi jumpa doktor *they will then* pantau *and they will give you the – This one. So, it becomes exactly like how we are doing methadone now. So, it's the same. We are bringing it to* kaedah yang setaralah.

Tuan Pengerusi: *Got it,* Yang Berhormat? *Good* ya.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey, sila.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Ada suara-suara juga yang di sebelah sini pun tidak berapa hendak setuju. *So,* antara soalan yang kita kena *predict* dan yang mungkin kena jawab.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Apabila kita menghalang jual beli umur 18 tahun nanti, mungkin banyak yang *black market* punya. Jadi macam mana caranya kita hendak...

Tuan Pengerusi: *It's a very pertinent question.*

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *Enforcement* itu sebab ia akan timbul pertikaian macam itu.

Tuan Pengerusi: Betul, ia akan menggunakan hujah itu *A panel of expert should help us to address this* sebab kita akan menggunakan ini juga sebagai penghujahan perbahasan nanti. Dia kata kalau cara begini kita akan *force into the illegal, illicit market. The black, whatever, the black economy, illicit market. So,* macam mana hendak kita tangani penghujahan seperti ini? Sila panel.

Puan Sulastri binti Samsudin: Okey, saya ingin menjawab dari segi *product control* sekali lagi sebab kalau kita lihat sekarang ini, kalau tengok dekat *vape market,* kita ada pelbagai produk, macam-macam bentuk yang kita memang akan sukar hendak kawal. *So,* sebab itu dalam *proposal* yang kami cadangkan ini akan *specify* sangat spesifik *even* sampai dalam bentuk *cartridge* pun *design,* semua itu kita akan *control.*

Maksudnya kita tidak akan jumpa lagi bentuk macam yang menarik minat kanak-kanak, dalam bentuk *toys,* bentuk yang ini. *So, whatever* yang masuk dalam market, kita boleh kenal yang kita ini. Itu paling penting. Kami harap selepas ini apabila kita sudah *legalise*-kan ataupun sudah *approve this* RUU, kita boleh kawal dari segi produk *labeling and packaging* yang mana kita memang boleh nampak.

Dari segi – Memang sebelum-sebelum ini, dari segi rokok pun memang sudah diisukan. Kalau dari segi kawalan itu kita sudah kaji dan mendapati benda-

benda itu ialah isu dari segi kawalan kastam dan sebagainya. Akan tetapi di pihak kita memang kita akan tengok dari segi *product control* di mana *very specific* yang macam saya kata tadi. Bentuk; kita sudah tidak ada lagi bentuk-bentuk yang tidak *standard.* Selepas itu, dari segi kawalan pendaftaran yang kita akan buat secara ketat.

All the documents, dokumen-dokumen penting daripada syarikat-syarikat yang kita akan minta dari segi sebelum dibuat pendaftaran semua itu. *So, by right* kalau kita tengok – Kalau kita hendak ketat lagi, saya boleh ambil contohlah ya seperti yang ada dalam pasaran itu. Ubat-ubatan, kita *even* boleh buat dalam bentuk hologram dan sebagainya. *So,* yang itu adalah satu tindakan oleh Bahagian Farmasi yang mana ubat-ubatan, hendak mengelakkan ubat-ubatan palsu dibuat satu *tagging,* hologram. *So,* yang itu boleh kita perincikan lagi.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *Just to* tambah Yang Berhormat. *So,* sekarang pun kalau kita tengok dari segi kedailah. Dia ada kedai berdaftar yang jual produk yang saya guna *"legal"* dan produk *"illegal".* Kedai berdaftar ataupun kedai yang *legal shop but selling both legal products and illegal products.* Kemudian kita ada kedai yang *illegal* yang dia memang *100 per cent* tidak jual apa, dia jual *illegal* sahajalah. Okey, *so* langkah pertama yang memang telah diambil dua tahun dahulu dan *we are going down that road is* Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara yang pegang *registration for conventional cigarette* punya *seller, retailer. So,* mereka sudah *start licensing*. Sekarang setakat yang dipersembahkan itu dalam FCTC punya *meeting* dia kata sudah sampai 30,000 pendaftar yang telah didaftarkan.

Tuan Pengerusi: *That is a huge increase.* Hari itu apabila kita semak, berapa Yang Berhormat? Tidak sampai 10.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *Oh, no, no. sorry.*

Tuan Pengerusi: *Which one is this?*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *This is for conventional*, untuk rokok.

Tuan Pengerusi: Oh, *sorry. We are talking about vape now.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Untuk rokok. *This vape* belum lagi. *Vape* sebab sekarang *no impetus* Tuan Pengerusi *for them to register.*

Tuan Pengerusi: Tidak ada insentif, ya.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *So,* kalau kita sudah – *You* sudah *isolate yang* kedai *legal dan illegal,* kedai *illegal yang the moment you check – The first check will be* ada lesen atau tidak ada. Tidak ada lesen semua barang dalam kedai *you* haram, tutup. *So, everything smuggled goods you* sudah *block.*

Tuan Pengerusi: *Right.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *Of course, it will take time. This one not a thing that will happen overnight* tetapi *over time* senang untuk *isolate. Then* untuk kedai yang berdaftar *is a matter of* tengok sama ada barang dia itu *is* ada hologram, tidak ada hologram *and this is what yang* KKM tengah cuba hendak *introduce, track and trace.*

Tuan Pengerusi: *Track and trace.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *Di mana track and trace* ini, kotak ataupun peranti apabila ia masuk melalui imigresen ia sudah ada satu *tagging. This tagging will then tally to the shop. Shop* itu apabila dia – *And they are even going to the next dotted line,* kepada penjual. *So,* dia boleh *trace* penjual mana yang beli produk mana.

■1600

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *So that* kalau saya penjual yang bawah umur umpamanya, *I won't even be able to complete the sale. So, it is a not very high technology.* Thailand memang sudah ada benda ini untuk *alcohol* sudah lebih 10 tahun. Ia *just very simple. Sale* dia tidak boleh masuk. Dia tidak boleh *key in*. Habis cerita.

Tuan Pengerusi: Ia bukan *hologram*?

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *It is slightly better.* Ia macam *on the computer*. Ia ada macam *QR code*-lah *basically*, Tuan Pengerusi.

So, dalam kedai yang *legal, you* dah *immediately* boleh *identify which is an illegal product, which is a legal product and the best is* kita sudah tahu sekarang kedai legal dekat mana. Kita sudah tidak payah cari kedai *illegal. So, that is why come back to this* macam *group of regulations we* — Satu itu apabila kita pastikan hanya kedai berdaftar sahaja yang boleh jual. *So, it's a mix of things that will lead to us blocking this illicit*-lah.

Tuan Pengerusi: *That is the effort*. *The outcome?*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *That is the strategy. So, the outcome hopefully*...

Tuan Pengerusi: *Outcome* pelaksanaan?

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Tuan Pengerusi *to be honest, I think we are about 55 per cent. Like* kalau kita tidak ikut apa industri kata, *neutral bodies* macam UN *and* WTO semua. *They* kata sampai lebih kurang 55 peratus *illicit and this is of course* kita tidak kira lagi *vape*. Oleh sebab, *the moment you legalise vape* mesti ada *illegal market*.

Tuan Pengerusi: Pasti.

Assoc. Prof. Dr.. Murallitharan Munisamy: *So, the gold standard is I* lebih kurang *I think,* Australia pun *about* 22 *to* 23 *per cent. So, in practicality even if we can halve it about 22 to 23 per cent, we would have a huge amount of revenue for the government and huge amount of savings.*

Tuan Pengerusi: *The MOF is concerned with that and PMX is concerned about their revenues*. *[Ketawa] We are concerned about health. Okay but that is a very important point Dr. Muralli*. Yang Berhormat, ada lagi? Sila.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Ada soalan lagi. Untuk menjawab seolah-olah akta ini mengawal budaya, *lifestyle* orang muda.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Orang tua juga.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Orang tua, orang muda.

Tuan Pengerusi: Maksudnya apa? Maksudnya positif, negatif atau apa? *Encroachment*...

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Negatiflah itu. Macam kita memaksa orang untuk ikut apa yang kita hendak. Hendak jawab macam mana itu?

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *So*, mungkin ada Prof. Wee mungkin hendak tambah. Akan tetapi, bagi saya...

Tuan Pengerusi: Ini doktor yang tanya itu. *He's a medical doctor, you know. [Ketawa]*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Betul-betul. *I know* Yang Berhormat *is like* ketengahkan semua *complaint* yang keluar.

Tuan Pengerusi: MP. *No, no* maknanya *does it* – Apakah di sana *you are talking about philosophy* atau apa tadi. Akan tetapi, *influencing lifestyle*.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Betul.

Tuan Pengerusi: *What right has the government*?

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *I actually go back,* Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Ini balik kepada asal falsafah ini.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *...to the Federal Constitution*. *So, in the Federal Constitution, one of the earliest provisions is that in the interest of public health, any personal and individual rights can actually be superseded* termasuk *right to travel. Everything can be superseded in terms of public health.* Satu. *So, if you want to go over that, in our governing clauses of our foundation punya founding* sudah ada *these things that whatever it is we will never wilfully put our people in harm.*

Tuan Pengerusi: *Yes. Do no harm.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *So, the thing is* Yang Berhormat *essentially which is why* sebenarnya Yang Berhormat sudah tengok kami dari tahun 2014 ke 2015 tengah sibuk menjerit dekat semua orang *ban*-lah *vape* ini. Akan tetapi, benda ini macam kita tidak hendak anak itu lahir, anak itu dah lahir sekarang sudah pergi sekolah.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *So, the idea is how do we curb in a or control in a safe manner. So,* benda yang *is very dangerous, injurious to health is I think* wajar untuk kita letak *controls. So, that is our philosophy*.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Pasti. *No, our* Yang Berhormat *is just playing devil advocate*. *He's just the devil advocating here. Playing devil advocate*. Bukan dia percaya, tidak.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *I know* Yang Berhormat *is a bit*...

Tuan Pengerusi: *He's a health professional.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *Absolutely. He's a bit…*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Ya. *Basically, the regulation part is okay. Now the only part is GEG. Regulation no problem. Only the GEG. Are we going to enforce GEG*?

Tuan Pengerusi: *You feel so* ya Yang Berhormat? *You feel so*?

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Ya. *I feel so*. *I feel the GEG part*...

Tuan Pengerusi: *Now, the controversy is*...

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *A lot of controversy* is GEG.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *Absolutely* Yang Berhormat. *So, now* Yang Berhormat *the approach we are taking is – Before this* yang *I* tengok *all the complaints was, "Why we all not following like New Zealand?", which is we only put a control on the seller. "Why you all penalizing the user?", which like now our…*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] There are two ways of penalising; penalising the use, and possession of*...

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Betul. *So, now* Yang Berhormat *we are actually coming back to the same thing. We are recommending – Possession, we removed already the last round. Now, we are telling "using" also*

removed. We use a control on the seller's end and by doing that, that will be your good control.

Tuan Pengerusi: *Very good. So…*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] So, does it mean cannot smoke*? *GEG can't...*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *Yes. So, the GEG – What the GEG says is it takes a softer landing approach*.

Tuan Pengerusi: *This is soft landing.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *Cannot buy.*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Cannot buy, cannot smoke.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] If a father gives the cigarette to the child*...

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *So*, tadi ada Yang Berhormat *was asking*, *"Tidak bolehkah suruh bapa saya beli? Abang saya beli dan sebagainya". So, then actually* Yang Berhormat *that comes under the clause of* menjual *or giving to a minor. So, that actually becomes something that they shouldn't be doing. But it is something that we – You're not going to enforce. So, we already removed. All your personal control, all this personal punishment or whatever we have taken out already. I mean we are proposing to take out. Sorry.*

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] It is easier for us to protect others*.

Tuan Pengerusi: Ha, *you see*.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Not controlling you not to smoke. You can smoke but you cannot buy*...

Tuan Pengerusi: Sebelum saya rumuskan. *I think we have already gone overtime now. Not fair to our panel of experts and also our* Yang Berhormat semua. *I was just making sure.* Saya bercakap dengan Yang Berhormat Menteri tadi dan dia punya *advisor*. Dia satu sahaja perkara yang *I think panel of experts must help us on this. If I just* minta Dr. Muralli *or anybody from the panel of experts.*

Jadi, persoalannya sekarang ini *that compounding* itu. *So*, fasal 13 dan 14. *So*, *element compounding* itu masih ada?

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ada.

Tuan Pengerusi: Ada, ya? *So does that amount to a punitive approach? Does that* – Okey saya hendak Dr. Muralli jelaskan kepada kita semua ya.

Compounding itu kita terpaksa masukkan? Kalau tidak perkara-perkara tadi tidak dapat kita laksanakan. Akan tetapi, kalau hanya itu sahaja yang boleh kita *compound would it be okay*? *I mean are the panel of experts okay with that*? Oleh sebab, Yang Berhormat Menteri tadi *reminded me almost like* kalau boleh PSSC *must be on the same page* dengan KKM. KKM dengan PSSC ini kalau itu yang dapat kita *address, I* said *insya-Allah I will bring that matter here. So, final words from the panel of experts. Again,* itu hendak bagi *all of us to be on the same page*.

This aspect of compounding itu sebab *we have got no – As you said* tadi Dr. Muralli *you have* telah merujuk kepada AGC dan pun tidak dapat kita keluar daripada itu. *So, finally* kena kompaun. *Please explain it. Enlighten. This is the last point*.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Kalau hasrat kita adalah untuk memastikan kita boleh *charge the seller* – Oleh sebab, untuk kita *charge the seller* kita kena ada, *for example, the guy is selling,* dia boleh *delete* dia punya resit, tidak bagi resitlah dan sebagainya. Tidak ada cara kita hendak *proof* bahawa dia ini menjual.

Akan tetapi, kita dah *put a big punishment on them;* RM20,000, RM100,000 dan sebagainya. *So, finally you will need, the prosecutor will need witness. The only witness will be able to – The buyer, and the buyer will be like, "Eh, why I want to testify against this fellow? Next week aku hendak balik beli dengan dia juga".*

So, the idea is kalau *you can put a compound onto them and say "I waive the compound* tetapi *you* kena *testify".*

Tuan Pengerusi: Itu sahaja?

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *That's the only mechanism of control* yang *is suggested and again suggested by – After consultation with* PUU *and* AGC, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: *So*, AGC *agreeable to that*? Dia bersetuju atas perkara itu?

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *And that is what when we discussed* itu yang mereka *suggest*.

Tuan Pengerusi: Okey, betul ya *panel of experts*? Kami hendak cuba fahamkan *and I hope* pemahaman kami sama dengan apa yang dibentangkan oleh *panel of experts*. Boleh *Members*? Boleh kita setuju? Okey. *I think we have come a long way*. Petang ini*, it's almost – Hopefully the final meeting* yang kita terpaksa *drag our experts again to the Parliament*. Saya bagi mewakili kawan-kawan Ahli-

ahli Yang Berhormat semua dalam PSSC Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan merakamkan jutaan terima kasih. *I cannot thank you more. Thank you enough*.

■1610

Mungkin *we owe you, we really are indebted to all your input, your expert input.* Mudah-mudahan ada di sana nanti. *Maybe another time that we can meet up on a mode not so serious* macam ini, *maybe for over lunch or whatever. I really hope that we could* – Sila Prof. Wee *for last words from you.*

Prof. Dr. Wee Lei Hum: Tuan Pengerusi, *the gift that we want is to get this passed.*

Tuan Pengerusi: *All of us. Yes.*

Prof. Dr. Wee Lei Hum: *So,* ya. *To get this passed,* Tuan Pengerusi. *So, from all the experts...*

Tuan Pengerusi: *Thank you.*

Prof. Dr. Wee Lei Hum: *...we wish* Tuan Pengerusi *and the team all the best* agar pada hari pembentangan nanti ada...

Tuan Pengerusi: Mudah-mudahan.

Prof. Dr. Wee Lei Hum: ...dicerahkan minda semua MP kita agar menerima sebulat hati dan diluluskan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, *thank you very much Prof. Wee.*

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ya, *you cannot wait. We want to welcome you on that occasion.* Kalau boleh *we invite you to be in the Parliament... [Ketawa]*

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: *Witness.*

Tuan Pengerusi: *To witness the debate.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *One last question. If we do away with the possession and smoking part, do we need to put in the "below 18 years old"? Definitely cannot or something like that to control.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *The below 18 years probably so will still be in place.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *It will still be in place* ya.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Memang, *that is there* Yang Berhormat dan sekarang *that thing* akan *extend to cover vape* jugalah. *Before this, this is the reason* sekarang *this issue about nicotine one. Because* sekarang tidak ada *rules.*

Tuan Pengerusi: Betul.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Ya, ya. Tidak ada *rules* untuk *vaping.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: Ya, tidak ada *rules* untuk *vaping.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *Yes, yes.*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *So, that is why they are selling. It is legal now to sell vape* dengan nikotin.

Tuan Pengerusi: Betul. *[Ketawa]*

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *So, in fact when the law comes back,* memang sudah ada proviso.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Okey. *18 years old still cannot*-lah.

Assoc. Prof. Dr. Murallitharan Munisamy: *Still cannot. Under 18 still will be unable to use.*

Tuan Pengerusi: Baik, ya. Begitu semuanya. Saya merakamkan jutaan terima kasih kepada *panel of experts.* Jutaan terima kasih juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, anggota PSSC. *The next meeting is where* kita akan membentangkan perkara ini semua, cadangan kita kepada KKM dan di situ mungkin ada PUU dan mungkin juga AGC *for the next. This is the final round* dan tarikh itu akan kita muktamadkan, putuskan kemudian, *insya-Allah*. Sekali lagi, terima kasih semua. *Have a good evening. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.10 petang]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

LAPORAN PROSIDING

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
KESIHATAN

MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA DASAR RUU KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2023

BIL. 10
ISNIN, 18 SEPTEMBER 2023
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
KESIHATAN
BIL. 10 TAHUN 2023

BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

ISNIN, 18 SEPTEMBER 2023

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir
YB. Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] - *Pengerusi*
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]
YB. Puan Young Syefura binti Othman [Bentong]
YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
YB. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat]
YB. Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus]
YB. Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi [Tanjong Karang]

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*
YB. Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat]
YB. Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran [Batu]

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha (Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Tarmizi bin Ahmad [Penasihat Undang-undang I, Parlimen Malaysia]
Cik Jackie Mary Fernandis [Penasihat Undang-undang II, Parlimen Malaysia]
Puan Nurul Saffida binti Kusaini [Pegawai Penyelidik, Seksyen Sosial dan Pembangunan Sumber Manusia (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]
Puan Mas Liza binti Maslan [Pegawai Penyelidik, Seksyen Sains, Teknologi dan Pembangunan (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia)
Encik Mohamad Faizal bin Lan [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Dr. Siti 'Aisyah binti Che Osmi [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zuhair bin Mohd Zubir [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Kementerian Kesihatan Malaysia
YB. Dr. Zaliha binti Mustafa [Menteri Kesihatan]
YB. Lukanisman bin Awang Sauni [Timbalan Menteri Kesihatan]

Ybhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli [Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)]
Dr. Anita binti Suleiman [Pengarah Kawalan Penyakit]
Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali [Penasihat Undang-undang]
Dr. Noraryana binti Hassan [Timbalan Pengarah (Penyakit Tidak Berjangkit)]
Dr. Nurhaliza binti Zakariah [Pakar Perubatan Kesihatan Awam]
Dr. Ahmad Riadz [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Kawalan Penyakit)]
Puan Noor Aisyah binti Ahmad [Peguam Persekutuan]
Puan Intan Noorashikin binti Nasarudin [Peguam Kanan Persekutuan]
Tuan Ts Mohamad Ridzuan bin Mohamad Salleh [Pegawai Kesihatan Persekitaran]
YM Raja Mohd Zawawi bin Raja Biding [Pegawai Kesihatan Persekitaran]
YB. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Pegawai Khas YBMK]
Puan Sivamalar A/P Genapathy [Pegawai Tugas-tugas Khas YBMK]
Dr. Syed Sher Al-Jaffree bin Syed Sobri [Pegawai Tugas-tugas Khas YBMK]

Jabatan Peguam Negara (Bahagian Gubalan)
Cik Hamielia binti Hamizan [Penolong Kanan Penggubal Undang-undang Parlimen]
Puan Hasnurliza binti Mohd Radzi [Penolong Kanan Penggubal Undang-undang Parlimen]
Tuan Soo Kok Weng [Penolong Kanan Penggubal Undang-undang Parlimen]

Jabatan Peguam Negara (Bahagian Penyelidikan)
Puan Siti Aishah binti Ab. Rashid [Peguam Kanan Persekutuan]
Encik Mohd Zulfadhli bin Sazalye Donol [Peguam Persekutuan]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN
BIL. 10 TAHUN 2023

BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

ISNIN, 18 SEPTEMBER 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.06 petang

[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam madani, salam perpaduan. Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha binti Mustafa; Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Lukanisman bin Awang Sauni, Ahli-ahli Yang Berhormat, ahli anggota Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan. Semua kita hadir kecuali seorang, Yang Berhormat Batu. Kita ada semua; Yang Berhormat Kuala Pilah, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Bentong, Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Sibu dan Yang Berhormat Kuala Langat. Seorang tidak hadir. Seterusnya pegawai-pegawai tertinggi MOH dan juga begitu, Tuan PUU dan seluruh pegawai daripada MOH, Pejabat Menteri, tuan-tuan dan puan-puan.

Alhamdulillah, pertama saya lafaz syukur dan merakam jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri serta pegawai tertinggi daripada MOH, Datuk Dr. Norhayati pun ada di sini. Kita sudah hampir sampai ke penghujung perbincangan bersiri yang telah saya kira tidak kurang tujuh kali secara khusus kita bertemu dengan Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai tertinggi MOH/KKM.

Maka, pada petang ini kita akan mendengar maklum balas KKM atas keputusan Jawatankuasa Pilihan Khas khususnya setelah kami mengadakan secara lebih khusus beberapa libat urus dan beberapa *roundtable discussion* oleh panel-panel pakar daripada 11 buah universiti awam dan juga universiti swasta yang telah memberikan kami input yang sangat baik. Kemudiannya, kami telah bersama dalam PSSC ataupun JKPK kami ini untuk membuat beberapa penekunan.

Hari ini kita berpeluang mengadakan satu lagi pusingan perbincangan. Sementara itu, saya difahamkan pihak AGC juga telah kami libatkan secara langsung atau tidak langsung dengan pakar-pakar penasihat ataupun pakar-pakar— *expert panels* kami yang mengadakan perbincangan dengan AGC. Saya sedia maklum akan beberapa isu yang telah menjadi perbincangan ataupun *areas of contention*, tetapi saya yakin petang ini akan dapat kita adakan perbincangan dengan semangat yang baik untuk kita. Paling penting adalah akhirnya untuk RUU ini disokong oleh Ahli-ahli Parlimen. Kita boleh pada awal lagi mengekalkan RUU yang lalu. Akan tetapi apakah sama ada kita akan dapat sokongan? Itu satu perkara yang saya secara peribadi, selaku Pengerusi JKPK ini sangat pentingkan dan begitu ahli-ahli anggota PSSC ini.

■1510

Jadi, saya yakin Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri juga begitu *that we are on the same page to make sure,* untuk pastikan bahawa RUU yang selama hari ini ditunggu sekian lama, *would see the light of the day. The day* kita bentang untuk Bacaan Kali Kedua dan seterusnya membuat *vote* ataupun belah bahagi untuk kita sokong RUU ini, *insya-Allah.*

Jadi dengan tanpa melengahkan masa lagi, saya ingat kita dapat pembentangan daripada Dr. Noraryana. Silakan Dr. Oh, Dr. Norhayati! Maaf, maaf. Silakan Dr.

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli [Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Kementerian Kesihatan Malaysia]: Terima kasih banyak Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI.

Izinkan saya mewakili Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menyediakan ataupun membincangkan mengenai maklum balas yang telah disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia setelah kami menerima pemakluman daripada pihak urus setia pada 12 September dan dokumen iaitu pembentangan rumusan penambahbaikan berkaitan RUU Kawalan Produk Merokok demi Kesihatan Awam 2023 oleh para panel pakar-pakar yang telah dilantik seperti yang dimaklumkan lebih kurang daripada 11 buah universiti awam dan juga swasta, dan juga pembentangan rumusan tersebut telah dipersetujui oleh ahli jawatankuasa JKPK pada masa itu. Sehubungan itu pada petang ini, izinkan kami untuk memberikan sedikit maklum balas ataupun pandangan daripada rumusan pembentangan oleh panel pakar tersebut.

Seperti kita maklum bahawa di bawah RUU sekarang ini, kita mempunyai lebih kurang 55 fasal yang telah dibincangkan. Saya rasa dah masuk tahun kedua. Seperti Tuan Pengerusi maklumkan tadi, di peringkat JKPK juga telah merangkumi tujuh kali tetapi sebelum itu, kami di peringkat KKM telah mengadakan banyak libat urus bukan hanya di peringkat teknikal tetapi juga melibatkan *MPs* dan juga *NGOs,* melibatkan juga industri dan sebagainya.

[Merujuk kepada slaid pembentangan] Daripada pengamatan dan penilaian hasil cadangan oleh panel pakar, di sini kita lihat bahawa, yang warna hijau ini di mana disarankan supaya dikekalkan dengan fasal yang sedia ada dalam RUU tersebut. Jadi lebih kurang 40 di situ yang saya lihat, 40 daripada 55 fasal dalam RUU dicadangkan agar dikekalkan.

Namun, jika dilihat daripada segi Perkara 2 dan Perkara 3 iaitu yang berwarna *orange* dan juga warna merah yang akan kita bincangkan. Warna *orange* ini melibatkan 13 fasal dan manakala Perkara 3 melibatkan dua fasal yang mana Perkara 3 inilah yang paling penting yang akan kita cuba bincangkan dan mohon pertimbangan dalam mesyuarat JKPK ini.

Jika dilihat daripada Perkara 2 yang saya maklumkan mengenai fasal 3, 7, 8, 9, 10 sehinggalah 23, untuk perkara ini, ia melibatkan denda yang lebih besar untuk kesalahan oleh pertubuhan perbadanan seperti berikut. Untuk perkara ini, pihak KKM telah meneliti dan pihak KKM berpendapat kami bersetuju dengan cadangan yang diulas atau dicadangkan oleh pihak panel pakar yang mana kesalahan pertama, denda dinaikkan kepada tidak kurang daripada RM50,000 di mana sebelum RUU sedia ada sekarang ini, RM20,000 dan tidak melebihi RM200,000 – RUU sekarang ini, RM100,000 – atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kedua ialah bagi kesalahan kedua atau berikutnya, denda dinaikkan kepada tidak kurang daripada RM100,000 – RUU sekarang ini, RM50,000 – dan tidak melebihi RM500,000 di mana RUU sekarang ini ialah RM300,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Jadi untuk Perkara 2 ini, di pihak KKM kami telah pun mengadakan perbincangan lanjut dan sebagainya dan kami tiada halangan dengan cadangan ini dan kami bersetuju atas cadangan ini iaitu untuk meningkatkan nilai penalti yang dikenakan atas kesalahan-kesalahan seperti dalam fasal 3 sehinggalah fasal 23.

Namun begitu Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk perkara fasal 18 dan 19 ini di mana pihak KKM telah meneliti begitu mendalam mengenai kepentingan fasal 18 dan 19 ini. Walaupun pihak panel pakar mencadangkan agar fasal 18 dan 19 ini digugurkan daripada RUU sekarang ini,

namun begitu, pihak KKM berpandangan, dengan hasil perbincangan di peringkat kami dan juga melibatkan pakar-pakar di KKM dan juga oleh KKM dan kami berpendapat bahawa supaya ia perlu dikekalkan dalam RUU yang kita bincangkan ini.

Ini mengambil kira perkara-perkara berikut ialah asas pertimbangan untuk di – yang mana KKM berpendapat ia perlu dikekalkan. Terdapat beberapa asas pertimbangan yang kami berpendapat ia amat penting untuk mesyuarat JKPK ini meneliti semula dengan cadangan agar menggugurkan fasal 18 dan 19.

Pertama ialah daripada segi persepsi masyarakat terhadap kelonggaran undang-undang bagi Generasi Penamat. Jika dilihat di sini, pada masa ini kita menggunakan Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 yang mana merokok merupakan satu kesalahan di bawah Peraturan 13 bagi Orang Belum Dewasa yang belum mencapai umur 18 tahun. Sekiranya, fasal 18 dan 19 ini kita gugurkan daripada RUU sedangkan ia adalah satu kesalahan yang sedia wujud dalam Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004, dikhuatiri ia akan menimbulkan pandangan negatif masyarakat iaitu undang-undang yang mana undang-undang baharu ini mungkin dianggap sebagai lebih longgar dan merokok dianggap bukan lagi satu kesalahan dalam kalangan Generasi Penamat iaitu mereka yang kurang daripada 18 tahun.

Kedua ialah justeru, walaupun ia dihasratkan untuk dilaksanakan secara administratif sahaja bagi tujuan mendidik masyarakat supaya tidak merokok, namun begitu, kita bimbang objektif ini tidak dapat dicapai. Malah, ia membuka kepada *floodgate* kerana tanggapan umum bahawa merokok itu bukan lagi satu kesalahan.

Hasrat asal kita iaitu mewujudkan RUU ini mahupun PPKHT mewujudkan kesalahan merokok ini adalah suatu *deterrence factor* kepada masyarakat bagi mencegah perbuatan merokok itu dilakukan dan menjadikan masyarakat lebih cakna dan juga waspada untuk tidak merokok di mana-mana tempat selain dari kawasan/tempat larangan merokok.

Seperti sedia maklum, di bawah PPKHT, individu di bawah umur 18 tahun sekarang ini, sama ada mereka merokok di kawasan larangan merokok ataupun di luar dari kawasan yang telah digazetkan sebagai kawasan merokok, mereka akan dianggap sebagai – menjadi kesalahan di bawah PPKHT 2004.

Jadi sekiranya kita menggugurkan fasal 18 dan 19 ini, ini ialah suatu perkara yang kita perlu ambil pertimbangan. Maknanya sekarang ini kita akan melonggarkan daripada segi aspek yang itu ya.

Kedua ialah persepsi bahawa dengan mengekalkan fasal 18 dan 19, kesalahan yang dilakukan oleh Generasi Penamat ialah kesalahan jenayah. Kita faham bahawa terdapat segelintir pihak tertentu yang menyatakan bahawa sekiranya kita mengekalkan fasal 18 dan 19 ini melibatkan di bawah umur 18 tahun merokok sebagai kesalahan jenayah.

Akan tetapi kita tahu bahawa kesalahan ini adalah merupakan suatu kesalahan yang tidak boleh ditangkap (*non-seizeable offence*) menurut kepada Jadual Pertama Kanun Tatacara Jenayah kerana peruntukan hukuman hanya denda yang tidak melebihi RM500 ataupun perintah khidmat masyarakat. Kesalahan-kesalahan di bawah fasal ini dikategorikan sebagai kes-kes saman (*summons cases*).

Ketiga, implikasi cadangan panel pakar untuk memberikan peluang kepada pengguna untuk menjalani sesi rawatan berhenti merokok oleh KKM atau agensi lain. Saya ingin membawa jawatankuasa ini merujuk kepada cadangan oleh panel pakar yang menyatakan di situ, *"Memandangkan penggunaan produk merokok adalah satu bentuk ketagihan nikotin, pengguna seharusnya diberikan peluang untuk menjalani rawatan sehingga berhenti sepenuhnya*. *Ini dicadangkan untuk dilakukan secara pentadbiran oleh KKM dan agensi lain.*"

Sekiranya kita lihat daripada segi pernyataan ini, pertama saya ingin nyatakan di sini bahawa dengan mengekalkan fasal 18 dan 19 ini, golongan Generasi Penamat tidak dinafikan untuk mendapatkan perkhidmatan rawatan berhenti merokok. Ini adalah kerana buat masa ini juga, kita telah pun menyediakan perkhidmatan ini sebanyak lebih kurang 778 buah klinik kesihatan yang menyediakan *Quit Smoking Clinic.* Kita juga telah melibatkan pihak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sebanyak 19 buah IPT, terdapat tiga buah tempat kerja swasta seperti di TNB, Sunway, AirAsia dan juga kita sedang berusaha, bekerjasama dengan pihak JAKIM untuk menyediakan *mQuit smoking clinic* ini di tempat-tempat ibadah termasuk di masjid-masjid sekumpulan satu tempat di setiap negeri. Ini antara peluasan yang kita sedang usahakan.

Daripada jumlah sehingga sekarang ini, *mQuit Clinic* ataupun *quit smoking clinic* telah menyediakan perkhidmatan kepada lebih kurang 25,838 individu jumlah klien yang telah didaftarkan. Namun begitu, jika dilihat daripada segi hasil daripada *Quit Smoking Clinic* yang kita lihat ini, sebab ia adalah *based on voluntary.* Kita uar-uarkan, kita tak *educate public* untuk mereka datang tampil ke hadapan untuk mereka mendapatkan kaunseling dan juga supaya mereka menanamkan niat untuk berhenti merokok dan kita akan bantu mereka daripada segi menerima rawatan dan sebagainya.

■1520

Namun, daripada mula mQuit diwujudkan, diadakan sehingga sekarang ini, kita telah mencapai lebih kurang 54.5 peratus iaitu lebih kurang 2,783 orang individu daripada 25,838 orang individu yang telah pun mendaftar di bawah *mQuit smoking clinic* ini ataupun klinik kesihatan berhenti merokok. Jadi, bayangkan sekarang ini buat masa ini, daripada data yang kita ada lebih kurang seramai 4.9 juta kalangan dewasa yang menghisap rokok. Rokok konvensional sahaja. Tidak mengambil kira yang melibatkan merokok elektronik dan juga *vape*, lebih kurang *1.x million*. *So, in total* lebih kurang *6.x million* lebih telah merokok. Golongan ini yang sekarang kita kena kejar. Bagaimana kita hendak tarik mereka supaya mereka tampil ke hadapan secara *voluntarily* untuk pergi ke *smoking clinic*.

Tanpa RUU ini kita khuatir sebab kita anggap ia sebagai suatu *deterrence factor* yang membantu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menyelaras dan juga memastikan pelaksanaan aktiviti dijalankan dengan jayanya. Tanpa *deterrence factor* ini, kita khuatir perkhidmatan secara *voluntary* ini kita khuatir kekurangan mereka yang datang atau rendah daripada segi kehadiran mereka yang datang ke *quit smoking clinic*.

Kita faham bahawa *educational* ataupun *awareness* perlu ditingkatkan daripada segi keberadaan kewujudan *quit smoking clinic* dan sebagainya yang telah kita laksanakan dari dulu hingga sekarang. Namun, perkara ini memerlukan advokasi secara berterusan supaya kita akan dapat meningkatkan – peningkatan mereka-mereka yang hadir secara *voluntary* ke *quit smoking clinic*. Akan tetapi, sekarang ini kita tidak mempunyai faktor *deterrence* di situ. Kita khuatir mungkin walaupun kita telah melaksanakan advokasi secara menyeluruh, kita khuatir mungkin terdapat kekangan di situ daripada segi limitasi mereka untuk tampil ke hadapan secara *voluntarily* ke *quit smoking clinic* yang telah diwujudkan dan mungkin kita akan *expand* lebih luas lagi pada masa hadapan.

Faktor keempat, kesukaran implementasi di lapangan. Apabila kita menyediakan RUU ini, KKM juga mengambil kira daripada segi implementasi atau pelaksanaan daripada segi pemantauan, penguatkuasaan dan sebagainya. Jadi, sekiranya kita menggugurkan fasal 18 dan 19 iaitu kesalahan merokok oleh individu yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya, ia akan menyebabkan aktiviti merokok dalam kalangan generasi penamat tidak boleh disabitkan di bawah undang-undang.

Kita khuatir kerana apabila kita lihat sekarang ini terdapat di media massa, banyak menceritakan mengenai kanak-kanak remaja di bawah umur, mereka yang memakai uniform. Mereka dengan rasa tidak segan silu, mereka menghisap *vape* ataupun rokok di khalayak ramai dan sebagainya. Ada juga dimaklumkan oleh pihak sekolah, KPM, terdapat kes-kes yang ditangkap merokok di tandas-tandas sekolah dan sebagainya. Jadi, kita lihat juga merujuk kepada daripada segi data. Kita juga telah mengadakan kajian oleh pihak Institut Kesihatan Umum iaitu dipanggil *Adolescent Health Survey*. Apabila kami membuat perbandingan pada tahun 2017 dan juga tahun 2022, didapati bahawa terdapat peningkatan individu yang menggunakan rokok elektronik iaitu daripada 9.8 pada tahun 2017 telah meningkat pada 14.9 peratus pada tahun 2022.

Jadi, kita khuatir sekiranya kita menggugurkan fasal 18 dan 19 di mana di situ mengambil kira kita membenarkan mereka merokok tanpa menjadikan ia sebagai satu kesalahan. Kita khuatir perkara ini akan lebih berleluasa lagi dan kita khuatir trend ini akan lebih meningkat lagi pada tahun-tahun akan datang. Hasrat kita untuk mencapai sebuah negara yang akan eliminasi mereka yang merokok ini pada tahun 2040 mungkin sukar untuk dicapai. Kita bayangkan seperti rokok-rokok konvensional pada zaman dahulu, ia diwujudkan apabila zaman dahulu kita tahu hisap rokok untuk ubat. Untuk halau nyamuk dan sebagainya oleh orang-orang kampung sebagainya.

Akan tetapi apabila mereka telah mula merokok, ia jadi ketagihan. Ini ialah rokok konvensional. Jadi, kalau kita *start* dari sekarang, kita *allow* mereka merokok tanpa sebarang *deterrence factors* itu, kita khuatir pada masa tertentu, tahap tertentu, kes-kes meningkat. Bukan hanya kepada 14.9 peratus tetapi khuatir akan meningkat lebih banyak lagi. Mungkin lebih daripada 21.3 peratus iaitu peratus *prevalence* mereka yang merokok konvensional pada masa ini iaitu berdasarkan pada kajian NHMS pada tahun 2019. Jadi, ini antara yang kita agak khuatir, perlu dilihat secara menyeluruh kerana ia melibatkan *effect* kepada kesihatan anak-anak kita. Mungkin cucu-cicit kita dan juga pemimpin masa hadapan dan sebagainya.

Kesukaran implementasi. Walaupun fasal 13 dan fasal 14 iaitu larangan penjualan dan pembelian produk oleh golongan generasi penamat masih dikekalkan, namun kita menghadapi kesukaran daripada segi membuat pembuktian kesalahan penjualan dan juga pembelian golongan generasi penamat. Sebagai contoh, katalah sekarang ini apabila – kami selalunya dapat menerima aduan. Katalah ke tempat kawasan kerap di mana individu tertentu merokok *especially* premis tertentu. Jadi, kami dapat aduan. Kita pergi, tengok sudah tidak ada merokok. Jadi bermakna sekarang ini, kita sukar. Satu ialah kesukaran untuk

membuktikan bahawa ada berlaku transaksi penjualan dan pembelian. Penjualan oleh pihak premis dan juga pembelian oleh golongan penamat ini. Satu.

Kedua ialah risikan yang kita buat oleh pegawai di kawasan lapangan memerlukan tempoh yang lama bagi mengesan kesalahan jenayah merokok. Kami tidak mempunyai keupayaan untuk menempatkan jumlah pegawai penguat kuasa di satu buah lokasi tertentu. Sebagai contoh, katalah kita sudah *identify* bahawa ini ialah kawasan *hotspot* yang kerap kita terima aduan di mana banyak individu merokok di kawasan tertentu. Akan tetapi isunya sekarang ialah apabila kita menerima aduan, kita hantar *team* ke tempat tersebut, sudah tidak ada yang merokok. Oleh sebab proses penjualan dan pembelian ini singkat. Sekiranya tidak ada transaksi yang boleh dibuktikan, agak sukar untuk kami jadikan ia sebagai pembuktian sebagai kesalahan penjualan, pembelian dan sebagainya.

Kelima, meningkatkan kawalan yang juga lebih ketat bagi pengimportan, pengilangan dan penjualan produk merokok selain promosi dan tajaan merokok. Dalam slaid ini dan slaid selanjutnya, apa yang saya ingin kongsikan di sini adalah mengenai bagaimana negara-negara lain melaksanakan kawalan yang lebih ketat bagi pengimportan, pengilangan dan penjualan produk merokok serta larangan promosi, tajaan, dan sebagainya. Kita lihat sekarang ini, Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) tahun 2004 di bawah Akta Makanan ialah satu kawalan yang sedang dilaksanakan sekarang ini. Kita mewujudkan RUU di bawah ini untuk memastikan kita dapat melaksanakan kawalan yang lebih optimum seperti mana yang dijelaskan oleh WHO FCTC.

Jadi, tujuan RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 ini dibangunkan adalah bagi memperkukuhkan kawalan sedia ada. Walaupun kita sudah mempunyai PPKHT 2004 tetapi ia tidak mencukupi, tidak komprehensif yang lengkap untuk kami melaksanakan bukan hanya melibatkan rokok konvensional tetapi juga melibatkan elektronik dan juga *vape*. Namun begitu, ia masih tidak setara dengan negara lain yang melaksanakan kawalan yang lebih ketat seperti sebagai contoh negara yang menjalankan larangan penuh (*total ban*) terhadap penjualan rokok elektronik atau *vape* seperti Singapura, Thailand, Brunei, India, Brazil dan sebagainya. Terdapat sejumlah 30 lebih negara yang melaksanakan *total ban*. Pelaksanaan pembungkusan standard (*plain packaging*) seperti di Singapura, Thailand, New Zealand, Australia dan lain-lain. *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* (C) ialah larangan pameran di kaunter jualan (*ban point of sale*) seperti Singapura, Thailand.

Satu lagi yang kerap dibincangkan iaitu mengenai pelaksanaan generasi penamat rokok di negara New Zealand. Kita tahu negara New Zealand dan

Australia ialah negara peneraju utama yang begitu ketat melaksanakan kawalan hasil tembakau dan termasuk kawalan ketat bagi pengimportan, pengilangan dan sebagainya. Jika kita lihat daripada segi perundangan di New Zealand, kita dapati bahawa mereka sedikit agak berbeza. Oleh sebab katalah sekarang ini mereka bermula dengan secara berfasa, *start* dengan rokok konvensional. *Vape* tidak dimasukkan dalam peranan sekarang buat masa ini kerana mereka melaksanakan secara berfasa, dianggap sebagai *harm reduction.* Akan tetapi kita lihat daripada segi aspek lain *because* apabila kita ingin menyediakan kawalan yang lebih ketat, memastikan akhirnya demi kesihatan awam itu terkawal, terjaga, dan sebagainya, kita perlu melihat secara menyeluruh. Lihat negara New Zealand, walaupun mereka kata mereka tidak *start* dengan kesan terhadap mereka yang menghisap *vape* tetapi di sini kita lihat daripada segi kawalan yang begitu ketat daripada segi *supply*, *production*, penjualan dan sebagainya. Pengilangan.

Sebagai contoh, New Zealand. Walaupun New Zealand tidak mengenakan kesalahan kepada pengguna namun penguatkuasaan kawalan merokok adalah lebih ketat di mana pengurangan bilangan kedai yang menjual rokok, produk tembakau di seluruh negara New Zealand telah berkurang daripada 6,000 kepada 600. Larangan penjualan *vape* pakai buang yang biasa yang lebih murah dan mampu milik, mengehadkan deskripsi perisa *vape* kepada deskripsi perasa *generic.* Di Malaysia, kita mempunyai banyak perisa buah-buahan, wangi-wangian dan sebagainya tetapi di New Zealand, dia hanya menggunakan perisa yang *very generic* yang lebih bau kepada *tobacco* dan sebagainya.

Larangan membuka kedai penjual *vape* baru berhampiran sekolah, institusi pendidikan dalam jarak 300 meter. Kita cuba memastikan ini – sebagai contoh, kami cuba menyediakan satu garis panduan untuk memastikan makanan-makanan yang selamat, sihat dimakan di luar pagar sekolah.

■1530

Even, dengan garis panduan yang disediakan ini, untuk makanan pun sukar untuk kita laksanakan. *So, bagaimana* kita laksanakan melarang penjualan *vape* ini di kawasan luar sekolah dalam jarak 300 meter ataupun 500 meter dan sebagainya.

Jadi, kita lihat secara menyeluruh, kita tahu RUU ini – kita tahu semua pihak merasakan RUU ini amat penting. Kita faham pakar-pakar dan JKPK juga merasakan RUU ini perlu ke hadapan, perlu diluluskan dalam tempoh yang terdekat ini kerana kita tahu kita hadapi masalah *lacuna* sekarang ini disebabkan

oleh Akta Racun. Pengecualian untuk gel dan *vape* dan sebagainya di bawah Akta Racun.

Namun begitu, kita harapkan perkara ini perlu diambil pertimbangan yang berat. Mengambil kira – walaupun kita perlu ada *balance* di situ tetapi kita perlu lihat adakah Malaysia bersedia untuk melaksanakan kawalan yang lebih ketat seperti negara New Zealand. Seperti yang saya nyatakan di monitor tersebut. *[Merujuk kepada slaid pembentangan]*

Keenam, proses pindaan dan sesi libat urus. Jika fasal 18 dan 19 ini ingin dipinda, pindaan perlu melihat daripada segi RUU secara menyeluruh kerana ia memerlukan masa yang panjang untuk pihak kami dan juga pihak AGC untuk melakukan pindaan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan kerana ia akan melibatkan perubahan dasar yang besar bagi Kementerian Kesihatan Malaysia.

Ia juga perlu diangkat kepada perhatian Jemaah Menteri dan mungkin memerlukan tindakan susulan jika terdapat arahan baru. Jadi, sekiranya berlaku kelewatan di sini – mungkin pihak PUU dan *AG's Chambers* boleh maklumkan di sini sama ada berapa lama tempoh yang diperlukan. Sekiranya katalah perlu melibatkan pindaan kepada RUU ini, berapakah tempoh paling cepat yang diperlukan untuk kita membuat pindaan dan mendapat keputusan selanjutnya?

Sekiranya kita tidak berjaya untuk membawa RUU ini, mendapat keputusan daripada Parlimen pada tahun 2023 ini, kami semua agak khuatir bahawa *lacuna* bagi tempoh yang lama akan menyebabkan perundangan kawal selia rokok elektronik atau *vape* disediakan dan menyebabkan penjualan berleluasa. *Even* sekarang ini kita lihat bahawa sebelum ini kita lihat mungkin satu, dua sahaja kedai menjual *vape* di sesuatu kawasan. Akan tetapi kita lihat sekarang ini apabila kita membuat lawatan tiba-tiba muncul macam cendawan tumbuh, kedai-kedai menjual *vape* di lapangan sana.

Jadi, anak-anak ini lebih mudah terdedah. Oleh sebab sekarang ini kalau kita gugurkan fasal 18 dan 19, mereka boleh merokok. Walaupun kita kata mereka tidak boleh membeli, mereka – *even* yang pemilikan pun telah kita gugurkan sebelum ini sebab kita telah *compromise*, banyak *compromise* yang telah kita jalankan atau laksanakan sebelum ini dengan libat urus dari semasa ke semasa.

Jadi, yang tinggal hanya sekarang ini kalau kita gugurkan fasal 18 dan 19, maknanya kita benarkan individu yang berumur di bawah 18 tahun untuk merokok. Ia tidak menjadi kesalahan di sini dan dicadangkan supaya hanya administratif.

Namun begitu, kita perlu lihat daripada segi *overall impact* keseluruhan dan situasi semasa, mungkin adakah ia sesuai untuk dilaksanakan di negara Malaysia ini ataupun adakah ia sesuai di negara New Zealand? Oleh sebab New Zealand

mempunyai sistem yang lebih kuat daripada segi kawalan, perniagaan, penjualan dan macam-macam lagi.

Adakah kita bersedia untuk melaksanakan *that part*, bahagian itu supaya mengurangkan jumlah jualan dan sebagainya? *So*, ini perlu kita lihat secara menyeluruh sebab akhirnya ialah – yang penting di sini ialah *lacuna*. Sekiranya kita tidak dapat kelulusan di Parlimen dalam tempoh tahun ini, dalam bulan Oktober ini, kita khuatir *lacuna* ini bagi tempoh yang lama akan mengakibatkan kawalan yang lebih longgar. Akan sukar untuk dikawal apabila ia kita mula kuatkuasakan pada tahun depan dan sebagainya.

Justeru, berdasarkan kepada asas-asas pertimbangan daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia di sini, antara lain yang kita ingin sarankan di sini adalah daripada segi proses pindaan melibatkan isu semakan kehakiman (*judicial review*) yang telah difailkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur berhubung bantahan pihak pemohon dalam semakan kehakiman tersebut terhadap perintah Menteri yang membuat pengecualian nikotin dalam gel atau cecair rokok elektronik atau *vape* dalam Jadual Pertama Akta Racun bagi tujuan pengenaan duti eksais terhadap nikotin dalam gel atau cecair rokok elektronik atau *vape*.

Sekiranya RUU ini dapat diluluskan dalam tempoh terdekat, maka semakan kehakiman akan menjadi satu akademik kerana sudah ada akta baharu yang akan menyambut Akta Racun, pengecualian nikotin dalam gel rokok elektronik dalam Akta Racun. Ia sebagai akta baharu yang akan mengawal selia pengecualian tersebut. Sekiranya RUU ini berpanjangan dan tidak dapat diluluskan, maka terdapat kemungkinan bahawa semakan kehakiman tersebut diputuskan *in favour of* pemohon ataupun sebaliknya**.**

Jika diputuskan ia sebagai *favour of* pemohon, terdapat kebarangkalian pengecualian tersebut terpaksa dibatalkan dan kesannya duit eksais tidak dapat dikutip oleh kerajaan dan kerajaan terpaksa memulangkan hasil kutipan tersebut semula kepada pihak-pihak berkaitan kerana kutipan telah diputuskan tidak sah di sini pada masa ini.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan kepada asas-asas pertimbangan tersebut yang telah dibentangkan sebenar tadi, terdapat beberapa cadangan balas yang ingin pihak KKM cadangkan di sini iaitu kita cadangkan agar dikekalkan fasal 18 dan 19 seperti yang sedia ada sekarang ini dan mengambil kira cadangan balas kami iaitu pertama, mengurangkan jumlah denda bagi kesalahan di bawah fasal 18 dan 19 daripada RM500.00 kepada RM250.00 dan mengekalkan hukuman perintah khidmat masyarakat.

Kedua ialah melaksanakan *educational enforcement* seperti juga cadangan panel pakar. Namun begitu, kami ingin tekankan di sini di mana pihak KKM akan:

(i) mempertingkatkan pendidikan serta nasihat agar perokok mematuhi peraturan;

(ii) merujuk perokok ke perkhidmatan berhenti merokok seperti yang disarankan oleh panel pakar;

(iii) tidak mengenakan kompaun bagi tempoh tertentu atau sehingga laporan Laporan Berkala dibentangkan atau ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Dalam perkataan lain, walaupun sekarang ini disarankan agar dikekalkan fasal 18 dan 19 ini tetapi dalam tempoh tertentu, pihak KKM mencadangkan supaya kompaun ini – kita tidak kenakan kompaun, kita akan tingkatkan daripada segi *educational enforcement* tersebut dan kita tidak akan kenakan kompaun untuk tempoh tertentu ataupun sehingga Laporan Berkala seperti yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Ketiga ialah memperkukuh dan memperluaskan program perkhidmatan berhenti merokok termasuk menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi termasuk juga pihak swasta.

Keempat ialah menggubal akta baharu bagi rawatan dan pemulihan ketagihan merokok mengambil contoh Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 yang diwujudkan bagi tujuan rawatan dan pemulihan bagi penagih-penagih.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, kami berharap cadangan baik ini diberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya kerana kita tahu bahawa Jawatankuasa JKPK, panel-panel pakar dan semua pihak mengambil berat kepada kepentingan RUU ini. Pada masa yang sama, kita semua mempunyai hala tuju yang sama, niat yang sama dan tujuan yang sama untuk memastikan RUU ini dapat diluluskan di Parlimen dalam tempoh terdekat ini dan tujuannya ialah untuk menjaga kesihatan awam.

Kami di pihak KKM amat berharap supaya cadangan baik ini dapat dipertimbangkan terutamanya fasal 18 dan 19 kerana perkara fasal 18 dan 19 inilah yang menjadi antara yang kita agak *contentious* yang perlu dibincangkan di sini berdasarkan asas-asas seperti mana yang telah saya bentangkan tadi. Oleh itu Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, *[Disampuk]...*selepas ini. Mungkin kalau ada – Saya serahkan semula kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Terima kasih Datuk Dr. Norhayati. Pembentangan yang sangat baik. Ya, dengan telah pun tertera semua penghujahan dan ulasan-ulasan yang dibuat dan dicadangkan ya. Jadi, pada petang ini kita berpeluang untuk mengambil waktu yang seperlunya, kalau boleh saya gunakan semewahnya untuk kita benar-benar dapat *achieve* satu persefahaman supaya pentingnya di hujung kita mahu rang undang-undang ini disokong.

Pertama, mungkin kalau saya diizinkan memberi komentar dahulu Yang Berhormat? Boleh ya? Baik. *Bismillah.* Sebenarnya kalau kita perhatikan ya, ulasan yang dibuat. Pertama yang di muka slaid pertama itu, setelah perkara pertama kita kekalkan – mengekalkan fasal, yang itu telah pun disebut seluruhnya, 13. Cadangan kami adalah hendak menggugurkan fasal 18 dan 19 ya.

Seterusnya, KKM juga telah bersetuju untuk meningkatkan daripada segi denda, yang melibatkan denda yang lebih besar. Saya kira kita *all on the same page on that*. Saya kira kalau dapat kita tumpukan memang betul, KKM – fasal 18 dan 19 ini sahaja yang kita akan berbahas dan *[Disampuk]* Ya?

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Silakan.

Tuan Pengerusi: Ini yang akan menjadi *contention*-nya. Jadi, kalau boleh sebelum kita berbahas, izinkan saya mengulang balik apa yang panel telah ingatkan sebab di sini mungkin KKM tidak mendengar. Ya. KKM tidak mendengar penghujahan itu.

■1540

Saya juga mahu perkara ini diulangi supaya kawan-kawan ataupun anggota PSSC juga diperingatkan ya. Yang Berhormat Menteri, saya kira penghujahan tadi itu sangat tepat seperti mana yang disebutkan oleh Datuk Dr. Norhayati kecuali ketika diletakkan pertimbangan untuk mengekalkan 18, 19 itu bermula dengan perkara yang sebenarnya duduk dalam fasal 20, 21 ya, itu semua adalah – Fasal 22 ya.

Semua itu adalah sama kita sokong. Tidak boleh dijadikan hujah untuk menyokong 18, 19 secara langsung ya. Akan tetapi, tidak apa. Nanti kita akan, kita akan kaitkan. *Insya-Allah.* Pertama yang saya hendak ingatkan semua ya. Ini bukannya satu *compromise*. Pendekatan kita bukan pendekatan *compromise* Datuk Dr. Norhayati dan KKM ya. Pendekatan kita adalah berganjak daripada model. Dalam penyelesaian diistilahkan sebagai model, moral –*The moral model and the disease model*.

Secara jelas dan secara sedar, secara insaf, kita telah tahu bagaimanakah cara *moral model* ini, ia tidak – Ia telah menunjukkan daripada sudut *historical performance*, daripada sudut keberkesanan undang-undang. *It has never been successful, let alone on drug addiction* dan sebagainya.

Jadi, keperluan untuk kita berganjak kepada *disease model* yang melihat *addiction* bukan sahaja the *heavy drug addiction* tetapi *nicotine addiction, cigarette addiction* ini sebagai satu yang mesti didekati bukan daripada pendekatan punitif tetapi dilihat daripada pendekatan *protective* dan *preventive*. Itu jelas adalah bagaimana kita telah mencerakinkan *entire legislation* ini. Oleh sebab itu, kita *disarm* aspek hukuman daripada aspek *demand* ataupun pengguna dan kita *put hefty punishment on the supply side*.

Itu noktah pertama yang kita kena fahami. *It is just not* – Bukan, bukan kerana kita hendak *compromise* dulu boleh, sekarang makin kurang, makin kita *go backward.* Ia tidak datang begitu. Ia datang dengan pendekatan yang mempunyai *the overarching principle* itu. *That is to look at nicotine addiction as a disease and those* yang terlibat itu *within* tiga kali sahaja dia merokok ataupun *vape, they become addicted already*.

As you know, nicotine addiction is worse than even heroine, even worse than alcohol addiction ya. Lebih pantas. Jadi, itu pertama yang saya perlu sebutkan. Jadi, *enforcement on 18, 19* itu pertama yang saya hendak sebut selepas daripada saya *intro* yang tadi itu adalah untuk pengetahuan semua ya, *we must be evidence-based* ya. Ya kita tahu dari sudut cara kita berhujah begitu.

The evidence is that bahawa *18,19* ini, kalau kita betul-betul hendak *punish, you know what are the data on those who are already addicted to nicotine addiction? Both vape – Smoking* sudah kurang. Akan tetapi, *vape is increasing*. 600,000 *people of under 18 years old that are already addicted and you guys* – Kita semua ini akan *hunting them, you know, at any chance and opportunity to apprehend them, we will be going for that.*

600,000 people that does not involve the adolescents and might as well, their parents. Finally, they cannot pay their compound, there you go to the court. Okey, itu *point* pertama, yang dibentangkan oleh pakar dan yang kita dengar ya. Saya pun –Kita ini semua, *we want to get as heavy deterrent as possible* tetapi ia jangan sampai kita akan *unintended consequences* yang kita tidak akan dapat sokongan itu ya. Itu pertama ya.

So, it is going to be weak in enforcing. Kalau kita hendak *enforce* juga *punishment* itu, *on the 600,000 people who are already addicted is huge*. Kita tahu dan kita dengar daripada KPKT baru-baru ini, macam mana *enforcement of the one*

that I put in place, larangan merokok di tempat-tempat makan awam pun, *they were finding it so difficult. Until right now, people are making a mockery of this legislation*. Tengok saja *tweets* yang keluar hampir *every other day* tidak mengingatkan *where is the enforcement? Where is the enforcement?*

Kita dengar daripada KPKT bila mereka membuat pembentangan hari itu, *how it going to be very difficult on them to carry this.* Jadi, kita bukannya kami tidak setuju tetapi kami tahu keupayaan kami. Hendak tunggu sempurna, kami ada kuantiti dan *enforcement* itu, memanglah tidak boleh tetapi *it is going to be very difficult*. Itu yang saya ingat lagi, masih lagi saya ingat perkara itu. Itu pertama.

Kedua, *enforcing 18 and 19 will cause huge and later to be* – Akhirnya, *it going to be punitive and criminalize* ya. Jadi, *not paying the fine repeatedly* bayangkan kalau merokok ini, dia *addicted*. *Every so often they will get into the wrong side of the law and they will get the shorter end of the stick* sama ada di rumah ataupun dalam *in the criminal justice system. So, we will then – Again, finally land them back to legal predicament*. Itu satu yang kita sedia maklum dan kita akui.

If you do not begin to disarm them from being punished, then you will finally got to punish them. Akan tetapi, kalau kita *take the approach of protecting them, preventing them* dan kalau betul mereka merokok, *we will get them into cessation programme of addiction. Then it slightly – It is not slightly. It is a different ball game* ya.

Ketiga, sebenarnya *there is no mechanism to mandate treatment under 18 and 19 as it is. The one who can pay, the rich will pay and the poor will go into debt and* mungkin *face the arm, face the arm of the law.* Keempat, *18 and 19 only give the option of compound and pay compound.. Pay or not, compound and go to court. If you do not pay, you go to court. That is the consequence. You like it or not, that is the consequences.* Tidak payah kita bayangkan macam mana.

This will be the 600,000 adolescents who are already addicted, you just imagine the kind of workload you are putting on the enforcement. It just not about that, it is about the whole philosophy of protection and prevention tadi itu ya. Itu yang saya hendak sebutkan. *So, this is why, that is better to be able to use regulation and a whole-of-society approach.* Kita jangan ambil satu sudut saja dari sudut *prevention* ya. Ia *whole-of-society approach to drive compliance.*

So, compliance ini *it just not like looking over them or down their shoulder every time we are hunting them. It is not like that either* ya. Jadi, *underage can be penalized through regulation while through systemic encouragement, systemic encouragement of treatment through schools and universities and workplaces, we can make people seek treatment rather than being punish and penalize.*

So, itu empat *argument* yang saya rasa sangat penting dan diingatkan oleh pakar-pakar panel kita ya. Bercakap tentang *deterrence* ini nampak macam memang hujah yang penting ya. Undang-undang itu mesti ada aspek *deterrence*-nya ya. Akan tetapi, *deterrence factor* ini, kalau kita *which will – Deterrence factor will do away with the needs of 18 and 19 include* apa dia? Kita kena ada lagi aspek-aspek *compliance* yang lain.

Contoh ya, *deterrence. How do we put in deterrence? Deterrence* ini bukan sahaja kalau kita hendak *punish them*, mereka takut selama-lamanya, takut kepada undang-undang selama-lamanya. Dia merasa mereka ialah *victims of the criminal justice system . How do we get to the whole-of-society approach? Special shops and strict control or mechanism can control who are selling to and where this – Where are they doing their sale? Where they sell.*

So, that is a very important thing. Itu mampu kita kawal. *That we can get whole-of-government approach, whole-of-society approach*. KPKT *can come in, ministries* yang lain *can come in. Just* hendak – *Do not look at deterrence in only one dimension. It has got to be multidimensional in this approach* ya. Kedua, *to track and trace where can we put in controls to ensure sales are only to those who are not GEG. Not that cohort of generation of GEG.*

You nampak tidak? *So, immediately when you* buka, *then your law, your compliance, your deterrence gets a different meaning in dimension*. *You* tidak nampak hanya satu sudut *because* selama hari ini, *we have been doing that. This is the time, this is the game changer, this is an occasion where* kita boleh lakukan satu perbezaan dan anjakan. *We should not miss the opportunity* ya.

Jadi, seperti mana yang saya sebutkan, *There are so many other controls from the supply end which does not entail punishing our cohort of GEG*. Saya telah terangkan betapa *nicotine is an addiction* ya dalam 72 jam sahaja, *they become addictive. They become addicted* ya.

■1550

Saya tahu, *even with addictive drugs such as heroin or cocaine,* Yang Berhormat Menteri pun sudah menyebutkan tentang *to go decrim. That is heavy drugs; heroine*, *cocaine* dan sebagainya. Saya merasakan pelik kalau *at the same time it is nicotine and vape, you want to go the reverse.* Orang akan cakap, baru lagi Yang Berhormat Menteri sebutkan tentang *non-punitive, decrim on addiction. It is just about a week. Less then a week ago. Now we go the opposite.* Eh, tentang ini tidak boleh pula. *So, you are not coherent, you are not consistent.* Jadi, di sini

juga perlu. *So*, kalau begitu *then we cannot* – kita tidak boleh – *so*, mereka akan nampak *a dichotomy in thoughts and philosophies. It would not be good for MOH.*

Jadi, itu dahulu selalu saya ingatkan ahli-ahli anggota PSSC dan juga KKM. Sebenarnya *you'll be right. Our team* memang *want to go – we all want to go punitive and 18 and 19. But when* kita *realise,* kita tidak akan berjaya. *So, we look at ourselves and say, what is the best compromise*? Itu yang saya ingat kita lalui PSSC secara jujurnya. *We had our discussion* baru-baru ini *and when we came to understand* – apabila kita bertanya diri kita, apakah kita akan berjaya kalau kita *incorporate* atau kita *sustain 18 and 19?* Kita tahu.

Let me also be honest about this. Sejak kita membuat keputusan itu, saya cuba untuk bertanyakan kawan-kawan, *MPs. I'm surprised. I think* – saya tidak dapat tanya kawan-kawan dalam *Opposition bench,* tetapi *the backbenchers* pun mereka tidak ada jaminan mereka akan sokong saya kalau saya mengambil pendekatan ini.

So, I don't have to mention names, tetapi *those* yang saya rasa tidak sangka dia akan tolak kita punya RUU ini, tetapi *they said if you go this way, I will not support you. At worst I don't come. At worst I'm not going to vote for you. They will* berkecuali, contoh. *You know, they will* – mereka akan...

Seorang Ahli: *Abstain*.

Tuan Pengerusi: *Abstain*, maaf. Mereka akan berkecuali. *So*, ahli-ahli mesyuarat, Yang Berhormat Menteri, itu sikit saya hendak ingatkan. *At the end of the day, it's your bill not PSSC* punya *bill* ya*. It is the bill of KKM. And all that I was tasked to do* dalam *PSSC, is to provide some insights into – to improve further* supaya *at the end of the day, you will get the support of all MPs.*

Saya yakin kawan-kawan atau Ahli-ahli Yang Berhormat pastinya mahu memberikan pandangan-pandangan yang mungkin mereka boleh *differ* dengan – kita bebas dalam PSSC ini walaupun kita telah merumuskan sesuatu, tetapi saya tahu bahawa kita juga hendak kepada punitif. Cumanya kami memikirkan kalau gagal disokong. Itulah menjadi *our defining decision.*

Sila, siapa yang hendak mula dahulu. Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Kuala Langat? Sila.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

[Merujuk kepada slaid pembentangan] Pertamanya, saya hendak sentuh berkaitan dengan Perkara 2 dulu ini sebab tempoh hari dalam perbincangan kita, kalau tidak silap saya, PUU juga ada menyebutkan apabila berkaitan dengan penambahan nilai denda. Ia nampak tidak selaras dengan hukuman penjara yang

saya ingat mungkin akan dilihat semula. Akan tetapi, saya ingat pada hari ini ulasannya nampak sudah kita terima ini ataupun mungkin ada sikit *info* daripada pihak PUU ataupun kementerian sendiri.

Tuan Pengerusi: Saya ingat – sila PUU untuk beri komentar.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Setakat ini, memang kita kementerian telah bersetuju dengan cadangan.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: *So*, tidak ada masalah dengan kenaikan denda yang kita kenakan dan juga hukuman penjara yang...

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Selagi ia punya perbezaan *proportionate,* ia *reasonable,* selalunya pihak pendakwaan daripada Jabatan Peguam Negara tidak ada isu.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: *So, this is reasonably proportionate?*

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: *Proportionate,* ia kalau *balanced,* okey.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: *Okay, okay. Alright.* Terima kasih. Okey, kemudian Perkara 3 inilah yang saya kira agak kita bincangkan juga sensitivitinya.

Saya ingat dalam mesyuarat yang lepas, perbincangan kita di kalangan ahli jawatankuasa, saya pun menyebutkan supaya akta kita ini akan dilihat lebih tinggi daripada peraturan yang sedia ada di bawah Akta Makanan dan juga Peraturan Kawalan Tembakau yang saya merasakan bahawa perlu untuk kita kekalkan fasal 18 dan 19 ini atas beberapa keadaan.

Tadi, apabila mendengar kepada pembentangan ini, saya melihat sekiranya fasal 18 dan 19 ini dapat dikekalkan dan ada kelonggaran-kelonggaran yang dari sudut *implementation of a – in a legal* – kita boleh untuk tidak mengenakan denda pada masa ini sehingga pada masa yang kita rasa agak sesuai. Saya ingat mungkin itu boleh menjadi salah satu daripada pertimbangannya. Cuma saya ingat di pihak kita PSSC ini, kita *concerned* berkaitan dengan sama ada kita boleh lulus ataupun tidak akta atau RUU yang kita hendak bawa ini.

Cuma saya melihat, saya ingat fasal 18 dan 19 ini adalah cadangan daripada *experts* yang saya sendiri mendapat sedikit sebanyak *info* daripada sahabat-sahabat MP. Sebahagian daripada MP, beberapa orang di peringkat kerajaan dan juga kawan-kawan di peringkat pembangkang ini *concerned* terutamanya kepada mereka yang *they are smoker.* Dia rasa mungkin macam agak dia terkesan dengan isu ini.

Akan tetapi yang berkaitan dengan GEG ini nampak ya mereka *concerned* juga supaya ini hak asasi dan sebagainya, yang juga dipertikaikan oleh mereka. Akan tetapi saya kira tidak ada ataupun setakat ini tidak adalah yang memberikan

respons seolah-olah kalau fasal 18 dan 19 ini tidak menjadi kerisauan juga kepada mereka.

Saya tidak tahu senario sebelum ini sama ada semasa kita cuba membentangkan di Parlimen sebelum ini pada penggal yang lepas, adakah ini juga menjadi isu berkaitan dengan— ya lah, sebagai satu batu loncatan kepada GEG itu sendiri.

Kalaulah saya melihat perkara ini, ia juga tidak menjadi masalah untuk kita bentangkan dan boleh mendapatkan kelulusan daripada rakan-rakan di peringkat dalam Dewan nanti. Tempoh hari pun saya *highlight*-kan berapa jangka masa yang kita perlukan sekiranya...

Tuan Pengerusi: Sudah, betul. Itu pun saya sebut poin itu juga.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Saya ingat maklumat daripada PUU dua minggu. Jadi, kalau dua minggu itu tidak menjadi satu— sehingga kita tidak mengambil masa yang terlalu panjang.

Tuan Pengerusi: Ya, tidak boleh.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Saya khuatir juga kalau kita mengambil masa yang panjang.

Tuan Pengerusi: Tidak mahu.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Tadi *lacuna* yang disebutkan oleh Datuk Dr. Noryahati itu akan memberi kesan kepada kita.

Tuan Pengerusi: Betul.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Sehinggalah hendak kena pulangkan semua duti eksais yang kita kenakan.

Tuan Pengerusi: Tidak mahu, tidak boleh.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Ataupun kalau kita tidak dapat luluskan, ini juga satu isu *lacuna* juga. Ini yang harus bersama-sama kita pertimbangkan. Bagi saya, hati saya ini lebih cenderung kepada kalau dapat kita teruskan fasal 18 dan 19 dengan kelonggaran-kelonggaran itu tadi.

Saya ingat itu lebih nampak realistik kedudukan akta ataupun undang-undang yang kita hendak buat berbanding dengan yang meletakkan Peraturan Kawalan Tembakau dalam Akta Makanan tersebut. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat, Dato' Dr. Ahmad Yunus, sangat baik penekunan itu. Ini kerana apa, cadangan di hujung itu kalau dapat saya tarik perhatian kawan-kawan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada di sana pelaksanaan dipanggil sebagai *educational enforcement,* Datuk Dr. Norhayati ya.

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Semasa buat larangan itu kita tangguh setahun atau dua tahun,

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Setahun.

Tuan Pengerusi: Setahun penuh. Kita tangguh dengan *educational enforcement.* Itu memberikan laluan atau memberikan masa untuk *absorb, buy in.* Sangat cantik itu kalau dapat— tidak apa, kita bincang dulu. Kita bebas untuk— sila Yang Berhormat Sibu.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Saya ada pandangan yang beza sikit dengan Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Pengerusi: Okey, tidak apa. Kita bebas.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Okey. Saya rasa kalau kita hendak luluskan akta ini di Parlimen, memang kita harus memikir untuk mengukuhkan fasal 18 dan 19. Kalau tidak, memang susah kita hendak *push through this act in the Parliament.* Kita bukan— ada dua *approach* kita boleh buat untuk GEG ini.

Kita boleh mula dengan cara yang lebih longgar. Ini merupakan cara yang lebih longgar dahulu. Kita ada *review every two years. After two years, we can review.* Kita hendak ketatkan, *we can do it after two years. So, we start from the* longgar *first*.

Now, with this cadangan daripada pakar, memang pakar mencadangkan kita hanya *control* penjualan kepada golongan muda kita. Kita bermula dari situ. Selepas dua tahun ini, kita *review* atau kaji balik. Kalau kita perlu ketatkan baru kita boleh ketatkan undang-undang ini.

■1600

Saya rasa ini merupakan cadangan *approach* yang lebih baik untuk kita memulakan. Kalau kita terus kepada undang-undang yang sangat ketat, memang ini akan menghadapi *rebound* daripada masyarakat kita. Memang *public* akan berasa mengapa undang-undang ini begitu ketat. Ini juga merupakan satu cabaran dan masalah untuk kerajaan sekarang. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Sibu. Kita dengar lagi. Semua kena bercakap hari ini. *[Ketawa]*

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong]: Baik. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sibu sebab kalau kita lihat, kita bukan setakat perlu menghadapi Ahli-ahli Parlimen di luar sana malah masyarakat di luar juga perlu kita

lihat kepada anak-anak muda khususnya, undang-undang mereka lihat ini terlalu ketat kepada mereka seperti kita nak mengongkong dan sebagainya. Jadi kita perlu ada sedikit kelonggaran.

Saya setuju bahawa dua tahun akan datang, kita *revise* balik sama ada kita boleh menambah baik undang-undang ini untuk mereka juga. Jadi sebab itu saya bersetuju supaya ia digugurkan dan kerana kalau kita lihat macam GST-lah. Kita beri contoh GST dulu apabila kita terus letak enam peratus di mana berlaku banyak bantahan dan sebagainya dari luar dan juga Ahli Parlimen, dan ia akhirnya digugurkan terus. Sedangkan ia sebenarnya satu cukai yang bagus tetapi ia memerlukan masa yang panjang dan juga memerlukan ruang yang lebih baik untuk penerangan kepada mereka terutamanya masyarakat dan juga seperti kita Ahli-ahli Parlimen yang lain yang tegas dan keras masih lagi melawan. Jadi, saya rasa kita perlukan tempoh ini untuk melonggarkan sedikit buat masa ini.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Bentong. Ya, kita masih lagi menunggu. Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Kuala Nerus. Silakan Dato'.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. *[Ketawa]* Perkara ini kita dah bincang panjang pun. Saya pun masa pakar hari itu pun dah sebut fasal seolah-olah kita kembali kepada peraturan yang lama, semakin ringan.

Daripada segi *education* ini, saya rasa dah lama *education* ini berjalan tetapi kejayaannya amat tidak memberangsangkan. Maka sampai masa bagi kita menerangkan, bahawa yang kita *medical profesionals* ini memang tak nak menggalakkan orang merokok pun, apatah lagi *vape. Vape* sekarang ini pun dah timbul di tempat kita itu pun dah macam cendawan tumbuh selepas hujan.

Jadi saya tidak mahu cakap panjang fasal itu, cuma bila dengar penerangan daripada KKM tadi, saya rasa dengan kelonggaran-kelonggaran yang diberikan itu yang boleh kita beri tempoh, saya rasa tidak ada masalah untuk kita kekalkan fasal 18 dan 19.

Cuma masalah kita satu sahaja, nak lepaskan Parlimen itu ataupun tidaklah. *[Ketawa]* Saya ingat kita boleh buat *headcount* sahaja. Untuk sebelah kita, kita boleh buat *headcount* sama-sama kita pembangkang, Yang Berhormat Kuala Langat ada.

Puan Young Syefura binti Othman: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *Insya-Allah*. Saya ingat majoriti kita sokonglah.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Saya ingat semalam sahaja – *two days ago as* Wan Saiful – Dia sebutkan *it is just because of the business entity...*

Tuan Pengerusi: Dia terang-terang itu.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: *It is not because of* yang ini.

Tuan Pengerusi: Falsafah itu.

Puan Young Syefura binti Othman: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Pembangkang *insya-Allah.* Saya rasa bagi yang – yalah PAS punya tak ada masalah. Dia akan – Tak tahulah yang lain itu.

[Ketawa]

Kita boleh *convince*-lah kita punya geng dan mungkin BERSATU pun kita boleh. Mungkin dapat separuh BERSATU, *full* daripada PAS, *you* dapat separuh daripada sana, lepaslah. Nak *half,* separuh sahaja, bukan nak *two-thirds majority*. *Simple majority* sahaja. Kita kerja kuatlah sedikit. *So* kalau tidak, nampak macam orang main-mainlah hisap rokok, budak-budak main-main depan kita selepas sekolah. Tak salah hisap rokok. Nikotin pun dah dihalalkan, tidak racun lagi. *So* apa yang kita takut? Nanti depan saya pun dia *act* sahaja.

Tuan Pengerusi: Saya ingat senario itu yang paling saya takut itu. Itu *misrepresentation.* Itu *misrepresentation* kepada seluruh RUU ini. RUU ini tidak sama sekali menganjurkan budak-budak boleh merokok dah ini. RUU ini masih ada ketat dari sudut *enforcement*.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Betul, betul Tuan Pengerusi. Apa yang sekarang ini pun mereka dah begitu bermewah-mewah merokok di luar pagar sekolah, pakai uniform. Penanggapan dia, nikotin ini dikeluarkan daripada senarai, benda ini sudah tidak bahaya. Ia satu lagi persepsi pelajar-pelajar kita. Jangan pula kita tak ada undang-undang yang menghalang dia merokok, lagi bebaslah dia. Merdeka dia kata. *So* ini saya lagi bimbang.

Puan Young Syefura binti Othman: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Itu persepsi kita.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Di bawah undang-undang ini, memang 18 tahun ke bawah masih tidak boleh merokok. *[Disampuk]* Ya, tak boleh. Jadi itu bukan masalah. Jadi, masalah dia ialah GEG. Kita nak longgarkan GEG dahulu, bila dua tahun kemudian kita nak ketatkan, kita ketatkanlah.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: GEG ini maksudnya... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *You* tahan umur 18 tahun. *After that, after* 18 tahun, *you* benarkan dia balik. *No point.*

Tuan Pengerusi: Kita kena *argue* secara logikal ini. Orang yang tidak merokok dah 18 tahun, dia tidak akan...

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Tidak semestinya. *It is wrong.*

Tuan Pengerusi: *For all intent and purposes – No, no. This is – The possibility of* orang *pick up later in life* itu, memang ada. Akan tetapi *at least for the 18 years old,* kita telah laksanakan GEG ini. *So, it is the norm. This is why. It is the norming and the behavioral change* yang kita hendak. *It is not so much of* kita *force on them,* hukuman itu. Mereka akan merasakan bahawa *this is what* yang melindungi mereka, *the protection and prevention.*

Itu tak apa. *We agree to disagree. [Ketawa].* Silakan saya belum dengar lagi Yang Berhormat Tanjong Karang. Silakan Yang Berhormat Kuala Pilah. Saya tahu pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang ini, rasa-rasa saya. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi [Tanjong Karang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua daripada KKM.

Saya ada dua pandangan berbezalah dalam hati saya. *As a medical doctor, I fully support* apa yang kita bincangkan dari awal ini. Memang *support* habislah. *This is the best, what we are going to do for the public,* untuk masyarakat kita. *That is as a medical background*-lah.

Akan tetapi*, as ordinary people*, mungkin ada sedikit berbezalah sebab kita tahu merokok ini tidaklah seteruk hisap dadah atau tidaklah seteruk minum arak. *So it is people* punya *enjoy-enjoy* atau suka-suka *kan*. *Then* kalau kita tiba-tiba keluarkan satu undang-undang yang mungkin begitu ketat, *so* mungkin akan dapat tentanganlah seperti yang kawan-kawan cakap tadi.

Saya secara *personal*, kalau dalam Parlimen saya akan sokonglah. Itu yang saya banyak diam sahaja, tak boleh nak cakap *[Ketawa].* Terima kasih.

Puan Young Syefura binti Othman: Betul, betul. Ikut hati memang saya nak, kita kena fikir fasal realiti di luar.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Ketawa]

Tuan Pengerusi: Ia dalam *two minds* itu, ia ada dua. Dia sokong, tak sokong kita, tak berapa penting ini. Dalam Dewan itu yang menyokong atau tak menyokong, itu yang penting. *[Ketawa].* Silakan Yang Berhormat Kuala Pilah, sila. Kita nak dengar juga pandangan Yang Berhormat Kuala Pilah.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun begitu jugalah, *at the crossroad. [Ketawa]*

Daripada segi kita nak pandangan KKM tadi, saya bersetuju sebenarnya pandangan KKM itu tetapi realitinya untuk kita meluluskan rang undang-undang ini satu perkara yang berbezalah.

Akan tetapi saya lihat tadi undang-undang, seperti mana yang dicadangkan oleh Timbalan Ketua Pengarah tadi, saya rasa kita ada proviso. Proviso mungkin kita boleh adakan iaitu kita ada subjek untuk kita punya laporan berkala...

Tuan Pengerusi: Itu kita memang ada *clause* itu.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: *That is our proviso*.

Tuan Pengerusi: Ada *clause*-nya.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Mungkin kalau proviso tersebut mungkin boleh kita *highlight*-kan, mungkin *lawmakers* di luar sana akan dapat melihat bahawa benda ini adalah *subject to another* kita punya – *because* kita pun tak tahu lagi. *It is yet to be tested.* Betul atau tak? Malah di bawah Parlimen ataupun daripada segi *implementation part of the* akta ini nanti. Jadi mungkin kalau kita boleh bagi sedikit penggunaan proviso ini untuk kita jalankan dahulu fasal ini, dan mungkin kita boleh tengok. Sekarang ini mungkinlah kita – masing-masing ada dua pandangan yang berbeza. *Chairman* pun ada pandangan sendiri dan mungkin begitu juga kami.

Akan tetapi, itulah saya cakap tadi. Kalau saya lihat juga mungkin daripada segi pandangan saya sebagai peguamlah, saya lihat kalau tidak ada pula peruntukan ini, *toothless* lah. Saya pun bawa kes-kes jenayah ini, kita takut nanti orang *take us for a ride*-lah. Bukanlah kita nak *punish* orang ini, budak ini, tidak.

■1610

Akan tetapi, itu saya cakap tadi. Ia lebih kepada kita mendidik tetapi saya tidak tahu macam mana kita hendak garapkan supaya peruntukan ini ada *proviso*-nya yang mungkin kita boleh jadikan *proviso* ini sebagai satu perkara yang mungkin kita boleh minta rakan-rakan MP yang lain menyokong. Itu pandangan saya.

Tuan Pengerusi: Maksudnya...

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Maksud saya tadi kita berada di persimpangan ini dalam satu konteks kita hendak luluskan. Dalam satu konteks kita

hendak juga mungkin macam mana Tuan Pengerusi cakap tadi kita tidak mahu dilihat undang-undang ini seperti menghukum. Betul. Dalam Islam pun begitu juga. Kita hendak mendidik orang tetapi realitinya tidak ada pula peruntukan yang seumpama ini, saya yakin dan percaya orang akan ketawakan kita. Akan ketawa juga pembuat undang-undang.

Jadi, kita ada proses menerima dua hakikat. Hakikat yang berbeza ini. Kalau kita adakan peruntukan ini seperti mana yang ada pandangan tadi menyatakan mungkin peruntukan ini kita bukan hendak lihat daripada segi hukuman. *Yes.* Saya *agree* juga tetapi dalam masa yang sama kalau tidak ada *we take out this one, provision* ini, saya lihat ia untuk digunakan selepas ini *provision* ini terpulang kepada pihak staf MOH sama ada hendak *prosecute* dan sebagainya. Itu terpulang tetapi semangatnya itu adalah semangat untuk kita *educate* dan dalam pada masa yang sama kita sudah ada peruntukan ini supaya esok kita tidak ada *second thought* untuk kita pinda lagi benda yang kita telah garap begitu lama ini. Itu pandangan saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Pilah. Itu satu pandangan yang sangat *balanced*. Sangat berwajaran dengan perkara yang kita telah garap selama beberapa pusingan mesyuarat.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Saya lihat itu hari kita punya penasihat Dr. Kelvin *kept on saying, kept on reminding* tentang *proviso* tersebut.

Tuan Pengerusi: Ya. Saya kira itu ialah jalan keluarnya.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Banyak libat urus yang melibatkan kita punya *stakeholders*, pakar-pakar dia cakap bagi kita peluang. Kita ada laporan berkala. *So*, *that would be the catch word.*

Tuan Pengerusi: Itu dia. itu yang kita kata *clause* untuk kita *provide the review* setelah dua tahun pelaksanaan. Jadi, saya ingat dari sudut kami kalau boleh saya, walaupun kita berpandangan agak tidak *on the same page*, tidak sama tetapi pada akhirnya kita hendak RUU ini diluluskan dan disokong.

Kemungkinan kebarangkalian untuk disokong adalah apabila kita mengambil pendekatan pelaksanaan yang melihat kepada *first two years* ini kita laksana dalam pendekatan yang dicadangkan oleh KKM, *the educational enforcement* dan ketika kita lihat keperluan untuk kita ketatkan maka kita – ia kalau ketat ataupun pelaksanaan hendak diketatkan senang. Daripada ketat hendak dikurangkan, *it is a no-go*.

Jadi, oleh kerana itu kita mungkin kami PSSC berpandangan mungkin satu yang boleh kita persetujui sebagai satu jawatankuasa adalah menggunakan peruntukan *educational enforcement* itu segera kita laksanakan. *We cannot delay*

anymore. Kita mesti dapatkan sokongan. Kita boleh lobi kawan-kawan lain sama ada – kita tidak pasti *front bench* pun macam mana? Kita *backbench* dan kita ada *Opposition bench. Front bench* itu belum tahu lagi sepenuhnya. Mereka sokong tidak 100 peratus. Belum tahu sebagai ahli Kabinet. Kita tanya Yang Berhormat Menteri. Jadi, .

Dr. Zaliha binti Mustafa [Menteri Kesihatan]: Dah *passed through.*

Tuan Pengerusi: Jadi – Dah *passed through. They are all on one*. *So*, itu satu berita baik.

Jadi, oleh sebab itu saya ingat kalau boleh kita pada akhir ini membuat persetujuan bahawa kita mengambil *proviso* seperti mana yang diingatkan oleh Dr. Kelvin itu, at *least* we *implement* dulu *and then after two years kita review. So, that* kita boleh mengambil *educational enforcement* itu satu saya kira paling wajarlah untuk kita ambil pendekatan itu *because we want to win the support*.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Saya hendak tanya untuk kita ini kalau dapat laporan kita lebih pendek daripada dua tahun.

Tuan Pengerusi: Ya. Kalau boleh. Itu ialah sesuatu yang kita sentiasa *assess* dan nilai ya.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Lagi satu saya tengok Tuan Pengerusi, tadi dalam pembentangan Datuk Dr. Norhayati. Betulkan saya kalau saya tersilap Datuk? *Reduced* bukan? *Fine* itu *reduced* bukan? Kalau daripada segi – *reduced* bukan? *By half I think. That is good. That will give good probably indication to the* orang yang mendengar bahawa kita ini lebih ke arah itu. *Educational nature* bukan hendak kita *punish,* hendak kita *punitive*.

Dr. Zaliha binti Mustafa: *If I may* Tuan Pengerusi, *actually* kalau kita tengok *on the punishment* itu, *the fine* pada asal RM500 *and now we suggested to* RM250 *is actually the maximum*.

Setakat ini pun memang kita selalunya memang tidak *go beyond*. Banyak daripada kalau kita boleh tunjuk bukti yang kita keluarkan *summon about* RM50 *only. So, it is very minimal actually* dengan tujuan untuk memberi orang kata tadi itu, *education* kepada pelaku merokok ini dan ada yang lainnya.

Ini sebab kita juga tengok macam contohnya yang kami bimbang tadi yang Datuk Dr. Norhayati, *I just reiterate on what* Datuk Dr. Norhayati sebut tadi. Kalau misalnya kita jumpa anak-anak yang merokok ini tadi bukan, *what do we do?* Kita hendak pegang dia atas dasar apa? Kita hendak kata "Oh, *you* merokok maknanya *you* membeli?" Sebab kita kekalkan 13,14.

So, apabila kita kekalkan 13,14 maknanya pertuduhan boleh dilakukan dengan membeli tetapi macam mana kita hendak buktikan dia membeli? Dia

mungkin merokok bukan sebab dia membeli tetapi diberi oleh kawan-kawan contohnya ataupun mungkin kata kadang-kadang jumpa putung rokok yang boleh menyala lagi, merokok balik. *I mean that is extreme case*. Baik. *It can be that way*.

So, dekat mana kita hendak pegang sedangkan kita hendak kata dia kita nak apabila dia sudah didapati bersalah maka kita hendak hantar dia kepada *community service*. *But*, hendak hantar dia ke *community service* ini dekat mana kita hendak pegang? *That is our concern*.

Itu yang kita rasa kemungkinan yang paling kita nampak ambil jalan tengah ialah kita kurangkan atas tujuan untuk orang kata memberi pengajaran ialah dengan mengurangkan tadi. Maksudnya tidak bebankan kepada pihak mereka itu dengan jumlah yang kecil itu. *But I think I mean I am not a good scholar as well but I think* kalau kita tengok daripada macam mana kita mendidik anak-anak kita untuk solat, pun sama juga. *By seven years*, kita tidak buat apa-apa hukuman tetapi *after* dia sudah umur 10 tahun kita dibenarkan untuk memukul dia. *That is also education. Step by step*.

So, itu yang *I* nampak bahawa kita kena perlu melihat daripada pelbagai sudut. Kalau satu lagi yang kita tengok. *I don't know. This is my observation as well*. Ada juga mendengar pandangan-pandangan mereka yang duduk dalam *legal* ini. Pemikiran rakyat kita ini memang susah. Kalau tidak ada *punitive* ini dia susah hendak buat.

Contoh kita kata denda membuang sampah. Siapa yang membuang sampah RM500. Tepi bakul sampah itu dia buang *kan?*. Dia tidak rasa benda itu bersalah pun sebab tidak ada orang tetapi kalau dia hendak buang sampah, dia akan tengok kiri kanan, ada tidak penguat kuasa. Tidak ada penguat kuasa. *Lantak pi*. Itu pemikiran yang sebenarnya rakyat kita juga perlu kita *educate* mereka bukan.

I agree to Yang Berhormat Kuala Nerus yang maksudnya ini keadaannya yang kita lihat rakyat kita ini ataupun anak-anak kita ini susah kalau kita tidak ada hukuman. *To me, for example, myself* dengan kita mendidik anak-anak contohnya telefon kita katakan. *I* tidak bagi mereka telefon *until at the age of 17.* Sudah habis sekolah baru dia orang dapat telefon. Contoh macam itu *because* kita tahu kalau dia ada telefon masa umur dia tujuh tahun, lapan, 10 atau 13 tahun, kalau dia ada telefon, dia akan senang untuk dia tengok contohnya perkara-perkara yang tidak baik.

Akan tetapi kalau kita letakkan satu undang-undang kepada dia, *no telephone but not until you pass your exam at 18 years old then* maksudnya sekurang-kurangnya selepas dia umur 18 tahun.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] That is the proviso*.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Ya, *proviso*-lah.

Tuan Pengerusi: *That is the proviso we are talking about* Yang Berhormat.

Dr. Zaliha binti Mustafa: *So*, itulah maksudnya. Apa pun maksudnya bagi saya, *I agree*. Maknanya sekarang ini kita memang hendak kena lepaskan juga sebolehnya RUU ini dan dalam masa dua tahun ada masa untuk kita menilai kembali dan *re-assess, review* dan sebagainya.

But, I think masa perbahasan *we really have to* menggunakan perkataan-perkataan yang orang kata boleh, *the catchy words* untuk kita *buy in* lah sementara kita ada masa untuk kita jumpa mereka bukan? Menerangkan tujuan kita. Kenapa kita minta *MPs* ini untuk sokong kita pada akhirnya.

So, *we still have time in October. This is the thing* kalau ada keputusan macam ini saya pun hendak pergi US. Berdepan dengan rakan-rakan UNGA ini saya rasa senang hati sedikit *because they will actually come to me and* saya pun sudah di-*warned by WHO representative that they will come to me and ask about this matter. So, at least* kalau kita ada keputusan yang macam ini *then we are sure that insya-Allah* kita akan *pass through in October then at least* kita rasa selesa, *insya-Allah*.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Tuan Pengerusi...

■1620

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Tuan Pengerusi, izinkan saya hendak mencelah sedikitlah.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Sebenarnya *the moment* kita keluarkan *possession* (pemilikan) daripada kajian RUU ini itu sudah menunjukkan memang kita *lenient.* Saya sebagai *lawyer* seronok ini kalau kes-kes macam ini. Saya yakin nanti saya menang. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: *The approach has been different. The approach* itu...

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Ya, *because* kita *approach* itu...

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Saya rasa kita mesti ingat...

Dato' Adnan bin Abu Hassan: ... yang lain pun faham *kan*. *Possession. The moment* kita keluarkan *possession* daripada ini, maknanya memang itu sebenarnya *the true indication*. Memang kita bukan hendak menghukum orang sudah.

Tuan Pengerusi: Ya. Kita tidak pergi menjenayahkan.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Kalau tidak...

Tuan Pengerusi: *Exactly.*

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Ya. *Prosecution* kalau bawa kes ini pun saya rasa macam *loose. Very loose.*

Tuan Pengerusi: *It's not about very loose or not, it's about how you define the model. If you want the moral model, you're going to be straight.*

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Ya.

Tuan Pengerusi: *You* kena, *you* kena *punish like…[Ketawa]*

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Lagi satu saya hendak sentuh sedikit tentang peraturan ini dan mengekalkan hukuman Perintah Khidmat Masyarakat. *"dan"* ini boleh tidak hendak letak *"dan/atau"*? Tidak boleh?

Tuan Pengerusi: *"dan/atau"* ya?

Dato' Adnan bin Abu Hassan: *"dan/atau"* ataupun *"dan"* ini buang jadi *"atau"* boleh? Supaya mahkamah boleh—kalau benda ini pergi ke mahkamahlah. *Is it* boleh? *Is it possible?*

Cik Hamielia binti Hamizan [Penolong Kanan Penggubal Undang-undang Parlimen]: Dari segi undang-undang itu kita tidak boleh letak perkataan *"dan/atau"* itu *slash.*

Tuan Pengerusi: Tidak boleh ya?

Dato' Adnan bin Abu Hassan: "atau"?

Cik Hamielia binti Hamizan: *"atau"*...

Tuan Pengerusi: Itu hakim punya *judgement* ya?

Dato' Adnan bin Abu Hassan: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*...tidak boleh? Apabila *"dan"* ini maknanya denda dan – sama-sama kenalah dualah?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] "atau"* lah "*atau"*.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kalau *"atau"* diberi lagi pilihan kepada mahkamah untuk...

Tuan Pengerusi: Ada. Ya *kan?*

Dato' Adnan bin Abu Hassan: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Lagi-lagi – minta dengar sedikit.

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: Tuan Pengerusi, maksud *"dan"* itu ialah – sebab sebelum ini memang ada dalam fasal itu menyentuh mengenai Perintah Khidmat Masyarakat. *That's why* selain daripada kita kurangkan nilai denda, kita juga hendak kekalkan cadangan hukuman Perintah Khidmat Masyarakat.

Akan tetapi, dalam fasal nanti tulisannya berbeza. Itu yang itu nanti AGC akan...*[Pembesar suara dimatikan]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *"Atau"* sahaja ya? Tiada *"dan"*? Kalau kita gugurkan *'dan'* itu macam mana? Kenapa mesti *"dan"* atau *"atau"*? Ia *"atau"* sahaja. Macam takzirlah. *It is a judgement,* hakim yang menentukan. *The court*.

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: Tuan Pengerusi, sebenarnya untuk yang hukuman Perintah Khidmat Masyarakat ini, ia hasil libat urus yang lepas, Tuan Pengerusi.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Yang Arif – eh, "Yang Arif"...

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Tuan Pengerusi, dalam RUU memang *"atau"*.

Tuan Pengerusi: *"Atau" kan?*

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Okey, okey. *Alhamdulillah*.

Tuan Pengerusi: *Definitely going to be "atau".*

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Ya, okey, okey. Terima kasih, minta maaf.

Seorang Ahli: *Reduce the amount.*

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Dalam draf memang *"atau"*. Terima kasih, terima kasih. Saya tersilaplah. Oleh sebab ada...

Dr. Zaliha binti Mustafa: *That one is more appealing*-lah kan kalau kita letak *"atau", to me*-lah. Maksudnya, mereka yang kata tidak mahu punitif, itu *"atau"*. *So, it's the discretion of the* hakim untuk menentukan.

Tuan Pengerusi: Ya. Dia menentukan.

Seorang Ahli: Itu memang melambangkan sekali lagi bahawa kita ini...

Dr. Zaliha binti Mustafa: *Yes, exactly. Going towards.*

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: Tuan Pengerusi, boleh saya tambah sedikit tadi. Saya amat bersetuju apa yang Yang Berhormat Kuala Pilah maklumkan. Apabila kami telah keluarkan pemilikan ini, memang kita nampak sudah longgar. Oleh sebab itu, apabila kita gugurkan lagi fasal 18 dan 19 ini, saya nampak ia jadi lebih longgar. Itu yang kami bincang di peringkat ibu pejabat dan juga menurut pakar-pakar tertentu juga mengenai perkara ini.

Oleh sebab benda ini penting untuk kita kekalkan walaupun kita kata kita akan *start* mengikut seperti yang kita cadangkan tersebut. Tidak semestinya *immediately* kita buat *enforcement* dan sebagainya. *That's why* kita perlukan masa tertentu untuk *educate public* dan sebagainya. Satu lagi, apabila RUU ini

diluluskan, mengenai PPKHT 2004 seksyen 13, *finally* ia akan terbatal *because* ia akan *overwritten by this* RUU. *I thought AGC* mungkin akan...

Cik Hamielia binti Hamizan: Okey. Berhubung dengan PPKHT yang dibuat di bawah Akta Makanan 1983. Pada masa sekarang PPKHT ini masih berjalan. Okey. Kita juga meminda Akta Makanan 1983 dan kita ada *provide* satu *provision* kecualian di mana PPKHT akan terus hidup...

Tuan Pengerusi: Oh.

Cik Hamielia binti Hamizan: Ia akan terus hidup sehingga dipinda atau dibatalkan.

Tuan Pengerusi: Okey.

Cik Hamielia binti Hamizan: Jadi, dari segi undang-undang, apabila kita hendak batalkan PPKHT, ia perlu disambut oleh satu peraturan...

Tuan Pengerusi: Okey, yang munasabahlah ?

Cik Hamielia binti Hamizan: ...yang dibuat di bawah akta yang sekarang ini.

Tuan Pengerusi: Akta yang berbeza bukanlah...

Cik Hamielia binti Hamizan: Di bawah akta...

Tuan Pengerusi: Akta *tobacco*?

Cik Hamielia binti Hamizan: *Tobacco.*

Tuan Pengerusi: Ya betul.

Cik Hamielia binti Hamizan: *That's why* saya pernah berbincang dengan pegawai bahagian undang-undang KKM. Ia perlu disambutlah. Apabila kita batalkan PPKHT, ia disambut oleh...

Tuan Pengerusi: Tidak adalah *lacuna*?

Cik Hamielia binti Hamizan: Tidak ada *lacuna.*

Tuan Pengerusi: Ya betul.

Cik Hamielia binti Hamizan: Cuma isunya sekarang kalau kita *drop* fasal 18 dan 19, ia akan ada isu kita kena pinda PPKHT.

Tuan Pengerusi: Oh.

Cik Hamielia binti Hamizan: Kita perlu *provide* satu kuasa di bawah akta ini.

Tuan Pengerusi: Itu yang kita tanya hari itu?

Cik Hamielia binti Hamizan: Ya. Apabila kita – katakanlah kita *drop* fasal 18 dan 19, kita perlu melihat kembali PPKHT sebab di bawah PPKHT kita ada larangan merokok *minor...*

Tuan Pengerusi: Betul.

Cik Hamielia binti Hamizan: ...yang tidak capai umur 18 tahun dan juga *maybe* perlu masukkan satu *provision* perenggan 36(2)(e) daripada Akta Makanan 1983 ke dalam akta ini.

Tuan Pengerusi: Okey. Cuba tolong bacakan.

Cik Hamielia binti Hamizan: Sekejap ya.

Tuan Pengerusi: Oleh sebab perkara ini dibangkitkan oleh panel pakar kepada AGC dan kita membangkitkan berapa lama ya, Yang Berhormat Kuala Langat. Ada masa kita bangkitkan, *how long does it take for* kalau apa-apa pinda dikatakan dua atau tiga minggu ya. Cuba bacakan.

Cik Hamielia binti Hamizan: Sekejap. Saya buka yang BM *version*. Tiada.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Tuan Pengerusi, boleh saya sementara AGC semak itu, boleh saya tanya soalan?

Tuan Pengerusi: Sila, sila PUU.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Saya hendak meminta penjelasan daripada jawatankuasa berhubung syor jawatankuasa iaitu untuk menggugurkan fasal 18 dan 19 iaitu larangan merokok kepada individu yang lahir pada 1 Januari 2007. Maksudnya, sesiapa yang lahir 1 Januari 2007 boleh menghisaplah, tidak salahlah lagi? Betul?

Tuan Pengerusi: Persoalan salah atau tidak...

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Okey. Bukanlah maksud salah atau tidak salah. *Okay, I rephrase my question.*

Tuan Pengerusi: *[Ketawa] Rephrase, rephrase it.*

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Tiada larangan?

Tuan Pengerusi: Bukan tiada larangan tetapi tidak ada hukuman.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Tiada hukuman? Okey.

Tuan Pengerusi: Contoh, arak. Ia tidak dilarang untuk menjual tetapi..

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Menjual tidak boleh kepada bawah 21 tahun.

Tuan Pengerusi: ...ia adalah – arak jual tidak boleh tetapi tidak ada – larangan.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Okey. Itu saya faham.

Tuan Pengerusi: *Is it? [Ketawa]*

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Cuma soalan saya ialah adakah syor ini juga termasuk kepada mereka di bawah 18 tahun?

Seorang Ahli: Tidak.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Itu yang kita hendak tahu itu. Oleh sebab pemahaman kita, *first impression* apabila kita mendapat syor daripada

jawatankuasa, kita beranggapan pukul rata. Maknanya bawah 18 tahun semua sudah tiada satu larangan lagi. Itu. Jadi, kita hendak penjelasan daripada jawatankuasa. Adakah *position* jawatankuasa hanya kepada yang lahir 1 Januari ke atas sudah tiada larangan untuk menghisap rokok ataupun termasuk juga bawah 18 tahun?

Tuan Pengerusi: *You understood? Please. You want to comment first?*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Di bawah 18 tahun masih tidak boleh. Masih tidak boleh. Akan tetapi, *over 18 years old not subject to this.*

Tuan Pengerusi: *Not subject to GEG.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *Not subject to GEG?*

Tuan Pengerusi: Kita ada undang-undang yang lain bukan? Termasuk PPKHT itu.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *Our GEG only cannot sell to those...*

Tuan Pengerusi: *Below 2007 and later.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *Born after...*

Tuan Pengerusi: *Born after 2007.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *2007.*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Guna, tidak boleh. *18 years old and below cannot.*

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Masih pakai undang-undang lamalah?

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Itu penting untuk kami tahu itu. PPKHT itu masih berkuat kuasa atau tidak?

Cik Hamielia binti Hamizan: *So,* sekarang kalau *we drop* fasal 18 dan 19, *we have to* masukkan satu *provision* yang lebih kurang berbunyi beginilah...

Tuan Pengerusi: Tolong, cuba bacakan Cik Hamielia.

Cik Hamielia binti Hamizan: *"Tanpa menjejaskan kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan di bawah akta ini Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang mengadakan peruntukan bagi semua atau mana-mana yang berikut". I go straight to paragraph E. "Larangan terhadap penjualan hasil tembakau kepada atau memiliki, membeli, merokok atau mengunyah hasil tembakau oleh orang yang di bawah umur 18 tahun".*

Tuan Pengerusi: *Sure* kekal begitu? Ia *status quo*?

Cik Hamielia binti Hamizan: *This one for now because we* – kita dalam masa yang sama kita buat Akta Kawalan Produk Merokok dan kita juga pinda Akta Makanan 1983 untuk keluarkan berhubung dengan *"hasil tembakau".*

Tuan Pengerusi: Ia guna sekali gus ya?

Cik Hamielia binti Hamizan: *Yes,* dan masukkan dalam akta.

Tuan Pengerusi: Okey, okey.

Cik Hamielia binti Hamizan: *But for now, because* masih belum kuat kuasa, *that's why* PPKHT masih...

Tuan Pengerusi: Kekal?

Cik Hamielia binti Hamizan: Masih kekal. Akan tetapi, apabila akta ini *comes into operation…*

Tuan Pengerusi: *Right.*

Cik Hamielia binti Hamizan: ...*usually,* kita akan minta KKM untuk *come out with a new regulation to replace PPKHT, disambut oleh the new act.*

Tuan Pengerusi: Faham, faham. Faham. *So,* itu yang perlukan kepada pindaan yang kata tiga minggu, empat minggu tu ya. *For time* diperlukan ya.

Cik Hamielia binti Hamizan: Untuk ganti peraturan, *I think needs more than three weeks*-lah.

Tuan Pengerusi: Yakah?

Cik Hamielia binti Hamizan: *It depends on the* kuat kuasa akta nanti.

Tuan Pengerusi: *Alright.*

Cik Hamielia binti Hamizan: Ambil masa selalunya.

Tuan Pengerusi: Kita perlu *target* kita hendak—Yang Berhormat Menteri, bilakah hendak bentang ini?

Dr. Zaliha binti Mustafa: *This one, we will talk about timeline* nanti sekejap lagi.

Tuan Pengerusi: Okey, *timeline.*

Dr. Zaliha binti Mustafa: Cumanya saya hendak betulkan Akta Racun 1952 yang kita keluarkan itu *is actually nicotine gel. It's not about nicotine itself.*

■1630

Nikotin masih lagi racun.

Tuan Pengerusi: Banyak lagi *form* yang ada*. Nicotine gel* sahaja. *[Tidak jelas]*

Dr. Zaliha binti Mustafa: *Nicotine gel* sahaja yang kita keluarkan. Yang itu kena faham.

Seorang Ahli: Gel dan cecair sekali.

Tuan Pengerusi: Kalau gel atau cecair..

Dr. Zaliha binti Mustafa: *Yes.*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Akan tetapi, kami faham. *Insya-Allah. PSSC understand.*

Dr. Zaliha binti Mustafa: *[Tidak jelas] So,* Datuk Dr. Norhayati*,* kita minta *on the timeline.*

Dr. Noraryana binti Hassan [Timbalan Pengarah (Penyakit Tidak Berjangkit), Kementerian Kesihatan Malaysia]: Tuan Pengerusi, ini ialah garis masa yang akan kita cuba cadangkanlah untuk pembentangan RUU ini. Yang pertamanya adalah pada hari ini, iaitu pada 18 September, sekiranya kita tengok yang di sini, perbincangan yang kita sedang laksanakan dan diharapkan kita dapat muktamadkan selepas hari ini.

So, maksudnya selepas hari ini, apa jua keputusannya, kita harap kita dapat muktamadkan dalam minggu ini, dan kita dapat bentangkan selewat-lewatnya, cadangan pindaan itu, pada minggu hadapan iaitu antara 25 hingga 29 September. Itu cadangan sebab bila kita angkat, mungkin ada perubahan dan sebagainya.

Atau, *next,* kita harap kita boleh *finalise* dalam minggu kedua, ketiga dan keempat Oktober supaya kita boleh buat permohonan untuk buat Bacaan Kali Kedua pada 10 dan 11 Oktober, kerana permulaan Dewan Rakyat adalah pada 9 Oktober, Tuan Pengerusi. *So,* kita kena bentang penyata dan kita kena *settle*-kan Bacaan Kali Kedua pada 10 dan 11 Oktober.

Sekiranya kita boleh *go on into that,* kita agak selesa supaya kita boleh bawa kepada Dewan Negara. *Next,* dan sementara bulan November Dewan Negara itu, kita sudah boleh *prepare for* peraturan.

Cuma, pihak AGC, selewat-lewatnya kita kena *finalise,* paling lewat pada 4 Oktober, sementara penyata laporan JKPK ini kita sediakan juga, kerana kita kena bentang juga laporan JKPK, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dr. Noraryana binti Hassan: Pihak urus setia KKM dan Parlimen Malaysia akan – kami sudah mula buat laporan JKPK ini, dan kita kena bentangkan laporan untuk *endorsement.*

Tuan Pengerusi: *So,* dibentangkan bersekali ke, Dr. Noraryana?

Dr. Noraryana binti Hassan: Dengan pindaan yang bakal dibuat, atau pun pindaan atas apa-apa keputusan yang kita dapat hari ini.

Tuan Pengerusi: Okey. *So, target*-nya adalah pada 9 Oktober?

Dr. Noraryana binti Hassan: 9 Oktober, *yes,* Tuan Pengerusi. Ini adalah...

Tuan Pengerusi: *So,* munasabah untuk kita capai? *Insya-Allah.*

Dr. Zaliha binti Mustafa: Kita ada keputusan pada petang ini, *insya-Allah*, kita memang boleh capai. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Mungkin terpaksa sehingga selesai. Kena *be together into this. [Ketawa]*

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: Tuan Pengerusi, berdasarkan daripada perbincangan ini, saya rasa kita macam Tuan Pengerusi maklumkan tadi bahawa, kita kena buat keputusan pada hari ini.

Saya rasa, daripada hasil perbincangan ini, saya nampak banyak ke arah cadangan KKM, Tuan Pengerusi. Saya harap sangat sokongan daripada semua MP, sebab benda ini bukan untuk KKM, bukan untuk sesiapa tetapi untuk masa depan anak-anak kita, remaja, cucu-cicit semua.

Tuan Pengerusi: Ini bukan RUU PSSC atau JKPK, ya. Ini RUU MOH. Kami terlibat hanya kerana bila Tuan Yang di-Pertua tanya Yang Berhormat Menteri, bila Bacaan Kali Kedua dibuat. Kata Yang Berhormat Menteri adalah, hanya setelah JKPK membuat penelitian. Itu sahaja peranan kami di sini. *We have not taken over.*

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: Itu sebab, Tuan Pengerusi dan semua *MPs* banyak pengaruh. *That's why,* kita perlu *support* daripada semua untuk membantu...

Tuan Pengerusi: Penting untuk ahli jawatankuasa Ahli-ahli Yang Berhormat memberi satu lobi yang kuat kepada kawan-kawan semua. *So,* macam mana kita rumuskan? Bagaimana, Datuk Dr. Norhayati? *Can we just – okay. Timeline* ini okey, ya? Datuk Dr. Norhayati?

Dr. Noraryana binti Hassan: Encik Mohamad Faizal, mohon letakkan slaid cadangan itu. Kita ada yang – *yes.* Yang kedua.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]...*gugurkan?

Tuan Pengerusi: *I think,* mereka mahu membuat *educational enforcement* bukan? *It should be.* Sebab itu, kita hendak dengar.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *Continue,* kekal?

Seorang Ahli: *18, 19* kekal.

Tuan Pengerusi: Itu kekal, *but then,* kita buat *educational enforcement.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *The compound is still there?*

Tuan Pengerusi: *The compound, they have reduced the compound, but still...*

Dr. Noraryana binti Hassan: Bukan 18, 19. *Sorry, sorry.* Tolong bukakan yang tadi, yang cadangan 18, 19. Yang slaid tadi, sebelum ini. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Cadangan maklum balas.

Tuan Pengerusi: *So,* dia akan kekal *18, 19? That one no-go. So, what we do is cut 18, 19. Do educational enforcement. If you find it, then you can change because if you go strict...*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *Because the law, it doesn't say the... [Tidak jelas]*

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: Ia di pembentangan pertama tadi, slaid pertama tadi.

Tuan Pengerusi: "Atau" – Ia ada "atau", *kan?*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *"Atau" what?*

Tuan Pengerusi: "Atau" khidmat komuniti. Sama. *Still,* lebih kurang sama, *kan? But, at least, I believe that,* kita boleh buat. *You...*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *It will be very hard to go through...*

Dr. Noraryana binti Hassan: Encik Mohamad Faizal, slaid yang Datuk *present* tadi. Ya, betul yang itu. Yang ini, *alright.*

Tuan Pengerusi: Bukan *I* tak nak sokong, tetapi *I* khuatir kita akan...

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Kalau tidak berjaya...

Tuan Pengerusi: Saya perhati juga. Okey. Kalau boleh, sebelum – bolehkah itu, Dr. Noraryana? Sila. *Alright.* Cuba kita tengok ini, ya. *So, we are about to finalise, now.* Apa yang kita akan sepakati dan mudah-mudahan, peluang untuk menang itu adalah lebih cerah, lebih besar? *[Ketawa]* Okey. *So...*

Cik Hamielia binti Hamizan: Okey. Berhubung dengan cadangan KKM untuk mengurangkan lagi, daripada RM500 kepada RM250 ini, sebab kalau yang sedia ada ini pun, *actually* kita sudah letak, *"didenda tidak melebihi RM500".* Jadi... *[Ketawa]*

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: Sebab hendak nampak naratif yang positif ini. *At least,* kita panggil...*[Ketawa]*

Cik Hamielia binti Hamizan: Cuma, dia jadi – sebab di bawah PPKHT sekarang, kita RM1000. Itu jelas isunya. Bila dia akan ada perubahan...

Tuan Pengerusi: Daripada perspektif kami ini, *it's not the amount.* Kita tidak mempertikaikan soalan jumlah atau *quantum*-nya. Kita mempertikaikan soalan hukuman itu sendiri. Itu yang lebih kami khuatirkan sebab, kita hendak *support* ini. Akan tetapi, kita khuatir kalah ini. Yang Berhormat Sibu, *what do you want to say to this?*

Cik Hamielia binti Hamizan: Pendakwaan tidak ada.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Tuan Pengerusi, kalau boleh saya hendak berkongsi sebab saya memang terlibat daripada jawatankuasa dulu dan jawatankuasa ini, dan kita sudah libat urus dengan Ahli Parlimen *backbenchers* pun sudah dua, tiga kali. Di Parlimen, di luar Parlimen. Di hotel, di luar hotel.

Apa yang saya dapat lihat, sebenarnya, kebanyakan MP tidak ada masalah untuk kita kekalkan hukuman ini. Cuma, mereka minta dikurangkan. Itu sebab kita kurangkan hari itu, kepada RM500 sebab mereka kata RM1000. Akan tetapi, *to our surprise, last* kita punya *engagement* di MITI, ada *group* suruh naik balik.

Dia kata ini rendah sangat ini. Tak takut. Akan tetapi, *the moral of the story,* mereka tidak mempertikaikan hukuman. Mereka faham, kita perlu *deterrence*. Malah, saya nampak, banyak-banyak akta di Parlimen pun, saya rasa akta kita ini adalah *the lowest degree of deterrence.*

[Ketawa]

The lowest degree of deterrence. Maknanya, ini lebih kepada sebenarnya hendak memomok-momokkan daripada menghukum, sebab untuk *at least,* setidaknya, budak-budak segan dan takut untuk hisap rokok di khalayak ramai. Lebih kepada itu sebenarnya.

Jadi, isu denda hukuman ini, sebenarnya memang mereka minta dikurangkan. Jadi, kalau hari ini, kita sudah *compromise,* dengan ada *counterclaim* kepada RM250, cuma saya hendak maklumkan dari segi praktikalnya, sebenarnya kesalahan ini semua boleh kompaun. Memang penguat kuasa kita pun ada hari ini, boleh sahkan.

Semua kita kompaun. Kadang-kadang RM50, kadang-kadang RM40. Cuma, yang tidak bayar ini sebab kadang-kadang, mereka rasakan, mahkamah lebih *lenient.* Ada orang, kebanyakan masyarakat merasakan mahkamah itu lebih *lenient. So,* mereka sanggup saja-saja tak nak bayar kompaun. Tunggu notis untuk ke mahkamah.

Jadi, bila kita letak sekarang RM250 menjadi maksimum, jadi maknanya, tangan Majistret memang sudah terikat. Tidak boleh jatuh denda RM250 ke bawah.

■1640

Akhirnya, mahkamah dengan kompaun itu sudah hampir sama. Jadi, memang tidak ada maknanya mahkamah tidak boleh *maneuver*. Tidak boleh *maneuver* macam saya pernah bagi contoh sebelum ini, saya sendiri, budak itu hisap rokok dekat PETRONAS. Semua orang tahu hisap rokok dekat stesen minyak sangat bahaya. Memang boleh meletup, satu bandar boleh meletup. Jadi, saya masa itu memang majistret, 15 tahun dahulu. Saya bagi maksimum.

Maksimum pada masa itu baru dalam RM200, sudah tidak buat lagi. Kalau tidak, ada dua kali berturut-turut dia hisap rokok di PETRONAS dengan SHELL contohnya.

Jadi, dari segi praktikal ialah kita perlu juga melihat. Jadi, saya beranggapan Tuan Pengerusi sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Datuk Dr. Norhayati tadi, kita memohonlah budi baik jawatankuasa kalau boleh dapat mengekalkan fasal 18 dan 19. Setidak-tidaknya kita punya *counterclaim* ini, *counterclaim* kita diberi pertimbangan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih PUU, terima kasih.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Ya, hukuman untuk bawah 18 tahun tidak ada masalah, RM500 pun boleh. Akan tetapi, kalau fasal 18 dan 19 ini untuk orang yang lebih daripada 18 tahun. *They can be 30 years old, 40 years old.* Faham? *Even 50 years old afterwards.*

Tuan Pengerusi: *Because that is the cohort kan?*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *Ya, this is GEG.* Umur 18 tahun *and below,* hukuman tidak ada masalah. Memang tidak boleh merokok, tetapi *this is GEG,* fasal 18 dan 19. *This subject to those who are above 18 years old. They are not* budak *anymore, they are adults.*

Tuan Pengerusi: *After the implementation you mean?*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *Yes, after the implementation. They are adults already.*

Tuan Pengerusi: *After the implementation— they are already becoming adults.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *They are not* budak.

Tuan Pengerusi: Itu yang kita kena faham dari awal lagi saya sudah ingatkan. Satu, sukarnya kita untuk melaksanakan ini. PUU...

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Kita cadangkan gugur fasal 18 dan 19, dengan *implement* hanya penjualan tidak boleh kepada *those above 18 years old, born after 2007. That doesn't mean we allow 18 years old and below to smoke. There must still be subject to any other regulations we are going to put in later.*

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Ini dia perkara yang saya anggap orang banyak tidak perasan ini.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Ya.

Tuan Pengerusi: *Because GEG is not just* masa dia 18 tahun. *Cohort* generasi itu akan...

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Maksud tujuan GEG kita pun, supaya budak-budak yang lahir tahun 2007 ini tidak akan merokok sampai mati.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Ya.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *So*, kalau tadi *you* benar balik 18 tahun hisap rokok, *no point*-lah.

Tuan Pengerusi: Itulah *point*-nya.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Poin kita yang lahir *after 2007* ini, sampai mati pun tidak hisap rokok. Itu *target* GEG, *end game. So,* kalau *after 18*, dia boleh hisap balik. *So*, saya rasa *no point*-lah GEG *you* buat. Tidak ada apa. Bukan semua orang hisap rokok *start* remaja. Ada yang hisap rokok umur 20 tahun, 30 tahun, 40 tahun pun ada.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *Because we want to start the GEG...*

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *GEG means after that, this generation no more smoker*. Itu sahaja. Kalau 18 tahun *you* benar balik, *so,* tidak ada makna bagi saya. Macam undang-undang sekaranglah.

Tuan Pengerusi: Itulah perkara yang menjadi asas yang semua— pembentangan suatu masa saya tekankan itu supaya semua sedar. Keputusan yang kita buat ini secara sedar. Saya yakin belum berapa tangkap poin itu. *That is still a cohort, the rest of their lives.* Itu yang menunjukkan munasabah atau tidak munasabah, di situlah poinnya ya. *Below 18* itu, kita boleh faham. *So*, sebab apa, yalah industri *tobacco* ini memang *they have invented the cigarette, now e-cigarette you know. For pleasure and for indulgence. Suddenly, health concern is serious thing.*

Jadi, oleh sebab itu PUU saya sebenarnya cenderung untuk menyokong PUU kalaulah betul-betul *sampling* yang dibuat itu boleh mewakili Ahli-ahli Parlimen. Kalau terbukti ia akan ditolak, *there is no two ways of going back,* tahu? *Once you push it and you fail*— itu yang suatu masa dahulu mantan Menteri, Khairy Jamaluddin terpaksa *take a step back because* dia tahu *the opposition was strong.* Ini yang saya khuatir sebab saya pada awal katakan, apabila saya mempengerusikan *the PSSC* ini, *I don't want to fail, and failure is not an option. We must pull through.*

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Okey Tuan Pengerusi. Jadi, boleh atau tidak saya rumuskan di sini maknanya pendekatan jawatankuasa ialah GEG hanya untuk jual beli? Tidaklah, maksud saya itu kerana kalau kita kata sekarang atas 21 lahir, tiada larangan merokok, memang itu kita punya tiada larangan merokok pun selama ini.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Cuma di tempat kawasan larangan sahaja.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Cara yang lebih lembut.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Akan tetapi yang saya nampak kita memang *control* jual beli. Jual beli, betul. Akan tetapi kalau tidak ada larangan lagi lahir selepas 1 Januari 2007, bagi saya *position* lebih kurang macam *old laws.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *After two years will review back. Whether want to enforce it strictly.*

Tuan Pengerusi: Ya, itu yang kita macam rumuskan tadi bersama bukan? *I thought that was about the consensus.* Apabila KKM mencadangkan...

Dr. Zaliha binti Mustafa: *No. Actually, the spirit...*

Tuan Pengerusi:*...the educational enforcement* tadi.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Maaf Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: *Ya, sorry.*

Dr. Zaliha binti Mustafa: *Sorry. I mean the spirit of GEG* itu macam Yang Berhormat Kuala Nerus sebut tadi, *end game generation. So, is the generation* itu yang kita tidak hendak merokok. *I don't think we can at least go to 100 percent* pun. *Again, in view of the enforcement.* Kita pun tidak mampu *enforcement* itu, bukan? Akan tetapi, *at least* ada *from that cohort* yang boleh menjadi *the sample of the GEG* ini tadi. Sebab kalau tidak, memang tidak adalah. *It just goes back to the previous* punya rang undang-undang, tidak perlu pinda apa-apa *which is true.*

Tuan Pengerusi: Itu— *it is not on*— ini sudah cantik ini. Kita sudah cuba. *Do not put it like black and white,* begitu. Kita hendak *try to find...*

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Dalam PPKHT.

Dr. Zaliha binti Mustafa: *Because our target— another thing is our target* untuk kurangkan *prevalence* merokok ini *by 20*— berapa tadi doktor?

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: *By 2040, less than five percent.*

Dr. Zaliha binti Mustafa: *By 2040, less than five percent.*

Tuan Pengerusi: *Five percent ya?*

Dr. Zaliha binti Mustafa: *So*, kalau misalnya— sebab *that is according to FCTC* punya...

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: WHO, WHO.

Dr. Zaliha binti Mustafa: WHO FCTC punya unjuranlah.

Tuan Pengerusi: *Framework*.

Dr. Zaliha binti Mustafa: *So*, kalau misalnya kita tidak ada yang ini, memang *I think it is...*

Tuan Pengerusi: *Out*-lah.

Dr. Zaliha binti Mustafa: *...it is difficult for us to achieve that.* Memang...

Tuan Pengerusi: Betul, hampir mustahil.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Hampir mustahil.

Dr. Noraryana binti Hassan: Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Tuan Pengerusi, saya ingat kita punya kompaun ini pun sudah terlalu rendah. Maknanya kalau dia sudah dewasa lebih daripada 18 tahun, *they are still smoking,* kita punya kompaun ini terlalu rendah sudah.

Tuan Pengerusi: *For that group?*

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: *Ya, for that group.*

Tuan Pengerusi: *Already going*— ataupun dia *get into the adult* punya *punishment*?

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Tidak ada. *They are already in the cohort.*

Tuan Pengerusi: *The cohort. There is the cohort.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Itu sudah hukuman yang siling. Itu *[Tidak jelas]* hukuman siling. Jadi, mahkamah boleh— atau kompaun *any amount of that.*

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Yalah, *that means* sudah terlalu rendah ataupun khidmat masyarakat yang dibuat.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *Not really the point. The point is,* adakah kita hendak dasar itu?

Tuan Pengerusi: Itu yang poin ini. *This is the point.* Sebenarnya itulah perkara yang kita membincangkan. *This is not so much of quantum* dan*...*

Dr. Noraryana binti Hassan: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kalau kita pergi kepada *supply side,* kita *take on the supply side, hefty punishment on the supply side* dari sudut *whole-of-government, whole-of-society approach,* kita akan dapat. Budak-budak ini *after a while,* ia bukan persoalannya hendak— apabila dia bebas dia akan *be smoking around* macam kita bebas. *It's not like that. You got to see the whole scenario change. Then we are winning them, we are winning them on our side. This is what the overarching philosophy* yang saya ingat kita selalu lupa sebab kita sudah terbiasa dengan punitif ini. Jadi, hendak pergi kepada *one that is— to look at it from promotive, preventive, protective* itu, kita tidak boleh berfikir cara itu. Jadi, susah juga itu.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Sebenarnya kalau kita tengok juga daripada kes-kes yang tadi Datuk Dr. Norhayati sebut itu, apabila kita kenakan *enforcement* yang merokok ini dan dalam— *sorry*, kita punya *wellness center* kita buat *quit* merokok itu, pemantauan *is up to six months* sahaja, bukan? *So, I think* kalau misalnya— *my thinking*-lah kalau misalnya kita *pass through this bill* dulu tetapi— maksudnya *the reverse* itu yang tadi itu. Oleh sebab *you* kata *two years* kita buat longgar, *then after two years* kita *revise* balik dan kita ketatkan. *But I'm looking on the other way round.* Maksudnya sedikit ketat, tetapi *after two years* kalau kita nampak *the cohort* itu tidak ini, *then* kita *go back to the— we revise back*.

Tuan Pengerusi: Kita tidak boleh buat macam itu. *It is not logical to do that. [Ketawa]*

Dr. Zaliha binti Mustafa: Kalau tidak— *I mean...*

Tuan Pengerusi: *We can always step up but not step down.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kita ada *step down, we are totally the greatest...*

Dr. Zaliha binti Mustafa: Boleh sahaja *step down.*

Tuan Pengerusi: *We will make a mockery of our whole legislation.*

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: Tuan Pengerusi, mungkin *allow* kita— ada sedikit satu jadual.

Tuan Pengerusi: Sila.

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: Kita minta Dr. Noraryana.

■1650

Dr. Noraryana binti Hassan: Terima kasih. Tuan Pengerusi, ini adalah jadual yang kami telah *brainstorm* kalau sekiranya katalah kita ada tiga perkara di sini iaitu: larangan membeli oleh generasi penamat iaitu fasal 13 dan 14; larangan menjual kepada generasi penamat, fasal 13 dan 14; dan larangan merokok, itu adalah fasal 18 dan 19.

Tuan Pengerusi: *All right.*

Dr. Noraryana binti Hassan: Jadi, apa yang kita bincangkan tadi sekiranya ia digugurkan, maksudnya di sini, kalau sebelum umur 18 tahun – ini GEG sebelum dia umur 18 tahun, dia memang larangannya seumur hidup. Maksudnya lindungan kepada mereka adalah seumur hidup iaitu mereka tidak boleh membeli. Selepas 18 tahun pun mereka tidak boleh membeli.

Tuan Pengerusi: *All right.*

Dr. Noraryana binti Hassan: Juga menjual kepada GEG. Walau bagaimanapun, apa yang saya difahamkan oleh Yang Berhormat Sibu tadi, 18 tahun masih nak dikekalkan. Jadi ia adalah sesuatu benda yang kalau kita lihat di

sini, sebelum 18 tahun, dia tak boleh merokok tetapi selepas 18 tahun pun dia tak boleh beli tetapi dia boleh merokok. Jadi itu yang antara...

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Saya tidak cakap dia boleh merokok. Tidak ada undang-undang yang melarang dia merokok.

Tuan Pengerusi: Ya, ya, betul. Begitulah. Dia tak...

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Eventually, the whole Malaysia they cannot buy any* rokok...

Tuan Pengerusi: Ya, kita nak *smoke-free. [Ketawa]*

Dr. Zaliha binti Mustafa: *Which is good, isn't it? [Ketawa]*

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, saya rasa saya rujuk balik kepada sasaran WHO untuk negara ahli FCTC supaya mencapai eliminasi *by 2040 less than five per cent.* Jadi apabila kita buat *projection* pengurangan jumlah perokok yang merokok ini, sama ada daripada segi konvensional ataupun *vape* atau rokok elektronik, didapati pengurangan itu rendah. Akan tetapi rokok elektronik meningkat.

So kalau kita betul nak ke arah eliminasi itu, *by 2040* kita dah ada perancangan dari sekarang ini. Oleh sebab itu, ini yang kita harapkan dengan RUU ini dapat memberi *guidance* lah kepada kita dan juga rakyat Malaysia supaya dapat kita capai sebab *finally* dia ialah kesihatan awamlah. Itu *the main objective* dia.

I think ini – saya tahu semua Yang Berhormat sekalian ...

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Saya faham.

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: Sama dia punya hasrat tetapi kita juga kena ada perancangan yang mana nak capai *that* tahap, *that level.* Itu yang penting sekarang ini.

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Saya faham. Memang ada KPI yang nak dicapai oleh Kementerian Kesihatan.

Akan tetapi untuk *we are politicians, we are considering the current situation you want to push it, you want it to be passed in Parliament, that will be very difficult. Even on the ground, people might not accept this concept of GEG at the moment. So, we can start with a soft approach first to let people to get used...*

Tuan Pengerusi: *Soft landing.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *Soft landing, to get used to this GEG idea. Then two years later, we review back. If we want to make it strict, then we amend it.*

Tuan Pengerusi: *Proviso* mengekalkan di bawah 18 tahun, *under* kuasa Menteri. Munasabah? Bawah kuasa Menteri?

Dr. Zaliha binti Mustafa: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Kalau gugur fasal 18 dan 19...

Dr. Zaliha binti Mustafa: Akan tetapi *I remember* ya masa *as I said earlier,* maksudnya *as our team said just now,* kalau kita nak *take out* fasal 18 dan 19 ini, *we will go into another process, it will be longer. So lacuna* pun akan jadi lebih lama. *We won't able to table it in this coming session.*

Tuan Pengerusi: Itu yang kita kena pastikan. Boleh atau tak kita tentukan sama ada – *because* pakar kita ini, *our panel of experts* pun dah memang *refer to AGC and that is possible.* Itu yang saya tanya juga dulu.

Dr. Zaliha binti Mustafa: *I am not quite sure* kalau *go back to the Cabinet, whether they will accept, there will be another* arahan *then... [Ketawa]*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *I think the* fasal 18 *and* 19 *only subject to smoking, right? The selling part is in...*

Dr. Zaliha binti Mustafa: *Is considered* dasar, Yang Berhormat.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Ya.

Dr. Zaliha binti Mustafa: *Is considered* dasar.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Ya, *I know.*

Dr. Zaliha binti Mustafa: *So,* kalau *considered* dasar, *it is the very big thing*.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *So, the GEG's still there, but the GEG – the GEG will be a different GEG now.*

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Maksudnya, *we don't really prohibit them to smoke in the future. They cannot buy only.*

Tuan Pengerusi: *Then, we hold things...*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *No law to stop them to smoke.*

Tuan Pengerusi: Dia tak dilarang untuk – *You are trying* – dilarang tetapi tak dilarang.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Tidak dilarang, tidak dilarang.

Tuan Pengerusi: Bukan, beza itu. *[Ketawa] Better frame it carefully.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tidak dilarang. *So, GEG is still there, we need to put in 18 years old and below cannot smoke. That part. We need to put in then we* gugurkan *the* fasal 18 dan 19.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] 18 and below* tidak boleh *smoke*, *now cannot smoke.* Larangan merokok...

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *But the* akta *is a standalone.*

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Larangan itu pun sudah ada sekarang di bawah Akta Makanan. Tidak boleh merokok, tidak boleh beli, tidak boleh jual, bukan?

Tuan Pengerusi: Persoalannya, apakah dilaksanakan? *[Ketawa]*

Puan Young Syefura binti Othman: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Banyak lagi yang kita – betul, *exactly.* Jangan pandang ini sahaja ini. Kita...

Puan Young Syefura binti Othman: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kita jangan pandang satu *part* sahaja.

Tuan Pengerusi: *Whole-of-society approach* ini. Betul. *The whole ecosystem.*

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] So,* tujuan kita GEG ini supaya generasi 2007 ini tidak lagi merokok. Dia punya undang-undang kena guna sampai dia mati.

Tuan Pengerusi: Sampai dia mati. *[Ketawa]* Itulah persoalannya. Boleh kita buat undang-undang. Munasabah tak untuk dilaksanakan? Itu satu hal lain. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Itu *this is the reason why.* Kita nak sesuatu yang betul-betul akhirnya, *protection* dan *preventive* itu kita...

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sekarang ini persoalannya GEG ini tidak hendak dibuat.

Tuan Pengerusi: Lain itu, tak...

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Tidak jelas]...* Maknanya, tidak ada poinlah GEG itu.

Tuan Pengerusi: Saya ingat tak macam itu. Tak macam itu. Dia tak macam itu juga itu.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Macam mana lagi kalau tidak macam itu? *You* hendak tarik balik, apabila berumur 18 tahun ke atas, dia boleh hisap rokok balik. Tidak ada apalah.

Tuan Pengerusi: Dia bukan boleh sahaja. Kita ada – dia tidak hukum daripada segi hukuman itu sahaja.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Yalah, maknanya dia...

Tuan Pengerusi: Sebab itu kita perlu...

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Tidak jelas] ...*tidak boleh beli.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Akan tetapi dia boleh hisap. Apa maksudnya?

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Dia boleh beli dan boleh hisap.

Tuan Pengerusi: Saya ingat tak betul itu. Sebab kita *all along* kita kata, kita akan *incorporate*-kan aspek bila sejurus dia menghisap, kita tak biarkan dia menghisap.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tidak ada undang-undang menghalang dia menghisap.

Tuan Pengerusi: Tidak, tidak. Itu *point* nya itu, bila fasal 13 dan 14 itu...*[Disampuk]* Tidak, *it is not at all.* Sebab kita pada awal kita dah kata, *cessation programme*. Kita kena pandang semua. Kita pandang semua, jangan pandang nak hukum sahaja.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]...*pandang semua itu.

Tuan Pengerusi: *Cessation* kita. Contoh bagi satu senario ya. *One scenario.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Tak apa. Itu *implementation,* satu.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Boleh sahaja. Larangan yang boleh...*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Orang luar setuju atau tidak.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Di bawah undang-undang semua setuju, orang mencuri pun boleh kena tangkap, kenalah setuju.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]* Tak, persoalannya Yang Berhormat Kuala Nerus, kita tidak akan membebaskan dia begitu. *Immediately* kita *apprehend* dia *smoking,* kita akan dekati dia. *That is why* kita kata *correction.*

Dr. Zaliha binti Mustafa: *So, how are we going to apprehend if there is no law to apprehend them?*

Tuan Pengerusi: *No, this is the point because* kita telah masukkan dan kita perlu mengadakan satu langkah untuk kita dapat dekati mereka sebab mereka akan – *first,* fasal 13 dan 14, *will allow us* – dengar ya. Fasal 13 dan 14 mengizinkan kita untuk mendekati dia. Itu sudah penalti ya.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Akan tetapi maksudnya, kalau fasal 13 dan 14 *this is what I understand from the law* punya dengan *I* lah, maknanya fasal 13 dan 14 *is* membeli. Maksudnya, bila kita *apprehend* dia atas dasar kita menganggap dia membeli. *Law doesn't work that way, isn't it? I don't know.*

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *Correct, correct*.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Bolehkah? Maksudnya kita tangkap dia atas alasan kita menganggap dia membeli *then* kita gunakan fasal 13 dan 14. Bolehkah begitu?

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Nak buktikan macam mana ini?

Dr. Zaliha binti Mustafa: Itulah *I* tanya *the law people because I am not of law background. So...*

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: Itulah susah Yang Berhormat nak buktikan. Lagi susah.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Kalau tak silap hari itu memang kita bincang, kalau dia beli, dia kena tangkap di kedai itu, dia kena kompaun juga. Pembeli itu akan kena kompaun juga.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Dia tak beli, dia hisap sahaja.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Beli tak ada masalah Yang Berhormat. Hisap ini. Sekarang ini dia menghisap. *I* jumpa katalah *your boy* tengah menghisap. *I* nak *apprehend* dia itu *on what basis? On what basis I* nak *apprehend?*

Kalau *I* tangkap dia atas alasan membeli, maksudnya kita tak nampak dia membeli, tetapi kita nampak dia menghisap. *So* adakah kita menganggap dia membeli? *Because the* fasal 13 *and* 14 kita masih kekalkan.

Tuan Pengerusi: *I could understand that* Menteri *because you presume guilty.*

Dr. Zaliha binti Mustafa: *Yes, you presume guilty.*

Tuan Pengerusi: *There you presume guilt.* Itu satu masalah juga itu. Kalau dia menghisap, kita *presume* dia membeli ya. Itu satu hal.

■1700

Akan tetapi, saya masih lagi merasakan kita hendak cari satu buah jalan penyelesaian yang mana kuasa Menteri itu supaya *immediately we apprehend a person, adolescent,* kita kena *put him into our cessation*. Kita kena carilah jalan itu. Jangan sampai...

Dr. Zaliha binti Mustafa: Oleh sebab itu *I* tanya tadi *what do we... How? How?*

Tuan Pengerusi: Jangan sampai – untuk sampai situ kita *penalize and criminalize* dia *. That was what* kita *been wanting to do all along*. Ini *spirit* yang kita hendak capai. Jadi, kalau kita balik mudahnya kita hukum dia.

Persoalannya, *the reason why* kita tekankan tentang *protectice, preventive* sebab kita hendak untuk menyelamatkan dia dan kalau dia *addict, we must treat him*. Jadi, *hear the person* itu. Jadi, itulah dia perkara yang *administratively* atau di bawah kuasa Menteri . Kita kena cari. Jangan ambil mudah untuk menyelesaikan ini dengan hanya menghukum *because* hukum situ ia tidak selesai di situ sahaja terutama ketika kita tahu pelaksanaan itu adalah suatu yang sangat sukar dan *for - ages – bukan* sahaja dia, *parents* dia dan segalanya. *So*, *that was what* kita *argue* daripada awal lagi.

So, kita mesti cari jalan. Saya minta supaya kuasa Menteri gunakan *administratively. Immediately* apabila dia *apprehend they will get into our cessation programme. That's it. Period.* Bukan untuk kita *penalize*, bawa dia ke mahkamah lepas itu kalau tidak bayar masuk penjara. Jangan tolak senario-senario itu semua. *So*, jangan ambil mudah untuk kita buat itu. Kita betul, kita pembuat undang-undang tetapi kita *fail to take this opportunity* untuk melakukan sesuatu yang pendekatan yang baharu. Saya ingat kuasa Menteri ada untuk kita selamatkan mereka, masukkan mereka dalam program *cessation*. Itu yang menjadi penting. Bagaimanakah PUU untuk kita lakukan itu? Itu satu tanda tanya daripada saya.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri tadi untuk membuktikan kes membeli ini memang sangat-sangat sukar kecuali kita *caught red-handed*. Isu ia pula kita punya penguat kuasa tidak akan hendak duduk 24 jam dekat kedai itu. Itu isunya. Maksud saya sebab elemen membeli itu perlu dibuktikan di mahkamah. Ada berlaku *transaction* jual beli. *Presumptions* yang macam Yang Berhormat sebut tadi boleh kecuali kena *expressly mentioned in the act. Presumptions* macam Akta Dadah Berbahaya 1952. Kita ada *presumptions* kita. *That is not easy* sebab lebih-lebih lagi *now we have two sets of situation*. Hisap boleh. Beli tidak boleh. *It is very difficult* sebab sekarang kalau katalah dia melangkah keluar dari kedai, dia hisap sudah tidak salah.

Jadi, dalam kes kita ini apabila membeli memang saya nampak boleh jadi senang hendak buktikan kalau *caught red-handed.* Dia *"pap pap"* terus ambil gambar tetapi *once* dia sudah masuk poket, macam mana kita hendak kata dia beli? Memang senang dicabarlah. Maknanya, kalau *cases* macam ini dia ambil *lawyer*, memang senanglah *lawyer* hendak menang.

Tuan Pengerusi: Saya ingat PUU kalau kita masih ingat lagilah, kita masuk fasal 13 dan 14 ini pun bukanlah hendak *penalize* dia sangat pada awal. Kalau saya masih ingat lagi ya. Kita maksudkan adalah supaya dia bersama kita *to apprehend the suppliers and the source*. Itu yang menjadi penting mengapa dia perlu diheret bersama. *At that point* apabila hukuman dijatuhkan dia diberikan kemaafan, *that is a judge's role*. Jadi, oleh sebab itu *the whole thinking* itu berbeza. *Coming from a position where* kita hendak *protect* dia dan kalau dia benar-benar *addict*, kita hendak masukkan dia dalam *treatment* kita. *We want them to come into our treatment programme. Cessation programme because he is an addict. He is a patient. He is not a criminal. He is not somebody* yang perlu kita *criminalize*. Itu *point* yang penting yang saya ingat kita gagal faham dan kita berikan satu sebab...

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Betul. *So,* maknanya apa yang boleh saya rumuskan, apa yang Tuan Pengerusi punya maksud sekarang ini, pembeli ini lebih merupakan lebih kepada *agent provocateur.*

Tuan Pengerusi: *Almost.* Saya pernah...

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: *Almost agent provocateur. At least* sebagai pemancing untuk apa?

Tuan Pengerusi: *Almost* macam itu. Ya. Saya pernah sebut *agent provocateur* dalam perbahasan saya dulu sebab *this is why* kita *got to get the supply side and for those* yang sudah *addicted. See 100,000 of them around adolescent* kita, *we got to find them and* itu pun sudah cukup untuk kita *then* kita hendak *always be looking for criminals, to pick on them, apprehend them, get them, punish them, criminalize them.* Yang ada ini pun kita tidak mampu untuk kita rawat dan kita dekati mereka. *So, the whole concept, the whole scenario, the whole approach is different. We are coming from a different, totally and entirely different approach. This is why the punitive approach has always – has now been forsaken. Even addicts* pun kita hendak dekati supaya kita rawat mereka apatah lagi kalau perkara-perkara yang *to a lighter extent tobacco industry came with this because it was for indulgence and pleasure.*

Now, after finding that this is such – everyone is a smoker, everyone kills themselves with the smoke and the cigarettes. Finally. So, why we want to finally have a smoke-free nation because we want to fight this. So, the supply side is we

want to because this cohort is to meet a victim that we must help. Bukan kita hendak hukum mereka *and always looking around* dia merokok ke tidak. Ada rokok dalam poket ke tidak. Dalam beg. *That wasn't what we discussed* pada awal. Itu yang saya faham tetapi kalau saya silap faham, saya tidak tahu *but at the end of the day MOH, Minister* kena buat keputusan.

Dr. Zaliha binti Mustafa: *Can we explore on the* kuasa-kuasa Menteri itu *and please look at the timeline* yang kita ada.

Cik Hamielia binti Hamizan: Berhubung sekiranya kita hendak memasukkan sebagai mana yang sekarang ada di bawah Akta Makanan 1983, kita pinda masuk di bawah RUU sekarang ini itu boleh dilihat cuma daripada segi pelaksanaanlah. Adakah kita *willing, I mean* berbalik kepada keputusan dasar *whether to drop* fasal 18 dan fasal 19 *and then to import* masuk yang berhubung dengan larangan merokok kepada yang belum mencapai umur 18 tahun, Yang Berhormat.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Itu yang *I* kata tadi. *Let's say* katalah *drop. Decision* belum buat, ya. Katalah *drop* fasal 18, fasal 19 dan kita buat apa yang AGC sebut *tadi then how long do we need to put that in our RUU and does that has to go back to Cabinet or what is the process?* Itu yang saya hendak fahamkan sebab *I mean this is very crucial and then* kita kena buat keputusan yang tepat.

Tuan Pengerusi: Saya hendak tanya Kabinet kalau sudah setuju? Akan tetapi, kalau tidak setuju...

Dr. Zaliha binti Mustafa: Kabinet setuju pada asalnya yang tadi itulah. Maksudnya, Kabinet setuju sebelum kita bawa kepada Bacaan Kali Pertama. *That was*...

Tuan Pengerusi: *I was thinking* kalau Kabinet setuju *let the Cabinet carry it*-lah. Kenapakah kita mesti ganggu ia? *This is the government, the Cabinet. We are backbenchers. You are the front bench. If you think you can carry this, please*-lah *take it and take full responsibility*. Tidak perlu kami sebagai *backbencher* dan *Opposition. Is this what the Cabinet really wants? A punitive approach on the cohort of generation end game*? Itu yang saya hendak tanya Kabinet. *I never had a debate with the Cabinet*. *The Cabinet must listen to me and all of us*-lah kan. Kita semua Ahli Parlimen. Kalau betul-betul Kabinet hendak *carry, I think please carry it. Don't care about us and we will debate there* hendak sokong ke tidak sokong. *But I don't think that was really what the Cabinet wanted because if Cabinet wanted the PSSC to give our feedback* dan pandangan. Itu yang saya ingat kita bertanggungjawab dan kita buat perbincangan...

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Tuan Pengerusi, yang melibatkan kita ini untuk dapatkan sokongan daripada Ahli Parlimen untuk meluluskan akta ini. Masalah pada kita hari ini, Tuan Pengerusi pandangan berlainan, kita sudut lain. Saya faham kementerian itu, itu sudah *educational* sudah itu. Merendahkan hukuman, memberi kompaun dan sebagainya. Cuma, bagaimana kita hendak tarik orang ini supaya boleh kita beri – hadapkan dia sama ada untuk rawatan ataupun untuk tindakan-tindakan yang *deterrent* begitu. Mesti ada satu undang-undang. Kalau tidak ada hukuman macam mana kita boleh hendak ambil orang itu...

Tuan Pengerusi: Ini yang kita bincang.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: ...untuk rawatan. Untuk orang sukarela dapat rawatan, perokok dia tidak akan dapat rawatan. Dia kata rokok biasa sahaja.

Tuan Pengerusi: Tidak juga begitu.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Macam dadah juga. Ramai yang sukarela untuk mendapatkan terlalu kurang. Melainkan ada hukuman dahulu barulah kita boleh masuk dia dalam rawatan..

Tuan Pengerusi: Itu model moral.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Itu saya kata pemandangan Tuan Pengerusi tengok sudut pandangan yang lain. Kita melihat sudut pandangan yang lain. Ikut mana-mana pun saya kata kalau tidak ada satu peraturan, satu undang-undang, satu hukuman, macam mana hendak tangkap orang itu? Ataupun hendak ambil budak itu untuk diberi rawatan?

Tuan Pengerusi: Ini kita bincang ini.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Ini yang sebab itu GEG ini keluar. Tujuannya supaya golongan ini tidak lagi merokok sampai mati.

Tuan Pengerusi: Itu memang betullah.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Kalau dia buat salah, mungkin ada separuh yang hisap, *at least* separuh selamat. Separuh tidak selamat.

■1710

Akan tetapi, kalau tidak ada satu peraturan *hundred percent* bebas.

Tuan Pengerusi: Tidak, tidak. Ini yang peraturan yang kita — peraturan GEG ini bukan hanya berapa puluh fasal, kita ini bercakap tentang segalanya yang lain. Ini satu padang kecil ini, fasal 18 dan fasal 19. *This is only one* — dua fasal sahaja. Jangan lupa itu. Banyak lagi *whole-of-society approach.*

Dato Dr.. Haji Alias bin Razak: Akan tetapi, fasal yang sangat penting, fasal merokok, yang tadi menjual dan membeli. Ini — yang *last* tadi. Merokok.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Kita benarkan dia merokok maknanya tidak ada halangan.

Tuan Pengerusi: Bukan kita benarkan. Ini yang silap ini.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Tidak. Apabila tidak hukum, dibenarkanlah itu.

Tuan Pengerusi: Oh, itu! Ini *simple-minded* macam ini yang susah ini. Ini pemikiran *simple-minded* macam ini yang susah ini. Susah. *We have got to have higher-order thinking to think of our society.* Kita sudah banyak, lama gagal ini. Kalau cakap macam itu mudahlah kita...

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Oleh sebab *education* sudah lama berjalan, tidak berjaya. Macam tadilah macam Yang Berhormat Menteri sebut, umur tujuh tahun *you educate.* Sampai sepuluh tahun kalau tidak sembahyang juga kita boleh pukul.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Ada lagi. Semalam kita ada...

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *[Tidak jelas]* Betullah itu. *Education* yang berlaku...

Tuan Pengerusi: Dalam agama ia kata *"Bittadaruj"*. Saya minta maaf.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *No, no.*

Tuan Pengerusi: Saya minta maaf. Saya bukan ustaz tetapi saya boleh berhujah dengan *legal maxims* Islam kalau hendak.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *No, no*. Kita *educate* dia sejak umur lahir hingga 18 tahun. 18 tahun kita *educate* dia.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: 18 tahun baru kita...

Tuan Pengerusi: Tengok solat contohnya. Hukum mumaiyiz. Ia punya tahap.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Ini 18 tahun sudah.

Tuan Pengerusi: *Bittadaruj. Bittadaruj.* Berperingkat.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Sekarang ini pendidikan 18 tahun sudah. *From* – daripada lahir sehingga 18 tahun? *So...*

Tuan Pengerusi: Larangan merokok. Dengar, ya. Larangan merokok kami buat untuk *educational enforcement only for 12 months* sahaja. Kita bagi *12 months*. Satu tahun. Kalau kita kata *"Eh lama sudah kita buat larangan merokok ini".* Tidak bolehlah guna hujah macam itu. *You have got to implement and then you review.* Tidak boleh ambil *simplistic* begitu sahaja.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Bagi sayalah, masalah merokok ini ia *education.* Di kotak rokok itu pun sudah berapa lama sudah ada gambar itu.

Education is a very long time tetapi yang degil tetap degil. Jadi, saya ingat kalau undang-undang ini boleh — *you* boleh buat undang-undang tetapi penguatkuasaan itu boleh ditangguhkan. Undang-undang berjalanlah. Akan tetapi, penguatkuasaan *you* boleh tangguh atas...

Tuan Pengerusi: Ini yang Yang Berhormat Menteri cakap tadi itu. Penguatkuasaan.

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: Bukan hendak gugurkan fasal 18 dan fasal 19.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Dr. Zaliha binti Mustafa: Ia jadi – *I mean this half glass full of water*

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Zaliha binti Mustafa: ...*you can either see that. Half glass of water* ataupun apa ia? *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: *Half full or half empty.*

Dr. Zaliha binti Mustafa: *Half empty or half full.*

Seorang Ahli: *After two years?*

Dr. Zaliha binti Mustafa: *[Tidak jelas]*

Tuan Pengerusi: Boleh tolong? PUU. Ya.

Cik Hamielia binti Hamizan: Saya cuma hendak menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri *just now* sekiranya hendak kembali ke Kabinet untuk mendapatkan keputusan ataupun sekiranya hendak *drop* fasal 18 dan fasal 19 ini saya rasa tidak sempat kalau kita hendak *proceed* pada tarikh yang dicadangkan itu.

Tuan Pengerusi: Boleh tidak kalau kita fasal 18 dan 19 itu kita *maintain* tetapi kita tidak *enforce*? *That is the point* tadi itu. Oleh sebab itu kita kata *educational enforcement.* Saya jelas pada awal tadi kita sudah cenderung ke situ.

Cik Hamielia binti Hamizan: Saya rasa yang itu terpulang kepada KKM.

Tuan Pengerusi: Itu yang mustahak, yang mustahaknya situ PUU.

Cik Hamielia binti Hamizan: Oleh sebab sekarang pun tidak *enforce* betul?

Tuan Pengerusi: Ha.

Cik Hamielia binti Hamizan: Sekarang pun tidak *enforce* betul?

Tuan Pengerusi: Akan tetapi, tidak mengapalah. Yang Berhormat Sibu pandangan lain itu tidak mengapa. Akan tetapi, pada saya kita *have that* — kita *have that* tetapi kita tidak *enforce and after two years we see.*

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak: *Then,* kuasa Menteri.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Tuan Pengerusi, mungkin *AGC* boleh sahkan memang itu *standard provision* dalam mana-mana akta memang ada kuasa Menteri untuk tidak *enforce* mana-mana *provision of the law* sehingga kita bersedia.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: *I think they* — mereka mungkin hendak undang-undang ini dikembalikan ke Dewan untuk diluluskan kalau hendak fasal 18 dan fasal 19 ini dijalankan. Di-*implement*. Di-*implemented*.

Tuan Pengerusi: Sekali lagi. Tidak faham. Tidak faham.

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Kalau diletakkan di bawah kuasa Menteri untuk menguatkuasakan fasal 18 dan fasal 19 dua tahun kemudian, *they're not going to buy it.*

Tuan Pengerusi: Bermakna dia tidak sokonglah?

Tuan Oscar Ling Chai Yew: Mungkin *they're not going to support because they're not going through the Parliament anymore. They want something reviewed, they have to go back to the Parliament to review. Then,* lulus lagi. *Then, implement.*

Tuan Pengerusi: Tidak. *No, no. The review* itu kita *review — AGC, a review will be* kita *table* ke Parlimenkah?

Cik Hamielia binti Hamizan: Ya, Tuan Pengerusi. Oleh sebab kita ada letak 56(2) itu. *"Menteri hendaklah menyebabkan suatu salinan laporan yang dibuat dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen".*

Tuan Pengerusi: Jelas. Jelas. *Don't worry.* Ia akan dibentangkan balik ke situ. Saya ingat. Itu betul. Itu *provision* itu *very important.*

Seorang Ahli: Bukankah ia di bawah *Minister*?

Tuan Pengerusi: *No. No.* Bukan di bawah *Minister.* Ini *administrative* lain daripada *Minister.*

Dr. Zaliha binti Mustafa: *It's not an ultimate — It's not an ultimate power. No. Not an ultimate power.*

Tuan Pengerusi: *No. No.*

Seorang Ahli: *Every legal power must have legal limit*.

Tuan Pengerusi: Ya. *That's right.* Punca kuasa yang terhad juga.

Dr. Zaliha binti Mustafa: *So, I think* kalau kita bersetuju yang itu dan *we really have to all out* untuk *buy in* itu dan mendapatkan sokongan.

Tuan Pengerusi: Ya. *Buy in.*

Puan Young Syefura binti Othman: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...after two years?*

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Ya.

Tuan Pengerusi: Bolehkah? *We are all really on the same page now*? Boleh. Tidak mengapa, Yang Berhormat Sibu. *Don't worry.*

Dr. Zaliha binti Mustafa: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: *I hope you also campaign.* Ya. Kita tidak melaksanakan penguatkuasaan itu *after the review of two years.* Selepas itu kita *assess* dan kita bentang kembali. *But at least for them, for now that punitive aspect* itu tidak dilaksanakan *immediately,* ya. *So, that will also be a deterrence in a way to the cohort of the generation GEG* ini. Saya rasalah. Saya mengharapkan begitu ya dan saya sangat-sangat mengharapkan MP-MP yang lain juga memberikan sokongan kepada kita.

Puan Young Syefura binti Othman: Kita akan ikut cadangan maklum balas inilah *kan?* Keseluruhan? RM500 kepada RM250?

Dr. Zaliha binti Mustafa: Maklum balas ini dengan syarat yang tadilah kuasa Menteri itu.

Puan Young Syefura binti Othman: Kepada dua tahun? Okey.

Tuan Pengerusi: Itu. Ya. *That's alright* Yang Berhormat Bentong. Okey. Panjang lebar sudah ini *[Ketawa]*

Dato' Adnan bin Abu Hassan: *I want to say*. Izinkan saya mengambil pandangan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Kita telah bersetuju ini dan saya harap selepas ini pihak MOH boleh masukkan mungkin dalam semua media sosial dan sebagainya supaya masuk *in the pool of mindset* orang. Contohnya, dalam perjalanan saya tadi ke Parlimen. Saya tengok ada satu TikTok, seorang doktor bercakap tentang bahayanya *vape* semua. *You must create this one also. The same.* Saya rasa *you...*

Puan Young Syefura binti Othman: Kita kena *start* daripada sekarang.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: *If* kena *spend, you must spend.* Keluarkan duit untuk ini supaya rakyat mendengar perkara ini dan kita lorongkan pemikiran rakyat.

Tuan Pengerusi: *So, especially petitioning.*

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Supaya mereka sama bersetuju. Saya rasa bagus — galaklah. Tadi saya tengok doktor itu. Seorang doktorlah. Dia buat sendiri sahaja. Akan tetapi, kita mesti ada ramai lagi *influencer* yang boleh.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Kalau perlu bayar, bayar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey. Ada lagi daripada anggota? *That's it*? AGC? Habis semua, ya? Okey. Kita sampai sudah ke penghujung ini, yang lain itu semua *carry*

ya *as it is* lah ya orang kata. *All remain the same*. Jadi, ke hadapan ini, apakah langkah-langkah yang seterusnya ini Dr. Noraryana ataupun Datuk Dr. Norhayati? Apakah langkah *immediately* yang kita akan susuli? Langkah-langkah susulan?

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: Ya. Terima kasih banyak, Tuan Pengerusi. Selepas ini, oleh sebab kami perlu menyediakan Nota Jemaah Menteri untuk *brief* kepada Jemaah Menteri mengenai hasil daripada JKPK ini. Itu *next step*-lah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: *Briefing?*

Dr. Zaliha binti Mustafa: *It's* nota sahaja *kan? It's* nota sahaja. Nota.

Tuan Pengerusi: Oh Jemaah Menteri, nota? Bukannya satu...

Dr. Zaliha binti Mustafa: Nota sahaja.

Seorang Ahli: Pengumuman sahaja.

Tuan Pengerusi: ...apa itu?

Dr. Zaliha binti Mustafa: Memorandum.

Tuan Pengerusi: Bukan memorandum? *Yes.* Ia nota sahaja

Dr. Zaliha binti Mustafa: Nota sahaja.

Tuan Pengerusi: Memorandum perlu mendapatkan kelulusan. Nota untuk pengetahuan sahaja.

Dr. Noraryana binti Hassan: Tuan Pengerusi, berdasarkan garis masa ini, kita masih ada pindaan terhadap denda tadi, ya. *So, hopefully* kita boleh bawa semula pindaan itu pada minggu hadapan...

Tuan Pengerusi: Oh ya.

Dr. Noraryana binti Hassan: ...untuk dibentangkan.

Tuan Pengerusi: Perlu segeralah?

Dr. Noraryana binti Hassan: ...dan kelulusan JKPK – *sorry,* Laporan JKPK jua.

Tuan Pengerusi: Betul.

Cik Hamielia binti Hamizan: Minggu hadapan tarikhnya, Dr.? Sekiranya...

Dr. Noraryana binti Hassan: Kalau kita ambil dalam yang *last day* itu bolehkah? 29 hari bulan?

Cik Hamielia binti Hamizan: Boleh.

Dr. Noraryana binti Hassan: Boleh ke Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ya?

Dr. Noraryana binti Hassan: Hari Jumaat, ya?

Cik Hamielia binti Hamizan: Jumaat.

Tuan Pengerusi: Jumaat? Tarikh?

Dr. Noraryana binti Hassan: 29 hari bulan.

Tuan Pengerusi: 29 hari bulan?

Cik Hamielia binti Hamizan: Jumaat pagi.

Tuan Pengerusi: Betul.

Cik Hamielia binti Hamizan: 29 hari bulan boleh.

■1720

Dr. Noraryana binti Hassan: Maksudnya, kita ada pindaan terhadap yang cadangan *expert* tadi untuk menaikkan dan menurunkan yang RM250 kepada GEG dan fasal...

Cik Hamielia binti Hamizan: Sekiranya ada pindaan perkara lain yang berbangkitlah setelah kita *go through* nanti.

Dr. Noraryana binti Hassan: Untuk fasal 18 dan fasal 19 kita akan menggunakan fasal 1(2), kuasa Menteri untuk menguatkuasakan.

Cik Hamielia binti Hamizan: Untuk kuat kuasa berbeza?

Dr. Noraryana binti Hassan: Ya, untuk perintah lain.

Tuan Pengerusi: Okey, baik. Boleh semua? Kita sampai ke hujung. Bagus walaupun *temperature* tinggi sikit tidak apa.

[Ketawa]

The temperature would remove all the impurities orang kata*. [Ketawa]. I believe that.* Lepas ini belakang-belakang jangan cakap. Di sini sebab kita lumatkan perbahasan. *After that, you don't need to speak anymore* belakang-belakang.

So, yang pentingnya kita ahli-ahli anggota JKPK tolong membuat, kawan-kawan, lobi bos, *backbenchers, Opposition benchers.* Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Tanjong Karang.

So, baik dengan itu saya sekali lagi mengucapkan banyak terima kasih khasnya kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan ahli anggota PSSC dan Datuk Norhayati, PUU, Dr. Noraryana – Dr. Liyana ada di situ? Dia tidak ada. Baik dan semua — AGC, maaf. Semua sekretariat bersama. Kita tangguh majlis, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.22 petang]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

LAPORAN PROSIDING

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
KESIHATAN

MESYUARAT MENELITI:

1. DRAF PINDAAN RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2023

2. DRAF PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN MENGENAI RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2023

BIL. 11
SELASA, 3 OKTOBER 2023
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
KESIHATAN
BIL. 11 TAHUN 2023

BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

SELASA, 3 OKTOBER 2023

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] - *Pengerusi*
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]
YB. Puan Young Syefura binti Othman [Bentong]
YB. Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat]
YB. Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran [Batu]
YB. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat]
YB. Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus]
YB. Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi [Tanjong Karang]

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*

YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Puan Nurrul Saffida binti Kusaini [Pegawai Penyelidik, Seksyen Sosial dan Pembangunan Sumber Manusia (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]
Puan Mas Liza binti Maslan [Pegawai Penyelidik (Seksyen Sains, Teknologi dan Pembangunan) Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan]
Mohamad Tarmizi bin Ahmad [Penasihat Undang-undang I (Pejabat Penasihat Undang-Undang)]
Cik Jackie Mary Fernandis [Penasihat Undang-undang II (Pejabat Penasihat Undang-Undang)
Encik Mohamad Faizal bin Lan [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Cik Nadrah Husnina binti Hassim [Pegawai Penyelidik Sosial, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Kementerian Kesihatan

YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli [Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)]
Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali [Penasihat Undang-undang]
Dr. Noraryana binti Hassan [Timbalan Pengarah (Penyakit Tidak Berjangkit)]
Dr. Norliana binti Ismail [Ketua Sektor Kawalan Tembakau dan Urus setia FCTC]
Dr. Nurhaliza binti Zakariah [Ketua Penolong Pengarah Kanan]
Dr. Muhamad Hairul Nizam bin Abd Hamid [Ketua Penolong Pengarah Kanan]

Puan Noor Aisyah binti Ahmad [Peguam Kanan Persekutuan]
Puan Intan Noorashikin binti Nasarudin [Peguam Kanan Persekutuan]
Puan Ira Nadhirah binti Aris [Peguam Persekutuan]
Encik Kua Ah Kiong [Pegawai Kesihatan Persekitaran]
YB. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Pegawai Khas kepada YBMK]
Puan Sivamalar a/p Genapathy [Pegawai Tugas-Tugas Khas kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan]
Dr. Syed Sher Al Jaffree bin Syed Sobri [Pegawai -Tugas-Tugas Khas kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan (Dasar & Kesihatan)
Encik Suhaizam Shahrul Affendy bin Suhaimi [Pegawai Tugas-Tugas Khas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan]

Jabatan Peguam Negara

Puan Hasnurliza binti Mohd Radzi [Penolong Kanan Penggubal Undang-Undang Parlimen (Bahagian Gubalan)]
Puan Siti Aishah binti Ab. Rashid [Peguam Kanan Persekutuan (Bahagian Penyelidikan)]
Encik Mohd Zulfadhli bin Sazalye Donol [Peguam Persekutuan (Bahagian Penyelidikan)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS KESIHATAN
BIL. 11 TAHUN 2023

BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

SELASA, 3 OKTOBER 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.11 pagi

[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Pengerusi: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Boleh kita *call the meeting to order?* Boleh ya? Kita menantikan YB Batu yang mungkin lewat sikit dan YB Sibu, Tuan Oscar dia ada halangan.

Baik. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. Salam Malaysia MADANI. Ahli-ahli Yang Berhormat yang semuanya hadir. YB Kuala Langat, YB Bentong, YB Kuala Nerus, YB Kuala Pilah, YB Tanjong Karang, YB Tuan Haji Onn dan kita tidak – belum lagi mendapat kehadiran seorang lagi. YB Batu Pahat, maaf.

Baik. Hadir bersama hari ini adalah penasihat Yang Berhormat Menteri, YB Dr. Kelvin, Bandar Kuching. Juga, Timbalan KP Kesihatan Awam, Datuk Dr. Norhayati; Penasihat Undang-Undang, Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali dan seluruhnya. Pimpinan tertinggi KKM, Dr. Noraryana, Dr. Norliana, Dr. Nurhaliza; dan juga turut bersama, Peguam Kanan Persekutuan, Puan Noor Aisyah, Puan Noorashikin. Saya hendak sebut semua nama-nama ini. Sahaja saya sebut sebab saya hendak *reflect of our recognition* dan pengiktirafan kerja keras mereka untuk membantu kami di JKPK ini.

Begitu juga pegawai-pegawai yang lain dan saya mengucapkan jutaan terima kasih khasnya kepada – *do we have somebody* daripada – Puan Hasnurliza ada? Terima kasih, selaku Penolong Kanan Penggubal Undang-Undang *from* AGC. Juga, Bahagian Penyelidikan dan paling komited yang mewakili sekretariat kami Encik Sukri dan *team*. Alhamdulillah, sekali lagi saya melafazkan syukur. Kita sudah hampir ke hujung tugasan kami dalam melaksanakan amanah kami selaku Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan yang diberikan tugasan untuk meneliti rang undang-undang ini, Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023.

Pada pagi ini tanpa melengah waktu, saya tidak perlu memberikan apa-apa kata-kata aluan yang panjang. Sekadar saya mahu merakamkan, saya kira Ahli-ahli Yang Berhormat seluruhnya daripada JKPK, *in our own personal capacity* dan juga tanggungjawab diri telah menjalankan tugas untuk memberikan semak imbang yang terbaik dan pada pagi ini, beberapa agenda daripada sekretariat telah disusun selepas kata-kata aluan saya ini. Antaranya adalah satu, perbincangan mengenai proses pembentangan penyata dan bacaan kedua RUU. Ini yang telah dinanti-nantikan bukan sahaja oleh Dewan Rakyat bahkan seluruh rakyat di negara ini. Ini dikatakan bergantung kepada Mesyuarat Jemaah Menteri hari ini, apakah akan dibentangkan pada hari Isnin, sembilan ataupun lewat daripada itu. Akan tetapi, saya difahamkan mungkin sahaja kerana kurang RUU yang lain, akan dibentangkan pada hari Isnin. Maka, tambah-tambahlah pentingnya untuk kita membuat persiapan yang rapi. Itu agenda kedua.

Agenda ketiga adalah meneliti draf pindaan rang undang-undang kawalan produk merokok demi kesihatan. Itu adalah – akan dibentangkan juga oleh Tuan Yang yang akan – pindaan draf undang-undang ini. PUU bentang ya? *Yes*. Tuan Yang akan – Yang Berbahagia Tuan Yang akan bentang ini. Seterusnya itu adalah hal-hal sabitan dengan *housekeeping* bersama ex-officio kita daripada KKM dan itu sesama kita Ahli Yang Berhormat akan kita teliti penyata, *which is this Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas [Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]. This is the document* yang akan kita sama-sama kita teliti *in detail*, *line by line*, supaya kita – apakah kita terima untuk dibentangkan sebagai Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan.

Jadi dan akhir sekali nanti beberapa saya minta supaya kita jangan *adjourn* lagi *until* kita buat satu mesyuarat verifikasi di kalangan kita sahaja. Itu sahaja untuk mesyuarat agenda mesyuarat pada hari ini. Mungkin kalau kita tidak berapa perasan sangat, *this would be the first* Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang akan mengalami satu prosedur dan proses pembentangan yang meletakkan peranan dan posisi PSSC itu dilihat dalam apa yang disebutkan oleh Tan Sri *Speaker to strengthen parliamentary practice.*

Dan mungkin sahaja kita akan diberi faham oleh Encik Sukri yang sebentar nanti akan – bagaimana pembentangan daripada cadangan penyata kita ini yang akan kita bincangkan sebentar nanti, di mana Pengerusi JKPK terpaksa juga berdepan dalam Dewan Rakyat untuk membentangkan penyata kita bersekali dengan YB Menteri Kesihatan. Itu adalah hasil kerja kita yang akan kita sama-sama bentangkan dan *this would be the first time* kalau tidak silap saya, kerana *the last time* kita – begitu ya, PUU? Dr. Kelvin? *The last time* kita *missed doing that*

because it never get to see the light of the day, orang kata. Dia *was stillbirth* sikit, *aborted*. Jadi, ini kali pertama mungkin semua JKPK yang lain, 10 JKPK yang lain melihat bagaimana pengerusi dia kena *defend* penyata-penyata pindaan ataupun pindaan dalam jawatankuasa daripada kita JKPK.

Jadi, tanpa melengah waktu saya meminta supaya – ini Encik Sukri ya. *Please take the floor*. Perbincangan mengenai proses pembentangan penyata dan bacaan kedua RUU. Silakan, Encik Sukri. Terima kasih.

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. YB Datuk Seri Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, YB Dr. Kelvin, Yang Berbahagia Datuk Dr. Norhayati dan juga pegawai-pegawai daripada KKM.

Di paparan ini ialah proses pembentangan RUU dan juga penyata Jawatankuasa Pilihan Khas semasa Mesyuarat Ketiga yang akan bermula pada minggu hadapan. Prosesnya bermula dengan notis pembentangan, notis usul untuk pembentangan penyata oleh YB Pengerusi yang akan disediakan.

■1020

Kemudian, proses yang kedua ialah surat daripada YB Menteri Kesihatan untuk RUU ini dibaca bersama usul penyata Jawatankuasa Pilihan Khas dan perkara ketiga ialah surat daripada YB Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas yang bersetuju untuk supaya usul pembentangan penyata itu dibaca bersama dengan RUU.

Namun begitu, aturan dua dan tiga ini kita boleh *skip* sekiranya mesyuarat ini bersetuju secara dasarnya berkenaan dengan YB Menteri Kesihatan dan juga YB Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas bersetuju supaya usul penyata dan juga RUU dibaca bersama.

Sekiranya pada mesyuarat ini boleh direkodkan persetujuan daripada Pejabat YB Menteri Kesihatan dan juga YB Pengerusi, maka aturan dua dan tiga ini tidak perlu dibuat.

Tuan Pengerusi: Ada implikasi ya. Faham ya? Faham implikasi satu – dua senario ya. Kalau dipersetujui, dua dan tiga ini *drop* secara automatis, tidak perlu dibuat. Andainya tidak bersetuju, ia dibentang begitu. Dua dan tiga. Boleh ya? Faham implikasinya ya?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Kalau kita setuju, tidak perlu.

Encik Mohd Sukri bin Busro: Mesyuarat ini merekodkan juga persetujuan daripada wakil YB Menteri Kesihatan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Sekarangkah, nanti?

Tuan Pengerusi: *Yes, Dr. Kelvin?*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Dari pihak kementerian, kita tak ada halangan, kita setuju.

Encik Mohd Sukri bin Busro: Terima kasih, Yang Berhormat. Kemudian, pada sesi...

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ya, Kuala Langat. YB.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat]: Tuan Pengerusi, kita sudah bentangkan untuk Bacaan Pertama, bermakna di bawah pemakluman oleh semua Ahli-ahli Parlimen. Kemudian, kalau kita *skip* untuk usul oleh pengerusi, kita setujulah. Maknanya, tidak perlulah dua dan tiga ini.

Encik Mohd Sukri bin Busro: Kita bukan...

Tuan Pengerusi: Sedikit lagi pencerahan, Encik Sukri.

Encik Mohd Sukri bin Busro: Baik. Pertama sekali ialah notis daripada YB Pengerusi kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat berkenaan dengan Usul Pembentangan Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas. Ini bila notis itu diserahkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat, maka ia akan masuk dalam Aturan Urusan Mesyuarat. Baik.

Aturan seterusnya ialah *officially,* perlu ada surat daripada YBMK dan juga YB Pengerusi menyatakan persetujuan – surat daripada kedua-dua pihak kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat menyatakan persetujuan supaya Usul Pembentangan Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas dan bacaan kedua rang undang-undang...

Tuan Pengerusi: Dibuat...

Encik Mohd Sukri bin Busro: ...dibuat bersama.

Tuan Pengerusi: Bersekali.

Encik Mohd Sukri bin Busro: Maknanya perbahasan itu serentak.

Tuan Pengerusi: Serentak.

Encik Mohd Sukri bin Busro: Ini ialah prosedur sahaja. Maknanya, kalau direkodkan dalam mesyuarat ini bahawa kedua-dua pihak bersetuju, maka surat-surat ini tidak perlu dikemukakan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Tuan Pengerusi: Itu sahaja. Okey. Kalau kita dah bersetuju dan kita akan – perkara itu akan dibentangkan bersekali dan *we do not* – perlu untuk dua dan tiga

itu dijalankan dan dilakukan. Okey. Boleh bersetuju ya? Faham ya? Okey. Teruskan.

Encik Mohd Sukri bin Busro: Untuk aturan keempat ialah bacaan kedua rang undang-undang dan penerangan oleh YB Menteri Kesihatan di bawah Peraturan Mesyuarat 61 dan juga 53(3). Yang Berhormat Menteri Kesihatan akan memberi penerangan berkenaan dengan rang undang-undang ini dan berkenaan dengan fasal-fasal yang tidak dipinda daripada rang undang-undang tersebut.

Apabila YB Menteri Kesihatan selesai dengan bacaan kedua dan penerangan, kemudian YB Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas akan membentangkan Usul Pembentangan Penyata JKPK dan juga penerangan berkenaan dengan fasal-fasal yang dipinda oleh Jawatankuasa Pilihan Khas.

Tuan Pengerusi: Ia begitu, tahu?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Pengerusi pergi bentang pindaan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Bukan menteri?

Tuan Pengerusi: Tidak, tidak. Menteri bentang RUU yang tidak dipinda.

Seorang Ahli: Yang dipinda, kita.

Puan Young Syefura binti Othman: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Pindaan, kita *[Tidak jelas].*

Tuan Pengerusi: Tetapi yang meminda itu kita, maka Pengerusi.

Puan Young Syefura binti Othman: Pindaan?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Bila menjawab, kita hala kepada Pengerusi?*

Tuan Pengerusi: Betul tetapi kalau sesiapa yang nak mewakili Pengerusi pun boleh juga.

[Ketawa]

Baik, baik Encik Sukri. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Berkenaan yang saya bangkitkan yang tadi itu, bila kita setuju yang itu, maknanya *still* lagi Pengerusi bentangkan dan prosiding biasanya ada penyokong semua *kan* daripada jawatankuasa?

Tuan Pengerusi: Ya. Betul. Mungkin dia tanya juga ya.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Dia menyokong tidak? Buat-buat tiada yang sokong, kacau saya. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Tidak, yang itu saya ingat kita bahaskan sahaja, tiada..

Tuan Pengerusi: Belum lagi bahas, baru bentang, habis itu baru bahas ya? Okey. Faham. Encik Sukri, teruskan.

Encik Mohd Sukri bin Busro: Jadi, aturan yang keenam ialah perbahasan RUU dan juga perbahasan penyata yang dibuat bersama. Maknanya, semua Ahli Dewan Rakyat boleh bertanya soalan kepada YB Menteri Kesihatan dan juga YB Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Pula dah. *Now you wake up.* Kita bertanggungjawab sekali tahun ini. *[Ketawa]*

Puan Young Syefura binti Othman: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] So, you're the one...[Tidak jelas]*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Tanya lebih kepada Pengerusilah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Ya. *[Ketawa]*

Puan Young Syefura binti Othman: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tahniah, tahniah.

Tuan Pengerusi: *Sorry, sorry.* Tidak dengar *what did he say*. Itu yang saya dahulu kata ini RUU MOH tetapi nampaknya kita juga kena *defend* pindaan sebab pindaan itu pindaan kita. Jadi, kita kena *stand as a* jawatankuasa *to* membuat penerangan atas apa-apa persoalan. *We cannot expect* YBMK *to* jawab benda yang kita menjadi cadangan dan – ya, begitu.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Boleh saya tanya bagi pihak Pengerusi? *I'm very curious also*-lah proses prosedur ini. Sebenarnya, contohnya bila Ahli Parlimen mereka bahas dan tanya soalan, ada pegawai kementerian yang ambil, contohnya soalan yang dibangkitkan.

Tuan Pengerusi: Betul.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Jadi, bagi Pengerusi, siapa yang akan buat kerja-kerja sebegini?

Tuan Pengerusi: Soalan yang baik itu. Sekretariat, betul. Saya pandang belakang, *"Mana pegawai saya ini?" [Ketawa]* Baik.

Encik Mohd Sukri bin Busro: Sekretariat Jawatankuasa Pilihan Khas akan bersedia untuk membantu Pengerusi menjawab.

Tuan Pengerusi: Bersama ya? *Alhamdulillah,* terima kasih.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Tidak jelas]* Itu yang.... WhatsApp *passing* Bentara.

[Ketawa]

Tuan Pengerusi: Betul. *Pass* dekat Bentaralah *[Ketawa]* Baik. Okey. Terus.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Peraturan tetap kita memang pengerusi Jawatankuasa Pilhan Khas pun memang...?

Tuan Pengerusi: Ini *almost unprecedented* ya kalau saya boleh faham. Ini pertama kali berlaku begini ya?

Encik Mohd Sukri bin Busro: Tidak pernah dibuat lagi setakat ini.

Tuan Pengerusi: Tidak pernah buat. *This is unprecedented*, *for the first time.*

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Sebab kalau Usul Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas di peringkat negerilah, apa-apa pun Menteri dulu akan ini, bukan pengerusi kepada Jawatankuasa Pilihan Khas yang akan – *because we are* – kita tidak ada *authority, responsible on* ini.

Tuan Pengerusi: Betul. Saya bukan kata saya tidak setuju untuk jawab ataupun memberikan penerangan tetapi *is this the best practise of mature parliamentary democracy* atau ini *the benchmark? Is this the best practise?* Saya hendak bertanya, bukan saya hendak pertikai. Saya hendak bertanya. *Is this – has that been looked by Speaker* dan SUDR, yang lain? Saya bertanya, bukan saya pertikai ya. Jangan silap faham.

Encik Mohd Sukri bin Busro: Amalan Jawatankuasa Pilihan Khas menimbang rang undang-undang sebelum ini; tahun lepas sebagai contoh, rang undang-undang antilompat parti dan juga rang undang-undang merokok inilah. Pada tahun lepas, jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh YB menteri. Maknanya, pengerusi jawatankuasa yang menimbang rang undang-undang tersebut yang akan membentangkan usul penyata tersebut.

Tuan Pengerusi: Faham. *So, it so happened* yang lepas itu adalah YBMK sendiri ya?

Encik Mohd Sukri bin Busro: Betul.

Tuan Pengerusi: *That was why he stood – but* kalau katalah pengerusi – *it was* Dr. Kelvin yang jadi pengerusi *because* bila sudah *second round* itu, YBMK *took over and then* – ya. *Otherwise, it would have been* Dr. Kelvin, Bandar Kuching yang kena *defend.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: *I think it's a good parliamentary practice.*

Tuan Pengerusi: *Practice.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Bagus, sebenarnya bagus.

Tuan Pengerusi: Saya bukan kerana saya tetapi saya kalau siapa pun, saya bersetuju ini sebagai satu *good parliamentary practice*-lah *as checks and balances.* Silakan, Datuk.

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli [Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Kementerian Kesihatan]: Yang Berhormat Datuk Seri, cuma saya ingin betul-betul hendak *confirm*-kanlah bahawa yang nombor empat itu *"Bacaan kedua RUU dan penerangan oleh YBMK"*, maknanya di sini YBMK akan menerangkan RUU yang asal sebelum pindaan oleh JKPK-lah, cadangan pindaan oleh JKPK.

Tuan Pengerusi: Betul.

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: Betul ya?

■1030

Encik Mohd Sukri bin Busro: RUU yang asal, berkenaan dengan fasal-fasal RUU tersebut yang tidak dipinda.

Tuan Pengerusi: Okey. Yang tidak dipinda, ya?

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: *That means* 13 cadangan pindaan oleh JKPK ini tidak akan dibentangkankah masa ini oleh YBMK? 13 cadangan pindaan oleh... *[Disampuk] 17-kah – 13 kan? 12...*

Tuan Pengerusi: Maksudnya kalau kita ambil daripada sini *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]*, yang mengekalkan fasal-fasal yang lain itu yang dibentang ya. Yang dipinda, diminta untuk Pengerusi yang bentang, begitu ya Encik Sukri ya? *So, only the original* and tidak dipinda itu sahaja yang dibentang.

Encik Mohd Sukri bin Busro: Penerangan berkenaan dengan fasal-fasal yang tidak dipinda ini ialah secara *general*.

Tuan Pengerusi: Rutinlah.

Encik Mohd Sukri bin Busro: Sebab kalau di peringkat jawatankuasa baru ia akan bincang secara *detailed* fasal demi fasal.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Fasal demi fasal.*

Encik Mohd Sukri bin Busro: Maknanya ia seperti perbahasan bacaan kedua rang undang-undang yang lain. Maknanya bacaan kedua itu ialah perbahasan peringkat dasar berkenaan dengan rang undang-undang tersebut.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Kalau saya faham, jadi YBMK beliau akan buat *introduction* daripada segi dasar, polisi akta tersebut...

Seorang Ahli: Betul.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: ...apa yang ingin dicapai dan jika ada fasal-fasal yang telah dipinda, mungkin beliau akan memberitahu untuk fasal-fasal ini akan dihuraikan secara lebih lengkap oleh Pengerusi dalam *I think, that one*.

Encik Mohd Sukri bin Busro: Betul, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Saya rasa begitu. Saya rasa begitu; akan – betul. Okey, terus. Boleh ya?

Encik Mohd Sukri bin Busro: Baik. Apabila selesai perbahasan RUU dan penyata, aturan nombor tujuh ialah YB pengerusi jawatankuasa akan menggulung dahulu. Kemudian diikuti oleh YB Menteri Kesihatan menggulung. Kemudian disusuli oleh Majlis mengundi usul penyata dahulu iaitu Peraturan Mesyuarat 62 dan diikuti Majlis mengundi RUU peringkat bacaan kedua dan kemudian peringkat bacaan ketiga.

Tuan Pengerusi: Ah, di sini satu soalan. Perbahasan tadi di peringkat dasarkah? Pertama tadi, selepas YBMK bentang,...

Encik Mohd Sukri bin Busro: Betul.

Tuan Pengerusi: ...saya bentang.

Encik Mohd Sukri bin Busro: Betul.

Tuan Pengerusi: Susulan itu adalah perbahasan apa ya? Perbahasan di peringkat dasar ataupun perbahasan di peringkat dasar dan jawatankuasa sekali gus? Sebab ini adalah penyata jawatankuasa. Itu saya hendak penerangan, pencerahan.

Encik Mohd Sukri bin Busro: Baik. Jawatankuasa Pilihan Khas ini dikira mengambil alih peringkat jawatankuasa di dalam Dewan...

Tuan Pengerusi: Okey, jelas.

Encik Mohd Sukri bin Busro: ...sesebuah Majlis. Maknanya, perbahasan itu boleh di peringkat dasar dan juga di peringkat fasal.

Tuan Pengerusi: Faham. Okey, ini pun *unprecedented* ya. Satu lagi *precedent* yang kita *create*. Maknanya, masukkan dasar dan jawatankuasa dalam satu perbahasan. Setelah dilihat oleh Jawatankuasa Pilihan Khas. Itu pun juga bagus sebab *save time* dan *very focused*. Okey, boleh ya? Faham ya? Setuju ya?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Jadi – *I just want to clarify* sebagai Ahli Parlimen, dalam peringkat jawatankuasa kita tak boleh bangkitkan perbahasan lagi. Kalau kita ke bacaan – dalam peringkat, *sorry*, jawatankuasa? Selepas undian bacaan kedua.

Encik Mohd Sukri bin Busro: Sekiranya terdapat pindaan kepada – ada cadangan pindaan kepada fasal-fasal tertentu, aturannya ialah RUU ini akan dibawa ke peringkat jawatankuasa sesebuah Majlis. Maksudnya sekiranya ada pindaan, maka akan dibawa ke – perlu usul daripada YB Menteri Kesihatan untuk dibawa ke peringkat jawatankuasa.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Saya tanya sebab contohnya sebagai – *on practice*-lah, sebagai seorang Ahli Parlimen, apabila saya bahas satu RUU,

perbahasan pertama adalah lebih *general*, dari segi dasar. Sebab masa kita pun terhad, kita tak ada banyak masa. Akan tetapi kita hendak lebih spesifik di peringkat jawatankuasa di mana kita tanya, *"Okey, fasal 2(3) ini...".*

Jadi, untuk RUU ini kita tak ada peluang di peringkat jawatankuasa tersebut atau tidak?

Tuan Pengerusi: Betul.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Tidak ada?

Tuan Pengerusi: Saya cenderung untuk bersetuju dengan Bandar Kuching Dr. Kelvin sebab kami sebagai Ahli Parlimen, kami memang pisahkan perbahasan di peringkat dasar yang bermakna *it can be anything under the sun*-lah, *connected to the issue.* Akan tetapi, bila kami bincang bab peringkat jawatankuasa, memang kita fokus *clause by clause....*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Jadi, saya...

Tuan Pengerusi: Contoh ya. Kalau saya kena bahas, seorang YB bahas tetapi dia hanya dapat bahas sekali. Dia akan masuk dasar dan jawatankuasa. Bila dia hendak masuk pindaan itu, dia pergi kepada penyata JKPK, contohnya. Apa pun dalam JKPK itu sudah macam perbahasan di peringkat jawatankuasa, bukan? Akan tetapi di situ pun ada juga dasar kalau hendak bercakap tentang model-model penyelesaian, *moral model* dan *disease model* itu semua.

Akan tetapi apakah kita akan berdepan dengan masalah *Speaker* – ada *Speaker* tegur kita, *"Ini peringkat jawatankuasa, jangan masuk dasar. Peringkat dasar ini." You know*, kadangkala perbahasan di peringkat dasar pun ditegur juga oleh *Speaker*. Apakah jaminan bahawa kita selesa untuk perbahasan dasar dan jawatankuasa sekali gus di satu perbahasan seseorang wakil rakyat?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Saya hendak cadangkan jika boleh kita benarkan perbahasan di peringkat jawatankuasa untuk Ahli Parlimen. Maksudnya selepas undian pertama di bacaan kedua untuk jawatankuasa kita benarkan Ahli Parlimen untuk bangun dan bangkitkan isu dari segi lebih spesifik, jika ada. Jika tak ada Ahli Parlimen bangkitkan, baiklah kita dah *proceed*. Kalau kita tak ada perbahasan jawatankuasa, *I feel like* macam kita *deprive*-lah Ahli Parlimen satu peluang untuk berbahas secara lebih spesifik. Sebab *let's be honest*-lah, masa yang diberikan biasa sangat terhad.

Tuan Pengerusi: Sangat terhad.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: Sangat terhad, susah hendak bahaskan banyak perkara secara lebih spesifik.

Tuan Pengerusi: Boleh *Speaker* dan SUDR pertimbangkan macam mana itu? Ataupun memang sudah *exhaustive* dibincangkan oleh *Speaker* dalam hal ini?

Mungkin kita terimalah hakikatnya benda ini baru. *The pros and cons* perkara ini mesti dihalusi, diteliti supaya jangan berlaku apa-apa *compromise of quality of debate*, kualiti perbahasan dan MP rasa tak puas kerana tak dapat membangkitkan perkara-perkara yang mereka rasa penting. Kita tak mahu begitu juga.

Jadi, saya minta perkara ini dihalusi lagilah. Kalau boleh buat satu *decision* yang betul-betul dapat *get to the best outcome*-lah.

Encik Mohd Sukri bin Busro: Saya akan rujuk kepada Setiausaha Dewan Rakyat berkenaan perkara ini.

Tuan Pengerusi: Okey. Baik.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: *It can be short time*; dua minit, tiga minit cukuplah.

Tuan Pengerusi: Mungkin juga. Kita ambil sikit waktu juga untuk – kalau adalah yang hendak bangkitkan ya. Seperti mana yang dicadangkan oleh penasihat. Baik, terus. Terus, Encik Sukri. Kemudian.

Encik Mohd Sukri bin Busro: Itu sahaja pembentangan daripada saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, alhamdulillah. *So*, yang lain itu samalah ya? Mengundi peringkat bacaan kedua dan itu, mengundi bacaan ketiga ya dan selesailah seperti lazimnya. Baik, terima kasih Encik Sukri.

Kita ada perkara-perkara yang mungkin perlu disusuli untuk tindakan seterusnya oleh Encik Sukri dan sekretariat. Kita akan mendengar perkara-perkara itu dan kenyataan itu kemudian.

Baik, kita beralih kepada agenda kedua. Perbincangan mengenai proses – itu sudah, maaf. Ketiga, draf pindaan rang undang-undang oleh PUU, Tuan Yang. Sila.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali [Penasihat Undang-undang]: Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Seri Pengerusi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan, izinkan saya pada pagi ini untuk membentangkan draf pindaan dalam jawatankuasa yang telah pun disemak dan diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara, khususnya Bahagian Penggubalan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, secara amnya terdapat 17 fasal yang kita pindalah, yang telah dipersetujui bersama beberapa siri perbincangan kita sebelum ini. Pindaan adalah seperti berikut.

■1040

Pertama, fasal 3. Perenggan 3(2*)(b)* Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan “dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit”; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan “lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit” dengan perkataan “satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit”.

Kedua, pindaan terhadap fasal 7. Perenggan 7(3)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan “dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit”; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan “lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit” dengan perkataan “satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit”.

Pindaan seterusnya yang ketiga ialah berkenaan fasal 8. Perenggan 8(2)(b) Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan “sepuluh ribu ringgit dan tidak melebihi lima puluh ribu ringgit” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit”; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan “tiga puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit” dengan perkataan “satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit”.

Pindaan keempat berhubung fasal 9. Perenggan 9(3)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan “dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi

satu ratus ribu ringgit" dengan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit"; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit".

Pindaan kelima berhubung fasal 10. Perenggan 10(2)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan "dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit" dengan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit"; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit".

Pindaan keenam adalah ke atas fasal 11. Perenggan 11(2)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan "sepuluh ribu ringgit dan tidak melebihi lima puluh ribu ringgit" dengan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit"; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan "tiga puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit".

Pindaan ketujuh berhubung fasal 12. Perenggan 12(2)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan "dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit" dengan perkataan "lima puluh

ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit"; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit".

Pindaan kelapan ke atas fasal 13. Perenggan 13(2)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan "dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit" dengan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit"; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit".

Pindaan kesembilan ke atas fasal 14. Perenggan 14(2)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan "dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit" dengan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit"; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit" dengan perkataan "satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit".

Pindaan kesepuluh berhubung fasal 15. Perenggan 15(5)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan "dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit" dengan perkataan "lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit"; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan “lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit” dengan perkataan “satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit”.

Pindaan kesebelas berhubung fasal 16. Perenggan 16(2)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan “dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit”; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan “lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit” dengan perkataan “satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit”.

Pindaan kedua belas berhubung fasal 18. Subfasal 18(2) Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan perkataan “lima ratus ringgit” dengan perkataan “dua ratus lima puluh ringgit”.

Pindaan ketiga belas berkaitan fasal 18. Subfasal 19(2) Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan perkataan “lima ratus ringgit” dengan perkataan “dua ratus lima puluh ringgit”.

Pindaan keempat belas adalah berkaitan fasal 22. Perenggan 22(2)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan perkataan “sepuluh ribu ringgit dan tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun”.

Pindaan kelima belas berkaitan fasal 23. Perenggan 23(3)*(b)* Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subperenggan (i) dengan menggantikan perkataan “dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus ribu ringgit”; dan

(b) dalam subperenggan (ii) dengan menggantikan perkataan “lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit” dengan perkataan “satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit”.

Berkenaan dengan pindaan keenam belas, sedikit *typo error* yang mana pihak gubalan akan membuat pindaan selepas ini dengan menggantikan “*clause”* kepada “fasal” iaitu fasal 56. Subfasal 56(1) Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan perkataan “Januari 2025” dengan perkataan “Jun 2025.” Untuk makluman YB Datuk Seri Pengerusi, perkara ini tidak dibincangkan dalam Jawatankuasa sebelum ini. Namun, hasil penelitian rapi ataupun halus pihak AGC telah meminda perkara ini memandangkan pihak AGC berpandangan sekiranya kita tidak meminda kepada Jun 2025, *so* tidak cukup *ample time* untuk laporan itu dibentangkan.

Tuan Pengerusi: Sebenarnya, saya *completely* setuju...

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: ...bahawa kita semacam terlepas pandang di situ.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Betul.

Tuan Pengerusi: Kerana *there will be a lacuna*.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Betul, betul.

Tuan Pengerusi: Andainya kalau kita tidak masukkan yang AGC cadangkan itu. Kami harap memang itulah tugasan AGC untuk memandu kita, mengingatkan kita.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Ya, betul.

■1050

Tuan Pengerusi: Saya sebagai Pengerusi dan kawan-kawan saya mungkin juga setuju. We could understand that, kita perlu pada itu, Tuan Yang.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Okey, terima kasih Datuk Seri.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: So, untuk rekod pindaan tersebut dipersetujui oleh jawatankuasa.

Seterusnya pindaan ketujuh belas iaitu berkaitan dengan fasal 57. Fasal 57 Rang Undang-undang dipinda—

(a) dalam subfasal (1)—

(i) dalam perenggan *(b),* dengan memotong perkataan *“dan”* di hujung perenggan itu;

(ii) dengan menggantikan perenggan *(c)* dengan perenggan yang berikut:

"(c) subseksyen 13(3), mana-mana orang yang lahir sebelum 1 Januari 2007 yang belum mencapai umur 18 tahun pada tarikh permulaan kuat kuasa peruntukan ini tidak boleh membeli apa-apa produk tembakau; dan"; dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

"(d) subseksyen 18(1), mana-mana orang yang lahir sebelum 1 Januari 2007 yang belum mencapai umur 18 tahun pada tarikh permulaan kuat kuasa peruntukan ini tidak boleh merokok apa-apa produk tembakau."; dan

(b) dalam subfasal (2)—

(i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan "atau" di hujung perenggan itu;

(ii) perenggan (b), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan "atau"; dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

"(c) perenggan 57(1)(d) melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi RM250 atau diperintahkan untuk melaksanakan suatu perintah khidmat masyarakat menurut Kanun Tatacara Jenayah atau Akta Kanak-kanak 2001.".

Berikut merupakan huraian ke atas pindaan-pindaan yang telah dilaksanakan tersebut.

Pertama, perenggan 1 hingga 11 bertujuan untuk meminda fasal 3, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15 dan 16 Rang Undang-undang, masing-masing untuk menaikkan amaun denda yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah terhadap pertubuhan perbadanan yang melakukan apa-apa kesalahan di bawah fasal tersebut.

Kedua, perenggan 12 dan 13 bertujuan untuk meminda subfasal 18(2) dan 19(2) Rang Undang-undang, masing-masing untuk mengurangkan amaun denda yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah terhadap individu yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya, yang disabitkan bagi kesalahan merokok produk tembakau atau produk pengganti tembakau, atau menggunakan apa-apa peranti merokok dengan apa-apa bahan merokok.

Ketiga, perenggan 14 bertujuan untuk meminda perenggan 22(2)*(b)* Rang Undang-undang untuk menaikkan amaun denda dan tempoh pemenjaraan yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah terhadap pertubuhan perbadanan yang gagal untuk menzahirkan maklumat berhubung dengan pengilangan, pengimportan atau pengedaran produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau atau peranti merokok apabila diminta di bawah fasal 22 Rang Undang-undang.

Keempat, perenggan 15 bertujuan untuk meminda perenggan 23(3)*(b)* Rang Undang-undang untuk menaikkan amaun denda yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah terhadap pertubuhan perbadanan yang gagal untuk mematuhi perintah Menteri yang dibuat di bawah subfasal 23(2) Rang Undang-undang bagi situasi akut atau kritikal.

Kelima, perenggan 16 bertujuan untuk meminda subfasal 56(1) Rang Undang-undang berhubung dengan tempoh untuk Ketua Pengarah mengemukakan laporan kali pertama kepada Menteri mengenai keberkesanan larangan penjualan produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau atau peranti merokok, larangan merokok produk tembakau atau produk pengganti tembakau dan larangan penggunaan peranti merokok.

Keenam, perenggan 17 bertujuan untuk meminda fasal 57 Rang Undang-undang berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada fasal 13 dan 18 Rang Undang-undang, masing-masing berhubung dengan hukuman bagi kesalahan membeli atau merokok apa-apa produk tembakau bagi mana-mana orang yang lahir sebelum 1 Januari 2007 yang masih belum mencapai umur 18 tahun pada tarikh permulaan kuat kuasa peruntukan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Tuan Yang. Terima kasih. Ia suatu pembentangan yang jelas, tuntas dan inilah dia hasil daripada *the deliberation* beberapa pusingan mesyuarat yang dilakukan oleh JKPK berserta dengan KKM, dengan Penasihat Undang-undang, AGC dan terutamanya dengan *panel of experts* yang telah membantu kami.

Inilah hasilnya yang akan menjadi pindaan dalam jawatankuasa dan saya memulakan dengan menyebutkan betapa ia merupakan satu – izinkan saya guna istilah itu, satu *compromise* yang kita semua terpaksa bayar mahar itu demi untuk

memenangkan dan memungkinkan kebarangkalian yang lebih besar untuk Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat menyokong dan mengundi untuk meluluskan RUU ini. Itu akhirnya adalah tujuan kita. Kalau kita menang sorak tetapi kalah, kampung tergadai buat apa, ya?

Jadi, itulah yang kita dalam JKPK sangat mengambil perhitungan dan pertimbangan itu. Baik, mungkin ada perkara-perkara yang belum berapa – ataupun perkara-perkara yang perlu dibangkitkan dan saya juga punya beberapa isu yang tidak mungkin terangkum dalam *in the letters* dalam peruntukan *provision of this* rang undang-undang tetapi ia telah pun kita persetujui terutama tentang apa yang tersirat, termaktub dalam subfasal – maaf, dalam fasal pindaan yang terkait dengan persoalan laporan berkala itu ya.

Di mana laporan berkala ya, kita telah semacam mengambil peruntukan itu untuk melakukan *educational enforcement* itu, kalau boleh saya peringatkan semua ahli-ahli mesyuarat. Betulkah begitu, PUU? Betul, ya? Akan tetapi kalau kita baca daripada ini tidak jelas, ya. Memang tidak ada pun. Betul, ya? Memang tidak ada perkara itu diperuntukkan ataupun dimasukkan.

Akan tetapi, kalau saya peringatkan semua ketika kita berbincang dalam mesyuarat yang lalu, itulah antara perkara yang telah kita persetujui. Ia dalam syor yang dibuat di akhir, kalau saya boleh bacakan, *"KKM ingin membuat cadangan balas untuk mengekalkan fasal 18 dan 19 yang antara lain ia mengurangkan",* yang telah dibacakan tadi, *"RM500 ke RM250",* itu jelas dan juga melaksanakan *educational enforcement* dalam hal untuk pendidikan, nasihat dan sebagainya. A,B,C itu.

Jadi, sebelum kita berbahas atau perbincangkan dengan lebih teliti, boleh tidak saya dapat input daripada PUU sendiri. Bagaimanakah perkara itu akan – dari sudut *mechanics*, dari sudut mekanismenya akan dilaksanakan? Dan apakah dua tahun *educational enforcement* itu termaktub dalam peruntukan fasal 56 itu?

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Terima kasih, Datuk Seri Pengerusi. Pertamanya, apa yang Datuk Seri *concerned* tadi itu, saya percaya akan dihuraikan lebih lanjut dalam bacaan kedua nanti.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: YB Menteri akan huraikan lebih lanjut dalam bacaan kedua.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Dan mekanisme bagaimana cara *term of reference* sebagainya saya rasa mungkin kita akan adakan di peringkat kementerian.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Itu saya serahkan kepada dasar.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Sebab saya tidak pasti *how the* mekanisme...*[Tidak jelas]*

Tuan Pengerusi: Okey, tidak apa tetapi apa pun perlu ada sebutan daripada KKM.

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali: Ya, itu mungkin saya serahkan kepada Dr. Noraryana untuk *explain.*

Tuan Pengerusi: Ya, faham. Ya, *please* Dr. Noraryana.

■1100

Dr. Noraryana binti Hassan: Ya, YB Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, sila, sila.

Dr. Noraryana binti Hassan: Nanti di dalam bacaan kedua Yang Berhormat Menteri, kita akan sebut beberapa fasal yang tidak akan dikuatkuasakan sebagaimana yang kita telah persetujui, fasal 13 untuk – pada asalnya kita telah bersetuju bahawa kita akan kuatkuasakan untuk rokok dahulu, *smoking substance* dan *substitute* kemudian sebagaimana persetujuan asal, itu kita tidak pinda. Lepas itu, fasal 17 dan 18 – *sorry,* fasal 18 dan 19...

Tuan Pengerusi: 18 dan 19. *[Ketawa]* Okey.

Dr. Noraryana binti Hassan: Minta maaf. Mengguna pakai fasal 1(2) kuasa Menteri. Di dalam bacaan YB sendiri pula sebagai Pengerusi JKPK akan menghuraikan lagi perkara tersebut semasa pembentangan nanti.

Tuan Pengerusi: Pembentangan. Pindaan.

Dr. Noraryana binti Hassan: Ya.

Tuan Pengerusi: Penyata pindaan.

Dr. Noraryana binti Hassan: Penyata pindaan.

Tuan Pengerusi: Okey, jelas semua ya, ahli-ahli jawatankuasa? Okey. Justeru itu, saya ingat kita boleh mendapat apa-apa lagi input daripada ahli jawatankuasa? Kalau ada – yang saya perlukan adalah perkara yang selama hari ini menjadi pertimbangan kita, itu yang pertama bagi saya. Akan tetapi selainnya, daripada pindaan dalam jawatankuasa ini ada ahli-ahli mesyuarat yang mahu untuk membangkitkan apa-apa. *Please, now is the time.* Sudah siap nanti, tidak ada lagi ruang untuk kita membuat apa-apa pindaan walaupun terlepas pandangkah, apakah, *it will be a big problem.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Speak now or forever hold your peace. [Ketawa]*

Tuan Pengerusi: *Sorry?*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Speak now...[Tidak jelas] Kahwin ini.*

Tuan Pengerusi: *[Ketawa] Itulah, pakai – once the pen is lifted, the ink is dried,* dah tidak boleh kita buat apa-apa pindaan ya. Saya minta supaya ahli-ahli mesyuarat, ahli-ahli jawatankuasa, Ahli-ahli Yang Berhormat, *Please give your all.* Ya, silakan. Atas ini, pindaan dalam jawatankuasa ini. *This is the document* yang baru dibacakan oleh Yang Berbahagia PUU sebentar tadi. *Anything?* Kalau tidak ada, kata tidak ada.

Puan Young Syefura binti Othman: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tak ada, semua okey.

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran [Batu]: Saya rasa...

Tuan Pengerusi: Ya, YB.

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: ...*this is a long way.*

Puan Young Syefura binti Othman: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara][Tidak jelas]*

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: Sudah banyak kali kita bermesyuarat dan akhirnya kita dapat *all the facts,* pindaan. *I just wish all the best to everyone and after the decision is made,* kita kena betul-betul *defend our decision, there's no way pulling back*. Sekarang kita...

Tuan Pengerusi: YB Batu tadi *missed my intro...*

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: Oh, okey, okey. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]* Dia hendak sebut juga pandangan dia *as a member of the committee.*

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: Maaf.

Tuan Pengerusi: *No, it's okay. We all should say it personally* pun.

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: Ya.

Tuan Pengerusi: Saya sangat setuju...

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: Sebab ini adalah imej kerajaan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: Minta maaf, saya lambat tadi.

Tuan Pengerusi: Tidak apa.

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: Ada *conference* dengan Cambodia, Philippines, Indonesia, Vietnam.

Tuan Pengerusi: Wah, *[Tidak jelas].*

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: *Student affairs.*

Tuan Pengerusi: *Student affairs.*

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: Ya, *thank you.*

Tuan Pengerusi: YB Batu ini masih lagi berkecimpung dengan *students* sebab dia paling muda. Okey, ada yang lain? Tidak ada? Kita teruskan. Sila, YB Kuala Langat.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Saya melihat antara benda yang cukup besar dan peranan ataupun tanggungjawab, bebanan yang kita akan serahkan kepada pengerusi jawatankuasa, 18 dan 19 ini.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Nanti kita boleh *throw coin,* siapa pembentang ini.

[Ketawa]

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Saya ingat hasrat kita untuk *buy* kita punya Ahli-ahli Dewan Rakyat untuk mengundi kita, itu satu perkara yang sangat pentinglah. Peranan kepada pengerusi, kita boleh bagi bantu input dan sebagainya sebab dalam kita punya *presentation* daripada Dewan tadi pun, pengerusi disebutkan sebagai pembentang kepada usul.

Cuma, saya melihat juga peranan yang mungkin boleh dimainkan oleh KKM sendirilah dalam mengeluarkan data-data dan juga fakta-fakta kita berkaitan dengan rokok dan kita menangani rokok dengan perbelanjaan yang begitu besar. Ini juga mungkin boleh dalam keluaran dalam bentuk media sosial yang rakyat boleh dapat maklumat dan akhirnya juga dia memberikan impak juga kepada Ahli Dewan Rakyat ini untuk membantu ataupun mengundi kepada kelulusan yang akan kita rancangkan.

Tuan Pengerusi: Betul, saya setuju.

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi: Sekadar itu, Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Baik, saya setuju sangat pandangan Yang Berhormat Kuala Langat ya, Dato' Yunus ya. Sebab – maaf kalau saya terpaksa menyebut perkara ini. Saya tidak dapat – saya belumlah, mungkin saya terlepas pandang, *a campaign on this. The public opinion, the national conversation,* saya tidak nampak sebenarnya. Ini adalah satu undang-undang, *piece of legislation* yang sangat dinanti-nantikan tetapi *that national conversation* itu tidak ada. Tidak hangat, tidak – saya memandang kepada KKM untuk membantu kami. Siapalah kami JKPK, tak ada *except* sekretariat sahaja kita ada.

Akan tetapi KKM punya *corporate communications* yang lain, *so that* dalam seminggu dua ini, *let it become a national conversation,* di mana pun mereka; di rumah, *on the dinner table*-lah, di mana. Tetapi perkara itu belum dapat saya lihat

dan saya menyokong pandangan sahabat saya, YB Kuala Langat untuk perkara ini digembar-gemburkan. *There must be a groundswell on this...*

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]: Ya.

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Mungkin kita boleh bantu KKM, kalau kita dapat fakta-fakta...

Tuan Pengerusi: Kami sebagai ahli-ahli MP-lah ya, MP ini memanglah *politicians,* dia suka bercakap. Jadi kalau ada bahan-bahan ini, kita boleh...

Puan Young Syefura binti Othman: YB Pengerusi, saya setuju. Saya lihat kekurangan sangat kempen daripada pihak KKM. Saya lihat sekarang di media sosial, pihak daripada *vape,* saya tidak tahulah anak-anak muda – sebab di kalangan kawan-kawan saya juga nampak, mereka kempen untuk...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Young Syefura binti Othman: Ya, selamatkan *vape* dan...

Tuan Pengerusi: Ya, ada itu. Saya perhatikan itu.

Puan Young Syefura binti Othman: ...saya nampak dia orang *tweet,* kebanyakannya kata YB Menteri tidak perlulah buat GEG ini lagi, dahulukan masalah-masalah lain dalam sektor kesihatan dan benda ini berulang-ulang sehingga sekarang. Saya pasti apabila diangkat usul ini kelak akan lagi hebat lagilah kempen daripada pihak sebelah sana.

Tuan Pengerusi: Betul.

Puan Young Syefura binti Othman: Jadi, saya harap daripada pihak KKM supaya lebih agresif dalam kempen untuk RUU ini. Amat penting sebenarnya.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Pengerusi...

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: Kempen itu, *the fact is* yang kempen itu *the current 18-plus generation,* bukan ke bawah.

Puan Young Syefura binti Othman: Ya, tetapi mereka tidak faham. Mereka *just post, just tweet.*

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: Akan tetapi kalau sudah masuk pindaan ini, *I mean* kalau *this is implemented, I think the 18-plus, current 18-plus not affected. Am I right?*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ya, ya. *Correct.*

Puan Young Syefura binti Othman: *I know.*

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: Ya*, that is the...*

Tuan Pengerusi: *Current* tak ada.

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: *Current* tak.

Puan Young Syefura binti Othman: Akan tetapi, mereka bermain persepsi itu.

Tuan Pengerusi: *The cohort is...*

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: *Vape company* dengan kedai-kedai ini *is intentionally putting the fire.*

Puan Young Syefura binti Othman: *Yes.*

Tuan Pengerusi: *Targeting their...*

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: *Yes, targeting.*

Puan Young Syefura binti Othman: *The sentiment…*

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: *But they don't know that* bukan dia orang *but it is the upcoming generations. So, confused. So* KKM kenalah *counter.*

Puan Young Syefura binti Othman: Betul, *confusing. So, they must* – semua itu.

Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran: *Yes.*

Tuan Pengerusi: Ya, baik.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Yang Berhormat Datuk Seri Pengerusi, sebenarnya saya sudah sebut, *highlight* perkara ini dalam mesyuarat kita yang sebelum. Saya cakap kalau perlu KKM *spend* sedikit wang dan sebagainya supaya kita – supaya orang di luar pun menyokong kita punya apa ini. Kita punya yang kita hendak buat ini.

Tuan Pengerusi: Kempen.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Jadi kita perlu ada mungkin supaya kita *direct*-kan pemikiran mereka menyokong apa yang kita ingin bawa ini. Perlu sebenarnya. Kalau perlu untuk KKM masuk, *intercept* masuk kepada setiap MP pun cantik juga *kan*.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Kaedah kita supaya mereka menyokong kita. Jadi...

Tuan Pengerusi: Betul.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: ...persepsi di bawah, di luar ini yang macam-macam Bentong cakap tadi ada dalam TikTok, ada. Australia pun hendak keluar daripada WHO, dia *spin*-lah, *spin up things.* Tetapi saya rasa KKM harus bantu bersama. Ini pandangan saya, kalau perlu *spend* duit, *spend*-lah. Orang *spend* berbilion pun untuk rokok ini, kita *spend* mungkin untuk kita perlu adakan dalam tempoh seminggu, dua ini suatu perspektif rakyat bahawa ini memang baik. Yang saya tengok kita sahaja cakap baik ini. Ia tidak di luar, jadi perlu ada TikTok-kah apakah, *influencers...*

Tuan Pengerusi: *The influencers.*

Dato' Adnan bin Abu Hassan: ...yang boleh *influence MP as well as the youth* bahawa yang kita buat ini apa. Ramai yang mendengar ini, *"Ini habislah kita tidak boleh merokoklah apa semua". You know, this kind of thing* di luar tetapi macam mana kita hendak *simplify* supaya mereka faham bahawa ini memang baik, RUU ini memang baik pun. Dan memang baik pun, *actually.*

Tuan Pengerusi: *Of course.*

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Tapi persepsi yang dimainkan itu memang tidak apalah, tidak menyebelahi kita.

Puan Young Syefura binti Othman: Paling penting sebenarnya, kita tak nak mereka salah faham. Sekarang ini banyak yang salah faham dan benda itu yang perlu kita terangkan betul-betul.

Tuan Pengerusi: Ya, terima kasih semua YB. Saya sangat menyokong semua cadangan ini. Saya mohon, saya minta sungguh-sungguh supaya KKM akan dapat memperuntukkan sedikit tumpuan dan juga dana sekali gus supaya kempen ini – saya sebutkan istilah tadi *become a national conversation,* menjadikan buah perbincangan di mana-mana pun dalam *conversations* rakyat kita. Jadi itu yang kita harapkan akan dapat dijalankan, dilancarkan oleh KKM. Baik, *anything else* yang lain kalau – yang lain okey semua ya, *anything else* semua tidak adalah ya? Alhamdulillah.

Dato' Adnan bin Abu Hassan: Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh sedikitlah. Tadi sebenarnya kerisauan saya tadi tentang itu tadilah, tentang yang tadi *report* berkala dan semua. Saya pun hendak tengok yang Datuk Seri cakap tadi tidak ada dinyatakan. Sebenarnya, besar sebenarnya tanggungjawab Pengerusi nanti sebenarnya untuk *explain,* tanggungjawab Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk *explain* perkara tersebut. Itu memang cantik sebenarnya fasal orang nak melihat seperti mana yang saya nyatakan dahulu *proviso* kepada peruntukan kita bagi itu. Jadi kalau itu esok ya, tanggungjawab besarlah Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang pastinya, sebab itu saya bangkitkan perkara ini sebagai perkara yang awal untuk KKM sambut...

Kuala pilah: Pencerahan itu amat penting saya rasa esok itu sebab ramai yang hendak dengar itu.

Tuan Pengerusi: Ia kalau ini sahaja memang dia tidak bolehlah, ia mesti bersekali dengan itu, satu sintesis pembentangan yang rangkum – rangkum semuanya. Baik.

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Sila.

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: Yang Berhormat Datuk Seri Pengerusi, pertama saya bagi pihak Kementerian Kesihatan Malaysia mengucapkan ribuan terima kasih di atas komen dan input mengenai *advocacy*-lah*. I think pelan [Tidak jelas]* komunikasi, *especially* sebelum sembilan hari bulan untuk bacaan di Parlimen. Sebenarnya, pihak KKM telah pun membuat perancangan, kita sudah *start actually* cuma mungkin kita letak, *at the moment* dekat dengan negeri. *Our operation level to start, already started. Tomorrow* kita akan *start* di *social media* dan selanjutnyalah. Cuma untuk *MPs* termasuk JKPK, mungkin kami akan sediakan *fact sheet*-lah yang berkaitan termasuk infografik yang...

Tuan Pengerusi: *That will be good:*

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: ... yang tepat.

Tuan Pengerusi: Bagus.

Datuk Dr. Norhayati binti Rusli: Maknanya, data itu sama. Apa yang KKM keluarkan, itulah yang akan digunakan oleh pihak *MPs* dan juga JKPK.

Tuan Pengerusi: Dan *MPs* yang ada *in our social media, our Twitter, our* – macam *you know*, YB Bentong ini generasi yang muda-muda ini TikTok*, influencers* ini. Tolong-tolong ya, tularkan dan *viral*-kan ya. Baik kalau tidak ada lagi perkara-perkara yang mahu dibentang, mahu diangkat dalam agenda ketiga, kita beralih. Boleh ya?

Alhamdulillah, sekali lagi saya melafaz syukur, mengucapkan banyak terima kasih kepada semua yang telah terlibat khasnya, semualah; Ahli-ahli YB dan juga ahli anggota *and all from* KKM, *our* YBMK dan Timbalan Menteri, penasihat dan juga daripada PUU. Okey, kita *move on to* agenda *housekeeping.*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.12 pagi]